MANUSIA DAN ISLAM

JILID DUA

Panel Penulis Diketuai Oleh
DR. HARON DIN

MANUSIA DAN ISLAM

JILID DUA

MANUSIA DAN ISLAM

JILID DUA

Panel Penulis Diketuai Oleh
DR. HARON DIN

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2001

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR

Allah s.w.t. telah menjadikan Adam a.s. dalam bentuk yang sebaik-baiknya. Ditempatkan di dalam syurga sejak dijadikan sebagai suatu penghormatan. Diberi anugerah tertinggi dengan melantiknya menjadi khalifah di bumi sebagai suatu sanjungan. Dikurniakan layanan istimewa kepada anak cucu Adam di darat dan di laut dan di mana sahaja, sebagai suatu kemuliaan. Dilebihkan mereka dengan berbagai-bagai kelebihan, berbanding dengan makhluk yang lain sebagai suatu ihsan.

Segala keistimewaan yang terlonggok kepada manusia, bukanlah kerana keadaan jasadnya yang sedemikian gaya, sebab ada makhluk Allah yang lain, jasadnya lebih besar dan lebih hebat dari jasad manusia. Bukan pula kerana parasnya, sebab ada makhluk lain lagi yang rupa parasnya lebih hebat dari rupa paras manusia. Bukan juga kerana ketaatan dan kepatuhannya kepada Allah, kerana ada makhluk lain yang sudah ternyata lebih taat dan lebih patuh kepada Allah dari manusia. Keistimewaan yang ada pada manusia adalah kerana wujudnya kombinasi keseluruhan kejadiannya yang unik: Rohnya, jasadnya, akalnya, nafsunya, jiwanya, citarasanya, akhlaknya, budinya, moralnya, istiqamahnya dan segala yang wujud pada diri manusia, memungkinkan ia menjadi khalifah di bumi. Kerana itu maka manusia mendapat segala keistimewaan.

Malaikat-malaikat Allah dianugerahkan fizikal dan akal yang kuat, untuk memikul segala titah perintah Allah, tanpa nafsu ammarah yang meruntun mereka melakukan kejahatan dan kemak-

siatan. Kerana itu mereka amat mudah menjadi makhluk yang sentiasa taat kepada Allah s.w.t., dan tidak mungkin mereka menderhaka terhadapNya. Haiwan-haiwan pula diberikan fizikal dan nafsu yang kuat untuk bertindak mematuhi segala keperluannya, tanpa akal fikiran yang berimbang, yang boleh menghalang mereka dari bertindak sesuka hati melanggar batas-batas susila kesopanan dan erti kehidupan. Kerana itu haiwan boleh berbuat apa sahaja sesuka hatinya, semahu nafsunya untuk mencapai tujuannya, mengikut daya yang ada padanya.

Jin, iblis dan suku sakatnya memiliki personaliti yang angkuh dan takbur, mengatasi segala potensi yang lain yang dianugerahkan Allah kepadanya. Dengan personaliti itu membawa mereka mengingkari perintah Allah, agar tunduk sujud kepada Adam. Mereka membantah dan mengingkari perintah Allah itu, demi mempertahankan keangkuhan dan ketakburan yang ada pada mereka. Meskipun mereka akan dimurkai Allah dan dihumban ke dalam neraka, mereka masih rela menghadapi risiko demikian, namun untuk merendah diri di hadapan manusia, tidak sekali-kali.

Manusia adalah makhluk yang amat berpotensi untuk menjadi sebaik-baik makhluk. Kerana itu diangkat menjadi khalifah. Dilantik menjadi pesuruh Allah (Rasulullah), bukan sahaja untuk manusia, malah untuk diakui kerasulannya itu oleh makhluk yang lain juga. Rasul demi Rasul yang diutus ke alam ini, adalah terdiri dari kalangan manusia yang bermoral tinggi, berakhlak mulia dan berbudi pekerti luhur, berperangai dengan perangai yang terpuji.

Manusia adalah makhluk yang bermoral. Antara kedua-duanya tidak boleh berpisah. Di mana ada manusia, di situ ada nilai moralnya. Setiap gerakan manusia, tutur katanya, fikirannya, keputusan yang diambilnya, pakaiannya, lagaknya, bentuk muka dan keseluruhannya tidak terkeluar dari hukum moral yang mengikatnya. Kalau baik yang berlaku ke atas dirinya, maka tinggilah nilai moralnya. Kalau buruk yang dilakukan itu, maka rendah dan rosak moralnya. Kerana itu secara ringkas dapat disimpulkan bahawa nilai sebenar manusia itu terletak pada nilai moralnya.

Nilai moral dalam alam manusia pada kebiasaannya dibentuk oleh persekitarannya, adat resamnya, dan agama yang dianutinya. Setiap kelompok manusia mendakwa bahawa moral yang menjadi pegangan dan amalannya itulah yang menjadi lebih mulia padanya.

Walaupun dibenci dan ditolak oleh kelompok manusia yang lain. Oleh itu, nilai moral yang manakah yang boleh menjadi ukuran bagi menghukum baik buruk sebarang perangai manusia.

Yang menjadi pengukur kepada nilai moral manusia, mengikut pandangan Islam, adalah yang dijelaskan oleh wahyu ilahi: Al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyah. Apa sahaja yang dikatakan baik oleh kedua-dua sumber itu maka itu adalah suatu kebaikan yang mutlak. Begitulah sebaliknya. Wahyu Allah menjadi pengukur sebenar kepada moral manusia dan bukannya pemikiran-pemikiran falsafah atau adat resam manusia, kerana tujuan sebenar perlunya manusia berakhlak mulia dan berbudi pekerti luhur bukannya untuk bermegah-megah dengan manusia atau untuk dipuji oleh makhluk, tetapi yang sebenarnya untuk dipuji oleh Allah s.w.t. Manusia yang mematuhi perintah Allah dan berakhlak mulia adalah manusia yang sebenar-benar menjadi hamba Allah. Apabila Muhammad s.a.w. berakhlak mulia, Allah memujinya.

وان لك لأجرا غير ممنون. وإنك لعلى خلق عظيم.

Terjemahan: "Dan sesungguhnya bagi kamu (wahai Muhammad) Pahala yang besar yang tidak putus-putus, dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung."

(Al-Quran 68:3-4)

Budi pekerti yang dirujukkan kepada wahyu ilahi ada hubung kaitnya dengan ganjaran yang Allah sediakan, sama ada di dunia mahupun di akhirat. Manusia sewajarnya memikirkan perkara ganjaran Allah itu supaya menjadi satu pendorong di dalam bertindak, agar memperolehi keuntungan yang sebaik-baiknya dan tidak putus-putus dari dunia hingga akhirat.

Pentingnya budi pekerti yang mulia, agar menjadi hiasan diri manusia, dapat dilihat dari potongan Hadith Rasulullah s.a.w. yang masyhur, (terjemahan): *"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan Akhlak yang terpuji".* Ini menunjukkan bahawa salah satu daripada tujuan utama pengutusan Rasulullah kepada manusia adalah untuk memperbaiki akhlak manusia.

Bagaimana hendak membentuk moral yang baik. Apakah ada

perbezaan antara akhlak yang dituntut oleh agama, dengan akhlak yang dibentuk oleh falsafah manusia. Bagaimana pula dengan "etika". Apa tujuannya manusia perlu berakhlak mulia, apakah ada hubungan antara akhlak dengan pembinaan masyarakat dan negara. Perlukah penguatkuasaan undang-undang untuk mengajar manusia berakhlak mulia....

Persoalan-persolan seperti inilah yang cuba dikupaskan di dalam buku, 'Manusia dan Moral' ini untuk menjadi suatu sumbangan ke arah membina personaliti Muslim yang diredai oleh Allah dan Rasulnya.

Buku ini antara lainnya akan menyentuh persoalan akhlak dalam Islam, akhlak dan falsafah akhlak, hubungan 'aqidah dengan akhlak, al-Qur'an dan akhlak. Sifat-sifat terpuji yang disebut oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Bagaimana hendak dijelaskan akhlak Islam itu menjadi suatu realiti yang dipraktikkan ke dalam masyarakat Islam, agar ia mencerminkan masyarakat Islam yang sebenar.

Semoga buku ini menjadi bahan renungan dan panduan untuk melengkapkan diri muslim dengan akhlak-akhlak Islam. Kepada Allah dipohonkan Taufik dan Hidayah.

Haron bin Din
Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
BANGI

No. 3, Jalan 1/7D
Bandar Baru Bangi
SELANGOR
DARUL EHSAN
7 Ramadhan, 1409.

I

MANUSIA DAN MORAL

Pendahuluan

Walaupun manusia boleh dipisahkan daripada bidang ilmu atau pemikiran, bahkan juga daripada agama dan kepercayaan, tetapi ia tidak boleh dipisahkan daripada akhlak atau moral. Manusia tidak boleh dipisahkan daripada akhlak, walaupun sedetik daripada umurnya. Setiap perbuatannya, atau amalannya, atau tindakan yang diambilnya tidak terlepas atau terkeluar daripada lingkungan hukuman baik atau jahat sama ada disedari ataupun tidak. Sebelum seseorang itu bertindak dalam satu gerak laku perbuatan atau amalan sama ada terhadap dirinya atau orang lain ataupun benda lain ia sangat memerlukan jawapan atau fatwa dari dalam dirinya sama ada tindakan atau perbuatan yang akan dilakukan itu baik atau jahat. Jika baik jawapannya perkara itu akan dilakukan dan jika jahat perkara itu akan ditinggalkan. Itulah akhlak yang baik. Tetapi jika sebaliknya yang dilakukan maka itulah akhlak yang jahat. Dari sini ternyata kedudukan akhlak dalam kehidupan manusia sehingga di kalangan orang yang tidak bermoral mereka merasakan perlu adanya suatu akhlak yang diakui bersama oleh mereka supaya dapat mengatur kehidupan yang lebih baik menurut pandangan mereka. Bahkan kepada manusia yang tidak mengakui agama, maka akhlak adalah sebagai gantinya kepada mereka.

Antara al-Khalq dan al-Khuluq

Perkataan akhlak berasal daripada Kalimah Bahasa Arab (الاخلاق), kata jamak daripada (al-Khuluq/ الخُلْق). Perkataan ini pula adalah pecahan daripada perkataan (al-Khalq/ الخلق) yang bererti ciptaan seperti yang dibayangkan oleh al-Qur'an:

الَّذِىٓ أَحْسَنَ كُلَّ شَىْءٍ خَلَقَهُ وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنْسَٰنِ مِن طِينٍ.

Terjemahan: "Yang menciptakan tiap-tiap suatu dengan sebaik-baiknya dan dimulakannya kejadian manusia berasal daripada tanah."

(Alif Lam Mim al-Sajadah 32:7)

Pertama insan Jasmani.
Kedua insan Nafsani.

Maka keindahan ciptaan manusia juga mempunyai dua bentuknya: Keindahan bentuknya yang lahir atau fizikal. Keindahan ini termasuk dalam istilah al-Khalq (الخلق). Keindahan bentuknya yang batin di luar alam fizikalnya. Keindahan ini termasuk dalam istilah al-Khuluq atau al-Akhlak (الأَخْلاَقْ atau الخُلُقْ).

Keindahan yang Hakiki

Walaupun kedua-dua keindahan ini memang dituntut supaya dijaga, namun Islam menyuruh supaya meletakkan keindahan kedua sebagai asas dan matlamatnya dalam usaha pembentukan kesempurnaan diri sepanjang usia hidupnya di dunia. Oleh kerana yang kekal dan abadi itulah yang berhak menjadi asas dan matlamat, maka keindahan insan Nafsani itulah yang berhak dijadikan asas dan matlamat, kerana keindahan insan Nafsani adalah keindahan yang kekal abadi. Mungkin seorang itu indah dari segi insan Jasmaninya tetapi dari segi hakikatnya ia adalah hodoh dan hina dari segi insan Nafsaninya. Dengan nilai inilah maka manusia itu akan menjadi paling rendah dari segala yang rendah (أَسْفَلَ سَافِلِينَ) Sebaliknya mungkin seorang itu hodoh insan Jasmaninya tetapi pada

hakikatnya indah dan cantik insan Nafsaninya. Inilah keindahan insan yang hakiki menurut nilainya dari Allah Maha Penciptanya sendiri.

Keindahan dan kecantikan insan Nafsani itu ialah kerana hiasan daripada akhlak yang indah dan mulia. Bentuk keindahan Nafsani inilah yang kekal abadi selepas kematian insan Jasmaninya. Keindahan dan kesempurnaan insan yang telah dapat dibentuknya semasa hidupnya di dunia maka sejauh itulah keindahan dan kecantikan serta kesempurnaannya sewaktu dibangkitkan semula dalam rangka insan Jasmaninya yang baru, setimpal dengan keindahan insan Nafsaninya. Dalam al-Qur'an dan Hadith dinyatakan tentang keserian dan keindahan wajah orang yang salih dan juga kehodohan dan kehitaman wajah orang yang sebaliknya.

Akhlak Islam dan Akhlak Falsafah

Islam adalah satu sistem hidup (*Nizam al-Hayah*) manusia, meliputi kesemua aspek dan bidang mengikut prinsip-prinsip dan dasar-dasar yang telah ditentukan kepada para Rasul-Nya. Sebagai satu sistem hidup yang menyeluruh maka sudah pasti ia mempunyai disiplin-disiplin, peraturan-peraturan, dan undang-undang. Kesemuanya itu merupakan tali ikatan yang menjalin perhubungan di antara anggota masyarakat, atau sesama manusia, atau antara manusia dan alam sekelilingnya, sama ada dari alam haiwan ataupun alam benda atau alam tabiat. Dengan perkataan lain ia juga merupakan tali ikatan kemasyarakatan yang mengawal dan mengatur gerak laku perbuatan dalam berbagai bidang kegiatan hidup manusia, supaya gerak laku perbuatan atau gerak laku usaha dan awalan dalam kegiatan hidup manusia itu saling bergerak dan saling berlaku ke arah yang membawa kepada kebaikan yang lebih sempurna.

Hubungan kemasyarakatan itu tergambar dalam prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang mengatur gerak laku perbuatan manusia yang ditentukan oleh wahyu bagi menyusun kehidupan manusia dengan cara yang membolehkan ia mencapai matlamat daripada kewujudannya di alam dunia ini dengan lebih sempurna.

Adanya prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah tersebut ialah untuk diikuti dan dipatuhi, dipraktikkan dan dilaksanakan oleh

manusia dalam kegiatan hidupnya, dan dalam semua aspek kehidupannya sesama manusia, atau dengan alam sekitarnya. Dengan penjelasan lain bahawa sayugialah manusia membentuk dan mengolah gerak laku perbuatan dan amalannya itu mengikut bentuk dan acuan prinsip-prinsip atau kaedah-kaedah akhlak atau sistem akhlak tersebut.

Pertama dipandang dari sudut Nazarinya atau teorinya yang hakiki. Dari sini lahirnya apa yang dinamakan Ilmu Akhlak. Sementara kedua dipandang dari sudut praktik dan perlaksanaannya. Dari sini lahirlah pula berakhlak atau sifat-sifat akhlak. Kedua-duanya secara umum termasuk dalam istilah akhlak.

Akhlak mempunyai dua bentuk. Akhlak Islam dan akhlak falsafah atau etika. Akhlak Islam ialah akhlak yang bersumber kepada wahyu al-Qur'an dan al-Sunnah. Sementara akhlak falsafah ialah akhlak yang bersumber kepada daya usaha kemampuan pemikiran akal manusia. Akhlak Islam bersumberkan kepada kekudusan yang mutlak dan sementara akhlak falsafah ialah akhlak yang bersumberkan kepada yang tidak kudus, tidak mutlak dan tidak tetap. Ataupun akhlak Islam bersumberkan kerabbanian dari langit, sementara akhlak falsafah pula bersumberkan kemanusiaan dari bumi.

Akhlak dan Falsafah Akhlak

Biasanya suatu bidang ilmu atau suatu disiplin ilmu itu mempunyai asas falsafahnya. Demikian juga ilmu akhlak. Sebagaimana akhlak falsafah itu mempunyai asas-asas falsafah demikian juga akhlak Islam mempunyai asas falsafahnya; iaitu "falsafah akhlak Islam". Kajian dalam bidang pertama; iaitu akhlak dan ilmu akhlak merupakan suatu bidang ilmu yang lama sejak lahirnya Islam; tetapi bidang kedua, bidang falsafah akhlak Islam merupakan satu bidang ilmu yang masih baru, yang telah cuba dikemukakan oleh tokoh-tokoh ahli fikir Islam berpandukan kepada dasar-dasar, prinsip-prinsip, kaedah-kaedah, dan ciri-ciri akhlak yang terkandung dalam Islam. Kelahiran ilmu yang dinamakan falsafah akhlak ini adalah kerana tuntutan umat Islam semasa yang filosofik maka ia mempunyai daya tarikan yang berkesan bahkan mempesonakan generasi

Islam sendiri, lebih-lebih lagi sistem pendidikan dan falsafah pendidikan umat Islam dikuasai seluruhnya oleh falsafah pendidikan barat yang semakin menjauhkan dan meliarkan generasi Islam dari roh dan keperibadiannya sendiri. Memandangkan kepada keadaan ini maka lahirlah beberapa tokoh Islam yang merasakan penuh tanggungjawab untuk menghadapi cabaran tersebut. Amatlah perlu sekali akhlak Islam yang mengandungi ciri-ciri yang hak, ciri-ciri kekudusan yang sebenar dan tabii menepati dengan hakikatnya yang tabii itu tadi di antara semua aliran-aliran falsafah akhlak daripada ciptaan manusia. Untuk tujuan ini akhlak Islam perlu kepada usaha pembentangan dan penjelasan secara falsafah, perlu diberikan asas-asas kefalsafahannya, dan perlu dibentuk teori-teori kefalsafahannya yang didasarkan kepada prinsip-prinsip Islam.

Apabila disebut "Falsafah Akhlak" dalam Islam bukanlah dimaksudkan akhlak yang dicipta oleh falsafah atau ahli falsafah Islam (dengan ertinya yang lumrah) tetapi apa yang dimaksudkan ialah akhlak yang dicipta oleh Islam dari segi asas-asas falsafahnya yang diolah dengan pendekatan falsafah, dengan tujuan untuk memperlihatkan kedudukan sistem akhlak Islam yang mengatasi segala sistem akhlak ciptaan manusia, juga dengan tujuan untuk menjelas, mempertahankan dan menolak segala kekeliruan, kesamaran dan juga kritik-kritik yang diutarakan kepada Islam sama ada secara sedar dan sengaja oleh golongan yang memusuhi Islam, ataupun secara tidak sedar dan tidak disengajakan oleh setengah-setengah golongan penyelidik ilmiah. Begitu juga dengan tujuan untuk menjaga dan mengawal pandangan dan pegangan umat Islam yang boleh dikesan oleh kesamaran, kekeliruan dan kritik-kritik tersebut.

Walaupun Falsafah Akhlak itu penting namun antara keduanya maka akhlak itu sendiri adalah lebih penting dan sememangnya amat penting. Kepentingan Falsafah Akhlak itu lebih bersifat khusus yang terbatas kepada beberapa orang yang ahli dan mempunyai keupayaan khusus. Jelasnya kepentingan yang lebih bersifat "Fardu Kifayah". Sementara kepentingan akhlak itu merupakan kepentingan yang umum dan lumrah kepada setiap anggota masyarakat. Jelasnya kepentingan yang lebih bersifat fardu ain. Memandangkan kepada hakikat itu maka perbicaraan kita di sini lebih ditumpukan kepada akhlak bukan falsafah akhlak.

Kedudukan Akhlak dalam Islam

Islam adalah agama Allah. Setiap agama Allah mengandungi dua asasnya yang umum dan menyeluruh: 'Aqidah dan syari'at, atau keimanan dan ketaatan, atau ilmu dan amal. Kedua-duanya bersumberkan dari Allah. Dengan ini Islam telah menunaikan dua tuntutan semula jadi dalam kehidupannya di dunia ini sebagai asas untuk membina kehidupan di akhirat. Diri manusia memerlukan pegangan 'aqidah yang benar; iaitu 'aqidah yang merangkum ciri-ciri: Hakikat kebenaran, kebaikan, keindahan, kesempurnaan yang mutlak. Diri manusia juga memerlukan amal atau usaha perbuatan yang selaras dan menepati dengan kehendak 'aqidah tersebut. Kehendak dan kemahuan aqidah itu tadi dijelmakan dalam bentuk syari'at yang merangkumi semua disiplin-disiplin, peraturan-peraturan dan perundangan yang mesti dipatuhi, diikuti dan dilaksanakan oleh manusia itu dalam semua kegiatan hidup itu merupakan gerak laku amalan atau gerak laku perbuatan yang berhubung antara ia dengan Tuhannya, atau yang berhubung antara manusia dengan alam sekeliling selain daripada manusia. Dengan ikatan, kawalan dan panduan syari'at itu tadi maka terciptalah satu bentuk dan cara hidup yang selaras dengan syari'at Allah yang menepati dengan Iradah Allah. Menurut aqidah Islam bahawa Allah yang menjadi pusat 'aqidah itu adalah Hakikat yang Maha Haq, Maha Sempurna, Maha Indah dan kebaikan semata, maka demikianlah juga syari'at-Nya mengandungi ciri-ciri tersebut. Begitu jugalah usaha dan amalan dalam kegiatan hidup manusia yang diolah dan dibentuk sesuai dengan syari'at Allah dan Iradah Allah itu adalah baik dan indah. Seterusnya corak dan bentuk cara hidup yang diterapkan dengan syari'at Allah dan Iradah Allah itu tadi adalah baik dan indah.

Ini menjelaskan bahawa Islam yang merangkumi 'aqidah dan syari'at itu mengandungi roh akhlak. Jelasnya bahawa akhlak merupakan jauhar atau rohnya yang menyerapi semua aspek dan bidangnya, semua sudut dan seginya. Akhlak adalah roh kepada risalah Islam. Sementara syari'atnya atau sistem perundangan adalah lembaga jelmaan daripada roh tersebut. Maka matlamat atau sasaran yang hendak dicapai oleh risalah Islam dalam kehidupan manusia ialah sasaran akhlak. Ini juga bererti bahawa Islam tanpa akhlak

hanya merupakan rangka yang tidak punya isi, atau jasad yang tidak punya nyawa, atau bahan tidak punyai nilai. Demikian juga 'aqidah Islam dan syari'atnya yang merangkumi semua aspek kehidupan itu hanya merupakan rupa bentuk yang tidak punya nilai seni keindahannya. 'Aqidah adalah sebagai acuan Allah, acuan yang bersifat *Nazari*, demikian juga syari'at merupakan acuan Allah yang bersifat amali. Kedua-dua acuan itu hanya akan dapat melahirkan bentuk gerak laku perbuatan atau gerak amalan yang baik dan indah jika mengandungi nilai akhlak hasil daripada sifat akhlak.

Akhlak yang agung ialah akhlak al-Qur'an, keagungan Muhammad ialah kerana keagungan akhlaknya.

اِنَّكَ لَعَلٰى خُلُقٍ عَظِيْمٍ.

Terjemahan: Demi sesungguhnya Engkau adalah di atas akhlak yang agung.

كَانَ خُلُقُهُ الْقُرْآنَ اَحْسَنُ الْخُلُقِ خُلُقُ اللهِ الْاَعْظَمِ.

Terjemahan: Akhlaknya adalah akhlak al-Qur'an. Sebaik-baik akhlak ialah akhlak Allah yang Maha Agung.

Hadith ini jelas menegaskan bahawa sasaran atau matlamat daripada risalah sebelumnya adalah juga sasaran akhlak. Banyak Hadith-hadith lain yang menambahkan kejelasan kedudukan akhlak.

اَلدِّيْنُ حُسْنُ الْخُلُقِ.

Terjemahan: Agama itu ialah akhlak yang baik.

اِنَّ اَحْسَنَ النَّاسِ خُلُقًا اَحْسَنُهُمْ دِيْنًا.

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang paling baik akhlaknya ialah yang paling baik agamanya.

الْإِسْلَامُ حُسْنُ الْخُلُقِ.

Terjemahan: Islam itu akhlak yang baik.

مَامِنْ شَيْءٍ اَثْقَلُ فِى الْمِيْزَانِ مِنْ خُلُقٍ حَسَنٍ.

Terjemahan: Tidak ada sesuatu yang lebih berat timbangnya selain daripada akhlak yang baik.

Semua ini menunjukkan bahawa akhlak adalah roh kepada agama. Roh akhlak ini menyerapi semua bidang dan sudutnya, sama ada dalam bidang 'aqidah dan keimanan, atau dalam ibadat atau dalam muamalah.

Dalam bidang 'aqidah dan keimanan al-Qur'an telah merangkumkan iman itu dalam *al-bir* (البر). Al-bir ialah sesuatu yang merangkum segala amal akhlak, atau merangkum segala rupa dan jenis kebaikan. Dalam Hadith pula terdapat banyak Hadith yang menghubungkan antara iman dan akhlak.

اَكْمَلُ الْمُؤْمِنِيْنَ اِيْمَانًا اَحْسَنُهُمْ خُلُقًا.

Terjemahan: Yang paling sempurna orang mukmin dari segi keimanan ialah yang paling elok perangainya.

لَايُؤْمِنُ اَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِاَخِيْهِ مَايُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

Terjemahan: Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu hingga ia kasihkan kepada saudaranya seperti yang ia kasihkan dirinya sendiri.

مَنْ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَايُؤْذِ جَارَهُ.

Terjemahan: Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka janganlah ia menyakiti jirannya.

وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا اَوْلِيَصْمُتْ.

Terjemahan: Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka ia hendaklah bercakap baik atau ia berdiam.

لاَ اِيْمَانَ لِمَنْ لاَ اَمَانَةَ لَهُ وَلاَ اِيْمَانَ لِمَنْ لاَ عَهْدَ لَهُ.

Terjemahan: Tidak ada keimanan bagi orang yang tidak mempunyai amanah dan tidak ada keimanan bagi orang yang tidak menyempurnakan janjinya.

Dalam bidang ibadat pula begitu nyata bahawa roh ibadat itu pada hakikatnya adalah roh akhlak, kerana ibadat adalah menunaikan kewajipan Allah. Dalam ibadah sembahyang al-Qur'an menegaskan:

اِنَّ الصَّلاَةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ.

Terjemahan: Sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar.

(Al-Ankabut 29:45)

Dalam ibadat Haji Allah berfirman:

اَلْحَجُّ أَشْهُرٌ مَعْلُوْمَاتٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيْهِنَّ الْحَجَّ فَلاَ رَفَثَ وَلاَ فُسُوْقَ وَلاَ جِدَالَ فِى الْحَجِّ. وَمَا تُنْفِقُوْا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمْهُ اللهُ وَتَزَوَّدُوْا فَاِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى. وَاتَّقُوْنِ يَا اُولِى الْاَلْبَابِ.

Terjemahan: Masa untuk mengerjakan (ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidaklah mencampuri isteri, dan tidak boleh berbuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar pada masa mengerjakan Ibadat Haji. Dan apa juga kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya, kerana sesungguhnya sebaik-

baik bekalan itu ialah memelihara diri (daripada keaiban meminta sedekah); Dan bertaqwalah kepada aku, wahai orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya).

(Al-Baqarah 2:197)

Dalam ibadat zakat pula Allah berfirman:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا.

Terjemahan: Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka (menjadi) sedekah, (supaya) dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk).

(Al-Taubah 9:103)

Adapun dalam bidang mu'amalat dan perhubungan di antara sesama manusia dalam berbagai aspeknya maka roh akhlak amat jelas dan nyata. Banyak Hadith yang menjelaskan kedudukan ini sama ada secara umum atau secara terperinci, seperti:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمِيْنَ مِنْ يَدِهِ وَلِسَانِهِ.

Terjemahan: Seseorang muslim itu ialah orang yang menyelamatkan orang muslim daripada tangan dan lidahnya.

الْمُهَاجِرُ مَنْ هَاجَرَ مَانَهَى اللهُ عَنْهُ.

Terjemahan: Seseorang muhajir yang sebenar itu ialah yang berhijrah daripada perkara yang dilarang daripadanya.

مَنْ غَشَّنَا فَلَيْسَ مِنَّا وَمَنْ حَمَلَ عَلَيْنَا السِّلاَحَ فَلَيْسَ مِنَّا.

Terjemahan: Sesiapa yang menipu kita, maka ianya bukan daripada (golongan) kita dan sesiapa yang mengacukan senjata ke atas kita, maka ianya bukan daripada kita (kami kaum muslim).

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Sebenarnya Islam telah mengikut semua bidang dan aspek dengan ikatan akhlaknya demi untuk menghasilkan nilai-nilai akhlak dan matlamatnya. Hakikat ini dapat dirasakan dalam sepotong ayat:

لَّيْسَ الْبِرَّأَنْ تُوَلُّوْا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ
أٰمَنَ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْأٰخِرِ وَالْمَلٰئِكَةِ وَالْكِتٰبِ وَالنَّبِيِّيْنَ وَأٰتَى الْمَالَ عَلَى
حُبِّهِ ذَوِى الْقُرْبٰى وَالْيَتٰمٰى وَالْمَسٰكِيْنَ وَابْنَ السَّبِيْلِ وَالسَّآئِلِيْنَ وَفِى
الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلٰوةَ وَءَاتَى الزَّكٰوةَ وَالْمُوْفُوْنَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عٰهَدُوْا
وَالصّٰبِرِيْنَ فِى الْبَأْسَآءِ وَالضَّرَّآءِ وَحِيْنَ الْبَأْسِ أُوْلٰئِكَ الَّذِيْنَ صَدَقُوْا
وَأُولٰئِكَ هُمُ الْمُتَّقُوْنَ.

Terjemahan: Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian Nabi, dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, kepada kaum kerabat dan anak-anak yatim, dan orang yang terlantar dalam perjalanan dan kepada orang yang meminta, dan untuk memerdeka hamba-hamba sahaya, dan mengerjakan seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat, dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian, dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam

masa kesakitan, dan (juga) dalam masa bertempur (dalam perjuangan perang sabil); (orang yang sifatnya demikian), mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebaikan) dan mereka itulah juga orang bertaqwa.

(Al-Baqarah: 2:177)

Roh akhlak dalam Islam inilah yang telah difahami oleh salah seorang pendita Arab bernama: A'tham bin Sayfi yang mengatakan: Kalaulah apa yang disampaikan oleh Muhammad itu bukan agama maka ia pada akhlak manusia adalah baik dan mulia.

Hubungan Antara 'Aqidah dan Akhlak

Walaupun akhlak, sebagaimana yang telah ditegaskan itu merupakan roh yang menyerapi Islam, 'aqidah dan syari'atnya, dalam semua aspek dan bidangnya, dari semua sudut dan seginya, namun tidaklah boleh kita fahamkan bahawa akhlak merupakan asas dalam keseluruhan binaan Islam. Menurut apa yang telah ditetapkan oleh al-Qur'an secara jelas dan tegas bahawa 'aqidah adalah asas atau fondisi asasi dalam binaan Islam seluruhnya. Ia diumpamakan sebagai titik pusat yang menjadi asas kepada binaan seluruh bulatan Islam. Tanpa 'aqidah maka tidak ada suatu pun yang dapat didirikan. Akhlak tidak terkecuali dari asas tersebut, iaitu 'aqidah adalah menjadi asas kepada akhlak. Tanpa 'aqidah maka sistem akhlak tidak akan terbina. Tanpa 'aqidah tiada tempat bagi akhlak. Inilah hakikat yang sengaja ditekankan dan ditegaskan oleh Islam, kerana akhlak tanpa 'aqidah samalah juga seperti mahkamah tanpa hakimnya.

Hubungan yang sedemikian penting dan asas ini dapat difahami dengan begitu jelas dalam hubungan antara dua rukun iman, iaitu iman kepada Allah dan iman kepada Hari Akhirat.

مَنْ آمَنَ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ.

Terjemahan: Mereka yang beriman dengan Allah dan dengan Hari Akhirat.

Hubungan ini juga terkandung dalam surah al-Fatihah sebagai ibu kepada al-Qur'an, iaitu antara ayat:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ. الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ.

Terjemahan: Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Yang Amat Pemurah lagi Amat Mengasihani.

(Al-Fatihah 1:2, 3)

Hari akhirat ialah Hari Pembalasan baik atau jahat, baik dibalas baik dan jahat dibalas jahat, iaitu gerak yang baik akan menerima balasan yang baik dan gerak laku amalan atau perbuatan yang jahat akan menerima balasan yang jahat. Tidak ada gerak laku perbuatan atau amalan manusia walau sekecil debu sekalipun yang terlepas daripada pembalasan tersebut. Asas keimanan kepada adanya Hari Akhirat atau Hari Pembalasan itulah asas dan juga motif asasi kepada akhlak. Oleh kerana itu al-Qur'an menegaskan:

لِلَّذِيْنَ لاَيُؤْمِنُوْنَ بِالْأٰخِرَةِ مَثَلُ السَّوْءِ وَلِلّٰهِ الْمَثَلُ الْاَعْلٰى وَهُوَ الْعَزِيْزُ الْحَكِيْمُ.

Terjemahan: Bagi mereka yang tidak beriman kepada Hari Akhirat itu, sifat yang buruk, dan bagi Allah jualah sifat yang Tertinggi dan Dialah juga yang Berkuasa, lagi Amat Bijaksana.

(Al-Nahl 16:60)

Hubungan antara dua asas keimanan tadi menunjukkan secara jelas dan tegas tentang hubungan antara *'Aqidah dan Akhlak.* Asas keimanan kepada Allah ialah dengan terbinanya 'aqidah Islamiah, dan asas keimanan kepada Hari Akhirat ialah dengan terbinanya akhlak Islamiah. Jelasnya binaan akhlak yang hakiki hanya akan dapat dibina di atas asas 'aqidah atau atas asas metafizikanya yang haq. Namun binaan akhlaknya itu adalah binaan yang didirikan di tepi gaung yang curam yang sudah pasti akan runtuh, runtuh binaan

hidupnya, sewaktu di dunia yang pasti membawa keruntuhan binaan hidup di akhirat. Demikian ditegaskan oleh al-Qur'an:

أَفَمَنْ أَسَّسَ بُنْيَٰنَهُۥ عَلَىٰ تَقْوَىٰ مِنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنٍ خَيْرٌ أَم مَّنْ أَسَّسَ بُنْيَٰنَهُۥ عَلَىٰ شَفَا جُرُفٍ هَارٍ فَٱنْهَارَ بِهِۦ فِى نَارِ جَهَنَّمَ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ.

Terjemahan: Maka adakah orang yang membangunkan masjid yang didirikannya di atas (dasar) takwa kepada Allah dan (untuk mencari) keredaan Allah itu lebih baik, ataukah orang yang membangunkan masjid yang didirikannya di tepi jurang yang (hampir) runtuh, lalu runtuhlah ia dengan yang membangunkannya ke dalam api neraka? dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang yang zalim.

(Al-Taubah 9:109)

Sama ada manusia mengakui hakikat ini ataupun tidak namun ini adalah satu hakikat yang telah dibukti dan terbukti, seterusnya akan dibuktikan oleh pengalaman hidup manusia.

Ringkasnya binaan akhlak Islam yang hakiki seperti yang dikehendaki oleh Allah Maha Pencipta manusia, menepati dengan hakikat kemanusiaannya dan hakikat kewujudan atau kehidupannya, hanya akan dapat dibina di atas tiga dan asas 'aqidahnya.

1. Keimanan kepada wujudnya Allah yang mencipta alam semesta raya, mencipta manusia dan mencipta hidup dan matinya, yang wajib mempunyai segala sifat kesempurnaan yang Maha Mengetahui segala sesuatu, sama ada yang telah lalu, sedang berlaku, dan akan berlaku, bahkan mengetahui gerak dan lintasan hati dan fikiran yang baik atau yang jahat.

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسْوِسُ بِهِۦ نَفْسُهُۥ.

Terjemahan: Dan demi sesungguhnya! Kami telah mencipta manusia, dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya.

(Al-Qaf 18:16)

2. Keimanan bahawa Allah yang mencipta manusia maka Dialah yang Maha Mengetahui tentang hakikat diri manusia, maka Dialah yang layak dan berhak memperkenalkan hakikat diri manusia itu kepada manusia, menunjukkan jalan baik dan jalan yang jahat, jalan yang hak dan yang batil melalui wahyu yang diturunkan kepada utusan-Nya yang dikehendaki-Nya, di samping kelengkapan dan persediaan yang diberikan dalam diri manusia. Berdasarkan itu maka manusia telah ditakrifkan atau dipertanggungjawabkan untuk mengikut jalan yang hak, yang baik dan lurus, serta menjauhi yang sesat, yang batil dan jahat.
3. Keimanan kepada wujudnya Hari Akhirat, atau Hari Kemudian, atau adanya hidup yang kekal abadi selepas mati; iaitu Hari Pembalasan baik atau jahat kepada segala gerak laku amalan atau perbuatan yang akan menentukan bentuk hidupnya yang penuh nikmat atau azab. Kesemuanya ini akan diterima selepas melalui satu kiraan atau hisab amalan yang amat halus dan tepat yang adil dan saksama.

Di atas ketiga-tiga asas inilah binaan sistem akhlak dapat didirikan. Tanpa asas-asas tersebut akhlak tidak punya erti dan nilai dalam Islam. Dengan asas tersebut juga wujudnya apa yang diistilah "obligasi akhlak atau *al-Iltizam al-Khuluqi*". Dengan asas-asas tersebut juga sistem akhlak itu bertenaga daripada kesan mempunyai daya kekudusan dan ketinggian yang memaksa untuk dipatuhi dan diikuti, seterusnya untuk dipraktikkan secara halus dan teliti, sama ada secara terang-terangan di khalayak ramai ataupun secara tersembunyi.

Perbezaan antara Akhlak dengan Etika

Yang dimaksudkan dengan akhlak secara umum ialah sistem akhlak atau tingkah laku manusia yang bersumberkan kepada asas

wahyu atau *syara'*. Sementara yang dimaksudkan dengan etika ialah sistem tingkah laku manusia yang bersumberkan selain daripada wahyu, tegasnya yang bersumberkan falsafah. Antara kedua-dua tersebut mempunyai perbezaan yang jelas, antaranya:

1. Akhlak mempunyai daya kekudusan ini menghasilkan dua perkara: pertama, penghormatan kepada sistem akhlak tersebut. Dari sinilah lahirnya tenaga otoritas yang menguasai kehidupan seorang sama ada secara terang atau tersembunyi. Kedua, sistem atau undang-undang akhlak ini akan memberikan kesan yang praktik dalam kehidupan seseorang, sama ada dari seginya yang positif ataupun dari seginya negatif. Dalam hal ini kiranya ia dipraktikkan akan memberikan kesan-rasa gembira dan rasa lapang atau lega pada jiwanya, kiranya ia tidak dipraktikkan akan memberikan kesan rasa duka, resah dan gelisah, juga daripada pandangan orang lain di sekelilingnya kepada amalan atau perbuatannya. Ini adalah disebabkan kerana kekudusan undang-undang akhlak tadi telah menjadi sebagai pengawas dari dalam dirinya ke atas segala gerak laku perbuatannya. Pelaksanaan undang-undang akhlak itu tadi tidak hanya berkaitan dengan "kepentingan" atau dengan gejala-gejala kemasyarakatan tetapi juga berkaitan rapat dengan gejala yang lebih mendalam iaitu rasa tanggungjawab dan kelegaan hati kecilnya.

2. Undang-undang akhlak dapat membawa manusia itu untuk mencapai kebahagiaan dalam hidupnya, kerana ia merangkum kedua-dua faedahnya, yang material dan juga moral. Tetapi tidak demikian yang dapat dilakukan oleh undang-undang etika.

3. Dari segi prinsipnya maka akhlak bersifat umum dan tetap yang melewati batas-batas undang-undang daripada ciptaan manusia sama ada dari segi kesan atau pelaksanaannya.

4. Undang-undang akhlak itulah yang mencorakwarnakan kehidupan insan yang mengolahnya mengikut jiwa, matlamat dan falsafah undang-undang akhlak tersebut. Adapun etika adalah ciptaan yang dibataskan oleh manusia yang diselaraskan

dengan keinginan dan pemahaman manusia tentang hidup. Oleh kerana dalam undang-undang etika lebih ternyata jiwa keagamaan.

'Aqidah adalah sebagai sifat asas kepada binaan akhlak maka ia mengambil peranan yang amat penting dalam bidang akhlak atau dalam kehidupan berakhlak, dipandang dari sudut bahawa ia merupakan motif yang amat nyata dan praktik untuk manusia melakukan amalan yang baik dan positif, juga menjadi faktor yang besar yang dapat menahan manusia daripada mengikut hawa nafsu. Peranan itu juga dapat dilihat dari sudut bahawa ianya merupakan sumber punca yang asasi kepada perasaan menghormati dan menjunjung kesucian undang-undang akhlak. Berikutnya ia adalah sumber mata air yang tunggal yang dapat mengisi dan menyerapi perasaan hati kecilnya yang bersih dan juga sifat-sifat kemuliaan dirinya.

Hakikat ini diakui oleh ahli-ahli fikir barat sendiri sejak dari zaman Plato hinggalah ke zaman sekarang.

II

AL-QUR'AN DAN AKHLAK

Oleh kerana seperti yang telah ditegaskan dahulu, bahawa ruangan ini bukan bertujuan untuk membicarakan "falsafah akhlak Islam", maka kita hanya akan menumpukan perbincangan pada sudut akhlak sahaja. Walapun al-Qur'an mengandungi asas-asasnya yang tabii untuk ditimba, diambil dan diolah dalam bentuk pemikiran sebagai hidangan yang menarik dan bernilai dalam majlis falsafah akhlak, namun apa yang dipersetujui umum dan menepati dengan roh al-Qur'an itu sendiri ialah pembentukan akhlak yang mulia kepada diri manusia.

Menepati dengan hakikat ini maka amatlah sesuai kalau dibentangkan di sini beberapa sifat akhlak yang asasi yang berhubung dengan akhlak al-Qur'an untuk kita ambil sebagai acuan yang dapat membentuk peribadi manusia.

Al-Khayr

Masalah akhlak kesemuanya berkisar dalam lingkungan *al-khayr*/baik dan kebaikan. Semua ahli fikir atau ahli falsafah akhlak sependapat tanpa ada kecualiannya bahawa *al-khayr*/kebaikan adalah *nilai* kepada setiap amalan, sama ada amalan lahir mahupun amalan yang bersifat batin. Nilai/*al-Qimah* (اَلْقِيمَةُ) itulah yang menilai kepada setiap amalan, sama ada amalan itu amalan akhlak yang baik dan mulia atau amalan akhlak yang buruk dan hina. Sebagaimana wang itu punya nilainya. Tanpa nilai maka wang itu

tidak ada nilainya. Dengan nilai wang itulah maka amalan "membelanjakan" wang itu punyai nilai. Demikianlah sebaliknya, apabila seseorang itu membelanjakan wangnya yang bernilai kepada yang memerlukannya maka itulah nilai akhlak yang terkandung dalam amalan tersebut.

Seruan Al-Qur'an

Oleh kerana kebaikan itu adalah nilai kepada segala amal perlakuan manusia maka sewajibnyalah yang menjadi cita-cita dan tujuan manusia dalam setiap gerak laku hidupnya ialah sentiasa mengutamakan kebaikan dan sentiasa berlumba-lumba untuk mencapainya. Al-Qur'an menyuruh supaya berbuat kebaikan dan berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan.

وَلِكُلٍّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرٰتِ. أَيْنَ مَاتَكُونُوْا يَأْتِ بِكُمُ اللّٰهُ جَمِيْعًا إِنَّ اللّٰهَ عَلَى كُلِّ شَىْءٍ قَدِيْرٌ.

Terjemahan: Dan bagi tiap-tiap umat dan arah (Kiblat) yang masing-masing menujunya, oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan, kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu sekalian (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan), sesungguhnya Allah Amat Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Al-Baqarah: 2:148)

Allah sentiasa mengajak dan menyeru kepada kebaikan dan dijadikannya sebagai salah satu daripada unsur kejayaan dan kemenangan. Demikian Allah berfirman:

وَافْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ.

Terjemahan: Serta kerjakanlah amal-amal kebajikan supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

(Al-Haj: 22:77)

Allah menceritakan bahawa telah diutuskan para nabi dan Rasul-Nya supaya melaksanakan amalan baik atau kebaikan:

وَأَوْحَيْنَآ إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرٰتِ وَإِقَامَ الصَّلٰوةِ وَإِيتَآءَ الزَّكٰوةِ وَكَانُوْا لَنَاعٰبِدِيْنَ.

Terjemahan: Dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; dan mereka pula sentiasa beribadat kepada Kami.

(Al-Anbiya: 21:73)

Seterusnya Allah memuji mereka yang segera melakukan kebaikan dan sentiasa mengutamakannya:

إِنَّهُمْ كَانُوْا يُسٰرِعُوْنَ فِى الْخَيْرٰتِ وَيَدْعُوْنَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا وَكَانُوْا لَنَا خٰشِعِيْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa ber-doa kepada Kami dengan penuh harapan serta geram takut, dan mereka pula sentiasa khusyuk (dan taat kepada Kami).

(Al-Anbiya' 21:90)

Seterusnya dijanjikan oleh Allah bahawa balasannya ialah syurga:

وَمَا تُقَدِّمُوْا لِأَنْفُسِكُمْ مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوْهُ عِنْدَاللهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا.

Terjemahan: Dan (ingatlah!) apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekalan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah — sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya.

(Al-Muzammil 73:20)

Kebaikan Ada Khazanahnya

Ibn Majah meriwayatkan daripada Sahl bin Sa'd bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ هَذَا الْخَيْرَ خَزَائِنُ وَلِهَذِهِ الْخَزَائِنِ مَفَاتِيحُ فَطُوبَى لِعَبْدٍ جَعَلَهُ اللهُ مِفْتَاحًا لِلْخَيْرِ وَمِغْلَاقًا لِلشَّرِّ وَوَيْلٌ لِعَبْدٍ جَعَلَهُ اللهُ مِفْتَاحًا لِلشَّرِّ وَمِغْلَاقًا لِلْخَيْرِ.

Terjemahan: Sesungguhnya kebaikan ini ada khazanah-khazanahnya dan khazanah-khazanah ini pula ada anak-anak kuncinya, amatlah banyak kebaikan (yang didapati) bagi seorang hamba Allah yang Allah telah jadikannya anak kunci kepada (khazanah) kebaikan dan menjadikannya pula mangsa penutup kepada kejadian. Dan amatlah celaka bagi seorang hamba yang Allah jadikan anak kunci kepada kejahatan dan bangga kepada kebaikan.

(Riwayat Ibn Majah)

Neraca Penimbang

Allah telah memberikan neraca penimbang antara keindahan dunia dan kepesonaannya dengan kemuliaan sifat dan ketinggian budi. Ditegaskannya tentang kemuliaan itulah yang lebih kekal dan abadi, lebih besar nilai simpanannya, maka lebihlah berhak untuk diberikan perhatian dan keutamaan oleh manusia. Itulah yang baik di dunianya dan di akhiratnya. Allah berfirman:

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَوٰةِ الدُّنْيَا وَالْبَٰقِيَٰتُ الصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا.

Terjemahan: Hartabenda dan anak-pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal salih yang kekal

faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.

(Al-Kahfi 18:46)

فَمَآ أُوتِيتُمْ مِّنْ شَيْءٍ فَمَتَٰعُ الْحَيَوٰةِ الدُّنْيَا وَمَا عِنْدَ اللهِ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ
لِلَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ.

Terjemahan: Oleh itu, apa juga sesuatu yang diberikan kepada kamu, maka ia hanyalah nikmat kesenangan hidup di dunia ini sahaja, dan (sebaliknya) apa jua yang ada di sisi Allah (daripada pahala Hari Akhirat) adalah lebih baik dan lebih kekal bagi orang yang beriman dan yang berserah bulat-bulat kepada Tuhannya.

(Al-Syura: 42:36)

أَيَحْسَبُونَ أَنَّمَا نُمِدُّهُمْ بِهِ مِنْ مَّالٍ وَبَنِينَ. نُسَارِعُ لَهُمْ فِي الْخَيْرَٰتِ
بَلْ لَّا يَشْعُرُونَ. إِنَّ الَّذِينَ هُمْ مِّنْ خَشْيَةِ رَبِّهِمْ مُّشْفِقُونَ. وَالَّذِينَ هُمْ
بِأَيَٰتِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ. وَالَّذِينَ هُمْ بِرَبِّهِمْ لَا يُشْرِكُونَ. وَالَّذِينَ يُؤْتُونَ
مَآ ءَاتَوْا وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ رَٰجِعُونَ. أُولَٰئِكَ يُسَٰرِعُونَ فِي
الْخَيْرَٰتِ وَهُمْ لَهَا سَٰبِقُونَ.

Terjemahan: Adakah mereka menyangka bahawa apa yang Kami berikan kepada mereka daripada hartabenda dan anak-pinak itu, (bermakna bahawa dengan yang demikian) Kami menyegerakan untuk mereka pemberian kebaikan? (tidak!) bahkan mereka tidak menyedari (hakikatnya yang sebenarnya). Sesungguhnya orang yang sentiasa bimbang disebabkan takut kepada (kemurkaan) Tuhan mereka. Dan orang yang beriman kepada ayat-ayat Tuhan mereka. Dan orang yang tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Tuhan mereka. Dan orang yang memberi akan apa yang mereka berikan sedang hati

mereka gerun gementar, kerana mereka yakin akan kembali kepada Tuhan mereka. Mereka itulah orang yang bersegera mengerjakan kebaikan, dan merekalah orang yang mendahului pada mencapainya.

(Al-Mu'minun 23:55-61)

Takrif Kebaikan

Kebaikan yang dituntut dan diseru oleh Allah ialah merangkumi segala amal salih: Mentaati Allah adalah kebaikan, beriman kepada Allah adalah kebaikan, mengamalkan sifat-sifat kemuliaan adalah kebaikan, keikhlasan umat dan amal adalah kebaikan, membuat ikhsan adalah kebaikan, berbuat kebajikan kepada manusia adalah kebaikan, kata-kata yang baik adalah kebaikan dan setiap amal untuk meninggikan taraf hidup dan peribadi perseorangan atau masyarakat adalah kebaikan.

Naluri atau tabiat semulajadi manusia yang bersih akan menuju kepada kebaikan. Semua manusia suka dan tertarik kepadanya. Kerana kebaikan itulah kesempurnaan diri insan yang dituntut dan dirasakan kebahagiaannya. Oleh kerana itu, segala seruan al-Qur'an dan Sunnah supaya beriman kepada kebaikan diberikan definisi dan takrifnya, ataupun dijelaskan hakikatnya. Yang diperintah oleh Allah melakukannya adalah kebaikan. Yang ditegah-Nya adalah keburukan.

Contoh-contoh Kebaikan

Walaupun al-Qur'an dan Sunnah tidak menjelaskan definisinya namun demikian dijelaskan sebahagian daripada contoh-contohnya, demi untuk menarik perhatian manusia supaya diberikan penumpuan dan keutamaan.

Ilmu dan hikmat adalah kebaikan:

Terjemahan: Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakinya (menurut aturan kejadiannya) dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberi kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang yang menggunakan akal fikirannya.

(Al-Baqarah: 2:269)

Dialah (Allah) yang memberikan hikmat kepada sesiapa yang dikehendaki. Sesiapa yang diberikan hikmat sesungguhnya telah diberikan kebaikan yang banyak dan tidak mengingati melainkan orang yang mempunyai sari pati akal fikiran. Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِى الدِّيْنِ وَيُلْهِمْهُ رُشْدَهُ.

Terjemahan: Sesiapa yang dikehendaki oleh Allah itu kebaikan akan Allah dalamkan fahamannya dalam agama dan diberikan ilham kepada kebenarannya.

(Riwayat Imam al-Bukhari)

Menunjuk kepada kebaikan dan memandu orang lain tidak kurang pentingnya daripada mengamalkan kebaikan itu sendiri. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ دَلَّ عَلَى خَيْرٍ فَلَهُ مِثْلُ اَجْرِ فَاعِلِهِ.

Terjemahan: Sesiapa yang menunjukkan kepada kebaikan maka baginya pahala (seperti pahala orang yang mengamalkannya).

(Riwayat Imam Muslim)

لَأَنْ يَهْدِىَ اللهُ بِكَ رَجُلاً وَاحِدًا خَيْرٌلَكَ مِنْ حُمُرِ النَّعَمِ.

Terjemahan: Demi sesungguhnya seorang yang diberi hidayat oleh Allah dengan sebabmu adalah lebih baik bagimu daripada segala harta yang bernilai.

(Riwayat Imam al-Tabrani)

Sifat-sifat yang mulia, seperti baik hati, tolak-ansur, rahmat, lemah-lembut dan kata-kata yang baik kesemuanya itu adalah bayangan daripada Iradah Allah yang menghendaki kebaikan kepada seorang yang mempunyai sifat-sifat tersebut. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ هَذِهِ الْأَخْلَاقَ مِنَ اللهِ فَمَنْ أَرَادَ اللهُ بِهِ خَيْرًا مَنَحَهُ خُلُقًا حَسَنًا،
وَإِذَا أَرَادَ اللهُ بِهِ سُوْءًا مَنَحَهُ خُلُقًا سَيِّئًا.

Terjemahan: Sesungguhnya akhlak ini dari Allah. Maka sesiapa yang dikehendaki Allah padanya kebaikan akan diberikannya akhlak yang baik, dan sesiapa yang dikehendaki padanya kejahatan akan diberikannya akhlak yang buruk.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Sabdanya lagi:

مَنْ أَعْطَى حَظَّهُ مِنَ الرِّفْقِ فَقَدْ أَعْطَى حَظَّهُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَنْ حَرَمَ
حَظَّهُ مِنَ الرِّفْقِ فَقَدْ حَرَمَ حَظَّهُ مِنَ الْخَيْرِ.

Terjemahan: Sesiapa yang diberikan bahagian daripada sifat kelembutan maka sesungguhnya telah diberikan bahagiannya daripada kebaikan, dan sesiapa yang tidak diberikan bahagian dari kelembutan maka sesungguhnya diharamkan bahagian daripada kebaikan.

(Dari Abu Darda')

Usaha dengan tangannya adalah kebaikan, meringankan beban dan simpati kepada kesusahan adalah kebaikan:

مَا اَكَلَ اَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ خَيْرًا مِنْ اَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ. وَاَنَّ نَبِيَّ اللهِ دَاوُدَ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ.

Terjemahan: Tidak ada suatu yang dimakan oleh seorang yang lebih baik daripada apa yang dimakan daripada usaha tangannya sendiri. Dan sesungguhnya Nabi Allah Daud adalah memakan daripada usaha tangannya sendiri.

عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ صَدَقَةٌ. فَقَالَ رَجُلٌ: أَرَأَيْتَ اِنْ لَمْ يَجِدْ؟

قَالَ: يَعْمَلُ بِيَدِهِ فَيَنْفَعُ نَفْسَهُ وَيَتَصَدَّقُ

قَالَ: اَرَأَيْتَ اِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ؟

قَالَ: يُعِيْنُ ذَا الْحَاجَةِ الْمَلْهُوْفِ

قَالَ: يَأْمُرُ بِالْمَعْرُوْفِ

قَالَ: اَرَاَيْتَ اِنْ لَمْ يَفْعَلْ؟

قَالَ: يُمْسِكُ عَنِ الشَّرِّ فَاِنَّهَا صَدَقَةٌ

Terjemahan: Ke atas setiap muslim itu sedekah. Seorang telah bertanya: Bagaimana kalau tidak mendapat (sesuatu untuk berbuat demikian)? Jawab Rasulullah: Bekerja dengan tangannya, lalu ia dapat memberi manfaat untuk dirinya dan bersedekah. Kata orang itu lagi: Bagaimana kalau ia tidak terdapat berbuat demikian? Jawab Rasulullah: Menolong yang memerlukan pertolongan sama ada yang teraniaya atau yang lemah. Tanyanya lagi: Bagaimana kalau tidak juga terdaya? Jawab Rasulullah: Menyuruh pada yang makruf! Tanyanya lagi: Bagaimana kalau ia tidak juga dapat berbuat demikian? Jawab Rasulullah: Menahan daripada melakukan kejahatan; itu juga adalah sedekah .

(Riwayat Imam Muslim dan al-Bukhari)

اَلْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى

Terjemahan: Tangan yang tinggi (yang memberi) itu lebih baik daripada tangan yang rendah (yang menerima).

لاَ يَغْرِسُ مُسْلِمٌ غَرْسًا وَلاَ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ اِنْسَانٌ، وَلاَ دَابَّةٌ، وَلاَ شَيْءٌ اِلاَّ كَانَتْ لَهُ صَدَقَةٌ.

Terjemahan: Tidak ada seorang muslim yang menanam apa jua tanaman atau bercucuk tanam, lalu dimakan sebahagiannya oleh manusia atau binatang, ataupun sesuatu melainkan ianya menjadi sedekah.

(Riwayat Imam Muslim dan al-Bukhari)

اِتَّقُوْا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَبِكَلِمَةٍ طَيِّبَةٍ.

Terjemahan: Peliharalah daripada api Neraka walaupun dengan secebis buah tamar. Kalau tidak dapat maka dengan kalimah yang baik.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Apa jua amalan untuk meninggikan kalimah Allah dan menolong agama-Nya adalah daripada jenis kebaikan yang tertinggi. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَغَدْوَةٌ فِيْ سَبِيْلِ اللهِ اَوْ رَوْحَةٌ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَافِيْهَا.

Terjemahan: Pergi sekali kerana perang Fi Sabilillah pada waktu pagi atau petang adalah lebih baik daripada dunia dan segala isinya.

Abu Sa'id telah meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. bahawa Baginda bersabda:

مِنْ خَيْرِ مَعَايِشِ النَّاسِ لَهُمْ : رَجُلٌ مُمْسِكٌ بِعِنَانِ فَرَسِهِ فِي سَبِيْلِ
اللهِ يَطِيْرُ عَلَى مَتْنِهِ كُلَّمَا سَمِعَ هَيْعَةً اَوْفَزْعَةً طَارَعَلَيْهِ يَبْتَغِي الْقَتْلَ اَوْ
الْمَوْتَ مَظَلَّتَهُ. وَرَجُلٌ فِي غُنَيْمَةٍ فِي رَأْسِ شُعْفَةٍ مِنْ هَذِهِ الشُّعَفِ اَوْ
بَطْفِ وَادٍ مِنْ هَذِهِ الْاَوْدِيَةِ يُقِيْمُ الصَّلَاةَ، وَيُؤْتِي الزَّكَاةَ وَيَعْبُدُ رَبَّهُ
حَتَّى يَأْتِيَهُ الْيَقِيْنُ. لَيْسَ مِنَ النَّاسِ اِلاَّ فِي خَيْرٍ.

Terjemahan: Di antara kehidupan manusia yang lebih baik ialah: Seorang yang memegang tali kudanya kerana perang Fi Sabilillah, melompat di belakang pelananya, lalu menerbangkan kudanya bila sahaja mendengar suara serangan musuh atau suara meminta pertolongan kerana mencari gugur di medan atau mati kerananya ....

Orang yang berada di atas salah satu kemuncak bukit atau dalam salah sebuah gua daripada lembah-lembah tersebut, menunaikan sembahyang, menunaikan zakat, dan menyembah Tuhannya sehingga sampai ajalnya yang pasti, manusia ini adalah dalam kebaikan. Allah menegaskan dengan jelas bahawa seorang itu akan dihisab sekalipun sekecil atom pada kebaikan atau kejahatannya.

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ.

Terjemahan: Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya!) Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya!)

(Al-Zalzalah 99:7-8)

Dalam kitab al-Muwatta diriwayatkan sebuah Hadith:

اِنَّ مِسْكِيْنًا اِسْتَطْعَمَ عَائِشَةَ اُمَّ الْمُؤْمِنِيْنَ وَبَيْنَ يَدَيْهَا عِنَبٌ فَقَالَتْ
لِاِنْسَانٍ: خُذْ حَبَّةً فَاَعْطِهِ اِيَّاهَا فَجَعَلَ يَنْظُرُ اِلَيْهَا وَيَعْجَبُ فَقَالَتْ:

اَتَعْجَبُ كَمْ تَرَىْ فِى هَذِهِ الْحَبَّةِ مِنْ مِثْقَالِ ذَرَّةٍ.

Terjemahan: Seorang miskin telah meminta makanan daripada Umm al-Mukminin 'Aisyah r.a. dan ada di hadapannya beberapa biji tamar. Sayyidatina 'Aisyah r.a. berkata pada salah seorang: Peminta itu memerhatikan Sayyidatina 'Aisyah dan merasa hairan (kerana hanya sebiji sahaja yang diberikan). Maka Sayyidatina 'Aisyah pun berkata: Apakah engkau hairan! Berapa bezanya antara sebiji ini dengan sebesar zarah.

Diriwayatkan daripada Sa'd bin Abu Waqqas bahawa beliau telah bersedekah dengan dua biji tamar, lalu tangannya dipegang oleh orang meminta, maka kata Sa'd kepada peminta: Allah menerima daripada kita seberat satu zarah. Dua biji tamar adalah sama berat dengan berat zarah yang amat banyak.

Diriwayatkan oleh Ma'mar daripada Zayd bin Aslam: Bahawa seorang telah datang menemui Nabi s.a.w. lalu katanya:

عَلِّمْنِ مِمَّا عَلَّمَكَ اللهُ. فَدَفَعَهُ إِلَى رَجُلٍ يُعَلِّمُهُ فَعَلَّمَهُ "اِذَا زُلْزِلَتِ"
حَتَّى اِذَا بَلَغَ: "فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ
ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ" قَالَ: حَسْبِيْ فَاَخْبَرَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ:
دَعُوْهُ فَاِنَّهُ قَدْفَقِهَ.

Terjemahan: Ajarlah aku apa yang telah Allah ajarkan kepadamu. Lalu Rasulullah menyerahkan kepada seorang yang akan mengajarnya maka diajar- "اِذَا زُلْزِلَتِ" *kan manakala sampai kepada akhir* وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ *orang itu mengatakan: Sudah cukuplah: Maka disampaikanlah kepada Rasulullah: tentang perkara tersebut. Jawab Rasulullah: Biarkan dia, kerana dia sudah faham).*

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Begitulah setiap amal kebaikan yang dihulurkan kepada manusia sekalipun kecil adalah diredai Allah, sekalipun dengan wajah senyum ketika bertemu, atau membuang sesuatu yang bahaya di tengah jalan dan langkah pemergian ke masjid. Kesannya itu adalah kebaikan. Termasuk dalam jenis kebaikan juga apa yang disebutkan Rasulullah s.a.w.:

طُوْبَى لِمَنْ طَابَ كَسْبُهُ، وَصَلَحَتْ سَرِيْرَتُهُ وَكَرُمَتْ عَلاَنِيَّتُهِ،
وَعَزَلَ عَنِ النَّاسِ شَرَّهُ طُوْبَى لِمَنْ عَمَلِ بِعِلْمِهِ وَاَنْفَقَ الْفَضْلَ مِنْ
مَالِهِ وَاَمْسَكَ الْفَضْلَ مِن قَوْلِهِ.

Terjemahan: Bahagialah kerana kebaikan yang amat banyak bagi orang yang baik usaha-usaha kerjanya baik dan bersih hatinya, mulia pula lahirnya, dan terjauh manusia daripada kejahatannya. Bahagialah orang yang beramal dengan ilmunya, membelanjakan (untuk kebajikan) lebihan daripada hartanya, dan menahan lebihan daripada kata-katanya.

(Riwayat al-Tabrani)

Pembiasaan kepada Kebaikan

Usaha untuk melakukan kebaikan dan melaksanakannya memerlukan kepada latihan dan kebiasaan sehinggalah sebati dan mesra pada jiwa, dan mudah pula untuk melakukannya.

Melatih dan membiasakan amal kebaikan sejak kecil lagi adalah asas yang kukuh untuk pembentukan akhlak yang baik. Agama Islam menyuruh supaya kita mendidik anak-anak dengan sifat kemuliaan Islam, melatih dan membiasakannya sejak kecil supaya mereka meningkat remaja dan dewasa untuk bentuk keperibadian Islam.

Bersegera Melaksanakan Kebaikan

Bersegera dan berlumba-lumba untuk melaksanakan kebaikan adalah suatu yang sangat dituntut oleh Islam sehingga menjadi saham simpanan yang tetap dalam jiwa setiap muslim yang akan

menambahkan lagi ketinggian insan sehingga dapat mencapai setinggi taraf dan darjat yang mungkin.

Matahari tidak menunggu, dan masa tetap berlalu, masa itulah peluang keemasan yang diberikan oleh Allah kepada manusia demi untuk mengisi dan menyuburkan hidupnya dengan kebaikan dan kesalahan.

الَّذِيْ خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيٰوةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً.

Terjemahan: Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) — untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya.

(Al-Mulk 67:2)

Jika lalai daripada mengisi hidupnya dengan amal yang salih dan taksir dalam menunaikan kewajipan maka sesungguhnya telah rela mendedahkan dirinya kepada kebodohan dan kerugian yang tidak akan dapat ditebus.

وَالْعَصْرِ. إِنَّ الْإِنْسٰنَ لَفِىْ خُسْرٍ. إِلاَّ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا وَعَمِلُوْا الصّٰلِحٰتِ
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالْصَّبْرِ.

Terjemahan: Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian kecuali orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

(Al-'Asr 103:1, 3)

Dalam Hadith:

نِعْمَتَانِ مَغْبُوْنٌ فِيْهِمَا كَثِيْرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالفَرَاغُ.

Terjemahan: Dua nikmat yang kebanyakan manusia kerugian dan ketipuan sihat dan kelapangan masa.

Mungkin banyak halangan dan rintangan yang menahan manusia daripada melakukan kebaikan. Banyak juga fitnah yang menyekat daripada menuju kepada kebaikan. Maka wajiblah ia segera mengatasi halangan dan fitnah tersebut sebaik sahaja masa terluang dan suasana mengizinkan juga sebab-sebab membolehkan.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

بَادِرُوْا الْاَعْمَالَ الصَّالِحَةَ فَسَتَكُوْنُ فِتَنٌ كَقِطَعِ اللَّيْلِ الْمُظْلِمِ يُصْبِحُ الْمَرْءُ مُؤْمِنًا وَيُمْسِي كَافِرًا وَيُمْسِى مُؤْمِنًا وَيُصْبِحُ كَافِرًا يَبِيْعُ دِيْنَهُ بِعَرَضٍ مِنَ الدُّنْيَا.

Terjemahan: Bersegeralah kepada amal yang salih, kerana akan berlaku fitnah seperti pada waktu malam yang gelap gelita, yang mana seorang itu beriman pada waktu pagi dan akan kafir pada waktu petang, beriman pada waktu petang, dan kafir pada waktu paginya, menjualkan agamanya dengan benda keduniaan.

(Riwayat Imam Muslim)

Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

بَادِرُوْا الْاَعْمَالَ سَبْعًا : هَلْ تَنْتَظِرُوْنَ اِلاَّ فَقْرًا مَنْسِيًّا اَوْ غِنًى مُطْغِيًا اَوْ مَرَضًا مُفْسِدًا اَوْ هَرَمًا مُفْنِدًا اَوْ مَوْتًا مُجْهِزًا اَوِ الدَّجَّالَ فَشَرٌّ غَائِبٍ يُنْتَظَرُ اَوِ السَّاعَةَ فَالسَّاعَةُ اَدْهَى وَأَمَرُّ.

Terjemahan: Segeralah kamu dahului tujuh perkara ini dengan amal kebajikan:

* *Kemiskinan yang melupakan.*
* *atau kekayaan yang bermaharajalela.*
* *atau sakit yang merosakkan.*
* *atau masa tua yang melemahkan.*
* *atau mati yang menghampakan (persediaan).*
* *atau dajal yang paling bahaya untuk ditunggu.*
* *atau hari Kiamat dan hari Kiamat itu lebih bahaya dan lebih dahsyat dari semua.*

(Riwayat al-Tirmizi)

Sebaik-baik amal itu ialah yang dilakukan dalam keadaan sihat walafiat, cukup belanja dan cukup syarat keduniaannya, serta penuh harapan dalam hidupnya. Itulah pertanda bahawa ia lebih mementingkan apa yang di sisi Allah, dan pertanda kepada kesedaran agamanya. Rasulullah s.a.w. telah ditanya:

اَىُّ الصَّدَقَةِ اَعْظَمُ اَجْرًا قَالَ : اَنْ تَصَدَّقَ وَاَنْتَ صَحِيْحٌ شَحِيْحٌ، تَأْمَلُ الْغِنَى وَتَخْشَى الْفَقْرَ وَلاَ تُمْهِلْ حَتَّى اِذَا بَلَغَتِ الْحُلْقُوْمَ قُلْتَ لِفُلاَنٍ كَذَا وَلِفُلاَنٍ كَذَا وَقَدْ كَانَ لِفُلاَنٍ كَذَا.

Terjemahan: Apakah sedekah yang lebih besar pahalanya? Jawab Rasulullah: Bersedekah sedangkan anda sihat dan bakhil mengharapkan kaya dan takutkan miskin. Janganlah berlengah (tangguh-tangguhkan) hingga nyawa sampai ke khalkum, barulah anda mengatakan (mewasiatkan) kepada si polan ini sekian, dan kepada si polan itu sekian).

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Gambaran daripada Kehidupan Rasul dan Sahabat

Rasulullah s.a.w. adalah contoh utama kepada setiap orang yang segera melakukan amal kebaikan. Diriwayatkan daripada Abu Sarwaah r.a. katanya:

صَلَّيْتُ وَرَآءَ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم بِالْمَدِيْنَةِ الْعَصْرَ، فَسَلَّمَ، فَقَامَ مُسْرِعًا فَتَخَطَّى رِقَابَ النَّاسِ إِلَى بَعْضِ حُجَرِ نِسَائِهِ، فَفَزِعَ النَّاسُ مِنْ سُرْعَتِهِ فَخَرَجَ عَلَيْهِمْ فَرَاَى اَنَّهُمْ عَجِبُوْا مِنْ سُرْعَتِهِ قَالَ: ذَكَرْتُ شَيْئًا مِنْ تِبْرٍ عِنْدَنَا فَكَرِهْنَا اَنْ يَحْبِسَنِى فَاَمَرْتُ بِقِسْمَتِهِ.

Terjemahan: Saya telah sembahyang 'Asar di Madinah bersama Rasul, setelah salam Rasulullah telah segera bangun melangkahi orang ramai (yang menjadi makmum) menuju ke salah satu daripada bilik isterinya. Orang ramai pun merasa hairan kerana tindakannya.

Rasulullah pun keluar semula dan menyedari bahawa orang ramai merasa hairan atas apa yang berlaku. Rasulullah pun bersabda: Saya mengingati sedikit wang yang ada pada kita dan saya tidak suka kalau wang itu menghalangi saya, maka saya suruh dibahagi-bahagikan.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Semua sahabatnya r.a. mengikut jejaknya, mereka berlumba-lumba untuk gugur di medan jihad dengan penuh kerelaan untuk mengharapkan syahid. Seorang daripada sahabat telah bertanya sewaktu bersedia untuk berjuang di medan Uhud:

اَرَأَيْتَ اِنْ قُتِلْتُ فَاَيْنَ اَنَا؟

قَالَ: فِى الْجَنَّةِ

فَاَلْقَى تَمَرَاتٍ كُنَّ فِىْ يَدِهِ ثُمَّ قَاتَلَ حَتَّى قُتِلَ

Terjemahan: Dapatkah engkau beritahu, kiranya akan terbunuh, di manakah aku? Jawab Rasulullah: Dalam Syurga, lalu ia mencampakkan beberapa butir tamar yang sedang dipegangnya, kemudian ia berjuang sehinggalah ia gugur di medan perang.

Dalam peperangan Tabuk, seorang bernama Abu Khaythamah telah tidak ikut bersama tentera untuk berjuang. Beliau mempunyai dua isteri. Setelah beliau memikirkan hal dan tindakan darinya itu, beliau berkata: Rasulullah berada di medan sedang kepanasan. Abu Khaythamah ini di bawah naungan yang nyaman, di samping air sejuk, dan wanita cantik! Ini bukanlah satu keinsafan Demi Allah, Aku tidak akan ke tempat tidur seorang pun daripada kamu berdua sehingga daku bertemu Rasul, sediakan aku bekalan. Kemudian beliau pun pergi dengan pedang dan lembingnya, sehingga beliau bertemu Rasulullah untuk bersama berjuang di medan peperangan.

III

AL-IKHLAS

Ikhlas bererti kita qasadkan kata-kata kita, amal usaha kita, dan jihad pengorbanan kita itu kerana Allah, kerana wajhullah, kerana mengharapkan keredaan Allah tanpa mengharapkan suatu faedah, atau nama dan gelaran, pangkat dan kedudukan, sanjungan dan penghormatan ketinggian dan kemuliaan lahir, supaya dengan ikhlas itu kita dapat melangkahi amalan yang rendah dan akhlak yang hina, untuk berhubung langsung dengan Allah, sumber hakikat dan sumber kebaikan yang mutlak.

Seruan Islam

Islam sangat menuntut, menggesa manusia supaya mencapai sifat ikhlas, kerana itulah sari pati daripada setiap ibadat dan pengabdian yang layak menerima nilai balasan seperti yang dijanjikan oleh Allah.

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ. لَا شَرِيْكَ لَهُ وَبِذٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِيْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya sembahyang ku dan ibadatku, hidupku, dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Tiada sekutu baginya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh umatku).

Adalah orang Islam yang pertama — (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintahnya).

(Al-An'am 6:163, 164)

Allah juga menyuruh dan memerintah dengan jelas dan tegas:

وَمَآ أُمِرُوْا إِلاَّ لِيَعْبُدُوا اللهَ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ.

Terjemahan: Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadanya.

(Al-Bayyinah 98:5)

Ikhlas telah dijadikan penjamin kepada penerimaan segala amal-amal ibadat dan pengabdian.

Diriwayatkan oleh Ibn Abu Hatim daripada Tawus:

اِنَّ رَجُلاً قَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ! اِنِّىْ اَقِفُ الْمَوَاقِفَ أُرِيْدُ وَجْهَ اللهِ وَأُرِيْدُ اَنْ اَرَى مَوْطِنِي. لَمْ يَرُدُّ عَلَيْهِ رَسُوْلُ اللهِ صَلَى اللهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ شَيْئًا حَتَّى نَزَلَتْ هٰذِهِ الآيَةُ.

Terjemahan: Ada orang telah bertanya Rasulullah s.a.w. Wahai Rasulullah! saya berada dalam beberapa pendirian (melakukan amal) semata-mata kerana wajhullah, dan saya ingin untuk melihat kedudukan saya! Rasulullah tidak menjawab sedikit pun sehingga turun sepotong ayat di bawah yang bermaksud: "Sesiapa yang mengharapkan pertemuan dengan Tuhan-Nya, maka hendaklah beramal salih dan jangan mensyirikkan dengan ibadah kepada Tuhan-Nya itu dengan sesuatu pun."

Keikhlasan adalah bukti praktikal kepada kesempurnaan iman, kerana Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ اَحَبَّ لِلهِ وَابْغَضَ للهِ، وَاَعْطَى لِلهِ، وَمَنَعَ للهِ فَقَدْ اسْتَكْمَلَ الاْيْمَانُ.

Terjemahan: Sesiapa yang cinta kerana Allah, marah kerana Allah, memberi kerana Allah, dan menahan kerana Allah, maka sesungguhnya telah sempurna iman."

(Riwayat Abu Daud al-Tirmizi dengan Sanad Hasan)

Allah memerhatikan kepada hati bukannya kepada bentuk dan rupa luaran, kerana Rasulullah s.a.w. bersabda:

اِنَّ اللهَ لاَ يَنْظُرُ اِلَى اَجْسَامِكُمْ وَلاَ إِلَى صُوَرِكُمْ، وَلٰكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوْبِكُمْ.

Terjemahan: "Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada badan kamu dan tidak juga kepada rupa kamu tetapi Allah memandang kepada hati kamu."

(Riwayat Muslim)

Rasulullah s.a.w. telah ditanya:

الرَّجُلُ يُقَاتِلُ شَجَاعَةً، وَيُقَاتِلُ حَمِيَّةً، وَيُقَاتِلُ رِيَاءً اَىُّ ذٰلِكَ فِى سَبِيْلِ اللهِ؟ فَقَالَ عَلَيْهِ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ: مَنْ قَاتَلَ لِتَكُوْنَ كَلِمَةُ اللهِ هِىَ الْعُلْيَا فَهُوَ فِىْ سَبِيْلِ اللهِ.

Terjemahan: Seseorang yang berjuang di medan perang kerana keberanian, dan seorang berperang kerana semangat, seorang berperang kerana riya'. Manakah di antara ketiga-tiga orang itu yang termasuk dalam Fisabilillah? Jawab Rasulullah: Sesiapa yang berperang supaya kalimah Allah itulah yang lebih tinggi maka dialah yang berperang Fisabilillah. Iaitu berperang kerana meninggikan kebenaran dan menegakkan bendera kebenaran.

(Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Bilakah Suatu Amalan Itu Bernilai Baik?

Setiap amal (yang pada lahirnya tidak dilarang oleh Allah) tidak akan menjadi baik atau mempunyai nilai kebaikan melainkan apabila amal itu terbit daripada niatnya yang baik, bersih, suci kerana wajhullah, kerana amal itu tadi, pada ketika itu, telah dihubungkan dengan satu matlamat sahaja; iaitu dengan ketinggian yang mutlak Allah. Adalah tidak menyuruh melainkan kebaikan jua, tidak menyukai melainkan kebaikan jua, maka arah yang wajib dihalakan oleh manusia dalam kehidupannya ialah arah kebaikan untuk dirinya dan masyarakat seluruhnya.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِءٍ مَانَوَى. فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ
إِلَى اللهِ وَرَسُوْلِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللهِ وَرَسُوْلِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ
إِلَى دُنْيَا يُصِيْبُهَا أَوِ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَاهَاجَرَ إِلَيْهِ.

Terjemahan: Sesungguhnya segala amalan itu tergantung dengan niat, dan sesungguhnya bagi setiap orang itu apa yang diniatkan, maka sesiapa yang hijrahnya itu kerana Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya adalah untuk Allah dan Rasul-Nya. Dan sesiapa yang hijrahnya itu kerana dunia yang hendak didapatnya, atau kerana perempuan yang hendak dikahwininya maka hijrahnya itu adalah seperti mana yang ia berhijrah kepadanya.

(Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim dari Umar r.a.)

Hadith di atas menjelaskan bahawa niat adalah perkara penentu dalam amalan manusia. Apabila sesuatu pekerjaan atau amalan yang dilakukan, dengan niat ikhlas kerana Allah s.w.t. demi mendapat ganjaran baik daripadanya, berserta dengan cukup syarat rukun-nya, maka akan diberi balasan baik. Sekiranya dilakukan sesuatu pekerjaan bukan kerana Allah, malah kerana sesuatu yang lain daripadanya maka pekerjaan itu tidak dinilai sebagai ibadat dan tidak diberi pahala.

Nilai Ikhlas

Keikhlasan dan niat yang baik akan mengangkat manusia kepada kemuncak ketinggian dan meletakkan seorang ke taraf orang yang besar. Rasulullah s.a.w. bersabda:

طُوْبَى لِلْمُخْلِصِيْنَ: اَلَّذِيْنَ اِذَا حَضَرُوْا لَمْ يُعْرَفُوْا، وَاِذَا غَابُوْا لَمْ يُفْتَقَدُوْا. هُمْ مِصْبَاحُ الْهُدَى، تَنْجَلِى عَنْهُمْ كُلُّ فِتْنَةٍ ظُلَمَاء.

Terjemahan: Bahagialah dengan limpahan kebaikan bagi orang yang ikhlas: Mereka ialah orang yang bila dihadiri (berada dalam kumpulan) tidak dikenali, tetapi apabila tidak hadir tidak pula kehilangan. Mereka itulah pelita hidayat. Tersisih daripada mereka segala fitnah dan angkara orang yang zalim. Bahkan kelakuan itu boleh dijadikan wasilah untuk melepaskan bala ujian seperti yang ditegaskan dalam Hadith yang panjang.

(Riwayat Imam al-Bayhaqi dari Thawban)

Bersifat dengan sifat ikhlas menghasilkan kemenangan dan kejayaan. Suatu masyarakat atau umat yang terdiri daripada anggotanya yang ikhlas adalah masyarakat atau umat yang menuju kepada kebaikan dan kebajikan, bersih daripada sifat kerendahan dan kehinaan, dan terjatuh daripada keduniaan yang membawa kepada kehancuran dan kemusnahan. Keikhlasan akan membawa kepada perpaduan, persaudaraan, kedamaian dan kesejahteraan di kalangan masyarakat dan umat.

Sifat ikhlas inilah yang menyebabkan jiwa dan hati para sahabat bersih dan suci daripada sifat riya', munafik, dusta, demi untuk mencapai matlamatnya yang lebih agung iaitu untuk mengekalkan kebenaran dan keadilan, meninggikan kalimah Allah kerana mengharapkan keredaan Allah! Maka Allah telah mengukuhkan mereka di atas muka bumi ini, menjadikan mereka pemimpin dan pemegang teraju pemimpin dunia.

Keuzuran yang menghalang seorang daripada mengamalkan usaha atau amal salih tidak menjejaskan kedudukannya di sisi Allah.

Sayyidina Jabir bin Abdullah meriwayatkannya:

كُنَّامَعَ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم فِيْ غَزْوَةِ تَبُوْك، فَقَالَ: اِنَّ بِالْمَدِيْنَةِ لَرِجَالاً مَاسِرْتُمْ سَيْرًا وَلاَ قَطَعْتُمْ وَادِيًا اِلاَّ كَانُوْا مَعَكُمْ حَبَسَهُمُ الْمَرَضُ. وَفِيْ رِوَايَةٍ: اِلاَّ شَرَكُوْاكُمْ فِي الأَجْرِ.

Terjemahan: "Kami bersama Rasulullah s.a.w. dalam peperangan Tabuk, lalu Baginda bersabda: Sesungguhnya di Madinah ada segolongan orang tetap bersama kamu walau di manapun kamu pergi atau di lembah manapun kamu lalui, (tetapi) mereka (sekarang tidak bersama-sama kamu) kerana dihalang sakit."

Dalam riwayat yang lain, *"melainkan mereka itu sama-sama mendapat bahagian pahala."*

Daripada Sayyidatina 'Aisyah pula meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda:

مَامِنِ امْرِئٍ تَكُوْنُ لَهُ صَلاَةٌ بِلَيْلٍ يَغْلِبُهُ عَلَيْهَا نَوْمٌ اِلاَّ كُتِبَ لَهُ اَجْرُ صَلاَتِهِ وَكَانَ نَوْمُهُ صَدَقَةً.

Terjemahan: Tidak seorang yang mengerjakan sembahyang pada waktu malam lalu digagahi oleh tidur melainkan dituliskan baginya pahala sembahnyangnya. Dan tidurnya itu adalah disedekahkan untuknya.

(Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Daripada Sahl bin Hanif meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَامِنْ رَجُلٍ سَأَلَ الشَّهَادَةَ بِصِدْقٍ بَلَغَهُ اللهُ مَنَازِلَ الشُّهَدَاءِ وَاِنْ مَاتَ عَلَى فِرَاشِهِ.

Terjemahan: Sesiapa yang memohon kepada Allah supaya diberikan rezeki (gugur syahid) dengan benar-benar ikhlas, maka akan Allah sampaikan ke martabat

Syuhada', walaupun ia mati di atas katil tidurnya."

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Riya' dan Niat yang Buruk

Sebagaimana ikhlas dan niat yang baik itu akan meningkatkan seorang kepada darjat ketinggian mereka demikian juga *riya'* dan niat yang buruk akan menjatuhkan seorang kepada darjat yang paling hina, kerana pendorong kepada amalnya yang menjadi unsur akhlak itulah menjadi perhitungan di sisi Allah. Rasulullah s.a.w. bersabda seperti yang diriwayatkan oleh Abu Bakrah.

إِذَا الْتَقَى الْمُسْلِمَانُ بِسَيْفِهِمَا، فَالْقَاتِلُ وَالْمَقْتُوْلُ فِى النَّارِ قُلْتُ: يَا رَسُوْلَ اللهِ! هَذَا الْقَاتِلُ فَمَا بَالُ الْمَقْتُوْلُ؟ قَالَ: اِنَّهُ كَانَ حَرِيْصًا عَلَى قَتْلِ صَاحِبِهِ.

Terjemahan: Manakala dua orang Islam bertemu (bertempur) dengan kedua-dua senjata pedangnya, maka yang membunuh dan yang terbunuh adalah dalam neraka. Saya pun bertanya: Bala ini bagi orang yang membunuh, tapi mengapa pula orang yang dibunuhnya? Jawab Rasulullah: Dia juga bersungguh-sungguh hendak membunuh lawannya.

Berpandukan kepada Hadith ini maka kesungguhan orang yang terbunuh untuk membunuh lawannya adalah dipertanggung-jawabkan sehingga membawa akibat masuk neraka, kerana Allah memperhitungkan segala perbuatan sama ada yang lahir mahupun yang batin.

وَإِنْ تُبْدُوْا مَافِى أَنْفُسِكُمْ أَوْتُخْفُوْهُ يُحَاسِبْكُمْ بِهِ اللهُ.

Terjemahan: Jika kamu melahirkan apa yang ada dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu.

(Al-Baqarah 2:284)

Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan makna ini dalam sebuah Hadith.

إِنَّ اللهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ، ثُمَّ بَيَّنَ ذَلِكَ فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً. وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِمِائَةِ ضِعْفٍ إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيْرَةٍ وَإِنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً وَإِنْ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً.

Terjemahan: "Sesungguhnya Allah menuliskan kebaikan dan kejahatan, kemudian dijelaskan. Sesiapa yang bercita-cita membuat suatu kebaikan lalu tidak melakukannya, Allah menuliskan di sisinya satu kebaikan dengan sempurna. Dan jika bercita-cita berbuat kebaikan lalu melakukannya, Allah menuliskannya dengan sepuluh kebaikan hingga tujuh ratus, membawalah kepada lebih berlipat kali ganda dari itu. Dan jika bercita-cita membuat suatu kejahatan lalu tidak melakukannya Allah menuliskan baginya satu kebaikan. Dan jika bercita-cita membuat satu kejahatan lalu melakukannya Allah menuliskannya dengan satu kejahatan sahaja."

(Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Sifat riya' ialah menutup hati daripada hakikat Allah dan menurunkan ke darjat haiwan. Jiwa tidak akan bersih, amalan tidak akan diterima, kerana orang riya' tidak ada pendirian, tidak ada prinsip, dan tidak ada 'aqidah, tetapi bersikap seperti bengkelan yang boleh menukarkan warna kulit badannya dengan berbagai warna.

Riya' ertinya ialah mencari pangkat dan kedudukannya, nama dan kemasyhuran dengan ibadat atau amal kebaikannya. Allah dengan tegas dan jelas menegah dan melarang bersifat riya' kerana kesannya yang begitu buruk pada diri dan masyarakat.

وَالَّذِيْنَ يَمْكُرُوْنَ السَّيِّئَاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيْدٌ وَمَكْرُ أُوْلَئِكَ هُوَ يَبُوْرُ.

Terjemahan: Dan (sebaliknya) orang yang merancangkan kejahatan (untuk mendapat kemuliaan), adalah bagi mereka azab seksa yang berat; dan rancangan jahat mereka (kalau berkesan pun) akan rosak binasa.

(Al-Fatir 35:10)

Mereka itu adalah orang yang riya'. Sifat ini ialah salah satu daripada sifat-sifat orang yang munafik, yang tidak mempunyai prinsip atau tidak mempunyai 'aqidah yang benar.

إِنَّ الْمُنٰفِقِيْنَ يُخٰدِعُوْنَ اللهَ وَهُوَ خٰدِعُهُمْ وَإِذَا قَامُوْآ إِلَى الصَّلٰوةِ قَامُوْا
كُسَالٰى يُرَآءُوْنَ النَّاسَ وَلاَ يَذْكُرُوْنَ اللهَ إِلاَّ قَلِيْلاً.

Terjemahan: Sesungguhnya orang munafik itu melakukan tipu daya (terhadap agama) Allah (dengan perbuatan pura-pura bermain sedang mereka kafir pada batinnya), dan Allah pula tetap membalas tipu daya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). Mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang, mereka berdiri dengan malas. Mereka (hanya bertujuan) riya' (memperlihatkan sembahyangnya) kepada manusia (supaya disangka bahawa mereka orang yang beriman), dan mereka (pula) tidak mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang) melainkan sedikit sekali (jarang-jarang).

(Al-Nisa' 4:142)

Tipu daya mereka ini terbuka dengan mereka menerima pembalasannya seperti yang ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w.:

مَنْ سَمَّعَ سَمَّعَ اللهُ بِهِ وَمَنْ يُرَائِى يُرَائِى اللهُ بِهِ.

Terjemahan: Sesiapa yang menunjukkan amalnya kerana riya' Allah akan bukakan akibatnya, dan siapa yang menunjukkan amalan salihnya itu supaya disanjung dan

dipuji akan Allah bukakan niat buruknya di khalayak ramai.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Riya' ialah salah satu daripada jenis syirik yang membatalkan amalannya, seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w.:

اِنَّ اَخْوَفَ مَا اَخَافُ عَلَيْكُمْ الشِّرْكَ الْاَصْغَرَ قَالُوْا: وَمَا شِرْكُ الْاَصْغَرِ
يَا رَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ: الرِّيَاءُ يَقُوْلُ اللهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ اِذَا جَزَى النَّاسَ
بِاَعْمَالِهِمْ: اِذْهَبُوْا إِلَى الَّذِيْنَ كُنْتُمْ تُرَاؤُنَ فِى الدُّنْيَا، فَانْظُرُوْا هَلْ
تَجِدُوْنَ عِنْدَهُمْ جَزَاءً.

Terjemahan: "Sesungguhnya kebimbangan yang paling aku bimbangkan ke atas kamu ialah syirik kecil, mereka bertanya: Apa dia syirik kecil wahai Rasulullah: Riya'. Pada hari kiamat Allah berfirman: Mereka sampai pembalasan amal manusia: Firman-Nya: Pergilah kamu kepada orang yang kamu riya'kan (lahirkan amalan kamu kerana riya') semasa di dunia dulu. Maka lihatlah apakah kamu mendapat balasan daripada mereka?"

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Islam menghendaki kepada manusia supaya yang ada dalam hatinya itu mendapati apa yang di luarnya, supaya kegelapan malamnya itu sama dengan keterangan waktu siangnya. Apabila lahir dan batin, atau kata-kata dan perbuatan itu bertentangan dan manusia terumbang-ambing antara dorongan kebaikan dan kejahatan, maka orang munafik yang hilang keperibadiannya tidak akan dapat melaungkan kebenaran dengan tegas, tidak terdaya untuk berterus-terang, dan tidak dapat mengambil sikap seorang pejuang yang berani.

Jika kita mengikuti kesan-kesan yang begitu buruk akibat daripada riya' dan munafik dalam masyarakat manusia, dan dalam kehidupan manusia demikian juga jika kita dapat mengikuti keruntuhan akhlak, kerosakan peraturan, maka akan mudah dapat kita memahami Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim.

إِنَّ اَوَّلَ النَّاسِ يُقْضٰى يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَيْهِ رَجُلٌ اُسْتُشْهِدَ فَاَتٰى بِهِ فَعَرَّفَهُ
نِعْمَتَهُ فَعَرَفَهَا قَالَ: فَمَا عَمِلْتَ فِيْهَا؟ قَالَ: قَاتَلْتُ فِيْكَ حَتّٰى
اُسْتُشْهِدْتُ قَالَ: كَذَبْتَ وَلَكِنَّكَ قَاتَلْتَ لِأَنْ يُقَالُ جَرِيءٌ فَقَدْ قِيْلَ.
ثم اُمِرَبِهِ فَسُحِبَ عَلَى وَجْهِهِ حَتّٰى اُلْقِىَ فِىْ النَّارِ. وَرَجُلٌ تَعَلَّمَ الْعِلْمَ
وَعَلَّمَهُ وَقَرَاءَ الْقُرْآنَ، فَأُتِىَ بِهِ فَعَرَّفَهُ نِعْمَتَهُ فَعَرَفَهَا قَالَ: مَا عَمِلْتَ
مِنْهَا؟ قَالَ: تَعَلَّمْتُ الْعِلْمَ وَعَلَّمْتُهُ وَقَرَأْتُ فِيْكَ الْقُرْآنَ! قَالَ:
كَذَبْتَ! وَلَكِنَّكَ تَعَلَّمْتَ لِيُقَالُ لَكَ عَالِمٌ، وَقَرَأْتَ الْقُرآنَ لِيُقَالُ
قَارِئٌ فَقَدْ قِيْلَ. ثُمَّ اُمِرَ فَسُحِبَ عَلٰى وَجْهِهِ حَتّٰى اُلْقِىَ فِى النَّارِ.
وَرَجُلٌ وَسعَ اللّٰهُ عَلَيْهِ وَاَعْطَاهُ مِنْ اَصْنَافِ الْمَالِ فَأُتِىَ بِهِ فَعَرَّفَهُ نِعَمَهُ
فَعَرَفَهَا. قَالَ: فَمَا عَمِلْتَ فِيْهَا؟ قَالَ: مَاتَرَكْتُ مِنْ سَبِيْلٍ تُحِبُّ اَنْ
يُنْفَقَ فِيْهَا اِلاَّ اَنْفَقْتُ فِيْهَا لَكَ قَالَ: كَذَبْتَ وَلِكَنَّكَ فَعَلْتَ لِيُقَالُ:
هُوَ جَوَّادٌ فَقَدْ قِيْلَ، ثُمَّ اُمِرَبِهِ فَسُحِبَ عَلَى وَجْهِهِ ثُمَّ اُلْقِىَ فِىَ النَّار.

Terjemahan: Orang yang mula-mula menerima hukum pada hari kiamat ialah orang yang gugur syahid di medan perang lalu dibawa di hadapan Tuhan, lalu dikenalkan nikmatnya dan ia mengakui (bahawa itulah nikmat daripada amalnya). Tuhan pun bertanya apa yang telah engkau lakukan sewaktu di dunia. Jawabnya: Aku berjuang kerana keredaan-Mu sehingga gugur syahid. Tuhan berkata pula: Engkau dusta, tetapi engkau berjuang supaya dikatakan gagah berani, sesungguhnya telah pun dikatakan demikian. Kemudian ia telah diperintahkan lalu ditarik mukanya, dan terus dicampakkan ke Neraka. Kedua ialah orang yang berilmu dan mengajarkannya, dan orang yang membawa al-Qur'an lalu dibawa ke hadapan Tuhan, diperkenalkan nikmatnya dan telah diakui. Tuhan bertanya: Apakah yang telah engkau buat semasa di dunia? Jawabnya: Saya telah menuntut ilmu dan telah mengajarkannya, juga membaca al-Qur'an

kerana keredaan-Mu. Tuhan pun berkata: Engkau dusta, tapi engkau belajar supaya dikata alim, dan engkau membaca al-Qur'an supaya dikata seorang qari sesungguhnya telah pun dikata. Kemudian telah diperintahkan, lalu ditarik dan dicampakkan ke Neraka. Ketiga ialah orang yang dihukum kelapangan hidup dan diberikannya dengan berbagai jenis harta kekayaan, lalu dibawa ke hadapan Tuhan, diperkenalkan akan nikmatnya dan diakuinya. Tuhan bertanya: Apakah yang telah engkau perbuat semasa di dunia? Jawabnya: Tidak ada suatu pun jalan yang Tuhan sukai supaya saya belanjakan melainkan telah saya lakukan semata-mata kerana Allah. Tuhan pun berkata: Engkau dusta, tetapi engkau belanjakan wang dan harta itu supaya dikata dia seorang yang pemurah, sesungguhnya telah pun dikatakan demikian. Kemudian ia telah diperintahkan dan ditarik lalu dicampakkan ke dalam Neraka.

(Riwayat Imam Muslim)

Pujian Orang Tidak Menjejaskan Keikhlasan

Manakala seorang itu melakukan kebaikan dengan ikhlas, kemudian amalan kebaikannya itu diketahui oleh orang ramai tanpa dimaksudkan olehnya, dan dia merasa tertarik dengan pujian mereka itu, maka ini tidak merosakkan nilai amalannya, dan tidak menjejaskan keikhlasannya.

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa ada seorang bertanya kepada Rasulullah: "Wahai Rasulullah: Seorang yang membuat amal kebaikan lalu dirahsiakan (disembunyikan) daripada pengetahuan ramai; Manakala diketahui ia merasa tertarik atau bangga! Rasulullah menjawab: Dia mendapat dua pahala: Pahala yang tersembunyi dan pahala yang ternyata: Bahkan pujian orang ramai itu adalah termasuk alam berita gembira yang segera." Abu Dharr telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w., katanya: "Beritahulah padaku tentang seorang yang berbuat amal kebaikan lalu dipuji oleh orang ramai,

jawab Rasulullah: Itulah berita gembira orang mukmin yang segera."

Jauhilah daripada Riya'

Daripada Abu al-Asy'ari, katanya: Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. telah memberikan khutbah (terjemahan):

"Wahai manusia! Takutilah (peliharalah) daripada syirik ini, kerana sesungguhnya syirik ini lebih halus daripada rayapan semut! Seorang daripada mereka bertanya: Bagaimana kami hendak memeliharanya? Jawab Rasulullah: Katakanlah: Ya Allah ya Tuhan: Kami berlindung dengan-Mu daripada mensyirikkan aku dengan sesuatu yang kami ketahui, dan kami memohon ampun padamu daripada syirik yang tidak kami katakan.

IV

AL-SIDQ (BENAR)

Sifat sidq (benar) adalah asas kemuliaan, lambang ketinggian, tanda kesempurnaan dan gambaran daripada tingkah perlakuan yang bersih dan suci. Sifat inilah juga yang menjamin dapat mengembalikan hak-hak kepada yang berhak, memperkukuh ikatan antara masyarakat, tidak terkecuali sama ada dia itu seorang alim, atau seorang pemimpin yang berkuasa, atau seorang hakim, atau seorang saudagar, sama ada laki-laki atau perempuan, dewasa ataupun kanak-kanak, selama mereka itu hidup dalam satu masyarakat yang saling perlu-memerlukan antara seorang dengan yang lain.

Sifat ini pada hakikatnya adalah salah satu daripada sifat Allah:

وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ اللهِ حَدِيْثًا.

Terjemahan: Dan siapakah (pula) yang lebih benar perkataannya daripada Allah?

(Al-Nisa' 4:87)

قُلْ صَدَقَ اللهُ.

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): "Benarlah (apa yang difirmankan) oleh Allah."

(Ali-Imran 3:95)

إِنَّ اللهَ لاَ يُخْلِفُ الْمِيْعَادَ.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janjinya.

(Al-Ra'd 13:31)

وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللهِ.

Terjemahan: Dan siapakah (lagi) yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah?

(Al-Taubah 9:111)

Sifat ini juga adalah sifat keistimewaan yang paling jelas bagi para Nabi dan Rasul.

وَاذْكُرْ فِى الْكِتٰبِ إِبْرٰهِيْمَ إِنَّهُ كَانَ صِدِّيْقًا نَّبِيًّا.

Terjemahan: Dan bacakanlah (wahai Muhammad) dalam kitab al-Qur'an ini akan perihal Nabi Ibrahim sesungguhnya ia seorang yang amat benar, lagi menjadi Nabi.

(Maryam 19:41)

وَاذْكُرْ فِى الْكِتٰبِ إِسْمٰعِيْلَ إِنَّهُ كَانَ صَادِقَ الْوَعْدِ وَكَانَ رَسُوْلاً نَّبِيًّا.

Terjemahan: Dan bacakanlah (wahai Muhammad) dalam Kitab al-Qur'an ini akan perihal Nabi Ismail, sesungguhnya ia adalah benar menepati janji, dan adalah ia seorang Rasul yang diredai di sisi Tuhannya.

(Maryam 19:54)

وَجَعَلْنَا لَهُمْ لِسَانَ صِدْقٍ عَلِيًّا.

Terjemahan: Dan kami jadikan bagi mereka sebutan dan pujian yang tinggi dalam kalangan umat manusia.

(Maryam 19:50)

رَبِّ هَبْ لِى حُكْمًا وَأَلْحِقْنِى بِالصّٰلِحِيْنَ. وَاجْعَلْ لِّى لِسَانَ صِدْقٍ فِى الْأٰخِرِيْنَ.

Terjemahan: "Wahai Tuhanku! berilah padaku ilmu pengetahuan agama dan hubungkanlah daku dengan orang yang salih. Dan jadikanlah bagiku sebutan yang baik (nama yang harum) dalam kalangan orang yang datang kemudian.

(Syu'ara' 26: 83,84)

Lisan *Sadiqin* atau lisan yang benar ialah pujian dan sanjungan daripada seluruh umat dunia atas sifat benarnya bukan sifat dustanya. Kalaulah seorang saksi sudah punya nilai atas kebenaran maka betapa kalau seluruh umat di dunia telah menjadi saksi atas kebenaran sifat tersebut.

Ketika Rasulullah s.a.w. menyampaikan berita tentang penurunan wahyu, buat pertama kalinya kepada Sayyidatina Khadijah r.a., Sayyidatina Khadijah menjawab: "Tidak sekali-kali! Sesungguhnya kekanda adalah berkata benar."

Seorang Arab Badawi telah melihat wajah Rasulullah s.a.w. dan dapat merasakan tanda-tanda cahaya kenabian yang bersinar di wajah Rasulullah s.a.w., lalu berkata! "Demi Allah, wajah ini bukan wajah seorang pendusta!

Sewaktu Hercules bertanyakan Abu Sufiyan tentang Rasulullah s.a.w. sedangkan ia masih dalam agama syirik.

"Pernahkah engkau atau dia itu dusta."

Jawab Abu Sufiyan:

"Tidak."

Maka Hercules pun berkata:

"Tidak mungkin ia tidak melakukan dusta kepada manusia, sedangkan dia sanggup berlaku dusta ke atas Allah."

Risalah Islam seluruhnya adalah benar.

وَالَّذِى جَآءَ بِالصِّدْقِ وَصَدَّقَ بِهِ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ.

Terjemahan: Dan (nyatalah bahawa) yang membawa kebenaran (Tauhid dan hukum agama) serta ia (dan pengikut-pengikutnya) mengakui kebenarannya (dengan mematuhi hukum itu), mereka itulah orang yang bertaqwa.

(Al-Zumar 39:33)

Maksudnya Rasulullah s.a.w. telah datang dengan kebenaran, dan orang mukmin membenarkan dengan risalah atau kerasulannya, maka mereka itulah orang yang benar-benar bertaqwa kepada Allah.

Allah telah menyuruh para mukmin supaya bertaqwa kepada Allah, dan supaya bersama orang yang benar-benar (*sadiqin*) dalam jihadnya, keikhlasannya, dan pengorbanannya kerana menegakkan Kalimah Allah. Menggabungkan diri bersama dengan orang *Sadiqin* akan menambahkan lagi tenaga keimanan, keyakinan dan hidayat.

يٰأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللهَ وَكُوْنُوْا مَعَ الصّٰدِقِيْنَ.

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang yang benar.

(Al-Taubah 9:119)

هٰذَا يَوْمُ يَنْفَعُ الصّٰدِقِيْنَ صِدْقُهُمْ.

Terjemahan: Inilah hari (Kiamat) yang (padanya) orang yang benar (pada tutur kata dan amal (perbuatan) mendapat manfaat daripada kebenaran mereka).

(Al-Maidah 5:119)

Allah memberikan berita gembira kepada para mukmin dengan kedudukan yang mulia lagi tinggi yang diistilahkan oleh al-Qur'an:

وَبَشِّرِ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْٓا أَنَّ لَهُمْ قَدَمَ صِدْقٍ عِنْدَ رَبِّهِمْ.

Terjemahan: Dan sampaikanlah berita yang menggembirakan kepada orang yang beriman, bahawa bagi mereka ada persediaan yang sungguh mulia di sisi Tuhan mereka (disebabkan amal-amal salih yang mereka kerjakan).

(Yunus 10:2)

إِنَّ الْمُتَّقِيْنَ فِي جَنَّتٍ وَنَهَرٍ. فِي مَقْعَدِ صِدْقٍ عِنْدَ مَلِيْكٍ مُّقْتَدِرٍ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang bertaqwa, ditempatkan dalam taman-taman syurga (yang indah) dan (dekat) di beberapa sungai. Di tempat yang sungguh bahagia, di sisi Tuhan mereka yang menguasai segala-galanya, lagi yang berkuasa melakukan sekehendaknya.

(Al-Qamar 54:55)

Allah juga menyuruh Rasul-Nya supaya memohon kepada Allah agar dimasukkan *"Mudkhala Sidqin/*pintu kemasukan yang benar dan dikeluarkan *"Mukhraja Sidqin/*pintu keluar yang benar:

وَقُلْ رَّبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقٍ.

Terjemahan: Dan pohonkanlah (wahai Muhammad dengan berdoa): "Wahai Tuhanku! masukkanlah daku ke dalam urusan agamaku dengan kemasukan yang benar lagi mulia, serta keluarkanlah daku daripadanya dengan cara keluar yang sebenar lagi mulia.

(Al-Isra' 17:80)

Sifat *sidq* akan memberikan ketenangan kepada jiwa yang mulia. Dusta pula menggelisahkan hati, dan menjadikan ia resah dan kebingungan.

Daripada al-Hassan bin Ali katanya: Saya hafal sebuah Hadith daripada Rasulullah s.a.w.

دَعْ مَايَرِيْبُكَ إِلَى مَالاَ يَرِيْبُكَ فَإِنَّ الصِّدْقَ طُمَأْنِيْنَةٌ وَالْكِذْبُ رِيْبَةٌ.

Terjemahan: Tinggalkan apa-apa yang meragukan kepada yang tidak meragukan kesan benar itu adalah kedamaian dan dusta itu keraguan."

(Riwayat al-Tirmizi)

Benar atau *sidq* dalam perjuangan jihad adalah petanda yang praktik kepada kejelasan iman.

فَإِذَا عَزَمَ الْأَمْرُ فَلَوْ صَدَقُوا اللَّهَ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ.

Terjemahan: Dalam pada itu, apabila perkara (peperangan jihad) itu ditetapkan wajibnya, (mereka tidak menyukainya), maka kalaulah mereka bersifat jujur kepada Allah (dengan mematuhi perintahnya), sudah tentu yang demikian itu amat baik bagi mereka.

(Muhammad 47:21)

Allah memberikan pujian dan sanjungan ke atas mereka yang menunaikan janjinya dengan Allah, iaitu kesabaran dalam peperangan berani dalam menghadapi musuh-musuh dan tidak sekali merasa dan mendiamkan diri.

مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُم مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُ
وَمِنْهُم مَّن يَنتَظِرُ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا.

Terjemahan: Di antara orang yang beriman itu ada orang yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikit pun.

(Al-Ahzab 33:23)

Maksudnya ialah bahawa mereka telah menunaikan janji setia yang diberikan kepada Allah dan mereka tidak sedikitpun akan mengubahnya atau menukarkan dengan yang lain, tetapi telah membenarkan atau membuktikan kebenarannya dengan perjuangan dan pengorbanan sehingga setengah-setengahnya benar-benar telah gugur syahid di medan perang, sementara yang lainnya tetap menunggu saat panggilan untuk gugur syahid demi untuk bertemu dengan teman-teman dahulu yang sentiasa.

Sifat benar adalah punca setiap sifat kemuliaan sebagaimana dusta adalah punca kepada kejahatan dan kefasadan, seperti yang ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah Hadith daripada Ibn Mas'ud.

عَلَيْكُمْ بِالصِّدْقِ فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِىْ إِلَى الْبِرِّ وَأَنَّ الْبِرَّ يَهْدِىْ إِلَى الْجَنَّةِ. وَلاَيَزَالُ الرَّجُلُ يَصْدُقُ وَيَتَحَرَّى الصِّدْقَ حَتَّى يَكْتُبَ عِنْدَاللهِ صِدِّيْقًا. وَإِيَّاكُمْ وَالْكِذْبُ فَإِنَّ الْكِذْبَ يَهْدِىْ إِلَى الْفُجُوْرِ، وَالْفُجُوْرُ يَهْدِىْ إِلَى النَّارِ. وَلاَيَزَالُ الرَّجُلُ يَكْذِبُ وَيَتَحَرَّى الْكِذْبَ حَتَّى يَكْتُبَ عِنْدَاللهِ كَذَّابًا.

Terjemahan: Hendaklah kamu bersifat sidq, kerana sidq membawa kepada kebaikan, dan kebaikan akan membawa ke syurga. Dan akan tetaplah ia bersifat sidq, dan sentiasa mencari sidq sehinggalah ditulis oleh Allah sebagai seorang yang sangat benar "siddiq"...

Jauhilah sifat dusta, kerana dusta akan membawa kepada kejahatan, dan kejahatan akan membawa kepada Neraka. Dan akan tetaplah ia bersifat dusta dan sentiasa akan mencari dusta sehingga dituliskan di sisi Allah sebagai seorang yang sangat dusta (*Kazzab*). Rasulullah s.a.w. juga menjawab satu soalan yang dikemukakan oleh seorang; apakah dia amalan ahli syurga? Jawab Rasulullah s.a.w.:

الصِّدْقُ اِذَا صَدَقَ الْعَبْدُ بَرَّ، وَاِذَا بَرَّ آمَنَ وَاِذَا آمَنَ دَخَلَ الْجَنَّةَ.

Terjemahan: "Sifat sidq/benar manakala seorang hamba itu benar maka ia adalah berbuat kebaikan, dan manakala berbuat kebaikan adalah beriman dan manakala beriman masuklah syurga".

(Riwayat Imam Ahmad dari Ibn Umar)

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

اَرْبَعٌ اِذَا كُنَّ فِيْكَ فَلاَ عَلَيْكَ مَا فَاتَكَ مِنَ الدُّنْيَا، حِفْظُ اَمَانَةٍ وَصِدْقُ حَدِيْثٍ وَحُسْنُ خَلِيْقَةٍ وَعِفَّةٌ فِيْ طُعْمَةٍ.

Terjemahan: Empat sifat jika kesemuanya itu ada pada diri engkau maka tidak perlu merasa kesal atau putus asa atas kehilangan atau ketiadaan daripada nikmat dunia:

Memelihara amanah, berkata benar, berakhlak mulia, terpelihara (bersih) maknanya.

Sifat seorang mukmin itu ialah *sidq,* dan tidak dapat bersatu antara iman dan dusta. Mungkin orang mukmin itu ada yang bersifat pengecut, atau bakhil, tapi tak mungkin ia bersifat dusta kerana Rasulullah s.a.w. telah ditanya:

"Adakah mungkin seorang mukmin itu penakut?
Jawab Rasulullah: "Mungkin."
Adakah mungkin ia bakhil?
Jawabnya: Mungkin.
Adakah mungkin ia dusta?
Jawabnya: Tidak.

Tidak ada suatu sifat yang dibenci oleh Rasulullah s.a.w. lebih daripada sifat dusta. Manakala diketahui daripada setengah-setengah sebabnya yang amat banyak itu ada sifat dusta, maka akan terbukulah di hatinya sehingga diketahui bahawa Allah telah menggerak kepada hati sahabatnya itu untuk bertaubat kepada Allah.

Jenis-jenis Sifat Benar

Sifat *sidq* mempunyai beberapa jenis:

* Benar pada lidah.
* Benar pada mata dan iradah.
* Benar pada azam dan *huniah.*
* Benar pada janji, dan benar pada amal.

Imam al-Ghazali telah menjelaskan secara terperinci yang boleh kita ringkaskan seperti berikut:

1. Benar pada lisan atau benar pada kata-kata iaitu menyampaikan suatu kenyataan atau berita menepati seperti apa yang sebenarnya.

الْبَيْعَانِ بِالْخِيَارِ مَالَمْ يَتَفَرَّقَا فَإِنْ صَدَقَا وَبَيَّنَا بُوْرِكَ لَهُمَا فِي بَيْعِهِمَا
وَإِنْ كَتَمَا وَكَذِبَا سُحِقَتْ بَرَكَةُ بَيْعِهِمَا.

Terjemahan: Kedua orang yang berjual beli bebas untuk memilih selama keduanya tidak berpisah. Jika kedua-duanya benar dan menyatakan (yang sebenar) maka jual belinya diberkati untuk kedua-duanya. Tetapi jika menyembunyikan dan dusta maka dimusnahkan keberkatan jual belinya.

(Riwayat Imam al-Bukhari)

2. Benar pada niat dan ibadah ialah bahawa tidak·ada pendorong untuk membuat suatu amal kebajikan melainkan Allah. Benar dengan pengertian ini termasuk dalam pengertian ikhlas. Oleh kerana itu orang yang tidak ikhlas dalam amal usahanya adalah dusta seperti yang ditegaskan oleh hadith dan juga al-Qur'an di antaranya firman Allah:

وَاللّٰهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكٰذِبُوْنَ.

Terjemahan: Dan Allah menyaksikan bahawa mereka adalah orang yang dusta (dusta pada kata-kata mereka yang mengatakan "Sesungguhnya engkau adalah Rasulullah".

Kata-kata mereka ini adalah benar, tetapi Allah mengatakan itu dusta kerana mereka mengatakan lain daripada apa yang mereka percaya. Maka mereka tidaklah ikhlas pada kata-katanya dan mereka adalah dusta dengan penyeksaan Allah sendiri.

3. Benar pada azam dan cita-citanya, iaitu azam cita-citanya untuk mengamalkan suatu amal kebaikan yang telah diazam atau dicita-citakan itu adalah bulat dan benar tanpa teragak-agak. Jiwanya sentiasa penuh dengan azam untuk melakukan kebaikan.

4. Benar dalam melaksanakan keazaman. Menurut Imam al-Ghazali sifat benar ini lebih hebat daripada sifat pada tiga perkara yang di atas. Mungkin jiwa seseorang itu akan lebih hebat daripada sifat pada tiga perkara yang di atas. Mungkin jiwa seseorang itu akan serta merta membulatkan azam, kerana biasanya tidak payah atau susah untuk berbuat demikian. Apabila jalan telah terbuka alat kelengkapan sudah tersedia, begitu juga tarikan nafsu dan keseronokannya begitu mempesona, maka azam yang telah bulat

itu longgar dan terurai, lalu tidak dapat dilaksanakannya. Ini juga bertentangan dengan sidq atau benar. Suatu contoh dapat diberikan oleh sebuah Hadith, yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi daripada Fadalah bin 'Ubayd, katanya bahawa Sayyidina Umar berkata: Saya mendengar bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

الشُّهَدَاءُ أَرْبَعَةٌ رَجُلٌ مُؤْمِنٌ جَيِّدُ الْاِيْمَانِ لَقِيَ الْعَدُوَّ فَصَدَّقَ اللهُ حَتَّى قُتِلَ فَذَلِكَ الَّذِىْ يَرْفَعُ النَّاسُ اِلَيْهِ اَعْيُنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ هَكَذَا وَرَفَعَ رَأْسَهُ حَتَّى وَقَعَتْ قَلَنْسُوَتُهُ قَالَ الرَّاوِى: لاَ اَدْرِى قَلَنْسُوَةَ عُمَرَ اَوْ قَلَنْسُوَةَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ وَرَجُلٌ جَيِّدُ الْاِيْمَانِ اِذَا لَقِيَ الْعَدُوَّ فَكَأَنَّمَا يَضْرِبُ وَجْهَهُ بِشَوْكِ الطَّلْحِ اَتَبْاهُ سَهْمٌ غَائِرٌ فَقَتَلَهُ فَهُوَ فِىْ الْدَرَجَةِ الثَّانِيَةِ وَرَجُلٌ مُؤْمِنٌ خَلَطَ عَمَلاً صَالِحًا وَآخَرُ سَيِّئًا لَقِيَ الْعَدُوَّ فَصَدَّقَ اللهُ حَتَّى قُتِلَ. فَذَلِكَ فِىْ الْدَّرَجَةِ الثَّالِثَةِ. وَرَجُلٌ اَسْرَفَ عَلَى نَفْسِهِ لَقِيَ الْعَدُوَّ فَصَدَّقَ اللهُ حَتَّى قُتِلَ فَذَاكَ فِىْ الْدَّرَجَةِ الرَّابِعَةِ.

Terjemahan: Orang yang menerima gelaran syahid di medan perang sabil ialah empat peringkat:

Pertama: Seorang mukmin yang baik imannya, berhadapan dengan musuh, lalu membenar (janjinya dengan) Allah sehingga gugur syahid. Orang inilah yang menjadi perhatian dan pandangan orang ramai pada Hari Kiamat seperti ini Rasulullah pun mendongakkan kepalanya sehingga songkoknya terjatuh.

Kedua: Seorang yang mukmin yang baik imannya, manakala berhadapan dengan musuh ia merasa seolah-olah mukanya dicocok dengan duri, lalu sebatang anak panah musuh telah mengenainya sehingga gugur syahid. Dia ini berada di peringkat kedua.

Ketiga: Seorang mukmin yang amalan kebaikannya dicampuri dengan kejahatan, manakala berhadapan dengan musuh ia telah membuktikan (janjinya) dengan

Allah, sehingga gugur syahid. Dia ini berada di peringkat ketiga.

Keempat: Seorang yang melampau batas ke atas dirinya berhadapan dengan musuh, lalu membuktikan akan benar (janjinya kepada) Allah sehingga gugur syahid di medan perang. Dia ini berada di peringkat keempat.

Allah s.w.t. telah menjadikan keazaman itu sebagai satu janji dan menjadikan pelaksanaannya itu sebagai *sidq* demikian pengabaiannya sebagai dusta.

Mujahid menceritakan: Dua orang telah keluar di khalayak ramai, lalu berkata secara terbuka, "Sekiranya kami diberikan rezeki nescaya akan kami bersedekah," tetapi ternyata kemudiannya mereka bakhil. Maka turunlah ayat:

وَمِنْهُمْ مَّنْ عَٰهَدَ اللهَ لَئِنْ ءَاتَٰنَا مِنْ فَضْلِهِ لَنَصَّدَّقَنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنَ
الصَّٰلِحِينَ. فَلَمَّآ ءَاتَٰهُم مِّنْ فَضْلِهِ بَخِلُوا بِهِ وَتَوَلَّوْا وَّهُم مُّعْرِضُونَ.
فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِي قُلُوبِهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ يَلْقَوْنَهُ بِمَآ أَخْلَفُوا اللهَ مَا وَعَدُوهُ
وَبِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ.

Terjemahan: Dan di antara mereka ada yang telah membuat janji kepada Allah (dengan berkata), "sesungguhnya jika Allah memberikan kepada kami daripada limpah kurnianya, tentulah kami akan bersedekah, dan tentulah kami akan menjadi daripada orang yang salih." Kemudian setelah Allah memberikan kepada mereka daripada limpah kurnianya, mereka bakhil dengan pemberian Allah itu serta mereka membelakangkan janjinya, dan sememangnya mereka orang yang senantiasa membelakangkan (kebajikan). Akibatnya Allah menimbulkan perasaan munafik dalam hati mereka (berkekalan) hingga masa mereka menemui Allah, kerana mereka telah memungkiri apa yang mereka janjikan kepada Allah, dan juga kerana mereka senantiasa berdusta.

(Al-Taubah 9:75, 77)

5. Benar pada amalan: Iaitu berusaha dengan bersungguh-sungguh supaya amalan lahir seseorang itu, benar-benar menepati dengan yang tersembunyi dalam dirinya. Seorang yang sembahyang kerana Allah pada lahirnya, hendaklah juga pada batinnya kerana Allah. Amalan-amalan yang menepati lahir dengan batin adalah amalan suci, yang melambangkan ketulusan beribadat kepada Allah. Bukannya secara menipu diri dengan berlaku benar pada lahir sahaja, tetapi pada batinnya tidak. Jadi benar pada awal itu adalah kelurusan antara batin yang tersembunyi dengan lahir yang nyata, atau tegasnya batin itu sama dengan lahirnya atau lebih baik daripada zahirnya.

Antara contohnya ialah apa yang dikesan oleh Abdul Wahid bin Zayyid ketika menggambarkan peribadi Hassan, "Apabila menyuruh sesuatu perkara maka dialah orang yang begitu kuat mengamalkannya. Apabila menegah sesuatu perkara maka dialah orang yang paling bersungguh-sungguh menjauhkannya. Aku tidak pernah melihat seorang yang sama antara batin dan zahirnya."

6. Sifat sidq (benar) yang paling tinggi dan paling mulia ialah *sidq* pada maqam-maqam dalam agama, seperti sifat *sidq* takut kepada Allah, *sidq* pada pengharapannya, dan *sidq* pada pengagungannya, pada zuhudnya, pada keredaannya, pada tawakalnya, dan lain-lain. Setiap maqam-maqam itu mempunyai prinsip-prinsipnya yang tersendiri dan mempunyai matlamat dan hakikat-hakikatnya. Allah berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَٰهَدُوا
بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ اللهِ أُولَٰئِكَ هُمُ الصَّٰدِقُونَ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang sebenarnya beriman hanyalah orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang yang benar (pengakuan imannya).

(Al-Hujurat 49:15)

لَّيْسَ الْبِرَّ أَن تُوَلُّوا۟ وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَٰكِنَّ الْبِرَّ مَنْ
ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْأٓخِرِ وَالْمَلَٰٓئِكَةِ وَالْكِتَٰبِ وَالنَّبِيِّـۧنَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَىٰ
حُبِّهِۦ ذَوِى الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَٰمَىٰ وَالْمَسَٰكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّآئِلِينَ وَفِى
الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَوٰةَ وَءَاتَى الزَّكَوٰةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَٰهَدُوا۟
وَالصَّٰبِرِينَ فِى الْبَأْسَآءِ وَالضَّرَّآءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُو۟لَٰٓئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا۟
وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ.

Terjemahan: Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke arah timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah beriman seseorang itu kepada Allah, dan Hari Akhirat, dan segala malaikat, dan segala kitab, dan sekalian Nabi, dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, kepada kaum kerabat dan anak-anak yatim, dan orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan dan kepada orang yang meminta dan anak untuk memerdekakan hamba-hamba sahaya dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat, dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan dan dalam masa kesakitan dan (juga) dalam masa bertempur (dalam perjuangan perang sabil). (Orang yang sifatnya demikian), mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan), dan mereka itulah juga orang yang bertaqwa.

(Al-Baqarah 2:177)

Usaha untuk mencapai matlamat tadi amatlah susah, tetapi mulia. Tidak ada batas matlamat kepada maqam-maqam tersebut sehingga boleh dicapai kemuncaknya. Setiap hamba mempunyai bahagiannya mengikut halnya masing-masing. Cuma berbeza dari segi lemah atau kuatnya. Manakala sampai ke darjat yang kuat dinamakan *sidq* (benar).

Darjah *sidq* tidak ada batas penghujungnya. Mungkin seorang

itu benar pada setengah-setengah perkara atau maqam, tapi tidak yang lainnya. Jika seorang itu benar pada keseluruhan perkara berhak menerima gelaran *sidq*.

Kesetiaan adalah juga daripada Sifat Benar

Antara jenis sifat *sidq* ialah menunaikan janji, sama ada dengan Allah atau dengan manusia.

يٰأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْآ أَوْفُوْا بِالْعُقُوْدِ.

Terjemahan: Wahai orang yang beriman penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.

(Al-Maidah 5:1)

يٰأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لِمَ تَقُوْلُوْنَ مَالاَ تَفْعَلُوْنَ. كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللهِ أَنْ تَقُوْلُوْا مَالاَ تَفْعَلُوْنَ.

Terjemahan: Wahai orang yang beriman mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya. Amat besar kebenciannya di sisi Allah – kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.

Al-Saf 61:2, 3)

وَاذْكُرْ فِي الْكِتٰبِ إِسْمٰعِيْلَ إِنَّهُ كَانَ صَادِقَ الْوَعْدِ وَكَانَ رَسُوْلاً نَبِيًّا.

Terjemahan: Dan bacakanlah (wahai Muhammad) dalam kitab al-Qur'an ini akan perihal Nabi Ismail, sesungguhnya ia adalah benar menepati janji, dan adalah ia seorang Rasul, lagi berpangkat Nabi.

(Maryam 19:54)

Daripada Abdullah bin Abu al-Hamsa', katanya, ''Saya telah menjual suatu barang kepada Nabi (s.a.w.) pada masa beliau belum diutuskan menjadi Rasul, dan masih ada baki harganya yang belum dijelaskan kepada saya, saya menjanjikan akan datang di tempatnya, tetapi saya telah lupa, kemudian selepas tiga hari barulah saya

teringat, maka saya pun segera pergi ke tempat yang dijanjikan. Saya dapati Nabi masih ada di tempat itu, lalu Nabi berkata: "Wahai orang muda! Sesungguhnya engkau sangat menyusahkan saya, sejak tiga hari saya di sini kerana menunggu mu."

Menunaikan janji adalah sifat yang baik dan mulia yang menyebabkan seseorang itu dipercayai, dan boleh membawa kepada kejayaan dan kemenangan. Dia dianggap sebagai salah satu sifat yang dibanggakan oleh orang yang bertamadun, dianggapnya sebagai salah satu daripada sebab ketinggian dan kemajuan dalam masyarakat Islam telah mewajibkan dan menjadikan fardu. Sesiapa yang membuat janji dan kemudian tidak menunaikan janjinya tanpa ada keuzuran maka ia adalah berdosa, dan menyebabkan ia mempunyai ciri-ciri sifat munafik.

Manakala Abdullah bin Umar hampir wafat beliau menceritakan: Pernah salah seorang daripada Quraisy telah meminang anak perempuannya. Saya telah mengatakan sesuatu yang hampir sebagai satu janji. Demi Allah, saya tidak akan menemui Allah dengan ⅓ daripada sifat munafik. Saksikanlah oleh kamu semua bahawa saya telah kahwinkan anakku dengannya.

Apa yang dibayangkan oleh Ibn Umar tadi ialah kandungan sebuah Hadith.

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيْهِ فَهُوَ مُنَافِقٌ وَاِنْ صَامَ وَصَلَّى، وَزَعَمَ أَنَّهُ مُسْلِمٌ.
اِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ.

Terjemahan: Tiga perkara, sesiapa yang ada padanya adalah seorang munafik, sekalipun puasa, sembahyang dan menyangka ia muslim. Apabila bercakap ia dusta, apabila berjanji ia mungkir, dan apabila diamanahkan ia khianat."

(Riwayat kebanyakan Ahli Sunan)

Manakala seorang itu telah bulat tekad dan azamnya untuk menunaikan janji, kemudian berlaku sebab-sebab yang menghalang daripada melaksanakan janjinya maka tidaklah berdosa, seperti yang ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w.:

وَإِذَا وَعَدَ الرَّجُلُ أَخَاهُ وَمِنْ نِيَّتِهِ أَنْ يَفِيَ فَلَمْ يَفِ وَلَمْ يَجِئْ لِلْمِيعَادِ فَلَا إِثْمَ.

Terjemahan: Manakala seorang itu berbuat janji dengan saudaranya, dan niat dalam hatinya untuk menunaikannya, lalu tidak ditunaikan janjinya, dan tidak datang pada masa yang dijanjikan (kerana keuzuran) maka tidaklah ia berdosa.

(Riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi)

Bergurau dalam Batas Sifat *Sidq*

Diharuskan bergurau dengan kata-kata kerana bersukacita, atau kerana bermesra, atau menarik rasa hati tetapi pada batas yang hak dan benar, serta tidak menyakiti hati orang lain. Itulah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. seperti yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi daripada Abu Hurairah katanya: Para sahabat bertanya, Rasulullah: *Wahai Rasul, engkau bergurau dengan kami? Jawab Rasulullah yang bermaksud: Sesungguhnya aku sekalipun bergurau dengan kamu, tidak mengatakan melainkan yang hak (benar).*

Di antara gurauan Rasulullah ialah kisah yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan Abu Daud daripada Anas katanya: *Ada seorang berkata kepada Rasulullah: Wahai Rasul tolong berikan saya tunggangan yang membawa saya. Jawab Rasulullah: Boleh Aku berikan anak Naqah (unta) kata orang itu lagi: Apa yang boleh saya buat dengan anak unta? Jawab Rasulullah lagi: Tidakkah setiap yang dilahirkan oleh unta itu ialah Huq?*

Diriwayatkan daripada Hasan pula katanya: Suatu hari Rasulullah s.a.w. telah berkata kepada seorang perempuan tua: *"Orang tua tidak masuk syurga."* Maka perempuan tua itupun merasa begitu sedih. Segera Rasulullah bersabda: Pada ketika itu engkau tidak tua, seraya membacakan ayat:

إِنَّا أَنْشَأْنَاهُنَّ إِنْشَاءً. فَجَعَلْنَاهُنَّ أَبْكَارًا. عُرُبًا أَتْرَابًا.

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menciptakan isteri-isteri mereka dengan ciptaan Istimewa. Serta Kami

jadikan mereka senantiasa dara (yang tidak pernah disentuh).

(Al-Waqi'ah 56:35, 36)

Larangan Agama dari Sifat Dusta

Islam sangat mengkeji sifat dusta, dan menjadikannya salah satu dari sifat orang kafir. Seterusnya telah mengancamnya dengan balasan azab seksaan yang amat pedih.

وَلاَ تَقُوْلُوْا لِمَاتَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هٰذَا حَلَلٌ وَهٰذَا حَرَامٌ لِتَفْتَرُوْا عَلَى اللهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِيْنَ يَفْتَرُوْنَ عَلَى اللهِ الْكَذِبَ لاَ يُفْلِحُوْنَ. مَتَعٌ قَلِيْلٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيْمٌ.

Terjemahan: Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu, "Ini halal dan ini haram," untuk membuat kata-kata dusta terhadap Allah, tidak akan berjaya. (Mereka hanya mendapat) sedikit kesenangan (di dunia), dan (sebaliknya) mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(Al-Nahl 16:116, 117)

إِنَّمَا يَفْتَرِى الْكَذِبَ الَّذِيْنَ لاَيُؤْمِنُوْنَ بَآيٰتِ اللهِ وَأُوْلَٰئِكَ هُمُ الْكٰذِبُوْنَ.

Terjemahan: Sebenarnya yang tergamak membuat dusta itu hanyalah orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan mereka itu ialah orang yang bertabiat dusta.

(Al-Nahl 16:105)

وَيَوْمَ الْقِيٰمَةِ تَرَى الَّذِيْنَ كَذَبُوْا عَلَى اللهِ وُجُوْهُهُمْ مُسْوَدَّةٌ.

Terjemahan: Dan pada Hari Kiamat engkau akan melihat orang yang berbuat dusta terhadap Allah (yang merungutkan kesedihan itu), muka mereka hitam legam.

(Al-Zumar 39:60)

Mungkin ada setengah-setengah manusia yang memperkecilkan kemuliaan sifat *sidq* dan merasa kesedapan pula dengan sifat bohong atau dusta kerana untuk mengajak orang ramai suka dan ketawa. Tetapi Islam menegah perbuatan ini kerana menjaga dan mengawal kerosakan dan menyekat supaya bohong itu tidak menjadi kebiasaan sekali dalam keadaan yang tidak membahayakan orang lain, dirinya, nyawanya atau maruahnya, kerana Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

وَيْلٌ لِلَّذِيْنَ يُحَدِّثُ لِحَدِيْثٍ لِيُضْحِكَ بِهِ الْقَوْمَ فَيَكْذِبُ، وَيْلٌ لَهُ وَيْلٌ لَهُ.

Terjemahan: Celakalah bagi orang yang bercerita untuk menjadikan orang ramai suka dan ketawa lalu (sanggup) ia berdusta! Celakalah dia dan celakalah dia.

(Riwayat Abu Daud, al-Nasa'i, al-Bayhaqi, al-Tirmizi daripada Bahaz bin Hakim)

Islam menghendaki supaya setiap orang tepat dan cepat pada apa yang dikatakan atau diceritakan. Ini memastikan bahawa seseorang itu tidak menceritakan setiap yang didengarnya, kerana berita itu ada yang benar dan ada yang dusta. Sesiapa yang menceritakan setiap yang didengar maka ia tidak terjamin terselamat daripada dusta. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. bersabda:

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا اَنْ يُحَدِّثَ مَاسَمِعَ.

Terjemahan: Memadailah seorang itu berbohong apabila menceritakan setiap yang didengar.

(Riwayat Imam Muslim daripada Abu Hurairah)

Di antara sifat dusta yang paling keji ialah dusta yang dilakukan oleh pemimpin yang tidak menilai tanggungjawabnya.

ثَلاَثٌ لاَ يُكَلِّمُهُمُ اللهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلاَ يُزَكِّيْهِمْ وَلاَ يَنْظُرُ اِلَيْهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ اَلِيْمٌ. شَيْخٌ زَانٍ، وَمَلِكٌ كَذَّابٌ وَعَائِلٌ مُسْتَكْبِرٌ.

Terjemahan: Tiga golongan yang tidak akan dilayan cakap oleh Allah pada hari kiamat, tidak dibersihkan, dan tidak dipandang oleh Allah (dan bagi mereka itu disediakan azab yang pedih: Orang tua yang berzina, Raja yang dusta, dan orang fakir yang takbur.

(Riwayat Imam Muslim daripada Abu Hurairah)

Saksi dusta adalah sekeji-keji dusta: Demikian ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w.:

اَلاَ أُنَبِّئُكُمْ بِأَكْبَرِ الْكَبَائِرِ: اَلْاِشْرَاكُ بِاللهِ وَعُقُوْقُ الْوَالِدَيْنِ. وَكَانَ مُتَّكِئًا فَجَلَسَ وَقَالَ: شَهَادَةُ الزُّوْرِ. فَمَا زَالَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكَرِّرُهَا حَتَّى قُلْنَا: لَيْتَهُ يَسْكُتُ.

Terjemahan: Bolehkah Aku beritakan tentang sebesar-besar dosa: Menyekutukan Allah, menderhakakan kedua ibu bapa, Rasulallah sedang bertongkat lalu duduk, dan menyambung sabdanya: Tidakkah Aku katakan, "Saksi dusta." Rasulallah mengulangi berkali-kali sehingga kami mengatakan hendaknya. Baginda tidak mengulang lagi.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Demikian jugalah akan dianggap dusta manakala menjanjikan sesuatu pada kanak-kanak kemudian tidak ditunaikan. Begitu juga apabila seorang itu melahirkan bagi dirinya dengan satu sifat sedangkan dirinya kosong daripada sifat tersebut.

Termasuk juga dalam senarai sifat dusta besar ialah orang menyangka bermimpi yang benar sedangkan sebenarnya tidak, dan akan menerima seksa yang khusus di akhirat seperti yang ditegaskan oleh Hadith daripada Ibn Umar dan Ibn Abbas.

Keharusan Berdusta

Walaupun Islam telah mengharamkan perbuatan dusta atau bohong, dan menjadikannya satu daripada dosa yang paling keji, namun Islam telah mengecualikan daripada itu dalam beberapa

keadaan; iaitu untuk kepentingan atau muslihat umum, seperti dusta pada masa peperangan dengan musuh, atau untuk mendamaikan antara dua yang bersengketa, sama ada antara orang perseorangan, atau antara dua kumpulan atau antara dua kaum, atau bangsa dan negara.

V

AMANAH

Amanah adalah satu daripada sifat yang mulia yang mesti dimiliki oleh setiap orang dalam menghadapi perjuangan hidup demi untuk mencapai matlamat yang diharapkan dan mencapai cita-cita yang diazamkan. Suatu masyarakat itu tidak akan dapat dibina dengan kekukuhan melainkan hanya di atas asas-asas yang kukuh dan tetap; antaranya asas amanah. Dengan jelas kita dapat menyaksikan perbezaan antara dua jenis manusia pertama yang amanah atau *al-amin* dan kedua yang khianat atau *al-kha'in*. Orang yang amanah akan menjadi tempat kepercayaan dan penghormatan orang ramai; sebaliknya orang khianat itu pula menjadi tumpuan kemarahan dan kehinaan; Natijahnya kejayaan pada yang pertama dan kegagalannya pada yang kedua.

Semua masyarakat bangsa dan umat menyedari tentang betapa besar kesan-kesan daripada sifat dan akhlak ini dalam kehidupan mereka. Oleh kerana itu semua masyarakat dan bangsa berusaha untuk menyuburkan sifat itu dalam jiwa anggota masyarakatnya, yang telah menjadi faktor yang membawa kepada kemajuan dan tamadunnya.

Amat jelas sekali bahawa setiap umat dan bangsa, demi untuk mencapai kemakmuran dan kesejahteraannya, sangat perlukan kepada suatu pemerintahan atau kerajaan, sama ada dalam bentuk Republik, atau beraja dengan tradisi tertentu. Kerajaan ini tidak akan dapat berjalan tanpa ada pegawai-pegawai dan kakitangannya yang menjalankan segala urusan, sama ada dalam bidang

keselamatan luar dan dalam negeri, atau dalam bidang keadilan dan mencari penyelesaian, atau dalam bidang penghasilan dan jaminan hidup rakyat, atau dalam bidang kebajikan umum dan pendidikan atau dalam berbagai bidang lainnya.

Kesemua pegawai dan kakitangan ini wajib menjalankan tugas dengan sempurna berasaskan kepada sifat amanah. Tanpa sifat ini negara dan bangsa akan runtuh, lemah, dan berlaku berbagai penyakit-penyakit, kerosakan, penyelewengan, yang akan membawa kepada kehancuran umat dan kesengsaraannya, juga akan membawa kepada kehilangan kekuasaan, seterusnya menjadi hamba kepada umat lain.

Amat jelas terbukti bahawa ketinggian sesuatu umat mengatasi umat-umat yang lain ialah kerana perpaduan dan ikatannya yang boleh diumpamakan seperti binaan yang saling kukuh memperkukuhkan antara satu sama lain. Perpaduan dan ikatan kesatuannya itu tidak akan wujud tanpa sifat amanah yang menguasai jiwa mereka, dan menjadi suatu sifat lumrah di kalangan ahli-ahlinya.

Adalah suatu hakikat bahawa amanah adalah asas kepada ketahanan umat, asas kepada kestabilan negara, asas kepada kekuasaan dan kehormatan, di samping menjadi jasad dan roh keadilan. Tanpa amanah kesemuanya itu hanyalah palsu sahaja.

Seruan Islam kepada Sifat Amanah

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya).

فَلْيُؤَدِّ الَّذِي اؤْتُمِنَ أَمَانَتَهُ وَلْيَتَّقِ اللهَ رَبَّهُ.

Terjemahan: Maka tunaikanlah oleh orang yang diamanahkannya itu akan amanahnya dan bertaqwalah kepada Allah, Tuhannya.

(Al-Baqarah 2:283)

Amanah adalah salah satu daripada sifat golongan Abrar:

وَالَّذِيْنَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُوْنَ.

Terjemahan: Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.

(Al-Mu'minun 23:8)

Sifat amanah juga merupakan salah satu unsur kesempurnaan peribadi. Daripada 'Ubadah bin al-Samit meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda (terjemahan):

Berikanlah padaku enam jaminan daripada diri kamu dan aku menjamin syurga untuk kamu: Berlaku benar manakala kamu berbicara; tepatilah manakala kamu berjanji; tunaikanlah manakala kamu diamanahkan; pejamkanlah mata kamu (daripada yang ditegah); peliharalah faraj kamu; tahanlah tangan kamu.

(Riwayat Imam: Ahmad Ibn Habban, al-Hakim dan al-Bayhaqi)

Orang yang ketiadaan enam sifat ini akan menelanjangkannya daripada semua sifat-sifat kemuliaan dan memasukkannya ke dalam golongan orang munafik. Sabda Rasulullah (terjemahan):

Daripada Sayyidina Ali r.a. katanya: Kami duduk bersama Rasulullah s.a.w. lalu muncul seorang daripada keluarga al-Aliyah, dan bertanya kepada Rasulullah. Wahai Rasulullah... beritahulah padaku, apakah suatu yang paling berat dalam agama dan apakah yang paling ringan. Maka jawab Rasulullah s.a.w.: Yang paling ringan dan mudah ialah mengucapkan dua kalimah syahadah, dan yang paling berat, wahai saudari al-Aliyah ialah amanah. Sesungguhnya tidak ada agama bagi orang yang tiada amanah, tiada sembahyang baginya, dan tiada zakat.

(Riwayat al-Bazzar)

Daripada Anas r.a. katanya (terjemahan):

Setiap khutbah yang diberikan oleh Rasulullah kepada kita Rasulullah bersabda: "Tiada iman bagi orang yang

tiada amanah, dan tiada agama bagi orang yang tidak (dipercayai) janjinya.

(Riwayat Imam Ahmad, al-Bazzar, al-Tabrani)

Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda (terjemahan):

Tanda orang munafik itu tiga: Manakala bercakap dusta, manakala berjanji mungkir dan bila diamanahkan khianat.

(Riwayat al-Bukhari)

Dalam satu riwayat lain oleh Muslim (terjemahan):

Sekalipun ia sembahyang, puasa dan menyangka ia seorang Muslim."

Daripada Abdullah bin 'Amr r.a. meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda (terjemahan):

Empat sifat, sesiapa yang ada padanya benar-benar munafik. Dan sesiapa yang ada satu daripadanya adalah mempunyai sebahagian daripada sifat munafik sehinggalah meninggalkannya. Bila diamanahkan khianat; bercakap dusta, bila berjanji mungkir, bila berhakim (dalam perbicaraan) durjana.

(Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Oleh kerana itu syahid di medan perang *Fi sabilillah* dan mati kerana perang sabilillah. Kedua-duanya adalah amalan salih yang paling tinggi di sisi Allah — tidak dapat menebus atau menghapuskan perbuatan khianat.

Daripada Ibn Mas'ud r.a. meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w bersabda (terjemahan):

"Qur'an di medan perang sabil menebus segala dosa melainkan amanah dalam sembahyang, amanah dalam

tutur kata, dan lebih daripada itu semua amanah dalam barang-barang yang diamanahkan."

(Riwayat Abu Na'im dalam al-Hilyah)

Orang yang khianat akan diisytiharkan di hadapan semua makhluk pada Hari Pembalasan kelak, seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Umar r.a. daripada Nabi s.a.w. sabdanya (terjemahan):

Setelah Allah mengumpulkan semua makhluk dari awal hingga akhirnya akan dikibarkan bendera hati setiap pengkhianat, lalu dikatakan: Inilah pengkhianatan si polan bin si polan.

(Riwayat Imam Muslim dan lain-lain)

Diriwayatkan daripada 'Amr bin al-Hamq katanya: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda (terjemahan):

Sesiapa pun jua orang yang sanggup melindungi seorang lain daripada keselamatan darah, nyawanya kemudian telah membunuhnya maka aku adalah terlepas daripadanya, sekalipun yang dibunuhnya itu seorang kafir."

(Riwayat Ibn Majah, Ibn Habban)

Memandangkan betapa besar dosa khianat, Rasulullah s.a.w. sentiasa berlindung dengan Allah daripada sifat khianat.

Daripada riwayat Abu Hurairah r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda:

اللَّهُمَّ إِنِّىْ اَعُوْذُبِكَ مِنَ الْجُوْعِ فَاِنَّهُ بِئْسَ الضَّجِيْعُ وَاَعُوْذُبِكَ مِنَ الْخِيَانَةِ فَاِنَّهَا بِئْسَتِ الْبِطَانَةُ.

Terjemahan: Ya Allah aku berlindung dengan-Mu daripada kelaparan kerana sesungguhnya ia sejahat-jahat teman. Dan aku berlindung dengan-Mu daripada khianat kerana ianya sejahat-jahat kawan.

Keluasan Daerah Amanah

Amanah ialah setiap yang wajib dipelihara dan ditunaikan kepada ahlinya. Pengertian ini memungkinkan keluasan daerahnya yang meliputi semua hubungan. Mematuhi iman dan menghayatinya dengan segala yang diperlukan supaya semakin subur dan tetap subur adalah amanat ikhlas dalam ibadat kerana Allah adalah amanah, membuat ihsan kepada orang perseorangan atau masyarakat adalah amanah, memberikan hak kepadanya yang berhak adalah amanah. Nas-nas cukup jelas membuktikan:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا.

Terjemahan: Sesungguhnya kami telah bentangkan tanggungjawab amanah kami kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakan (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya), dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya (ingatlah!) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

(Al-Ahzab 33:72)

Kesalahan dan kekurangan dalam melaksanakan tanggungjawab ini adalah khianat:

يٰأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَخُوْنُوا اللهَ وَالرَّسُوْلَ وَتَخُوْنُوْٓا أَمٰنٰتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ.

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui salahnya.

(Al-Anfal 8:27)

Dalam bidang hukum. Allah berfirman:

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا الأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهْلِهَا.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya).

(Al-Nisa' 4:58)

Imam Muslim meriwayatkan daripada Abu Zar r.a. katanya: Aku bertanya: Wahai Rasulullah! Tidakkah engkau hendak melantik aku sebagai wakil pemerintah! Maka Rasulullah menepuk bahuku, kemudian bersabda, "Wahai Abu Zar, sesungguhnya engkau lemah, dan tugas itu adalah amanah, dan pada hari kiamat kelak adalah kehinaan dan penyesalan melainkan mereka yang mengambilnya dengan haknya dan menunaikan apa yang wajib ke atasnya dalam amanah tersebut.

Amanah dalam pemerintahan memestikan penyerahan mandat rakyat kepada yang amanah lagi yang punya kekuatan, yang ahli dan ikhlas. Jika diutamakan orang yang sebenarnya berhak dikemudiankan, ataupun mengemudikan orang yang sebenarnya didahulukan maka itu adalah suatu petanda untuk diperangi Allah. Daripada Yazid bin Sufiyan: Katanya, Sayidina Abu Bakar r.a. berkata padaku ketika aku diutuskan menjadi penyusun pemerintah di Syria, "Wahai Yazid! Adakah engkau ada hubungan kekeluargaan di sana. Ingatlah Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ وَلِّى مِنْ أَمْرِ الْمُسْلِمِيْنَ شَيْئًا فَأَمَّرَ عَلَيْهِمْ أَحَدًا مُحَابَاةً فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللهِ لاَ يَقْبَلُ اللهُ مِنْهُ صَرْفًا وَلاَ عَدْلاً حَتَّى يُدْخِلَهُ جَهَنَّمَ.

Terjemahan: Sesiapa yang dilantik untuk menjalankan suatu urusan umat Islam, lalu ia melantik seseorang kerana pilih kasih maka ia menerima laknat Allah, tidak diterima amalan fardu dan sunatnya sehingga dimasukkan ke neraka.

(Riwayat Hakim)

Daripada Ibn Abbas r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

مَنِ اسْتَعْمَلَ رَجُلاً عَلَى عِصَابَةِ الْمُسْلِمِيْنَ وَفِيْهِمْ مَنْ هُوَ أَرْضَى اللهِ مِنْهُ فَقَدْ خَانَ اللهَ، وَرَسُوْلَهُ وَالْمُؤْمِنِيْنَ.

Terjemahan: Sesiapa yang melantik seseorang sebagai pegawainya untuk urusan umat Islam, sedangkan di kalangan umat Islam itu ada orang yang lebih diredai Allah daripadanya maka ia sudah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan juga orang mukmin.

(Riwayat Hakim)

Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda (terjemahan):

Manakala amanah diabaikan maka tunggulah kebinasaannya! Rasulullah ditanya: Wahai Rasul apakah dia yang dimaksudkan dengan mengabaikan amanah? Jawab Rasulullah: "Memberikan urusan kepada yang bukan ahlinya.

Harta negara adalah amanah yang diamanahkan kepada pemerintah. Maka menjadi kewajipan ke atasnya meletakkan harta itu pada tempatnya, membelanjakannya kepada sesuatu yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat atau orang perseorangan, dan kepada perkara yang memberikan kemakmuran dan kebahagiaannya.

Rasulullah s.a.w. telah mengambil sehelai bulu unta kemudian berpaling kepada para sahabat seraya bersabda:

لاَ يَحِلُّ لِيْ مِنْ مَالِكُمْ هَذَا وَلاَ هَذِهِ الْوَبَرَةْ.

Terjemahan: Harta kamu itu tidak halal bagiku, walaupun sehelai bulu unta ini.

Semua hak-hak rakyat yang disyariatkan adalah amanah di atas tengkuk pemerintah. Mereka adalah bertanggungjawab untuk melin-

dungi dan memanfaatkannya:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Terjemahan: Setiap kamu adalah penjaga dan bertanggungjawab ke atas tanggungannya. Imam adalah (ketua negara atau pemimpin adalah penjaga dan bertanggungjawab ke atas rakyatnya).

Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَامِنْ اِمَامٍ يَغْلِقُ بَابَهُ دُوْنَ ذَوِى الْحَاجَةِ وَالْخُلَّةِ وَالْمَسْكَنَةِ اِلاَّ اَغْلَقَ اللهُ اَبْوَابَ السَّمَاءِ دُوْنَ خُلَّتِهِ وَحَاجَتِهِ وَمَسْكَنَتِهِ.

Terjemahan: Setiap pemimpin yang menutup pintunya daripada orang yang memerlukan pertolongan, daripada kefakiran, dan daripada kemiskinan melainkan Allah menutup pintu-pintu langit dan kefakirannya, hajat keperluannya, dan kemusykilannya.

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

Tidak seorang pun daripada umatku yang dilantik untuk menguruskan sesuatu daripada urusan rakyatnya tetapi tidak menjaga sebagaimana menjaga kepentingan dirinya melainkan tidak akan mencium bau syurga.

(Riwayat al-Tabrani dari Ibn Abbas)

Wadi'ah atau Barang Tumpangan atau titipan yang diamanahkan adalah daripada amanah yang besar dalam Islam yang wajib dipelihara dan dikembalikan kepada yang berhak, Rasulullah bersabda:

اَدِّ الْاَمَانَةَ اِلَى مَنِ أْتَمَنَكَ وَلاَ تَخُنْ مَنْ خَانَكَ.

Terjemahan: Tunaikanlah amanah kepada orang yang mengamanahkan kepadamu, dan jangan kamu khianati orang yang mengkhianatimu.

(Riwayat Imam Muslim dan Abu Daud)

Hadith ini mengandungi panduan supaya manusia berpegang dengan kemuliaan sifat amanah hinggakan terhadap orang yang mengkhianati.

Menyimpan rahsia adalah termasuk dalam daerah amanah, kerana memelihara hak-hak sahabat dan kenalan. Jika hal ini dianggap enteng lalu membukakan rahsia orang lain yang boleh memberikan mudarat kepadanya maka perbuatan itu adalah haram, dan tercela jika tidak mengakibatkan yang sedemikian. Malahan sebaliknya hendaklah ia menafikan sekalipun terpaksa berbohong kerana berkata benar itu bukannya wajib secara mutlak. Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْمَجَالِسُ بِالْأَمَانَةِ اِلاَّ ثَلاَثَ مَجَالِسَ: سَفْكُ دَمٍ حَرَامٍ اَوْفَرْجُ
حَرَامٍ اَوِ اقْتِطَاعُ مَالٍ بِغَيْرِ حَقٍّ.

Terjemahan: Semua majlis itu adalah amanah melainkan tiga majlis sahaja: Menumpahkan darah secara haram, kemaluan yang haram, dan merampas harta dan wang tanpa kebenaran.

(Riwayat Abu Daud)

Suatu yang dipinta oleh Islam supaya menjaganya ialah rahsia antara suami isteri seperti yang ditegaskan oleh Hadith (terjemahan):

Sejahat-jahat manusia di sisi Allah dari segi kedudukannya pada hari kiamat ialah orang yang melakukan hubungan suami isteri kemudian menyebarkan rahsia isteri atau suaminya.

(Riwayat Muslim dan Abu Daud)

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda (terjemahan):

Penasihat-penasihat adalah amanah maksudnya ialah wajib amanah dalam semua yang dipinta nasihatnya. Daripada Abu Hurairah juga meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda: Sesiapa yang memberi nasihat kepada seorang dalam sesuatu perkara yang sebenarnya

ia mengetahui bukanlah itu yang dapat dan benar maka sesungguhnya ia telah khianat.

Daripada Abu Hurairah juga meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

يَقُوْلُ اللهُ عَزَّوَجَلَّ: اَنَا ثَالِثُ الشَّرِيْكَيْنِ مَالَمْ يَخُنْ اَحَدُهُمَا صَاحِبَهَ
فَإِنْ خَانَ اَحَدُهُمَا صَاحِبَهَ خَرَجْتُ مِنْ بَيْنِهِمَا.

Terjemahan: Akulah pihak ketiga daripada dua orang yang bersyarikat selama salah seorangnya itu tidak mengkhianati temannya. Jika ia mengkhianatinya maka aku akan mengundur diri daripada kedua-duanya.

VI

MANUSIA DAN MASYARAKAT

Setelah meletakkan asas yang kukuh dengan membentuk kepercayaan atau pandangan hidup berdasarkan rukun iman, membina Islam dengan mengenalkan prinsip rukun Islam seperti mengawal dan memperteguhkannya dengan akhlak yang mulia, maka terlaksanalah satu peringkat daripada langkah-langkah menghayati Islam sebagai cara hidup. Peringkat pertama ini merupakan penyediaan individu-individu atau orang perseorangan yang akan bertindak balas dan berpadu di antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat Islam. Ketiga-tiga asas ini merupakan sendi-sendi utama yang menyambung individu (orang perseorangan) bagi membentuk masyarakat dengan daya ikatan yang teguh.

Apabila kepercayaan, penyerahan diri kepada Allah s.w.t. dan akhlak dijadikan oleh Islam sebagai tali pengikat dan sendi pembentuk masyarakat, maka nyatalah kepada kita bahawa Islam tidak menjadikan bangsa dan warna kulit sebagai asas utamanya. Hakikat ini dijelaskan dalam al-Qur'an:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ
لِتَعَارَفُوٓا۟ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ.

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan

beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih) keturunannya atau bangsanya). Sesungguhnya Allah amat mengetahui lagi amat mendalam pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Al-Hujurat 49:13)

Yang dimaksudkan dengan berkenalan di sini ialah bekerjasama yang erat, pertalian yang teguh dan bantu-membantu untuk kebaikan dengan ikhlas dan jujur sehingga melahirkan masyarakat yang tenteram, adil, tidak dikuasai oleh sifat tamak dan haloba dan pergeseran yang merosakkan ketenteraman dan kehancuran masyarakat. Pertalian seperti ini, tidak dapat dibentuk melainkan menerusi kesatuan kepercayaan cara hidup dan kesatuan nilai akhlak yang murni. Inilah yang menjadi tumpuan dan perhatian Islam dalam membentuk masyarakat yang teguh, maka Islam tidak menjadikan bangsa atau warna kulit sebagai asas utama pembentukan masyarakat Islam.

Apabila setiap orang telah sempurna pembinaan asas keyakinan dan kepercayaannya, membina asas keislamannya dengan memenuhi kehendak rukun Islam dan membentuk akhlak-akhlak individu yang ditetapkan oleh Islam maka langkah selanjutnya ialah meluaskan perkembangan dan pelaksanaan ajaran-ajaran Islam mengenai masyarakat. Masyarakat Islam belumlah lagi sempurna dengan hanya mempunyai konsep keyakinan yang sama dan sama-sama mendirikan asas keIslaman yang terkandung dalam rukun Islam serta mempunyai nilai akhlak yang sama. Malahan terdapat lagi petunjuk-petunjuk Allah s.w.t. dan daripada Rasulullah s.a.w. khususnya mengenai masyarakat yang mesti dilaksanakan bagi membentuk masyarakat Islam yang hakiki dan sebenarnya.

Ajaran utama menghendaki masyarakat seperti yang disarankan oleh Islam ialah masyarakat Islam itu hendaklah berdisiplin dan bertatatertib. Usaha untuk tujuan ini, maka anggota masyarakat Islam yang mempunyai keyakinan yang sama, nilai akhlak yang sama dan telah mendirikan asas-asas keIslaman masing-masing itu hendaklah mempunyai kepimpinannya yang menjadi sumber kebulatan tekad, tindakan dan kegiatan setiap anggota masyarakat. Tanpa pimpinan

yang menjadi tenaga penyatu, disiplin dan pertalian antara anggota masyarakat tidak dapat dicapai. Kerana itulah maka Islam sangat menitikberatkan masalah kepimpinan dan menentukan syarat-syarat yang teliti serta peraturan-peraturan yang sama mengenai pimpinan, dan bimbingan antara pemimpin dengan yang dipimpinnya.

Mengenai masalah kepimpinan ini, pertama sekali Islam menentukan bahawa bidangnya adalah luas. Pemimpin tidak hanya memimpin dalam sebuah negara, pemimpin dalam Islam ialah setiap orang yang diberikan tanggungjawab mengendalikan sesuatu urusan. Oleh kerana setiap orang mempunyai tanggungjawab ini maka setiap orang itu mempunyai peranan memimpin. Seorang manusia ditugas memimpin dirinya maka ia adalah pemimpin. Seorang ayah, diberi tugas memimpin keluarganya, maka ia adalah pemimpin keluarganya. Seorang gabenor diberi tugas memimpin rakyat di wilayahnya, maka ia adalah pemimpin kepada rakyat dalam wilayah kekuasaannya, seorang Perdana Menteri diberi tugas memimpin rakyat di negaranya, maka ia adalah pemimpin rakyat di negaranya. Rasulullah s.a.w. bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّ رَاعٍ مَسْئُوْلٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Terjemahan: Setiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin itu bertanggungjawab mengenai yang dipimpinnya.

(Yang dipersetujui oleh Imam Bukhari dan Muslim)

Sesungguhnya setiap manusia mempunyai tugas-tugas kepimpinan, namun kepimpinan itu berperingkat-peringkat. Salah satu peringkat itu ialah peringkat masyarakat, daripada sebuah kampung hingga ke sebuah negara. Dan daripada sebuah negara kepada kesatuan negara-negara. Perjalanan masyarakat dalam segenap peringkat ini hendaklah berjalan dengan adanya pemimpin dan yang dipimpin. Masyarakat tidak dapat dibiarkan seperti ayam kehilangan ibu.

Pimpinan adalah Tanggungjawab

Pemimpin dalam Islam bukanlah suatu keistimewaan, tetapi ia adalah tanggungjawab. Dengan menjadi pemimpin maka akan ber-

tambahlah tanggungjawabnya. Lebih tinggi bidang kepimpinannya lebih besar pula tanggungjawabnya. Pada mulanya seorang menjadi pemimpin kepada dirinya. Apabila ia membentuk keluarga dan menjadi pemimpin keluarga, tanggungjawab keluarga dan dirinya akan ditambah dan ia akan ditanya mengenai dirinya dan keluarga. Jika ia menjadi ketua bagi sebuah kampung, ia akan ditanya mengenai dirinya, keluarganya dan kampungnya. Demikianlah makin luas bidang kepimpinannya, maka semakin besarlah tanggungjawabnya. Seorang ketua negara, bukan sahaja akan ditanya mengenai dirinya dan keluarganya sahaja tetapi akan ditanya pula mengenai rakyatnya. Apabila tanggungjawab bertambah luas, kewajipannya juga bertambah. Soalan-soalannya di hadapan Allah s.w.t. juga bertambah banyak.

Pimpinan sebagai Dugaan

Oleh kerana dengan menjadi pemimpin, akan bertambah kewajipan seseorang dan makin banyak soalannya di hadapan Allah s.w.t. Maka pemimpin dalam Islam, bukanlah menjadi rebutan. Rasulullah telah meletakkan asas-asas supaya pemimpin itu tidak difahami sebagai keistimewaan, tetapi tanggungjawab. Meskipun makin besar tanggungjawab, makin besar pula ganjaran baik yang disediakan Allah s.w.t. pada hari akhirat kepada sesiapa yang melaksanakan tanggungjawab itu. Namun, jika tanggungjawab itu diabaikan, besarlah risiko dan akibatnya pada hari akhirat. Kerana itu Rasulullah s.a.w. sangat berhati-hati supaya pemimpin itu berada di tangan orang yang kuat dan berkelayakan dari segi ketaatan kepada Allah s.w.t. kekuatan peribadi dan jasmani, kepintaran akal dan dihormati oleh rakyat. Beliau berhati-hati supaya pemimpin itu tidak jatuh ke tangan orang yang lemah sahsiahnya sehingga ia lemah melawan nafsunya, jika ia seorang yang lemah melawan nafsunya sendiri, ia tidak dapat mematuhi Allah s.w.t. dan tidak terselamat daripada faktor-faktor kehancuran seperti rasuah, maksiat dan lain-lain.

Abu Zar al-Ghaffari meriwayatkan:

"Saya berkata kepada Rasulullah s.a.w. Tidakkah Tuan hendak melantik saya untuk mengetuai sesuatu urusan?

Rasulullah s.a.w. menepuk bahu saya dan berkata, "Wahai Abu Zar, engkau adalah lemah, sedangkan pemimpin itu suatu amanah. Pada hari kiamat ia adalah kehinaan dan penyesalan. Melainkan mereka yang mengambilnya dengan hak dan menunaikan kewajipan yang telah ditentukan dalamnya."

Abu Zar bukanlah seorang yang tidak taat kepada Allah s.w.t. dan dikuasai nafsu, tetapi dia adalah manusia yang lemah dalam mengambil tindakan. Dia seorang yang lurus hati dan mempunyai kelemahan-kelemahan yang menghalangnya daripada bersikap tegas terhadap kawan dan lawan. Itu pun dianggap oleh Rasulullah s.a.w. sebagai lemah, apa lagi orang yang kalah di hadapan nafsu, jahil dan tidak beramal.

Rasulullah s.a.w. juga menetapkan dasar bahawa pemimpin itu tidak diberikan kepada orang yang tidak berkelayakan yang meminta atau berusaha dengan tipu daya supaya dia dijadikan pemimpin, kerana sikap seperti itu akan menjadikan pemimpin itu suatu rebutan dan lahir kegiatan dan pengaruh mempengaruhi yang menyebabkan pertimbangan yang betul untuk lantikan menjadi kacau dan menyeleweng. Kerana lantikan itu hendaklah dijalankan dengan pertimbangan dan hasrat yang bersih dan suci. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّا وَاللهِ لَأنُوَلِّىْ هَذَا الْعَمَلَ أَحَدًا سَأَلَهُ أَوْ حَرِصَ عَلَيْهِ.

Terjemahan: Kami demi Allah (s.w.t.) tidak melantik sebagai pengendali tugas ini seorang yang memintanya atau berusaha mendapatkannya.

(Riwayat Imam Muslim)

Pemimpin itu hendaklah dipegang oleh seorang itu berdasarkan hak dan kebenaran. Yakni seseorang itu mempunyai sifat-sifat dan kebolehan-kebolehan yang melayakkan dirinya berada di kerusi pemimpin dan mampu menjalankan kewajipan-kewajipan sebagai pemimpin: Rasulullah s.a.w. bersabda (terjemahan):

"Ia (pemimpin) adalah amanah. Pada hari kiamat ia menjadi punca kehinaan dan penyesalan, kecuali mereka yang

mengambilnya dengan haknya (yakni cukup syarat-syaratnya) dan menunaikan kewajipan-kewajipan yang terkandung dalamnya.

(Diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Zar)

Pemimpin hendaklah sentiasa merendah diri dan mengadakan hubungan baik dengan pengikut-pengikutnya serta bertimbang rasa dan bersikap adil, tidak bertolak ansur terhadap kemungkaran dan penyelewengan di samping itu ia hendaklah seorang yang pemaaf. Dengan itu ia menjadi seorang yang dihormati, kerana akhlaknya yang tinggi dan mulia. Rasulullah s.a.w. bersabda (terjemahan):

Orang yang terpilih di kalangan kamu ialah ketua-ketua kamu yang kami kasihkan mereka dan mereka berdoa untuk kebaikan kamu. Orang yang jahat di kalangan ketua-ketua kamu ialah ketua yang kamu benci mereka dan mereka membenci kamu. Kamu melaknatkan mereka (mengharapkan mereka ditimpa laknat) dan mereka melaknat kamu.

(Diriwayatkan oleh Muslim)

Para pemimpin dan ketua yang telah dilantik hendaklah melantik pembantu-pembantu yang jujur dan berkebolehan, tanda-tanda kejujurannya ialah sentiasa bersikap beriman dan tidak mengampu sehingga membenarkan yang salah dan menyalahkan yang benar. Apa juga yang dikatakan oleh ketua ia membenarkan, walaupun salah. Rasulullah s.a.w. bersabda (terjemahan):

Apabila Allah s.w.t. menghendaki seorang ketua itu menjadi ketua yang baik, ia jadikan pembantunya itu bersikap benar. Jika ia lupa (lupa kepada Allah s.w.t. dan menyeleweng daripada kebenaran) ia mengingatkannya. Jika ia tidak lupa, ia memberi pertolongan dan bantuan kepada ketuanya itu. Jika Allah s.w.t. menghendaki ketua itu menjadi ketua yang lain daripada itu, dijadikan pembantunya seorang yang jahat, jika ia lupa tidak diingatkannya dan jika ia ingat tidak dibantunya.

(Riwayat Abu Daud)

Oleh kerana tugas pemimpin itu berat dan luas, maka ganjaran baik yang disediakan untuk pemimpin di akhirat yang menjalankan kewajipannya adalah besar. Di antara tujuh orang yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. yang akan mendapat perlindungan Allah s.w.t. pemerintah yang adil diletakkan disenarai yang pertama. Sebaliknya, mereka yang menjadi pemimpin sedangkan dia tidak layak dan tidak menjalankan kewajipannya, ia akan menerima balasan yang pedih. Rasulullah s.a.w. bersabda (terjemahan):

> *Sesiapa yang mengetuai urusan orang Islam dan tidak bersusah payah untuk mengendalikan urusan mereka dan tidak memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada mereka, ia tidak akan masuk syurga bersama-sama mereka.*

Seksaan Allah s.w.t. bertambah berat lagi bagi mereka yang menjadikan kedudukan mereka sebagai pemimpin sebagai jalan untuk kepentingan diri mereka dan menipu orang yang mereka pimpin. Rasulullah s.a.w. bersabda (terjemahan):

> *Sesiapa yang dilantik untuk mengetuai urusan orang Islam dan mati ketika ia mengetuai urusan tersebut, padahal dia menipu mereka, ia diharamkan oleh Allah s.w.t. daripada mendapat balasan syurga.*

Oleh kerana tugas pemimpin adalah besar, dan tugas itu tidak dapat dijalankan, melainkan dengan kerjasama daripada orang yang dipimpinnya, maka Allah s.w.t. menentukan supaya orang yang dipimpin itu hendaklah mematuhi ketuanya dalam semua suruhan yang disukai atau tidak, kecuali suruhan untuk melakukan maksiat dan melanggar hukum-hukum Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. bersabda (terjemahan):

> *Wajib ke atas setiap orang Islam mendengar dan mematuhi (perintah Ketua) dalam perkara-perkara yang disukai atau dibencinya, selagi tidak disuruh mengerjakan maskiat. Apabila disuruh mengerjakan maksiat, tidak lagi ia diwajibkan mendengar dan taat.*

Rasulullah s.a.w. bersabda lagi (terjemahan):

Tidak ada ketaatan bagi makhluk (yakni tidak boleh lagi makhluk mematuhi sesuatu suruhan dan arahan) untuk melakukan maksiat terhadap Khaliq (Pencipta, yakni Allah).

Oleh kerana tugas pemimpin itu tidak dapat dijalankan melainkan dengan adanya hubungan baik antara ketua dan pengikut, maka Islam mewajibkan dasar mesyuarat pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat pengikut hendaklah dipertimbangkan dengan sewajarnya, Allah berfirman:

وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ.

Terjemahan: Dan urusan mereka hendaklah dijalankan secara mesyuarat sesama mereka.

(Al-Syura 42:38)

Pendeknya hendaklah sentiasa wujud hubungan baik antara pemimpin dan pengikut dalam membentuk masyarakat. Hubungan baik ini tidak dapat dilaksanakan kecuali apabila wujud akhlak yang tinggi dalam peribadi pemimpin yang sentiasa menjadi contoh dan teladan baik kepada pengikut-pengikutnya.

Akhlak merupakan asas terpenting bagi mengadakan hubungan baik antara anggota-anggota masyarakat itu. Apabila akhlak runtuh, akan hancurlah hubungan baik antara mereka dan masyarakat itu akan berpecah-belah, Rasulullah s.a.w. bersabda (terjemahan):

Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang terpuji.

Memperbaiki akhlak umat adalah tugas utama Rasulullah s.a.w. dan ia adalah juga tugas utama pemimpin-pemimpin. Mereka hendaklah sentiasa berusaha memperbaiki akhlak masyarakat, kerana akhlak itulah sendi yang kuat dan perlu. Tugas pembaikan moral masyarakat ini tidak dapat dicapai, jika pemimpin-pemimpin itu sen-

diri tidak dapat memulakannya dan tidak menampakkan yang ia mengamalkan prinsip-prinsip akhlak yang mulia itu.

Manusia Semulia-mulia Makhluk

Allah s.w.t. telah menjadikan manusia dengan sebaik-baik kejadian. Diberikan kepadanya keistimewaan-keistimewaan yang tidak terdapat pada makhluk-makhluk yang lain, dimuliakan manusia itu sesuai dengan sifatnya sebagai "Khalifah Allah" di bumi untuk memakmurkannya berdasarkan kepada kehendak-kehendak Allah, demi kemakmuran dan kebahagiaan manusia seluruhnya. Allah berfirman:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَٰنَ فِىٓ أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ.

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik cara Kami menjadikan sesuatu, berkelengkapan sesuai dengan keadaannya.

(Al-Tin 95:4)

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِىٓ آدَمَ وَحَمَلْنَٰهُمْ فِى الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ الطَّيِّبَٰتِ
وَفَضَّلْنَٰهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا.

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah muliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah berikan rezeki kepada mereka daripada benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk yang telah Kami jadikan.

(Al-Isra' 17:70)

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّى جَاعِلٌ فِى الْأَرْضِ خَلِيفَةً.

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi."

(Al-Baqarah 2:30)

Yang dikehendaki dengan khalifah dalam ayat ini ialah makhluk yang berkuasa yang dijadikan Allah untuk memakmurkan dunia melalui penyusunan kehidupan makhluk berpandukan hukum-hukum Allah. Untuk itu Allah telah mengutuskan rasul-rasulnya bagi memimpin manusia seluruhnya bermula daripada Nabi Adam a.s. sebagai manusia pertama yang dijadikan Allah, lalu diangkat sebagai Rasul, hinggalah kepada Nabi yang terakhir iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Semuanya adalah khalifah-khalifah Allah yang bertugas menyampaikan hukum-hukum Allah bagi mengatur individu, masyarakat dan negara berdasarkan perintah-perintah Allah yang diwahyukan kepada mereka.

Masyarakat Manusia

Manusia dijadikan Allah secara semula jadinya suka bermasyarakat. Masing-masing perlu memerlukan dan tolong-menolong untuk membina hidup yang lebih bererti demi kepentingan seluruhnya. Tanpa kerjasama yang erat antara satu sama lain maka pembentukan sebuah masyarakat atau negara yang aman makmur tidak mungkin dapat diwujudkan. Untuk itu Allah berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ
لِتَعَارَفُوٓا۟ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ.

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kami di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah amat mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Al-Hujurat 49:13)

Yang dimaksudkan dengan *lita'arafu* dalam ayat ini ialah "kerjasama yang erat" dan bertolongan, dalam usaha-usaha yang

boleh mendatangkan kebajikan bagi membina hidup yang harmoni bagi mewujudkan negara aman makmur di bawah keampunan Allah.

Manusia tidak mungkin boleh hidup sendirian, kerana itu keperluan bermasyarakat timbul dengan sendirinya. Apabila sebuah masyarakat wujud hasil daripada keperluan manusia, maka persoalan membentuk dan menyusun masyarakat itu dengan norma-norma yang diperlukan oleh sebuah masyarakat manusia bukanlah sesuatu yang mudah. Masyarakat yang tidak terpimpin dan tidak berperaturan tidak akan memberikan kebaikan yang diharapkan oleh manusia malah akan mengakibatkan porak-peranda dan huru-hara yang amat dibimbangkan oleh semua manusia.

Bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni, yang amat dihajati oleh setiap insan, maka Allah s.w.t. telah memberikan petunjuk-petunjuk yang kalau diikuti petunjuk-petunjuk itu maka sudah pasti manusia akan berbahagia, kerana Allah yang menjadikan manusia, sudah semesti lebih mengetahui dengan sifat-sifat manusia itu sendiri dan Maha Mengetahui pula dengan keperluan asasi mereka untuk mencapai kebahagiaan, dan kebahagiaan itu adalah matlamat daripada seluruh kehidupan di alam ini.

Allah lebih mengetahui akan jenis-jenis peraturan dan undang-undang yang akan menolong manusia menyusun masyarakat sesuai dengan tabiat semula jadinya. Oleh kerana Allahlah yang menjadikan manusia maka segala undang-undang yang diperlukan oleh manusia untuk menyusun masyarakat mereka sudah semestinya didatangkan oleh Allah juga. Sekiranya hanya manusia sahaja yang dijadikan Allah, sedangkan undang-undang dan peraturan hidup mereka tidak diwujudkan kepada mereka, maka alangkah sukarnya manusia mencari panduan. Kalau pun panduan dan peraturan hidup itu dapat diwujudkan oleh manusia, maka apakah jaminan undang-undang dan peraturan itu sesuai dengan tabiat semula jadi manusia seperti yang dijadikan Allah. Apakah jaminannya pula bahawa undang-undang itu benar-benar untuk kemuslihatan manusia selamanya. Sama ada di dunia ataupun di akhriat. Sebenarnya undang-undang yang didatangkan kepada manusia selain daripada Allah tidak akan menjaminkan kebahagian manusia dalam erti kata yang sebenarnya. Kebahagiaan manusia hanya berada pada mengikut titah perintah Allah, segala titah perintah Allah adalah merupakan keperluan asas bagi manusia untuk mematuhinya, kerana dalam

mentaati titah perintah itu tersembunyi suatu rahsia yang amat besar iaitu tercapai kepuasan jiwa yang akan membawa kepada ketenteraman yang amat dihajati oleh manusia seumumnya. Dengan tercapainya kepuasan jiwa dan ketenteraman yang sebenar akan tercapailah kebahagiaan yang sebenar. Firman Allah:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّيْنِ حَنِيْفًا فِطْرَتَ اللهِ الَّتِيْ فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لاَ تَبْدِيْلَ لِخَلْقِ اللهِ ذٰلِكَ الدِّيْنُ الْقَيِّمُ وَلٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لاَ يَعْلَمُوْنَ.

Terjemahan: (Setelah jelas kesesatan syirik itu maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh daripada kesesatan; (turutlah terus) "Agama Allah" iaitu agama Allah yang menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia daripada semula jadinya lagi) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

(Al-Rum 30:3)

Segala peraturan dan undang-undang yang telah dicipta oleh Allah untuk manusia adalah sejajar dengan tabiat semula jadinya, kerana manusia dan undang-undang kedua-duanya dijadikan oleh Allah dengan yang satu memerlukan yang satu lagi.

Undang-undang yang dicipta Allah adalah sebaik-baik dan seelok-elok undang-undang. Firman Allah:

وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوْقِنُوْنَ.

Terjemahan: Tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih baik daripada Allah.

(Al-Maidah 5:50)

Memang benar, undang-undang Allah adalah undang-undang yang terbaik daripada segala-galanya, bagi orang yang mengerti dan memahami hakikat ajaran dan hukum-hukum Allah. Kita telah beriman dengan agama Allah dengan merelai diri mengaku sebagai "mukmin" yang patuh kepada Allah. Apa erti patuh kepada Allah

kalau tidak patuh kepada titah perintah-Nya? Bagaimana kita boleh mengakui Allah itu Tuhan yang sebenar, tetapi tidak yakin dengan undang-undang-Nya. Apakah ada lagi selain daripada Allah yang mampu mencipta hukum dan undang-undang yang lebih baik daripada ciptaan Allah. Tidakkah makhluk-makhluk itu semua adalah ciptaan Allah. Bagaimana mereka boleh mengatasi kuasa yang menjadikan mereka? Allah s.w.t. berfirman:

أَفَغَيْرَ اللهِ أَبْتَغِى حَكَمًاوَهُوَ الَّذِىٓ أَنْزَلَ إِلَيْكُمُ الْكِتٰبَ مُفَصَّلاً وَالَّذِيْنَ
ءَاتَيْنٰهُمُ الْكِتٰبَ يَعْلَمُوْنَ أَنَّهُ مُنَزَّلٌ مِّنْ رَّبِّكَ بِالْحَقِّ فَلاَتَكُوْنَنَّ مِنَ
الْمُمْتَرِيْنَ.

Terjemahan: (Katakanlah wahai Muhammad) patutkah aku (terpedaya dengan kata-kata dusta syaitan-syaitan itu sehingga aku) hendak mencari hakim selain daripada Allah, padahal Dialah yang menurunkan kepada kamu kitab (al-Qur'an) yang jelas nyata (kandungnya) satu persatu (tentang yang benar dan yang salah)? dan orang yang Kami berikan kitab, mengetahui bahawa al-Qur'an itu adalah diturunkan daripada Tuhanmu dengan sebenar-benarnya. Oleh itu, jangan sekali-kali engkau menjadi (salah seorang) daripada golongan yang ragu-ragu.

(Al-An'am 6:114)

Dengan keterangan-keterangan di atas cukuplah untuk membuktikan bahawa segala peraturan dan hukuman-hukuman Allah adalah sesuai dengan tabiat semula jadi manusia. Manusia diciptakan Allah untuk menyambut seruannya, bagi mematuhi segala kehendak-kehendak yang terkandung dalam ajaran-ajarannya. Ajaran-ajaran itu adalah panduan asas untuk manusia menyusun masyarakat dan mengatur hidup menuju keredaan Allah.

Pentingnya Penyusunan Masyarakat Berdasarkan Petunjuk Allah

Manusia adalah makhluk Allah yang terdiri daripada jasad dan roh. Kedua-dua unsur tersebut mengakui keperluan-keperluan tertentu yang tidak sekali-kali boleh diabaikan. Manusia perlu memenuhi

kehendak kedua-duanya agar seimbang hidupnya dan terjamin kebahagiaannya. Untuk mencapai tujuan itu, Islam telah menggariskan panduan-panduan untuk manusia bermasyarakat, seperti yang terkandung dalam pengajaran-pengajaran Islam yang dipetik daripada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Allah s.w.t. telah mengingatkan manusia akan kecelakaan yang akan menimpa, sekiranya tidak dipelihara perhubungan yang sebaik-baiknya antara manusia dengan Allah dan antara manusia dengan manusia. Firman Allah:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذِّلَّةُ أَيْنَ مَاثُقِفُوٓا۟ إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ.

Terjemahan: Mereka ditimpakan kehinaan (daripada segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab daripada Allah dan adanya sebab daripada manusia.

(Ali Imran 3:112)

Ayat yang tersebut di atas, walaupun dalam kontek mengisahkan orang Yahudi, namun demikian pengajaran daripada ayat itu sama dan untuk siapa sahaja. Implikasi daripada terpisahnya hubungan antara manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia adalah sama walaupun bangsa apa sekalipun. Oleh itu persoalan pentingnya ialah mewujudkan sebuah masyarakat yang dalamnya terjalin hubungan dengan Allah supaya tidak terputus, dan mustahaknya dijaga perhubungan baik sesama manusia agar sentiasa erat. Oleh kerana persoalan perhubungan manusia dengan Allah telah diperkatakan sebelum ini, maka dalam bahagian ini akan dibincangkan perhubungan manusia dengan manusia yang menjadi salah satu ciri utama pembentukan masyarakat Islam.

Manusia mempunyai sifat-sifat semula jadi yang berbagai-bagai daripada sifat-sifat itu lahirlah keinginan yang bermacam-macam dan tindak-tanduk dalam hidupnya yang berbagai ragam dan corak. Jika sekiranya keinginan dan tindak-tanduk manusia tidak dibentuk dan dikawal dengan sebaik-baiknya maka akan jadilah manusia itu sebagai kekabu yang ditiup angin, tanpa haluan dan tujuan. Di samping itu ia akan menghadapi berbagai-bagai masalah hidup yang sukar dicari penyelesaian dan sukar dibezakan di antara masyarakat manusia dan masyarakat haiwan.

Allah s.w.t. Maha Pengasih lagi Penyayang kepada hamba-Nya. Diturunkan al-Qur'an kepada mereka melalui Rasul-Nya Muhammad s.a.w. untuk menjadi panduan dalam menyusun kehidupan, daripada membentuk peribadi kepada membentuk dan menyusun masyarakat seterusnya menegakkan pemerintahan berdasarkan petunjuk Allah. Dengan mengikut petunjuk-petunjuk itu, manusia akan terpimpin selama mereka terus mendekati Allah dan mengharapkan rahmat-Nya. Daripada rahmat Allah akan tercapailah kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Inilah cita-cita yang sebenar yang hendak dicapai oleh setiap insan.

Kelemahan Manusia yang Memerlukan Kekuatan

Suatu hakikat yang tidak seharusnya dilupakan bahawa dalam kejadian manusia terdapat suatu sifat yang mesti diakui iaitu wujudnya sifat lemah pada manusia itu sendiri. Manusia sejak daripada lahirnya ke dunia ini ada bersamanya kelemahan yang akan terus berkekalan bersama-samanya hinggalah ia mati. Dalam hal ini Allah s.w.t. berkali-kali mengingatkan manusia akan kelemahan-kelemahan itu. Firman Allah:

وَخُلِقَ الْإِنْسَٰنُ ضَعِيفًا.

Terjemahan: Dan kerana manusia itu dijadikan (berkeadaan) lemah.

(Al-Nisa' 4:28)

اللهُ الَّذِى خَلَقَكُمْ مِّن ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا.

Terjemahan: Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas keadaan lemah itu ia menjadikan kamu kuat, setelah itu ia menjadikan kamu lemah semula.

(Al-Rum 30:54)

Kelemahan manusia adalah suatu realiti yang tidak dapat dinafikan. Kita dapat melihat kelemahan itu pada setiap diri manusia, lebih-lebih lagi bila dilihat kepada diri sendiri. Kadang-kadang orang lain menyangka kita kuat, tetapi bagi yang empunya diri akan menyedari akan hakikat dirinya yang senantiasa terdedah kepada kelemahan. Malah dalam setiap kekuatan dan kegagahan ada kelemahan yang tersembunyi di sebaliknya.

Bertolak daripada menyedari hakikat kelemahan dan kekurangan manusia yang sedia ada, maka hendaklah dicari jalan dan ikhtiar untuk mengatasi kelemahan itu sedaya upaya yang boleh. Yang lemah selalunya tidak boleh memberi apa-apa kekuatan kerana bagaimana ia boleh memberi kekuatan, sedangkan ia sendiri tidak memilikinya. Yang lemah sudah semestinya meminta pertolongan daripada yang kuat. Sekiranya yang lemah meminta pertolongan daripada yang lemah sepertinya juga, maka bagaimana permintaan itu dapat ditunaikan.

Semua manusia adalah lemah oleh itu dengan sendirinya dapat difahamkan dalam kontek ini, bahawa manusia tidak boleh mendapat kekuatan daripada manusia. Kalaulah manusia yang memang dijadikan Allah dengan sebaik-baik kejadian dan sesempurna-sempurna makhluk, masih bersifat lemah, maka makhluk mana lagi dalam dunia ini yang kuat dan melebihi manusia. Jelaslah kepada kita bahawa sudah tidak ada makhluk yang boleh memberi pertolongan kepada manusia untuk menguatkannya. Oleh yang demikian ke arah mana manusia mesti menghala untuk meminta pertolongan, tentulah kepada yang Maha Gagah, dan Maha Perkasa, siapakah yang gagah dan perkasa, jawapannya tidak lain lagi melainkan Allah. Firman Allah:

إِنَّ اللهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُوالْقُوَّةِ الْمَتِيْنُ.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah Dialah sahaja yang memberi rezeki (kepada sekalian makhluk-Nya) (dan Dialah sahaja) yang mempunyai kekuasaan yang tidak terhingga lagi yang amat kuat kukuh kekuasaannya.

(Al-Zariyat 51:58)

عَلَّمَهُ شَدِيْدُ الْقُوَى.

Terjemahan: Wahyu itu (disampaikan dan) diajarkan kepadanya oleh (Malaikat Jibril) yang sangat kuat gagah.

(Al-Najm 53:5)

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيْزُ.

Terjemahan: Sesungguhnya Tuhanmu itu Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Kuasa.

(Hud 11:66)

Allah Maha Perkasa, tidak ada yang lebih kuat dan lebih berkuasa daripada Allah. Itulah 'aqidah dan kepercayaan kita. 'Aqidah yang tidak akan luntur selamanya. 'Aqidah itulah yang akan memberi perangsang kepada umat Islam bahawa kelemahan manusia hanya buat sementara. Sementara ia belum beriman kepada Allah. Apabila iman sudah bertapak di hati dan perdampingan dengan Allah dalam erti kata menghasihinya dan menurut titah perintah-Nya, maka pada ketika itulah ia akan menjadi kuat. Kuat dalam erti kata segala masalah-masalah yang dihadapi dalam hidupnya dapat diselesaikan. Segala kebuntuan ada jalan keluarnya. Segala rintangan dan halangan ada cara mengatasinya. Bagaimanakah segalanya tidak dapat diatasi, kerana orang yang memilih Allah sebagai Tuhannya itu bererti ia telah berada di pihak yang amat gagah dan bergantung kepada yang maha kuat? Berlindung kepada yang Maha Perkasa, meminta tolong kepada yang maha pemurah lagi maha mulia, tentulah dengan sendirinya ia juga menjadi gagah.

Jelaslah sekarang bahawa tempat pergantungan manusia yang sebenar ialah kepada Allah s.w.t. Hanya Allah yang akan memberi kekuatan yang sebenar kepada manusia. Kekuatan yang tidak dapat dikalahkan oleh mana-mana kuasa pun, jika kita benar-benar percaya dengan kekuasaan dan kegagahan Allah.

Manusia Memerlukan Petunjuk

Perkara utama yang amat dihajati oleh manusia ialah "petunjuk Allah" atau hidayat Allah. Petunjuk Allah adalah pembuka jalan

dan penyuluh hidup yang sebenarnya. Tanpa hidayat Allah manusia akan kegelapan, akan terpinga-pinga mencari jalan keluar bagi setiap soalan yang dihadapi. Manusia akan menderita dan sengsara meskipun pada lahirnya kelihatan bahagia.

Manusia perlu menyedari kelemahan dirinya, yang memerlukan petunjuk. Petunjuk yang sebenar ialah petunjuk Allah. Allah telah menegaskan dalam firman-Nya:

قُلْ إِنَّ هُدَى اللهِ هُوَ الْهُدَى.

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad) sesungguhnya petunjuk Allah itu adalah petunjuk yang sebenar.

(Al-Baqarah 2:120)

Ayat yang sama juga diulangi Allah dalam surah al-An'am ayat 71, dan surah Ali 'Imran ayat 73. Semuanya menegaskan bahawa petunjuk yang sebenar yang mesti dicari dan diikuti oleh manusia ialah petunjuk Allah, bukan petunjuk yang lain daripadanya. Namun demikian masih banyak terdapat di kalangan umat Islam sendiri yang tidak meyakini petunjuk Allah, malah mengingkari petunjuk itu sebagai petunjuk yang sebenar, lalu mereka mencari petunjuk-petunjuk lain untuk diikuti. Akhirnya bertemulah mereka dengan petunjuk yang dicipta oleh manusia dengan akalnya yang sempit. Dengan petunjuk manusia yang sempit yang ditemui mereka telah mengenepikan petunjuk Allah dan membelakangkannya. Allah telah mengingatkan kita dengan firman-Nya:

أَفَمَنْ يَهْدِيٓ إِلَى الْحَقِّ أَحَقُّ أَنْ يُتَّبَعَ أَمَّنْ لَّا يَهِدِّيٓ إِلَّآ أَنْ يُهْدَى
فَمَالَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُوْنَ.

Terjemahan: (Kalau sudah demikian) maka adakah yang dapat memberi petunjuk hidayat kepada kebenaran itu, lebih berhak diturut, ataupun yang tidak dapat memberi sebarang petunjuk hidayat? Maka apakah alasan sikap kamu itu? Bagaimana kamu sanggup mengambil keputusan (dengan perkara yang selalu yang tidak dapat diterima oleh akal)?

(Yunus 10:35)

Ayat ini jelas menempelak mereka yang mengutamakan buah fikiran manusia semata-mata untuk diikuti dengan membelakangkan petunjuk Allah. Apa yang dihasilkan oleh manusia secara membelakangi petunjuk Allah yang sebenarnya, tidak sekali-kali akan melebihi petunjuk Allah melalui al-Qur'an itu sendiri. Manusia hanya dapat menghasilkan sesuatu bergantung kepada rahmat dan petunjuk daripada Allah jua. Penghasilan manusia itu secara membelakangi petunjuk Allah bukan sahaja tidak dapat mencapai petunjuk yang sebenar daripada pemikiran mereka yang berdasarkan hawa nafsu, malah akan menyesatkan manusia daripada jalan Allah. Firman Allah:

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنِ اتَّبَعَ هَوٰهُ بِغَيْرِ هُدًى مِّنَ اللهِ.

Terjemahan: Dan tidaklah ada yang lebih sesat daripada orang yang menurut hawa nafsunya dengan tidak berdasarkan petunjuk daripada Allah.

(Al-Qasas 28:50)

Bagi orang yang beriman dengan sebenarnya, mereka tidak mempunyai pilihan lain selain daripada petunjuk Allah untuk dijadikan panduan dalam hidup. Petunjuk Allah jelas telah wujud di hadapan kita dengan ayat yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Sunnah serta sumber-sumber pengajaran Islam yang lain. Petunjuk inilah yang mesti kita gunakan dalam merancang kehidupan supaya tidak terbabas daripada landasan yang digariskan untuk manusia. Firman Allah:

فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّى هُدًى فَمَنِ اتَّبَعَ هُدَاىَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَى.

Terjemahan: Kemudian jika datang kepada kamu petunjuk daripadaKu, maka sesiapa yang mengikuti petunjuk itu nescaya ia tidak akan sesat dan ia pula tidak akan menderita azab sengsara.

(Toha 20:123)

Daripada petunjuk Allah lahirlah berbagai sistem Ilahi untuk manusia mengatur hidupnya. Sistem-sistem inilah yang sebenarnya

sesuai dengan fitrah manusia, kerana itu adalah "sunnah Allah" dan sunnah Allah tidak dapat diubah dan dipinda. Firman Allah:

وَلَنْ تَجِدَ لِسُنَّةِ اللهِ تَبْدِيلاً.

Terjemahan: Dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan bagi cara dan peraturan Allah.

(Al-Fath 48:28)

Ayat di atas mengingatkan manusia bahawa peraturan-peraturan Allah itu mesti dipatuhi oleh manusia sekiranya mereka inginkan kebahagiaan yang sebenar. Sekiranya peraturan-peraturan Allah ini ditinggal dan diketepikan maka manusia telah memilih jalan yang tidak sesuai dengan tabiat semula jadinya. Apabila hal ini berlaku maka lahirlah berbagai masalah sosial yang sukar diatasi. Seterusnya manusia akan sengsara akhirnya.

Petunjuk-petunjuk Allah telah datang kepada manusia dan tersedia di hadapan kita untuk diikuti. Telah terbentang jelas untuk dilaksanakan. Firman Allah:

قَدْجَآءَكُمْ مِنَ اللهِ نُوْرٌ وَكِتٰبٌ مُّبِيْنٌ. يَهْدِى بِهِ اللهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلٰمِ وَيُخْرِجُهُمْ مِّنَ الظُّلُمٰتِ إِلَى النُّوْرِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيْهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيْمٍ.

Terjemahan: Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) daripada Allah, dan sebuah kitab (al-Qur'an yang jelas nyata kebenarannya. Dengan (al-Qur'an) itu Allah menunjukkan jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaan-Nya dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka daripada kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang benderang dengan izin-Nya, dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang betul lurus.

(Al-Maidah 5:15-16)

Al-Qur'an adalah kitab petunjuk yang wajib diimani dengan sepenuh hati, petunjuk yang telah mengeluarkan umat Arab jahiliyah daripada kesesatan kepada kebenaran, daripada kufur kepada iman, daripada mundur kepada maju. Bagaimana hal itu boleh tercapai? Bagaimana al-Qur'an menyusun kehidupan umat Arab pada mulanya dan umat lain-lain kemudiannya menuju keredaan Allah? Bagaimana semuanya boleh terhasil akan terjawab segala-galanya dengan kupasan yang berikut itu.

Gambaran Ringkas Masyarakat Jahiliyah

Sebelum Muhammad s.a.w. diutuskan kepada manusia umumnya, masyarakat Arab jahiliyah berada dalam kucar kacir, malah keseluruhan masyarakat manusia pada ketika itu, tidak ada yang boleh dijadikan contoh yang baik sebagai sebuah masyarakat harmoni yang diidamkan oleh manusia. Ketika itu dua kuasa besar, kerajaan Rom dan Parsi, sedang dalam kancah peperangan yang berlarutan. Tindas-menindas terus berlaku. Kekejaman bermaharajalela. Kebenaran hanya berada di pihak yang kuat. Kedaulatan undang-undang hanya berada di pihak yang berkuasa malah dipermainkan undang-undang itu untuk kepentingan diri dan muslihat orang tertentu sahaja.

Suatu gambaran yang ringkas tetapi padat bagi menggambarkan masyarakat Arab Jahiliyah, telah dinyatakan oleh Ja'afar bin Abu Talib kepada Maharaja Najasyi di Habasyah pada ketika beliau berhijrah ke sana di suatu masa pada zaman Rasulullah s.a.w. katanya kepada Najasyi ketika ditanya, tentang masyarakat Arab Jahiliyah:

ايها الملك، كنا قوما اهل جاهلية، نعبد الأصنام ونأكل الميتة، ونأتى الفواحش، ونقطع الارحام، ونسىء الجوار، ويأكل القوى منا الضعيف.

Terjemahan: Wahai Tuanku, kami adalah kaum Jahiliah yang menyembah berhala dan memakan bangkai, Kami melakukan perkara-perkara keji. Memutuskan perhubungan kasih sayang antara kami. Kami memusuhi jiran.

Yang gagah di antara kami menguasai dan penindas yang lemah.

Gambaran seperti di atas telah dijelaskan lagi oleh Prof. Dinson dalam bukunya *"Emotion as the Basis of Civilization"* antara lain kata Prof. Dinson yang bermaksud: Dalam kurun kelima dan keenam (sebelum lahir Muhammad), dunia berada di ambang kemusnahan, kerana runtuhnya nilai-nilai agama yang wujud ketika itu, tanpa suatu harapan yang boleh menyelamatkan manusia seluruhnya. Pada ketika itu sejarah jelas menunjukkan bahawa tamadun umat manusia yang dibina sebelumnya selama empat ribu tahun telah musnah. Umat manusia kembali semula kepada zaman kegelapan. Zaman kunonya, masing-masing berperangan dan berbunuhan. Tiada undang-undang yang dapat dilaksanakan untuk mengawal penindasan. Tamadun manusia telah hancur sehancur-hancurnya. Pada saat-saat seperti itu lahirlah seorang lelaki yang membawa sebaik-baik ubat untuk mengubati penyakit yang sedang merebak, lelaki itu ialah "Muhammad".

Dalam al-Qur'an Allah s.w.t. telah menggambarkan keadaan masyarakat Jahiliah. Firman-Nya:

وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا.

Terjemahan: Dan kenangkanlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (pada masa jahiliyah dulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadikan kamu dengan nikmat itu (orang Islam yang) bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu daripada (terjatuh ke dalam) neraka itu, (juga dengan nikmat Islam).

(Ali 'Imran 3:103)

Al-Qur'an juga menggambarkan kekejaman Arab Jahiliah. Firman Allah:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِالْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ. يَتَوَارَىٰ مِنَ الْقَوْمِ مِن سُوءِ مَا بُشِّرَ بِهِ أَيُمْسِكُهُ عَلَىٰ هُونٍ أَمْ يَدُسُّهُ فِي التُّرَابِ أَلَا سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ.

Terjemahan: Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang daripada mereka bahawa ia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang ia menahan perasaan marahnya dalam hati. Ia bersembunyi daripada orang ramai kerana (berasa malu disebabkan) berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang ia beroleh anak perempuan); (sambil ia berfikir) adakah ia akan (berasa malu disebabkan) kerana berita buruk yang disampaikan kepadanya (tentang ia beroleh anak perempuan); (sambil ia berfikir) adakah ia akan memeliharanya dalam keadaan yang hina, atau ia akan menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu.

(Al-Nahl 16:58-59)

Keterangan-keterangan di atas menggambarkan keadaan masyarakat Arab Jahiliyah sebagai masyarakat yang berpecah belah dan kejam. Bermusuh-musuhan antara satu sama lain. Mereka sedang menuju kehancuran di dunia dan neraka di akhirat. Akan tetapi Allah Maha Pengasih lagi Penyayang, lalu menyelamatkan mereka dengan mengutuskan Rasul-Nya Muhammad s.a.w. untuk menyeru ke jalan selamat. Jalan yang diredai Allah itu jalan "Islam" jalan yang akan mententeramkan hidup mereka selamanya.

Islam sebagai suatu Nikmat

Islam adalah suatu nikmat Allah yang terbesar untuk hamba-hamba-Nya. Suatu pemberian abadi yang tidak ternilai, yang merupakan suatu cara hidup yang lengkap Allah berfirman:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا.

Terjemahan: Pada hari ini (ketika ayat itu diturunkan kepada Muhammad s.a.w.) Aku sempurnakan bagimu agamamu. Aku lengkapkan ke atasmu nikmat-Ku dan Aku reda Islam itu menjadi agama kamu.

(Al-Maidah 5:3)

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلاً لاَّمُبَدِّلَ لِكَلِمٰتِهِ وَهُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

Terjemahan: Dan telah sempurnalah Kalimat Tuhanmu (al-Qur'an, meliputi hukum-hukum dan janji-janjinya) dengan benar dan adil tiada (siapa) yang dapat mengubah (sesuatu pun daripada kalimat-kalimat-Nya dan dialah yang senantiasa mendengar, lagi senantiasa mengetahui.

(Al-An'am 6:115)

Dengan sempurnanya agama Islam dan tamatnya wahyu Ilahi kepada manusia melalui Rasul yang diutus. Lengkaplah sudah nikmat Allah kepada manusia dan padatlah ajaran-ajaran Allah untuk diikuti oleh manusia. Berbahagialah orang yang yakin dan patuh kepada-Nya dan berdukacitalah orang yang mengingkari-Nya, kerana bagi mereka itu azab yang amat sengsara.

Masyarakat Jahiliyah Menerima Petunjuk Allah

Umat Arab seperti yang digambarkan di atas tadi akhirnya menerima petunjuk Allah dan menerima Islam sebagai "agama" dan cara hidup yang lurus yang memandu mereka dalam setiap aspek kehidupannya. Mereka mengimaninya dengan sepenuh hati atas keyakinan, seperti yang difirmankan Allah:

وَأَنَّ هٰذَا صِرٰطِي مُسْتَقِيْمًا فَاتَّبِعُوْهُ وَلاَ تَتَّبِعُوْا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيْلِهِ ذٰلِكُمْ وَصّٰكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُوْنَ.

Terjemahan: Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama I. 'am) yang betul lurus, maka hendaklah kamu

menurutnya, dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain daripada Islam), kerana jalan-jalan (yang lain) itu mencerai-beraikan kamu daripada jalan Allah, dengan demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya kamu bertaqwa.

(Al-An'am 6:153)

Terjemahan: Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat (kelak) daripada orang yang rugi.

(Ali-'Imran 3:85)

Dengan iman yang benar-benar jujur, daripada hati yang telah mendapat petunjuk Allah, masyarakat Arab Jahiliyah telah berubah:

1. Daripada menyembah berhala kepada mengabdikan diri kepada Allah yang Maha Berkuasa.
2. Daripada bermusuh-musuhan kepada kasih sayang.
3. Daripada berperangai keji kepada luhur budi.
4. Daripada menipu daya kepada ikhlas mulia.
5. Daripada kekacauan dan peperangan kepada ketenangan dan kedamaian.
6. Daripada penindasan kepada belas kasihan, dan seterusnya daripada mundur merana kepada maju jaya.

Perubahan-perubahan tersebut telah menjadikan masyarakat Arab itu sebagai sebuah masyarakat Islam yang sebenar.

Semuanya itu tidak akan berlaku melainkan dengan rahmat Allah dan petunjuk-Nya. Rahmat dan petunjuk itu dijanjikan Allah akan diberikan kepada orang yang beriman dan beramal salih. Firman Allah:

فَمَنْ يُرِدِ اللّٰهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَٰمِ.

Terjemahan: Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayat petunjuk kepadanya, nescaya ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam.

(Al-An'am 6:125)

أَفَمَنْ شَرَحَ اللهُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَٰمِ فَهُوَ عَلَىٰ نُوْرٍ مِّن رَّبِّهِ.

Terjemahan: Jika demikian, tidakkah orang yang telah dilapangkan dadanya oleh Allah untuk menerima Islam, lalu ia tetap berada dalam cahaya (hidayat petunjuk daripada Tuhannya.

(Al-Zumar 39:22)

وَإِنَّ اللهَ لَهَادِ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْآ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيْمٍ.

Terjemahan: Dan sesungguhnya Allah senantiasa memimpin orang yang beriman ke jalan yang lurus.

(Al-Haj 22:54)

وَعَدَ اللهُ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّٰلِحٰتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِى الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِيْنَهُمُ الَّذِى ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِّنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُوْنَنِى لَايُشْرِكُوْنَ بِى شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذٰلِكَ فَأُوْلَٰئِكَ هُمُ الْفَٰسِقُوْنَ.

Terjemahan: Allah menjanjikan orang yang beriman dan beramal salih di antara kamu (wahai umat Muhammad) Bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemeritahan di bumi, sebagaimana Ia telah menjadikan orang yang sebelum mereka. Khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredainya untuk mereka; Dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (daripada ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepada-Nya dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan-Ku, dan (ingatlah!) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang yang fasik.

(Al-Nur 24:55)

Oleh yang demikian maka tidak hairanlah kita, mengapa masyarakat Arab Jahiliyah yang begitu kucar-kacir telah berubah menjadi umat yang agung, dalam jarak masa yang hanya sepuluh tahun Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabat berada di Madinah. Umat Islam telah menjadi satu kuasa besar yang berjaya menjatuhkan kerajaan Rom dan Parsi. Umat Arab yang menganut Islam telah menjadi umat yang mampu memimpin seluruh manusia kepada kehidupan yang lebih bererti, semuanya adalah berkat hidayat dan bimbingan Allah kepada manusia yang mematuhi ajaran-Nya.

VII

KEWAJIPAN MENDIRIKAN MASYARAKAT ISLAM

Mendirikan sebuah masyarakat yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai keislaman adalah suatu kewajipan yang dibebankan ke atas bahu semua orang Islam. Selagi kewajipan itu tidak terlaksana, maka selama itulah beban tugas itu tidak selesai dan akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah, mengikut daya masing-masing atas kecuaian yang dilakukan ketika hidup di dunia.

Umat Islam di bawah pimpinan Muhammad s.a.w. telah melaksanakan tugas mendirikan masyarakat itu dengan gigih dan cekal. Mereka telah berjaya menunaikan amanah Allah dengan penuh jujur, sehingga terbentuk sebuah masyarakat yang ideal dan menjadi contoh bagi masyarakat manusia seluruhnya.

Peristiwa Hijrah dan Hubungannya dengan Mendirikan Masyarakat Islam

Apabila disebut "Masyarakat Islam" maka akan terbayanglah kepada kita masyarakat Islam pertama yang didirikan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya di Madinah, sebaik sahaja beliau berhijrah ke sana pada tahun 622 M. Penghijrahan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat dengan segala pengorbanan dan kesusahan adalah semata-mata kerana menyahut seruan Allah bagi meninggalkan buat sementara negeri Makkah yang pada ketika itu dipenuhi dengan kekufuran dan kesyirikan, menuju ke kota Madinah, untuk

mendirikan sebuah masyarakat yang terlaksana dalamnya nilai-nilai Islam menurut ajaran Allah dan Rasul-Nya.

Peristiwa hijrah adalah peristiwa yang amat penting dalam sejarah Islam, dalam kontek mendirikan sebuah masyarakat Islam di Madinah. Sebab itu hijrah adalah merupakan kewajipan utama yang mesti dilaksanakan oleh umat Islam pada ketika itu, kerana tanpa hijrah tersebut masyarakat Islam tidak dapat dibentuk.

Dalam berhijrah terkandung tiga perkara yang tidak boleh dipisahkan iaitu iman, hijrah dan jihad.

Iman menjadi titik tolak untuk berhijrah. Hijrah pula merupakan suatu ujian kepada kekuatan iman, yang kelak akan menghasilkan jihad ke jalan Allah bagi menjamin kejayaan dalam perjuangan menegakkan masyarakat Islam. Ketiga untaian rantai itulah yang disebutkan Allah dalam ayatnya.

الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا وَهَاجَرُوْا وَجَٰهَدُوْا فِى سَبِيْلِ اللهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ
أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللهِ وَأُوْلَٰئِكَ هُمُ الْفَآئِزُوْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang yang hanya memberi minum orang Haji dan orang memakmurkan masjid sahaja), dan mereka itulah orang yang berjaya.

(Al-Taubah 9:20)

Umat Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. telah beriman dengan Allah dan telah berhijrah kerana Allah bagi mendirikan masyarakat Islam, juga telah berjihad kerana Allah, oleh itu maka mereka telah memperolehi kejayaan, baik di dunia mahupun di akhirat.

Iman sahaja tidak cukup untuk menjadi seorang hamba Allah yang taat. Iman yang benar-benar ikhlas dan jujur akan mendatangkan hasil yang dapat dilihat. Hasil iman ialah amal yang bersungguh-sungguh menurut segala ajaran Allah, bagi menghasilkan sebuah masyarakat Islam yang terlaksana dalamnya nilai-nilai keIslaman, melalui jihad yang diwajibkan.

Apabila tertanamnya iman dan terlaksana usaha untuk mendiri-

kan masyarakat seperti yang dinyatakan dalam ayat Allah di atas tadi yang menghendaki berhijrah, di samping berjihad ke jalan Allah, maka kejayaan sudah pasti menunggu di hadapan.

Hijrah sebagai suatu Pengorbanan

Sejarah telah mengukirkan kisah-kisah istimewa dan jarang ditemui apabila masyarakat Islam pertama hendak didirikan di Madinah pada tahun 622 M. Sewaktu berlakunya peristiwa hijrah Rasulullah s.a.w. Kisah-kisah itu sebenarnya menggambarkan suatu pengorbanan yang besar yang telah diberikan oleh umat Islam, bagi menyahut panggilan Allah dan Rasul-Nya bagi menubuhkan sebuah masyarakat Islam di Madinah. Oleh kerana mendirikan masyarakat Islam itu merupakan suatu tanggungjawab yang mesti dipikul oleh setiap individu muslim, maka semuanya telah rela menunaikan amanah itu dengan penuh ikhlas dan jujur hingga terlaksananya pembentukan masyarakat Islam pertama di Madinah al-Munawarah.

Hijrahnya Rasulullah s.a.w. dan para sahabat dari Makkah ke Madinah adalah suatu pelaksanaan daripada tuntutan mewujudkan masyarakat itu. Ia juga merupakan suatu ujian terhadap iman seseorang sama ada jujur atau tidak dalam mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya. Ada orang yang telah meletakkan Allah dan Rasul-Nya di atas segala-galanya. Tetapi bagi orang yang munafik dan tidak ikhlas kepada Islam maka mereka akan mencari berbagai-bagai helah untuk melepaskan diri daripada menunaikan perintah Allah itu.

Dalam peristiwa hijrah umat Islam ke Madinah perkara utama yang mesti wujud pada setiap diri orang Islam adalah "niatnya" yang ikhlas kerana Allah dan Rasul-Nya. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. telah bersabda seperti yang diriwayatkan oleh Umar bin al-Khattab:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِىءٍ مَانَوَى. فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ
إِلَى اللهِ وَرَسُوْلِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللهِ وَرَسُوْلِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى
دُنْيَا يُصِيْبُهَا أَوِامْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَاهَاجَرَ إِلَيْهِ.

Terjemahan: Sesungguhnya tiap-tiap pekerjaan itu hendaklah dengan niat, dan bagi tiap-tiap seorang itu apa yang diniatkannya. Siapa yang berhijrah (berpindah dari Makkah ke Madinah) semata-mata kerana Allah dan Rasul-Nya maka perpindahannya itu adalah kerana Allah dan Rasul-Nya. Akan tetapi siapa yang berpindah itu kerana dunia yang hendak dicapainya atau kerana perempuan yang hendak dikahwininya, maka perpindahannya itu adalah kerana perkara-perkara yang dikehendakinya (bukan kepada Allah dan Rasul-Nya)

(Riwayat Kebanyakan Ahli Sunan)

Hadith ini memberi garis panduan yang amat mustahak difahami oleh orang Islam, bahawa niat seorang adalah penentu daripada segala-galanya. Jika niatnya ikhlas kepada Allah dan Rasul-Nya dalam usaha menegakkan masyarakat Islam maka niat itulah yang akan menjadikan usahanya itu betul-betul ikhlas kerana Allah. Jika niat seorang itu kerana suatu yang lain, maka hilanglah keikhlasan kepada Allah. Yang tinggal hanya untuk apa yang diniatkan. Kalau untuk mengejar suatu yang berbentuk keduniaan semata-mata maka perkara itu sahaja yang akan diniatnya.

Penghijrahan umat Islam dari Makkah ke Madinah adalah untuk menyahut panggilan Allah dan Rasul-Nya bagi mendirikan sebuah masyarakat Islam yang ideal, yang akan menjadi contoh selama-lamanya. Usaha seperti itu tidak akan berjaya tanpa iman yang kukuh dan pengorbanan yang benar-benar ikhlas kerana Allah semata-mata bagi mencapai cita-cita tertegaknya sebuah masyarakat yang diredainya bukan kerana kepentingan peribadi dan sebagainya.

Hijrah merupakan titik tolak untuk mendirikan masyarakat Islam, seperti yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya. Langkah ini amat perlu dilaksanakan dan mesti diikuti oleh umat sekalian. Ia adalah penguji iman yang sebenar. Firman Allah:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَٰهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَاوَوا وَّنَصَرُوا

أُوْلَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَّهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ

Terjemahan: Dan orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah (untuk membela Islam), dan

orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang Islam yang berhijrah itu), merekalah orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka beroleh keampunan dan limpah kurnia yang mulia.

(Al-Anfal 8:74)

Melalui ayat di atas, Allah s.w.t. memuji sikap orang Makkah yang berpindah ke Madinah, juga orang Madinah yang menerima kedatangan orang Makkah dengan segala senang hati dan memberi pertolongan kepada mereka itu tanpa mengharapkan balasan selain daripada Allah, mereka itu orang yang telah diakui Allah sebagai "Mukmin yang sebenar", yang akan menjadi teras utama menegakkan masyarakat Islam.

Ayat di atas juga memperlihatkan suatu jaminan Allah tentang "rezeki" yang disediakan untuk orang yang berhijrah. Rezeki itu disifatkan Allah sebagai rezeki yang mulia (*Rizqun Karim*) yang bererti suatu anugerah Allah dengan cara yang paling hormat yang akan mengalir kepada mereka tanpa disedari. Seolah-olah sebagai ganti bagi kerugian yang mereka alami daripada perpindahan itu.

Hijrah sebagai Kemenangan dan Keberuntungan

Di antara orang yang berhijrah ke Madinah ialah seorang sahabat yang kaya di Makkah bernama Suhaib al-Rumy. Apabila beliau hendak berhijrah, orang kafir Makkah telah menahannya. Suhaib telah meminta kepada mereka supaya jangan mengganggu urusannya. Tetapi mereka enggan melepaskannya berhijrah kecuali jika Suhaib menyerahkan semua harta-hartanya kepada mereka. Oleh kerana sudah tidak ada jalan lain untuk membolehkan Suhaib berhijrah ke Madinah dengan selamat, maka semua hartanya diserahkan kepada orang musyrikin yang menahannya. Apabila beliau sampai ke Madinah kisahnya tadi telah diketahui oleh Rasulullah s.a.w. mendengar kisah itu Rasulullah telah berkata:

Terjemahan: Beruntunglah Suhaib, beruntunglah Suhaib.

Peristiwa ini membayangkan bahawa orang berhijrah ke Madinah walaupun dengan hanya sehelai sepinggang, setelah semua harta benda mereka ditinggalkan di Makkah, mereka sebenarnya tidak rugi, mereka beruntung dan sungguh beruntung.

Kisah seperti ini lebih menarik apabila dilihat kepada satu peristiwa lagi yang berlaku ke atas seorang sahabat yang bernama Abdul Rahman bin 'Auf. Beliau adalah seorang hartawan di Makkah. Apabila sampai ke pengetahuannya tentang perlunya semua orang Islam berhijrah ke Madinah, beliau dengan tidak teragak-agak terus berhijrah ke Madinah tanpa membawa sedikit pun harta bendanya yang banyak. Semua ditinggalkan, semata-mata kerana ingin menyahut panggilan Allah dan Rasul-Nya. Apabila sampai ke Madinah, tersebarlah cerita pengorbanannya yang besar, yang sanggup meninggalkan segala-galanya untuk berhijrah. Apabila kisah ini diketahui oleh Rasulullah s.a.w. beliau telah melahirkan simpatinya kepada Abdul Rahman bin 'Auf ini dengan mempersaudarakannya dengan seorang sahabatnya yang kaya di Madinah bernama Sa'id bin al-Rabi'. Semoga dengan persaudaraan itu Abdul Rahman bin 'Auf akan dapat mengecap sedikit sebanyak kesenangan daripada kekayaan Sa'id. Dengan itu terubatlah sedikit sebanyak hati Abdul Rahman yang mungkin runsing dengan hartanya yang ditinggalkan di Makkah. Ketika Rasulullah mempersaudarakan mereka berdua ini di hadapan sahabat-sahabat lain. Sa'id bin al-Rabi' telah menerima Abdul Rahman bin 'Auf dengan ikhlas, dan dengan segala senang hati menawarkan kepada Abdul Rahman bin 'Auf separuh daripada hartanya yang banyak sebagai pemberian saudara kepada saudaranya. Bukan itu sahaja malah Sa'id juga menyatakan kepada Abdul Rahman bin 'Auf bahawa beliau mempunyai dua orang isteri, dan bersedia untuk menceraikan salah seorang daripadanya untuk dinikahkan kepada Abdul Rahman, sebaik sahaja habis idahnya nanti. Dalam suasana seperti itu, Abdul Rahman bin 'Auf telah menunjukkan sikap seorang muslim yang benar-benar ikhlas dalam perpindahannya. Seorang muslim yang tidak mahu membebankan ke atas suadaranya lebih daripada apa yang patut. Seorang yang tidak mengambil kesempatan untuk muslihat dirinya. Abdul Rahman bin 'Auf dengan perasaan terharu mengucapkan terima kasih kepada saudaranya dengan memintanya supaya jangan menceraikan isterinya. Ada pun tentang harta yang dicadangkan untuk diserahkan

kepadanya, beliau mengucapkan terima kasih dan memulangkan balik semua harta-harta kepada Sa'id bin al-Rabi' atas alasan ia tidak begitu perlu kepada harta-harta itu. Kalau hendak diberikan juga harta-harta itu maka berilah kepada orang Islam yang amat memerlukan harta seperti itu. Ada pun saya (kata Abdul Rahman) masih mampu untuk berusaha sendiri, oleh itu katanya hutangkan saya 10 dinar dan tunjukkan kepada saya di manakah tempat orang membeli belah di Madinah. Setelah diberikan kepadanya 10 dinar ia menuju ke pasar Bani Qainuqa'. Dengan 10 dinar itu Abdul Rahman bin 'Auf memulakan usahanya untuk menyara hidup dengan berniaga susu.

Tidak lama kemudiannya Abdul Rahman bin 'Auf telah berkahwin dengan seorang perempuan Madinah dengan membayar emas sebagai maharnya. Akhirnya Abdul Rahman bin 'Auf telah memperolehi keuntungan dan kesenangan yang jika dibandingkan dengan kehidupannya di Makkah dahulu sebelum berhijrah, maka hidupnya di Madinah lebih menguntungkan dunia dan akhirat.

Dalam hubungan ini Allah s.w.t. berfirman:

وَمَنْ يُهَاجِرْ فِى سَبِيْلِ اللهِ يَجِدْ فِى الْأَرْضِ مُرَاغَمًا كَثِيْرًا وَسَعَةً.

Terjemahan: Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur.

(Al-Nisa' 4:100)

Dalam mentaati perintah Allah persoalan yang timbul ialah sejauh mana keimanan seseorang itu kepada Allah. Sekiranya iman yang dimiliki oleh seorang itu benar-benar kuat dan ikhlas, maka persoalan rezeki sudah tidak timbul lagi. Rezeki akan diperolehinya jika sekiranya kita benar-benar percaya kepada Allah. Dengan kepercayaan itu sahabat Rasulullah s.a.w. telah berpindah kerana mereka penuh yakin sepertimana firman Allah:

وَمَنْ يَتَّقِ اللهَ يَجْعَلْ لَّهُ مَخْرَجًا. وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لاَ يَحْتَسِبُ.

Terjemahan: Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan menjauhi segala

larangan-Nya) nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar daripada segala yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki daripada jalan tidak terlintas di hatinya.

(Al-Talaq 65:2-3)

Ada pun orang yang enggan berpindah ke Madinah mereka adalah orang yang lemah imannya. Golongan ini adalah golongan yang terlalu sayang kepada kedudukan dan amat mementingkan diri sendiri, tanpa memikirkan muslihat agamanya. Mereka seperti ini telah meletakkan kepentingan agama di bawah kepentingan mereka. Mereka hanya akan patuh kepada suruhan agama jika didapati dalam mematuhi suruhan-suruhan agama itu ada keuntungan segera yang dapat dicapai. Sekiranya tidak didapati semuanya itu, maka ditinggalkan suruhan-suruhan itu. Golongan ini adalah golongan Islam pada namanya sahaja. Sedang hakikatnya mereka masih belum Islam sepenuhnya. Allah s.w.t. telah menerangkan dalam firman-Nya:

إِنَّ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا وَهَاجَرُوْا وَجٰهَدُوْا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِيْ سَبِيْلِ اللهِ
وَالَّذِيْنَ ءَاوَوْا وَّنَصَرُوْآ أُوْلٰٓئِكَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ وَالَّذِيْنَ أَمَنُوْا وَلَمْ
يُهَاجِرُوْا مَالَكُمْ مِّنْ وَلٰيَتِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ حَتّٰى يُهَاجِرُوْا وَإِنِ
اسْتَنْصَرُوْكُمْ فِي الدِّيْنِ فَعَلَيْكُمُ النَّصْرُ إِلاَّ عَلٰى قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ
مِيْثٰقٌ وَاللهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ بَصِيْرٌ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (orang-orang yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain. Dan orang-orang yang beriman yang belum berhijrah, maka kamu tidak bertanggungjawab sedikitpun jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam (perkara menentang musuh untuk membela agama) maka wajiblah

kamu menolongnya, kecuali terhadap kamu yang ada perjanjian setia di antara kamu dengan mereka dan (ingatlah) Allah amat melihat akan amalan yang kamu lakukan.

(Al-Anfal 8:72)

Asas-asas Pembentukan Masyarakat Islam

Proses pembentukan sesebuah masyarakat sama seperti membina sebuah bangunan. Kalau dalam pembinaan bangunan asasnya disiapkan dahulu begitu juga dengan membentuk masyarakat mesti dimulakan dengan pembinaan asasnya terlebih dahulu. Jika kukuh asas yang dibina maka tegaklah masyarakat itu. Jika lemah maka robohlah apa-apa sahaja yang dibina di atasnya.

1. *Akhlak sebagai asas:* Rasulullah s.a.w. telah memulakan pembentukan masyarakat Islam dengan membina asasnya terlebih dahulu. Asas yang paling utama dalam pembentukan ini seperti yang diterangkan oleh al-Sheikh Mohamad Abu Zahrah dalam kitabnya *"Tanzin al-Islam Li-al-ijtima"* yang bererti Islam menyusun masyarakat halaman 26 ialah Budi Pekerti Yang Mulia (al-Akhlak al-Fadzillah). Budi pekerti atau moral yang mulia adalah satu-satunya asas yang paling kuat untuk melahirkan manusia yang bersih hati, ikhlas dalam hidup, amanah dalam tugas, cinta kepada kebaikan dan benci kepada kejahatan.

Pentingnya budi pekerti yang mulia ini jelas dari sabda Rasulullah s.a.w.

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأُتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ.

Terjemahan: Sesungguhnya aku diutuskan untuk akhlak yang terpuji.

(Riwayat Kebanyakan Ahli Sunan)

Dalam Hadith ini diterangkan suatu konsep akhlak yang amat jelas iaitu konsep menjaga akhlak yang mulia merupakan tugas utama Rasulullah s.a.w.

Memperbaiki akhlak dan mengajar manusia supaya berperangai mulia merupakan tugas semua Rasul yang diutuskan Allah kepada

manusia. Muhammad adalah Rasul terakhir dari semua Rasul yang diutuskan sebelumnya. Tugas Baginda sama seperti tugas Rasul-rasul sebelumnya antara lain ialah untuk mengawal akhlak manusia supaya sejajar dengan kehendak Allah s.w.t.

Usaha mengajar manusia supaya berakhlak mulia tidak akan berjaya melainkan dengan menunjukkan contohnya terlebih dahulu. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. menjadi contoh utama dalam keluhuran budi Allah s.w.t. telah memuji Rasulullah s.a.w dengan firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَى خُلُقٍ عَظِيمٍ.

Terjemahan: Sesungguhnya kamu (wahai Muhammad) memiliki akhlak yang agung.

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللهِ لِنتَ لَهُمْ وَلَوْكُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ.

Terjemahan: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.

(Ali 'Imran 3:159)

Rasulullah s.a.w. adalah contoh yang paling baik bagi akhlak Islam. Segala tingkah lakunya menjadi contoh teladan yang baik, untuk diikuti oleh para sahabat dan mesti dicontohi oleh semua orang Islam.

Akhlak mulia yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. bertujuan untuk melahirkan manusia yang salih, atau manusia yang baik menurut ajaran Islam.

Ketika Sayyidatina 'Aisyah r.a. ditanya tentang apakah akhlak Rasulullah s.a.w. beliau telah menjawab: *Akhlak Rasulullah s.a.w. ialah al-Qur'an.*

Jawapan 'Aisyah r.a. tentang persoalan ini adalah jawapan

yang paling tepat dan padat. Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa masyarakat Islam diasaskan di atas akhlak yang mulia yang terkandung dalam al-Qur'an. Oleh itu, wajarlah al-Qur'an menjadi panduan untuk membina masyarakat dan negara. Oleh sebab persoalan ini telah dikupas dengan panjang lebar dalam bahagian manusia dan moral maka tidaklah perlu dikupas lagi, memadailah dengan merujuk kepada bahagian tersebut.

2. *Membentuk Peribadi Muslim:* Hasrat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dan sebuah negara yang aman dan makmur tidak akan tercapai tanpa terlebih dahulu membentuk individu-individu berteraskan Islam. Muhammad s.a.w. menyedari hakikat ini berpandukan kepada petunjuk-petunjuk Allah. Pembentukan individu-individu muslim yang sebenar merupakan usaha yang mesti diselesaikan dengan segera menurut ajaran Allah s.w.t. Pembentukan tersebut bertujuan untuk mengubah sifat dari manusia Arab atau bukan Arab kepada manusia Islam yang digelar (Muslim) yang sebenarnya. Dari (Muslim) akan menjadi mukmin, yang akan menghayati seluruh ajaran Islam, di samping berusaha supaya nilai-nilai hidup Islam menjadi kenyataan dalam masyarakat manusia.

Usaha melahirkan individu-individu muslim tidak akan tercapai, jika hanya mengubah nama atau adat resam lahir sahaja. Perkara yang lebih penting ialah mengubah hati nurani manusia agar menjadi manusia yang benar-benar mengenali dan memahami hakikat Islam. Mencintai dan menghayati ajaran-ajaran Islam dengan sepenuhnya, hasil dari kesedaran yang lahir dari lubuk jiwa dan menyedari betapa perlunya Islam itu dijadikan sebagai suatu cara hidup yang menyeluruh, iaitu sebagai obor yang menerangi liku-liku kehidupan, juga sebagai teras kekuatan untuk bertahan dan menyerang musuh yang mengancam umat Islam sama ada dari luar mahupun dari dalam. Sebagai kayu pengukur untuk mengetahui yang mana baik dan yang mana tidak baik. Yang baik untuk diikuti dan ditauladani dan yang jahat untuk dijauhi dan diperangi.

Peribadi Muslim ialah peribadi yang tersendiri, yang terbentuk dari latihan-latihan melalui ibadat. Dalam seluruh peribadatan, keikhlasan menjadi sari pati yang amat dikehendaki. Firman Allah:

Terjemahan: Maka sembahlah Allah dengan ikhlas kerana agama.

(Al-Zumar 39:2)

وَمَآ أُمِرُوْا إِلاَّ لِيَعْبُدُوا اللهَ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ.

Terjemahan: Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya.

(Al-Zumar 39:11)

قُلْ إِنِّىٓ أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللهَ مُخْلِصًالَّهُ الدِّيْنَ.

Terjemahan: Katakanlah sesunguhnya aku disuruh untuk menyembah Allah dengan ikhlas kerana agama.

Keikhlasan ketika menyembah Allah akan melahirkan peribadi-peribadi yang teguh dan lurus. Dari keteguhan peribadi itu akan lahirlah manusia yang tunduk kepada Allah dan tidak akan menjual kebaikan agamanya dengan tipu daya dunia. Allah s.w.t. telah memberi jaminan baik kepada golongan yang lurus ini melalui firman-Nya:

إِنَّ الَّذِيْنَ قَالُوْا رَبُّنَا اللهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوْا فَلاَ خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلاَ هُمْ يَحْزَنُوْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata "Tuhan kami ialah Allah," kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul (dengan pengakuan iman dan tauhidnya itu) maka tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka tidak pula dukacita.

(Al-Fussilat 41:30)

إِنَّ الَّذِيْنَ قَالُوْا رَبُّنَا اللهُ ثُمَّ اسْتَقَٰمُوْا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَٰٓئِكَةُ أَلاَّ تَخَافُوْا
وَلاَ تَحْزَنُوْا وَأَبْشِرُوْا بِالْجَنَّةِ الَّتِى كُنْتُمْ تُوعَدُونَ. نَحْنُ أَوْلِيَآؤُكُمْ فِى
الْحَيٰوةِ الدُّنْيَا وَفِى الْأَخِرَةِ وَلَكُمْ فِيْهَا مَاتَشْتَهِىٓ أَنْفُسُكُمْ وَلَكُمْ فِيْهَا
مَاتَدَّعُوْنَ نُزُلاً مِنْ غَفُوْرٍ رَّحِيْمٍ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata, Tuhan kami ialah Allah," kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) serta janganlah berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu," kamilah penolong-penolong kamu dalam kehidupan dunia pada hari akhirat — apa yang diingini oleh nafsu kamu serta kamu beroleh — pada hari itu — apa yang kamu cita-citakan mendapatnya. "(Pemberian-pemberian yang serba mewah itu) sebagai sambutan penghormatan dari Allah yang amat pengampun, lagi amat mengasihani."

(Al-Fussilat 41:31)

3. *Pembinaan Tempat Ibadat:* Apabila Rasulullah s.a.w. sampai di Madinah dari hijrahnya yang bersejarah, baginda telah memulakan tugasnya dengan mendirikan sebuah masjid yang diberi nama (Masjid Quba'). Pembinaan masjid yang pertama ini menimbulkan pertanyaan dari ahli politik, ahli sejarah, juga ahli kaji masyarakat, antaranya:

Mengapakah Rasulullah s.a.w. mendahulukan pembinaan masjid? Mengapa tidak dibina kubu pertahanan terlebih dahulu di sekitar Madinah, memandangkan musuhnya sedang mengekorinya dan keadaan keselamatan meruncing dan mengancam umat Islam. Mengapakah tidak dibina rumah terlebih dahulu untuk tempat tinggal mereka yang berhijrah termasuk baginda sendiri, sedangkan mereka amat memerlukannya. Mengapakah tidak dibina tempat-tempat perniagaan dan sebagainya sebagai tempat mencari rezeki,

bukankah yang berpindah kebanyakannya hanya dengan sehelai sepinggang sahaja?

Walau apa pun pertanyaan yang dikemukakan, di Madinah Muhammad s.a.w. telah mendirikan masjid terlebih dahulu kerana ini merupakan ciri penting untuk membangun masyarakat Islam. Pembinaan masjid lebih penting dari gudang-gudang perniagaan dan sebagainya; kerana masjid yang didirikan oleh Muhammad s.a.w. merangkumi segala-galanya. Masjid ialah rumah Allah, mendirikan masjid dengan ikhlas bererti mendirikan rumah Allah. Orang yang mendirikan rumah Allah bererti menolong Allah dan sudah pasti akan mendapat perlindungan dan pertolongan dari-Nya. Firman Allah:

إِن تَنْصُرُوا اللهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ.

Terjemahan: Jika kamu membela (agama) Allah nescaya Allah akan membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.

(Muhammad 47:7)

Masjid tempat manusia beribadat kepada Allah, iaitu tempat untuk manusia mengeratkan hubungannya dengan Allah, di samping menjadi pusat untuk menyusun dan mengatur masyarakat sesuai dengan fungsinya.

Pada zaman Rasulullah s.a.w. di samping menjadi tempat ibadat, masjid juga menjadi Institusi Pengajian yang mengeluarkan cerdik pandai Islam dalam setiap bidang penghidupan. Lebih penting dari itu, masjid merupakan tempat untuk menyemai dan menyuburkan iman, kerana benteng pertahanan yang kuat adalah pertahanan dari dalam diri manusia itu sendiri. Jika roboh pertahanan dari dalam diri manusia maka pertahanan luar seperti tembok-tembok batu, kubu-kubu besi dan sebagainya tidak akan berguna lagi.

Rasulullah s.a.w. telah menyedari hakikat pertahanan yang sebenar; oleh itu, beliau menyegerakan pembinaan masjid untuk membolehkannya menyampaikan ajaran-ajaran Allah untuk mengukuhkan iman, dengan iman akan lahirlah manusia-manusia yang sanggup berkorban apa sahaja kerana agamanya. Manusia-manusia yang tidak takut kepada musuh, kerana takut mereka hanya

kepada Allah sahaja. Mereka tidak gentar untuk mati kerana gentar mereka hanya kepada Allah sahaja. Mereka tidak sayang kepada harta dan anak isteri kerana sayang mereka hanya kepada Allah dan Rasul-Nya sahaja. Manusia seperti inilah yang diperlukan oleh Rasulullah s.a.w. malahan diperlukan oleh semua pemimpin untuk membangunkan masyarakat Islam. Untuk mempertahankan Islam dan serangan manusia. Untuk membela kebenaran walau di mana sahaja. Untuk mencapai cita-cita tersebut tidak ada jalan lain melainkan dengan pembinaan masjid, sebab itulah Masjid Quba' diperlukan dari yang lain-lainnya.

Masjid yang didirikan oleh Rasulullah s.a.w. telah menjadi pusat pertemuan orang-orang Islam untuk urusan dunia dan akhirat. Di masjid tersebut Rasulullah s.a.w. banyak menerima wahyu. Di masjid itu juga Rasulullah s.a.w. mengajar pengikut-pengikutnya hukum-hukum agama Islam. Masjid menjadi mahkamah untuk menyelesaikan pertikaian. Urusan perang dan damai dibicarakan di masjid. Perbendaharaan negara ditempatkan di masjid, segala perisytiharan dibuat di masjid. Ringkasnya pada zaman Rasulullah s.a.w. segala urusan pentadbiran negara dilaksanakan di masjid.

4. *Persaudaraan Islam:* Sebaik sahaja orang-orang Muhajirin tiba di Madinah, mereka disambut oleh orang-orang Madinah (Ansar) dengan senang hati. Rasulullah s.a.w. telah mempersaudarakan antara kedua-dua golongan itu sebagai saudara seagama. Persaudaraan itu bukan sahaja pada kata-kata lahir tetapi dengan perasaan yang benar-benar jujur dan ikhlas. Perasaan kasih pada saudaranya seperti ia mengasihi dirinya sendiri. Perasaan inilah yang ditanam oleh Rasulullah s.a.w. di hati orang-orang Islam bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang padu dan kasih sayang antara satu sama lain, hingga menjadi sebuah keluarga yang besar. Suatu kumpulan manusia yang dicantumkan atas nama (Umat Wahidah). Firman Allah:

إِنَّ هٰذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُوْنِ.

Terjemahan: Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu: maka sembahlah kamu akan Daku.

(Al-Anbiya' 21:92)

Umat Islam adalah umat yang satu, semuanya bersaudara. Firman Allah:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُوْنَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوْا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوْا اللهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُوْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu semuanya bersaudara, maka hendaklah kamu damaikan di antara dua saudara kamu, yang berteling-kah, itu dan bertakwalah kepada Allah moga-moga kamu mendapat rahmat.

(Al-Hujurat 49:10)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ يُؤمِنُ اَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَ خِيْهِ مَايُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Terjemahan: Seseorang itu tidak dinamakan ia beriman, sehingga ia kasih kepada saudaranya seperti ia mengasihi dirinya sendiri.

Dalam Hadith Rasulullah s.a.w. ini menghubungkan nilai kasih sayang Islam kepada seorang Islam yang lain dengan nilai iman yang dimilikinya. Seseorang itu tidak dianggap beriman sehingga ia mengasihi saudaranya seperti ia mengasihi dirinya sendiri, ini bererti bahawa kebencian seseorang itu kepada saudaranya tanpa sebab yang munasabah akan menjejaskan imannya. Orang yang memutus-kan silatur rahim dengan saudaranya tidak akan masuk syurga sabda Rasulullah s.a.w.:

لاَ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ.

Terjemahan: Tidak akan masuk ke syurga orang yang memutuskan silatur rahim.

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

وَالَّذِيْ نَفْسِيْ بِيَدِهِ لاَ تَدْخُلُوْا الجَنَّةَ حَتَّى تُؤْمِنُوْا، وَلاَ تُؤْمِنُوْا حَتَّى تَحَابُّوْا.

Terjemahan: Demi diriku yang dalam tangan-Nya (demi Allah kamu tidak akan masuk ke syurga sehingga kamu beriman, dan kamu tidak dinamakan beriman, sehinggalah kamu berkasih sayang.

Kasih yang dikehendaki oleh Islam dari orang Islam kepada saudaranya adalah kasih yang benar-benar ikhlas dan kerana Allah. Kasih ini adalah salah satu syarat untuk mendapat kemanisan iman, sabda Rasulullah s.a.w.

ثَلاَثٌ مَنْ كُنَّ فِيْهِ وَجَدَ حَلاَوَةَ الْاِيْمَانِ، اَنْ يَكُوْنَ اللهُ وَرَسُوْلُهُ اَحَبَّ اِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَاَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لاَ يُحِبُّهُ اِلاَّ لِلّٰهِ وَاَنْ يَكْرَهَ يَعُوْدَ فِى الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ اَنْ يُقْذَفَ فِى النَّارِ.

Terjemahan: Tiga perkara sesiapa yang memilikinya maka ia akan mendapat kemanisan iman, hendaklah ia kasihkan Allah dan Rasul-Nya lebih dari segala-galanya. Kasihnya kepada seorang, hendaklah semata-mata kerana Allah. Hendaklah ia benci kembali menjadi kafir sepertimana ia benci dilontar ke dalam neraka.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Dalam Hadith ini Rasulullah s.a.w. meletakkan kasih yang ikhlas seorang Islam terhadap seorang Islam yang lain sebagai salah satu syarat untuk mengecap kemanisan iman, orang yang tidak memenuhi syarat ini, dengan sendirinya tidak akan dapat mengecap kemanisan iman.

Dalam Hadith ini Rasulullah s.a.w. menggambarkan umat Islam dalam kasih sayang mereka sama seperti sebatang tubuh. Sabda Rasulullah s.a.w. seperti yang diriwayatkan oleh al-Imam Bukhari:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِيْنَ فِى تَوَادِّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ كَمَثَلِ الْجَسَدِ، اِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَىٰ لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى.

Terjemahan: Bandingan orang mukmin dalam kasih sayang, kasihan belas dan simpati mereka sesama mereka

adalah seperti sebatang tubuh, apabila satu anggota dari tubuh itu mengadu kesakitan maka sekalian anggota tubuh yang lain turut merasa kesakitan dengan berjaga malam dan panas badan (demam).

Persoalan kasih sayang antara sesama Islam yang ditekankan oleh Rasulullah s.a.w. dalam Hadith yang telah dibentangkan itu di samping ayat-ayat al-Qur'an yang lain membayangkan kepada kita betapa mustahaknya perasaan itu wujud di kalangan umat Islam bagi mengikat mereka dalam satu ikatan yang amat kukuh, iaitu ikatan hati dengan hati, perasaan dengan perasaan. Apabila hati dengan hati telah bertaut erat dan kasih telah terjalin, hilanglah rasa musuh memusuhi, benci membenci dan dengki mendengki antara satu sama lain. Sifat-sifat ini akan memecahkan perpaduan umat Islam dan melemahkan mereka untuk menghadapi musuh.

Kasih sayang sesama Islam yang dihasilkan oleh persaudaraan Islam menjadi suatu sifat yang dipuji oleh Allah. Firman Allah:

مُّحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ وَالَّذِيْنَ مَعَهُ أَشِدَّآءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ.

Terjemahan: Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah dan orang-orang yang bersama-sama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir (musuh Islam), tetapi sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (Umat Islam).

(Al-Fath 48:29)

Di atas segala asas tersebut terbinalah sebuah masyarakat yang kuat dan padu. Masyarakat yang berdisiplin dan patuh kepada arahan dan ajaran. Masyarakat itulah yang berjaya menegakkan kebenaran dan menjunjung tinggi undang-undang Allah.

Untuk mengatur dan mengawasi masyarakat dari sebarang penyelewengan, Allah telah menurunkan undang-undang untuk dijadikan teras disiplin hidup masyarakat dan negara.

VIII

DASAR-DASAR PEMBINAAN HUKUM DALAM ISLAM

Pengertian Hukum

Tajuk di atas adalah umum, ia memerlukan penjelasan ringkas tentang pengertian hukum dalam Islam dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Hukum pada pengertian Usul Fiqh ialah:

خِطَابُ اللهِ الْمُتَعَلِّقِ بِأَفْعَالِ الْمُكَلَّفِيْنَ إِقْتِضَاءً أَوْ تَخْيِيْرًا.

Terjemahan: Kalam Allah yang ditujukan kepada orang-orang Mukallaf yang berhubung dengan perbuatan-perbuatan mereka sama ada menuntut atau pilihan.

Dengan perkataan lain ialah kaedah-kaedah yang menentukan bagaimana Muslim berlaku dan berbuat menurut arahan-arahan dari Allah. Ada dua sumber hukum iaitu, dari Allah melalui kitab suci dan dari manusia melalui akal fikiran. Islam menganut yang pertama, walhal apa yang disebut hukum moden seperti hukum undang-undang Yunani, Romawi dan sebagainya menganut yang kedua.

Penentuan tentang bagaimana seorang itu berlaku dan berbuat terkandung di dalamnya nilai baik, lawannya nilai buruk. Peraturan yang menentukan nilai-nilai yang bersumber kepada Allah, adalah suci dan bersifat mutlak, kerana al-Qur'an adalah wahyu dari yang mutlak. Baik dan buruk yang ditentukannya tidak terikat dengan

tempat dan masa atau dengan lain perkataan ruang dan waktu.

Hukum atau undang-undang yang bersumberkan akal manusia adalah *nisbi,* kerana akal dibatasi oleh pengalaman, pengetahun, kondisi dan cita-cita serta dipengaruh oleh kemahuan nafsu. Perkara yang baik pada akal suatu masyarakat mungkin buruk bagi akal masyarakat lain. Perkara yang dinilai buruk dalam satu kurun mungkin dipandang baik dalam kurun yang lain, begitulah seterusnya.

Islam mengajarkan ilmu yakin (Doktrin Keyakinan) tentang nilai baik dan buruk itu mestilah diterjemahkan dalam nilai akhlak. Sesuatu yang baik pada nilai akhlak, mestilah dilakukan. Sesuatu yang bukan pada nilai akhlak ini mestilah disingkirkan. Inilah hukum atau syariat Islam.

Apakah yang dikatakan baik dan buruk itu? Inilah persoalan yang dijawab oleh Allah melalui al-Qur'an. Selain al-Qur'an Sunnah Rasulullah juga adalah tempat kita minta bantuan dan ilham dalam usaha mengambil keputusan hukum. Apabila suatu jawapan tidak didapati dalam al-Qur'an dan Hadith barulah kita beralih kepada sumber yang ketiga iaitu *ijma',* pengertian ijma' ialah permuafakatan para mujahidin dari kalangan umat Muhammad s.a.w. terhadap sesuatu perkara pada zaman yang tertentu. Jika tidak didapati juga barulah kita mengambil kesimpulan pemikiran berdasarkan kepada syarat-syarat atau prinsip-prinsip yang tertentu. Sumber ini dinamakan *qiyas* atau fikiran.

Syari'at dari segi bahasa ialah jalan yang lurus. Firman Allah:

ثُمَّ جَعَلْنَٰكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ فَٱتَّبِعْهَا.

Terjemahan: Pada kesudahannya kami jadikan engkau wahai Muhammad dan utuskan engkau menjalankan satu jalan yang cukup lengkap dari hukum-hukum agama.

(Al-Jasiyah 45:18)

Pengertian *al-Tasyri'* bagi Fuqaha' ialah segala hukum yang diperundangkan Allah ke atas hamba-Nya supaya mereka beriman kepada Allah yang boleh membawa kepada kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Hukum-hukum tersebut dinamakan syariat kerana

kedudukannya lurus, sistemnya benar dan tidak menyimpang dari tujuan yang benar.

Setengah-setengah orang menyamakan syari'at Islam dalam fiqh Islam, walhal syari'at mempunyai pengertian yang lebih umum atau lebih luas dari fiqh. Sebab syari'at bererti semua perkara yang diperundangkan Allah dalam agama sama ada dengan al-Qur'an, al-Sunnah dan sebagainya yang merangkumi hukum-hukum fiqh, aqidah, akhlak dan sebagainya.

Dengan pentafsiran yang umum itu, bermakna syari'at merangkumi segala hukum Allah terhadap laku perbuatan manusia sama ada wajib, haram, makruh, sunat dan harus.

1. Wajib atau fardu ialah tiap-tiap perkara yang dituntut secara pasti kepada seseorang untuk melakukannya dan dikenakan dosa ke atas orang yang meninggalkannya.
2. Haram ialah tiap-tiap perkara yang ditegah secara pasti seseorang itu daripada melakukannya dan diberi pahala ke atas orang yang meninggalkannya.
3. Sunat atau *mandub* ialah tiap-tiap perkara yang digalakkan untuk seseorang itu melakukannya tetapi tidak dikenakan dosa terhadap orang yang meninggalkannya.
4. Makruh ialah tiap-tiap perkara yang digalakkan supaya meninggalkannya tetapi tidak dikenakan dosa terhadap orang yang melakukannya.
5. Harus atau *mubah,* tiap-tiap perkara yang tidak disuruh dan tidak dilarang, sama ada melakukannya atau meninggalkannya.

Bidang-bidang hukum fiqh yang terdapat dalam kitab suci al-Qur'an al-Karim ialah seperti berikut: Bidang hukum yang berhubung dengan taharah dan ibadat sebanyak 140 ayat, bidang hukum yang berhubung dengan hukum-hukum keluarga dan hal ehwal perseorangan sebanyak 70 ayat, bidang hukum yang berhubung dengan kira bicara (mu'amalat) sebanyak 70 ayat, bidang hukum yang berhubung dengan jenayah sebanyak 30 ayat, dan

bidang kehakiman, penyaksian dan sebagainya sebanyak 20 ayat dan bidang-bidang lain lagi.

Dalam undang-undang ciptaan manusia, yang menggubal atau membuat undang-undang itu ialah pihak yang berkuasa dalam sesebuah negara. Badan Perundangan membuat prinsip undang-undang (Akta Undang-undang) untuk mengatur undang-undang untuk tujuan menyusun negeri dan masyarakat yang selaras dengan prinsip-prinsip hidup yang ditetapkan. Di Malaysia, Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah pihak yang berkuasa yang berhak membuat akta-akta dan kedua-dua Dewan ini dianggap sebagai sumber perundangan.

Menurut Islam, yang berkuasa menegakkan hukum ialah Allah s.w.t. kerana Dialah yang menciptakan alam buana dan Dialah yang berhak menentukan hukum-hukum menurut kebijaksanaan-Nya. Hukum-hukum tersebut diturunkan kepada baginda Rasulullah s.a.w. yang diberikan kuasa untuk menyatakan hukum-hukum yang ditetapkan ke atas manusia. Baginda menyatakan hukum-hukum itu dengan al-Qur'an dan Sunnah pada masa hidupnya memang telah ditetapkan dasar-dasar umum, hukum-hukum yang tetap, ayat-ayat yang *mujmal* diterangkan, ayat-ayat yang mutlak di*qiad*kan, ayat-ayat yang umum telah dikhususkan, ayat-ayat yang dinasakhkan (dibatalkan) telah diterangkan oleh penasakhnya (pembatalnya). Begitu juga setengah-setengah hukum telah diterangkan *'illah*nya untuk dibuat rumusan tentang hukum *al-Kulli* (universal), agar dengan ini hukum-hukum tersebut dapat dipraktikkan kepada keadaan-keadaan atau fakta-fakta yang akan berlaku kelak. Pendeknya segala prinsip hukum-hukum Islam telah lengkap dan sempurna pada masa baginda masih hidup lagi. Firman Allah:

ٱلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِى وَرَضِيتُ لَكُمُ
ٱلْإِسْلَٰمَ دِينًا.

Terjemahan: Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku redha Islam itu menjadi agama kamu.

(Al-Maidah 5:3)

فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللهِ وَالرَّسُوْلِ.

Terjemahan: Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam suatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Qur'an) dan (Sunnah) Rasul-Nya.

(Al-Nisa' 4:59)

Tujuan mengembalikan kepada Allah ialah kepada kitab-Nya al-Qur'an al-Karim dan kepada Rasul ialah baginda sendiri pada masa hidupnya dan kepada sunnahnya selepas baginda wafat. Rasulullah s.a.w. bersabda:

تَرَكْتُ فِيْكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوْا مَا إِنْ تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ.

Terjemahan: Saya telah meninggalkan kepada kamu dua perkara yang mana kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang dengan keduanya iaitu kitab Allah dan Sunnah Nabinya.

(Riwayat Kebanyakan Ahli Sunan)

Agama-agama lain dan falsafah-falsafah pada umumnya menggariskan dua nilai sahaja, iaitu baik dan buruk, tetapi Islam menentukan lima nilai. Tiap-tiap tingkah laku atau tindakan Muslim pada setiap waktu dinilai dengan lima nilai tersebut. Hukum yang lima itu mengendalikan tiap-tiap Muslim ke arah yang baik dan mencegah daripada yang buruk.

Tujuan ilmu fiqh atau undang-undang Islam ialah mencari jawapan atau memberikan keterangan atau keputusan terhadap sesuatu masalah yang ditemui atau ditimbulkan dalam kehidupan sehari-hari. Fiqh sebagai satu daripada ilmu Islam berjalan dan berhubungan rapat serta berpandukan kepada al-Qur'an dan Hadith, kerana merupakan usaha untuk menentukan pelaksanaan peraturan al-Qur'an dan Hadith.

Dasar Perundangan Islam

Muhammad Ali al-Sayis menyebutkan dalam kitabnya *Sejarah Fiqh Islam* bahawa perundangan Islam tegak di atas tiga dasar, iaitu tidak susah, sedikit bebanan dan beransur-ansur di dalam perundangan. Tetapi Dr. Muhammad Yusof Musa dalam kitabnya *Pengantar Kepada Kajian Fiqh Islam* menyebutkan tiga asas, iaitu tidak susah, dan menghindarkan kesusahan, menjaga muslihat manusia seluruhnya serta termasuk melaksanakan keadilan-keadilan sejagat.

1. *Tidak susah:* Sebenarnya fiqh atau undang-undang Islam dikuatkuasakan untuk memberi kesenangan dan kemudahan kepada kaum muslimin di dalam dunia ini. Firman Allah:

مَا يُرِيْدُ اللهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ.

Terjemahan: Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung kesusahan (kepayahan).

(Al-Maidah, 5:6)

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِى الدِّيْنِ مِنْ حَرَجٍ.

Terjemahan: Dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.

(Al-Haj, 22:78)

يُرِيْدُ اللهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلاَ يُرِيْدُ بِكُمُ الْعُسْرَ.

Terjemahan: Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.

(Al-Baqarah, 2:185)

Ayat-ayat di atas menerangkan bahawa Allah Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Mengetahui tentang keadaan manusia dan kepentingannya, bertujuan hendak memberikan kesenangan atau kemudahan dan untuk menghindarkan kesusahan daripada manusia. Untuk menghindarkan kesusahan terhadap manusia, banyak ibadat yang dipermudahkan, contohnya dalam bidang ibadat, bidang kira

bicara mu'amalat bidang undang-undang keseksaan dan perkara yang berkaitan dengannya.

Dalam bidang ibadat kita dapati tidak banyak bebanan yang dibawa oleh al-Qur'an, sehingga tiap-tiap orang Muslim senang mengerjakannya. Umpamanya semasa dalam pengembaraan, sembahyang harus diqasar dan dijama', dalam bulan puasa pesakit-pesakit boleh meninggalkan puasanya, demikian juga orang yang musafir. Orang yang kebuluran diharuskan memakan bangkai. Malahan Allah mewajibkan puasa hanya sebulan dalam masa setahun. Ibadat haji hanya diwajibkan sekali seumur hidup, itupun dengan syarat ada kemampuan dari segi kewangan dan tubuh badan. Zakat hanya difardukan ke atas orang-orang kaya atau orang-orang yang mampu, dan kadar yang dikenakan hanya 2.5% setelah sampai nisab dan cukup haulnya. Zakat tumbuh-tumbuhan dikenakan 10% atau 5% mengikut sistem pengairan sawah.

Begitu juga dalam bidang kira bicara, tidak ada tindakan-tindakan yang rasmi atau sebagainya untuk mengakui sesuatu akad itu menjadi sah, sebagaimana yang terdapat dalam undang-undang Romawi. Bahkan dalam Islam memadailah dengan kemahuan dua pihak yang berkenaan melakukannya sebagaimana yang telah diketahui. Oleh itu tidak ada dalam al-Qur'an tentang syarat-syarat yang ketat melainkan kerelaan bersama, keadilan dan tiada penipuan. Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً
عَن تَرَاضٍ مِّنكُمْ.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya) kecuali dengan (jalan) perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.

(Al-Nisa', 4:29)

Dalam bidang undang-undang keseksaan atau jenayah (*al-Hudud*) kita dapati hukuman tetap terhadap zina. Menuduh perempuan melakukan zina, mencuri, minum arak dan sebagainya

dikuatkuasakan demi mengawal jiwa, mengawal keturunan, kehormatan, harta benda dan akal fikiran manusia. Walaupun begitu Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِدْرَؤُا الْحُدُوْدَ بِالشُّبُهَاتِ مَااسْتَطَعْتُمْ

Terjemahan: Hindarkanlah hukuman hudud (hukum tetap) dengan apa kesamaran (Syubhah) menurut kemampuan kamu.

(Riwayat kebanyakan Ahli Sunan)

Hadith tersebut memberi penekanan khusus kepada masalah pelaksanaan undang-undang Hudud Islam yang perlu diyakini seratus peratus, iaitu hanya pesalah Hudud. Sekiranya ada sebarang keraguan (*doubt*), yang tidak memungkinkan tertuduh itu bersalah, maka bebaskanlah pesalah itu dari hukuman Hudud.

Prinsip *"benefit of the doubt"* sedang diamalkan dalam sistem perundangan kini, ia diakui amat sesuai dalam menjamin keadilan dalam hukuman. Islam telah melebihi 14 abad melaksanakan prinsip itu, seperti yang dijelaskan oleh Hadith di atas.

Ini membuktikan unsur-unsur kesenangan di dalam agama Islam dan telah menjadi dasar kesenangan itu satu asas di dalam agama kita.

2. *Beransur-ansur dalam Perundangan:* Islam muncul sedang orang-orang Arab berada dalam kebebasan yang terlalu luas, mereka tidak suka disekat kemahuan mereka yang tidak terbatas itu, jiwa mereka telah dipengaruhi oleh adat istiadat dan tradisi-tradisi yang tidak mungkin dapat dibuang secara serentak. Maka dengan hikmat dan kebijaksanaan Allah s.w.t. Yang Maha Mengetahui tidak suka menakutkan manusia dengan berbagai hukum sekaligus yang mungkin membebankan dan menimbulkan perasaan benci. Itulah sebabnya diturunkan al-Qur'an secara berperingkat-peringkat atau bercerai-berai dengan membawa hukum sedikit demi sedikit, supaya tiap-tiap hukum yang dahulu itu memberi dorongan untuk menerima hukum yang seterusnya.

Kebanyakan hukum turun setelah berlaku sesuatu yang memerlukan pengadilan, dengan cara ini, ia lebih berkesan dalam jiwa dan lebih hampir untuk dipatuhi. Contohnya pengharaman arak, yang

menjadi darah daging orang-orang Arab. Dengan hikmat Allah s.w.t. Yang Maha Bijak menghendaki larangan dibuat secara beransur-ansur. Pada mulanya tidak diterangkan pengharamannya secara tegas, apabila disoal hukumnya disamakan dengan judi. Firman-Nya:

قُلْ فِيهِمَآ إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَٰفِعُ لِلنَّاسِ.

Terjemahan: Katakanlah olehmu (Wahai Muhammad) dalam kedua-duanya ada dosa yang besar dan faedah-faedah untuk manusia.

(Al-Baqarah, 2:29)

Daripada ayat di atas tuntutan supaya meninggalkan keduanya tidak akan difahami kecuali oleh orang yang memang mengetahui rahsia perundangan. Ini kerana tiap-tiap benda yang bahayanya lebih besar daripada faedah-faedahnya lebih baik ditinggalkan, sebab mana-mana perbuatan pun tidak ada keburukan mutlak, dan yang menjadi ukuran tentang halal dan haram ialah yang lebih banyak mendatangkan muslihat dan kerosakan.

Setelah diterangkan keadaan itu, adalah lebih baik menjauhkan diri daripadanya kerana bahaya atau dosanya lebih banyak lalu dilarang menunaikan sembahyang ketika mabuk. Firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ لَا تَقْرَبُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمْ سُكَٰرَىٰ.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jangan kamu menghampiri sembahyang mengerjakannya; walhal kamu sedang dalam keadaan mabuk.

(Al-Nisa', 4:43)

Kemudian sekali baharulah diturunkan ayat yang menegah secara mutlak. Firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّمَا ٱلْخَمْرُ وَٱلْمَيْسِرُ وَٱلْأَنصَابُ وَٱلْأَزْلَٰمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَٱجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Terjemahan: Wahai orang-orang beriman! bahawa sesungguhnya arak, judi dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah semata-mata kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

(Al-Maidah, 5:90)

3. *Melaksanakan Keadilan Mutlak Bagi Seluruh Manusia:* Keadilan menjadi tiang seri masyarakat dan negara. Oleh sebab itu Islam memberi perhatian yang serius dalam hal ini. Keadilan yang dituntut Islam ialah keadilan sejagat atau keadilan mutlak bukan setakat mengawal keadilan untuk kaum muslimin sahaja, tetapi kepada seluruh umat manusia hingga kepada musuh dalam masa peperangan.

Syari'at Islam telah menerangkan hak-hak perseorangan dan hak-hak kemasyarakatan dan telah menguatkuasakan keadilan itu dengan berbagai cara melalui segala ciri-ciri hukumannya. Oleh yang demikian semua orang akan merasa aman terhadap keselamatan diri, jiwa, harta benda, kehormatan dan segala hak-hak yang halal.

Al-Qur'an dan Hadith-hadith Rasul-Nya begitu banyak menyuruh melaksanakan dan mengawal keadilan, di samping itu ayat-ayat dan Hadith-hadith banyak yang mengutuk kezaliman dan penindasan sesama manusia. Orang yang menghayati al-Qur'an akan dapat melihat ayat-ayat berkenaan dengan keadilan yang diulang sebanyak 20 kali. Manakala mengutuk dan membenci kezaliman disebut sebanyak 299 kali. Perkataan mencerobohi (عُدْوَانْ) disebut 8 kali. Perkataan menodai (إِعْتَدَىْ) sebanyak 20 kali. Di bawah ini akan diterangkan beberapa contoh tentang pelaksanaan keadilan, antaranya:

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسٰنِ وَإِيتَآءِ ذِى الْقُرْبَىٰ وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْىِ .

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku keadilan dan berbuat kebaikan serta memberikan bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada

melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman.

(Al-Nahl, 16:90)

Firman-Nya:

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا۟ الْأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا۟ بِالْعَدْلِ.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia. (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.

(Al-Nisa', 4:58)

يَٰٓأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُونُوْا قَوَّامِيْنَ بِالْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنْفُسِكُمْ أَوِالْوَٰلِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِيْنَ إِنْ يَكُنْ غَنِيًّا أَوْفَقِيْرًا فَاللهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰٓ أَنْ تَعْدِلُوْا.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa) kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya, oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan.

(Al-Nisa', 4:135)

Dari contoh-contoh ayat di atas, kita dapati dengan jelas tentang konsep dan mustahaknya keadilan. Walaupun mengenai diri sendiri

atau orang-orang yang hampir kepada kita, dan jangan kita kecewakan semangat keadilan terhadap suatu kaum kerana kita bencikan mereka.

Keadilan menjadi tiang seri masyarakat dan dunia seluruhnya, maka kekacauan dan huru-hara yang berlaku dalam dunia pada amnya disebabkan prinsip-prinsip keadilan telah dinodai.

Syarat yang berdasarkan kepada keadilan mutlak dan sempurna ini, wajar menjadi syari'at yang ideal, yang paling utama dan memandang sama kepada seluruh manusia, tiada yang mulia, tiada yang hina, nilainya hanya sejauh manakah ia berbakti kepada Allah s.w.t. Syari'at ini tidak memandang kepada darah bangsawan atau anak hartawan atau anak raja, bahkan kita semua adalah sama di hadapan undang-undang. Firman Allah:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللهِ أَتْقَاكُمْ.

Terjemahan: Sesungguhnya yang paling mulia di sisi Allah ialah yang lebih bertaqwa (berbakti) daripada kamu.

(Al-Hujurat, 49:113)

Falsafah dan Tujuan Undang-undang Islam

Falsafah undang-undang Islam dan hikmatnya adalah untuk mengawal lima perkara mutlak yang menjadi tunjang kesejahteraan dan keamanan seluruh umat manusia dan seluruh dunia. Menurut istilah undang-undang Islam ia dinamakan dengan *al-Kulliyat al-Khams.* Mengawal agama, mengawal jiwa, mengawal akal fikiran, mengawal harta benda dan keturunan. Dengan terkawalnya kelima-lima perkara asasi tersebut baharulah terjamin keselamatan peribadi, keluarga, masyarakat, negara dan dunia seluruhnya.

Tujuan-tujuan tersebut bukanlah rekaan manusia, tetapi dari perintah-perintah dan larangan-larangan Allah, yang tetap tidak akan berubah dan tidak boleh dipinda. Untuk mengawal keturunan manusia supaya tetap suci, dikenakan hukuman rejam atau sebat 100 kali terhadap penzina, untuk mengawal keselamatan akal fikiran dikenakan hukuman 40 kali sebat atau 80 kali ke atas peminum arak dan sebagainya. Untuk mengawal maruah atau nama baik seseorang dikenakan hukuman sebat sebanyak 80 kali ke atas orang yang

menuduh perempuan baik dengan tuduhan zina. Untuk menjaga keselamatan nyawa seseorang, dikenakan hukuman bunuh balas ke atas pembunuh yang sengaja, untuk mengawal agama supaya terjamin kemurniannya, dikenakan hukuman bunuh juga ke atas orang yang murtad setelah diminta taubat tetapi ia masih berdegil. Untuk mengawal keselamatan negara diperintahkan memerangi pemberontak-pemberontak yang mengancam ketenteraman dan keselamatan pemerintah yang adil.

Islam selaku agama sejagat mempunyai prinsip-prinsip yang universal atau sejagat yang sesuai dengan semua bangsa dan segala keadaan dan tidak terikat oleh ruang dan waktu. Ini disebabkan ia diturunkan oleh Allah pencipta bagi seluruh alam dan menjadi Tuhan kepada seluruh bangsa tanpa didorong oleh aliran fahaman kebangsaan, perkauman, pilih kasih dan tidak berat sebelah. Malah semuanya berimbang dengan kepentingan umat manusia. Firman Allah:

وَمَآ أَرْسَلْنٰكَ إِلاَّ رَحْمَةً لِّلْعٰلَمِيْنَ.

Terjemahan: Dan tidak kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

(Al-Anbiya', 21:107)

Syari'at Islam mempunyai kaedah-kaedah fiqh yang umum lagi *'flexible'* (mudah disesuaikan dengan keadaan), untuk memberi peluang kepada fuqaha', atau sarjana undang-undang Islam menyelaraskan dasar-dasar atau kaedah-kaedah fiqh yang umum itu mengikut keadaan dan kehendak masyarakat dan negara supaya undang-undang Islam itu sentiasa segar dan dapat mengisi kehendak umat manusia. Antaranya ialah seperti berikut:

1. إِنَّمَا الأُمُوْرُ بِالْمَقَاصِدِ.

Sesungguhnya segala perkara mengikut tujuannya.

2. الْمَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيْرَ.

Kesukaran mendatangkan kesenangan.

3. الضَّرَرُ يُزَالُ.

Segala bahaya mesti dihilangkan.

4. تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوْطٌ بِالْمَصْلَحَةِ.

Tindakan ketua negara (pemerintah) terhadap rakyat terikat dengan muslihat.

5. الضَّرُوْرَاتُ تُبِيْحُ الْمَحْظُوْرَاتِ.

Keadaan darurat mengharuskan perkara yang dilarang.

6. الضَّرُوْرَةُ تُقَدَّرُ بِقَدَرِهَا.

Keadaan darurat dikira mengikut kadarnya.

7. لاَ يُنْكَرُ تَغَيُّرُ الْأَحْكَامِ بِتَغَيُّرِ الْأَزْمَانِ وَالْأَحْوَالِ.

Tidak dinafikan perubahan hukum-hukum dengan perubahan zaman dan keadaan.

8. العَادَةُ مُحَكَّمَةٌ.

Adat yang baik diakui.

9. سَدُّ الذَّرَائِعِ.

Menutup segala pintu kerosakan.

10. دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مَقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ.

Menghindarkan kerosakan lebih diutamakan daripada mencari muslihat.

11. يُتَحَمَّلُ الضَّرَرُ الْخَاصُ لِدَفْعِ الضَّرَرِ الْعَامِ.

Boleh ditanggung kemudaratan yang khas untuk menghindarkan kemudaratan yang am.

12. لاَ ضَرَرَ وَلاَ ضِرَارُ.

Tidak merosakkan dan tidak dirosakkan.

Inilah sebahagian daripada kaedah-kaedah fiqh Islam dan di samping itu ada pula berbagai-bagai dasar umum atau roh perundangan yang

boleh dipegang ketika menggubalkan undang-undang negara bagi menegakkan jaminan sosial dan menjamin hak-hak asasi manusia, di antara dasar-dasar umum atau roh perundangan itu ialah:

1. Ayat: وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِيٓ ءَادَمَ.

Terjemahan: Demi sesungguhnya·Kami telah memuliakan anak Adam.

(Al-Isra', 17:70)

2. Ayat: وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنسَٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ.

Terjemahan: Tidak ada bagi tiap-tiap seseorang manusia melainkan menurut usahanya.

(Al-Najm, 53:39)

3. Ayat: إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَٰنِ.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh berbuat keadilan dan keikhlasan.

(Al-Nahl, 16:90)

4. Ayat: وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنكَرِ.

Terjemahan: Dan Dia (Allah) melarang daripada melakukan kekejaman dan kemungkaran.

(Al-Nahl, 16:90)

5. Ayat: لَا يُكَلِّفُ اللهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا.

Terjemahan: Allah tidak membebankan seorang melainkan menurut kekuasaannya.

(Al-Baqarah, 2:29)

6. Ayat: وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَآءَهُمْ.

Terjemahan: Janganlah kamu kurangkan bagi manusia akan benda-benda yang menjadi haknya.

(Al-A'raf: 7:85)

7. Hadith: إِنَّ لِجِسْمِكَ عَلَيْكَ حَقًّا

Terjemahan: Bahawasanya tubuh kamu mempunyai hak ke atas mu.

8. Hadith: إِنَّ لِزَوْجِكَ عَلَيْكَ حَقًّا
Terjemahan: Bahawasanya teman hidupmu mempunyai hak ke atas mu.

9. Hadith: لَيْسَ لِعَرَقٍ ظَالِمٍ حَقٌّ
Terjemahan: Tidak ada hak bagi titik peluh orang yang zalim.

Demikianlah luasnya ruang lingkup fiqh Islam. Banyak sekali keadaan persoalan yang boleh disalurkan pendapat-pendapat tertentu untuk memilih dan mentarjihkan satu pendapat mazhab atau fikiran yang munasabah tanpa keluar dari prinsip-prinsip atau kaedah-kaedah umum di atas. Allah s.w.t. telah mengutuskan Rasul-Nya dan menurunkan kitab-kitab demi menegakkan keadilan dan kesejahteraan hidup. Apabila ternyata jelas tanda-tanda kebenaran dan keadilan maka ternyatalah pula syariat dan keredaan Allah.

Syeikh Syahabuddin Ahmadabib Idris yang terkenal dengan nama al-Qur'an dan meninggal dalam abad ke-7 Hijrah menulis dalam kitabnya (الْفُرُوق) katanya:

إِنَّ كُلَّ مَا فِي الشَّرِيْعَةِ يَتْبَعُ العَوَائِدَ، يَتَغَيَّرُ الْحُكْمُ فِيْهِ عِنْدَ تَغَيُّرِ
الْعَادَةِ إِلَى مَا تَقْتَضِيْهِ الْعَادَةُ الْمُتَجَدِّدَةُ

Terjemahan: Sesungguhnya tiap-tiap suatu dalam syari'at adalah mengikut adat-adat yang boleh berubah hukumnya di masa berlaku perubahan adat-adat yang sesuai dengan kehendak adat yang sentiasa baru.

Ibn Khaldun yang menjadi pelopor dalam ilmu sosiologi telah mengatakan di dalam kitabnya *al-Mukaddimah* yang bermaksud: Bahawa hal ehwal dunia, upah-upah, adat-adat dan agama mereka tidak kekal tetapi di atas satu bentuk dan sistem-sistem sebenarnya ia berbeza menurut masa, zaman dan perubahan daripada suatu keadaan yang berlainan, sebagaimana yang berlaku demikian terhadap individu, waktu-waktu dan tempat-tempat. Demikian juga terhadap negeri-negeri, peringkat-peringkat dan negara.

Ibn Qayyim yang juga salah seorang daripada Fuqaha' Islam menyatakan tentang tujuan-tujuan syara'. Sesungguhnya asas dan pokok syari'at terletak ke atas hikmat dan muslihat-muslihat hamba sama ada di dunia dan akhirat.

Perlu diingat bahawa hukum yang menerima perubahan itu ialah hukum-hukum cawangan dan perkara-perkara sampingan bukan perkara dasar atau prinsip.

Undang-undang Islam

Satu lagi asas penting untuk membentuk masyarakat di samping asas-asas yang diperkatakan tadi ialah undang-undang dan peraturan. Undang-undang dan peraturan merupakan disiplin-disiplin dan arahan-arahan untuk diikuti dan dicontohi di sepanjang hidup seseorang muslim. Prinsip-prinsip undang-undang dan peraturan itu diturunkan oleh Allah s.w.t.

Undang-undang Islam ialah kemuncak dari asas-asas pembentukan masyarakat. Tanpa undang-undang yang akan menyusun, memandu dan mengarah masyarakat, suatu tamadun tidak akan tercapai. Melalui undang-undang yang kukuh dan benar terhasillah sebuah masyarakat yang berdisiplin, sebuah negara yang aman damai di bawah keredaan Allah.

Untuk mengenali undang-undang Islam, kita perlu memahami terlebih dahulu dua istilah yang selalu disebut-sebut di dalam konteks undang-undang Islam. Istilah-istilah itu ialah *al-Syari'ah al-Islamiyah* atau Syari'at Islam; dan *al-Fiqh al-Islami* atau Hukum Fiqh Islam.

Kedua-dua perkataan tersebut pada umumnya membawa erti undang-undang, tetapi jika dihalusi ternyata bahawa istilah *al-Syari'ah al-Islamiyah* itu lebih umum dan meluas dari istilah *al-Fiqh al-Islami* itu sendiri. *Al-Syari'ah* bermaksud setiap sesuatu yang dijadikan undang-undang oleh Allah s.w.t. dalam urusan keagamaan melalui wahyu-Nya sama ada yang berbentuk al-Qur'an atau al-Sunnah.

Ini bererti *al-Syari'ah* itu ialah hukum-hukum Allah atau undang-undang Allah yang diturunkan kepada manusia, meliputi segenap urusan kehidupan manusia yang mencakupi persoalan-persoalan 'aqidah (kepercayaan), syari'at (perundangan), segala

sesuatu yang berhubung dengan kehidupan (mu'amalat) dan sebagainya.

Menurut sepertimana yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi-Nya Muhammad s.a.w. perkataan *al-Syari'ah* bukan rekaan manusia, tetapi istilah yang telah didapati dalam al-Qur'an sendiri. Allah berfirman:

ثُمَّ جَعَلْنَٰكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ.

Terjemahan: Pada kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad) menjalankan satu jalan yang cukup lengkap dari hukum-hukum agama; maka turutlah akan jalan itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).

(Al-Jasiyah, 45: 18)

Perkataan "Fiqh" seperti yang diperkatakan oleh Imam al-Ghazali bermaksud mengetahui dan memahami hukum-hukum syara' yang berhubung dengan perbuatan-perbuatan manusia yang mukallaf, sama ada yang berhubung dengan amal ibadat, kira bicara atau kehakiman dan sebagainya.

Dengan penerangan itu jelaslah bahawa undang-undang Islam itu telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. dengan ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w. sebagai dasarnya oleh kerana ayat-ayat al-Qur'an itu pada kebiasaannya memberi erti yang terlalu umum dan menyeluruh, maka suatu tafsiran yang terperinci perlu dibuat untuk lebih memahami ayat-ayat tersebut. Apabila sesuatu pentafsiran dibuat oleh pakar-pakar ia merupakan hasil suatu hukum cabang dari suatu ayat yang umum itu, maka perkara tersebut dinamakan "Fiqh".

Fiqh merupakan undang-undang sampingan yang dipecahkan dari undang-undang asasi atau ia merupakan tafsiran daripada undang-undang umum. Oleh itu suatu yang dihasilkan oleh ilmu fiqh merupakan peraturan dan undang-undang Islam yang berupa lanjutan atau pecahan dari undang-undang dasar Islam itu sendiri.

Hukum-hukum Islam seperti yang terdapat dalam al-Qur'an

selama-lamanya tidak berubah dan tidak boleh sama sekali diubah dan dipinda. Ia tetap dan kekal hingga ke hari kiamat. Hukum-hukum dalam al-Qur'an adalah hukum-hukum yang umum, untuk mengkhususkan hukum-hukum itu dan mentafsirkannya dengan cara yang rasional menjadi tugas pakar perundangan atau ahli fiqh. Oleh yang demikian hukum-hukum fiqh sentiasa berkembang dan kadang-kadang berubah dari satu masa ke satu masa dan dari satu keadaan ke satu keadaan yang lain, asalkan hukum-hukum itu tidak berlawanan dengan hukum-hukum al-Qur'an dan al-Sunnah.

Hasil dari perkembangan hukum fiqh yang merupakan sedutan dari hukum-hukum al-Qur'an, maka lahirlah aliran-aliran hukum yang berbagai-bagai yang dikenali pada hari ini sebagai mazhab-mazhab fiqh, akan tetapi apabila sesuatu yang tidak terdapat dengan jelas dalam al-Qur'an, maka timbullah tafsiran-tafsiran yang berbagai-bagai bentuk, berdasarkan kaedah-kaedah pentafsiran hukum yang diakui bersama.

Semua itu merupakan undang-undang Islam yang diakui kebenarannya oleh ahli perundangan Islam; kerana hukum-hukum itu tidak terkeluar dari kehendak al-Qur'an. Oleh yang demikian undang-undang Islam amat luas bidangnya meliputi segenap aspek kehidupan beragama. Semuanya telah dijelaskan oleh syarak prinsip-prinsipnya dan dapat dilaksanakan dalam kehidupan manusia tanpa cacat dan celanya.

Jika ditinjau dari sudut hukum-hukum fiqh keseluruhannya dari berbagai-bagai mazhab yang diakui, sekurang-kurangnya empat mazhab yang tersebut tadi, dapatlah digambarkan betapa luasnya bidang undang-undang Islam yang telah diteroka oleh hukum-hukum fiqh. Ia menyentuh soal-soal perhubungan manusia dengan Allah yang dikenali dalam peribahasan ilmu fiqh sebagai hukum "ibadat", mengenai perhubungan manusia dengan manusia dikenali sebagai hukum "mu'amalat", yang menyentuh persoalan rumahtangga dan keluarga dikenali sebagai "munakahat", yang mencakupi persoalan keadilan dan hukum dengan "jenayat" dan seterusnya.

Kitab-kitab fiqh Islam dalam mazhab Syafi'i ialah seperti, *al 'um* oleh al-Imam al-Syafi'i sendiri sebagai 8 juzu', *Al-Majmu' Syarah al-Mazhab* - 18 juzu', *Raudah al-Thalibin* - 12 juzu', *Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj* - 7 juzu', *Mughni al-Muhtaj* - 4 juzu' dan berpuluh-puluh kitab lagi telah lama disusun dan di-

jadikan kitab-kitab rujukan dalam semua masalah fiqh. Semua kitab-kitab itu lebih dari cukup untuk menggambarkan betapa luas dan lengkapnya kitab fiqh Islam, iaitu undang-undang untuk diamalkan di dalam masyarakat.

Keistimewaan Undang-undang Islam

Jika direnung dan diamat-amati keseluruhan undang-undang yang pernah dikenali dan dilaksanakan dalam masyarakat dari dahulu hingga sekarang, maka secara jujur kita akan mendapati bahawa hanya ada dua bentuk undang-undang sahaja yang pernah dikenali oleh manusia; iaitu undng-undang ciptaan Allah dan undang-undang ciptaan manusia. Antara keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang Islam ialah:

1. *Undang-undang Islam adalah ciptaan Allah:* Undang-undang Islam adalah undang-undang ciptaan Allah, umat Islam (sekurang-kurangnya) yang mengamalkan undang-undang itu mengakui undang-undang itu dari Allah s.w.t. Sedangkan undang-undang yang selain undang-undang Allah ialah ciptaan manusia.

Bagi kita umat Islam sudah pastilah mengakui dengan penuh jujur dan ikhlas bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang Ilahi, diciptakan oleh Yang Maha Mengetahui lagi Maha Pengasih lagi Penyayang, untuk kepentingan manusia. Jika hendak dibandingkan undang-undang Allah dengan undang-undang manusia, maka sudah pastilah bahawa undang-undang Allah itu lebih baik dari undang-undang ciptaan manusia.

Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Manusia adalah makhluk yang dijadikan oleh Allah dalam serba kekurangan. Ia jahil walaupun untuk memahami dirinya sendiri, walau bagaimana bijak dan pintar berfikir dan berikhtiar. Tidak ada sesiapapun yang boleh menandingi kebijaksanaan Allah. Oleh yang demikian jelaslah sekarang bahawa undang-undang Islam teristimewa dari semua undang-undang.

2. *Undang-undang Islam mendidik jiwa manusia:* Bertolak dari keyakinan yang undang-undang Islam itu adalah ciptaan Allah maka tersemailah di dalam jiwa setiap insan yang beriman dengan-Nya bahawa yang menurunkan undang-undang itu sendiri akan

mengawasi undang-undang-Nya. Yang patuh akan diberi ganjaran dan yang ingkar diberi pembalasan.

Oleh itu, tidak ada sesiapapun yang akan terlepas dari hukuman. Sekiranya ada yang melanggar undang-undang itu, jika tidak dapat dilakukan pembalasan di dunia maka akhirat tetap menunggu untuk pembalasan. Dengan perasaan dan keyakinan itu terkawallah sebahagian besar manusia dari melakukan kesalahan, walaupun ia berseorangan. Oleh yang demikian sejarah telah membuktikan bahawa telah berlaku beberapa kisah pelanggaran hukum-hukum Allah di dalam sejarah Islam secara tersembunyi telah dibongkarkan sendiri oleh orang yang berkenaan dengan membuat pengakuan terbuka di hadapan Rasulullah s.a.w. bahawasanya mereka telah melakukan kesalahan, lalu meminta mereka dihukum. Maiz al-Aslami telah mengakui yang ianya telah berzina lalu meminta dihukum. Setelah cukup syarat pengakuannya, Rasulullah s.a.w. melakukan hukuman. Tidak lama kemudiannya al-Ghamidiah pula datang mengakui kesalahannya kerana berzina. Beliau juga dihukum berdasarkan pengakuannya.

Ketika dua orang sahabat pada zaman Rasulullah s.a.w. berselisih faham kerana harta pusaka; yang masing-masing mendakwa yang berhak menerimanya. Rasulullah s.a.w. sebelum menjatuhkan hukuman, telah mengingatkan mereka berdua bahawa; sekiranya berlaku sesuatu dakwaan yang tidak betul dan harta ini diserahkan kepada yang membuat dakwaan itu, maka sesungguhnya yang menerima habuan itu sebenarnya menerima api neraka. Mendengar kata-kata itu kedua-dua orang tersebut telah menarik balik dakwaannya, masing-masing ingin menyerahkan harta itu kepada saudaranya. Akhirnya kedua-dua mereka tidak lagi mahu menerima harta itu, takut kalau-kalau dakwaannya tidak menepati hakikat yang sebenarnya, walaupun dirasakannya betul.

Kisah ini membuktikan bahawa undang-undang Islam mendidik jiwa manusia supaya sentiasa mematuhi undang-undang. Jiwa manusia akan menjadi bersih dan takut kepada pembalasan Allah. Dengan itu maka wujudlah kedaulatan undang-undang sebenarnya. Sedangkan dalam melaksanakan undang-undang ciptaan manusia, setiap orang yang melakukan kesalahan atau melanggar hukum-hukum akan hanya takut kepada pihak yang berkuasa. Sekiranya mereka merasakan pihak yang berkenaan tidak mengawasi mereka,

maka kesalahan boleh dilakukan. Kadang-kadang ada pula yang merasakan sekiranya dengan melakukan kesalahan mereka akan terlepas dari hukuman; kerana kelemahan undang-undang, maka kesalahan dilakukan juga. Setelah kesalahan dilakukan dan tidak ada apa-apa tindakan dilakukan ke atas mereka, maka dirasakan bahawa bebaslah mereka dari sebarang tindakan dan boleh mereka melakukan kesalahan buat kali yang kedua, ketiga dan seterusnya.

3. *Kesan undang-undang Islam amat mendalam:* Dalam melaksanakan undang-undang, semua pihak mengharapkan bahawa kesan undang-undang itu boleh mencegah manusia dari terus melakukan kejahatan. Sekurang-kurangnya boleh mengurangkan jumlah yang terlibat supaya keadaan sentiasa terkawal.

Hasil dari pelaksanaan undang-undang ciptaan manusia, khususnya dalam undang-undang jenayah, saban hari kita melihat dan mendengar bahawa keadaan jenayah tidak pernah reda. Malah ia semakin hari semakin bertambah. Di ruangan akhbar dan majalah tersiar kisah-kisah jenayah yang semakin hari semakin ganas, angkanya terus meningkat. Di negara barat seperti Amerika, England, Itali dan sebagainya angka-angka jenayah terus meningkat.

Bagi kita rakyat Malaysia, kes-kes jenayah sudah menjadi kes biasa yang seringkali dapat diikuti beritanya di akhbar dan majalah-majalah. Dalam sebuah majalah tempatan, "Dewan Masyarakat" Julai 1977 dalam ruangan masalah sosial di bawah tajuk "Hukuman Longgar Jenayah Makin Kejam" ada dimuatkan angka-angka jenayah yang semakin hari semakin meningkat.

Semuanya ini menunjukkan bahawa undang-undang ciptaan manusia di dunia ini, seolah-olah tidak memberi kesan dalam menghadapi jenayah. Setidaknya undang-undang sekarang belum lagi berjaya membendung perbuatan jenayah. Undang-undang Islam yang diturunkan, secara umum telah dibuktikan bahawa ia mampu menghadapi jenayah, kesannya amat mendalam dalam usaha membendung jenayah supaya tidak mengancam kehidupan masyarakat.

Pada zaman Rasulullah s.a.w. sebaik sahaja undang-undang Islam dilaksanakan, persoalan jenayah hampir hilang dari masyarakat, hanya beberapa kes sahaja yang dapat dikesan dan dijatuhkan hukuman. Jenayah-jenayah seperti merompak, mencuri, berzina, arak, membunuh dan sebagainya dapat dihitung dengan

jari, berbanding dengan yang sebelumnya. Demikian juga halnya pada zaman sahabat Rasulullah s.a.w. seperti pada zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a. Umar bin al-Khattab r.a. dan seterusnya. Keadaan jenayah terkawal sepenuhnya.

Arab Saudi telah melaksanakan hukum-hukum Islam. Di sepanjang pemerintahan al-Malik Abdul Aziz al-Sa'ud selama 24 tahun, hanya enam belas orang pencuri yang telah dipotong tangan kerana sabit kesalahannya. Semua itu membuktikan bahawa undang-undang Islam memberi kesan yang mendalam dalam usaha memperbaiki masyarakat, jika dibandingkan dengan undang-undang lain di dunia ini.

4. *Undang-undang Islam memperuntukkan ganjaran:* Dalam mentaati undang-undang Islam, Allah s.w.t. menetapkan ganjaran dan balasan yang baik kepada mereka yang mematuhinya. Firman Allah:

وَمَنْ يُطِعِ اللّٰهَ وَرَسُوْلَهُ وَيَخْشَ اللّٰهَ وَيَتَّقْهِ فَأُولٰٓئِكَ هُمُ الْفَآئِزُوْنَ.

Terjemahan: Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan takut melanggar perintah Allah, serta menjaga dirinya dengan terdedah kepada azab Allah, maka merekalah orang-orang yang beroleh kemenangan.

(Al-Nur, 24:52)

وَمَنْ يُطِعِ اللّٰهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيْمًا.

Terjemahan: Dan sesiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah mendapat kejayaan yang amat besar.

(Al-Ahzab, 33:71)

Di samping Allah memberikan ganjaran kepada orang yang mentaati undang-undang-Nya dengan kejayaan-kejayaan yang cemerlang, Allah juga mengancam orang-orang yang menderhaka dan melanggar undang-undang-Nya. Allah berfirman:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِىْ فَإِنَّ لَهُ مَعِيْشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيٰمَةِ

أَعْمَىٰ. قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِيٓ أَعْمَىٰ وَقَدْ كُنْتُ بَصِيرًا قَالَ كَذَٰلِكَ
أَتَتْكَ ءَايَٰتُنَا فَنَسِيتَهَا وَكَذَٰلِكَ الْيَوْمَ تُنْسَىٰ.

Terjemahan: Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjuk Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta. Ia berkata: Wahai Tuhanku, mengapa Engkau himpunkan daku dalam keadaan buta, padahal aku dahulu celik?" Allah berfirman: Demikianlah keadaannya telah datang ayat-ayat keterangan kami kepadamu, lalu engkau melupakan serta meninggalkannya dan demikianlah engkau pada hari ini dilupakan serta ditinggalkan.

(Taha, 20:124-126)

5. *Undang-undang Islam tidak berubah:* Satu lagi keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang Islam ialah sifat-sifat mantap dan tegap sebagai undang-undang yang tidak boleh diubah mengikut hawa nafsu manusia. Sifat mantap dan tidak boleh diubah itu memadai hak istimewa undang-undang Islam; kerana ianya telah sempurna dan tidak ada cacat celanya. Sesuatu yang sempurna dan lengkap tidak lagi perlu diubah dan dipinda. Yang perlu dibuat perubahan dan pindaan ialah sesuatu yang tidak sempurna, cacat, tidak sesuai dan diakui oleh Allah s.w.t. dalam firman-Nya:

أَفَحُكْمَ الْجَٰهِلِيَّةِ يَبْغُوْنَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُوْنَ

Terjemahan: sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum jahiliyah? padahalnya - kepada orang-orang yang penuh keyakinan - tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih baik daripada Allah.

(Al-Maidah, 5:50)

Oleh kerana undang-undang Islam itu sebaik-baik undang-undang, maka dengan sendirinya ia tidak boleh dipinda kerana meminda sesuatu yang telah sempurna bererti merosakkannya.

Salah satu sifat undang-undang ciptaan manusia ialah kekurangan-kekurangan berpunca dari terbatasnya kemampuan fikiran manusia itu sendiri. Salah satu kekurangan yang amat jelas ialah manusia itu jahil dengan apa yang akan berlaku pada esoknya. Manusia amat jahil dengan perkara-perkara yang gahib, yang tidak dapat dilihat dengan mata kepalanya. Manusia hanya mampu untuk berfikir sesuatu yang telah lepas dan sedang berlaku. Perkara yang akan datang tidak ada yang mengetahuinya. Oleh itu undang-undang ciptaan manusia amat terbatas, sedangkan Allah mengetahui segala-galanya, yang lahir dan yang batin, yang nyata dan yang tersembunyi. Yang mana menjadi muslihat untuk manusia di dunia dan akhirat, yang mana pula merosakkannya. Dengan mengetahui segala-galanya maka Allah menurunkan undang-undangnya yang tetap untuk kepentingan manusia di dunia dan di akhirat.

Bidang Undang-undang Islam

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, Islam itu ialah agama Allah yang lengkap iaitu suatu cara hidup yang sempurna dan suatu panduan yang menyeluruh bagi semua kegiatan manusia, untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Tidak ada suatu bidang dari bidang-bidang kehidupan manusia yang tidak disentuh dan dijelaskan oleh Islam akan hukum-hukumnya atau undang-undangnya. Semuanya dijelaskan sama ada secara umum atau khusus. Ini jelas dari firman Allah:

مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَٰبِ مِن شَيْءٍ.

Terjemahan: Tiada kami meninggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Qur'an ini.

(Al-An'am, 6:38)

Ayat ini menerangkan bahawa al-Qur'an telah menyebut segala-galanya, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sekiranya wujud suatu perkara yang tidak diketahui oleh manusia dan tidak didapati jawapannya di dalam al-Qur'an maka itu tidak bererti al-Qur'an itu melupakannya atau tidak menyebutnya, akan tetapi manusia yang tidak mengetahui di mana letaknya hukum tersebut di dalam al-Qur'an. Allah menjelaskan lagi di dalam al-Qur'an.

أَفَغَيْرَ اللهِ أَبْتَغِى حَكَمًا وَهُوَ الَّذِىٓ أَنْزَلَ إِلَيْكُمُ الْكِتٰبَ مُفَصَّلاً.

Terjemahan: (Katakanlah wahai Muhammad): "Patutkah aku (terpedaya dengan kata-kata dusta syaitan-syaitan itu sehingga aku) hendak mencari hakim selain dari Allah, padahal dialah yang menurunkan kepada kamu kitab (al-Qur'an) yang jelas nyata (kandungannya) satu persatu (tentang yang benar dan yang salah)?

(Al-An'am, 6:114)

Ayat ini jelas memperlihatkan bahawa al-Qur'an itu lengkap segala-galanya. Manusia tidak perlu meraba-raba mencari panduan hukum selain dari al-Qur'an, kerana di dalamnya telah wujud segala-galanya. Sebarang kelemahan umat Islam yang terdapat pada hari ini dalam menetapkan sesuatu hukum atau sesuatu panduan berdasarkan al-Qur'an, berpunca dari manusia itu menjauhkan diri dari al-Qur'an. Mereka tidak mendampingi al-Qur'an sebagai kitab petunjuk, malah mereka tidak menggunakannya sebagai tempat rujukan untuk hukum.

Dalam menghadapi persoalan seperti di atas, perundangan Islam jelas menentukan hukuman seperti firman Allah:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلاَ مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللهُ وَرَسُوْلُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُوْنَ لَهُمُ
الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلٰلاً مُّبِيْنًا.

Terjemahan: Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan — apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara — mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.

(Al-Ahzab, 33:36)

Oleh yang demikian, undang-undang Islam hendaklah dipatuhi dan dilaksanakan sekadar yang terdaya. Ia amat menyeluruh dan amat sesuai dengan manusia.

IX

AL-QUR'AN DAN AL-SUNNAH

Al-Qur'an al-Karim Sumber yang Utama

Al-Qur'an al-Karim ialah Kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang termaktub di dalam mashaf, dipindahkan kepada kita secara *mutawatir* yang diibadatkan bacaannya, dengan lafaz dan makna dari Allah melalui Bahasa Arab.

Al-Ustaz Mohammad Ali al-Sayis mentakrifkan al-Qur'an sebagai kitab yang diturunkan kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. dengan Bahasa Arab yang dipindahkan secara *mutawatir*, dimulakan dengan surah al-Fatihah dan disudahi dengan surah al-Nas.

Al-Qur'an menjadi pokok agama, perlembagaan, kaum muslimin dan tiang agama kita. Ia mengandungi 114 surah dan bilangan ayat-ayatnya melebihi enam ribu ayat. Kitab suci ini piagam suci. Ia menerangkan hukum-hukum dengan nas ijmaliyah sebaliknya hukum-hukum terperinci dan hukum-hukum cawangan tidak dibicarakan kecuali sedikit.

Al-Qur'an menyuruh kita mengerjakan sembahyang dan mengeluarkan zakat secara ijmal tanpa diterangkan satu persatu hanya diterangkan oleh Hadith Rasulullah s.a.w. Al-Qur'an mewajibkan bermesyuarat berkenaan dengan urusan-urusan negara dan masyarakat yang tidak dinaskan dengan terperinci, tetapi tidak disebutkan cara melakukannya, cuma diserahkan kepada masa dan tempat. Al-Qur'an menyuruh menegakkan keadilan di antara manusia dengan

nas-nas yang umum tetapi tidak ditetapkan cara-caranya satu persatu. Terpulanglah kepada kita menjalankan dengan sebaik-baiknya. Maka al-Qur'an yang ijmal itu memerlukan keterangan Sunnah Rasulullah s.a.w. sebab itulah Sunnah pun dikira wahyu juga dari segi maknanya. Firman Allah:

وَمَايَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٓ. إِنْ هُوَ إِلاَّ وَحْيٌ يُوْحَىٰ.

Terjemahan: Dan ia (Muhammad) tidak memperkatakan sesuatu yang berhubung dengan agama Islam menurut kemahuan nafsu, dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya sama ada al-Qur'an atau Hadith tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan kepadanya.

(Al-Najm, 53:3-4)

Pada masa baginda menerima wahyu al-Qur'an sama ada satu surah atau satu ayat akan diperdengarkan kepada sahabat baginda untuk dihafaz atau disuruh jurutulis seperti Mu'awiyah, Zaid bin Thabit dan lain-lainnya menuliskan wahyu itu.

Tempoh al-Qur'an diturunkan adalah selama lebih kurang 23 tahun. Separuh diturunkan di Makkah yakni sebelum berhijrah, iaitu selama 12 tahun 5 bulan dan 13 hari. Manakala bakinya diturunkan setelah hijrah ke Madinah. Kebanyakan surah-surah dan ayat-ayat Makkiyah pendek-pendek dan memperkatakan tentang ibadat, tauhid dan persoalan-persoalan 'aqidah, tetapi surah-surah Madaniyah panjang-panjang dan kebanyakannya memperkatakan tentang perundangan Islam. Perlu dijelaskan, bahawa ayat-ayat al-Qur'an diturunkan mengikut keadaan keperluan semasa ayat itu diwahyukan. Yang tidak tersusun seperti yang wujud dalam al-Qur'an yang ada pada kita di hari itu.

Penyusunan al-Qur'an yang dimulakan dengan surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah al-Nas adalah menurut seperti yang diajar oleh Jibril kepada Muhammad s.a.w. sebelum baginda wafat. Nabi Muhammad s.a.w. mengarahkan penulis-penulis wahyu supaya meletakkan ayat-ayat al-Qur'an dalam surah-surah tertentu seperti yang diajar oleh Jibril.

Al-Qur'an yang ada pada umat Islam hari ini sebenarnya al-Qur'an yang diijma' (dipersetujui) oleh para sahabat dan ulama

seluruhnya, bahawa itulah al-Qur'an yang diajar oleh Jibril kepada Muhammad s.a.w. dan disampaikan kepada kita, tanpa diubah atau dipinda, baik ayat-ayatnya, mahupun penyusunan surah-surahnya.

Setelah wafat Rasulullah s.a.w. maka Khalifah Abu Bakar al-Siddiq menyuruh Zaid bin Thabit mengumpulkan semua al-Qur'an dengan bantuan daripada rakan-rakannya seperti Ali bin Abi Talib, Abdullah bin Abbas, Abdullah bin Umar, Ibn Zubair, Abdullah bin Mas'ud dan lainnya. Kemudian barulah ditulis dalam sebuah mashaf yang dijaga oleh Umar bin al-Khattab. Kemudian dikumpulkan sekali lagi pada zaman pemerintahan Uthman bin 'Affan r.a. pada tahun 30 hijrah mengikut satu bacaan dalam beberapa buah kitab mashaf yang dihantarkan ke negeri-negeri Islam. Maka dengan cara inilah al-Qur'an itu terjamin pemindahannya dengan *mutawatir* atau penuh keyakinan untuk masa yang akan datang. Dengan demikian benarlah Firman Allah s.w.t.:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحٰفِظُوْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya Kamilah (Allah) yang menurunkan al-Qur'an dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

(Al-Hijr, 15:9)

Berdasarkan kenyataan tersebut dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa terjemahan makna al-Qur'an tidak boleh dinamakan al-Qur'an sama ada terjemahan perkataan atau maknanya.

Bagaimana al-Qur'an Diturunkan

Al-Qur'an diturunkan selaras dengan sesuatu kejadian atau peristiwa. Firman Allah:

وَقُرْءَانًا فَرَقْنٰهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلٰى مُكْثٍ وَنَزَّلْنٰهُ تَنْزِيْلًا.

Terjemahan: Dan al-Qur'an itu Kami bahagi-bahagikan dia supaya engkau bacakannya kepada manusia dengan lambat tenang dan Kami turunkannya beransur-ansur.

(Al-Isra', 17:106)

وَقَالَ الَّذِيْنَ كَفَرُوْا لَوْلاَ نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْءَانُ جُمْلَةً وَّاحِدَةً كَذٰلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنٰهُ تَرْتِيْلاً.

Terjemahan: Dan orang-orang yang kafir itu berkata: "Mengapa tidak diturunkan al-Qur'an itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)"? diturunkan al-Qur'an itu dengan cara demikian kerana hendak menetapkan hatimu (Wahai Muhammad) dengannya, dan Kami nyatakan bacanya kepadamu dengan teratur satu persatu.

(Al-Furqan, 25:32)

Keterangan di atas membuktikan bahawa al-Qur'an diturunkan secara beransur-ansur tidak seperti al-Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s. sekaligus, bahkan cara penurunan al-Qur'an selaras dengan sesuatu kejadian dan kesesuaian sesuatu peristiwa.

Firman Allah:

وَلاَ تَنْكِحُوا الْمُشْرِكٰتِ حَتّٰى يُؤْمِنَّ.

Terjemahan: Dan jangan kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam).

(Al-Baqarah, 2:221)

Ayat ini diturunkan untuk menyelesaikan masalah Murthid al-Ghanawi yang diutuskan oleh Rasulullah s.a.w. ke Makkah untuk menolong kaum muslimin yang lemah di sana, kemudian seorang perempuan musyrik menawarkan Murthid supaya bermalam di rumahnya. Perempuan tersebut seorang yang jelita lagi kaya, maka beliau menolak tawaran itu kerana takut kepada Allah s.w.t. Kemudian perempuan itu datang lagi menemuinya sambil meminta Murthid berkahwin dengannya. Pada mulanya Murthid bersetuju dengan syarat perkara itu hendaklah terlebih dahulu dibawa kepada Rasulullah s.a.w., setelah sampai di Madinah beliau pun memohon kepada bagin-

da supaya membenarkannya berkahwin dengan wanita tersebut. Kemudian diturunkan ayat di atas.

Antara ayat yang diturunkan untuk memberi fatwa ialah, Firman Allah:

إِنَّآ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ الْكِتَـٰبَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَآ أَرَىٰكَ اللَّهُ وَلَا تَكُن لِّلْخَآئِنِينَ خَصِيمًا

Terjemahan: Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab al-Qur'an dengan (membawa) kebenaran, supaya engkau menghukumkan di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyu-Nya), dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang melakukan khianat.

(Al-Nisa', 4:105)

Ayat ini diturunkan kepada seorang lelaki dari Bani Zufr bernama Thu'mah bin 'Ubairaq, beliau telah mencuri baju besi seorang jirannya bernama Qatadah bin Nu'man, barang itu disembunyikan dalam sebuah guni gandum dan disorokkan di rumah seorang Yahudi bernama Zaid bin al-Samin, kemudian tuan punya baju datang mencari ke rumah Thu'mah, tetapi Thu'mah bersumpah mengatakan bahawa ia tidak mencuri baju besi tersebut. Kemudian tuan punya baju itu datang ke rumah Yahudi, lalu beliau terjumpa barang tersebut. Kata Yahudi itu: Baju tersebut disorok oleh Thu'mah, kemudian beberapa orang Yahudi datang menjadi saksi untuk membenarkan kejadian itu. Perkara tersebut dibawa kepada Rasulullah s.a.w. Maka ternyatalah kebenaran Yahudi dan pendustaan Thu'mah, lalu Allah s.w.t. menurunkan ayat di atas.

Hikmat Diturunkan al-Quran Secara Beransur-ansur

1. Untuk menguatkan hati Rasulullah s.a.w. supaya dapat diingat dan dihafaz, sebab baginda tidak pandai membaca dan menulis, sedang Rasul-rasul yang lain terdahulu pandai membaca dan menulis.

2. Supaya sesuai dengan kehendak Allah yang menjadikan setengah daripada ayat al-Qur'an itu menjadi nasakh atau pembatal terhadap ayat yang lain. Keadaan ini memerlukan kepada penurunan ayat-ayat secara beransur-ansur atau bercerai.

3. Ia selaras dengan hikmat Allah dan kehendak-Nya iaitu ada di antara ayat tersebut sebagai jawapan kepada pertanyaan yang dikemukakan atau keterangan hukum bagi sesuatu kejadian supaya dengan ini ia lebih berkesan untuk diterima dan dipatuhi. Keadaan seperti ini memerlukan kepada penurunan al-Qur'an secara beransur-ansur.

4. Cara penurunan seperti ini adalah menjadi rahmat kepada hamba-hamba Allah, sebab sebelum daripada muncul Islam, orang Arab terlalu bebas, andaikata diturunkan sekaligus sudah tentu menjadi beban keberatan ke atas mereka itu untuk menerima segala perintah dan larangan Allah.

Mu'jizat al-Qur'an al-Karim dari segi Aliran Bahasa dan Lain-lain

Al-Quran adalah mu'jizat yang paling besar yang dianugerahkan kepada baginda Rasulullah s.a.w., kerana gaya bahasa dan nilai estetikanya terlalu tinggi dan boleh menimbulkan getaran jiwa, perasaan khusyu' dan keinsafan yang tidak terdapat pada kitab-kitab suci yang lain yang diturunkan oleh Allah ke dunia, hingga ahli-ahli sastera Arab yang bijak terpegun mendengarnya.

Al-Qur'an telah membuat ramalan terhadap perkara yang akan berlaku, kemudian ramalan itu menjadi kenyataan, demikian juga ia menyampaikan beberapa peristiwa besar yang telah berlaku kepada generasi-generasi dahulu kala yang tidak tercatat dalam sejarah tamadun umat manusia. Penemuan-penemuan baru yang dilakukan oleh ahli-ahli kaji purba telah membuktikan kebenaran berita dari kitab suci itu.

Antara mu'jizat al-Qur'an ialah tiap-tiap pembacanya tidak terasa jemu, pendengarnya tidak terasa bosan, malahan semakin banyak dibaca dan semakin banyak didengar semakin lagi khusyu' dan menambah kesedaran dalam jiwa dan perasaan. Ini semua adalah bukti yang terang bahawa al-Qur'an datang dari Allah s.w.t.

Kitab suci al-Qur'an mengandungi perkara-perkara pokok berhubung dengan agama dan perkara-perkara pokok yang berkaitan dengan keduniaan. Al-Qur'an menjelaskan berbagai-bagai perundangan agama dan juga perkara-perkara ghaib di akhirat. Dalam al-Qur'an telah tercatat berbagai ilmu yang sulit dan sukar, hingga dibuktikan kebenarannya oleh ilmu-ilmu moden yang baru muncul; terkandung asas-asas ilmu hayat, asas-asas ilmu kesihatan, ilmu metafizik, asas-asas ilmu ekonomi, asas-asas ilmu kejuruteraan, asas-asas ilmu pertanian, asas-asas ilmu kimia, asas-asas ilmu astronomi, asas-asas ilmu pelayaran dan perkapalan, asas-asas ilmu jiwa, asas-asas ilmu antropologi, asas-asas ilmu perlembagaan dan berbagai-bagai ilmu berhubung dengan urusan-urusan di dunia yang merangkumi seluruh kebudayaan umat manusia. Oleh itu, ramai orang bukan Islam telah menyatakan kekaguman mereka terhadap al-Qur'an al-Karim antaranya ialah:

Doktor Moris Prancis, menyatakan; "Sesungguhnya al-Qur'an adalah sebaik-baik kitab yang dikeluarkan oleh 'inayah ketuhanan kepada anak Adam dan sebenarnya ia sebuah kitab yang tidak ada sebarang prasangka."

Henry de Costrie pula berkata, "Bahawasanya al-Qur'an menawan fikiran dan lubuk hati manusia, dan ia telah diturunkan kepada Muhammad yang membuktikan kebenaran risalahnya."

Alex Loison berkata, "Muhammad telah meninggalkan kepada dunia sebuah kitab yang menjadi lambang keindahan bahasa dan sastera dan dasar akhlak, iaitu kitab suci dan tidak ada masalah-masalah ilmiah yang baru dibongkar atau penemuan-penemuan baru yang bertentangan dengan dasar-dasar Islam, maka terbuktilah persesuaian yang sempurna antara pengajaran al-Qur'an dan undang-undang alam.

Gothe seorang penyair barat yang terkenal berkata, "Bahawa pengajaran-pengajaran al-Qur'an adalah praktikal dan selaras dengan keperluan-keperluan pemikiran.

Sekarang marilah kita meneliti beberapa petikan al-Qur'an al-Karim yang membuktikan kebenaran, keindahan bahasa dan sastera, keindahan dan ketajaman maknanya. Firman Allah:

وَإِن كُنتُمْ فِى رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا۟ بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِۦ وَادْعُوا۟

شُهَدَآءَكُمْ مِّنْ دُوْنِ اللهِ إِنْ كُنْتُمْ صٰدِقِيْنَ. فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوْا وَلَنْ تَفْعَلُوْا فَاتَّقُوْا النَّارَ الَّتِيْ وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكٰفِرِيْنَ.

Terjemahan: Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Qur'an) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah sebanding dengan al-Qur'an itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak akan dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir.

(Al-Baqarah, 2:23, 24)

أَفَلاَ يَتَدَبَّرُوْنَ الْقُرْءَانَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللهِ لَوَجَدُوْا فِيْهِ اخْتِلٰفًا كَثِيْرًا.

Terjemahan: Patutkah mereka (bersikap demikian) tidak mahu memikirkan isi al-Qur'an? Kerana kalaulah al-Qur'an itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.

(Al-Nisa', 4:82)

قُلْ لَّئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَن يَأْتُوْا بِمِثْلِ هٰذَا الْقُرْءَانِ لاَ يَأْتُوْنَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيْرًا.

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad) "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Qur'an ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu membantu sesama sendiri.

(Al-Isra', 17:88)

لَوْ أَنْزَلْنَا هٰذَا الْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خٰشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللهِ وَتِلْكَ الأَمْثٰلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُوْنَ.

Terjemahan: Kalau sekiranya Kami turunkan al-Qur'an ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyu' serta pecah belah kerana takut kepada Allah, dan (ingatlah!) misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya.

(Al-Hasyr, 59:21)

وَمَاكَانَ هٰذَا الْقُرْءَانُ أَنْ يُفْتَرَىٰ مِن دُوْنِ اللهِ وَلٰكِنْ تَصْدِيْقَ الَّذِيْ بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيْلَ الْكِتٰبِ لاَرَيْبَ فِيْهِ مِنْ رَّبِّ الْعٰلَمِيْنَ. أَمْ يَقُوْلُوْنَ افْتَرٰهُ قُلْ فَأْتُوْا بِسُوْرَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوْا مَنِ اسْتَطَعْتُمْ مِّنْ دُوْنِ اللهِ إِنْ كُنْتُمْ صٰدِقِيْنَ.

Terjemahan: Dan bukanlah al-Qur'an ini sesuatu yang boleh diada-adakan oleh yang lain dari Allah, tetapi al-Qur'an itu diturunkan oleh Allah untuk membenarkan kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya, dan untuk menjelaskan satu persatu hukum-hukum syara' yang diwajibkan (atas kamu): tidak ada sebarang syak pada al-Qur'an itu tentang datangnya dari Allah, Tuhan yang menjadikan dan mentadbirkan sekalian alam. (Orang-orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian itu) bahkan mereka mengatakan, "Dialah (Muhammad) yang mengada-adakan al-Qur'an menurut rekaannya." Katakanlah (wahai Muhammad), "Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur'an itu, dan panggillah sesiapa sahaja yang kamu dapat memanggilnya yang lain dari Allah (untuk membantu kamu), jika betul kamu orang-orang yang benar.

(Yunus, 10:37:38)

Setakat ini sahaja kebenaran kutipan dari ayat-ayat al-Qur'an untuk menjadi renungan dan berikut ini akan diterangkan pula tentang mu'jizat al-Qur'an dari segi ilmiah.

Mu'jizat al-Qur'an dari segi Ilmiah:
Kesatuan Alam Semesta, Rahsia Kehidupan dan Kejadian Alam Semesta

Matahari, bulan dan bumi beredar, mungkin ada benda-benda hidup di angkasa lepas Allah menjadikan makhluk berpasang-pasangan keseimbangan antara unsur kejadian makhluk.

Tugas al-Qur'an bukanlah untuk memberi jawápan secara terperinci kepada pemikiran manusia tentang masalah-masalah alam semesta dan hakikat-hakikat kewujudan sesuatu dari segi ilmiah, tetapi al-Qur'an ialah kitab Allah untuk memberi petunjuk dan panduan kepada manusia tentang kehidupan dari segi agama dan dunia. Walaupun demikian ayat-ayat suci itu banyak memberi pengertian yang halus baik secara langsung atau isyarat terhadap hakikat ilmiah yang menyentuh perkara-perkara ilmu seperti persoalan tabiat alam, kedoktoran, ilmu alam, ilmu pertanian, ilmu kesihatan, ilmu falaq, ilmu antropologi, kemasyarakatan, sejarah dan sebagainya. Ini semua membuktikan kepada kita tentang mu'jizat al-Qur'an dari segi ilmiah dan sebagai wahyu yang datang dari Allah s.w.t.

Sejarah telah membuktikan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. tidak pandai membaca dan menulis, baginda lahir dalam masyarakat Makkah yang tidak terdapat ilmu pengetahuan atau sekolah-sekolah yang mengajar ilmu-ilmu tentang dunia dan alam semesta. Baginda juga tinggal jauh dari pusat-pusat pengajian yang ada pada masa itu. Ini kerana pada masa itu pusat-pusat pengajian tertumpu di Syam, Iskandariah, Athen dan Rom. Seterusnya teori-teori ilmu pengetahuan yang dibawa oleh al-Qur'an secara langsung atau tidak masih belum diketahui atau diperbincangkan pada zaman tersebut iaitu pada abad ke-7 M begitu juga persoalan membongkarkan rahsia ilmu pengetahuan hanya berlaku dalam abad-abad kebelakangn ini.

Hakikat setengah-setengah ilmu pengetahuan yang tersebut dalam kitab suci al-Qur'an akan dikemukakan sedikit untuk menjadi bahan renungan supaya akal yang insaf yang tidak dipengaruhi oleh hawa nafsu akan memberi pertimbangan apakah ayat al-Qur'an

itu rekaan Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana yang didakwa oleh kaum musyrikin dan orang-orang sesat pada zaman dahulu dan sekarang atau semata-mata wahyu yang telah diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w.

1. *Kesatuan alam semesta dan rahsia kehidupan:* Kesatuan alam semesta ini diambil daripada firman Allah:

أَوَلَمْ يَرَالَّذِيْنَ كَفَرُوْآ أَنَّ السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنٰهُمَا
وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَآءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُوْنَ.

Terjemahan: Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman.

(Al-Anbiya', 21:30)

Ayat ini menyatakan bahawa langit dan bumi pada mulanya adalah satu kemudian dipecah dan dipisah antara satu sama lain.

Ini merupakan satu mu'jizat al-Qur'an, dan ilmu pengetahuan yang disokong oleh ilmu moden juga mengatakan bahawa alam semesta pada mulanya satu dan padu yang berhubung antara satu sama lain iaitu dari gas kemudian terbahagi kepada binatang-binatang yang amat banyak. Alam buana yang kita diami termasuk dalam keluarga matahari yang terdiri daripada bumi, marikh, uranus, jupiter, merkuri, sartun, pluto, neptun dan lain-lain adalah hasil daripada perpecahan tersebut.

Pendapat ini disokong oleh sarjana-sarjana yang mengatakan bahawa matahari mempunyai 67 unsur dari unsur bumi, unsur bumi pula ialah 92 iaitu, unsur yang terkenal bagi matahari juga terkenal di bumi kita, antara lain ialah hidrogen, helium, karbon, azut, oksigen, fosforus, besi dan sebagainya. Menurut pendapat setengah-setengah sarjana, unsur matahari adalah lebih kurang sama dengan unsur bumi, matahari salah satu daripada planet seperti planet-planet yang lain juga, kumpulan planet-planet itu dinamakan alam semesta

yang berbagai bentuk dan corak, tetapi unsur-unsurnya tidak jauh berbeza. Firman Allah:

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَآءِ كُلَّ شَىْءٍ حَيٍّ.

Terjemahan: "Dan Kami jadikan dari air tiap-tiap benda yang hidup."

(Al-Anbiya', 21:30)

Ini merupakan suatu hakikat yang sangat jelas dalam al-Qur'an untuk menentukan hakikat ilmiah yang dapat diketahui oleh sarjana-sarjana, kebanyakan daripada ujian kimia mengatakan perkara yang pasti untuk kehidupan dan kesuburan adalah memerlukan air, yang mana air dikira satu unsur yang termesti bagi meneruskan hidup untuk semua benda-benda termasuk manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Inilah antara bukti yang kuat yang membuktikan kebenaran Nabi Muhammad s.a.w. Al-Qur'an al-Karim menjelaskan tentang kesatuan alam semesta dan rahsia kehidupan dengan menunjukkan firman-Nya kepada orang-orang yang kufur kepada Allah dengan bukti-bukti tersebut. Orang-orang Arab pada zaman silam belum mengerti hakikat itu tetapi zaman sekarang setelah dunia mencapai kemajuan dalam bidang ilmu sains dan teknologi selepas manusia mengkaji dan membuat percubaan berpuluh-puluh tahun tentang keadaan benda-benda di dunia. Hakikat yang tersebut di atas ialah menjadi dorongan yang paling besar untuk mempercayai adanya Allah, kudrat-Nya yang tidak terbatas dan rahsia-rahsia makhluk-Nya. Inilah juga yang dimaksudkan oleh ayat al-Qur'an yang berbunyi أَفَلَا يُؤْمِنُوْنَ maknanya: *Apakah mereka tidak beriman (tentang wujudnya Allah),* yakni belum cukupkah lagi bukti untuk mereka beriman kepada Allah.

2. *Kejadian Alam Semesta:* Tentang kejadian alam semesta, Allah berfirman:

قُلْ أَئِنَّكُمْ لَتَكْفُرُوْنَ بِالَّذِىْ خَلَقَ الْأَرْضَ فِى يَوْمَيْنِ وَتَجْعَلُوْنَ لَهُ
أَنْدَادًا ذٰلِكَ رَبُّ الْعٰلَمِيْنَ. وَجَعَلَ فِيْهَا رَوٰسِىَ مِنْ فَوْقِهَا وَبٰرَكَ فِيْهَا

وَقَدَّرَ فِيهَآ أَقْوَٰتَهَا فِىٓ أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سَوَآءً لِّلسَّآئِلِينَ ثُمَّ اسْتَوَىٰٓ إِلَى
السَّمَآءِ وَهِىَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ ائْتِيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَآ أَتَيْنَا
طَآئِعِينَ.

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad), "Sesungguhnya tidaklah patut kamu kufur ingkar kepada Tuhan yang menciptakan bumi dalam dua masa, dan kamu adakan sekutu-sekutu bagi-Nya yang demikian (Sifatnya dan kekuasaan-Nya) ialah Allah Tuhan sekalian alam. Dan ia menjadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya (tersergam tinggi) di atasnya, serta ia melimpahkan berkat padanya; dan ia menentukan ada padanya bahan-bahan keperluan hidup penduduknya, sekadar yang menyamai hajat yang diminta dan dikehendaki oleh keadaan mereka; (semuanya itu berlaku) dalam empat masa. Kemudian ia menunjukkan kehendaknya ke arah (bahan-bahan) langit sedang langit itu masih berupa asap; lalu Ia berfirman kepadanya, dan kepada bumi; (turunlah kamu berdua akan perintah-Ku sama ada dengan sukarela atau dengan paksa!" Kedua-duanya menjawab, "Kami berdua sedia menurut patuh dengan sukarela."

(Fussilat, 41:9-11)

Ayat ini menyebutkan bahawa langit pada peringkat permulaan terciptanya berupa asap, sarjana-sarjana pada masa ini berselisih pendapat ketika mentafsirkan tentang permulaan kejadian alam semesta pada asalnya berupa gas yang memenuhi segenap ruang angkasa dan bintang-bintang terjadi dari percantuman gas-gas tersebut.

Tetapi kitab suci al-Qur'an menggambarkan sumber kejadian alam semesta dengan asap, kerana asap satu benda yang boleh dilihat oleh orang Arab.

Dengan penjelasan yang ringkas ini bolehlah kita membuat rumusan, seorang yang tidak pandai menulis dan membaca mengeluarkan keterangan tersebut dalam masa empat belas abad yang silam tentulah dengan wahyu dari Allah. Sebab pada masa itu

orang belum lagi mengetahui tentang alam semesta dan rahsianya.

3. *Matahari, Bulan dan Bumi Beredar:* Firman Allah:

وَالشَّمْسُ تَجْرِى لِمُسْتَقَرٍّ لَّهَا ذٰلِكَ تَقْدِيْرُ الْعَزِيْزِ الْعَلِيْمِ وَالْقَمَرَ
قَدَّرْنٰهُ مَنَازِلَ حَتّٰى عَادَ كَالْعُرْجُوْنِ الْقَدِيْمِ لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِيْ لَهَآ أَنْ
تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا الَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِىْ فَلَكٍ يَسْبَحُوْنَ.

Terjemahan: Dan (sebahagian dari dalil yang tersebut) ialah matahari; ia kelihatan beredar ke tempat yang diterapkan baginya; itu adalah takdir Tuhan Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui. Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui berbagai peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya: (Berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering, (dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.

(Yasin, 36:38, 40)

Dalam ayat ini dinyatakan bahawa matahari beredar menuju tempat yang ditentukan. Hal ini adalah selaras dengan aliran ilmu pengetahuan. Matahari bergerak bersama-sama dengan keluarganya selaju 19 kilometer dalam masa satu saat. Kemudian kita berpindah pula kepada ayat al-Qur'an yang mengatakan bahawa matahari, bulan dan bumi ada peredaran yang lain daripada edaran yang pertama. Firman Allah:

وَكُلٌّ فِىْ فَلَكٍ يَسْبَحُوْنَ.

Terjemahan: Tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.

(Yasin, 36:40)

Matahari mempunyai peredaran khusus iaitu berpusing seperti gasing, bumi juga berpusing dan beredar, begitulah bulan. Pusingan

bumi yang diisyaratkan dengan malam tidak dapat mendahului siang, maka pusingan bumi itulah yang menyebabkan berlakunya siang dan malam dengan teratur.

4. *Mungkin ada benda-benda hidup di angkasa lepas:* Mungkinkah terdapat makhluk yang hidup di angkasa lepas seperti yang ada di permukaan bumi? Ini merupakan masalah yang menjadi perbincangan di kalangan sarjana-sarjana ilmu astronomi sekarang, pendeknya menurut pendapat mereka mungkin terdapat benda-benda hidup di atas permukaan planet-planet yang lain seperti yang terdapat di bumi kita.

Menurut kajian terbaru mengatakan di permukaan planet marikh terdapat bahan kepanasan, air dan oksigen, ketiga-tiga benda ini menjadi syarat kehidupan. Kajian-kajian yang telah dan sedang diusahakan sekarang ini dengan menggunakan gambar-gambar yang diambil menerusi bulan rekaan dan sebagainya membawa kenyataan bahawa suasana di marikh tidak banyak bezanya daripada suasana atau keadaan di bumi. Sarjana-sarjana Amerika dan Rusia berpendapat bahawa mungkin ada kehidupan di planet marikh.

Andaikata terdapat kehidupan di planet marikh, mungkin juga terdapat makhluk di planet-planet lain yang terapung-apung di angkasa lepas yang tidak terperi banyaknya hanya Allah sahaja yang tahu tentang makhluk-Nya yang luas itu. Kemungkinan seperti itu dapat diambil dari ayat-ayat yang berikut:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ خَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَثَّ فِيهِمَا مِن دَآبَّةٍ.

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasqannya ialah kejadian langit dan bumi serta segala yang disebarkannya pada kedua-duanya dari makhluk-makhluk yang melata.

(Al-Syura, 42:29)

تُسَبِّحُ لَهُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ ٱلسَّبْعُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ.

Terjemahan: Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, senantiasa mengucap tasbih bagi-Nya.

(Al-Al-Isra', 17:44)

وَرَبُّكَ أَعْلَمُ بِمَن فِي السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ.

Terjemahan: Dan Tuhanmu (wahai Muhammad) lebih mengetahui akan sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi.

(Al-Isra', 17:55)

إِنْ كُلُّ مَنْ فِي السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ إِلَّا ءَاتِي الرَّحْمٰنِ عَبْدًا.

Terjemahan: Tidak ada sesiapa pun di langit dan bumi melainkan ia akan datang kepada (Allah) al-Rahman sebagai hamba.

(Maryam, 19:93)

Hingga setakat ini kita tidak dapat memastikan sama ada ahli sains boleh sampai ke planet-planet yang lain yang diramalkan mempunyai penghuni dan menggunakan alat-alat dan bulan-bulan rekaan yang sedang dan akan dibuat pada masa hadapan. Ini semua terpulanglah kepada usaha pakar-pakar dan sarjana-sarjana sains, Wallahu a'alam.

5. *Allah menjadikan makhluk berpasang-pasangan:* Allah menjadikan sesuatu berpasang-pasangan, Firman-Nya:

وَمِنْ كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ.

Terjemahan: Dan tiap-tiap jenis Kami jadikan berpasang-pasangan supaya kamu mengingati (kekuasaan Kami dan mentauhidkan Kami).

(Al-Zariyat, 51:49)

Sejak dahulu lagi kita mengetahui bahawa dalam alam haiwan yang termasuk manusia dan binatang serta alam tumbuh-tumbuhan ada pasangan. Firman Allah:

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الْأَرْضِ كَمْ أَنبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ.

Terjemahan: Masihkah mereka berdegil dan tidak memperhatikan bumi berapa banyak Kami tumbuhkan

padanya dari berbagai-bagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat?

(Al-Syura, 42:7)

فَاطِرُ السَّمَٰوٰتِ وَالْأَرْضِ جَعَلَ لَكُمْ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَمِنَ الْأَنْعَٰمِ أَزْوَٰجًا.

Terjemahan: Dialah yang mencipta langit dan bumi. Ia menjadikan bagi kamu berpasang-pasangan dari jenis kamu sendiri dan menjadikan dari jenis binatang-binatang ternakan berpasang-pasangan bagi binatang itu.

(Al-Syura, 42:11)

Bukan setakat itu sahaja al-Qur'an mengatakan berpasangan bahkan letrik terbahagi dua iaitu positif dan negatif. Dengan pertemuan kedua-duanya baharulah keluar cahaya letrik. Demikianlah mu'jizat al-Qur'an al-Karim dari segi ilmiah.

6. *Keseimbangan antara unsur kejadian makhluk:* Allah yang Maha Kuasa menjadikan makhluk dengan keseimbangan dan ukuran yang sesuai. Firman Allah:

وَإِنْ مِّنْ شَىْءٍ إِلاَّ عِنْدَنَا خَزَآئِنُهُ وَمَا نُنَزِّلُهُ إِلاَّ بِقَدَرٍ مَّعْلُومٍ.

Terjemahan: Dan tidak ada sesuatu pun melainkan pada sisi Kami sahaja khazanahnya dan Kami tidak menurunkannya melainkan dengan menurut kadar dan masa yang tertentu.

(Al-Hijr, 15:21)

Memang benar tiap-tiap sesuatu yang ada di dunia ini Tuhan jadikan dengan sukatan yang tertentu, nisbah oksigen di udara ditetapkan sebanyak 21 peratus, jikalau nisbahnya sebanyak 50 peratus apakah akan terjadi? Jawabnya segala benda yang boleh terbakar di muka bumi ini terdedah kepada kebakaran pada masa berlaku kilat atau petir yang terkena sebatang pokok akan melarat kepada sebuah hutan.

Allah menurunkan cahaya matahari dengan sukatan yang berpatutan, sekira-kira dapat menumbuhkan dan menyuburkan pokok-pokok atau tanaman-tanaman, jikalau diturunkan lebih keras daripada sukatannya tentulah akan merosakkan peraturan alam. Maka bentuk keseimbangan seperti ini tidak mungkin berlaku secara kebetulan atau spontan bahkan dengan rancangan Allah yang maha bijaksana.

Al-Qur'an juga menyebutkan tentang keseimbangan unsur tanaman-tanaman, firman Allah:

وَالْأَرْضَ مَدَدْنَٰهَا وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَٰسِىَ وَأَنۢبَتْنَا فِيهَا مِن كُلِّ شَىْءٍ مَّوْزُونٍ

Terjemahan: Dan bumi ini, Kami bentangkan dia, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang teguh terdiri, serta Kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangannya.

(Al-Hijr, 15:21)

Perkataan yang menarik perhatian kita ialah perkataan *Mauzun* yakni menurut ukuran, sebab sarjana kimia dan tumbuh-tumbuhan mengatakan bahawa unsur-unsur yang menyebabkan terjadinya tumbuh-tumbuhan terdiri daripada ukuran atau sukatan yang tertentu dengan kadar dan nisbahnya yang tertentu pula. Ini semua membuktikan mu'jizat al-Qur'an dari segi ilmiah yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada pesuruh-Nya Nabi Muhammad s.a.w. seterusnya bukan rekaan Nabi Muhammad s.a.w.

Al-Sunnah al-Hadith

Al-Sunnah atau al-Hadith yang hendak dibincangkan di sini ialah mengenai takrif, kehujahan, kedudukan dan penulisannya dalam perundangan Islam.

Pengertian Sunnah dari segi bahasa ialah membuka jalan sama ada yang baik atau buruk pengertian ini disebutkan dalam Hadith Rasulullah s.a.w.

مَنْ سَنَّ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

وَمَنْ سَنَّ سُنَّةً سَيِّئَةً فَعَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Terjemahan: Sesiapa yang membuka jalan yang baik maka ia mendapat ganjaran dan ganjaran orang-orang yang mengerjakannya hingga ke hari kiamat, sebaliknya siapa yang membuka jalan yang jahat ia akan menerima dosanya dan dosa yang mengerjakannya hingga ke hari kiamat.

(Riwayat kebanyakan Ahli Sunan)

Makna yang kedua dari segi bahasa ialah lawan bagi perkataan bida'ah, yakni perkara yang disyara'kan secara mutlak sama ada berpandukan al-Qur'an atau athar daripada Rasulullah s.a.w. Maksud bida'ah ialah perkara yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam yang sebenar. Takrif al-Sunnah dan segi Islam ialah perkara yang datang daripada Rasulullah s.a.w. yang merangkumi perkataan, perbuatan dan pengakuannya.

Menurut takrif yang dibuat oleh Dr. Mohd. Yusof Musa ialah tiap-tiap perkara yang keluar daripada Rasulullah s.a.w. sama ada perkataan atau perbuatan atau pengakuannya. Maksud pengakuan di sini ialah setengah sahabat berkata atau membuat suatu perkara di hadapan Rasulullah s.a.w., maka baginda berdiam diri atau memujinya. Maka ini pun dikira persetujuan atau pengakuan dari Nabi juga.

Kehujahannya

Sunnah menjadi pegangan kepada kaum muslimin dan menjadi sumber yang kedua dalam perundangan. Seluruh ulama menerimanya sebagai salah satu daripada sumber atau punca pengambilan hukum dalam Islam, kerana al-Qur'an itu kebanyakannya berbentuk *ijmal* atau umum, yang memerlukan kepada penjelasan atau keterangan selanjutnya. Misalnya al-Qur'an memerintahkan kaum muslimin supaya mendirikan sembahyang dengan firmanNya " وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ " Maknanya: *Dirikanlah kamu akan sembahyang,* maka Rasulullah s.a.w. lah yang menyatakan secara

satu persatu tentang kaifiyat dan cara sembahyang itu. Misal yang kedua Allah memerintahkan kaum muslimin mengeluarkan zakat, perintah tersebut adalah berbentuk umum, maka Rasulullah s.a.w. telah menerangkan dengan lebih terperinci tentang zakat, iaitu diterangkan bahawa zakat haiwan ternakan itu dikenakan kepada jenis unta, jenis kerbau, jenis lembu dan kambing biri-biri sahaja. Jadi, sunnah juga merupakan wahyu dari Allah. Firman Allah:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ. إِنْ هُوَ إِلاَّ وَحْيٌ يُوْحَىٰ.

Terjemahan: Dan ia (Muhammad) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Qur'an atau Hadith) tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan.

(Al-Najm, 53:34)

Jika kita berpegang dengan al-Sunnah atau Hadith bererti kita berpegang kepada al-Qur'an firman Allah:

وَأَنْزَلْنَآ إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَانُزِّلَ إِلَيْهِمْ.

Terjemahan: Dan Kami pula telah turunkan kepada kamu (wahai Muhammad) al-Qur'an yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka.

(Al-Nahl, 16:44)

يَآأَيُّهَا الرَّسُوْلُ بَلِّغْ مَآأُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَّبِّكَ وَإِنْ لَّمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ.

Terjemahan: Wahai Rasul Allah sampaikanlah apa yang diturunkan kepada mu dari Tuhanmu, dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya) maka (bermakna) tidaklah engkau menyampaikan perutusannya.

(Al-Maidah, 5:67)

Ada segelintir manusia yang termasuk dalam golongan ahli bida'ah yang bersikap sangsi terhadap sunnah. Manakala ulama-ulama yang muktabar dan seluruh kaum muslimin telah memberi penghargaan yang tinggi kepada Sunnah. Apabila sah sesebuah Hadith datang daripada Rasulullah s.a.w. mereka terus menerimanya. Mereka tidak pernah menolak Hadith yang benar atau memakai pendapat yang bertentangan dengan Sunnah, cuma apabila ditemui sesebuah Hadith yang samar-samar atau kurang diyakini tentang kebenarannya atau ia mentafsirkan menurut pendapatan yang dianggap kuat mungkin ia meninggalkan Hadith yang kurang pasti itu.

Sebagaimana telah ditegaskan di atas bahawa jika kita berpegang kepada Hadith bererti kita berpegang kepada al-Qur'an. Seorang lelaki berkata kepada Mutarrif bin Abdullah, "Jangan kamu cakapkan kepada kami kecuali al-Qur'an," lalu beliau menjawabnya, "Demi Allah: Kami tidak mahu penggantian dengan al-Qur'an, tetapi kami mahu orang yang lebih memahami tentang isi al-Qur'an dari kami."

Al-Imam al-Auza'i telah meriwayatkan daripada Hassan bin 'Atiyah katanya: Wahyu turun kepada Rasulullah s.a.w. dan Jibril membawa bersamanya Sunnah yang mentafsirkan wahyu itu, maka tiap-tiap perkara yang keluar daripada Rasulullah s.a.w. sama ada perkataan, perbuatan dan pengakuannya, adalah berasal dari wahyu juga.

Jadi kedudukan Sunnah adalah sumber kedua selepas daripada al-Qur'an yakni bila tidak didapati nas dalam al-Qur'an maka barulah berpindah kepada Sunnah Rasulullah s.a.w., demikianlah yang dilakukan oleh sahabat-sahabat dan ulama-ulama Islam yang mu'tabar.

Ada beberapa puak dan golongan yang telah sesat, kerana mereka telah menolak Sunnah dan meninggalkan Hadith Rasulullah s.a.w. Kata mereka dalam kitab Allah telah dinyatakan segala-galanya apakah kita perlukan Sunnah lagi?

Sebenarnya mereka telah tersalah tanggapan, kononnya fikiran dan pendapat mereka sudah memadai untuk menyelami tujuan dan maksud al-Qur'an sedangkan tanggapan itu menyimpang jauh. Inilah di antara sebab-sebab yang menyebabkan golongan al-Rawafidh, golongan Jahmiyah dan puak al-Khawarij yang menentang golongan

ahli sunnah wal jamaah. Golongan al-Rawafidh telah menolak Hadith.

نَحْنُ مَعَاشِرُ الْأَنْبِيَاءِ لَا نُوْرِثُ مَاتَرَكْنَاهُ صَدَقَةٌ.

Terjemahan: Kami para Nabi-nabi tidak boleh mempusakai, apa yang kami tinggalkan itu adalah sedekah.

Mereka berpegang kepada ayat al-Qur'an yang umum iaitu Firman Allah:

يُوصِيكُمُ اللهُ فِيٓ أَوْلَٰدِكُمْ.

Terjemahan: Allah telah memerintahkan kamu mengenai (pembahagian pesaka untuk) anak-anak kamu.

(Al-Nisa', 4:11)

Golongan al-Jahmiyah telah menolak semua Hadith yang membayangkan sifat-sifat Allah s.w.t. kerana mereka berpegang kepada umum. Firman Allah:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ.

Terjemahan: Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengannya.

(Al-Syura, 42:11)

Golongan Khawarij telah menolak semua Hadith yang menyatakan syafa'at dari Rasulullah s.a.w., sebab mereka yang berpegang kepada keumuman firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوٓا أَنفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَٰكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ يَوْمٌ لَّا بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفَٰعَةٌ.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Sebarkanlah sebahagian dari apa yang telah Kami kurniakan kepada kamu, sebelum tibanya hari (Kiamat) yang tidak ada jual beli padanya, dan tidak ada kawan teman

(yang memberi manfaat), dan tidak ada pula pertolongan syafa'at.

(Al-Baqarah, 2:254)

Mereka juga menolak Hadith-hadith yang mengatakan orang yang melakukan dosa besar itu akhirnya boleh keluar juga dari neraka, kerana mereka berpegang kepada janji seksa dan amaran-amaran yang keras dalam al-Qur'an al-Karim. Sebenarnya Nabi kita telah membayangkan sikap golongan yang sesat itu dengan pengetahuan ghaib yang dikurniakan oleh Allah dan Nabi mengecam orang-orang yang menolak Sunnah yang benar. Ada Hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. yang bersabda:

يُوْشِكُ رَجُلٌ مِنْكُمْ مُتَّكِئًا عَلَى أَرِيْكَتِهِ يُحَدِّثُ عَنِّيْ، فَيَقُوْلُ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ كِتَابُ اللهِ، فَمَا وَجَدْنَا فِيْهِ مِنْ حَلاَلٍ اِسْتَحْلَلْنَاهُ وَمَا وَجَدْنَا فِيْهِ مِنْ حَرَامٍ حَرَّمْنَاهُ، أَلاَ وَأَنَّ مَا حَرَّمَهُ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ مِثْلَ الَّذِيْ حَرَّمَ اللهُ.

Terjemahan: Hampir seorang daripada kamu duduk bersenang-senang di atas kerusi sambil bercakap suatu Hadith daripadaku, dan berkata kita dan kamu ada kitab Allah, apa yang kita dapati halal di dalamnya maka kita halalkan dan apa yang kita dapati haram di dalamnya kita haramkan, tidakkah ia ketahui bahawa tiap-tiap perkara yang diharamkan oleh Rasulullah sama juga dengan yang diharamkan Allah.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Apakah alasan yang dipegang oleh golongan tersebut yang semata-mata berpegang kepada zahir al-Qur'an dan tidak mahu mengambil panduan dengan cahaya kenabian dan kerasulannya, sedangkan al-Qur'an sendiri menyuruh berpegang kepada Sunnah Rasulullah s.a.w. dan mengecam keras terhadap mereka yang membantah dan tidak mahu berpegang kepadanya. Firman Allah:

وَأَطِيْعُوْا اللهَ وَأَطِيْعُوْا الرَّسُوْلَ وَاحْذَرُوْا.

Terjemahan: Dan taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul-Nya dan berwaspadalah kamu (janganlah sampai menyalahi perintah Allah dan Rasul-Nya).

(Al-Maidah, 5:92)

مَنْ يُطِعِ الرَّسُوْلَ فَقَدْ أَطَاعَ اللهَ.

Terjemahan: Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah.

(Al-Nisa', 4:80)

وَمَآ ءَاتٰكُمُ الرَّسُوْلُ فَخُذُوْهُ وَمَا نَهٰكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوْا.

Terjemahan: Dan apa jua suruhan yang dibawa oleh Rasul kepada kamu maka ambillah akan dia serta amalkan dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukan-nya, maka berhentilah daripada melakukannya.

(Al-Hasyr, 59:7)

Sunnah sebagai Sumber Kedua Perundangan Islam

Tidak diragukan lagi bahawa al-Qur'an al-Karim adalah sumber pertama dan utama perundangan Islam. Sunnah yang menjadi sumber kedua selepas al-Qur'an. Kedudukan Sunnah sebagai sumber yang kedua perundangan Islam tidak dapat dipertikaikan lagi, cuma ada segelintir manusia Islam yang meragui Sunnah dan ada pula yang menolaknya. Ini sebenarnya berpunca dari pengaruh orientalis barat yang memang tugas mereka mengganggu keyakinan umat Islam bukan sahaja terhadap al-Sunnah malahan terhadap al-Qur'an itu sendiri. Sebagai umat Islam yang sebenar kita wajib percaya kepada Sunnah dan wajib menerima dengan penuh yakin bahawa Sunnah itu adalah sumber undang-undang yang kedua, jika Muhammad tidak dipercayai sebagai seorang Rasul, maka bagaimana pula al-Qur'an itu boleh dipercayai kebenarannya, sedangkan ia diturunkan melalui Muhammad.

Jika keraguan tentang Sunnah itu wujud maka sedarlah bahawa itu adalah suatu kejayaan musuh-musuh Islam terutamanya orien-

talis yang berusaha untuk menjauhkan umat Islam dari agamanya. Mereka telah lama berusaha dengan berbagai-bagai cara untuk menyesatkan kita. Di antara masalah yang boleh menyesatkan kita, ialah meragui sumber asli perundangan Islam itu sendiri. Oleh yang demikian kita perlu yakin bahawa Sunnah itu sebenarnya sumber kedua perundangan Islam.

Sunnah dan Fungsinya

Sunnah sesuatu yang lahir dari Nabi Muhammad s.a.w., sama ada perkataannya, perbuatannya atau persetujuannya. Sesuatu yang lahir dari Nabi Muhammad s.a.w. adalah benar, kerana semuanya adalah dari Allah subhanahuwa Taala. Firman Allah:

وَمَايَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٓ إِنْ هُوَ إِلاَّ وَحْىٌ يُوْحَى

Terjemahan: Dan Ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Qur'an atau Hadith) tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan kepadanya).

(Al-Najm, 53:3-4)

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِى رَسُوْلِ اللهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَنْ كَانَ يَرْجُوْا اللهَ وَالْيَوْمَ الْأٰخِرِ

Terjemahan: Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada diri Rasul Allah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang senantiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat.

(Al-Ahzab, 33:21)

Fungsi Sunnah antara lain ialah memberi penerangan yang lebih jelas terhadap maksud yang sebenar ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan. Allah berfirman:

وَأَنْزَلْنَآ إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَانُزِّلَ إِلَيْهِمْ.

Terjemahan: Dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Qur'an yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka.

(Al-Nahl, 16:44)

Menurut ulama hukum tujuan ayat ini ialah untuk menerangkan fungsi Sunnah yang antara lain untuk menjelaskan sesuatu yang memerlukan penjelasan dari ayat-ayat al-Qur'an itu. Hal ini adalah perlu kerana seperti yang telah diperkatakan sebelum ini, bahawa ayat-ayat al-Qur'an itu kebanyakannya berbentuk umum, untuk menerangkan yang umum itu, maka Sunnah memainkan peranan, tanpa Sunnah maka sukar untuk memahami ayat-ayat tersebut.

Di samping menjelaskan sesuatu yang memerlukan penjelasan dari al-Qur'an, mengkhususkan yang umum, memanjangkan yang ringkas dan sebagainya, Sunnah juga menyempurnakan keseluruhan undang-undang Islam itu sendiri, dalam konteks merealisasikannya sebagai sesuatu yang praktikal. Hal ini bersesuaian dengan sifat pengajaran-pengajaran al-Qur'an itu bukan hanya teori yang tidak boleh dipraktikkan, malahan ia telah dipraktikkan oleh Muhammad s.a.w. dengan jayanya.

Sepanjang hidup Muhammad sebagai Rasul Allah s.a.w. dalam jangka masa 23 tahun, yang terbahagi kepada dua peringkat yang besar. Pertama 13 tahun di Makkah al-Mukarramah, sebelum hijrah, dan kedua 10 tahun di Madinah al-Munawwarah, selepas hijrah, adalah merupakan terjemahan hidup dan pengajaran bagi umat Islam seluruhnya. Setiap hukum atau undang-undang yang diturunkan Allah kepadanya dilaksanakan sepenuhnya. Setiap kata-katanya atau sabdanya diingati oleh para sahabat. Setiap tingkah laku dan gerak-gerinya diteladani oleh para muslimin. Setiap peristiwa yang berlaku dalam sejarah perjuangan menegakkan agama Allah dirakamkan untuk dijadikan pengajaran.

Al-Qur'an adalah kitab Allah yang mengandungi berbagai-bagai petunjuk dan hukum-hukum serta ilmu pengetahuan dalam segala bidang. Jika sekiranya al-Sunnah tidak menghuraikan dengan lebih jelas ayat-ayat al-Qur'an dengan segala istilahnya dan tujuannya, maka kekaburan akan wujud selama-lamanya. Muhammad s.a.w. sebagai penterjemah makna al-Qur'an telah menerangkan

pengajaran-pengajaran Islam yang berdasarkan al-Qur'an dengan perkataan atau sabdanya, pekerjaannya, perbuatannya dan persetujuannya. Semuanya selaras dengan isi al-Qur'an itu sendiri. Oleh itu, dapatlah disifatkan bahawa peranan Sunnah dalam menerangkan isi al-Qur'an itu menjadi kenyataan adalah hakikat yang benar.

Bilakah Sunnah Dibukukan?

Sepanjang hidup Rasulullah s.a.w., Sunnah tidak ditulis seperti ayat-ayat al-Qur'an ditulis. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah melarang sahabat-sahabat dari menulis Hadith untuk mengelakkan dari bercampur aduk antara ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith-hadith Rasul. Walaupun Hadith tidak ditulis tetapi para sahabat menghafaz Hadith dengan baik seperti mereka mengingati dan menghafaz ayat-ayat al-Qur'an ketika itu.

Walaupun Hadith-hadith Rasulullah tidak ditulis, para sahabat dan umat Islam ketika itu tidak bimbang Hadith-hadith akan lenyap dari ingatan mereka. Ini disebabkan oleh keyakinan mereka terhadap daya ingatan yang diberikan Allah kepada mereka dalam mengingati Hadith-hadith Rasulullah s.a.w.

Orang yang mula-mula memikirkan masalah pengumpulan dan penulisan Hadith ialah Khalifah Umar bin Abdul Aziz (720 M. – 682 M.) salah seorang Khalifah Kerajaan Umaiyyah pada awal abad yang ke-2 H. Tujuan pengumpulan ini ialah untuk memudahkan generasi selepas mereka menerima Hadith.

Pada awal abad yang ke-2 H kebimbangan mulai wujud di kalangan pemerintah khususnya kebimbangan tentang mutu Hadith yang hanya dihafaz oleh orang-orang Islam. Sekiranya suatu usaha yang sungguh-sungguh tidak dibuat untuk mengumpul dan menulis Hadith-hadith Rasulullah s.a.w., ditakuti kalau-kalau suatu hari nanti Hadith-hadith itu akan lenyap dari hafalan generasi Islam yang akan datang.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah menulis surat kepada gebenornya yang bernama Abu Bakar Umar bin Muhammad bin Khazam di Madinah al-Munawwarah supaya mengusahakan pengumpulan Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. gabenor tersebut telah melaksanakan tugas tersebut dengan baik, beberapa jilid Hadith Rasulullah s.a.w telah ditulis berdasarkan kepada catatan-catatan

dan hafalan-hafalan yang dipastikan benar sebagai Hadith-hadith yang sahih dari Rasulullah s.a.w.

Ulama-ulama Hadith

Ulama-ulama Hadith telah menerima baik usaha-usaha pengumpulan itu dan menyambut seruan Khalifah Umar Abdul Aziz supaya orang yang berkebolehan dalam bidang tersebut mengusahakan terus pengumpulan dan penulisan Hadith.

Di Makkah al-Mukaramah lahir Ibn Juraih sebagai seorang pengumpul Hadith. Di Madinah al-Munawwarah pula lahir Malik bin Anas, di Basrah al-Rabi' Ibn Subih, Sa'id bin Abu Urbah dan Sahar bin Salmah. Di Kufah, Sufian al-Thauri. Di Syam, al-Auza'i, di Yaman Muamar, di Khurasan Ibn Mubarak. Di Mesir, Allais bin Sa'ad dan begitulah seterusnya di merata-rata tempat dan negeri lahir ulama-ulama besar yang bertungkus lumus mencari, menyiasat, menghalusi Hadith-hadith yang dihafaz oleh orang Islam, setelah mereka benar-benar pasti Hadith-hadith itu sebenarnya Hadith sahih, maka mereka menuliskan Hadith-hadith dalam kumpulan Hadith yang diusahakan.

Pada mulanya, Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. tidak disusun mengikut bab tertentu seperti yang wujud sekarang, tetapi perkembangan pengumpulan dan penulisan Hadith seterusnya menghendaki supaya Hadith-hadith itu dikumpulkan dalam bentuk penyusunan mengikut bab-bab yang tersusun rapi.

Pada akhir abad yang ke-2 H, penulisan Hadith mencapai suatu kejayaan baru apabila muncul ulama-ulama Hadith yang mengusahakan penulisan Hadith mengikut penyusunan secara *al-masanid* iaitu sandaran-sandaran Hadith yang sebenarnya diriwayatkan dari Nabi Muhammad s.a.w.

Usaha menghalusi Hadith-hadith Rasulullah supaya terjamin nilai Hadith tersebut terus diusahakan. Tiap-tiap ulama pada zaman yang seterusnya makin mengetatkan syarat-syarat untuk menerima Hadith supaya tidak bercampur aduk dengan Hadith-hadith palsu yang mungkin disogokkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Antara ulama-ulama besar yang termasyhur hingga ke hari ini, yang

berusaha mengumpul Hadith yang dapat dipertanggungjawabkan ialah:

1. Muhammad bin Ismail yang terkenal dengan Imam al-Bukhari (wafat dalam tahun 256 H.) Hadith-hadith yang dikumpul oleh al-Bukhari terkenal dengan nama *Sahih al-Bukhari.*

2. Muslim bin al-Hajjaj al-Nisaburi, terkenal dengan nama Muslim (wafat dalam tahun 261 H.) Hadith-hadith yang dikumpul oleh Muslim terkenal dengan nama *Sahih Muslim.*

3. Abu Daud Sulaiman, terkenal dengan nama Abu Daud (wafat dalam tahun 257 H.). Hadith-hadith yang dikumpul oleh beliau terkenal dengan nama *Sunan Abi Daud.*

4. Abu Esa Muhammad bin Ishak Asalmi, terkenal dengan nama al-Tirmizi (wafat dalam tahun 279 H.) Hadith-hadith yang dikumpulkannya terkenal dengan nama *al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmizi.*

5. Abu Abdul Rahman bin Syuib, terkenal dengan nama al-Nasa'i (wafat dalam tahun 303 H.) Hadith yang dikumpulkannya terkenal dengan nama *Sunan al-Nasa'i.*

6. Abu Abdullah Muhammad bin Yazid al-Quzwini, terkenal dengan nama Ibn Majah (wafat dalam tahun 373 H.) Hadith yang dikumpulkan oleh beliau terkenal dengan nama *Sunan Ibn Majah.*

Keenam-enam pengumpul Hadith tersebut adalah pengumpul-pengumpul Hadith yang termasyhur. Kitab-kitab Hadith mereka terkenal sebagai *Sunan Sittah,* iaitu enam jenis kitab Hadith yang diterima umum sebagai Hadith-hadith yang dapat dipertanggungjawabkan dan keenam-enam kitab kumpulan Hadith dari pakar-pakar Hadith yang disebutkan menjadi sumber perundangan Islam. Semua Hadith itu melengkapi setiap bidang ilmu pengetahuan khususnya bidang keagamaan dengan segala sesuatu yang berhubung dengannya.

Al-Ijma‘

Sumber yang ketiga perundangan Islam ialah al-Ijma‘. Ijma‘ ialah persetujuan di kalangan ulama-ulama Islam dari golongan umat Muhammad s.a.w. tentang sesuatu hukum pada suatu masa yang tertentu.

Apabila Ijma‘ diterima sebagai salah satu sumber perundangan Islam, maka sumber itu dapat digunakan terus oleh umat Islam, khususnya pemerintah untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam masyarakat. Dalam konteks hukum-hukum agama, ulama-ulama Islam boleh dikumpulkan dalam suatu sidang atau seminar dan sebagainya bagi membincangkan persoalan-persoalan tertentu bagi menghasilkan satu persetujuan, jika mungkin untuk menyelesaikan perkara tersebut. Walaupun persetujuan mutlak biasanya sukar dicapai tetapi perjumpaan-perjumpaan seperti ini akan membuka jalan ke arah mengatasi setiap persoalan yang timbul.

Sekiranya berlaku suatu bersetujuan yang bulat antara para ulama dalam sesuatu persoalan yang dibangkitkan dari semasa ke semasa maka Ijma‘ tersebut menjadi kata pemutus untuk diikuti oleh semua umat Islam. Inilah salah satu cara yang terbuka terus menerus untuk umat Islam mempergunakannya bagi menyelesaikan masalah-masalah mereka berdasarkan petunjuk al-Qur’an.

Ijma‘ sebagai salah satu sumber perundangan Islam, telah diterima oleh Jumhur ulama (sebahagian besar ulama), mereka berpegang dengan firman Allah:

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُوْلَ مِنْ بَعْدِ مَاتَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَى وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيْلِ
الْمُؤْمِنِيْنَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّى وَنُصْلِهِ جَهَنَّمَ وَسَآءَتْ مَصِيرًا.

Terjemahan: Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasul Allah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran petunjuk (yang dibawanya), dan ia (pula) mengikuti jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman. Kami akan memberikannya kuasa (untuk) melakukan (kesesatan) yang dipilihkan dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam dan (neraka jahanam) itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.

(Al-Nisa’, 4:115)

Ayat ini menunjukkan bahawa jalan orang-orang mukmin adalah jalan mereka beramai-ramai mengikuti dengan menyetujuinya. Ini bererti bahawa apabila ulama-ulama Islam telah mempersetujui sesuatu perkara dalam sesuatu masalah agama, maka persetujuan tersebut adalah Ijma' yang wajib diikuti oleh semua orang Islam.

Al-Ijtihad

Sumber keempat dalam perundangan Islam ialah al-Ijtihad, ada ulama hukum yang mengistilahkan sumber keempat ini sebagai *al-Ra'yu.* Ada pula yang mengistilahkannya sebagai al-Qiyas. Walau apapun istilah yang digunakan namun semuanya mempersetujui bahawa ada sumber keempat dalam perundangan Islam yang disebut sebagai Ijtihad atau *Ra'yu* atau Qiyas.

Ijtihad bererti berusaha sepenuh tenaga untuk mengeluarkan hukum-hukum syara' dengan jalan menyedutnya berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah.

Bukan semua orang boleh mengeluarkan hukum syara' secara berijtihad, seperti yang dimaksudkan dalam bahagian ini. Hanya orang yang mempunyai syarat-syarat tertentu dan diakui oleh orang yang pakar dalam bidang ini sahaja yang boleh membuat Ijtihad.

Antara syarat-syarat penting untuk menjadi seorang mujtahid atau seorang yang boleh mengeluarkan hukum tersebut, ialah orang yang benar-benar menguasai bahasa Arab dalam erti kata yang sebenarnya, memahami al-Qur'an dalam erti kata mengetahui ayat-ayat yang *nasakh* dan *mansukh, mutlaq* dan *muqayyad, mubaiyin* dan *mubayyan, am* dan *khas* dan sebagainya. Memahami Hadith dengan betul dan boleh menelitinya dengan baik. Mengetahui kaedah-kaedah mengambil hukum, mengetahui masalah-masalah yang telah diijma'kan dan sebagainya.

Pada zaman akhir ini ada orang Islam yang secara spontan mengakui dirinya sebagai mujtahid. Sebenarnya untuk menjadi mujtahid tidaklah semudah yang didakwa. Seluruh dunia Islam hari ini belum lahir seorang yang boleh dinamakan mujtahid yang sebenar. Mujtahid yang sebenar, sudah lama tidak pernah muncul, walau bagaimanapun mujtahid-mujtahid Islam yang terdahulu seperti Imam Hanafi, Maliki, Shafi'i, Hambali al-Iliasi, al-Auza'i, al-Tabari

al-Thauri dan lain-lain, telah meninggalkan kepada kita perbendaharaan hukum atau perbendaharaan undang-undang yang amat banyak. Semua perbendaharaan itu pada umumnya boleh menampung keperluan hukum yang dihajati oleh masyarakat Islam hari ini. Demikianlah serba ringkas perbincangan tentang sumber-sumber perundangan Islam yang dapat dibentangkan secara umum.

Sekilas Pandangan

Jika dilihat semula kepada sumber-sumber perundangan Islam keseluruhannya menunjukkan bahawa dalam Islam telah lengkap sempurna segala bidang hukum yang diperlukan oleh manusia. Sumber-sumber perundangan Islam adalah mencukupi bagi setiap zaman dan tempat jika kita meletakkan di hadapan kita, al-Qur'an al-Karim dengan kitab-kitab tafsirnya, kitab-kitab Hadith dengan segala syarah-syarahnya. Persoalan-persoalan fiqh yang telah diIjma'kan oleh ulama-ulama dari berbagai-bagai cabang dan mazhab, dan segala kitab-kitab fiqh yang ada maka sudah tentu kita akan yakin bahawa segala-galanya telah lengkap sempurna, perbendaharaan hukum-hukum Islam tidak akan lenyap dan luput selama-lamanya. Segala-galanya telah siap sedia untuk dilaksanakan.

Umat Islam seharusnya berbangga dengan realiti hukum-hukum yang terdapat dalam Islam hasil kegigihan ulama-ulama terdahulu memelihara dan mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Kita bukanlah hendak berbangga dengan sejarah silam secara melulu, tetapi sebenarnya untuk menyatakan bahawa setiap sesuatu yang berhubung dengan perundangan Islam telah disiapkan segala-galanya, umat Islam tidak kekurangan dari segi bahan perundangan. Yang kurang hanya keazaman dan ketulusan tekad untuk melaksanakan Islam sebagai *way of life,* bagi direalisasikan dalam masyarakat.

Kesempurnaan undang-undang Islam itu dinyatakan oleh Allah dalam ayat-Nya:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ
الْإِسْلَامَ دِينًا.

Terjemahan: Pada Hari ini Aku sempurnakan bagimu Agamamu dan Aku lengkapkan ke atasmu nikmatKu dan Aku reda Islam itu menjadi cara hidupmu.

(Al-Ma'idah, 5:3)

X

UNDANG-UNDANG KELUARGA

Tujuan Allah mengadakan undang-undang munakahat atau undang-undang keluarga seperti yang tersebut di atas untuk membentuk peribadi yang baik, dari peribadi yang baik akan membina keluarga yang baik, dari keluarga yang baik akan tegak masyarakat yang berdisiplin, seterusnya dari masyarakat yang berdisiplin akan membangun negara kebajikan yang diredai oleh Allah dan Rasul-Nya. Inilah rahsia seperti firman Allah s.w.t.:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلاَّ رَحْمَةً لِلْعَالَمِيْنَ.

Terjemahan: Dan tidak Kami utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan semata-mata menjadi rahmat bagi sekelian alam.

(Al-Anbiya', 21:107)

Nikah

Perkataan Nikah berasal dari perkataan Arab. Maknanya ialah berkumpul atau berhimpun dan dari segi syara' atau istilah ialah 'akad yang mengharuskan bersetubuh dengan perkataan nikah atau *tazwij* atau terjemahannya.

Banyak dalil yang menyuruh dan menggalakkan perkahwinan, kerana ia telah menjadi "sunnah Allah" hukum semula jadi alam untuk melanjutkan dan mengekalkan keturunan zuriat manusia

hingga ke hari kiamat, antaranya dalil-dalil dari al-Qur'an Sunnah dan Ijma' ulama Islam. Firman Allah:

فَانْكِحُوْا مَاطَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَآءِ مَثْنَى وَثُلٰثَ وَرُبٰعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلاَّ تَعْدِلُوْا فَوَاحِدَةً.

Terjemahan: Maka berkahwinlah (dengan) sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja.

(Al-Nisa', 4:3)

Sabda Rasulullah s.a.w.

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اِسْتَطَاعَ مِنْكُمُ البَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرَجِ ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ.

Terjemahan: Wahai golongan pemuda sesiapa daripada kamu ada mempunyai perbelanjaan (kesanggupan) hendaklah ia berkahwin, kerana perkahwinan dapat menutup mata dan mengawal kemaluan, dan sesiapa yang tidak mampu hendaklah ia berpuasa, sebab puasa dapat melemahkan tekanan nafsu.

Manakala dalil Ijma' pula mengatakan seluruh ulama Islam sejak dari zaman Rasulullah hingga sekarang telah bersepakat bahawa berkahwin itu disyari'atkan. Kata al-Syeikh Waliyullah al-Dahlawi ketahuilah bahawa puak " امانوية " dan paderi-paderi Nasrani menghampirkan diri mereka kepada Tuhan dengan meninggalkan perkahwinan, kononnya kahwin itu tidak murni, cara dan sikap seperti itu tidak berasas sama sekali, sebab menurut jejak langkah Nabi-nabi dan Rasul-rasul Allah yang dipilih untuk memimpin manusia ialah memperbaikkan budi pekerti insan serta menghindarkan gejala-gejala buruk daripadanya, bukan bertujuan menentang tabiat atau naluri manusia yang asli.

Hukum Nikah

1. Harus (*jaiz*): Ini adalah hukum yang asal.
2. Sunat bagi orang yang berhajat kepadanya serta cukup perbelanjaannya termasuk nafkah dan lain-lain lagi.
3. Wajib ke atas orang yang cukup perbelanjaan dan takut akan tergoda kepada kejahatan zina.
4. Makruh terhadap orang yang tidak mampu memberi nafkah atau orang yang tidak berhajat kepada perkahwinan seperti tidak ada keinginan nafsu sama ada disebabkan oleh faktor semulajadi atau perkara mendatang umpama penyakit atau kelemahan di samping tidak mempunyai perbelanjaan.
5. Haram bagi orang yang berniat untuk menyakiti perempuan yang dikahwininya.

Hikmat Nikah

Allah s.w.t. menjadikan manusia untuk membina dan memakmurkan dunia ini. Allah menciptakan bumi, dan menundukkan matahari, bulan bintang serta memudahkan pokok, atau tumbuhan untuk mengekalkan keturunan manusia hingga ke hari kiamat. Maka pembangunan dan kemajuan dunia ini terserah kepada manusia. Manakala adanya manusia adalah bergantung kepada perkahwinan yang menjadi jalan untuk membiakkan zuriat. Oleh yang demikian Allah memperuntukkan perkahwinan untuk mengatur kehidupan serta menjalinkan tali persaudaraan yang berdasarkan kepada kasih sayang dan saling mengerti antara manusia lelaki dan perempuan.

Tiap-tiap manusia memerlukan ketenteraman jiwa dan perasaan. Ketenteraman itu tidak wujud melainkan adanya rumahtangga dan keluarga yang sihat dari segi jasmani dan rohani serta ada isteri yang menjaga rumahtangga dan anak-anak. Inilah sebabnya Allah memperundangkan perkahwinan sebagai salah satu daripada kurniaan dan nikmat yang besar terhadap makhluk-Nya. Firman Allah:

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya.

(Al-Rum, 30:21)

Allah memberi perhatian yang berat terhadap perkara ini, sebab tabiat semulajadi tiap-tiap manusia yang waras memang inginkan zuriat keturunan serta kasihkan anak isteri. Keadaan ini bukan sahaja menjadi naluri manusia bahkan naluri jenis-jenis haiwan yang lain. Isteri dan anak-anak yang baik menjadi perhiasan hidup di dunia di samping itu lelaki dan perempuan memang saling memerlukan di antara satu sama lain untuk memenuhi dan menyempurnakan kehendak-kehendak hidup di dunia yang sementara ini.

Perkahwinan memberi kepuasan jasmani dan rohani kepada tiap-tiap manusia dan seterusnya ia boleh mencegah daripada kerosakan akhlak dalam masyarakat di samping mengelakkan dari kekacauan tentang keturunan zuriat.

Perkahwinan dari segi psikologi boleh menyubur dan mendalamkan perasaan cinta dan tanggungjawab di antara lelaki dan perempuan serta memupuk semangat perjuangan untuk keluarga dan masyarakat Islam. Firman Allah:

وَاللّٰهُ جَعَلَ لَكُمْ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِّنْ أَزْوَاجِكُمْ بَنِيْنَ وَحَفَدَةً وَرَزَقَكُمْ مِّنَ الطَّيِّبٰتِ.

Terjemahan: Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasang-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu: anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari benda-benda yang baik lagi halal.

(Al-Nahl, 16:72)

Memang telah menjadi kenyataan bahawa harta yang halal dan anak cucu yang baik adalah salah satu daripada sebab kesejahteraan hidup. Firman Allah:

اَلْمَالُ وَالْبَنُوْنَ زِيْنَةُ الْحَيٰوةِ الدُّنْيَا.

Terjemahan: Harta benda dan anak-pinak adalah perhiasan hidup di dunia.

(Al-Kahfi, 18:46)

Sabda Rasulullah s.a.w.

مَنْ تَزَوَّجَ فَقَدْ اَحْرَزَ شَطْرَ دِيْنِهِ فَلْيَتَّقِ اللهَ فِىْ الشَّطْرِ الاَخَرِ

Terjemahan: Sesiapa berkahwin sesungguhnya ia telah mencapai separuh agamanya maka hendaklah ia takutkan Allah terhadap separuh yang lain.

(Riwayat setengah Ahli Sunan)

Imam al-Ghazali berkata (terjemahan): "Sebenarnya berkahwin itu bermakna jihad, dan latihan jihad itu mengawal dan mentadbir, menunaikan hak-hak keluarga, bersabar terhadap telatah dan budi pekerti perempuan, memimpinnya ke jalan agama, berjuang mencari rezeki yang halal untuk mereka serta berusaha mendidik anak-anak. Semua tugas tersebut merupakan kerja-kerja dan tanggungjawab yang besar.

Di samping itu ada hikmat yang besar dalam perkahwinan iaitu untuk menjaga dan memelihara perempuan yang bersifat lemah daripada kebinasaan. Sebab seorang perempuan yang sudah berkahwin, suaminya wajib memberi nafkah kepadanya.

Perkahwinan juga berguna untuk memelihara keturunan anak cucu, sebab kalau tidak dengan nikah tentulah anak tidak berketentuan, siapakah yang akan mengurus dan bertanggungjawab atasnya. Nikah juga mempunyai muslihat besar kepada masyarakat, kerana kalau tidak berkahwin, tentulah manusia akan menurut sifat kebinatangan dan dengan sifat itu akan timbul perselisihan, bencana dan permusuhan di antara sesama manusia, yang mungkin membawa kepada pembunuhan yang sangat dahsyat.

Pendeknya bolehlah dibuat rumusan bahawa hikmat dan tujuan berkahwin dalam Islam ialah untuk mengawal keluhuran peribadi, keselamatan keluarga, kesejahteraan masyarakat dan keamanan negara.

Dorongan Perkahwinan, Pinangan dan Masalah-masalah yang Berkaitan dengannya

Sebelum kita menghuraikan pinangan dan masalah-masalah yang berkaitan dengannya mustahak diterangkan terlebih dahulu dorongan kebaikan pemuda-pemuda dan juga orang dewasa yang menumpukan perhatian mereka kepada kebendaan, lebih-lebih lagi dalam dunia moden sekarang ini kerana rata-rata manusia meletakkan ukuran kemuliaan kepada wang ringgit dan sebagainya, sebaliknya orang miskin yang mempunyai akhlak yang baik tidak dipandang mulia. Dalam agama Islam dan juga dalam agama-agama langit yang lain ukuran seperti ini adalah salah. Sebab nilai kelebihan seseorang itu adalah terletak pada ketaqwaan dan kemurnian akhlaknya.

Firman Allah:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللهِ أَتْقَاكُمْ.

Terjemahan: Sesungguhnya yang paling mulia kamu di sisi Allah ialah yang lebih bertaqwa dari kamu.

(Al-Hujurat, 49:13)

Akan tetapi perkara yang dilihat oleh kebanyakan muda dan mudi yang hendak berkahwin adalah seperti berikut:

1. Kerana mengharapkan harta benda.
2. Kerana mengharapkan kedudukan.
3. Kerana ingin melihat kecantikannya.
4. Kerana agama dan budi pekertinya yang baik.

Yang pertama: Kerana harta. Dorongan ini begitu lumrah dari pihak lelaki mahupun perempuan, iaitu seseorang yang ingin berkahwin dengan seorang kerana hartanya, walaupun dia tahu bahawa perkahwinan itu tidak sesuai menurut keadaan dirinya dan keperluan masyarakat. Pandangan ini bukanlah pandangan yang sihat, terutama sekali kalau ini terjadi dari pihak lelaki, kerana sudah tentu akan menjatuhkan maruah suami di bawah pengaruh perempuan dan hartanya.

Hal ini adalah bertentangan dengan sunnah alam dan hukum

Tuhan yang menjadikan manusia. Allah telah menerangkan dalam al-Qur'an tentang cara kehidupan yang baik. Firman-Nya:

الرِّجَالُ قَوَّامُوْنَ عَلَى النِّسَآءِ.

Terjemahan: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan.

(Al-Nisa', 4:34)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ نَكَحَ الْمَرْأَةَ لِمَالِهَا حَرَّمَ اللهُ مَالَهَا وَجَمَالَهَا ، وَمَنْ نَكَحَهَا لِدِيْنِهَا رَزَقَهُ اللهُ مَالَهَا وَجَمَالَهَا.

Terjemahan: Sesiapa yang mengahwini seorang perempuan kerana hartanya dan rupanya yang cantik, nescaya Allah akan menghapuskan hartanya dan kecantikannya dan sesiapa mengahwini perempuan kerana agamanya nescaya Allah akan memberi kurnia kepadanya dengan harta dan kecantikannya.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ تَزَوَّجَ امْرَأَةً لِمَالِهَا لَمْ يَزِدْهُ اِلاَّ فَقْرًا.

Terjemahan: Sesiapa mengahwini seorang perempuan kerana kekayaannya nescaya tidak bertambah kekayaannya, sebaliknya kemiskinan yang akan diterimanya.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Kedua: Kerana mengharapkan kedudukan yakni mengharapkan gelaran atau pangkat. Faktor ini juga tidak memberi keberkatan seperti yang diharap-harapkan. Malahan seseorang itu akan bertambah hina dan dihinakan, kerana kedudukan salah seorang daripada suami isteri itu, tidak akan berpindah kepada yang lain. Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ تَزَوَّجَ امْرَأَةً لِعِزِّهَا لَمْ يَزِدْهُ اِلاَّ ذُلاًّ.

Terjemahan: Sesiapa mengahwini seorang perempuan kerana kebangsawanannya nescaya tidak Allah akan menambah kepadanya melainkan kehinaan.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Ketiga: Orang yang berkahwin kerana kecantikan. Hal ini adalah baik sedikit daripada harta dan kedudukan, kerana harta kadang-kadang hilang dengan cepat, tetapi kecantikan seseorang dapat bertahan agak lama juga, asalkan dia tidak bersifat angkuh atau sombong lantaran keelokan rupanya itu. Sabda Rasulullah s.a.w.:

لاَ تَزَوَّجُوا النِّسَاءَ لِحُسْنِهِنَّ فَعَسَى حُسْنُهُنَّ أَنْ يُرْدِيَهُنَّ وَلاَ تَزَوَّجُوْ هُنَّ لِأَمْوَالِهِنَّ فَعَسَى اَمْوَالُهُنَّ اَنْ تُطْغِيَهُنَّ، وَلَكِنْ تَزَوَّجُوْهُنَّ عَلَى الدِّيْنِ، وَلأَمَةٌ سَوْدَاْءُ ذَاتَ دِيْنٍ أَفْضَلُ.

Terjemahan: Janganlah kamu mengahwini perempuan kerana ingin melihat kecantikannya, mungkin kecantikannya itu akan membawa kerosakan terhadap mereka sendiri dan janganlah kamu mengahwini mereka kerana mengharapkan harta kekayaan mereka, mungkin hartanya itu akan menyebabkan mereka sombong, tetapi kahwinilah mereka atas dasar agama dan sesungguhnya hamba perempuan yang hitam lebih baik asalkan ia beragama.

(Riwayat al-Baihaqi)

Keempat: Orang yang berkahwin kerana agama dan keluhuran budi pekerti. Inilah yang dipuji oleh Allah dan agama serta kesusilaan adalah menjadi keselamatan rumahtangga dan keluarga. Firman Allah:

فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللهُ.

Terjemahan: Maka perempuan-perempuan yang salih ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang

memelihara (kehormatan dirinya dan apa juga yang wajib dipeliharakan) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolongannya.

(Al-Nisa', 4:34)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ نَكَحَهَا لِدِيْنِهَا رَزَقَهُ اللهُ مَالَهَا.

Terjemahan: Sesiapa mengahwini seorang perempuan kerana agamanya, nescaya Allah mengurniakannya dengan harta.

Seterusnya Rasulullah s.a.w. bersabda:

خَيْرُ النِّسَاءِ امْرَأَةٌ إِنْ نَظَرْتَ إِلَيْهَا سَرَّتْكَ وَإِنْ أَمَرْتَهَا أَطَاعَتْكَ وَإِنْ غِبْتَ عَنْهَا حَفِظَتْكَ فِيْ مَالِكَ وَنَفْسِهَا.

Terjemahan: Sebaik-baik perempuan ialah perempuan apabila engkau memandang kepadanya ia menyukakan hati engkau, dan jika engkau menyuruhnya diturutnya perintah engkau dan jika engkau mengembara keluar dipeliharanya harta engkau dan dijaga kehormatan dirinya.

(Riwayat al-Baihaqi)

Mengikut keterangan di atas nyatalah agama dan kebaikan budi pekerti hendaklah menjadi dasar dan ukuran yang utama dan pertama bagi ibu bapa memilih menantunya. Jadi wali-wali perempuan janganlah cepat silau mata dengan kebendaan seperti yang banyak berlaku pada zaman moden ini. Wali-wali anak perempuan hendaklah memikirkan dengan sedalam-dalamnya antara manfaat dan kemudaratan serta masa hadapan anaknya supaya dengan pilihan yang matang itu akan membuahkan keluarga yang baik seterusnya akan membentuk masyarakat yang aman damai.

Sifat-sifat Perempuan yang Baik untuk Menjadi Bakal Isteri

Terdapat berbagai-bagai perwatakan manusia di dunia ini, ada yang baik, ada yang sederhana, ada yang buruk. Tidak semua perempuan boleh menjadi ibu suri yang setia. Maka untuk memilih teman hidup hendaklah seseorang lelaki sebelum meminang melakukan penyiasatan terlebih dahulu terhadap bakal isterinya supaya tidak menyesal kelak. Begitu juga pihak perempuan sebelum menerima pinangan seorang lelaki hendaklah menjalankan penyiasatan yang mendalam, agar bakal suaminya itu benar-benar seorang yang layak dan bertanggungjawab.

Nabi kita s.a.w. telah memberi petunjuk tentang sifat-sifat perempuan yang baik:

1. Yang beragama dan beramal dengannya.
2. Keturunan daripada orang yang baik, kerap beranak dan sihat.
3. Yang masih dara.

Terdapat beberapa buah Hadith Rasulullah s.a.w. yang memberi petunjuk-petunjuk di atas antaranya sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ أَنَّ النَّبِيَّ (ص) قَالَ: اِنَّ الْمَرْأَةَ تُنْكَحُ عَلٰى دِيْنِهَا وَمَالِهَا
وَجَمَالِهَا فَعَلَيْكَ بِذَاتِ الدِّيْنِ.

Terjemahan: Dari Jabir, sesungguhnya Nabi s.a.w. telah bersabda sesungguhnya seorang perempuan dikahwini orang kerana agamanya harta kekayaan dan kecantikannya, maka hendaklah kamu mengutamakan yang beragama.

(Riwayat Muslimin al-Tirmizi)

Islam menggalakkan perempuan yang kerap beranak. Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارِ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ اِلَى النَّبِيِّ (ص) فَقَالَ: اِنِّىْ
أَصَبْتُ امْرَأَةً ذاتَ حَسَبٍ وَجَمَالٍ وَاَنَّهَا لاَتَلِدْ اَفَأَتَزَوَّجُهَا؟ قَالَ لاَ،

ثُمَّ آتَاهُ الثَّانِيَةَ فَنَهَاهُ ثُمَّ آتَاهُ الثَّالِثَةَ فَقَالَ تَزَوَّجُوْا الْوَدُوْدَ الْوَلُوْدَ.

Terjemahan Dari Ma'qal bin Yassar, katanya, "Telah datang seorang lelaki kepada Nabi s.a.w. sambil berkata: Saya telah memperolehi seorang perempuan yang bangsawan dan jelita, tetapi ia tidak beranak, baikkah saya mengahwininya? jawab Nabi: Jangan! kemudian lelaki itu datang kali kedua, maka baginda melarangnya, kemudian lelaki itu datang kali ketiga, Nabi bersabda: Kahwinilah perempuan yang pengasih lagi kerap beranak."

(Riwayat Abu Daud dan al-Nas'ai)

Islam menggalakkan pula berkahwin dengan dara. Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرِ اَنَّ النَّبِيْ (ص) قَالَ لَهُ، يَا جَابِرْ تَزَوَّجْتَ بِكْرًا اَمْ ثَيِّبًا، قَالَ ثَيِّبًا، فَقَالِ: هَلاَّ تَزَوَّجْتَ بِكْرًا تُلاَعِبُهَا وَتُلاَعِبُكَ.

Terjemahan: Riwayat dari Jabir, sesungguhnya Nabi s.a.w. telah menyatakan kepadanya. "Hai Jabir, adakah engkau kahwin dengan dara atau janda? Jawab Jabir, "Saya berkahwin dengan janda." Sabda Nabi, "Alangkah baiknya jika engkau kahwin dengan dara, engkau dapat menghiburkannya dan dia dapat menghiburkan kamu."

(Riwayat al-Jama'ah)

Demikianlah beberapa panduan dari Rasulullah s.a.w. tentang sifat-sifat bakal isteri yang hendak dipilih menjadi teman hidup, agar kehidupan menjadi aman tenteram.

Pinangan

Tiap-tiap sesuatu 'aqad yang penting dalam kehidupan manusia ada pendahuluan, meminang ialah pihak lelaki menyatakan kepada pihak perempuan tentang tujuan dan kehendaknya. Oleh kerana perkahwinan itu perkara yang penting dalam kehidupan setiap orang maka hendaklah pihak lelaki dan perempuan meneliti dan membuat

pertimbangan yang halus sebelum melangsungkan 'aqad nikah.

Mukaddimah bagi perkahwinan dalam syara' dinamakan *"al-Khitbah"* atau pinangan, iaitu pihak lelaki meminta berkahwin dengan perempuan secara langsung atau melalui wakilnya. Untuk kebahagiaan rumah tangga maka hendaklah pihak lelaki dan pihak perempuan mengetahui satu sama lain tentang keadaan peribadi dan akhlak masing-masing, supaya 'aqad akan dilangsungkan kelak mempunyai asas yang kuat untuk menjalinkan kasih sayang, dan persefahaman. Oleh yang demikian syari'at Islam mengharuskan dan menggalakkan lelaki melihat perempuan terlebih dahulu, bahkan melihat itu hukumnya sunat dalam Islam.

Satu peristiwa telah berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. iaitu al-Mughirah bin Syu'bah telah meminang seorang perempuan untuk berkahwin. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya, "adakah engkau telah melihatnya?" katanya, "Tidak!" kemudian baginda bersabda:

اُنْظُرْ اِلَيْهَا فَاِنَّهُ اَحْرَى اَنْ يُؤْدَمَ بَيْنَكُمَا

Terjemahan: Lihat kepadanya, kerana lebih wajar untuk mengekalkan pertalian di antara kamu berdua.

Jabir telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

اِذَا خَطَبَ أَحَدُكُمْ اِمْرَأَةً فَاِنِ اسْتَطَاعَ اَنْ يَنْظُرَ مِنْهَا مَا يَدْعُوهُ اِلَى نِكَاحِهَا فَلْيَفْعَلْ.

Terjemahan: Apabila seorang daripada kamu telah meminang seorang perempuan, jika ia boleh melihat kepadanya perkara yang mendorongkan mengahwininya, hendaklah dilakukan.

(Riwayat Ahmad, Abu Daud)

Walaupun kaum muslimin diberi kebenaran untuk melihat perempuan yang dipinangnya itu, tetapi tidak dibenarkan berkhalwat atau bersahabat bebas ke sana ke mari seperti yang berlaku dalam masyarakat moden sekarang ini.

Hukum Pinangan

Meminang harus dilakukan dengan perkataan terang atau sindiran terhadap gadis atau janda yang sudah habis 'idahnya atau yang memang telah dijatuhkan talak tiga (*'iddah ba'in*) tetapi haram dilakukan peminangan ke atas perempuan yang telah dipinang orang atau janda yang belum habis 'idahnya. Firman Allah:

وَلاَ جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيْمَا عَرَضْتُمْ بِهِ مِنْ خِطْبَةِ النِّسَاءِ.

Terjemahan: Dan tidaklah ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran), untuk meminang perempuan-perempuan (yang kematian suami dan masih dalam 'idah).

(Al-Baqarah, 2:235)

Haram meminang perempuan yang masih dalam *'idah Raj'iyah* kerana perempuan itu masih dalam *'idah Raj'iyah* masih dianggap isteri bagi lelaki yang menceraikannya, kerana dia boleh kembali kepadanya. Demikian juga tidak dibenarkan meminang seorang perempuan yang telah dipinang oleh orang lain, sebelum ternyata bahawa permintaannya itu tidak diterima. Sabda Rasulullah s.a.w.:

اَلْمُؤْمِنُ اَخُو الْمُؤْمِنِ فَلاَ يَحِلُّ لِلْمُؤْمِنِ اَنْ يَخْطُبَ عَلَى خِطْبَةِ اَخِيْهِ حَتَّى يَذَرَ.

Terjemahan: Orang mukmin adalah saudara orang mukmin, maka tidak halal bagi seorang mukmin meminang seorang mukmin yang sedang dipinang oleh saudaranya, sehingga nyata permintaannya itu tidak diterima.

(Riwayat Ahmad dan Muslim)

Jika seorang lelaki meminang seorang perempuan, ia harus membawa sesuatu sebagai pemberian sebagai tanda ikatannya seperti cincin dan sebagainya, tetapi apabila sampai tempoh sedangkan perkahwinannya itu diputuskan atau mati salah seorang daripada mereka maka haruslah bagi orang yang meminang itu menuntut kembali pemberiannya itu.

Batasan Pergaulan antara Lelaki dan Perempuan

Sabda Rasulullah s.a.w.:

لاَ يَخْلُوَنَّ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ فَإِنَّ ثَالِثَهُمَا الشَّيْطَانُ.

Terjemahan: Tidak berkhalwat antara seorang lelaki dengan seorang perempuan, maka pihak ketiganya ialah syaitan.

Anggota yang Harus Dipandang

Ibn Rusyd al-Hafid dalam kitabnya *Bidayhal-Mujtahid,* penggal 2, halaman 3 mengatakan, (Terjemahan), ''Adapun masalah melihat perempuan masa berazam hendak meminangnya, maka Imam Malik mengharuskan melihat kepada muka dan dua tapak tangan sahaja. Pendapat dalam mazhab Shafi'i sama juga, tetapi di dalam mazhab Hanafi boleh melihat dua kaki, bersama muka dan dua tapak tangan. Ini telah memadai, sebab melihat muka sudah dapat diketahui sama ada kecantikan lahir atau tidak, dan penglihatan kepada tangan telah dapat diketahui sama ada perempuan itu gemuk atau kurus. Fuqaha' berpegang kepaa firman Allah:

وَلاَ يُبْدِيْنَ زِيْنَتَهُنَّ إِلاَّ مَاظَهَرَ مِنْهَا.

Terjemahan: Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka, kecuali yang zahir daripadanya. (Para Fuqaha' mentafsirkan anggota yang selalu terbuka itu ialah muka dan dua tapak tangan).

(Al-Nur, 24:31)

Pihak perempuan juga diberi kebenaran untuk melihat bakal suaminya, kerana memberi peluang yang sama antara mereka berdua.

Sikap dan pengaruh yang sangat berbahaya melanda masyarakat Islam pada zaman moden ini iaitu aliran bebas yang membenarkan pergaulan bebas antara pemuda-pemudi dan membenarkan tunangnya membawa menonton wayang, sama ada siang atau malam, berkelah di sana-sini kononnya untuk memberi peluang yang cukup bagi penyesuaian jiwa. Kita telah saksikan sendiri bahawa hasil dari pergaulan bebas itu membawa bermacam-macam jenayah moral dan keruntuhan akhlak.

Larangan Mendedahkan Aurat

Dalam al-Qur'an al-Karim Allah berfirman:

وَقَرْنَ فِي بُيُوْتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجٰهِلِيَّةِ الْأُوْلٰى وَأَقِمْنَ الصَّلٰوةَ
وَءَاتِيْنَ الزَّكٰوةَ وَأَطِعْنَ اللّٰهَ وَرَسُوْلَهُ.

Terjemahan: Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyah, zaman dahulu, dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya.

(Al-Ahzab 33:33)

وَقُلْ لِّلْمُؤْمِنٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِيْنَ
زِيْنَتَهُنَّ إِلَّا مَاظَهَارَ مِنْهَ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلٰى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِيْنَ
زِيْنَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُوْ لَتِهِنَّ.

Terjemahan: Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka menutup belahan baju mereka dengan tudung kepala mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka.

(Al-Nur, 24:31)

Oleh itu hendaklah perempuan-perempuan Islam taat kepada perintah Allah s.w.t. Perempuan-perempuan Islam disuruh tinggal tetap di rumah kerana kemuliaan perempuan itu akan tetap terkawal apabila mereka tinggal di rumah, supaya dapatlah ia menjalankan tanggungjawabnya terhadap suaminya, anak-anak dan rumahtangganya. Janganlah perempuan Islam keluar dari rumahnya kecuali kerana ada perkara-perkara yang mustahak, dengan menjaga sopan santun ketika ia keluar dari rumahnya.

Wanita-wanita Islam jarang mendedahkan auratnya seperti perbuatan kaum kafir musyrik pada masa dahulu dan juga perbuatan dan gerak geri kaum kafir musyrik pada zaman sekarang ini. Tentu sekali tidak elok memakai pakaian yang mendedahkan aurat, dan tidak sepatutnya dipakai oleh wanita Islam.

Allah s.w.t. telah memberikan panduan melalui firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ قُل لِّأَزۡوَٰجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ يُدۡنِينَ عَلَيۡهِنَّ مِن جَلَٰبِيبِهِنَّۚ ذَٰلِكَ أَدۡنَىٰٓ أَن يُعۡرَفۡنَ فَلَا يُؤۡذَيۡنَۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورٗا رَّحِيمٗا.

Terjemahan: Wahai Nabi! Suruhlah Isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya mereka melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah!) Allah Amat Pengampun, lagi Amat Mengasihani.

(Al-Ahzab, 33:59)

Oleh itu hendaklah perempuan-perempuan Islam taat kepada perintah Allah. Perempuan-perempuan Islam disuruh tinggal tetap di rumah kerana kemuliaan perempuan itu akan tetap terkawal apabila mereka tinggal di rumah. Jika ia berhajat keluar rumah kerana sesuatu keperluan, hendaklah ia keluar dengan menutup aurat dan hendaklah menundukkan pandangannya. Jangan pula ia memakai bau-bauan yang harum ketika ia keluar dari rumahnya, kerana ada Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Tirmizi, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَيُّمَا امْرَأَةٍ اِسْتَعْطَرَتْ ثُمَّ خَرَجَتْ فَمَرَّتْ عَلَى قَوْمٍ لِيَجِدُوْا رِيْحَهَا فَهِيَ زَانِيَةٌ.

Terjemahan: Perempuan yang memakai bau-bauan, lalu ia keluar dari rumahnya kemudian ia melalui akan sesuatu kaum dengan tujuan supaya mereka mencium baunya maka ia adalah seperti berzina.

(Riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi)

Dengan memakai bau-bauan ia mendedahkan dirinya kepada perbuatan zina, dan mencari jalan yang membawa kepada keruntuhan akhlak. Perempuan juga hendaklah berjaga-jaga daripada melihat kaum lelaki yang bukan muhrim, kerana Allah s.w.t. memerintahkan supaya perempuan menundukkan pandangan mereka. Ramai orang perempuan tidak mengetahui tentang haramnya seorang perempuan melihat kepada orang lelaki yang bukan muhrim, sebagaimana juga yang bukan muhrim haram memandang perempuan yang bukan muhrim.

Islam Mengawal Kedudukan Perempuan

Apabila Islam lahir yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. maka baginda berjuang untuk meletakkan wanita pada tempat yang wajar, sebaliknya untuk menghapuskan segala kezaliman masyarakat manusia sebelum Islam terhadap kaum wanita yang lemah itu. Sedang pada masa yang sama bangsa-bangsa di Eropah masih jahil dan masih sangsi apakah perempuan itu termasuk dalam golongan manusia atau tidak?

Agama Islam mengisytiharkan bahawa wanita merupakan salah satu daripada dua unsur untuk membiakkan bilangan umat manusia di samping menjadi nikmat dan kurniaan pada manusia. Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَآءً.

Terjemahan: Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) daripada diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya Hawa) dan yang membiakkan dari kedua-duanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai.

(Al-Nisa', 4:1)

وَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا.

Terjemahan: Dan sesiapa yang mengerjakan amal salih, sama ada lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk syurga, dan mereka pula tidak akan dianiayai (tidak akan dikurangkan balasannya walau sedikit pun).

(Al-Nisa', 4:124)

Demikian juga Allah menyebutkan hukum yang sama terhadap lelaki dan perempuan tentang perkara akidah dan bidang akhlak. Firman Allah s.w.t.:

إِنَّ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمٰتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنٰتِ وَالْقٰنِتِيْنَ وَالْقٰنِتٰتِ
وَالصّٰدِقِيْنَ وَالصّٰدِقٰتِ وَالصّٰبِرِيْنَ وَالصّٰبِرٰتِ وَالْخٰشِعِيْنَ وَالْخٰشِعٰتِ
وَالْمُتَصَدِّقِيْنَ وَالْمُتَصَدِّقٰتِ وَالصّٰئِمِيْنَ وَالصّٰئِمٰتِ وَالْحٰفِظِيْنَ
فُرُوْجَهُمْ وَالْحٰفِظٰتِ وَالذّٰكِرِيْنَ اللهَ كَثِيْرًا وَالذّٰكِرٰتِ أَعَدَّ اللهُ لَهُمْ
مَّغْفِرَةً وَّأَجْرًا عَظِيْمًا.

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah) dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak — Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar.

(Al-Ahzab, 33:35)

Dalam Islam tiap-tiap suami isteri mempunyai tanggungjawab masing-masing, yakni jika isteri baik, suami jahat maka kejahatan suami itu tidak melibatkan isteri begitulah juga sebaliknya. Firman Allah:

ضَرَبَ اللّٰهُ مَثَلاً لِّلَّذِيْنَ كَفَرُوْا امْرَأَتَ نُوْحٍ وَّامْرَأَتَ لُوطٍ كَانَتَا تَحْتَ
عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَادِنَا صٰلِحَيْنِ فَخَانَتَا هُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنَ اللّٰهِ شَيْئًا
وَقِيْلَ ادْخُلاَ النَّارَ مَعَ الدّٰخِلِيْنَ. وَضَرَبَ اللّٰهُ مَثَلاً لِّلَّذِيْنَ ءَامَنُوْا امْرَأَتَ
فِرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبِّ ابْنِ لِى عِنْدَكَ بَيْتًا فِى الْجَنَّةِ وَنَجِّنِى مِنْ فِرْعَوْنَ
وَعَمَلِهِ وَنَجِّنِى مِنَ الْقَوْمِ الظّٰلِمِيْنَ.

Terjemahan: Allah mengemukakan satu misal perbandingan (yang menyatakan tidak ada manfaatnya) bagi orang kafir (berhubung rapat dengan orang-orang mukmin selagi mereka tidak beriman dengan sebenar-benarnya), iaitu: hal isteri Nabi Nuh dan Isteri Nabi Lut mereka berdua berada di bawah jagaan dua orang hamba yang salih dari hamba-hamba Kami (yang sewajibnya mereka berdua taati); dalam pada itu mereka berlaku khianat kepada suami masing-masing; maka kedua-dua suami mereka (yang berpangkat nabi itu) tidak dapat memberikan sebarang pertolongan kepada mereka dari (azab) Allah; dan (sebaliknya dikatakan kepada mereka berdua (pada hari pembalasan), "Masuklah kamu berdua ke dalam neraka bersama-sama orang-orang yang masuk (ke situ)". Dan Allah mengemukakan satu misal perbandingan (yang menyatakan tidak ada mudaratnya) kepada orang-orang mukmin (berhubung rapat dengan orang-orang kafir kalau tidak terjejas keadaan imannya), iaitu: hal isteri Firaun, ketika ia berkata, "Wahai Tuhanku! binalah untukku sebuah rumah di sisi-Mu dalam syurga, dan selamatkanlah aku dari Firaun dan perbuatannya (yang kufur dan buas), serta selamatkanlah aku dari kaum yang zalim."

(Al-Tahrim, 66:10-11)

Di samping itu Allah mengakui bahawa kaum lelaki dan perempuan sama-sama memikul tanggungjawab untuk menyuruh manusia kepada kebajikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran. Firman Allah:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَوٰةَ وَيُطِيعُونَ اللهَ وَرَسُولَهُ أُولَٰٓئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللهُ.

Terjemahan: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain, mereka menyuruh membuat kebajikan dan melarang daripada berbuat kejahatan, dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya, mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah.

(Al-Taubah, 9:71)

Islam memberi hak milik dan pusaka kepada perempuan, kaum perempuan dan lelaki sama-sama berhak dalam bidang ini, tidak seperti keadaan setengah-setengah agama yang tidak memberi hak milik dan pusaka kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja. Firman Allah:

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَٰلِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَآءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَٰلِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ.

Terjemahan: Bagi orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan bagi orang-orang perempuan (pula) ada bahagian pusaka peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu, (iaitu) bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah).

(Al-Nisa', 4:7)

Kelebihan kaum lelaki dalam pemilihan harta pusaka sebenarnya bergantung kepada peranan dan tanggungjawab yang dimainkan

oleh lelaki di alam kehidupan. Lelaki yang memikul tanggungjawab nafkah terhadap anak isteri, sedangkan pihak isteri telah terjamin hidupnya setelah berkahwin, dan sebelum berkahwin memang perempuan ditanggung oleh ayah atau adik-beradiknya yang lelaki. Maka di sini hanya terpulang kepada berat ringan tugas masing-masing. Oleh kerana lelaki memikul tugas yang berat, maka ia berhak mendapat pusaka yang lebih. Firman Allah:

الرِّجَالُ قَوَّامُوْنَ عَلَى النِّسَآءِ بِمَا فَضَّلَ اللهُ بَعْضَهُمْ عَلٰى بَعْضٍ وَبِمَآ أَنْفَقُوْا مِنْ أَمْوٰلِهِمْ.

Terjemahan: Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan (juga) kerana orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.

(Al-Nisa', 4:34)

Tujuan kelebihan kamu lelaki di sini ialah dari segi bakat semula jadi dan kebolehan dalam pengurusan dan kepimpinan. Sebab lelaki diwajibkan mencari nafkah dan dialah yang menghadapi pergolakan dalam masyarakat dan di luar rumah, sedangkan kebanyakan perempuan bertugas di rumah untuk mengasuh anak-anak dan mengurus rumahtangga. Keadaan ini selaras dengan bentuk jasmani dan peranan tanggungjawab kaum lelaki. Firman Allah:

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِى عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوْفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ.

Terjemahan: Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syara' dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya).

(Al-Baqarah, 2:228)

Dalam keadaan tertentu perempuan mendapat layanan yang lebih istimewa daripada kaum lelaki, iaitu dari segi kemanusiaan dan perasaan kasih sayang terhadap sifat keibuan. Buktinya seorang lelaki datang kepada Nabi s.a.w., "Wahai Rasulullah! siapakah yang lebih utama diberi layanan?" Jawab baginda "Ibumu." Kemudian ditanya kali yang kedua, jawab baginda "Ibumu" kemudian ditanya kali yang ketiga, jawab baginda "Ibumu". Apabila ditanya kali yang keempat, baharulah baginda menjawab "Kemudian ayahmu".

Tentang kebebasan perempuan memilih bakal suami pula memang diakui oleh syara' yakni kemahuan perempuan hendaklah dijaga oleh wali-wali mereka. Sabda Rasulullah s.a.w.:

لاَ تُنْكَحُ الثَّيِّبُ حَتَّى تُسْتَأْمَرَ وَلاَ تُنْكَحُ الْبِكْرُ حَتَّى تُسْتَأْذَنَ وَاِذْنُهَا الصُّمُوْتُ.

Terjemahan: Jangan dikahwinkan janda hingga diambil persetujuan yang terang (mulut) dan jangan dikahwinkan seorang gadis hingga diminta kebenaran, dan kebenarannya ialah memadai dengan diamnya.

(Riwayat al-Syaikhan)

Kita seharusnya menyedari bahawa Islam menjamin dan memberi hak-hak yang tersebut di atas semata-mata berdasarkan semangat perikemanusiaan yang tulen, bukan kerana faktor-faktor ekonomi dan kebendaan.

Rukun Nikah

Rukun nikah lima perkara:

1. *Sighat* (perkataan) iaitu ijab dan qabul, ijab dari pihak wali perempuan seperti katanya, "Saya nikahkan engkau dengan anak saya bernama ...." Dan qabul bagi pihak lelaki, seperti katanya, "Saya terima nikahnya..." Tidak sah nikah melainkan dengan lafaz nikah atau (kahwin) atau terjemahan daripada kedua-duanya. Sabda Rasulullah s.a.w.:

اِتَّقُوْا اللهَ فِى النِّسَاءِ فَاِنَّكُمْ أَخَذْتُمُوْهُنَّ بِاَمَانَةِ اللهِ وَاسْتَحْلَلْتُمْ فُرُوْجَهُنَّ بِكَلِمَةِ اللهِ.

Terjemahan: Takutlah kamu kepada Allah dalam urusan perempuan, kerana sesungguhnya kamu mengambil mereka dengan amanah Allah dan kamu halalkan kemaluan mereka dengan kalimah Allah.

(Riwayat Imam Muslim)

2. Wali (wali bagi perempuan). Dalilnya sabda Nabi s.a.w.:

اَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحَتْ بِغَيْرِ اِذْنِ وَلِيِّهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ.

Terjemahan: Sesiapa di antara perempuan yang berkahwin dengan tidak diizinkan oleh walinya, maka perkahwinannya itu batal.

لاَ تُزَوِّجُ الْمَرْأَةُ الْمَرْأَةَ وَلاَ تُزَوِّجُ الْمَرْأَةُ نَفْسَهَا.

Terjemahan: Janganlah menikahkan perempuan akan perempuan yang lain, dan jangan pula menikahkan seorang perempuan akan dirinya sendiri.

(Riwayat Ibn Majah dan al-Daruqutni)

3. Dua orang saksi. Dalilnya sabda Nabi s.a.w.:

لاَ نِكَاحَ اِلاَّ بِوَلِيٍّ وَشَاهِدَىْ عَدْلٍ.

Terjemahan: Tidak sah nikah melainkan dengan wali dan dua orang saksi yang adil.

(Riwayat Ahmad)

Syarat-syarat wali dan dua orang saksi: Wali saksi bertanggungjawab terhadap sahnya aqad nikah, oleh itu tidak semua orang dapat diterima menjadi wali atau saksi, kecuali orang-orang mempunyai syarat-syarat yang berikut:

(i) Islam, orang yang tidak beragama Islam tidak sah menjadi wali atau saksi.

(ii) Baligh (sudah dewasa).

(iii) Berakal.
(iv) Lelaki, kerana berdasarkan Hadith Ibn Majah dan al-Daruqatni.
(v) Adil.

4. Suami dan syarat-syaratnya ialah:
   (i) Hendaklah lelaki yang tidak haram kepada perempuan.
   (ii) Hendaklah ia mempunyai kebebasan, tidak sah jika ia dipaksa.
   (iii) Hendaklah ia (lelaki) itu tertentu, tidak sah kahwin orang yang tidak tertentu.
   (iv) Janganlah ia tidak mengetahui bahawa perempuan itu adalah halal baginya.

5. Isteri dan syarat-syaratnya ialah:
   (i) Hendaklah isteri itu bukan perempuan yang diharamkan ke atas lelaki itu.
   (ii) Hendaklah isteri itu tertentu.
   (iii) Hendaklah perempuan yang tidak mempunyai sebarang larangan. Maka tidak sah nikah perempuan yang sedang di dalam ihram dengan ibadat haji, atau perempuan yang masih ada suaminya atau perempuan yang masih berada dalam 'idah orang lain.

Wali-wali dan Tujuannya

Wali adalah orang yang bertanggungjawab terhadap perempuan yang hendak dikahwinkan mengikut susunan yang tertentu. Tujuannya ialah untuk menentukan suatu perkahwinan itu sah, sebab perempuan-perempuan itu adalah kaum yang lemah yang sentiasa berhajat kepada layanan dan pimpinan daripada kaum lelaki, jika tidak ada mereka yang bertanggungjawab terhadapnya nescaya senang dipengaruhi dan keselamatannya tergugat.

Oleh yang demikian bila seorang perempuan hendak dikahwinkan maka hendaklah terlebih dahulu mendapat keizinan daripada wali yang bertanggungjawab itu.

Susunan Wali

1. Bapa.
2. Datuk lelaki daripada pihak bapa perempuan.
3. Adik-beradik lelaki seibu bapa.
4. Adik-beradik lelaki sebapa.
5. Anak saudara lelaki dari adik-beradik seibu sebapa hingga ke bawah.
6. Anak saudara lelaki dari adik-beradik lelaki sebapa hingga ke bawah.
7. Bapa saudara seibu sebapa sehingga ke atas.
8. Bapa saudara dari sebelah bapa.
9. Anak lelaki dari bapa saudara seibu sebapa (sepupu) hingga ke bawah.
10. Anak lelaki dari bapa saudara yang dari pihak bapa (sepupu).
11. Raja (pemerintah).

Keistimewaan Bapa dari Wali-wali yang Lain

Bapa dan datuk diberi hak mengahwinkan anaknya yang masih dara dengan tidak perlu meminta izin daripada si anak terlebih dahulu dengan orang yang dipandangnya baik. Kecuali anak perempuan yang janda atau tidak dara lagi. Anak perempuan yang janda tidak boleh dikahwinkan melainkan dengan keizinannya terlebih dahulu. Wali-wali yang lain tidak berhak mengahwinkan mempelainya melainkan sesudah mendapat keizinannya sendiri. Sabda Rasulullah s.a.w.:

اَلثَّيِّبُ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيِّهَا وَالْبِكْرُ يُزَوِّجُهَا اَبُوْهَا.

Terjemahan: Perempuan yang janda berhak terhadap dirinya daripada walinya dan anak dara dikahwinkan oleh bapanya.

(Riwayat al-Dauqatni).

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ اَنَّ جَارِيَةَ بِكْرٍ أَتَتْ رَسُوْلَ اللهِ (ص) فَذَكَرَتْ اَنَّ أَبَاهَا زَوَّجَهَا وَهِىَ كَارِهَةٌ فَخَيَّرَهَا النَّبِيُّ (ص).

Terjemahan: Riwayat dari Ibn Abbas, katanya: "Sesungguhnya seorang perawan telah mengadukan halnya kepada Rasulullah s.a.w. bahawa ia telah dikahwinkan oleh bapanya dan dia tidak menyukainya. Maka Nabi s.a.w. memberi kesempatan kepada perawan itu untuk meneruskan atau membatalkan perkahwinan itu.

(Riwayat Ahmad, Abu Daud, Ibn Majah, al-Daruqatni)

Dalam Hadith di atas Rasulullah s.a.w. memberi kesempatan memilih kepada perawan itu adalah menunjukkan bahawa perkahwinan itu adalah sah, sebab jikalau perkahwinan itu tidak sah tentulah Nabi menyatakan perkahwinan itu tidak sah atau baginda akan berkata kahwinlah dengan lelaki lain.

Ulama-ulama yang membolehkan wali bapa dan datuk menikahkan anak atau cucu mereka tanpa izin meminta mengemukakan syarat-syarat berikut:

1. Tidak ada permusuhan di antara bapa dan anak.
2. Hendaklah dikahwinkan dengan orang yang ketara.
3. Maharnya tidak kurang dari mahar yang sebanding.
4. Tidak dikahwinkan dengan orang yang tidak mampu membayar mahar.
5. Tidak dikahwinkan dengan lelaki yang mengecewakan (membahayakan) si anak kelak dalam pergaulannya dengan lelaki itu, seperti orang buta atau orang yang sangat tua sehingga tidak ada harapan untuk mendapat kebahagiaan dalam pergaulannya.

Perempuan-perempuan yang Haram untuk Dikahwini (Muhrim)

Muhrim maknanya orang-orang yang tidak halal dikahwini. Ia terbahagi kepada 14 golongan.

Tujuh golongan yang diharamkan oleh sebab keturunan darah:

1. Ibu dan ibunya (datuk perempuan), ibu dari bapa dan seterusnya sampai ke atas.
2. Anak dan cucu seterusnya ke bawah.
3. Saudara perempuan, seibu sebapa atau seibu sahaja.

4. Saudara perempuan dari bapa.
5. Saudara perempuan dari ibu.
6. Anak perempuan dari saudara lelaki dan seterusnya.
7. Anak perempuan dari saudara perempuan dan seterusnya.

Dua golongan orang, disebabkan oleh penyusuan:

1. Ibu dan bapa tempat menyusu.
2. Saudara perempuan yang sesusuan.

Empat golongan (orang) disebabkan oleh *musharah* (persemendaan):

1. Ibu kepada isteri (mertua perempuan).
2. Anak tiri apabila sudah disetubuhi ibunya.
3. Isteri kepada anak (menantu).
4. Isteri kepada bapa.

Dalil pengharaman berkahwin dengan isteri kepada bapa ialah, firman Allah:

وَلَا تَنْكِحُوْا مَانَكَحَ ءَابَآؤُكُمْ مِّنَ النِّسَآءِ إِلَّا مَاقَدْ سَلَفَ.

Terjemahan: Dan janganlah kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan) yang telah dikahwini oleh bapa kamu.

(Al-Nisa', 4:22)

5. Haram menikahi dua orang yang bersaudara, iaitu tiap-tiap dua perempuan yang antara keduanya bersifat muhrim, seperti dua orang perempuan yang bersaudara, atau seorang perempuan dimadukan dengan saudara perempuan bapanya atau anak perempuan saudaranya dan seterusnya menurut pertalian muhrim di atas. Firman Allah:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَٰتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَٰتُكُمْ وَعَمَّٰتُكُمْ وَخَٰلَٰتُكُمْ
وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَٰتُكُمُ الَّتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَٰتُكُم مِّنَ
الرَّضَٰعَةِ وَأُمَّهَٰتُ نِسَآئِكُمْ وَرَبَٰٓئِبُكُمُ الَّتِي فِي حُجُوْرِكُم مِّنْ نِّسَآئِكُمُ

ٱلَّٰتِى دَخَلْتُم بِهِنَّ فَإِن لَّمْ تَكُونُوا۟ دَخَلْتُم بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَحَلَٰٓئِلُ أَبْنَآئِكُمُ ٱلَّذِينَ مِنْ أَصْلَٰبِكُمْ وَأَن تَجْمَعُوا۟ بَيْنَ ٱلْأُخْتَيْنِ.

Terjemahan: Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut: Ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu, dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telah pun menceraikan mereka), maka tidaklah salah kamu (berkahwin dengannya), dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu).

(Al-Nisa', 4:23)

Hikmat Pengharaman

Semua syari'at yang diturunkan oleh Allah s.w.t. melarang kahwin dengan orang-orang yang disebutkan dalam ayat al-Qur'an di atas. Ini adalah nas dalam agama Islam. Agama Yahudi dan Nasrani juga mengharamkannya dari dahulu sampai sekarang ini. Pendeknya semua syari'at yang diturunkan oleh Allah s.w.t. telah mengharamkan mereka itu kerana ini memang selaras dengan tabiat manusia.

Perkahwinan antara kerabat yang hampir itu akan melahirkan zuriat yang lemah dan tidak segar dari segi jasmani dan fikirannya. Memang hakikat ini telah disedari sejak zaman dahulu lagi. Rahsia yang jelas ialah keinginan nafsu itu kurang terhadap keluarga dan akan terkena juga kepada zuriatnya.

Di samping perkahwinan dengan golongan tersebut di atas boleh merosakkan pertalian semula jadi yang murni yang sememangnya

telah terjalin rapat antara mereka. Perasaan mulia semula jadi telah ditanamkan Allah di dalam lipatan hati iaitu bapa kasihkan anak-anaknya, perasaan mulia semula jadi Allah telah tanamkan di dalam lipatan hati anak-anak supaya memuliakan ibu bapa mereka. Begitu juga perasaan persaudaraan yang luhur telah terjalin dari asal antara saudara-saudara lantaran persamaan darah. Maka perasaan-perasaan, naluri-naluri dan semangat kecintaan murni seperti itu memang ada di kalangan kerabat-kerabat yang hampir.

Jika sekiranya dibenarkan berkahwin dengan kerabat-kerabat yang hampir maka akan rosaklah ikatan semula jadi yang telah dijalin oleh Allah s.w.t. sebab perhubungan suami isteri berlainan daripada hubungan kerabat. Pendeknya orang-orang yang diharamkan oleh syara' untuk dikahwini tidak munasabah dan tidak wajar sedikit pun untuk dijadikan isteri.

Kata al-Kasani dalam kitab *al-Bada'i* bahawa perkahwinan dengan mereka itu boleh membawa kepada putusnya silaturahim. Sebab dalam perkahwinan itu kadangkala berlaku silap faham dan kadang-kadang membawa perbalahan antara mereka. Semua ini boleh memutuskan silaturahim. Dan tiap-tiap perkara yang membawa kepada haram maka hukumnya haram.

Jika kesimpulannya pengharaman berkahwin dengan mereka merupakan undang-undang semula jadi bagi sekalian umat manusia dan sebagai tata susila yang wajib dikawal oleh manusia demi menjaga nilai-nilai yang utama dan menjaga maruah manusia agar tidak dinodai oleh sebarang kekotoran.

Hikmat pengharaman mengahwini dua adik-beradik perempuan itu kerana boleh membawa kepada putusnya tali persaudaraan di antara mereka. Ini dapat diperhatikan dari segi psikologi iaitu dua orang madu sentiasa diselubungi oleh perasaan hasad dengki dan cemburu antara satu sama lain. Gejala seperti itu akan mempengaruhi jiwa dan pada akhirnya membawa perkelahian antara dua beradik. Sedangkan kedua-duanya telah dijadikan oleh Allah s.w.t. dengan semangat kasih sayang di antara mereka.

Pengharaman Mengahwini Perempuan Musyrikat dan Kafir yang bukan dari Ahli Kitab

Perempuan musyrikah dan kafir yang bukan dari golongan Ahli Kitab, seperti hindu, buddha, penyembah berhala dan sebagainya

diharamkan bagi orang muslim mengahwininya. Firman Allah:

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكٰتِ حَتّٰى يُؤْمِنَّ وَلَأَمَةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ.

Terjemahan: Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir mushyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam), dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir mushyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu.

(Al-Baqarah, 2:221)

Begitu juga perempuan murtad, diharamkan berkahwin dengannya. Hukumannya serupa dengan perempuan musyrik juga, sebab murtad itu bermakna mati, maka orang mati itu bukan tempat untuk dijadikan isteri. Tiap-tiap orang muslim yang murtad tidak boleh diakui kemurtadannya tetapi hendaklah disuruh dia kembali kepada Islam. Jika ia enggan maka hendaklah dibunuh. Kalau ia lelaki, jika perempuan hendaklah dipenjara dan dipukul hingga ia bertaubat dan kembali semula kepada Islam.

Perempuan Nasrani dan Yahudi boleh dikahwini oleh lelaki muslim, sebab mereka dianggap ahli kitab. Firman Allah:

الْيَوْمَ أُحِلَّ لَكُمُ الطَّيِّبٰتُ وَطَعَامُ الَّذِيْنَ أُوْتُوا الْكِتٰبَ حِلٌّ لَّكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَّهُمْ وَالْمُحْصَنٰتُ مِنَ الْمُؤْمِنٰتِ وَالْمُحْصَنٰتُ مِنَ الَّذِيْنَ أُوْتُوا الْكِتٰبَ مِنْ قَبْلِكُمْ.

Terjemahan: Pada masa ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat-lazat serta baik-baik, dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan kitab itu adalah halal bagi kamu dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka), dan (dihalalkan kamu berkahwin) dengan perempuan-perempuan yang menjaga

kehormatannya (suci) dari orang-orang yang diberikan kitab dahulu daripada kamu.

(Al-Maidah, 5:5)

Perkataan ahli Kitab adalah suatu istilah yang sering digunakan oleh al-Qur'an. Ia bererti orang-orang yang mempunyai kitab Taurat atau Injil. Ringkasnya orang-orang yang beragama Yahudi atau Kristian.

Ahli Kitab yang sebenarnya, yang diharuskan orang-orang Islam lelaki, mengahwininya ialah orang-orang perempuan Yahudi atau Kristian keturunan Bani Israel. Selain itu bukanlah dianggap ahli Kitab yang harus dikahwini.

Perkara yang mesti diambil perhatian ialah, perempuan-perempuan Islam tidak boleh berkahwin dengan lelaki yang bukan Islam, sama ada dari kalangan ahli kitab atau tidak. Firman Allah:

وَلاَ تُنْكِحُوا الْمُشْرِكِيْنَ حَتَّى يُؤْمِنُوْا.

Terjemahan: Dan jangan kamu kahwinkan perempuan-perempuan Islam dengan lelaki kafir mushyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam).

(Al-Baqarah, 2:221)

Tujuannya ialah untuk mengawal kesucian agama, kerana menurut prinsip Islam lelakilah yang berkuasa atau mempunyai kuasa tertinggi dalam sebuah keluarga, jika dibenarkan lelaki yang bukan Islam mengahwini perempuan Islam, sudah tentu kedudukan agama perempuan Islam tergugat dan sangat berbahaya.

Isteri dari kalangan ahli kitab mempunyai hak-hak seperti isteri yang Islam juga dari segi nafkah, giliran, dan sebagainya kecuali hak pusaka sahaja, kerana hak pusaka gugur disebabkan perbezaan agama.

Isteri dari kalangan ahli kitab boleh dipaksa oleh suaminya yang Islam supaya mandi haid, junub dan nifas jika ia enggan melakukannya. Kerana halal atau haram bersetubuh adalah bergantung kepada suci atau tidak, cuma dimaafkan jika tidak berniat sebab darurat.

Isteri dari kalangan ahli kitab boleh dipaksa oleh suaminya supaya tidak makan babi, minum arak dan sebagainya, kerana

benda-benda tersebut adalah kotor dan menjijikkan perasaan suami yang beragama Islam.

Mahar atau Maskahwin

Suami dengan sebab perkahwinan diwajibkan memberi sesuatu pemberian kepada si isteri sama ada berupa wang ringgit atau berupa harta benda. Pemberian inilah yang dinamakan dalam istilah fiqh Islam sebagai *mahar*. Firman Allah:

وَءَاتُوا النِّسَآءَ صَدُقَـٰتِهِنَّ نِحْلَةً.

Terjemahan: Dan berilah kepada perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib.

(Al-Nisa', 4:4)

Pemberian mahar ini wajib ke atas suami tetapi tidak menjadi rukun nikah jika tidak disebutkan mahar pada masa akad maka perkahwinan tersebut dikira sah juga.

Banyak atau sedikit maskahwin yang diberikan tidak dipentingkan oleh syari'at Islam, perkara ini terserah kepada kemampuan suami dengan keredaan isteri. Walaupun demikian suami hendaklah benar-benar sanggup membayarnya. Sebab mahar itu apabila telah ditetapkan dengan kadar yang tertentu maka ia menjadi hutang ke atas suami yang wajib dibayar kalau tidak dibayar akan menjadi bebanan pada hari akhirat kelak.

Kaum muslimin janganlah terpedaya dengan adat kebiasaan bermegah-megah dengan maskahwin yang banyak kerana mengingatkan kadar maskahwin yang tinggi itu akan menyusahkan pihak lelaki dan seterusnya akan menyusahkan pihak perempuan, kerana apabila pihak perempuan menetapkan kadarnya yang tinggi tentulah ramai lelaki yang tidak mampu membayarnya, dengan demikian kemungkinan besar perempuan menjadi gadis tua. Sebab keberkatan dan kejayaan hidup keluarga bukan kerana maskahwin tetapi bergantung kepada semangat taqwa dan kasih sayang antara lelaki dan perempuan. Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ قَالَ : اِنَّ اَعْظَمَ النِّكَاحِ بَرَكَةً اَيْسَرُهُ مَؤُوْنَةً.

Terjemahan: Dari Aisyah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda sesungguhnya yang sebesar-besar keberkatan di dalam perkahwinan ialah yang sederhana perbelanjaannya.

(Riwayat Imam Ahmad)

Dalam Hadith yang lain Rasulullah s.a.w. bersabda:

عَنْ اَبِي الْعَجْفَاءِ قَالَ : سَمِعْتُ عُمَرَ يَقُوْلُ لاَ تَغْلُوْا صَدَاقَ النِّسَاءِ فَاِنَّهَا لَوْ كَانَتْ مَكْرَمَةً فِيْ الدُّنْيَا أَوْتَقْوَى فِيْ الآخِرَةِ كَانَ اَوْ لاَكُمْ بِهَا النَّبِيُّ (ص) مَا أَصْدَقَ رَسُوْلُ اللهِ اِمْرَأَةً مِنْ نِسَائِهِ وَلاَ أُصْدِقَتْ اِمْرَأَةٌ مِنْ بَنَاتِهِ اَكْثَرَ مِنِ اثْنَتَى عَشْرَةَ أَوْقِيَةً.

Terjemahan: Dari Abu al-'Ajfa' katanya, "Saya dengar Umar berkata", Janganlah kamu berlebih-lebihan memberi mahar kepada perempuan, kerana kalau perkara itu menjadi kemuliaan di dunia atau kebaikan di akhirat, tentulah Nabi lebih utama di dalam perkara ini, tetapi baginda tidak pernah memberi maskahwin kepada isteri-isterinya dan tidak pula pernah baginda membenar anak-anak perempuannya menerima maskahwin lebih daripada 12 auqiah (480 dirham).

(Riwayat al-Khamsah dan disahkan oleh al-Tirmizi)

Kadar ini sangat sederhana dan sangat sedikit kalau dibandingkan dengan perbelanjaan kahwin bagi setengah-setengah golongan kaum muslimin di Malaysia.

Jika seorang suami menceraikan isterinya sebelum bersetubuh maka wajib ia membayar ½ daripada mahar, ini kalau jumlah mahar itu telah ditetapkan banyaknya oleh suami atau hakim. Firman Allah:

وَإِنْ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِن قَبْلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ وَقَدْ فَرَضْتُمْ لَهُنَّ فَرِيضَةً فَنِصْفُ مَا فَرَضْتُمْ.

Terjemahan: Dan jika kamu ceraikan mereka sebelum kamu sentuh (campuri) dengan mereka, pada hal kamu sudah menetapkan kadar maskahwin untuk mereka, maka mereka berhak mendapat separuh dari maskahwin yang kamu telah tetapkan itu.

(Al-Baqarah, 2:237)

Jika mahar belum ditetapkan banyaknya, tidak wajib membayar ½ hanya yang wajib ialah *mutah* (sagu hati) bukan mahar. Pendapat ini berdasarkan kepada firman Allah di atas. Allah s.w.t. menetapkan ½ daripada mahar apabila telah ditetapkan banyaknya. Setengah ulama pula berpendapat wajib juga membayar ½, ½ ini dikira dari mahar misil atau dari ketetapan hakim.

Hikmat Disyarakkan Mahar

Oleh kerana 'aqad nikah itu berdasarkan kepada kasih sayang, kerahmatan dan jalinan hidup antara dua jasad dan dua jiwa, maka hendaklah pihak suami memberikan hadiah kepada isterinya sebagai melambangkan kesetiaan dan kesungguhan azamnya pada masa hadapan. Ini juga merupakan niat baik suami terhadap isteri, yang kedua oleh kerana 'aqad nikah itu telah memberi kuasa kepada suami terhadap isterinya, maka eloklah pihak suami memberi benda yang boleh mendatangkan kesenangan dalam jiwa isteri, iaitu ia merasa mendapat perhatian yang berat daripada suaminya. Maka sebenarnya mahar itu merupakan penghormatan seorang suami terhadap isteri.

Khiyar (Pilihan) Fasakh Nikah

Ulama-ulama telah bersetuju bahawa jika salah seorang daripada suami atau isteri mengetahui kecacatan pihak yang seorang lagi sebelum 'aqad nikah atau selepas 'aqad tetapi ia rela dengan

kecacatan itu secara terus terang. Maka tidak boleh ia menuntut *fasakh* nikahnya dengan kecacatan itu.

Ulama juga bersetuju bahawa sebarang kecacatan yang diakui syara' memang membolehkan *khiyar* untuk membuat *fasakh* nikah antara mereka cuma mereka berselisih pendapat tentang rupa-rupa kecacatan yang membolehkan *fasakh* tersebut. Sebab-sebab yang membolehkan fasakh nikah yang dipersetujui oleh fuqaha' ialah tiga perkara. Dalam kitab *al-Raudhah* ialah empat perkara iaitu dijadikan *"al-Unnah"* atau mati pucuk sebagai satu sebab yang berasingan. Perkara yang menjadi perselisihan antara fuqaha' sama ada membolehkan *khiyar fasakh* atau sebaliknya ialah kesukaran suami membayar maskahwin dan kesukarannya menanggung nafkah atau salah seorang daripada suami atau isteri mendapati yang lain sebagai hamba atau suami mendapati isterinya tidak sanggup disetubuhi. Sebab-sebab yang persetujui oleh fuqaha' tentang *khiyar fasakh* nikah iaitu tiga perkara dan kecacatan atau keaiban itu pula terbahagi kepada tiga bahagian.

1. Perkara yang bersama antara suami dan isteri.
2. Perkara yang khusus bagi suami.
3. Perkara yang khusus bagi isteri.

Perkara yang sama antara suami dan isteri ialah apabila salah seorang daripada suami atau isteri mendapati pasangannya terkena penyakit gila sama ada gila berterusan atau gila yang berkala. Kedua penyakit kusta, dan ketiga penyakit yang berkenaan dengan suami ialah mati pucuk atau zakarnya terpotong. Manakala perkara yang khusus bagi perempuan ialah tertutupnya lubang kemaluan sama ada dengan daging atau tulang.

Hikmat Khiyar Fasakh

Antara hikmat perkahwinan yang besar ialah mewujudkan kasih sayang dan mencari keturunan zuriat di samping menjaga keselamatan rumahtangga. Dengan adanya penyakit-penyakit yang tersebut di atas atau kecacatan yang diterangkan itu tentulah boleh menghalang daripada mewujudkan kasih sayang sebenar atau boleh menghalangkan daripada mencari keturunan yang sihat sama ada dari segi jasmani dan akal fikiran. Oleh itu dengan kemurahan Allah

s.w.t. telah memberi jalan keluar terhadap perkara-perkara yang merbahaya itu. Memang perkara-perkara yang diharuskan oleh syara' itu selaras dengan fitrah manusia dan sesuai dengan ukuran fikiran yang waras.

Syarat-syarat Fasakh Nikah Disebabkan oleh Umnah (Mati Pucuk)

Mati pucuk boleh ditentukan dengan pengakuan suami itu sendiri di hadapan kadi dan kadi mengambil tindakan yang sewajarnya setelah perkara itu dipastikan. Begitu juga kecacatan yang lain hendaklah diberitahu kepada kadi bagi mendapatkan hak *fasakh* nikah. Ini adalah menurut pendapat yang paling sah dalam mazhab Syafi'i.

Mati pucuk boleh ditentukan dengan pengakuan daripada suami sendiri di hadapan kadi atau dengan kekuatan atau tanda-tanda yang boleh membuktikan pengakuannya itu.

Apabila telah pasti suami mati pucuk maka pihak kadi hendaklah menetapkan tempoh setahun sebagaimana yang telah dilakukan oleh Sayidina Umar bin al-Khatab seperti yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi. Kata Imam al-Rafi'i inilah yang dilakukan oleh para ulama, kerana tempoh setahun itu sangat wajar. Kata mereka, "Bahawa tidak mempunyai kesanggupan bersetubuh itu mungkin disebabkan oleh udara panas, keadaan itu boleh hilang dalam masa musim sejuk, atau disebabkan oleh udara sejuk maka boleh hilang dalam musim panas, atau disebabkan oleh udara kering maka boleh hilang dalam musim buah. Apabila telah berlalu tempoh setahun walhal masih juga tidak sanggup bersetubuh itu bererti suami mempunyai atau mengidap kelemahan dari segi jasmaninya. Permulaan setahun itu ialah bermula daripada masa yang ditentukan oleh kadi. Pihak kadi yang menentukan masa itu adalah berdasarkan kepada tuntutan isteri yang dibawa ke mahkamah."

Poligami dalam Islam

Hanya orang bukan Islam sahaja yang memperundangkan poligami bahkan menjadi suatu tradisi yang diamalkan oleh manusia semenjak zaman dahulu lagi, amalan ini berkekalan hingga sekarang. Pada zaman tamadun Fir'aun dahulu kita dapati mereka menjalankan amalan ini dengan luas, setengah daripada raja-raja mereka

berkahwin dengan sewenang-wenangnya tanpa batasan dan agama mereka tidak melarangnya.

Demikian juga orang Yahudi berkahwin tanpa batasan, dan ini dianggap amalan yang harus di kalangan mereka itu iaitu puak bani Israel dan juga raja-raja mereka berkahwin lebih daripada seorang. Tetapi telah menjadi tradisi bagi puak Nasrani sejak dari mula lagi mereka memandang jijik kepada berkahwin dan kepada orang-orang yang berkahwin. Mereka lebih mengutamakan hidup "kependitaan" (*al-Rahbaniah*). Timbulnya tradisi ini adalah meniru Nabi Isa a.s. yang tidak sempat berkahwin atau disebabkan oleh faktor-faktor yang lain seperti menumpukan sepenuh perhatian pada ibadat, hingga sekarang ini paderi-paderi besar Katholik masih mengamalkan hidup *rahbaniah* seterusnya mereka memandang jijik kepada orang-orang yang berkahwin lantaran keinginannya kepada nafsu kejantinaan.

Pada zaman jahiliyah poligami memang menjadi tradisi hidup, mereka mengamalkan perkara itu dengan sewenang-wenang sama ada di kalangan masyarakat yang bertamadun atau tidak, Islam menyedari hakikat ini dan kedatangan Islam ialah untuk membawa perubahan dan kebaikan dalam urusan hidup manusia iaitu memperbaiki keadaan yang tidak sihat supaya dapat menjamin kebahagiaan manusia dan sebaliknya untuk menghindarkan keburukan. Islam tidak mengharamkan langsung dan sebaliknya tidak membiarkan menular dengan luas tanpa syarat seperti yang pernah berlaku pada zaman dahulu. Islam memperbaiki amalan itu supaya ia dapat menyempurnakan maslahat umum di samping dapat menghindarkan kesusahan daripada masyarakat manusia. Tindakan yang diambil oleh Islam ialah seperti berikut:

1. Membataskan bilangan isteri-isteri iaitu tidak harus berkahwin lebih daripada empat orang.

2. Syarat bagi poligami ialah sanggup melaksanakan keadilan antara isteri-isteri.

3. Jika seorang lelaki merasa khuatir atau tidak sanggup melaksanakan keadilan hendaklah ia berkahwin dengan seorang perempuan sahaja.

Hukum ini diambil daripada firman Allah:

فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً اَوْمَامَلَكَتْ أَيْمَنُكُمْ.

Terjemahan: Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba yang kamu miliki.

(Al-Nisa', 4:3)

Ini bukan bermakna seseorang itu boleh berkahwin ramai dahulu kemudian baru diuji, adakah ia sanggup melakukan keadilan atau tidak? Jika ia sanggup teruslah ia menjalankan poligami dan jika sebaliknya ia menceraikan mereka dengan mengekalkan seorang isteri sahaja, tetapi maksud yang sebenarnya ialah menyuruh orang-orang yang ingin melakukan keharaman yang dilarang oleh Allah s.w.t.

Allah menyebutkan Khauf (takut) sebanyak dua kali dalam ayat ini seolah-olah Allah mengarahkan bimbingan kepada orang yang mempunyai perasaan tanggungjawab supaya sentiasa berhati-hati terhadap undang-undang Allah. Apabila larangan itu diserahkan kepada hati nurani manusia maka kebenaran poligami itu adalah terikat dengan syarat-syarat atau keadaan-keadaan yang tertentu. Tetapi malangnya kebanyakan orang yang mengamalkan perkara ini melihat satu segi sahaja seperti firman Allah:

فَانْكِحُوْا مَاطَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَآءِ مَثْنَى وَثُلٰثَ وَرُبٰعَ.

Terjemahan: Dan berkahwinlah kamu menurut apa yang sesuai bagi kamu terhadap perempuan-perempuan sama ada dua tiga dan empat.

(Al-Nisa', 4:3)

Ia tidak meneliti perkataan sebelum dan selepasnya tentang syarat-syarat dan keadaan-keadaan yang dikenakan oleh syara'. Firman Allah:

فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً.

Terjemahan: Dan jika kamu takut tidak menjalankan keadilan (berbilang isteri) hendaklah kamu berkahwin seorang sahaja.

(*Al-Nisa',: 4:3*)

Ini bererti bahawa beristeri lebih dari seorang dalam keadaan melakukan kezaliman adalah haram. Firman Allah:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا.

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya.

(*Al-Rum, 30:21*)

Melalui perkahwinan itu dapatlah dicantumkan yang jauh menjadi dekat dan seterusnya untuk menjalinkan perasaan kasih sayang antara satu sama lain. Itulah rahsia perkahwinan yang tulen yang membuahkan kesan-kesan yang baik dalam masyarakat.

Antara keadaan yang munasabah yang membolehkan lelaki berpoligami misalnya seorang lelaki telah berkahwin dengan seorang perempuan, isteri itu mandul tidak melahirkan anak. Maka keadaan seperti ini adalah wajar berkahwin seorang lagi untuk mencari keturunan. Jika tidak dibenarkan berkahwin dalam keadaan seperti ini tentulah ia tidak dapat melihat keturunan buat selama-lamanya, maka syari'at Islam yang luas itu tidak membenarkan keadaan sempit ini berlaku.

Antara keadaan yang darurat ialah seorang yang berkahwin, tiba-tiba dalam perkongsian hidup itu isterinya sakit yang lama atau tidak dapat memenuhkan kehendak tabi'i manusia. Apakah tindakan yang hendak dilakukan untuk mengatasi kesulitan ini, jika tidak dibenarkan berkahwin lebih daripada seorang?

Agama Islam yang suci mahu membentuk masyarakat yang bersih, sebaliknya tidak ingin sama sekali melihat moral lelaki dan perempuan dikotori. Maka Islam membenarkan suami yang telah

mempunyai isteri berkahwin dengan perempuan lain jika ada sebab-sebabnya yang munasabah.

Antara keadaan lain yang membenarkan poligami sebagai jalan penyelesaian yang praktik ialah kekurangan nisbah pemuda daripada pemudi selepas berlaku peperangan, kerana ramai pemuda yang terkorban hingga bilangan pemudinya melebihi pemuda. Dan siapakah yang akan menanggung belanja hidup mereka? Mungkin sebahagian perempuan pada zaman ini boleh bekerja sendiri mencari nafkah hidup, tetapi masalahnya bukanlah setakat makan minum sahaja, akan tetapi masalah perlindungan bagi kaum perempuan yang mana memerlukan suami yang melindungi keselamatannya.

Nusyuz (Derhaka)

Sesuatu tindakan isteri yang dapat diertikan sebagai menentang kehendak suami dengan tidak ada alasan syara' yang dapat diterima menurut hukum syara', maka tindakan itu dikira derhaka. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Suami telah menyediakan rumah kediaman yang sesuai dengan kemampuannya tetapi isteri tidak mahu pindah ke rumah itu, atau isteri meninggalkan rumahtangga dengan tidak mendapat kebenaran daripada pihak suami.
2. Isteri yang menengking dan melanggar kehendak suami dalam urusan rumahtangga yang halal. Sebab urusan pentadbiran rumahtangga adalah terpulang kepada suami yang mempunyai hak yang tertinggi sekali dalam hal ini.
3. Isteri yang tidak menyerahkan tubuhnya kepada suami.

Untuk mengatasi persoalan tersebut al-Qur'an al-Karim telah menentukan dua cara yang baik lagi berkesan untuk memperbetulkan kehidupan mereka, agar dengan ini dapatlah mengembalikan mereka kepada jalan yang betul. Cara yang pertama ialah tindakan dari dalam yang boleh menjayakan tujuan tanpa diketahui oleh orang lain. Allah s.w.t. memberikan kuasa kepada suami sebagai ketua dalam keluarga, firman-Nya:

وَالّٰتِيْ تَخَافُوْنَ نُشُوْزَهُنَّ فَعِظُوْهُنَّ وَاهْجُرُوْهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ

وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلاَ تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلاً.

Terjemahan: Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang derhaka (Nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka dan (jika mereka berdegil) tinggalkanlah (pulaukanlah) mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka.

(Al-Nisa', 4:34)

Nasihat yang baik, maksudnya suami memberi nasihat dan pengajaran kepada mereka supaya bergaul dengan baik. Kata-kata nasihat yang jujur itu biasanya akan membukakan semangat saling mengerti dan boleh mengatasi banyak masalah psikologi tentang perempuan. Pendeknya suami yang bijak dan berdiplomasi selalu berjaya untuk mengatasi segala kesulitan yang timbul dari sikap isteri-isteri yang degil atau tidak bertanggungjawab. Jika tidak berjaya bolehlah ia mengambil tindakan yang kedua.

Memulaukan tempat tidur, ini satu daripada kuasa takdib yang diberikan oleh syara' kepada suami dan tindakan ini mungkin berkesan terhadap isteri yang masih kasihkan suaminya. Biasanya kebanyakan perempuan merasa tekanan jiwa jika suami tidak sudi tidur bersamanya. Maka Allah membuka jalan untuk memperbaiki keadaan itu dengan cara meninggalkan tempat tidur buat sementara waktu, supaya dengan tindakan tersebut dapat memperbetulkan sikap isteri yang derhaka itu. Jika tidak berjaya juga barulah diambil tindakan ketiga iaitu pukul.

Pukul ialah tindakan yang akhir bagi suami, dan disyaratkan pukulan itu tidak melibatkan bahaya dan tidak menyakitkan. Pukulan itu cara yang akhir dalam usaha memperbaiki sikap isteri yang derhaka, tindakan ini hanya dibenarkan dalam masa darurat sahaja, kerana setengah perempuan tidak berkesan dengan kata-kata nasihat yang lembut, dan tidak pula berkesan dengan meninggalkan tempat tidur, maka perempuan degil seperti itu tidak ada jalan yang lebih berkesan melainkan dengan pukul sahaja. Tindakan ini

bukanlah bermakna kejam atau melampaui batasan bahkan suatu cara yang baik untuk mendatangkan hasil dalam usaha memperbaiki sikap isteri yang derhaka.

Majlis Hakam (Majlis Keluarga)

Majlis Hakam termasuk dalam cara yang kedua bagi memperbaiki keluarga dalam Islam. Cara ini menurut *'uruf fuqaha'* ialah majlis tahkim ketika berlaku perbalahan yang sengit dan keadaan yang meruncing, sekiranya kedua-dua suami isteri gagal untuk menyelesaikan perbalahan itu, kedua-duanya diminta supaya bertenang untuk diusahakan jalan lain bagi mengatasi persoalan itu maka masyarakat dan keluarga berkewajipan berusaha sedapat yang mungkin untuk memperbaiki keadaan yang runcing demi mengawal perpaduan rumahtangga. Allah s.w.t. telah menetapkan cara mengatasi masalah ini dengan firman-Nya:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَآ إِنْ يُرِيْدَآ إِصْلَٰحًا يُوَفِّقِ اللهُ بَيْنَهُمَا.

***Terjemahan:** Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah orang tengah (untuk mendamaikan mereka iaitu) seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua orang tengah itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan.*

(Al-Nisa', 4:35)

Ayat ini menjelaskan tentang cara tahkim itu dilakukan setelah gagal ketiga-tiga tindakan yang disebutkan tadi, iaitu perkara itu dikemukakan kepada kadi dengan diwakili oleh dua orang pendamai seorang wakil daripada pihak suami dan seorang lagi daripada pihak isteri untuk mencari jalan penyelesaian dan mengemukakan kesulitan itu dengan jujur. Kedua-dua wakil itu hendaklah bersabar dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari jalan perdamaian. Jika gagal juga maka terserahlah kepada mahkamah untuk mengambil tindakan dan keputusan yang boleh mendatangkan kebaikan kepada kedua-duanya.

Pembahagian Giliran

Seseorang yang berkahwin lebih dari satu isteri hendaklah memisahkan tempat kediaman mereka, masing-masing tinggal di sebuah rumah, rumah itu pun harus sama kecuali kalau mereka sama-sama reda dan ikhlas ditempatkan dalam sebuah rumah sahaja. Pembahagian waktu atau giliran di antara isteri-isteri itu hendaklah sama dan betul dijalankan, sama ada yang mempunyai kediaman dalam sebuah rumah atau masing-masing mempunyai kediaman bersendirian. Masa tinggal suami dengan isteri-isteri hendaklah sama lamanya, jika suami membahagikan giliran tiap-tiap isteri dua malam tiap-tiap seorang maka hendaklah ditepati giliran itu iaitu dua hari dua malam di rumah isteri yang pertama dan dua hari dua malam di rumah isteri yang kedua, begitulah seterusnya. Pendeknya wajiblah suami bersifat adil terhadap isterinya. Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ (ص) قَالَ مَنْ كَانَتْ لَهُ اِمْرَأَتَانِ فَمَالَ اِلَى
اَحَدِهِمَا دُوْنِ الْأُخْرَى جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشِقُّهُ مَائِلٌ.

Terjemahan: Abu Hurairah telah meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. iaitu Baginda bersabda: Sesiapa yang mempunyai dua orang isteri lalu ia bersikap berat sebelah kepada salah seorang daripadanya, maka ia akan datang pada hari kiamat walhal sebelah tubuhnya condong.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Demikian juga apabila Rasulullah s.a.w. hendak keluar mengembara baginda akan menjalankan undi di antara isteri-isterinya. Isteri yang terkeluar dari undi tersebut akan dibawa bersama mengembara dengan baginda. Imam al-Bukhari dan Muslim ada meriwayatkan:

اِذَا اَرَادَ السَّفَرَ اَقْرَعَ بَيْنَ نِسَائِهِ فَأَيَّتُهُنَّ خَرَجَ سَهْمُهَا خَرَجَ بِهَا.

***Terjemahan:** Apabila Rasulullah ingin mengembara lalu dijalankan undinya di antara isteri-isterinya, maka mana-mana isteri yang terkena undi keluar, dialah yang dibawanya.*

(Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Jaminan untuk Ketenteraman Rumahtangga

Keluarga yang baik adalah menjadi asas pembangunan masyarakat Islam yang baik, masyarakat Islam yang baik adalah menjadi asas untuk menegakkan negara Islam yang baik. Baik buruknya sesebuah masyarakat adalah terserah kepada baik buruknya keluarga-keluarga Islam yang bergabung menjadi sebuah masyarakat. Oleh yang demikian, Islam membawa dasar-dasar kebahagiaan dan kesejahteraan bagi keluarga, dan Islam telah menetapkan tanggungjawab-tanggungjawab yang tertentu terhadap suami isteri dan lain-lain.

Seperti telah dijelaskan di atas, bahawa perkahwinan adalah asas yang utama untuk mengatur kehidupan rumahtangga dan keturunan yang akan merupakan susunan masyarakat kecil dan akan menjadi anggota dalam masyarakat yang besar. Tercapai atau tidaknya tujuan tersebut adalah bergantung kepada eratnya perhubungan kasih sayang antara suami isteri dan pergaulan yang baik antara mereka. Firman Allah:

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِى عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوْفِ.

Terjemahan: Hak untuk isteri yang patut diterimanya dari suaminya seimbang dengan kewajipannya terhadap suaminya dengan baik.

(Al-Baqarah, 2:228)

Ayat di atas menerangkan bahawa hak seorang isteri itu harus setimpal dengan apa yang dilakukan terhadap suaminya. Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

اَكْمَلُ الْمُؤْمِنِيْنَ اِيْمَانًا اَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَخِيَارُكُمْ خِيَارُكُمْ لِنِسَائِهِمْ.

Terjemahan: Orang mukmin yang paling sempurna tentang keimanan ialah mereka yang paling baik dalam segi akhlak, dan orang yang utama di antara kamu ialah orang yang lebih melakukan kebaikan kepada perempuan-perempuan mereka.

(Riwayat Sebahagian Ahli Sunan)

Kewajipan Suami terhadap Isteri

Antara tanggungjawab yang penting bagi suami terhadap isteri ialah:

1. Hendaklah suami mengawal isterinya dengan baik dan menjalankan keadilan terhadapnya, sebab isteri itu adalah amanah Allah yang diserahkan kepadanya.
2. Menyempurnakan nafkah perbelanjaan mengikut yang sepatutnya.
3. Memberi pengetahuan dan pengajaran hukum Islam dalam hal-hal fardu 'ain kepada isteri.
4. Memberi layanan yang baik dan menunjukkan budi pekerti yang mulia terhadap isteri.
5. Berlaku adil di antara isteri-isteri sekiranya suami mempunyai isteri lebih dari satu sebagaimana yang telah diterangkan di atas.

Kewajipan Isteri terhadap Suami

Jika seorang suami wajib menyempurnakan kewajipan terhadap isterinya, maka lebih-lebih lagi isteri wajib menyempurnakan kewajipan terhadap suaminya kerana ia berada di bawah pimpinan dan tanggungan suaminya, seperti firman Allah:

الرِّجَالُ قَوَّامُوْنَ عَلَى النِّسَآءِ.

Terjemahan:* *Kaum lelaki itu adalah pengurus dan pemimpin atas kaum perempuan.

(Al-Nisa', 4:34)

Antara kewajipan-kewajipan isteri ialah:

1. Memberi layanan dan taat setia kepada suaminya.
2. Memelihara kesucian dirinya setiap masa.

3. Jangan membuat sesuatu perkara yang besar atau mustahak tanpa keizinan suaminya sekalipun mengerjakan perkara sunat, lebih-lebih lagi keluar rumah.
4. Wajib menyempurnakan kemahuan suami yang halal pada bila-bila masa.
5. Sentiasa menunjukkan perasaan yang baik dan menghormati suaminya.

Bukti yang menunjukkan bagaimana mulianya isteri yang mematuhi suami ialah sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اُمِّ سَلَمَةَ اَنَّ النَّبِيَّ (ص) قَالَ اَيُّمَا امْرَاَةٍ مَاتَتْ وَزَوْجُهَا رَاضٍ عَنْهَا دَخَلَتِ الْجَنَّةَ.

Terjemahan: Ummu Salamah telah meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda: "Mana-mana perempuan yang mati walhal suaminya puas hati (rela) terhadapnya nescaya masuk syurga.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Abu Hurairah r.a. telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

اِذَا دَعَا الرَّجُلُ اِمْرَاَتَهُ اِلَى فِرَاشِهِ فَاَبَتْ اَنْ تَجِيْءَ فَبَاتَ غَضْبَانَ عَلَيْهَا لَعَنَتْهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تُصْبِحَ.

Terjemahan: Apabila seorang suami mengajak isterinya ke tempat tidur, tetapi ia enggan melayan ajakan suaminya, maka suami tidur dengan marah pada malam itu, nescaya malaikat mengutuknya sampai waktu subuh.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Nafkah Perbelanjaan

Yang dimaksudkan dengan nafkah perbelanjaan menurut hukum fiqh Islam ialah perkara-perkara yang wajib ke atas suami

untuk keperluan isteri dan khadamnya ataupun sebagai bapa terhadap anaknya dan sebaliknya, atau pemilik terhadap benda yang dimilikinya. Menanggung nafkah perbelanjaan menjadi tanggungjawab lelaki, firman Allah:

لِيُنْفِقْ ذُوسَعَةٍ مِّنْ سَعَتِهِ.

Terjemahan: Hendaklah orang yang mempunyai kemampuan membelanjakan menurut kemampuannya.

(Al-Falaq, 65:7)

Tanggungjawab memberi nafkah diberikan kerana memandangkan kelayakan-kelayakan yang ada pada lelaki itu lebih patut daripada kelayakan yang ada pada perempuan. Oleh yang demikian, kewajipan tanggungjawab yang besar seperti nafkah dan sebagainya adalah terserah kepada kaum lelaki sahaja. Sebab-sebab yang mewajibkan nafkah ada tiga:

1. Dengan sebab perkahwinan, maka wajib bagi suami memberi nafkah yang sepatutnya kepada isteri yang taat, termasuk orang yang berada di bawah jagaannya.
2. Dengan sebab keturunan, seperti bapa wajib menanggung anaknya, atau anak-anak terhadap ibu bapanya dan lain-lain lagi.
3. Dengan sebab pemilikan, seperti yang dimiliki oleh seseorang.

Perceraian (Talaq)

Pengertian talaq menurut bahasa Arab ialah melepaskan ikatan. Talaq menurut syara' ialah melepaskan ikatan perkahwinannya. Seperti yang telah dinyatakan di atas, tujuan perkahwinan ialah:

1. Untuk hidup dalam pergaulan dan semangat saling mengerti yang baik.
2. Satu cara yang amat mulia untuk mengatur rumahtangga dan melanjutkan zuriat keturunan.

3. Sebagai satu tali yang kuat untuk menjalinkan tali persaudaraan antara kaum kerabat lelaki (suami) dengan kaum kerabat perempuan (isteri), pertalian itu akan menjadi satu jalan yang membawa kepada semangat tolong menolong dan kerjasama antara satu sama lain.

Andainya dalam pergaulan antara suami isteri tidak dapat mencapai tujuan yang tersebut di atas malahan dalam pergaulan mereka sering terjadi perkelahian antara satu keluarga dengan keluarga yang lain disebabkan oleh hilang kepercayaan dan ketiadaan semangat permuafakatan antara suami isteri, maka dengan keadilan Allah s.w.t telah memberi jalan keluar dari segala kesulitan itu, iaitu melalui perceraian. Dengan adanya jalan perceraian ini terjadilah ketertiban dan tenteram antara kedua-dua pihak berpeluang untuk memilih teman hidup mereka yang lebih sempurna. Lebih-lebih lagi sekiranya perselisihan antara suami isteri itu menimbulkan permusuhan, menanam bibit kebencian antara kedua-duanya atau antara kedua-dua kaum kerabat mereka, hingga tidak ada jalan lain setelah segala ikhtiar untuk perdamaian tidak dapat dilaksanakan maka talaq adalah jalan yang paling munasabah untuk mereka.

Pada mulanya hukum talaq itu adalah makruh, ini berdasarkan kepada Hadith Rasulullah s.a.w.:

Terjemahan: Ibn 'Amar berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda "Perkara halal yang sangat dibenci Allah ialah perceraian."

Hukum talaq itu kadang-kadang menjadi wajib, sunat, haram (bid'ah) dan makruh. Ini terpulang kepada keadaan dan kedudukan masing-masing:

a) Wajib, apabila terjadi perselisihan antara suami isteri, sedangkan dua hakim yang menguruskan perkara kedua-duanya berpendapat bahawa mereka perlu bercerai.

b) Sunat, apabila suami tidak sanggup lagi memberi nafkah dengan cukup atau pihak isteri tidak mengawal kehormatan dan maruah dirinya.

c) Haram (Bid'ah) iaitu dalam dua keadaan: Menjatuhkan talaq pada masa isteri dalam haid dan menjatuhkan talaq pada masa ia suci yang telah disetubuhi pada masa suci itu.

Rukun Talaq

Talaq mempunyai tiga asas sebagai rukunnya:

1. Orang yang mencerai.
2. Orang yang dicerai.
3. Perkataan cerai.

Oleh sebab perkataan cerai yang membuktikan tujuan seseorang dan dapat dipegang untuk menunjukkan sesuatu maksudnya. Oleh itu sesuatu perceraian itu dikira dengan lafaz atau perkataan dan perkataan yang digunakan untuknya terbahagi kepada dua:

1. Perkataan terang (*Sarih*).
2. Perkataan tidak terang (*kinayah*).

Perkataan terang ialah suatu perkataan yang tidak menimbulkan keraguan yang menunjukkan perceraian atau memutuskan ikatan kahwin, seperti: "Aku ceraikan kamu", atau "engkau tercerai" dan sebagainya. Perkataan seperti itu adalah jelas dan tidak memerlukan niat.

Manakala perkataan tidak terang (sindiran) pula ialah perkataan yang masih diragukan, sama ada boleh diertikan cerai atau tidak, seperti kata suami "Berambuslah kamu dari rumahku!" dan sebagainya, jika diniat cerai, maka jatuhlah talaqnya dan jika tidak diniat cerai maka tidak jatuh talaqnya.

Kuasa Talaq di Tangan Lelaki dan Rahsianya

Kuasa talaq secara langsung terletak dalam tangan lelaki sahaja, walaupun tidak ada sebab tertentu, dan pihak isteri juga mempunyai kuasa talaq, walaupun secara tidak langsung seperti harus si isteri menuntut fasakh, menebus talaq dan sebagainya. Hikmat atau rahsia diberi kuasa penuh kepada lelaki kerana:

1. Lelaki mempunyai hak pemimpinan dan mengendalikan urusan rumahtangga dan ia bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan tersebut.

2. Pada amnya lelaki lebih cermat dan lebih tabah hati menempuh kesulitan daripada kaum perempuan dan ia lebih mempunyai pandangan yang jauh dalam urusan rumahtangga dan lain-lain perkara. Ini bukanlah bererti Islam memandang rendah darjah kaum perempuan bahkan mereka memegang peranan penting juga dalam masyarakat iaitu mengikut kadar yang patut dengan keadaan mereka.

Bilangan Talaq

Dalam Islam orang yang merdeka dibenarkan menceraikan isterinya sebanyak tiga kali. Talaq satu dan dua dibenarkan kembali semula (ruju') dalam masa 'idah dengan tidak perlu akad semula, tetapi apabila ditalaq tiga, maka tidaklah dibenarkan ruju' melainkan setelah jandanya berkahwin lain (telah disetubuhi dan telah diceraikan pula serta habis 'idahnya).

Rahsia Bilangan Talaq

Talaq dibenarkan hingga tiga kali mempunyai rahsia-rahsia yang baik:-

1. Untuk memberi kesempatan bagi kedua-dua pihak mencari jalan penyelesaian dan berbaik semula.
2. Seorang yang bercerai mungkin menyesal dan menyedari kesilapan-kesilapan yang telah berlaku, jadi dalam tempoh 'idah itu dapatlah mereka mencari jalan perdamaian dan menegakkan semula rumahtangga yang roboh dengan lebih kuat.
3. Tempoh talaq sebanyak tiga kali itu adalah memadai dan adil untuk menentukan keputusan yang muktamad dalam hubungan suami isteri.

Khulu' (Tebus Talaq)

Tebus talaq ialah talaq yang diucapkan oleh suami dengan pembayaran dari pihak isteri kepada suami.

Perceraian secara ini dibolehkan dalam Islam dengan disertai

beberapa hukum yang berbeza dengan talaq biasa. Firman Allah:

وَلاَ يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوْا مِمَّا ءاتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلاَّ أَنْ يَخَافَا أَلاَّ يُقِيْمَا حُدُوْدَاللهِ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلاَّ يُقِيْمَا حُدُودَاللهِ فَلاَ جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيْمَا افْتَدَتْ بِهِ.

Terjemahan: Dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu), kecuali jika keduanya (suami isteri) takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu khuatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah maka tidaklah mereka berdosa mengambil bayaran (tebus talaq) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu).

(Al-Baqarah, 2:229)

Tebus talaq boleh dilakukan sama ada pada waktu suci ataupun pada masa haid, kerana biasanya terjadi tebus talaq ini dari kehendak dan kemahuan isteri. Dengan adanya kemahuan ini menunjukkan bahawa si isteri rela walaupun menyebabkan ‘idahnya jadi panjang. Lebih-lebih lagi menurut kebiasaannya tebus talaq tidak berlaku kecuali disebabkan perasaan perempuan yang tidak dapat bertahan lagi. Perceraian cara khulu’ ini menyebabkan bekas suami tidak dapat ruju‘ semula dan tidak boleh menambah talaq ketika ‘idah, hanya dibolehkan kahwin semula dengan akad yang baru.

Sebahagian ulama membolehkan tebus talaq sama ada terjadi dengan keinginan dari pihak isteri atau dari pihak suami kerana tersebut dalam ayat di atas, “Tidak ada halangan atas kedua-duanya.” Tetapi sebahagian ulama pula berpendapat bahawa tidak boleh tebus talaq melainkan apabila keinginan bercerai itu datang dari pihak isteri, kerana ia benci kepada suaminya dan bukan disebabkan kesalahan suami, sebab kalau tebus talaq itu dari kehendak suami atau kerana tekanan dari suami bererti paksaan kepada isteri untuk mengorbankan hartanya untuk keuntungan suami dan kalau suami yang ingin bercerai atau suami benci kepada isterinya,

ia dapat bertindak secara perceraian biasa, kerana hak talaq itu adalah di bawah kuasa suami. Pendapat ini berdasarkan firman Allah:

وَإِنْ أَرَدتُّمُ اسْتِبْدَالَ زَوْجٍ مَّكَانَ زَوْجٍ وَءَاتَيْتُمْ إِحْدَاهُنَّ قِنطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا أَتَأْخُذُونَهُ بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا. وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنكُم مِّيثَاقًا غَلِيظًا.

Terjemahan: Dan jika kamu hendak mengambil isteri (baru) menggantikan isteri (lama) yang kamu ceraikan sedang kamu pun telah memberikan kepada seorang di antaranya (isteri yang dicerai itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikit pun dari harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (menyebabkan) dosa yang nyata. Dan bagaimana kamu (tergamak) mengambilnya kembali (pemberian itu) pada hal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu sama lain dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telah pun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu.

(Al-Nisa', 4:20-21)

Ruju' (Kembali Semula kepada Nikah)

Ruju' atau *Al-Raj'ah* ertinya mengembalikan semula kepada nikah terhadap perempuan yang telah diceraikan (tidak talaq tiga) dalam masa 'idahnya, dengan syarat yang tertentu.

Rukun ruju' ada tiga perkara:

1. Orang yang meruju'.
2. Orang yang diruju'.
3. Perkataan ruju'.

Syarat ruju' adalah seperti berikut:

1. Ada perkataan yang menunjukkan ruju'.
2. Dilakukan ruju' itu dengan pilihan yang bebas dari seorang mukallaf.

3. Yang diruju' itu adalah isterinya yang telah dicerai dan telah disetubuhinya.
4. Tertentu perempuan yang diruju'kan dan tidak dalam masa murtadnya.
5. Tidak perceraian dengan sebab fasakh dan tidak dengan sebab tebus talaq.
6. Tidak perceraian talaq tiga dalam tempoh 'idahnya belum habis lagi.

Ela'

Ela' ertinya sumpah suami, bahawa dia tidak akan mencampuri isterinya dalam masa yang lebih dari empat bulan, atau tidak menyebutkan masa. Apabila seseorang bersumpah seperti sumpah yang tersebut itu, hendaklah ditunggu hingga empat bulan. Kalau dia kembali semula kepada isterinya sebelum sampai empat bulan dia diwajibkan membayar denda sumpah (kifarah) sahaja. Tetapi kalau sampai empat bulan dia tidak kembali semula dengan isterinya, maka hakim berhak menyuruh suami memilih antara dua perkara: Membayar kifarah sumpah serta kembali semula kepada isterinya atau menceraikan isterinya. Sekiranya suami itu tidak mahu menjalankan salah satu daripada dua perkara tersebut, hakim berhak memaksa suami menceraikan isterinya.

Sebahagian ulama berpendapat, apabila sampai empat bulan suami tidak kembali (campur) dengan sendirinya kepada isteri itu, jatuh talaq bain dan tidak perlu dikemukakan kepada hakim. Firman Allah:

لِلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِن نِّسَآئِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ فَإِن فَآءُوْ فَإِنَّ اللهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ. وَإِنْ عَزَمُوْا الطَّلَٰقَ فَإِنَّ اللهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ.

Terjemahan: Kepada orang-orang yang bersumpah tidak akan mencampuri isteri-isteri mereka, diberikan tempoh empat bulan. Setelah itu jika mereka kembali (mencampurinya), maka sesungguhnya Allah Amat Pengampun, lagi Amat Mengasihani. Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talaq (menceraikan isteri), maka

sesungguhnya Allah Amat Mendengar, lagi Amat mengetahui.

(Al-Baqarah, 2:226-227)

Cara kembali dari sumpah ela' yang tersebut dalam ayat di atas ada tiga pendapat:

1. Kembali dengan mencampuri isterinya itu bererti menarik balik sumpah dengan melanggarnya (memperbuat) suatu yang menurut sumpahnya tidak akan diperbuatnya apabila habis masa empat bulan ia tidak mencampuri isterinya itu, maka dengan sendirinya jatuh talaq bain kepada isterinya.
2. Kembali dengan bercampur jika tidak ada halangan, tetapi jika ada halangan boleh dengan lisan atau dengan niat sahaja.
3. Cukup kembali dengan lisan, baik ketika berhalangan atau tidak. Ela' ini pada zaman jahiliyah berlaku menjadi talaq, kemudian diharamkan oleh Islam.

'Idah

'Idah ertinya suatu masa rehat yang tertentu bagi perempuan yang diceraikan oleh suami. Seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya wajib ber'idah dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh syara'. Dalilnya firman Allah:

وَالْمُطَلَّقَتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَٰثَةَ قُرُوٓءٍ.

***Terjemahan:** Perempuan-perempuan yang diceraikan itu wajiblah ia ber'idah selama tiga kali suci.*

(Al-Baqarah, 2:228)

Hikmat 'Idah

Untuk perempuan yang telah bercerai dengan suaminya mustahak mempunyai 'idahnya kerana beberapa sebab di antaranya:

1. Untuk menentu dan meyakinkan rahimnya bersih daripada benih suaminya.

2. Menunjukkan kedudukan atau rasa hormat kepada suaminya dalam tempoh masa yang tertentu.
3. Untuk memberi peluang bagi kedua-duanya berbaik semula bagi perceraian yang tidak diceraikan dengan talaq tiga.

Perbezaan Tempoh 'Idah

'Idah bagi perempuan yang bercerai adalah berbeza mengikut keadaan masing-masing.

1. 'Idah disebabkan perceraian mati.
2. 'Idah disebabkan perceraian hidup itu tidak wajib melainkan bila sudah disetubuhinya iaitu:
   a) Perempuan yang sedang mengandung 'idahnya hingga melahirkan anak.
   b) Perempuan yang tidak mengandung tetapi ada haid maka 'idahnya tiga kali suci.
   c) Perempuan yang tidak mengandung dan tidak haid atau telah putus haidnya maka 'idahnya selama tiga bulan. Dalam istilah Arab perempuan yang telah putus haid itu dinamakan *aisah.*

Manakala perempuan yang bercerai dengan kematian suaminya maka wajib ber'idah selama empat bulan sepuluh hari.

Hak-hak Perempuan dalam 'Idah

Perempuan-perempuan yang berada dalam 'idah mempunyai hak-hak yang tertentu dan wajib diberikan oleh bekas suaminya iaitu:

1. Perempuan yang di dalam *'idah Raj'iyah* berhak mendapat tempat tinggal dan perbelanjaan yang berpatutan.
2. Perempuan yang ditalaq tiga tetapi tidak mengandung berhak mendapat tempat tinggal sahaja.
3. Perempuan yang ditalaq tiga dan sedang mengandung berhak mendapat tempat tinggal dan perbelanjaan nafkah.
4. Perempuan yang bercerai dengan sebab kematian walaupun mengandung berhak mendapat tempat tinggal sahaja.

XI

KEDUDUKAN WANITA SEBELUM DAN SESUDAH ISLAM

Masalah kedudukan wanita dalam perundangan Islam adalah masalah yang kerap kali disalahertikan oleh setengah-setengah golongan dengan cuba menimbulkan satu dua persoalan yang agak kontroversi, lalu dikatakan Islam tidak memberi tempat yang sewajarnya kepada wanita dalam perundangannya. Sedangkan masalah wanita dalam perundangan Islam tidak sekali-kali boleh dilihat dari satu sudut sahaja atau dari satu dua masalah yang ditimbulkan, masalah mestilah dilihat dari segenap aspek dan liku-liku serta dinilai dari keseluruhan perundangan itu sendiri, di samping membandingkannya dengan beberapa perundangan yang lain, barulah akan diketahui di mana letaknya taraf wanita dalam perundangan Islam.

Untuk meninjau dan menilai kedudukan wanita dalam perundangan Islam, kita agak sukar untuk mengukur apakah yang diberi dan dibela oleh Islam untuk kaum wanita, tanpa mengetahui dan meneliti taraf dan kedudukan wanita (pada umumnya) dalam perundangan-perundangan yang lain serta dalam perundangan-perundangan yang wujud sebelum kedatangan Islam dan perundangan-perundangan yang diciptakan selepas kedatangan Islam. Dengan mengetahui sepintas lalu (sekurang-kurangnya) kedudukan wanita dalam perundangan-perundangan tersebut akan jelaslah apa yang diberikan oleh Islam untuk wanita. Apakah undang-undang yang ada dalam Islam merupakan penghinaan kepada wanita, ataupun

kehormatan dan kemuliaan yang tidak ada tolok bandingnya dalam perundangan-perundangan lain di dunia.

Wanita dalam Perundangan Greek

Dalam sejarah tamadun manusia, tamadun Greek dianggap sebagai suatu tahap tamadun yang boleh dibanggakan pada zaman itu. Namun begitu wanita ketika itu menurut Prof. Dr. Mustafa al-Siba'i dalam kitabnya *al-Mar'atu baina al-Fiqh wa al-Qanun* halaman 13 menyebutkan bahawa wanita dikurung di dalam rumah, tidak diberi peluang langsung untuk belajar dan dihina serta dianggap khadam yang najis.

Wanita juga boleh dijual beli seperti barang-barang dagangan. Tidak mempunyai hak untuk membantah. Malahan tidak ada apa-apa hak dalam hidup selain dari makan minum, tempat tinggal dan pakaian. Pada kemuncak tamadun Greek pula wanita dijadikan alat untuk memuaskan nafsu lelaki, model-model perempuan bogel dipopularkan dan merebaklah keruntuhan moral yang berakhir dengan keruntuhan tamadun tersebut.

Wanita dalam Perundangan Rumawi

Wanita dalam perundangan Rom lebih menyedihkan. Pada masa muda remaja, wanita dikongkong di bawah kekuasaan penjaganya sama ada bapa atau datuknya atau sebagainya, yang diistilahkan sebagai *'Peter Families'*. Kekuasaan seseorang penjaga tidak dihadkan, malahan boleh menghalau wanita itu keluar rumah atau menjualnya, tanpa pembelaan undang-undang untuk mereka. Lebih dari itu, hak hidup bagi seorang wanita boleh ditentukan oleh penjaganya. Demikian menurut Professor Dr. Ali Abdul Wahid Wafi dalam kitabnya: *"Al-Mar'atu fi al-Islam"*. Selepas berkahwin wanita berubah milik dari bapanya kepada suaminya dan terputuslah hubungan dengan keluarga asalnya. Suami pula berhak mengisikan tempat yang telah dikosongkan oleh bapanya, dalam tindak-tanduknya terhadap wanita itu. Demikian ditegaskan oleh V.Girad dalam bukunya *"Droit Romain"* halaman 180.

Keadaan yang menyedihkan kaum wanita ketika itu telah cuba diselamatkan pada zaman Justinian (yang mati pada 565 M.) dengan suatu undang-undang yang dikenal dengan *'Justinian Law'* tetapi

tidak berjaya mengubahkan keadaan kecuali dalam beberapa hal sahaja.

Sebelum *'Justinian Law'* itu terdapat suatu undang-undang yang dikenal dengan istilah Arab *Qawanin al-Alwah al-Athna 'asyar* undang-undang dua belas. Dalam undang-undang tersebut disentuh tentang kelayakan mendapat hak sivil. Kelayakan tersebut hendaklah dengan tiga syarat.

1. Cukup umur.
2. Siuman akal.
3. Lelaki.

Jelaslah di sini bahawa wanita pada kedua-dua zaman tersebut berada dalam keadaan yang menyedihkan.

Wanita dalam Perundangan Yahudi

Dalam kitab *Safr al-Khuruj* kitab agama Yahudi perkara 7-12 menjelaskan:

> *Terjemahan: Seseorang bapa yang susah hidupnya boleh menjual anak perempuannya bersama dengan kumpulan hamba bagi mengatasi kemiskinan.*
>
> *(Terjemahan Safr al-Khurhj 7-12)*

Dalam kitab suci agama Yahudi yang dikenal dengan nama *"Thalmud"* ada dicatat: "Tidak boleh seorang perempuan Yahudi mengadu kepada sesiapa jika didapati bahawa suaminya telah melakukan hubungan seks dengan perempuan lain walaupun dalam rumah mereka sendiri." Di muka yang sama dalam kitab *Thalmud* itu juga terdapat kenyataan:

> *Terjemahan: Lelaki Yahudi boleh melakukan apa sahaja kepada isterinya, ia boleh menikmatinya seperti mana dia menikmat seketul daging yang dibeli di pasar sama ada dengan merendam, membakar atau apa sahaja yang digemarinya, atau melemparkannya sahaja.*

Professor Dr. Mustafa al-Sibai'i dalam kitabnya yang tersebut tadi, halaman 19 menyebut, "Anak-anak perempuan Yahudi tidak

boleh mendapat sebarang pusaka daripada harta yang boleh dipindahkan seperti wang ringgit, emas perak jika ada di kalangan keluarganya itu seorang anak lelaki, meskipun emas perak yang ditinggalkan itu berpikul-pikul."

Jika harta benda yang ditinggalkan itu harta benda tetap seperti tanah, rumah dan sebagainya, maka perempuan-perempuan itu tidak boleh menerima pusaka, cuma boleh menerima belanja hidup dari si lelaki yang menguasai pusaka itu.

Dalam Kitab Taurat terdapat kenyataan (terjemahan), "Wanita-wanita adalah lebih bahaya atau lebih bala daripada lelaki. Sejahat-jahat lelaki dan sekurang-kurangnya seorang yang 'baik' dari satu ribu orang, sedangkan bagi perempan tidak akan wujud perkara seperti itu."

Wanita dalam Perundangan Barat

Dalam undang-undang Inggeris sehingga tahun 1805 seorang suami diharuskan menjual isterinya. Undang-undang tersebut telah menetapkan harga minima bagi seseorang wanita ialah *6 pence*. Pernah berlaku pada suatu masa selepas undang-undang itu digantikan, seorang Inggeris dalam tahun 1931 telah menjual isterinya dengan harga *500 paun*. Peristiwa ini telah dibawa ke mahkamah. Peguam lelaki tersebut dalam pembelaannya telah menyebut bahawa perbuatan lelaki itu tidak salah kerana ternyata wujud undang-undang Inggeris yang mengharuskannya pada suatu masa yang lalu.

Pendakwa telah berhujah dengan mengatakan: Walaupun benar undang-undang yang disebut oleh peguam bela tersebut, tetapi sebenarnya undang-undang itu telah dimansuhkan dalam tahun 1805. Akhirnya lelaki tadi telah didenda dan dipenjara 10 tahun.

Dalam majalah *"Hadrat al-Islam"* (Tamadun Islam) keluaran tahun 1916 ada memuatkan kisah seorang Itali yang menjual isterinya kepada seorang lelaki dengan bayaran secara beransur. Apabila pembeli tersebut enggan menjelaskan baki harga perempuan tersebut, maka berlakulah pergaduhan yang menyebabkan pembeli itu terbunuh.

Apabila berlaku Revolusi Perancis perisytiharan mengharamkan penindasan sesama manusia dibuat. Tetapi tidak termasuk penindasan terhadap wanita. Dalam undang-undang sivil Perancis ketika itu ada dinyatakan bahawa wanita tidak layak mendapat hak sivil

sepenuhnya. Tidak boleh menjual beli dan membuat kontrak tanpa keizinan penjaganya. Hal tersebut berlanjutan hingga tahun 1938.

Prof. Doktor Ali Abdul Wahid Wafi di dalam kitabnya halaman 20 berkata, "Keadaan wanita di Perancis amat menyedihkan hingga ke zaman akhir-akhir ini, malah hingga sekarang masih tidak terbela sepenuhnya. Mereka disisihkan dari undang-undang sebagai tidak layak mendapat sepenuhnya hak sivil."

Dalam undang-undang Sivil Perancis (Code Napoleon) perkara 217 ada tercatat, "Perempuan yang telah berkahwin, meskipun perkahwinannya diasaskan di atas sesuatu persetujuan pengasingan hak milik harta suami isteri, namun begitu tidaklah bererti membolehkan isteri tersebut menghebah hartanya atau memindah milik atau menggadaikannya, atau membelikan sebarang harta baru tanpa disertai dengan suaminya di dalam kontrak atau persetujuan suami tersebut secara bertulis."

Satu hal yang lebih ketara, apabila seseorang perempuan telah berkahwin, maka secara automatis namanya dan keluarganya hilang, ditukarkan dengan nama baru yang dikenal sebagai Mrs........... (nama suaminya). Dengan kehilangan itu akan hilang namanya sendiri, dan nama keluarganya. Semuanya larut dalam nama suaminya.

Wanita dalam Islam

Dari gambaran sekilas pandang, seperti yang digambarkan di atas, ternyata betapa rendahnya kedudukan wanita dalam berbagai-bagai masyarakat manusia di dunia. Oleh kerana keadaan itu sengaja dibuat-buat oleh manusia dan merupakan penganiayaan manusia terhadap manusia cuma berlainan jenis, maka Allah s.w.t. telah mengutus Rasul-Nya Muhammad s.a.w. untuk memperbaiki kepincangan dan menempatkan wanita ke taraf yang sewajarnya. Muhammad s.a.w. datang dengan ajaran yang benar dari Allah s.w.t. memperbetulkan yang salah dan mengangkatkan apa-apa yang sepatutnya diangkat, meletakkan wanita dalam perundangan Islam kena pada tempat dan keadaannya. Al-Qur'an dan Hadith telah menentukan kedudukan yang sewajarnya bagi wanita dan menjamin hak-haknya supaya tidak disalahertikan oleh kaum lain.

Persamaan Taraf

Kaum wanita pada umumnya adalah sama tarafnya dengan

kaum lelaki, masing-masing mempunyai keistimewaan tersendiri. Tidak dibenarkan cemuh-mencemuh antara satu sama lain, seperti yang berlaku dalam perundangan yang sebelumnya, seperti yang dibentangkan sebelum ini. Malahan ada ketikanya undang-undang Islam memperlihatkan kaum wanita, khususnya ibu-ibu, lebih mulia dari kaum lelaki, jika lebih taqwanya. Firman Allah:

يَاأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوْبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوْا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَاللهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللهَ عَلِيْمٌ خَبِيْرٌ.

Terjemahan: Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari laki-laki dan perempuan dan dijadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

(Al-Hujurat, 49:13)

إِنِّي لاَ أُضِيْعُ عَمَلَ عَامِلٍ مِنْكُمْ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ بَعْضُكُمْ مِنْ بَعْضٍ.

Terjemahan: Sesungguhnya Aku tidak mensia-siakan amal orang-orang yang beramal di antara kamu, baik laki-laki atau perempuan, (kerana) sebahagian kamu adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain.

(Al-'Imran, 3:195)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

كُلُّكُمْ لِآدَمَ وَآدَمُ مِنْ تُرَابٍ لاَ فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَىٰ أَعْجَمِيٍّ وَلاَ أَبْيَضَ عَلَىٰ أَسْوَدَ إِلاَّ بِالتَّقْوَىٰ.

Terjemahan: Kamu semua berasal dari Adam. Adam dari tanah. Tidak ada kelebihan bagi seorang Arab dengan yang bukan Arab, bagi seorang yang berkulit putih dengan yang berkulit hitam melainkan ketaqwaan kepada Allah sahaja yang berbeza.

Sabda Rasulullah lagi seperti yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad, Abu Daud, al-Tarmizi dan lain-lain.

النِّسَآءُ شَقَائِقُ الرِّجَالِ.

Terjemahan: Wanita-wanita itu adalah sebahagian daripada lelaki.

Kelebihan-kelebihan Khusus

Dalam beberapa hal, Islam meletakkan kaum wanita, khususnya ibu-ibu, ke suatu tempat yang lebih mulia dari kaum bapa. Dalam sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan Muslim (terjemahan), Seorang lelaki telah mengadap Rasulullah s.a.w. lalu bertanya, "Siapakah ya Rasulullah yang paling berhak untuk saya dampingi?" Jawab Rasulullah, "Ibumu". Bertanya lagi lelaki itu, "Kemudian siapa lagi?" Jawabnya, "Ibumu". Siapa lagi tanyanya, "Ibumu" jawab Rasulullah. Kemudian, "Siapa lagi?" Baru diberi jawapan oleh Rasulullah s.a.w., "Bapamu". Oleh sebab itu Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud, "Syurga itu di bawah telapak kaki ibu."

Tanggungjawab Bersama

Islam telah memperbetulkan anggapan salah sesetengah manusia yang terdapat dalam agama yang terdahulu, yang masih dipegang hingga hari ini yang mengatakan kerana kesalahan dan dosa perempuanlah (Hawa) maka semua kaum lelaki terpaksa menanggung dosa. Malahan ada anggapan yang mengatakan perempuan itu adalah makhluk yang suka membuat angkara sehingga lelaki terpaksa menanggung beban, padahal yang sebenarnya tidak begitu. Firman Allah (terjemahan):

Syaitan telah menggoda kedua-duanya (Adam dan Hawa) sehingga mereka berdua diusir dari syurga.

(Al-Baqarah, 2:36)

Di sini jelas menunjukkan bahawa kesalahan pertama yang dilakukan oleh manusia adalah kesalahan antara lelaki dan perempuan yang tidak boleh dipersalahkan satu pihak sahaja. Semuanya adalah tanggungjawab bersama.

Konsep Ganjaran Berdasarkan Amalan

Dalam Islam wanita sebenarnya berdiri di atas kakinya sendiri, yang akan diperhitungkan amal baktinya mengikut tenaga usahanya. Mereka berhak mendapat hak yang diperolehi oleh lelaki tanpa dibeza-bezakan, sesuai dengan keadaan fizikalnya.

Allah berfirman di dalam al-Qur'an (terjemahan):

> *Siapa yang berbuat baik sama ada lelaki atau perempuan dengan syarat mereka beriman, maka sesungguhnya akan diberikan kepadanya kehidupan yang bahagia dan sesungguhnya kami beri balasan pahala kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan."*
>
> *(Al-Nahl, 97)*

Firman Allah lagi (terjemahan):

> *Sesungguhnya lelaki dan perempuan yang muslim, lelaki dan wanita yang mukmin, lelaki dan wanita yang tetap di dalam ketaatannya, lelaki dan wanita yang benar, lelaki dan wanita yang sabar, lelaki dan wanita yang khusyuk, lelaki dan wanita yang bersedekah, lelaki dan wanita yang berpuasa, lelaki dan wanita yang memelihara kehormatannya, lelaki dan wanita yang banyak menyebut nama Allah; Allah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar.*
>
> *(Al-Ahzab, 33:35)*

Hak-hak Sivil

Islam telah memberikan hak sivil kepada kaum wanita sesuai dengan tabiat semula jadi mereka sebagai wanita dan telah meletakkan hak-hak tersebut di tempat yang betul. Kaum wanita diberi kedudukan tersendiri dalam menentukan nasibnya. Tidak boleh dihina atau diperlakukan seperti barang jualan. Mereka berhak atas diri mereka sendiri.

Perempuan yang telah sampai umur baligh berhak atas dirinya dalam segala hal sivil. Perkahwinan adalah menurut kemahuannya. Dalam mazhab Hanafi wanita yang baligh sama ada masih perawan

atau telah janda tidak boleh dikahwinkan melainkan dengan kemahuannya. Malahan ia sendiri boleh berkahwin dengan siapa sahaja yang dia sukai.

Dalam mazhab Syafi'i, perempuan yang cukup umur jika dikahwinkan oleh walinya (bapa atau datuknya atau sebagainya) dengan seorang yang tidak setara dengannya, maka perempuan itu berhak membubarkan perkahwinan itu melalui kadi. Manakala seseorang perempuan yang telah janda sama ada kecil atau besar ia berhak atas dirinya sendiri, dan tidak ada siapa yang boleh memaksanya berkahwin.

Perlu juga disebut bahawa wanita-wanita dalam perundangan Islam apabila dikahwinkan, tidak sekali-kali akan bertukar coraknya, khususnya namanya, seperti yang berlaku dalam masyarakat Eropah yang ditiru oleh perempuan-perempuan Islam hari ini dengan menghilangkan namanya sendiri digantikan dengan menjadi *Mrs. (so and so)*. Wanita-wanita Islam tetap dengan nama asalnya, tanpa perlu digantikan dengan nama suami yang hanya mendatang dalam hidupnya. Tidakkah jelas bagi wanita Islam kini contoh yang telah ditunjukkan oleh wanita yang terdahulu, khususnya isteri-isteri Rasulullah s.a.w. sendiri, seperti Khadijah, 'Aisyah, Hafsah dan sebagainya telah berkahwin dengan seorang yang paling mulia, paling tinggi darjat taqwanya. Paling dihormati, iaitu Muhammad s.a.w. tetapi tidak mengubah namanya. Dalam sejarah tetap terkenal dengan Khadijah binti Khuwailid, 'Aisyah binti Abu Bakar, Hafsah binti Umar dan sebagainya. Itulah realiti taraf wanita dalam Islam bergantung kepada keperibadiannya. Tidaklah kepada keperibadian suaminya seperti yang terdapat sekarang.

Tindakan setengah-setengah pejuang *"woman's lib"* di barat dan lain-lain masih menjadi tanda tanya apabila mereka dengan rela menghilangkan nama sendiri yang ditukar kepada nama suami dengan menambahkan *Mrs.* di hujungnya sedangkan mereka tidak mahu dianggap rendah dan dibeza-bezakan dalam hidupnya. Tidakkah dengan hilangnya nama dan nama keturunan, sebenarnya telah merendahkan darjat yang seharusnya dipelihara? Dan apabila bertukar suami bertukarlah pula nama. Seolah-olah diri wanita itu hanya wujud dan teguh bila tidak bersuami. Apabila telah bersuami telah larutlah nama dan hilanglah keturunannya. Dalam Islam seseorang itu hendaklah dipanggil mengikut bapanya.

Selain soal perkahwinan dan taraf wanita dalam perkahwinan tersebut, Islam telah memberikan hak-hak sivil kepada perempuan sesuai dengan sifat semula jadinya Wanita yang telah genap umur yang diistilahkan dengan *"baligh"* boleh bertindak sendiri dalam urusan jual beli. Mengadakan sebarang kontrak, memiliki harta dan membelanjakannya, bertukar milik dan sebagainya, 'berkongsi dalam urusan-urusan hidup, memberi, menghadiah, atau mendermakan hartanya menurut sesuka hatinya tanpa boleh diganggu gugat oleh keluarganya, walaupun bertaraf wali, asalkan tindakannya itu tidak berlawanan dengan hukum-hukum syara'.

Dengan fakta-fakta yang ringkas di atas dapatlah disimpulkan bahawa wanita dalam perundangan Islam mendapat hak dalam berbagai-bagai bidang antaranya:

1. Dalam bidang nilai kemanusiaan Islam tidak membezakan antara lelaki dan wanita. Kedua-duanya adalah sama nilainya di hadapan Allah dan pada pandangan manusia umumnya.

2. Dalam bidang sosial wanita adalah dianggap oleh Islam sebagai anggota masyarakat yang sama-sama berhak dan sama-sama dalam undang-undang sama ada diberi ganjaran yang baik dan jahat mendapat balasan yang setimpal. Manakala perkara-perkara yang terdapat perbezaan sedikit sebanyak dalam hak-hak tertentu sememangnya sesuai dengan sifat semulajadi berdasarkan, apabila hak didapati, maka ada pula kewajipan terhadap yang diberikan.

3. Dalam bidang hak millik, wanita boleh bertindak bebas dalam memiliki hartanya, membelanjakan hartanya dan sebagainya. Berhak menentukan nasibnya dalam beberapa perkara seperti yang telah diterangkan.

Hakikat Perbezaan antara Lelaki dan Wanita dalam sebahagian Kecil Undang-undang Islam

Dr. R. Biot dalam bukunya berbahasa Perancis yang telah diterjemahkan ke Bahasa Arab (dalam buku itu, halaman 8) antara lain telah menegaskan:

Adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan bahawa

kesempurnaan hidup manusia seluruhnya perlulah menghala kepada menyuburkan perbezaan jenis manusia yang mantap. Agar lelaki mestilah menjaga sifat-sifat kelakian mereka supaya menjadi lelaki yang sebenarnya. Dan perempuan hendaklah menjaga keistimewaan agar terjamin kewanitaannya supaya menjadi perempuan yang sebenarnya. Tanpa pengkhususan itu hidup ini seluruhnya akan tergugat.

Islam terlebih dahulu menyedari hakikat manusia yang berbeza jenis kerana Allah s.w.t. telah menentukan hak-hak tersebut dan masing-masing mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Allah telah menjadikan manusia lelaki dan perempuan, tiap-tiap jenis itu memerlukan kepada jenis yang lain. Kejadian kedua-duanya berbeza dari segi fizikal tenaga, emosi dan sebagainya. Dengan perbezaan-perbezaan yang menjadi realiti itu masing-masing memainkan peranan dan tanggungjawab yang berlainan dan tersendiri sesuai dengan sifat semula jadinya.

Apabila manusia diwujudkan dalam bentuk yang berlainan maka dengan sendirinya mereka akan memainkan peranan yang berbeza. Keinginan yang tersendiri dan kewajipan yang tersendiri pula. Dari perbezaan-perbezaan manusia itulah Islam telah menetapkan perundangan yang sesuai dengan sifat-sifat manusia itu. Apabila Islam menentukan dalam undang-undang bahawa wanita hanya mendapat separuh daripada habuan lelaki dalam harta pusaka, maka perbezaan itu disesuaikan dengan kewajipannya. Wanita tidak berkewajipan membelanjakan hartanya walaupun kepada dirinya sendiri sekiranya dia mempunyai wali. Sedangkan lelaki diwajibkan membelanjakan harta untuk orang-orang di bawah tanggungannya. Oleh itu hak lelaki lebih dari perempuan berdasarkan kewajipannya itu.

Dalam perkahwinan, lelaki tidak berhak mendapat sebarang bayaran sebaliknya ia berkewajipan memberi mahar kepada perempuan. Dengan hak yang diperolehi oleh lelaki tersebut maka tentulah ada kewajipannya. Islam telah menetapkan kewajipan, lelaki mestilah mencari nafkah untuk kepentingan rumahtangga, berdasarkan firman Allah (terjemahan):

Lelaki lebih bertenaga dari perempuan, sesuai dengan

kejadian Allah yang melebihkan sebahagian yang lagi dan memberi nafkah mereka itu dari harta-harta mereka.

(Al-Nisa', 4:41)

Hak dan Kewajipan Wanita dalam Islam dan Masalah Semasa

Persoalan wanita dengan hak-hak yang mereka capai, kedudukan dan kegiatan mereka pada abad ke-20 ini telah menjadi perbincangan yang hangat terutama di kalangan negara-negara dan masyarakat Islam yang sedang membangun dan maju seperti Malaysia, Indonesia, Pakistan dan negara-negara Arab. Di kalangan negara-negara Eropah, Amerika, Jepun, Russia, China dan sebagainya persoalan ini tidaklah begitu hangat kerana mereka telah menyamakan atau hampir menyamakan dengan hak-hak, kedudukan dan kegiatan kaum lelaki, tetapi perkara yang hendak dibincangkan di sini ialah patutkah negara dan masyarakat Islam yang sedang membangun meniru atau mencontohi langkah-langkah negara barat dan sebagainya yang telah memberi hak begitu luas kepada wanita dalam segala kegiatan? Apakah kebebasan wanita-wanita di Eropah dan sebagainya itu benar-benar dan dapat memberi sumbangan kepada kemajuan dan keamanan di dunia atau sebaliknya? Dan adakah hak-hak wanita yang diberi oleh Islam belum cukup untuk membangun kemajuan yang tulen? Inilah pertanyaan yang harus diberi jawapan dengan tegas, sebab tujuan kita ialah mencari kebenaran dan mencari prinsip-prinsip yang sihat bagi pembangunan dan kesejahteraan umat manusia seluruhnya.

Dunia sekarang sangat berbeza dengan dunia 100 tahun yang lalu, kerana wujudnya kemajuan perhubungan kenderaan, sains dan teknologi yang menjadikan ratusan negara di dunia sekarang sebagai sebuah masyarakat. Peristiwa yang berlaku di Casablanca dan Montreal turut diketahui dan dirasai di Sydney, atau gejala-gejala yang berlaku di Afrika turut diketahui dan dirasai pengaruhnya di Malaysia begitulah sebaliknya.

Setelah kaum wanita di barat dan negeri-negeri yang sealiran dengannya keluar bekerja mencari saraan hidup, pihak kapitalis mengambil peluang menggunakan tenaga wanita di kilang-kilang perusahaan dan perindustrian, kerana tenaga mereka lebih murah

daripada tenaga laki-laki sedangkan laki-laki meminta gaji yang lebih.

Wanita barat dan wanita timur menuntut hak demokrasi dan hak persamaan dengan laki-laki yang terpenting sekali ialah persamaan gaji untuk makan dan hidup, apabila mereka tidak berjaya dalam tuntutan mereka lalu mereka meminta menuntut menjadi wakil di parlimen supaya mereka mempunyai suara dan pengaruh yang berkesan demi melaksanakan tuntutan persamaan itu.

Di samping itu hendaklah diinsafi bahawa Barat dan juga separuh negeri di timur mengutamakan perempuan-perempuan dalam bidang-bidang pekerjaan yang tertentu terutama di gedung-gedung perdagangan, kedai-kedai solek dan pakaian, di kedutaan, pejabat-pejabat konsul, di gedung-gedung akhbar, radio dan televisyen, di syarikat-syarikat iklan, bank-bank dan sebagainya mempunyai tujuan udang di sebalik batu, iaitu hendak melariskan perniagaan dengan menggunakan naluri kejantinaan yang murah, hakikat ini sama dengan sikap setengah-setengah akhbar atau majalah memuatkan gambar-gambar perempuan yang jelita atau gambar-gambar yang bercorak seks guna melariskan akhbar dan majalahnya, inilah taktik mereka yang licin dan murah yang harus disedari oleh wanita-wanita Islam di dunia hari ini. Perjuangan orang-orang barat dan setengah-setengah golongan di negara kita untuk membuat revolusi mental dan membebaskan kaum wanita Islam tidak banyak berdasarkan motif murni yang kemanusiaan yang tulen, tetapi banyak dorongan yang tidak sihat yang merendahkan taraf kaum wanita sendiri.

Negara-negara di negara komunis pula telah mencanangkan slogan yang besar iaitu menyamakan laki-laki dan perempuan dalam segala bidang, persamaan yang ditujukan itu ialah tentang pekerjaan dan gaji kerana apabila ada persamaan dalam kerja dan gaji bermakna perempuan telah bebas dan kaum wanita telah berjaya mendapat hak mereka sebab pokok persoalan hidup menurut tradisi komunis ialah wang atau benda semata-mata, segala dorongan manusia dan segala nilai kemanusiaan semuanya terangkum dalam kebendaan.

Wanita Islam hendaklah menyedari bahawa hak mereka telah dijamin oleh Islam yang suci sejak 14 abad yang lalu seperti yang diterangkan di atas, tetapi Islam mengutamakan perempuan dalam

setengah-setengah bidang pekerjaan yang manusia mempunyai matlamat yang sangat besar dan tinggi iaitu mencari kebahagiaan di dunia dan di akhirat dengan mematuhi segala suruhan dan menjauhi segala larangan Allah s.w.t. supaya mendapat kesejahteraan dan keredaan Allah s.w.t. dan matlamat ini lebih besar, lebih murni daripada harta benda dan kebendaan, tujuan kehidupan lebih mulia dan lebih tinggi daripada makan minum sahaja. Jika diutamakan konsep kehidupan untuk ekonomi atau makan minum bererti nilai hidup itu sendiri menjadi rendah.

Tradisi Barat dan Bahayanya

Kita mesti memikirkan dengan sematang-matangnya bahawa setengah-setengah golongan yang membuat kempen memperjuangkan hak-hak wanita telah terpengaruh dengan tradisi barat yakni mahu moden mahu mengejar kemajuan dan mahu membuat reformasi tanpa mengira baik dan buruknya. Tidak dapat dinafikan sebahagian daripada tradisi barat ada baiknya. Tidak dapat dinafikan bahawa sebahagiannya buruk dan tidak sesuai dengan lunas-lunas agama dan nilai-nilai susila yang luhur. Apabila kita mengambil tradisi yang baik-baik sahaja tentu mendatangkan faedah dan hasil-hasil yang baik. Ini sesuai dengan Hadith Rasulullah s.a.w.:

الْحِكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ أَنَّى وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا.

Terjemahan: Hikmat atau kebijaksanaan itu barang yang dicari oleh mukmin barang di mana perolehinya maka lebih utama dimilikinya.

Akan tetapi kita membuang tradisi-tradisi Islam yang baik seperti mengawal maruah perempuan, mengawal muda-mudi daripada matlamat yang liar, dan menjaga nilai-nilai rohani bererti kita memerangi unsur-unsur kehidupan yang baik dan akan mendatangkan kerosakan kepada generasi sekarang dan akan datang, oleh yang demikian wajiblah kita berwaspada dalam membuat reformasi atau revolusi mental itu.

Wanita dan Pekerjaan

Tidak ada larangan agama bagi wanita Islam untuk menjadi

pedagang, doktor, peguam, pendidik, kerani dan sebagainya untuk mencari rezeki yang halal pada syara' demi mengisi keperluan negara dan tuntutan hidup yang luas selagi bidang-bidang kerja tersebut munasabah dan keadaan di sekitarnya dapat mengawal akhlak serta maruahnya.

Berdasarkan kepada lunas Islam orang yang paling layak mengubat pesakit perempuan ialah doktor perempuan sendiri, orang yang paling layak mengajar kanak-kanak dan pelajar perempuan ialah tenaga pengajar perempuan, orang yang paling layak dan munasabah menjadi jururawat ialah wanita sendiri. Dalam Islam semua kerja yang membina itu mulia dan menjalankan tugas-tugas demi mengisi keperluan umat Islam itu termasuk dalam perjuangan *fisabilillah,* cuma yang menjadi kesulitan ialah sikap kita terhadap kerja, kalau kita bersikap untuk bebas lepas daripada nilai-nilai rohani, atau bersikap ingin maju setanding dengan laki-laki dalam segenap bidang kerja, sama ada sesuai atau tidak, atau memandang bahawa kerja mendidik anak atau mengurus rumahtangga itu perkara kecil yang tidak sesuai dengan kaliber wanita intelek pada zaman moden ini maka sikap-sikap seperti itu tidak benar, kerana ketinggian kaum wanita terserah kepada keluhuran budi pekerti, ketinggian akal fikiran, kebersihan hati dan kebolehannya dalam menjalankan kerja yang ditugaskan kepadanya.

Jika ketua pejabat memilih seseorang wanita genit kerana kegenitannya sedangkan ada berpuluh-puluh wanita lain yang kurang genit yang lebih cekap dan lebih berpengalaman lantaran untuk menjamu selera mata ketika di pejabat, maka tindakan itu tidak bijak dan tidak bertanggungjawab. Kalau seseorang pengurus syarikat memilih wanita jelita lantaran untuk menarik pelanggan-pelanggan ke kedainya, maka dorongan itu tidak baik sebab ada tujuan seks dan cara melariskan perdagangan menurut cara yang tidak bersih.

Demikian juga kalau pengurus sebuah bank memilih gadis jelita menjadi setiausaha atau kerani atau pegawai untuk menjamu selera mata dan menarik pelanggan maka hakikatnya tidak jujur. Perkara-perkara yang disebutkan di atas tadi sudah menjadi begitu lumrah dan tradisi moden, inilah gejala-gejala yang mesti disingkirkan dan dibendung untuk mengawal ketenteraman masyarakat dan pentingnya untuk mencari keredaan Allah s.w.t.

Tradisi-tradisi moden itu secara langsung memberi dorongan

atau pengaruh yang kuat supaya wanita-wanita Islam itu lebih berani dan lebih tidak malu untuk memasuki sebarang pertandingan memilih ratu, yang merangkumi ratu cantik, atau ratu sanggul, ratu PATA, ratu akhbar, ratu fesyen, ratu siswa, ratu sukan, johan kugiran, johan pop, johan menari, bintang itu dan bintang ini, sedangkan seluruh dorongan dan matlamatnya ialah kejantinaan seratus peratus. Apabila unsur kejantinaan yang tidak sihat itu sudah menular ke dalam masyarakat tunggulah saat kehancuran, sejarah telah memberi bukti bahawa kejatuhan Empayar Rom adalah kerana seks dan kehancuran moral.

XII

UNDANG-UNDANG JENAYAH

Pengertian Jenayah

Perkataan Jenayah sudah diketahui umum maksudnya. Walaupun demikian elok juga dijelaskan lagi pengertian perkataan tersebut dari sudut perundangan Islam. Jenayah dalam perundangan Islam adalah nama bagi setiap perbuatan atau tindakan yang ditegah (diharamkan) oleh syara', sama ada mengenai harta atau jiwa atau tubuh badan.

Ada ahli-ahli hukum (pakar undang-undang Islam) yang mengkhususkan penggunaan istilah jenayah itu kepada perbuatan-perbuatan yang mengenai tubuh badan atau nyawa sahaja. Ibn Rusyd dalam kitabnya بداية المجتهد ونهاية المقتصد telah membuat pembahagian jenayah kepada empat bahagian:

1. Jenayah ke atas tubuh badan dan nyawa seperti mencederakan manusia atau membunuhnya.

2. Jenayah ke atas harta benda seperti mencuri, merompak dan sebagainya.

3. Jenayah ke atas keturunan seperti zina.

4. Jenayah terhadap maruah dan kehormatan seperti menuduh zina ke atas orang yang baik budi pekerti, yang diistilahkan sebagai "*qazaf*".

Termasuk juga dalam bahagian ini perbuatan meminum

minuman yang memabukkan; kerana dengan perbuatan itu akal yang sepatutnya dipelihara dengan baik, telah dinodai dan dicemari, sama ada ia mabuk atau tidak. Dengan perbuatan itu kehormatan akal sudah tercabul, akibatnya membawa kepada kehilangan maruah.

Jenayah menukar agama dari agama Islam kepada agama lain yang dinamakan murtad juga termasuk dalam bahagian ini kerana perbuatan murtad itu mencemarkan nama baik agama Islam, malahan boleh menjatuhkan kehormatan diri sendiri.

Jika dibuat kesimpulan bagi pengertian jenayah yang dimaksudkan itu, dari segi perundangan Islam, maka didapati bahawa jenayah itu adalah melakukan sesuatu yang ditegah oleh hukum syara' seperti membunuh, mencuri, meminum arak dan sebagainya, ataupun meninggalkan sesuatu yang disuruh oleh hukum syara', seperti sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya. Kedua-dua jenis perbuatan itu, sama ada meninggalkan sesuatu yang disuruh atau melakukan sesuatu yang dilarang adalah dikira melakukan jenayah, dari sudut undang-undang Islam.

Pandangan Islam terhadap Jenayah

Jenayah adalah suatu masalah moral yang dipandang berat oleh Islam, mempunyai kaitan yang rapat dengan ketenangan dan kerukunan hidup masyarakat seluruhnya. Sekiranya jenayah berleluasa, maka keselesaan hidup masyarakat telah terjejas. Dengan penjejasan itu, keamanan dan kedamaian telah hilang, sedangkan Islam itu sendiri adalah agama yang akan memberikan kedamaian dan keamanan kepada masyarakat. Apabila kedamaian dan ketenangan telah hilang, maka seolah-olah Islam itu sendiri tidak berfungsi, maka di sinilah timbulnya masalah jenayah sebagai masalah yang dipandang berat oleh Islam. Dalam menghadapi jenayah, Islam mempunyai pandangan khusus, yang amat menekankan dari mustahaknya jenayah itu dihapuskan atau setidak-tidaknya dikurangkan kejadian-kejadian itu dari terus bertambah dari hari ke hari.

Dunia moden hari ini sedang berhadapan dengan perbuatan-perbuatan jenayah yang pada umumnya terus meningkat hari demi hari. Di akhbar-akhbar, TV, di majalah-majalah dan dalam filem sering dipaparkan kisah-kisah jenayah, yang selalunya dilakonkan oleh penjenayah dengan cara yang amat kejam dan tidak berperikemanusiaan. Penjenayah-penjenayah itu selalunya tidaklah ramai

bilangan mereka. Ada jenayah yang dilakukan secara berseorangan sahaja. Ada yang dua orang dan yang berkumpulan.

Apabila suatu jenayah berlaku, sama ada dilakukan oleh seorang, atau beberapa orang, maka yang sudah pasti akibat dari perbuatan itu ditanggung oleh masyarakat umum. Masyarakat akan menerima sengsara, lebih-lebih lagi yang menjadi mangsa perbuatan jenayah itu. Oleh itu, apakah patut penjenayah itu dibiarkan sahaja ia berleluasa melakukan jenayahnya itu, yang jelas mengganggu dan menyeksa masyarakat umum, atau memang sepatutnya penjenayah itu diberi balasan dan pengajaran yang secukup-cukupnya, supaya ia tidak lagi melakukan jenayah.

Perbuatan jenayah adalah perbuatan yang terkutuk. Orang yang melakukannya dianggap telah melakukan kesalahan besar yang sewajarnya diberi balasan yang paling setimpal dengan kesalahan itu. Dalam Islam telah disediakan balasan-balasan yang amat sesuai dengan kesalahan-kesalahan jenayah itu, dengan tujuan memberi perlindungan kepada umum dari ancaman penjenayah dan mengawal jenayah itu sendiri dari merebak. Oleh itu maka wujudlah ketenteraman dan kedamaian dalam masyarakat.

Bentuk-bentuk Hukuman bagi Kesalahan Jenayah

Agama Islam telah memperuntukkan tiga bentuk hukuman bagi semua kesalahan jenayah untuk dilaksanakan oleh pemerintah yang tiap-tiap satunya dikhususkan untuk kesalahan-kesalahan tertentu, seperti yang akan dijelaskan nanti. Bentuk-bentuk hukuman itu ialah *Hudud, Qisas* dan *Ta'zir.*

Hudud

Hudud adalah suatu istilah undang-undang yang bererti hukuman-hukuman yang telah ditetapkan oleh syara' yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah s.w.t. Contoh-contoh kesalahan yang dihitung sebagai kesalahan yang membolehkan hukuman hudud dilaksanakan ialah mencuri, merompak, berzina, melemparkan tuduhan zina ke atas seseorang tanpa bukti yang cukup, meminum minuman yang memabukkan dan murtad (menukar agama dari Islam kepada mana-mana agama).

Kesalahan-kesalahan yang tersebut di atas jika didapati thabit

oleh mahkamah, maka hukuman-hukuman ke atasnya telah pun ditetapkan oleh syara'. Manusia tidak mempunyai sebarang hak untuk menambah atau meminda atau mengurangkan hukuman-hukuman itu setelah dithabitkan. Semuanya memang demikian bentuknya, kerana hukum hudud itu adalah hak Allah s.w.t. Manusia hanya diperintah untuk melaksanakan hukum tersebut sepenuhnya.

Jenis-jenis Kesalahan dan Hukumannya:

1. *Mencuri*: Mencuri adalah perbuatan keji yang dicela oleh Allah dan Rasul-Nya. Dikutuk oleh masyarakat dan dihina oleh manusia. Pencuri adalah pencabul perikemanusiaan dan penggugat ketenteraman. Sesuai dengan besarnya kesalahan mencuri itu, walaupun dipandang dari sudut mana sekalipun, maka Allah s.w.t. telah menetapkan hukumannya dengan firman-Nya:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوٓا۟ أَيْدِيَهُمَا جَزَآءًۢ بِمَا كَسَبَا نَكَٰلًا مِّنَ اللَّهِ
وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ.

Terjemahan: Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Maidah, 5:38)

Hukuman memotong tangan pencuri adalah undang-undang Allah. Manusia diperintahkan untuk mematuhi undang-undang tersebut. Oleh kerana Allah yang menjadikan manusia, maka Allahlah yang Maha Mengetahui tentang tabiat manusia. Untuk kebaikan manusia seluruhnya maka hukum potong tangan itu disyari'atkan.

Manusia mungkin sukar untuk memahami mengapa hukuman untuk pencuri itu mesti dipotong tangan. Manusia juga sering bertanya, "Apakah hukuman yang seperti itu wajar dilaksanakan. Tidakkah hukuman itu adalah terlalu berat jika dibandingkan dengan kesalahan yang dilakukan itu."

Sering juga kita mendengar suara-suara yang mengatakan bahawa, jika sekiranya hukuman potong tangan itu dilaksanakan seperti kehendak Allah, maka banyaklah tangan-tangan yang akan dipotong, kerana banyaknya pencuri pada zaman ini. Dan berbagai-bagai lagi persoalan yang timbul dan ditimbulkan.

Jika diteliti kepada ayat Allah yang berhubung dengan hukuman kepada pencuri yang tersebut tadi, maka sebenarnya kita dapati bahawa Allah s.w.t. telah pun memberi jawapan kepada persoalan-persoalan yang ditimbulkan berhubung dengan hukuman potong tangan itu dengan jelasnya Allah s.w.t. menerangkan:

جَزَاءً بِمَا كَسَبَا.

Terjemahan: Itulah balasan yang sepatutnya diterima oleh pencuri-pencuri.

Ayat ini menunjukkan bahawa balasan potong tangan adalah balasan yang paling adil. Allah yang bersifat Maha Adil, sudah pasti tidak akan menzalimi hamba-Nya dengan hukuman yang paling adil. Apa tujuannya? Allah menerangkan:

نَكَالاً مِنَ اللهِ.

Terjemahan: Nakāl daripada Allah.

Dari segi bahasa perkataan *Nakālan* bererti menjadikannya contoh teladan yang akan menakutkan manusia atau menjauhkannya dari kejahatan. Dalam kitab tafsir perkataan tersebut diulas begini; *Nakālan* itu ialah seksaan dan tegahan. Ia juga bererti ikatan atau simpulan. Ia dinamakan sebagai ikatan kerana dengan ikatan terhasillah tegahan. Imam Nawawi dalam kitab *Sahih Muslim* mengulas: *Nakālan* bererti contoh iktibar bagi orang yang melihat seksaan itu supaya mereka menjauh diri dari melakukan pekerjaan yang keji.

Dengan ulasan ini jelaslah menunjukkan bahawa hikmat dilaksanakan hukuman potongan tangan itu amat besar, kerana dengan hukuman tersebut akan tercegahlah masyarakat dari kesalahan itu, dan akan terpeliharalah masyarakat dan negara dari

jenayah yang menakutkan. Sebagai contohnya; apabila Rasulullah s.a.w. diperintahkan untuk melaksanakan hukuman ini ke dalam masyarakat yang baru sahaja berubah dari masyarakat jahiliyah kepada masyarakat Islam, maka didapati kejadian-kejadian mencuri hampir pupus atau hilang dalam masyarakat tersebut. Sama ada pada zaman Rasulullah s.a.w. mahupun pada zaman sahabat-sahabatnya yang meneruskan pemerintahan menurut hukum-hukum Allah, kejadian mencuri amat berkurangan dan jarang diketahui oleh masyarakat umum. Umat Islam dapat menikmati hidup dengan penuh selesa aman dan damai, tanpa diganggu gugat oleh pencuri. Mungkin inilah sebabnya Allah menyebut lagi pada akhir ayat yang menyatakan hukum potong tangan dengan firman-Nya:

وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ.

Terjemahan: Dan Allah itu Maha Mulia lagi Maha Bijaksana.

Dalam ayat ini Allah yang Maha Mulia menekankan bahawa dengan kemuliaan Allah hukum potong tangan disyari'atkan. Hukuman itu bukan untuk menzalimi manusia dan menganiaya mereka. Akan tetapi itulah hukuman yang amat bijaksana dari Allah. Dengannya terhapuslah masalah kecurian dan terhindarlah masyarakat dari ancamannya. Malahan pencuri itu sendiri akan insaf dan tidak lagi melakukan jenayah. Oleh itu, hukuman kepada jenayah mencuri itu adalah merupakan rahmat untuk semua orang.

Apabila Islam mewajibkan hukuman potong tangan ke atas pencuri bukanlah bererti bahawa setiap yang mencuri itu akan dipotong tangan, tanpa mengambil kira, mengapa ia mencuri dan apakah barang yang dicurinya.

Islam telah menetapkan beberapa syarat untuk menthabitkan hukuman tersebut jika syarat-syarat itu sempurna semuanya maka baharulah hukuman potong tangan dilaksanakan. Antara syarat-syarat itu ialah:

1. Pencuri itu hendaklah seorang yang cukup umur (baligh) dan sempurna akal.

2. Sebab kecurian itu dilakukan, bukanlah kerana terlalu lapar, atau terlalu miskin.

3. Harta yang dicuri itu adalah kepunyaan orang yang tertentu dan mempunyai nilai.
4. Orang yang mencuri itu hendaklah dengan kehendaknya sendiri, bukan dipaksa-paksa.

Imam Malik dalam kitabnya *al-Muwatta'* telah menceritakan suatu peristiwa yang berlaku pada zaman Umar bin al-Khattab katanya (terjemahan):

> *Ada beberapa orang hamba bagi seorang kaya yang bernama Hatib, telah mencuri unta seorang lelaki dari suku Muzaimah dan menyembelihkannya, jenayah tersebut telah diketahui oleh pihak yang berkenaan dan diadukan kepada Umar bin al-Khattab. Apabila sabit jenayah tersebut, Umar bin al-Khattab menjatuhkan hukuman potongan tangan. Akan tetapi terbukti kepadanya, ketika itu bahawa hamba-hamba tersebut telah mencuri kerana kebuluran, disebabkan oleh kebakhilan tuan mereka. Setelah bertanya kepada hamba-hamba tersebut, fahamlah Umar bahawa kecurian unta itu dilakukan kerana didesak oleh kelaparan. Umar membatalkan hukuman potong tangan itu kerana ada keraguan yang nyata di dalam kecurian itu. Di samping itu Umar memberi amaran kepada Hatib, bahawa sekiranya hamba-hamba tersebut mencuri bagi kali yang keduanya kerana kelaparan, maka tangan Hatib yang akan dipotong, bukannya tangan hamba-hamba tersebut.*
>
> *(Terjemahan kata-kata Imam Malik)*

2. *Merompak dan menyamun:* Jika jenayah mencuri, seperti yang diterangkan tadi mendapat peruntukan hukuman potong tangan, maka tentulah dapat kita meramalkan apakah hukuman Allah bagi jenayah merompak dan menyamun pula, kerana perbuatan merompak dan menyamun itu pada lazimnya adalah lebih dahsyat dan lebih kejam dari mencuri itu sendiri. Apabila sesuatu rompakan berlaku dalam masyarakat, yang dilaksanakan oleh perompak-perompak terhadap seseorang mangsa maka pada hakikatnya bukan orang yang menjadi mangsa itu sahaja yang

menerima akibat, malah seluruh anggota masyarakat turut menanggungnya. Ketenangan masyarakat telah tergugat. Keselesaan hidup telah bertukar menjadi gusar dan keluh kesah. Masing-masing bersimpati dengan mangsa yang dirompak, dan masing-masing bertanya dalam hati kecil sendiri; apakah tidak mungkin giliran berikut akan terkena ke atas dirinya, atau ke atas keluarganya, sahabat baiknya, dan lain-lain lagi. Semunya itu sudah cukup untuk menyeksa masyarakat. Oleh yang demikian, selagi jenayah merompak dan menyamun itu tidak dibanteras atau dihapuskan dalam masyarakat, maka selama itu, hidup ini tidak memberi erti yang sebenar. Masyarakat akan menderita, lebih-lebih lagi golongan yang berada dan mewah. Semuanya terancam, bimbang dan takut setiap saat dan ketika.

Bagi menghadapi dan mengubati keadaan itu, maka Allah s.w.t. telah menetapkan hukumnya yang wajib dilaksanakan ke atas perompak dan perosak masyarakat dan negara, sebagai satu-satunya ubat yang paling mujarab. Allah berfirman:

إِنَّمَا جَزَٰٓؤُا الَّذِيْنَ يُحَارِبُوْنَ اللهَ وَرَسُوْلَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا
أَنْ يُقَتَّلُوْا أَوْ يُصَلَّبُوْا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيْهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خِلَافٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ
الْأَرْضِ ذٰلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْأٰخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيْمٌ.

***Terjemahan:** Hanya sanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi, ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan berselang (kalau mereka merampas sahaja) atau dibuang negeri (kalau mereka mengganggu ketenteraman umum). (Hukuman) yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar.*

(Al-Maidah, 5:33)

Dalam mentafsirkan ayat tersebut Imam Syafi'i pernah mengulas (terjemahan):

Di dalam sesuatu rompakan, jika didapati perompak-

perompak tersebut mengugut dan merampas harta benda mangsanya, tanpa mencederakan tubuh badannya, maka hendaklah dihukumkan perompak-perompak itu dengan memotong tangan kanan dan kaki kiri mereka (secara bersilang). Kalau dalam rompakan itu, mereka membunuh mangsanya, maka perompak-perompak itu hendaklah dibunuh balas sebagai qias. Jika di samping rompakan yang dilakukan itu diikuti dengan membunuh mangsanya, maka mereka itu hendaklah disalib (disula) dan seterus dibunuh.

(Terjemahan tafsiran al-Syafi'i terhadap ayat di atas)

Imam Syafi'i juga menyatakan jika disalib di kayu palang, tempoh paling lama ialah tiga hari sahaja, selepas itu hendaklah dibunuh. Menurut Imam al-Qurtubi dalam kitab tafsirnya yang terkenal itu katanya (terjemahan):

Dalam menjatuhkan hukuman ke atas perompak atau orang-orang yang melakukan kerosakan di bumi atau sebagainya, pihak pemerintah boleh membuat pilihan untuk menjatuhkan salah satu dari hukuman-hukuman yang telah disebutkan Allah s.w.t. di dalam ayat tadi: sama ada hendak menghukum bunuh atau disalib atau dipotong tangan dan kaki secara bersilang atau dibuang negeri atau daerah; kerana ayat tersebut jelas memberikan pilihan kepada pemerintah.

(Terjemahan tafsir Imam al-Qurtubi)

Kedua-dua pendapat tersebut pada hakikatnya mempunyai tujuan yang sama. Ulasan yang diperkatakan oleh Imam Syafi'i tidak berlawan dengan ulasan yang dikatakan oleh Imam al-Qurtubi. Yang penting ialah hukuman untuk jenayah rompakan dan sebagainya, mestilah salah satu dari empat bentuk hukuman tadi. Bagi memilih hukuman-hukuman itu pihak mahkamah atau hakim tentulah berdasarkan kepada keadaan rompakan yang dilakukan itu. Sekiranya dahsyat perbuatannya maka dahsyat pula hukumannya. Maka begitulah pula sebaliknya. Semuanya merupakan bentuk-bentuk hukum yang boleh dilaksanakan oleh pemerintah mengikut kesesuaian kesalahan dengan hukuman yang tersebut itu, asalkan

tidak terkeluar dari kehendak ayat yang tersebut itu.

Maksud hukuman buang negeri atau buang daerah dalam ayat al-Qur'an itu sebenarnya bertujuan untuk memisahkan penjenayah itu dari masyarakat. Semoga dengan itu ia akan menginsafi kesalahannya dan bertaubat dari melakukan perkara yang terkutuk itu.

Jika sekiranya dengan membuang penjenayah itu ke suatu daerah atau negeri, tidak juga berjaya, memulihkan perangai jahat penjenayah itu, seperti ia mengulangi perbuatan itu di tempat ia dibuang, maka penjenayah itu bolehlah dipenjarakan sebagai ganti dari hukuman buang negeri. Begitulah yang dilakukan oleh Umar bin al-Khattab, di mana beliau telah memenjarakan seorang penjenayah pada zamannya yang sepatutnya dibuang negeri, tetapi beliau lebih suka memenjarakannya sahaja, Sayyidina Umar berkata (terjemahan):

> *Aku lebih suka penjenayah tersebut dipenjarakan sahaja sehingga diyakini ia tidak akan melakukan jenayah itu lagi.*
>
> *(Terjemahan kata-kata Sayyidina Umar)*

Ini menunjukkan bahawa istilah buang negeri dalam ayat yang berhubung dengan hukuman ke atas perompak itu, termasuk juga menjatuhkan hukuman penjara ke atas orang yang melakukan kesalahan tersebut.

3. *Zina:* Zina adalah jenayah yang besar dalam Islam. Suatu perbuatan keji yang akan membawa penzina itu ke jalan yang sejahat-jahatnya. Allah berfirman (terjemahan):

> *Dan jangan sekali-kali kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perkara yang amat keji dan sejahat-jahat jalan.*

Zina dianggap sebagai sejahat-jahat jalan; kerana menurut kitab *Tafsir al-Qurtubi;* jalan zina adalah jaian ke neraka jahanam.

Oleh kerana perbuatan zina amat dikutuk oleh Allah dan Rasul-Nya, dan perbuatan itu akan menyebabkan kehilangan maruah, merosakkan keturunan, memporak-perandakan rumahtangga dan membebankan negara dengan masalah-masalah sosial yang berat dengan anak-anak yang di luar nikah bertaburan tanpa penjaga dan

berbagai-bagai lagi, maka Allah s.w.t. telah menetapkan hukuman yang sesuai dengan kesalahan tersebut. Hukuman untuk penjenayah zina adalah seperti firman Allah:

Terjemahan: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman siksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.

(Al-Nur, 24:2)

Yang dimaksudkan dengan penzina dalam ayat ini adalah penzina yang belum berkahwin, untuk mereka yang thabit perbuatan zinanya maka Allah telah menetapkan seratus rotan sebagai hukumannya. Manakala penzina yang telah berkahwin maka hukuman bagi mereka seperti yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. adalah rejam dengan batu. Hukuman rejam itulah yang telah dijatuhkan oleh Rasulullah s.a.w. ke atas Maiz al-Aslami setelah beliau yang telah berkahwin melakukan zina dengan pengakuannya sendiri maka Rasulullah s.a.w. telah menjatuhkan hukuman rejam ke atasnya. Rasulullah s.a.w. juga telah menjatuhkan hukuman rejam dengan batu ke atas dua orang Yahudi yang thabit melakukan zina, setelah dibawa ke hadapannya, kerana kedua-dua orang Yahudi tersebut telah pun berkahwin.

Imam Syafi'i pernah menegaskan bahawa hukuman ke atas penzina yang telah berkahwin adalah rejam dengan batu.

Suatu persoalan mungkin timbul ialah mengapa Islam membezakan hukuman ke atas penzina; antara yang belum berkahwin dengan yang telah berkahwin. Yang belum berkahwin hukumannya agak

ringan jika dibandingkan dengan yang telah berkahwin. Mengapa wujud perbezaan itu? Perbezaan tersebut memang sebenarnya wujud, kerana keadaan yang melingkungi kedua-dua jenis penzina tersebut adalah berlainan. Orang yang belum berkahwin diistilahkan dengan *Ghair Muhsan* yang bererti tanpa perlindungan orang yang telah berkahwin diistilahkan sebagai *Muhsan* yang bererti terlindung. Yang dimaksudkan dengan tanpa perlindungan bagi orang belum berkahwin itu, ialah nafsu syahwat sukar dilindungi dan dikawal kerana ia berseorangan. Berbeza dengan mereka yang bertindak sebagai pelindung dari melakukan kejahatan itu.

Orang yang tidak mempunyai pertahanan yang kadangkala terdedah kepada zina, tanpa suatu perlindungan yang nyata, maka wajarlah mereka dihukum lebih ringan daripada yang mempunyai pertahanan dan perlindungan. Orang yang mempunyai pertahanan dan perlindungan itu, jika ia masih melakukan kecurangan kepada isterinya dan sengaja pula menurut nafsunya memilih yang haram dari yang halal, maka wajar benar ia dihukum dengan rejam. Oleh sebab itu Islam membezakan antara yang belum berkahwin dengan orang yang sudah berkahwin dalam hukumannya itu.

Sekali imbas dirasakan bahawa hukuman yang ditetapkan oleh Islam untuk dijatuhkan ke atas penzina, sama ada penzina yang belum berkahwin atau telah berkahwin, pada lahirnya kelihatan amat kejam dan keterlaluan sehingga ada orang Islam sendiri yang bersungut, seolah-olah hukuman itu tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Jika dilihat sekali imbas, sungutan itu seolah-olah ada benarnya, kerana orang yang dihukum rejam dengan batu biasanya akan menemui maut. Apabila yang dihukum rejam itu mati di hadapan khalayak ramai, maka tentulah banyak yang tertanya-tanya sekurang-kurangnya dalam hati, mengapa hukuman mati itu dikenakan ke atas seorang yang hanya berzina? Lainlah halnya jika hukuman mati itu dikenakan ke atas seorang pembunuh. Pembunuh memang wajar dibunuh balas. Nyawa dibayar nyawa. Itulah amalan yang lumrah didapati dalam kebanyakan undang-undang ciptaan manusia hari ini.

Jika diteliti dengan penuh insaf kepada jenayah zina dan segala akibatnya, kepada diri, masyarakat dan negara, maka mestilah diakui bahawa sebenarnya memang ada kaitan yang rapat antara zina dengan pembunuh. Dengan erti kata yang lain sebenarnya pen-

zina itu adalah pembunuh yang kejam. Perbuatan zina adalah perbuatan membunuh keturunan. Memperhambakan diri kepada syaitan dan nafsu kebinatangan, untuk mencapai kelazatan yang sekejap, tanpa memperhitungkan akibat buruk yang akan ditanggung oleh diri sendiri, masyarakat dan negara, sepanjang zaman.

Penzina adalah perosak masyarakat. Kesan yang selalunya dihasilkan oleh zina antara lain ialah anak-anak haram yang menjadi beban bukan sahaja kepada masyarakat, malahan kepada negara. Jika ditinjau kepada proses kelahiran anak-anak haram itu, maka kita akan dapati kisah-kisah yang amat menyayat hati. Sebelum anak-anak itu dilahirkan, berbagai-bagai percubaan untuk membunuhnya hidup-hidup sejak dalam kandungan lagi, telah dilakukan dengan cara yang kejam. Sebagai contohnya lihat sahaja kepada berita yang disiarkan di muka hadapan Utusan Melayu 20hb. April, 1978, dengan tajuk besar: "Pusat pengguguran korbankan 3,000 (tiga ribu) bayi dalam kandungan." Beberapa hari kemudian tersiar lagi berita terbongkarnya satu lagi pusat pengguguran bayi yang telah mengorbankan beribu-ribu orang bayi dalam kandungan. Semuanya itu pada umumnya adalah hasil dari perbuatan zina.

Jika anak-anak zina itu tidak berjaya dibunuh hidup-hidup ketika dalam kandungan dan ia lahir juga tanpa diminta atau disambut kelahirannya, menurut semestinya, anak-anak itu akan ditanam hidup-hidup, seperti yang disiarkan dalam akhbar-akhbar, atau dicampak ke dalam tong-tong sampah atau dibuang di tepi-tepi jalan yang kadangkala menjadi makanan anjing dan sebagainya.

Jika anak-anak itu masih juga terselamat dari pembunuhan yang kejam itu, dan ia terus hidup seperti manusia biasa, maka pada hakikatnya anak itu telah dibunuh secara perlahan-lahan. Ia terseksa sepanjang hidup, yang akhirnya menjadi beban kepada masyarakat dan negara. Itulah akibat dari perbuatan zina. Oleh yang demikian memang wajarlah hukuman ke atas penzina itu begitu berat memandang kepada akibat yang tidak kurang dahsyatnya, kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

4. *Menuduh Zina (Qazaf):* Setiap manusia telah dibekalkan dengan sifat semula jadi ingin menjaga nama baiknya dan ia akan mempertahankan nama baik itu dengan sedaya upaya. Demi menjaga dan mengawal nama baik manusia dari dicemari oleh tuduhan-tuduhan liar yang tidak berasas, maka Islam mengharamkan per-

buatan melemparkan tuduhan berzina ke atas seseorang tanpa bukti yang kukuh.

Melemparkan tuduhan zina ke atas seseorang tanpa bukti yang nyata adalah perbuatan keji yang akan membawa akibat buruk kepada diri seseorang dan kepada keluarganya. Perbuatan itu akan melahirkan permusuhan dan boleh memporak-perandakan masyarakat. Anak-anak yang akan lahir dari seseorang yang dituduh zina akan menjadi mangsa fitnah yang akan sengsara sepanjang hidupnya. Rumahtangga yang aman damai akan menjadi kecoh dan kacau-bilau kerana tuduhan-tuduhan liar seperti itu.

Memandang kepada akibat-akibat seperti yang tersebut itu, maka Allah s.w.t. menetapkan hukuman yang berat ke atas orang yang membuat fitnah jahat itu. Allah berfirman:

وَالَّذِيْنَ يَرْمُوْنَ الْمُحْصَنٰتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوْا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَآءَ فَاجْلِدُوْهُمْ
ثَمٰنِيْنَ جَلْدَةً.

Terjemahan: Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan-perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat.

(Al-Nur, 24:4)

Apabila seseorang telah menyatakan kepada seseorang yang lain atau kepada orang ramai yang ia telah melihat si polan itu berzina dengan si polan, maka kenyataannya itu tidak terlepas dari sama ada ia menceritakan sesuatu yang benar, ataupun perkara itu suatu fitnah yang jahat. Jika perkara itu benar maka buktikanlah tuduhan itu dengan empat orang saksi yang sah. Jika dapat dikemukakan empat orang saksi maka sabitlah zina tersebut dan mestilah dihukum dengan hukuman bagi penzina. Jika tidak dapat dibuktikan dengan sekurang-kurangnya empat orang saksi yang sah, maka orang yang menuduh telah melakukan kesalahan *"Qazaf"*, iaitu menuduh zina ke atas seorang yang baik yang merupakan fitnah jahat. Kesalahan *qazaf* itu hendaklah dihukum dengan lapan puluh rotan.

Undang-undang *qazaf* ini antara lain bertujuan untuk mengawal

masyarakat dari suka memperkatakan sesuatu yang tidak baik seperti membuka keburukan orang, walaupun perkara itu sememangnya benar. Perbuatan mengadakan sesuatu yang tidak ada dengan tujuan memburuk-burukkan seseorang adalah fitnah besar. Oleh yang demikian bagi mengurangkan perkara yang seumpama itu, undang-undang *qazaf* adalah sebaik-baik cara untuk mengatasi masalah fitnah memfitnah dalam masyarakat yang akan membawa kepada porak-peranda.

5. *Meminum minuman yang memabukkan:* Setiap minuman yang memabukkan adalah haram diminum sama ada sedikit ataupun banyak, sama ada memabukkan peminumnya ataupun tidak. Rasulullah s.a.w. bersabda seperti yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan Abu Daud:

كُلُّ مَا اَسْكَرَ كَثِيْرُهُ فَقَلِيْلُهُ حَرَامٌ.

Terjemahan: Tiap-tiap sesuatu yang jika diminum banyak boleh memabukkan, maka sedikit pun hukumnya haram.

Rasulullah s.a.w. bersabda lagi seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Umar:

كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ وَكُلُّ خَمْرٍ حَرَامٌ.

Terjemahan: Setiap benda yang memabukkan itu adalah arak. Dan setiap arak itu adalah haram.

Allah s.w.t. menegaskan dengan firman-Nya:

يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ أَمَنُوْآ إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطٰنِ فَاجْتَنِبُوْهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! bahawa sesungguhnya arak, dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah semata-mata kotor (keji) dari perbuatan syaitan.

Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

(Al-Maidah, 5:90)

Apabila Allah dan Rasul-Nya telah mengharamkan arak dan judi, di dalam ayat yang tersebut di atas, diterangkan sebab-sebab mengapa perkara-perkaa itu mesti dijauhi dengan firman Allah yang menyambung ayat itu:

إِنَّمَا يُرِيْدُ الشَّيْطٰنُ أَنْ يُوْقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدٰوَةَ وَالْبَغْضَآءَ فِى الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللهِ وَعَنِ الصَّلٰوةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُوْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?

(Al-Maidah, 5:91)

Jika diteliti ayat tersebut dengan cermat, maka kita akan dapati bahawa di sebalik arak dan judi itu ada dua keburukan besar yang Allah telah jelaskan di dalam ayat tersebut, iaitu kerosakan moral dan kecacatan iman.

Kerosakan moral yang akan menimpa peminum dan penjudi juga masyarakat seluruhnya dari perbuatan meminum arak dan berjudi adalah jenis dari ayat tadi, iaitu:

اِنَّمَا يُرِيْدُ الشَّيْطَانُ اَنْ يُوْقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءِ فِىْ الخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ.

Terjemahan: Bahawa sesungguhnya syaitan itu hanyalah mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi.

(Al-Maidah, 5:9)

Ayat ini menggambarkan persoalan moral yang akan dihadapi oleh individu dan masyarakat juga negara akibat dari berleluasanya arak dan judi di dalam masyarakat. Hal ini mungkin tidak disedari secara langsung, akan tetapi jika diinsafi akan ketaralah bahawa kekecohan yang berlaku di dalam rumahtangga dan masyarakat adalah sebahagian daripada risiko arak dan judi. Kebencian dan permusuhan yang tersemat di hati masyarakat antara satu sama lain yang mungkin mengakibatkan porak-peranda kepada negara akan melahirkan rasa tidak tenteram dan tidak aman. Dengan perasaan tidak tenteram dan tidak aman itu akan sengsaralah manusia.

Perasaan aman dan tenteram seperti yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. hanya berada pada orang-orang yang beriman yang selalu mengingati Allah. Firman Allah:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ اللهِ أَلَا بِذِكْرِ اللهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ.

Terjemahan: (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikir Allah. Ketahuilah! Dengan zikir Allah itu, tenang dan tenteramlah hati manusia.

(Al-Ra'ad, 13:28)

Orang yang meminum arak dan bermain judi, sebenarnya hati mereka tidak pernah tenang. Ini kerana Allah s.w.t. telah memberitahu manusia, bahawa dengan meminum arak, bermain judi dan sebagainya syaitan dengan mudah menggoda dan menguasai hati mereka supaya tidak mengingati Allah. Dengan tidak mengingati Allah, mereka tidak akan menunaikan sembahyang, kerana sembahyang bagi mereka adalah sesuatu yang amat berat ditunaikan. Dalam ayat tadi Allah berfirman:

وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللهِ وَعَنِ الصَّلاَةِ.

Terjemahan: Dan syaitan akan menghalang kamu dari mengingati Allah, dan dari menunaikan sembahyang.

Apabila hati sudah tidak mengingati Allah dan tidak pula menunaikan sembahyang dengan sebaik-baik dan sekhusyu'-khusyu'-

nya maka jauhlah manusia itu dari rahmat Allah. Ini akan menambahkan lagi sengsara manusia itu lahirlah masalah-masalah moral yang amat sulit diatasi.

Apabila membicarakan masalah minuman yang memabukkan, pada lazimnya kita membicarakannya dalam konteks keburukan-keburukan lahiriyah akibat dari minuman itu, seperti yang disebutkan sebelum ini. Sebenarnya di samping keburukan lahiriyah tadi ada lagi satu keburukan yang sukar hendak dikesani dengan akal fikiran yang biasa, tetapi jika dilihat dari keterangan-keterangan al-Qur'an dan al-Sunnah, maka kita akan menerimanya secara ikhlas, iaitu dengan meminum arak maka iman seseorang itu terjejas. Rasulullah s.a.w. bersabda seperti yang dinyatakan oleh Abu Hurairah r.a. katanya:

مُدْمِنُ الْخَمْرِ كَعَابِدِ وَثَنٍ.

Terjemahan: Penagih arak adalah seperti penyembah berhala.

(Riwayat Ibn Majah)

Kenyataan Rasulullah s.a.w. bahawa penagih arak itu adalah seperti penyembah berhala memberi erti yang amat besar, Rasulullah s.a.w. menyamakan penagih arak itu dengan penyembah berhala. Menyembah berhala adalah perbuatan syirik, yang tidak akan diampunkan dosanya oleh Allah s.w.t. Syirik adalah musuh iman, yang akan mencatatkan iman malah merosakkan sama sekali. Oleh itu perbuatan meminum arak akan membawa kepada syirik dalam pengertian bahawa amalan-amalan yang dilakukan oleh peminum-peminum arak tidak akan diterima Allah.

Sehubungan dengan ini Rasulullah s.a.w. bersabda lagi dalam suatu Hadithnya yang terang dan jelas maksudnya:

مَنْ شَرِبَ الْخَمْرَ لَمْ يَقْبَلِ اللهُ لَهُ صَلاَةً أَرْبَعِيْنَ صَبَاحًا فَإِنْ تَابَ تَابَ اللهُ عَلَيْهِ. فَإِنْ عَادَ لَمْ يَقْبَلِ اللهُ لَهُ صَلاَةً أَرْبَعِيْنَ صَبَاحًا فَإِنْ تَابَ تَابَ اللهُ عَلَيْهِ. فَإِنْ عَادَ لَمْ يَقْبَلِ اللهُ لَهُ صَلاَةً أَرْبَعِيْنَ صَبَاحًا فَإِنْ تَابَ تَابَ اللهُ عَلَيْهِ فَإِنْ عَادَ الرَّابِعَةَ لَمْ يَقْبَلِ اللهُ لَهُ صَلاَةً أَرْبَعِيْنَ

صَبَاحًا فَإِنْ تَابَ لَمْ يَتُبِ اللهُ عَلَيْهِ وَسَقَاهُ مِنْ نَهْرِ الْخَبَالِ. قِيْلَ وَمَا نَهْرُ الْخَبَالِ يَا رَسُوْلَ اللهِ. قَالَ: نَهْرٌ مِنْ صَدِيْدِ اَهْلِ النَّارِ.

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar r.a. katanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesiapa yang meminum arak, maka Allah tidak akan menerima sembahyangnya (tidak memberi pahala) selama 40 hari. Jika sekiranya ia berhenti dan bertaubat selepasnya maka Allah menerima taubatnya. Jika sekiranya ia kembali semula meminum arak (setelah taubat yang pertama tadi) maka Allah tidak akan menerima sembahyangnya selama 40 hari pula. Jika ia bertaubat pula selepas itu maka Allah menerima taubatnya. Jika selepas itu pun ia kembali pula meminum arak, maka Allah tidak akan menerima sembahyangnya selama 40 hari pula. Jika ia bertaubat kali yang ketiga ini Allah masih menerima taubatnya. Adapun jika ia kembali meminum semula arak itu buat kali yang keempat setelah taubatnya yang sebelum dari itu, maka Allah tidak akan menerima sembahyangnya selama 40 hari pula ada jika ia bertaubat pun kali ini maka taubatnya tidak akan diterima oleh Allah. Dan ia akan diberi balasan dengan diberi minum air sungai Khabal. Sahabat bertanya apakah Sungai Khabal itu Rasulullah s.a.w. menjawab: Sungai Khabal ialah Sungai Danur (kekotoran) dari (ahli neraka).

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Hadith di atas mengandungi pengertian yang sama dengan Hadith yang sebelumnya, kedua Hadith itu membawa erti bahawa peminum arak akan terjejas imannya hingga membawa kepada penolakan segala amal ibadatnya dan Allah s.w.t. tidak akan menerima taubat mereka. Ini seolah-olah sama dengan orang yang mensyirikkan Allah yang juga tidak diterima Allah akan taubatnya.

Dengan kedua-dua keburukan dari perbuatan meminum arak itu maka memang patutlah hukuman yang akan dijatuhkan ke atas mereka di dunia ini jika sabit kesalahannya ialah dengan empat puluh kali dera, seperti Hadith Rasulullah s.a.w. (terjemahan):

Dari Abu Sa'id al-Khudri katanya: Sesungguhnya

Rasulullah s.a.w. telah menghukum sebat peminum arak dengan 40 kali sebat.

Untuk mendera orang yang meminum arak ini, tidak semestinya dengan menggunakan rotan dan yang seumpamanya, tetapi boleh digunakan alat-alat seperti pelepah tamar, dahan-dahan kayu yang sesuai, sepatu atau kain yang boleh digunakan untuk menyebat dan sebagai. Yang penting peminum tersebut menerima 40 kali sebat.

6. *Murtad:* Murtad bermaksud kembali menjadi kafir setelah Islam. Islam seperti yang diulaskan sebelum ini ialah agama Allah yang sebenar, agama yang amat sesuai dengan tabiat semula jadi manusia. Orang-orang yang memeluk agama Islam sama ada secara aslinya, beragama Islam atau memeluk agama itu sesudah sebelumnya ia beragama lain ialah orang-orang yang telah mendapat petunjuk daripada Allah. Firman Allah:

فَمَنْ يُرِدِ اللهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلإِسْلَامِ.

Terjemahan: Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi petunjuk kepadanya, nescaya dilapangkan (membukakan hatinya) untuk menerima (memeluk) agama Islam.

(Al-An'am, 6:125)

Orang yang telah mendapat petunjuk Allah ialah orang yang beruntung yang berada di atas kebenaran. Tidak ada yang lebih bertuah kepada seorang manusia selain dari ia berada di atas jalan yang benar yang diredai Allah. Orang yang beragama Islam adalah orang yang paling bertuah dan beruntung. Oleh yang demikian maka perlulah setiap orang berpegang dengan agama itu sebaik-baiknya. Sebarang usaha untuk meninggalkan agama adalah usaha yang akan menjauhkan manusia dari kebenaran yang akan menyesatkannya dari jalan yang benar.

Untuk menjaga supaya yang benar itu tetap benar dan yang berada di atas petunjuk Allah itu kekal di atas petunjuk tersebut, maka Allah s.w.t. telah meletakkan undang-undangnya yang bertujuan untuk menjaga manusia, demi maslahat dan kebahagiannya

di dunia dan di akhirat. Allah berfirman:

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ
فِي الدُّنْيَا وَالْأَخِرَةِ وَأُولَٰئِكَ أَصْحَٰبُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ.

Terjemahan: Maka sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya (selama-lamanya).

(Al-Baqarah, 2:218)

Ayat al-Qur'an di atas merupakan suatu peringatan dan ancaman kepada orang yang murtad, iaitu mereka akan rugi serugi-ruginya di dunia dan di akhirat. Malah Allah dengan tegas menyatakan di dalam ayat itu bahawa orang-orang murtad itu tempatnya telah jelas iaitu di dalam neraka dan akan kekal selama-lamanya.

Demi kemaslahatan dan kepentingan manusia, persoalan menukar agama dari Islam kepada agama lama perlu diberi kawalan yang ketat dan rapi. Orang Islam tidak dibenarkan menukar agamanya sama sekali. Sesiapa yang menukarnya juga, maka menurut undang-undang Islam hukuman yang wajib dijatuhkan ke atas mereka adalah hukuman bunuh. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ.

Terjemahan: Sesiapa (orang Islam) yang menukar agamanya maka bunuhlah ia.

(Riwayat kebanyakan Ahli Sunan)

Ketika Rasulullah s.a.w. menghantar sahabatnya, yang bernama Mu'az bin Jabal ke Yaman pada zaman pemerintahannya untuk menjadi hakim di sana; Rasulullah s.a.w. mengingatkan Mu'az jika sekiranya kamu dapati ada orang-orang yang murtad maka bunuhlah ia.

Abu Bakar r.a. ketika menjadi khalifah, selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. telah memerangi orang-orang murtad pada zaman tersebut. Semua sahabat-sahabat baginda tidak membantah, malah turut sama memerangi orang-orang murtad itu, hingga keadaan tenang kembali semula. Ulama Islam seluruhnya berijma' mengatakan bahawa sememangnya hukuman ke atas orang yang murtad adalah bunuh. Murtad boleh terjadi dengan pengakuan yang jelas dari seseorang, atau dengan perbuatan yang boleh disabitkan sebagai murtad.

Hukuman bunuh ke atas orang-orang murtad itu bukanlah boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya. Jika berlaku kes murtad, maka pihak yang berkuasa perlu membicarakan kes-kes itu dengan sejelas-jelasnya. Sekiranya di dalam soal jawab akan sebab-sebab mengapa mereka menjadi murtad ternyata bahawa mereka telah tersalah faham terhadap Islam atau terpengaruh dengan dakyah jahat musuh-musuh Islam, maka setelah berpuas hati dengan keterangan-keterangan dan jawapan-jawapan yang diberikan kepada mereka, mereka boleh dianggap telah kembali semula kepada Islam dengan bertaubat.

Apabila Islam menghukum bunuh orang-orang yang murtad, maka persoalan sudah pasti akan timbul; tidakkah hukuman bunuh itu terlalu berat, untuk dikenakan ke atas orang-orang murtad.

Dengan mengenakan hukuman yang berat itu, tidakkah bererti tidak ada kebebasan beragama di dalam Islam?

Bagi persoalan pertama kita perlu menginsafi bahawa seseorang yang murtad sebenarnya adalah seorang yang telah memilih jalan sesat dengan meninggalkan jalan yang benar. Bagi pemerintah Islam yang telah yakin dengan Islam sebagai jalan yang benar, apakah akan rela membiarkan seseorang itu sesat setelah ia berada di atas kebenaran. Membiarkan seseorang itu hanyut di dalam kesesatan dan kebinasaan adalah suatu kesalahan besar. Oleh yang demikian pemerintah mesti mengembalikan seorang yang sesat kepada kebenaran yang telahpun ia temui. Jika tidak berjaya dikembalikan orang tersebut kepada kebenaran, maka itu bererti bahawa orang tersebut sebenarnya seorang yang membawa penyakit yang merbahaya. Penyakit itu bukan sahaja akan membinasakan dirinya seorang, malah akan membinasakan orang lain pula, mungkin masyarakat dan negara seluruhnya. Oleh yang demikian apakah

wajar orang tersebut perlu dibiarkan memusnahkan dirinya dan masyarakat juga negara. Atau dicari jalan yang paling ringan untuk mengatasi masalah itu iaitu dengan membunuh orang itu, supaya terselamat orang lain dari bahaya yang dibawa olehnya.

Dalam hidup kita sehari-hari, kita selalu melihat ada anggota-anggota badan manusia yang berpenyakit dan cacat dipotong oleh doktor kerana telah diyakini jika anggota yang cacat itu tidak dipotong maka akan merebak ke anggota lain yang sihat. Begitu juga kita melihat ada manusia yang dihukum bunuh kerana kesalahan-kesalahan tertentu yang perlu dihukum bunuh yang jika tidak dibunuh maka masyarakat akan terancam. Jika kita telah menerima semuanya itu maka demikian juga dengan masalah menghukum bunuh orang yang murtad itu.

Bagi persoalan yang kedua bersabit dengan kebebasan beragama, maka perlulah difahami benar-benar terlebih dahulu bahawa yang sebenarnya tidak ada kebebasan mutlak di dalam dunia ini; semuanya terikat. Sekiranya kebebasan tidak terikat atau disekat maka akan hancur leburlah masyarakat seluruhnya. Sebagai contoh, di dalam negara demokrasi setiap rakyat bebas bersuara dan bebas mengeluarkan pendapat. Akan tetapi apakah semua pendapat dapat disuarakan dan apa sahaja jenis pendapat boleh dikeluarkan? Tentu sekali tidak, begitulah juga dengan contoh-contoh yang lain. Demikian juga halnya dengan kebebasan beragama. Ia bukan bererti bebas sebebas-bebasnya dalam beragama sama ada hendak menganut satu agama atau meninggalkan sesuatu agama dengan mudah tanpa sekatan. Kebebasan beragama dalam Islam bererti seseorang itu bebas beragama apa sahaja sebelum ia memeluk agama Islam, dan bebas pula mengamalkan ajaran-ajaran agama yang dianutinya. Ia juga bebas sama ada untuk memeluk Islam ataupun tidak. Dalam Islam tidak boleh dipaksa seseorang itu memeluk Islam. Akan tetapi sebelum memeluk Islam hendaklah ia benar-benar faham bahawa apabila telah memeluk agama Islam maka ia tidak boleh keluar dari agama itu. Jika ia keluar maka hukuman telah ditetapkan seperti yang tersebut tadi.

Contoh kebebasan seperti yang disebutkan di atas bolehlah dicontohkan dengan kebebasan warganegara Malaysia, sama ada hendak menyertai perkhidmatan polis atau tentera, bagi orang yang layak dan peluang terbuka untuk berbuat demikian. Menyertai

perkhidmatan polis atau tentera adalah bebas. Akan tetapi setelah menerima perkhidmatan itu dengan segala syarat-syaratnya, apakah seseorang itu akan bebas sama ada hendak mengikuti arahan-arahan ataupun meninggalkan perkhidmatan itu dengan sewenang-wenang. Kita semua faham bahawa setelah menerima dan memasuki perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan undang-undang dan peraturan menjadi pengawal utama yang mengikat kebebasan seseorang. Sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan tersebut ia akan dihukum, demikian jugalah dengan kebebasan beragama di dalam Islam.

Dengan penjelasan itu maka selesailah persoalan hukum hudud yang dapat dijelaskan dan sekarang kita beralih kepada penganalisaan hukuman qisas.

XIII

QISAS

Pengeritan Qisas

Perkataan Qisas dari segi bahasanya, jika dikembalikan kepada akar katanya adalah bererti sama atau seimbang. Ini menunjukkan bahawa hukuman Qisas ialah hukuman yang sama dan seimbang dengan kesalahan yang dilakukan.

Dalam kitab tafsir al-Qurtubi, di samping Qisas itu bererti sama atau seimbang, ia juga memberi erti "mengikut jejak atau kesan". Maksudnya hukuman Qisas akan dapat mengikut jejak penjenayah bagi dijatuhkan ke atasnya hukuman yang seimbang dengan kesalahannya.

Qisas juga bererti "Potong" yang memberi erti bahawa dengan hukuman Qisas akan terpotonglah jenayah itu dari terus berlaku di dalam masyarakat.

Dari segi istilah perundangan Islam, Qisas bererti: suatu hukuman yang telah ditetapkan Allah s.w.t. yang wajib dilaksanakan bagi menunaikan hak manusia.

Ini bererti bahawa yang membunuh hendaklah dibunuh dan yang mencederakan hendaklah dicederakan inilah kesimpulan dari pengertian Qisas menurut perbahasan ini.

Perbezaan Qisas dengan Hudud

Jika diteliti pengertian Qisas ini maka didapati amat hampir sekali pengertiannya dengan pengertian Hudud seperti yang diulas-

kan sebelum ini. Persamaan antara Hudud dan Qisas adalah dari segi kedua-duanya merupakan hukuman-hukuman yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. dan kedua-duanya wajib dilaksanakan.

Adapun dari segi hak yang terkandung di dalam Hudud berlainan dengan hak yang terkandung di dalam Qisas. Dalam melaksanakan hukuman Hudud hak Allah lebih menonjol dari hak manusia. Sedangkan Qisas pula hak manusia lebih menonjol dari hak Allah. Yang dimaksudkan hak Allah dalam hubungan ini ia hak orang ramai, atau hak masyarakat umum.

Dengan perbezaan hak di dalam Hudud dan Qisas maka berbezalah ciri-ciri pelaksanaan hukum tersebut dalam kes-kes yang menyentuh persoalan Hudud. Contohnya, kesalahan mencuri, merompak, zina, arak dan sebagainya. Semua hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah bagi setiap hukuman itu merupakan hak Allah, yang wajib dilaksanakan sepenuhnya tanpa membolehkan sesiapa pun di dalam dunia ini mengubah, mengurang atau menambah hukuman itu, jauh sekali dari membatalkannya. Ini disebabkan Hudud merupakan hak Allah, maka manusia diwajibkan menerima dan melaksanakan hukuman itu.

Walaupun Qisas juga ditetapkan oleh Allah s.w.t. dan wajib dilaksanakan; tetapi Qisas merupakan hak manusia. Ini bererti penentuan terakhir untuk melaksanakan hukuman itu adalah hak manusia, iaitu hak orang yang menuntut Qisas tersebut.

Sekiranya pihak yang menuntut hukuman Qisas bagi kesalahan bunuh atau mencederakan itu memaafkan kesalahan tersebut maka gugurlah hukuman Qisas itu. Inilah yang dikatakan hak manusia. Jika sekiranya hukuman bagi kesalahan membunuh atau mencederakan itu hendak dijatuhkan, kerana kedua-dua pihak bersetuju, maka ganti rugi itu boleh menggantikan Qisas. Hal ini dibolehkan, kerana Qisas itu sendiri seperti yang dibicarakan tadi adalah hak manusia.

Kesalahan-kesalahan yang Mewajibkan Qisas

Kesalahan-kesalahan yang mewajibkan Qisas ialah kesalahan membunuh dengan sengaja dan kesalahan mencederakan tubuh badan dengan sengaja. Hukuman bagi kedua-dua jenis kesalahan itu ialah: membunuh dibalas bunuh. Mencederakan hendaklah

dibalas dengan mencederakan juga. Allah s.w.t. berfirman:

يٰٓأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِى الْقَتْلٰى.

Terjemahan: Wahai orang yang beriman diwajibkan ke atas kamu melaksanakan hukuman Qisas (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh.

(Al-Baqarah, 2:178)

Ayat di atas menyatakan hukuman Qisas yang diwajibkan oleh Allah s.w.t. untuk dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan para pengikutnya. Sebenarnya bukanlah hukuman baru, sebelum ini hukuman tersebut telah disyari'atkan kepada para Nabi yang sebelum dari Muhammad. Allah berfirman:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيْهَآ أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ
وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ
كَفَّارَةٌ لَّهُ وَمَنْ لَّمْ يَحْكُمْ بِمَآ أَنْزَلَ اللهُ فَأُولٰئِكَ هُمُ الظّٰلِمُوْنَ.

Terjemahan: Dan kami telah tetapkan atas mereka dalam kitab Taurat ini, bahawasanya jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya, dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

(Al-Maidah, 5:45)

Kesalahan-kesalahan Qisas seperti yang diperuntukkan dalam ayat di atas adalah terlalu terperinci dengan contoh-contoh yang jelas dan terang. Allah s.w.t. menyebutkan bahawa nyawa hendaklah dibalas dengan nyawa. Ini menunjukkan bahawa hukuman asal bagi kesalahan membunuh hendaklah dibunuh. Hukuman itu tidak boleh diubah atau dibatalkan setelah thabit, kecuali pihak yang menuntut

bela memaafkannya atau meminta gantikan Qisas itu dengan *Diat*.

Seterusnya Allah s.w.t. menyebutkan bahawa mata yang dicederakan hendaklah dibalas dengan mencederakan balik mata orang yang melakukannya. Demikian juga dengan anggota-anggota lain. Hatta kalau luka-luka pun hendaklah diqisaskan juga.

Dalam pada itu Allah s.w.t. menganjurkan kepada sesiapa yang memaafkan kesalahan orang lain yang melibatkan Qisas terhadapnya, maka itu adalah suatu sedekah yang boleh menjadi penebus dosa-dosanya yang lain. Itu adalah suatu kemurahan hati, yang sudah sewajarnya diberi ganjaran kepadanya. Dengan ganjaran dan kemurahan hati tersebut maka sedekah menjadi penebus dosa.

Hukuman-hukuman yang tersebut itu adalah hukuman Allah. Sesiapa yang tidak mempercayai hukuman-hukuman itu atau mengingkarinya maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim.

Qisas Undang-undang yang Maha Adil

Apabila Allah s.w.t. menetapkan hukuman, bahawa yang membunuh dengan sengaja hendaklah dibunuh jua dan yang mencederakan itu hendaklah dicederakan, maka secara spontan tentulah setiap insan di dalam hidup ini, tanpa mengira agama atau bangsa, secara jujur akan mengakui bahawa undang-undang yang seperti itu adalah seadil-adil dan sebaik-baik undang-undang. Ini disebabkan tiada bentuk undang-undang yang lebih adil atau lebih baik dari yang bersalah dihukum seimbang dengan kesalahannya.

Allah Maha Mengetahui tabiat manusia, kerana Ia yang menjadikan tabiat itu. Allah juga amat mengetahui tentang hukuman-hukuman yang sesuai dengan kesalahan manusia berdasarkan tabiat tadi. Untuk muslihat umat manusia maka undang-undang Qisas disyari'atkan, bagi menjamin kehidupan yang selesa dengan perasaan yang tenteram, jauh dari rasa ditekan dan dizalimi oleh manusia lain terhadapnya. Apabila manusia telah merasa puas dengan hukuman yang dijatuhkan ke atas sesuatu kesalahan, terutamanya apabila hukuman itu boleh memenuhi kehendak dan keinginan jiwanya, maka hilanglah rasa iri hati, hasad dengki dan dendam mendendam di dalam masyarakat yang adil dan aman damai selalu. Untuk itu Allah s.w.t. menyebut di dalam al-Qur'an:

وَلَكُمْ فِى الْقِصَاصِ حَيَوٰةٌ يَٰأُو۟لِى الْأَلْبَٰبِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Terjemahan: Dan dalam hukuman Qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa.

(Al-Baqarah, 2:179)

Dalam ayat tersebut ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian:

1. Hukuman Qisas akan menjaminkan kehidupan manusia.
2. Qisas ditujukan kepada manusia yang mempunyai hati dan berfikiran waras untuk menjamin kehidupan.
3. Dengan melaksanakan hukuman Qisas ketaqwaan kepada Allah akan bertambah.

Apabila Allah s.w.t. menyebut bahawa di sebalik hukuman Qisas, terciptalah kehidupan, maka Qisas merupakan suatu jaminan dari Allah s.w.t. untuk menjaga nyawa manusia supaya tidak banyak terkorban. Hukuman Qisas adalah satu-satunya undang-undang yang boleh menyelamatkan manusia seluruhnya dari bahaya pembunuhan yang bertambah-tambah dari semasa ke semasa. Suatu pembunuhan yang tidak diikuti dengan balasan bunuh atau ganti rugi, seperti yang dikehendaki oleh Islam, akan menyebabkan secara sedar ataupun tidak, timbulnya perasaan dendam mendendam yang mungkin pada mulanya terhadap orang yang menganiayainya. Akan tetapi jika perasaan itu tidak dapat ditenteramkan maka ia sudah pasti akan merebak kepada orang lain yang akhirnya akan tumbuh rasa curiga mencurigai, dendam mendendam, dengki dan sebagainya di dalam masyarakat. Akibatnya masyarakat akan porak-peranda.

Apabila hukuman yang adil seperti membunuh dengan sengaja dibalas dengan hukuman bunuh juga, maka dengan sendirinya perasaan ingin memberontak atau perasaan ingin menuntut bela akan terhapus dengan sendirinya, sebelum merebak. Dengan itu wujudlah kehidupan yang sebenar iaitu kehidupan yang selesa dan aman damai, jauh dari permusuhan dan pergaduhan yang boleh membawa kepada memakan korban.

Pada zaman Rasulullah s.a.w. berlaku peristiwa pembunuhan, seperti yang diceritakan oleh Human bin Qatadah daripada Anas

r.a., menurut Hadith tersebut: Seorang Yahudi telah membunuh seorang perempuan dengan menghempas batu di kepalanya. Apabila thabit pembunuhan itu, orang Yahudi tersebut telah dihukum Qisas.

Dalam suatu peristiwa lain, seorang lelaki telah membunuh seorang lelaki setelah seorang lagi memegang lelaki tersebut, seperti yang diceritakan oleh al-Daruqatni. Apabila pembunuhan itu thabit, Rasulullah s.a.w. telah menghukum bunuh ke atas orang yang membunuh dan menjatuhkan hukuman penjara ke atas orang yang memegang lelaki tersebut.

Dalam kehidupan manusia, tindakan-tindakan liar selalu dilakukan oleh penjenayah-penjenayah, untuk mencederakan seseorang atau melukakannya. Apabila tindakan-tindakan seperti itu berlaku maka pihak yang menjadi mangsa itu akan menanggung penderitaan yang kadangkala mungkin menyeksanya sepanjang hidup. Bagi mengurangkan perbuatan-perbuatan seperti itu Islam telah menetapkan balasan undang-undang yang seimbang dengannya, iaitu jika mencacatkan seseorang dengan sengaja balasannya dicacatkan juga dan yang melukakan seseorang juga dibalas dengan dilukakan. Pembalasan tersebut boleh dilakukan oleh yang membuat tuntutan itu dengan kebenaran pihak mahkamah.

Al-Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan Hadith Rasulullah s.a.w. (terjemahan):

> *Anak perempuan al-Nadzar telah memukul seorang perempuan dan mematahkan giginya. Apabila kes itu diadukan kepada Rasulullah s.a.w. beliau menghukum Qisas ke atas perempuan yang melakukannya.*

Ketika hukuman Qisas hendak dilaksanakan, tiba-tiba pihak yang menuntut bela menukarkan Qisas itu dengan ganti rugi (Diat).

Seorang raja Ghassan yang baru berjinak-jinak dengan Islam pada zaman Umar bin al-Khattab, ketika sedang melakukan tawaf di Baitullah, tiba-tiba seorang Islam dari golongan hamba, telah terpijak hujung jubahnya dengan tidak sengaja. Raja tersebut yang terkenal dengan nama Jabalah al-Aiham dengan tiba-tiba menumbuk hamba itu di mukanya. Apabila pengaduan dibuat kepada Umar bin al-Khattab dan didapati thabit kesalahan tersebut, Umar telah menjatuhkan hukuman Qisas ke atas Jabalah Al-Aiham, walaupun ia seorang raja yang baru berjinak dengan Islam.

Pada zaman Umar juga berlaku peristiwa anak gabenor Mesir telah memukul seorang pelumba kuda yang didapati mendahuluinya di dalam suatu perlawanan. Apabila yang dipukul tersebut mengadu kepada Umar bin al-Khattab, Umar telah menjatuhkan hukuman Qisas.

Demikianlah beberapa contoh hukuman Qisas seperti yang telah dilaksanakan pada zaman Rasulullah s.a.w. dan sahabatnya. Semua hukuman-hukuman itu merupakan seadil-adil hukuman, kerana ia ditetapkan oleh Allah Yang Maha Adil. Dengan hukuman yang amat adil itu terpeliharalah masyarakat seluruhnya dari ancaman pembunuhan. Itu pun jika hukuman-hukuman Allah itu diterima sepenuhnya dan dilaksanakan ke dalam pemerintahan dengan keimanan yang bulat kepada hukum-hukum tersebut sebagai hukuman yang paling wajar untuk dilaksanakan.

Membunuh sebagai Kesalahan Besar

Membunuh dengan segaja adalah perbuatan yang terkutuk dan amat ditegah oleh Islam. Ia suatu dosa besar yang sewajarnya dibalas di dunia ini dengan pembunuhan seperti itu juga. Apabila suatu pembunuhan berlaku di dalam masyarakat, maka akibat buruknya akan menimpa bukan sahaja kepada pihak yang menjadi mangsa tersebut, akan tetapi kepada masyarakat seluruhnya. Dengan suatu pembunuhan yang disengajakan mungkin peperangan akan berlaku dalam masyarakat antara dua pihak yang terlibat. Sama ada perkara itu berlaku ataupun tidak, kesan dari pembunuhan itu sudah pasti akan dirasakan oleh masyarakat umum. Ketenteraman akan tergugat, keselamatan terancam dan berbagai-bagai lagi. Oleh yang demikian Allah s.w.t. berfirman:

وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُّتَعَمِّدًا فَجَزَآؤُهُ جَهَنَّمُ خٰلِدًا فِيْهَا وَغَضِبَ اللهُ عَلَيْهِ
وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيْمًا.

Terjemahan: Dan sesiapa yang membunuh seseorang mukmin dengan sengaja, maka balasnya ialah neraka jahanam, kekal ia di dalamnya, dan Allah murka kepadanya dan melaknatkannya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar.

(Al-Nisa', 4:93)

Besarnya dosa orang yang membunuh dengan sengaja dapat dibayangkan dari Hadith Rasulullah s.a.w. seperti yang diriwayatkan oleh Abu Daud dengan isnad yang sahih:

لَقَتْلُ مُؤْمِنٍ أَعْظَمُ عِنْدَ اللهِ مِنْ زَوَالِ الدُّنْيَا وَمَا فِيْهَا.

Terjemahan: Membunuh seorang mukmin itu adalah lebih dahsyat di sisi Allah, dari lenyapnya dunia ini dengan segala isinya.

Allah berfirman:

مِنْ أَجْلِ ذٰلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَآئِيلَ أَنَّهُ مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْفَسَادٍ فِى الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيْعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيْعًا.

Terjemahan: Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan untuk Bani Israel, bahawasanya sesiapa yang membunuh diri seseorang dengan tidak ada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di bumi, maka seolah-olahnya telah membunuh manusia semuanya.

(Al-Maidah, 5:32)

Demikianlah gambaran-gambaran tentang dahsyatnya dosa orang yang melakukan pembunuhan dengan sengaja. Untuk mengelak dari berlakunya pembunuhan seperti itu atau sekurang-kurangnya mengurangkan jumlah pembunuhan itu, maka undang-undang Qisas merupakan satu-satunya pilihan umat Islam di tahap ini bagi menjamin keselamatan hidup manusia di dunia dan di akhirat.

Qisas merupakan undang-undang Allah untuk kemuslihatan manusia. Namun demikian Islam telah membuka jalan keluar bagi mengelak dari hukuman Qisas itu dilaksanakan. Qisas boleh ditukar dengan ganti rugi yang diistilah sebagai Diat. Jika sekiranya pihak yang terbunuh memaafkan yang membunuh dari hukuman Qisas

maka ia boleh mengambil Diat sebagai gantinya.

Diat adalah jalan keluar yang boleh menguntungkan kedua-dua belah pihak. Pihak yang membunuh dan pihak yang terbunuh. Ini membayangkan Islam telah memperhitungkan kemungkinan wujudnya orang-orang yang tidak mahu dilaksanakan hukuman Qisas itu kerana beberapa sebab. Oleh itu Diat sebagai gantinya. Sekiranya Qisas dan Diat tidak juga diperlukan, maka Islam telah meletakkan masalah itu sebagai masalah sedekah yang akan diberi pahala besar kepada orang yang memaafkan semuanya. Untuk itu elok rasanya kita kupaskan pula masalah Diat.

XIV

DIAT DAN TA'ZIR

Pengertian Diat

Perkataan Diat menurut istilah perundangan Islam bererti "Denda yang telah ditetapkan oleh syara' sebagai menggantikan Qisas yang tidak dilaksanakan." Suatu pembunuhan yang berlaku biasanya akan menghadapi tiga kemungkinan:

1. Dibunuh balas sebagai Qisas.
2. Dihukum membayar dendanya atau Diat.
3. Kemaafan tanpa syarat.

Dalam perbahasan ini penumpuan akan dibuat untuk menerangkan Diat itu dari beberapa segi.

Jenis-jenis Diat dan Kadarnya

Diat berat: Diat berat dikenakan ke atas pembunuhan yang dilakukan dengan sengaja atau seolah-olahnya sengaja. Pembunuhan dengan sengaja adalah pembunuhan yang lengkap padanya tiga syarat asasi:

1. Niat membunuh.
2. Orang tertentu yang ditujukan.
3. Dengan menggunakan alat yang lazimnya boleh membunuh.

Sekiranya sesuatu pembunuhan itu dapat dibuktikan oleh yang mendakwa dengan wujudnya ketiga-tiga ciri tersebut, maka bolehlah diputuskan pembunuhan itu dilakukan dengan sengaja. Apabila thabit pembunuhan dengan sengaja, maka hukumnya adalah Qisas, iaitu nyawa dibalas nyawa juga. Jika sekiranya pihak yang mendakwa tidak menghendaki Qisas itu dilaksanakan sebaliknya dia hendak menukarnya dengan Diat dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak, maka Diatnya telahpun ditetapkan oleh syara'. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ فِي النَّفْسِ الْمُؤْمِنَةِ مِائَةً مِنَ الْإِبِلِ.

Terjemahan: Diat bagi pembunuhan ke atas seorang mukmin itu ialah seratus ekor unta.

Diat seratus ekor unta seperti yang dikehendaki dalam Hadith di atas dijelaskan lagi jenis-jenis unta itu dengan halusnya. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ قَتَلَ مُتَعَمِّدًا دُفِعَ إِلَى أَوْلِيَاءِ الْمَقْتُوْلِ فَإِنْ شَاءُوْا قَتَلُوْا وَإِنْ شَاءُوْا
أَخَذُوْا الدِّيَةَ وَهِيَ ثَلَاثُوْنَ حِقَّةً وَثَلَاثُوْنَ جَذَعَةً وَأَرْبَعُوْنَ خَلِفَةً.

Terjemahan: Sesiapa yang membunuh dengan sengaja, maka pembunuhan itu akan diserahkan kepada wali yang terbunuh. Mereka boleh; sama ada hendak membunuhnya balas (Qisas) ataupun menerima Diat. Diat yang diperlukan ialah 30 ekor unta betina. Yang umurnya tiga masuk empat tahun. 30 ekor unta betina yang umurnya empat masuk lima tahun dan 40 ekor unta betina yang sedang bunting.

(Riwayat al-Tirmizi)

Diat bagi kesalahan membunuh dengan sengaja adalah ditanggung oleh pembunuh sepenuhnya dan mesti dibayar dengan segera.

Membunuh dengan seolah-olahnya sengaja adalah pembunuhan yang tidak lengkap berpandukan tiga syarat tadi. Seperti seseorang yang memukul seorang yang lain dengan hanya menggunakan rotan atau tali, tiba-tiba yang kena pukul itu mati. Maka ketika itu

dikatakan pembunuhan itu seolah-olahnya sengaja dan bukannya sengaja.

Dikatakan pembunuhan itu seolah-olahnya sengaja kerana alat yang digunakan dalam kes tersebut biasanya tidak boleh membunuh. Akan tetapi bila didapati yang kena pukul itu mati, maka seolah-olahnya sengaja.

Pembunuhan yang seolah-olahnya sengaja dikenakan Diat berat juga, iaitu seperti Diat membunuh dengan sengaja. Akan tetapi cara membayar Diat tersebut jauh berbeza dengan cara pembayaran Diat membunuh dengan sengaja.

Seperti yang dijelaskan tadi bahawa Diat membunuh dengan sengaja adalah seratus ekor unta yang ditanggung sepenuhnya oleh pembunuh dan mesti dibayar dengan segera. Adapun Diat membunuh dengan tidak sengaja tetapi seolah-olahnya sengaja Diatnya dikenakan ke atas keluarga pembunuh yang diistilahkan sebagai *Aqilah*.

Maksud keluarga di sini ialah orang-orang yang menjadi waris pembunuh itu dari sebelah bapanya, terutama saudara-saudaranya yang lelaki dan anak-anak saudaranya dan begitulah seterusnya. Jika tidak maka bapa-bapa saudaranya kemudian anak-anak saudaranya yang lelaki dan seterusnya.

Apabila Diat tersebut ditanggung oleh waris pembunuh, maka mereka boleh membayarnya secara beransur-ansur bagi jangka masa selama tiga tahun. Tiap-tiap tahun dibayar ⅓ dari jumlah Diat yang dikenakan.

Diat ringan: Telah diperkatakan tadi bahawa Diat berat dikenakan ke atas pembunuhan dengan sengaja atau seolah-olahnya sengaja. Adapun pembunuhan yang berlaku secara tersalah yang tidak sengaja, seperti seorang yang menebang pokok tiba-tiba pokok tersebut tertimpa seorang lain dan orang itu terbunuh, atau seseorang yang terbunuh kerana tertembak dengan tidak sengaja dan sebagainya, maka pembunuhan seperti ini tidak boleh dikenakan Qisas. Akan tetapi dikenakan Diat ringan. Allah s.w.t. berfirman:

وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَئًا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَى أَهْلِهِ.

***Terjemahan:** Dan sesiapa yang membunuh seseorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia mem-*

bayar kaffarat) dengan memerdekakan seorang hamba sahaja yang beriman serta membayar "Diat" (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga simati).

(Al-Nisa' 4:92)

Diat membunuh dengan tersalah (tidak sengaja) adalah juga seratus ekor unta.

Mungkin timbul persoalan: Mengapa Diat membunuh dengan tersalah itu dikatakan Diat ringan padahal sama kadarnya dengan Diat membunuh dengan sengaja iaitu seratus ekor unta yang merupakan Diat berat. Ia dikatakan ringan sebab:

1. Diat membunuh dengan tidak sengaja dikenakan ke atas aqilah (keluarga) secara berkongsi.
2. Boleh dibayar beransur-ansur selama tiga tahun.
3. Diat itu dibahagikan kepada lima jenis unta iaitu:
   20 ekor unta betina yang berumur setahun ke atas.
   20 ekor unta jantan yang berumur dua tahun ke atas.
   20 ekor unta betina yang berumur dua tahun ke atas.
   20 ekor unta betina yang berumur tiga tahun ke atas.
   20 ekor unta betina yang berumur empat tahun ke atas.

Bolehkah Diat Dibayar dengan Wang

Meskipun keseluruhan persoalan Diat menampakkan bentuk kearaban dari segi dendanya yang menekankan bilangan unta seolah-olahnya hanya unta sahaja yang mesti dibayar. Kalaulah itu Diat-nya, maka bagaimana pula bagi orang-orang Islam yang di luar tanah Arab seperti di Malaysia, Indonesia dan sebagainya.

Sebenarnya unta adalah sebagai contoh sahaja. Diat boleh dibayar dengan wang atau yang dapat dinilaikan dengan wang yang dianggarkan daripada harga unta tadi. Umar bin al-Khattab telah menjelaskan bahawa Diat boleh dibayar dengan kambing, lembu, wang dan sebagainya. Yang penting dalam perkara membayar Diat ini ialah menepati kehendaki syara' dengan membayar suatu kadar yang mengimbangi seratus ekor unta bagi nilai yang sederhana, bukan pada waktu inflasi dan sebagainya.

Bagi kita pada zaman ini kadar Diat boleh ditentukan oleh mahkamah mengikut keadaan mata wang kita yang dipadankan dari seratus ekor unta seperti yang disebutkan dalam Hadith Rasulullah s.a.w. sebelum daripada ini.

Tidak Mampu Membayar Diat

Mungkin berlaku dalam masyarakat, seseorang yang dikenakan membayar Diat kerana sebab-sebab tadi, tidak mampu membayar Diat tersebut kerana kemiskinannya. Keluarganya juga miskin, ataupun ia tidak berkeluarga, hidup sebatang kara. Oleh itu, siapakah yang akan membayar Diat yang dimestikan ke atasnya.

Orang yang tidak mampu membayar Diat, maka wajiblah pihak pemerintah membayar Diat tersebut dari kumpulan wang *"bait al-Mal"*. Hal seperti ini perlu bagi menjaminkan sesuatu jenayah itu tidak terlepas dari hukuman. Sekiranya pihak pemerintah tidak mahu membayar Diat tersebut maka bererti pemerintah tidak menjalankan tugasnya untuk melindungi setiap rakyat yang teraniaya.

Mungkin timbul persoalan mengapa pemerintah mesti membayar denda atau Diat tersebut, padahal pemerintah tidak bersalah dalam hal seperti ini. Sebenarnya bukan persoalan salah atau tidaknya yang perlu dipersoalkan yang mustahak ialah persoalan hak dan tanggungjawab.

Seseorang yang tidak mempunyai keluarga tetapi berharta banyak, jika ia meninggal dunia maka hartanya akan menjadi hak pemerintah (Bait-al Mal). Oleh kerana pemerintah yang menjadi warisnya secara tidak langsung dalam mewarisi harta orang yang tidak berwaris, maka dengan sendirinya semua yang tidak berwaris adalah tanggungjawab pemerintah. Oleh yang demikian wajarlah pemerintah membayar Diat bagi orang yang tidak berwaris dan miskin pula.

Kesalahan-kesalahan yang Dikenakan Diat

Bukan sahaja membunuh sama ada dengan sengaja atau tidak yang dikenakan Diat, tetapi semua jenis Qisas yang lain, seperti luka, patah, cacat anggota, buta mata dan sebagainya. Jika tidak diqisaskan maka Diat akan mengambil tempat Qisas itu.

Setiap orang yang dicederakan boleh meminta Diat sebagai

menggantikan Qisas. Ini adalah suatu jaminan sosial yang dilaksanakan oleh Islam untuk memberikan perlindungan kepada masyarakat umum dalam bidang ganti rugi.

Pengertian Ta'zir

Perkataan Ta'zir dari segi bahasanya bererti mencegah atau menahan. Dari segi istilah perundangan Islam, Ta'zir bererti hukuman-hukuman yang tidak ditetapkan qadar dan bentuknya yang wajib dilaksanakan bagi menunai hak Allah atau hak manusia dalam setiap kesalahan yang tidak dikenakan hukuman Hudud atau Kaffarah.

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh manusia, apabila tidak termasuk ke dalam kesalahan Hudud seperti yang diperkatakan sebelum ini maka pada umumnya ia termasuk dalam kesalahan Ta'zir.

. Imam al-Sayuti pernah menegaskan yang bermaksud:

> *Sesiapa yang melakukan sesuatu maksiat yang tidak termasuk ke dalam kesalahan Hudud dan Kaffarah maka hendaklah dita'zirkan.*

Ta'zir suatu jenis hukuman yang belum ditentukan bentuk dan kadarnya. Hanya, ia diserahkan kepada budi bicara hakim atau qadi untuk membuat keputusan berdasarkan pertimbangannya. Dalam pada itu qadi atau hakim tidaklah boleh dengan sewenang-wenangnya menjatuhkan hukuman, tanpa memberi perhitungan yang wajar ke atas kesalahan yang dilakukan. Dalam sejarah kehakiman Islam contoh-contoh hukuman Ta'zir yang telah dijatuhkan sebelum ini boleh dijadikan panduan supaya tidak terlalu melampaui kebiasaan dan tidak pula terlalu ringan hingga tidak tercapai maksud hukuman itu. Semuanya itu boleh dijadikan panduan hukuman Ta'zir.

Bidang Kuasa Ta'zir

Jenis-jenis kesalahan yang termasuk dalam bidang kuasa hukuman Ta'zir amat luas dan banyak cabangnya. Padanya seperti yang dikatakan oleh Imam al-Sayuti tadi, bahawa tiap-tiap maksiat yang tidak termasuk ke dalam hukuman Hudud dan Kaffarah, maka termasuk ke dalam bidang kuasa Ta'zir.

Kesalahan-kesalahan Ta'zir adalah seperti kesalahan meninggalkan kewajipan-kewajipan agama atau melanggar larangan-larangan Allah dan Rasul-Nya dalam semua aspek yang boleh dithabitkan sebagai melakukan kesalahan-kesalahan di bawah fasal melanggar hukum agama Islam.

Cara Menentukan Hukuman Ta'zir

Penetapan hukuman Ta'zir adalah termasuk dalam bidang kuasa pemerintah, atau lebih tegas kuasa mahkamah. Bagi tujuan mengawal supaya bidang kuasa Ta'zir itu tidak disalahgunakan maka ulama-ulama perundangan Islam telah bersetuju menetapkan garis panduan yang perlu dijaga oleh hakim atau qadi dalam menjatuhkan hukuman. Antara garis-garis panduan itu adalah seperti yang berikut:

1. Tujuan utama diadakan bidang kuasa Ta'zir adalah untuk menjaga kepentingan ramai. Oleh yang demikian hukuman Ta'zir yang dikenakan ke atas seorang pesalah itu hendaklah mencerminkan kepentingan ramai, bukannya kepentingan perseorangan atau kumpulan.

2. Hukuman Ta'zir hendaklah ditimbangkan dari segi kesannya yang baik untuk menolong orang yang bersalah, juga masyarakat supaya terhindar dari melakukan kesalahan itu demi mewujudkan keselesaan untuk semua manusia.

3. Perlu dipelihara dan diwujudkan pertimbangan antara kesalahan yang dilakukan dengan hukuman yang dijatuhkan. Perimbangan ini perlu dihormati untuk memelihara ketenangan dan kepercayaan manusia terhadap wajarnya hukuman Ta'zir itu dipergunakan sebaik-baiknya.

4. Keadilan dalam hukuman Ta'zir amat perlu. Sekiranya sesuatu kesalahan itu dilakukan oleh beberapa orang, maka hukuman ke atas mereka semua hendaklah sama. Jika mereka sama-sama melakukan kesalahan itu, jangan pula kerana ada di kalangan orang yang berpengaruh maka hukuman ke atasnya diringankan.

5. Hukuman Ta'zir hendaklah jangan melebihi hukuman Hudud.

Dengan garis panduan itu hakim-hakim yang diberikan kuasa Ta'zir, dapat membuat keputusannya. Oleh yang demikian tidak ada satu pun kesalahan yang tidak diperuntukkan hukumannya dalam Islam. Apa sahaja kesalahan yang dapat dithabitkan telah sedia ada hukuman yang tidak boleh diragukan sama sekali.

XV

MANUSIA DAN JIHAD

Pengertian Islam

Islam seperti yang dijelaskan oleh Allah dalam Kitab al-Qur'an ialah agama Allah. Firman Allah:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللهِ الإِسْلٰمُ.

Terjemahan: Sesungguhnya agama yang sebenar di sisi Allah ialah Islam.

(Ali 'Imran, 3:19)

Tentulah juga agama yang sempurna lagi diredai oleh Allah.

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الإِسْلٰمَ دِينًا.

Terjemahan: Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu, dan Aku telah redai Islam itu menjadi agama untuk kamu.

(Al-Maidah, 5:3)

Pengertian Islam yang umum dan menyeluruh seperti yang digariskan oleh Islam sendiri ialah: *al-Istislam Lillah atau al-Islam;*

iaitu penyerahan diri kepada Allah:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِينًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ.

Terjemahan: Dan tiadalah orang yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas) sedang ia berusaha melakukan kebaikan.

(Al-Nisa', 4:125)

Agama Alam Sejagat dan Agama Manusia

Penyerahan diri kepada Allah Maha Pencipta alam semesta ini adalah lambang yang hakiki kepada *"al-Din"*, atau agama kepada segala makhluk, bahkan agama kepada seluruh alam semesta, atau alam sejagat, di langit dan di bumi, dan secara khusus ialah agama kepada umat manusia.

أَفَغَيْرَ دِينِ اللهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ.

Terjemahan: Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian itu) mereka mencari lain daripada agama Allah? Padahal kepadanyalah tunduk (taat) sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun dengan paksa dan kepadanyalah mereka dikembalikan.

(Ali 'Imran, 3:83)

Ucapan Ikrar Lima Kali dalam Sehari Semalam

Pengertian Islam sebagai penyerahan diri kepada Allah inilah yang menjadi hakikat Agama Allah yang diturunkan kepada para Rasul dan Nabi-nabi sejak Adam a.s. hinggalah Muhammad s.a.w. Pengertian Islam sebagai penyerahan diri kepada Allah inilah yang sentiasa diikrarkan dalam satu ucapan rasmi dengan penuh khidmat, penuh syarat dan penuh disiplin, penuh penghormatan, penuh kequdusan, penuh kesedaran dan penuh keikhlasan di hadapan Allah tidak kurang dari 5 kali dalam sehari semalam.

إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَآ أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ.

Terjemahan: Sesungguhnya aku hadapkan muka dan diriku kepada Allah yang menjadikan langit dan bumi, sedangkan aku tetap di atas dasar tauhid (mengesakan Allah) dan bukanlah aku dari orang-orang yang menyengutukannya (dengan sesuatu yang lain).

(Al-An'am, 6:79)

Sujud

Penyerahan diri kepada Allah terlambang dan tersimpul dalam sujud kepada Allah:

وَلِلّٰهِ يَسْجُدُ مَن فِي السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا.

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللّٰهَ يَسْجُدُ لَهُ مَن فِي السَّمٰوٰتِ وَمَن فِي الْأَرْضِ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ وَالنُّجُومُ وَالْجِبَالُ وَالشَّجَرُ وَالدَّوَآبُّ وَكَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ وَكَثِيرٌ حَقَّ عَلَيْهِ الْعَذَابُ.

Terjemahan: Dan kepada Allah jualah sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi tunduk menurut sama ada dengan kerelaan hati dan terpaksa. Tidaklah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (di antaranya termasuklah) Matahari dan bulan dan bintang-bintang dan gunung-ganang dan pokok-pokok kayu dan binatang-binatang serta sebahagian besar dari manusia? Dan banyak pula (di antara manusia) yang berhak ditimpa azab (disebabkan kekufurannya atau maksiatnya).

(Al-Ra'd, 13:15, Al-Hajj, 22:18)

Penyerahan diri kepada Allah seperti yang diterjemahkan dengan tepat dalam lambang sujud kepada Allah bererti kerelaan untuk memasuki "Daerah atau Liputan Ilahi" (الْمُحِيطُ الإِلٰهِي) **maka segala yang dikandung oleh hidup dan kehidupan itu pastilah**

ditundukkan ke dalam garis lingkungan atau bulatan daerah Ilahi yang terpelihara dan terselamat. Ia merangkumi tiga ciri iaitu 'aqidah, sistem akhlak dan sistem perundangan yang terpelihara.

Islam dan Salam

Dengan penyerahan diri dan sujud kepada Allah dalam ketiga-tiga ciri itu manusia akan mencapai hidup bahagia dan sejahtera. Kebahagiaan hidup dan kesejahteraannya akan terjamin, kerana hidup itu berasas, berkota, dan bernaungkan "Penyerahan diri kepada Allah" dalam tiga cirinya yang sempurna dan terpelihara.

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلاً.

Terjemahan: Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (al-Qur'an meliputi hukum-hukum dan janjinya) dengan benar dan adil.

(Al-An'am, 6:115)

Al-Salam atau kesejahteraan adalah hasil yang pasti dicapai dari penyerahan diri dan kepatuhan kepada Allah s.w.t. Kedua-duanya adalah sebagai permulaan dan akhiran dalam Islam, atau sebagai tujuan utama dari keseluruhan Islam itu sendiri. Dalam Ibadah sembahyang umpamanya, terciptalah hubungan antara Insan dengan Allah yang menciptakannya. Ia juga merupakan "Konsep Pengabdian Hidup" kepada Allah, dengan mematuhi segala titah perintahnya. Dalam kepatuhan itu akan tercapailah tujuan utama manusia dijadikan. Apabila manusia telah patuh maka akan wujudlah keselamatan dan kesejahteraan yang abadi.

Dan itulah juga ucapan yang saling diberi dan diterima dalam syurga.

Umat Islam digalakkan (disunatkan) memberi salam kepada kawannya pada setiap kali berlaku pertemuan; atau perpisahan yang melambangkan bahawa "salam" adalah doa dan amalan umat Islam pada setiap ketika sepertimana Allah berfirman:

وَإِذَا حُيِّيتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَآ أَوْ رُدُّوهَآ إِنَّ اللهَ كَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا.

Terjemahan: Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung akan tiap-tiap sesuatu:

(Al-Nisa', 4:86)

لَا يَسْمَعُوْنَ فِيْهَا لَغْوًا وَلَا تَأْثِيْمًا. إِلاَّ قِيْلًا سَلٰمًا سَلٰمًا.

Terjemahan: Mereka tidak akan mendengar di dalam syurga itu perkataan yang sia-sia dan tidak pula sesuatu yang menyebabkan dosa. Mereka hanya mendengar ucapan: "selamat! selamat!" (dari satu kepada yang lain).

(Al-Waqi'ah, 56:25-26)

Bahkan seterusnya inilah ucapan penghormatan pada ketika dan saat pertemuan yang paling bangga atau bahagia antara hamba dengan Allah:

تَحِيَّتُهُمْ يَوْمَ يَلْقَوْنَهُ سَلٰمٌ وَأَعَدَّلَهُمْ أَجْرًا كَرِيْمًا.

Terjemahan: Sambutan penghormatan yang akan diberi Tuhan kepada mereka semasa menemuinya ialah ucapan: "Selamat sejahtera"! Dan Ia telah menyediakan untuk mereka pahala balasan yang mulia.

(Al-Ahzab, 33:44)

Iman dan Jihad

Penyerahan diri dan sujud kepada Allah yang menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup insan itu memerlukan:

1. Ikatan janji setia, atau ikatan sumpah setia, atau bai'at dengan Allah ataupun dengan Rasul utusan-Nya. Itulah ikatan janji iman, itulah sumpah setia iman, dan itulah Bai'atal-iman.

إِنَّ الَّذِيْنَ يُبَايِعُوْنَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُوْنَ اللهَ يَدُاللهِ فَوْقَ أَيْدِيْهِمْ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad — untuk berjuang menentang musuh), mereka hanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk dibalasnya).

(Al-Fath, 48:10)

فَاسْتَبْشِرُوْا بِبَيْعِكُمُ الَّذِىْ بَايَعْتُمْ بِهِ وَذٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيْمُ.

Terjemahan: Oleh itu bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jaual beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar.

(Al-Taubah, 111)

Ikatan janji setia iman ini adalah ikatan yang tersimpul dengan kukuh dan teguh dalam hati dan tidak akan terurai.

فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّٰغُوْتِ وَيُؤْمِنْ بِاللهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقٰى لاَ انْفِصَامَ لَهَا وَاللهُ سَمِيْعٌ عَلِيْمٌ.

Terjemahan: Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut dan ia (pula) beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama Allah) yang teguh, yang tidak akan putus, dan (ingatlah) Allah amat mendengar, lagi amat mengetahui.

(Al-Baqarah, 2:256)

Taghut dalam kitab *Tafsir al-Tabari* diertikan dengan: Tukang-tukang tenung nasib (kulhan), syaitan-syaitan dan golongan yang sesat dari jalan Allah.

Taghut dalam pengertian khusus ditujukan kepada pihak yang menyimpang dari jalan Allah dan melakukan kezaliman mengikut hawa nafsu tanpa batas.

Ikatan yang tersimpul sedemikian kukuh dalam jiwa dan hati perlu dilahirkan dan diterjemahkan dalam pengakuan, lidah iaitu dengan lafaz (penyaksian atau syahadah tauhid); iaitu peringkat tertinggi atau kemuncak dari peringkat 'aqidah dan keimanan.

شَهِدَ اللّٰهُ أَنَّهُ لَآ إِلٰهَ إِلاَّ هُوَ.

Terjemahan: Allah menerangkan (kepada sekalian makhluknya dengan dalil-dalil bukti) bahawasanya tiada Tuhan (yang disembah dengan sebenar-benarnya) melainkan Ia.

(Ali 'Imran, 3:18)

Lafaz Syahadah atau penyaksian itu sentiasa diulang, malahan dimestikan supaya diulangi dalam kehidupan seorang muslim tidak kurang dari 15 kali dalam azan dan qamat, dan 9 kali waktu sembahyang dalam sehari semalam demi untuk menyedarkan kepada hakikat atau konsep Syahadah dan demi untuk memberikan saranan kepada orang-orang muslim supaya sentiasa melaksanakan konsep Syahadah dalam segala gerak kehidupannya.

2. Jihad dalam pengertiannya yang luas dan menyeluruh. Jihad inilah Natijah atau hasil buah yang sejati dari pohon iman yang tertanam dalam bumi hati insan. Oleh kerana itu al-Qur'an tidak memisahkan antaran iman dan jihad dalam ayat-ayatnya:

إِنَّ اللّٰهَ اشْتَرٰى مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوٰلَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ يُقٰتِلُوْنَ
فِى سَبِيْلِ اللّٰهِ فَيَقْتُلُوْنَ وَيُقْتَلُوْنَ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِى التَّوْرٰىةِ وَالْإِنْجِيْلِ
وَالْقُرْءَانِ وَمَنْ أَوْفٰى بِعَهْدِهِ مِنَ اللّٰهِ فَاسْتَبْشِرُوْا بِبَيْعِكُمُ الَّذِيْ بَايَعْتُمْ
بِهِ وَذٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيْمُ. التَّآئِبُوْنَ الْعٰبِدُوْنَ الْحٰمِدُوْنَ السّٰٓئِحُوْنَ
الرّٰكِعُوْنَ السّٰجِدُوْنَ الْأٰمِرُوْنَ بِالْمَعْرُوْفِ وَالنَّاهُوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَالْحٰفِظُوْنَ لِحُدُوْدِ اللّٰهِ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِيْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah; maka (di antara) mereka (ada yang) membunuh dan terbunuh, (balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (kitab-kitab) Taurat dan Injil serta al-Qur'an; dan siapakah (lagi) yang lebih menyempurnakan janjinya

daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar. (Mereka itu ialah): Orang-orang yang bertaubat yang beribadat yang memuji (Allah) yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan serta yang menjaga batas-batas (hukum Allah). Dan gembiralah orang-orang yang beriman (yang bersifat demikian).

(Al-Taubah, 9:111-112)

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُوْنَ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا بِاللهِ وَرَسُوْلِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوْا وَجٰهَدُوْا
بِأَمْوٰلِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِى سَبِيْلِ اللهِ أُولٰئِكَ هُمُ الصّٰدِقُوْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya).

(Hujurat, 49:15)

Jelaslah bahawa Islam yang menjamin kebahagiaan hidup dengan tabi'inya memerlukan iman dan jihad. Tanpa jihad Islam tidak akan wujud, demikian juga kesejahteraan (Salam) tidak akan wujud.

Keistimewaan Dakwah dan Risalah Rasulullah

Jihad merupakan satu-satunya keistimewaan dakwah dan risalah Rasulullah s.a.w. seperti yang amat jelas diterjemahkan dalam perlembagaannya, pengajaran dan dalam perjalanan hidupnya. Nabi Allah Nuh a.s. yang ditugaskan untuk menyeru kaumnya kepada agama Allah selama kurang 50 mencapai 1,000 tahun tidak difardukan jihad; dakwahnya telah berakhir dengan banjir yang melanda dan taufan yang membinasakan semua kaumnya yang

ingkar dan kufur. Demikian juga Nabi Allah Musa a.s. telah ditugaskan untuk menyeru Firaun kepada agama Allah, tetapi telah ditentang hebat oleh Firaun. Nabi Musa telah berjaya menyelamatkan kaumnya, menyeberangi lautan Merah yang terbelah menjadi lorong jalan yang dibenteng kukuh dari landaan gelombang lautan yang luas lagi dalam hanya dengan pukulan tongkat mu'jizatnya. Dalam sepanjang dakwah dan risalahnya tidak difardukan jihad. Seterusnya dakwah dan risalah Nabi Isa a.s. tidak juga difardukan jihad. Ketika Nabi Isa a.s. diangkat ke langit bilangan orang yang beriman dengan risalahnya boleh dikira dengan jari. Sebanyak yang boleh dianggarkan ialah tidak lebih dari 300 orang sahabat sahaja, dakwah dan risalahnya tidak diisi dengan jihad untuk meninggikan Kalimatullah yang menjadi asas dan sumber kesejahteraan dan kebaikan umat.

Berlainan sekali dengan dakwah dan risalah Muhammad s.a.w. Perkara yang amat nyata dalam dakwah dan risalahnya ialah keazaman dan tekad yang padu dan bulat serta keteguhan cita-cita dan Iradah yang waja dan kuat demi untuk meninggikan Kalimatullah dan untuk menegakkan Agama Allah, untuk menyebarkan Cahaya Allah ke seluruh pelosok dunia ini supaya manusia dan kebudayaannya, dunia dan tamadunnya berada di bawah naungan rahmat dan keberkatan-Nya, di bawah lindungan keredaan dan kemampuan-Nya.

Dalam melaksanakan tugas dakwah dan risalahnya Baginda Rasulullah s.a.w. telah berjihad dengan segala kemampuan tanpa taksir. Jika ditakdirkan Baginda keseorangan dalam tugas jihadnya, sementara semua isi dunia bangun menentangnya namun jihad itu akan tetap diteruskan tanpa taksir, dan tanpa mengira apakah akibat yang akan menimpa ke atas dirinya: "Jika Matahari diletakkan di tangan kananku, dan bulan di tangan kiriku supaya aku meninggalkan tugas ini, nescaya tidak sekali-kali akan aku tinggalkan, sehinggalah Allah sendiri yang akan menentukan sama ada aku akan berjaya dengan pertolongan Allah, ataupun aku akan binasa kerana-Nya."

Dakwah dan risalah Muhammadiyyah tidak terpisah dari jihad ke jalan Allah dan jihad kerana Allah, untuk menjadikan manusia dan dunia di bawah naungan Allah, naungan Rahmat-Nya, keredaan-Nya dan keampunan-Nya yang menjamin kebahagiaan dan kese-

jahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Nabi Islam ini adalah contoh yang jelas dan nyata, teladan yang kekal dan abadi dalam melaksanakan jihad kepada setiap muslim. Jihad kerana Allah dan agamanya adalah nilai yang hakiki untuk menerima gelaran "Keluarga Muhammad" kepada setiap umatnya. Setiap yang mengaku muslim, sekalipun tercatat di hujung namanya "Sayyid atau Sharifah" yang tidak mewarisi jihad kerana Agama Allah, yang tidak mewarisi jihad kerana seruan dan risalahnya adalah tidak layak dan berhak untuk berbangga diri sebagai seorang Muslim, jauh sekali sebagai seorang muslim yang mewarisi nasab keturunan dan kekeluargaan dengan Muhammad.

Rezeki dan Ajal telah Ditetapkan

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa Jihad adalah natijah yang pasti dari keislaman dan kemusliman seorang insan. Tetapi yang selalunya merisaukan dan membimbangkan manusia muslim sehingga melupakan dan mengabaikan jihad ialah tentang rezeki dan ajalnya. Disebabkan takutkan rezeki, manusia mengabaikan tugas jihad, dan kerana ketakutan mati manusia melarikan diri dari tugas jihad, seolah-olah rezeki itu dia sendiri yang mencipta dan menyediakan, seolah-olah rezeki itu dalam genggaman tangannya.

Allah yang mencipta manusia dan alam sejagat ini, maka Dialah juga yang mencipta dan menyediakan rezekinya. Telah menjadi kepastian sesuai dengan Rahmat dan Keadilan-Nya untuk menyediakan rezeki kepada setiap makhluk yang dicipta-Nya, sehinggakan ulat dalam batu sekalipun telah disediakan rezekinya, inilah juga satu dari sifat ketuhanan yang Hak oleh kerana itu selalu diulangi dalam al-Qur'an:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلاَّ لِيَعْبُدُوْنِ. مَآأُرِيْدُ مِنْهُمْ مِّن رِّزْقٍ
وَمَآأُرِيْدُ أَنْ يُطْعِمُوْنِ. إِنَّ اللهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُوالْقُوَّةِ الْمَتِيْنُ.

Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepadaKu.

Sesungguhnya Allah Dialah sahaja yang memberi rezeki (kepada sekalian makhluk-Nya) (dan Dialah sahaja) yang mempunyai kekuasaan yang tidak terhingga, lagi amat kuat kekuasaan-Nya.

(Al-Zariyat, 51:56-58)

لاَ نَسْئَلُكَ رِزْقًا نَّحْنُ نَرْزُقُكَ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَى.

Terjemahan: Kami tidak meminta rezeki darimu rezeki, kepadamu (bahkan) Kamilah yang memberikan rezeki kepadamu, dan (ingatlah) kesudahan yang baik bagi orang-orang yang bertaqwa.

(Taha, 20:132)

وَفِى السَّمَآءِ رِزْقُكُمْ وَمَا تُوعَدُوْنَ. فَوَرَبِّ السَّمَآءِ وَالْأَرْضِ إِنَّهُ لَحَقٌّ مِّثْلَ مَآ أَنَّكُمْ تَنْطِقُوْنَ.

Terjemahan: Dan di langit rezeki kamu dan apa yang kamu dijanjikan. Maka demi Tuhan langit dan bumi, sesungguhnya dia adalah suatu yang hak seperti apa yang kamu tuturkan.

(Al-Zariyat, 51:22)

وَكَأَيِّن مِّن دَآبَّةٍ لاَّ تَحْمِلُ رِزْقَهَا اللهُ يَرْزُقُهَا وَإِيَّاكُمْ وَهُوَالسَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

Terjemahan: Dan (ingatlah!) berapa banyak binatang yang tidak membawa rezekinya bersama, Allah jualah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu; dan Dialah jua yang amat mendengar, lagi amat mengetahui.

(Al-'Ankabut, 29:60)

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُم مِّنَ السَّمَآءِ وَالْأَرْضِ أَمَّن يَمْلِكُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَمَنْ يُخْرِجُ الْحَىَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَىِّ وَمَنْ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ فَسَيَقُوْلُوْنَ اللهُ فَقُلْ أَفَلاَ تَتَّقُوْنَ.

Terjemahan: Tanyakanlah kepada mereka yang musyrik itu: "Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Atau siapakah yang mengawasi pendengaran dan penglihatan? Dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup? Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam?" (dengan pertanyaan-pertanyaan tersebut) maka mereka yang musyrik itu tetap menjawab (mengakui) dengan berkata: "Allah jualah yang menguasai segala-galanya!" Oleh itu katakanlah: "(jika kamu mengakui yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertaqwa.

(Yunus, 10:31)

Setiap muslim yang beriman dengan penuh yakin kepada Allah Maha Pencipta Alam Semesta Maha Pencipta Manusia, dan Maha Pencipta segala rezeki kepada setiap makhluk-Nya sudah pasti ia akan beriman dengan penuh yakin kepada hakikat bahawa rezekinya telah terjamin dan sudah diperuntukkan untuk keperluan hidupnya, cuma yang perlu ialah berusaha untuk mencarinya. Inilah sikap seorang muslim yang berbeza dari sikap orang yang bukan muslim yang tidak mengakui bahawa rezekinya disediakan. Sikap yang berbeza hasil dari keimanan dan keyakinan yang berbeza ini akan melahirkan kesan dan tindakan yang berbeza dengan nilai yang berbeza.

Dengan keyakinan kepada hakikat tadi seorang muslim akan bekerja dan berusaha untuk mencari rezekinya yang telah disediakan itu tanpa khuatir dan bimbang, tanpa risau dan ragu-ragu, tanpa rasa susah dan gelisah. Sebaliknya dengan sikap dan keyakinan itu akan memberikan ketenangan dan kedamaian jiwa, memberikan dada lapang kerana ia mencari sesuatu yang telah ada dan telah disediakan untuknya, bahkan telah ditentukan dan terjamin pula. Inilah tenaga jiwa yang sangat-sangat diperlukan dalam perjalanan dan pengembaraan hidup insan di dunia sebagai hamba Allah yang wajib mengabdikan kepada-Nya. Tetapi berbeza halnya dengan seorang yang bukan muslim, tidak akan merasa seperti apa yang dirasakan oleh seorang muslim yang sebenar, kerana ia mencari

sesuatu yang belum pasti, belum ada dan belum ditentukan oleh Maha Penciptanya. Sekalipun banyak yang diperolehi tetapi dirasakannya masih belum memadai dan mencukupi. Inilah punca penderitaan dan kegelisahan jiwa yang sebenarnya, yang berpunca dari kebendaan.

Bagi seorang muslim yang sebenar maka sikap dan keyakinan tadi akan menghasilkan rasa kesyukuran dengan lidah, hati, dan amalan. Dan kesyukuan itu pula merupakan faktor keberkatan dan penambahan kepada hartanya. Seterusnya ia tidak akan sekali-kali menghabiskan usianya 24 jam sehari semalam untuk mencari rezeki semata-mata yang sentiasa diragui dan dibimbangkan itu, dengan alasan untuk menjamin masa depannya, sedangkan yang sebenarnya ia telah terjerumus dalam usaha mengejar dan memburu dunia tanpa disedarinya, sehingga melupakan tugas dan risalahnya: iaitu *"Jihad Fi Sabilillah"* sama ada jihad dengan sebahagian harta dan rezeki yang diberikan oleh Allah tadi atau jihad dengan badan dan nyawanya.

Penegasan Allah yang sentiasa diulang-ulang dan dibangkit-bangkitkan tentang rezeki ialah untuk meyakinkan jaminan rezeki kepada setiap muslim supaya ia dapat melaksanakan 'jihad'.

Ajal telah Ditentukan

Demikianlah juga salah satu dari perkara yang sangat membimbangkan dan mengkhuatirkan, yang merisau dan menakutkan, menggelisah dan menyusahkan manusia iaitu ajal. Terdapat perbezaan antara dua keyakinan, pertama yang meyakini bahawa ajal sudah ditentu dan ditetapkan oleh Allah Maha Pencipta "Hidup dan Mati", kedua yang tidak diyakini bahawa ajalnya telah ditentu dan ditetapkan oleh satu kuasa di luar kuasa alam ini, sebaliknya mati dan hidupnya itu adalah ditentukan oleh suatu yang ada dalam lingkungan alam semesta. Sikap kedua ini bukan semakin memberikan ketenangan jiwa, kejernihan fikiran, dan kedamaian hati, tetapi sebaliknya akan melahirkan penyakit jiwa, rasa bimbang dan takut, rasa resah dan gelisah, kerana ajalnya belum ditentukan dan ditetapkan oleh Allah Maha Pencipta Hidup dan Mati. Sikap ini boleh melahirkan perasaan bahawa hidupnya sentiasa diawasi dan diikuti oleh ajal, dan sentiasa dikejar dan diburu maut. Kadang-kadang ada pula yang menentukan ajalnya sendiri kononnya dengan

cara yang mudah. Ada pula usia diisi dengan fikiran dan usaha untuk mengelak ajal yang sentiasa menantinya. Walau apapun maka yang sudah pasti ialah bahawa kurang keyakinan atau kepercayaan bahawa ajal telah ditentukan adalah menjadi penghalang kepada "Risalah Jihad" sebagai natijah yang pasti dan tabii dari keimanan kepada Allah.

Demi untuk menjelas dan meyakinkan hakikat ini maka Allah telah menegaskan dalam al-Qur'an tentang hakikat ajal dan maut ini:

فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ لاَ يَسْتَأْخِرُوْنَ سَاعَةً وَلاَ يَسْتَقْدِمُوْنَ.

Terjemahan: Maka apabila datang tempohnya (yang telah ditetapkan), tidaklah dapat mereka dikemudiankan walau sesaat pun dan tidak pula dapat mereka didahulukan.

(Al-A'raf, 7:34)

يَقُوْلُوْنَ لَوْكَانَ لَنَا مِنَ الأَمْرِ شَيْءٌ مَّاقُتِلْنَا هٰهُنَا قُلْ لَّوْكُنْتُمْ فِي بُيُوْتِكُمْ لَبَرَزَ الَّذِيْنَ كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقَتْلُ إِلٰى مَضَاجِعِهِمْ.

Terjemahan: Mereka berkata (sesama sendiri): Kalaulah ada sedikit bahagian kita dari pertolongan yang dijanjikan itu, tentulah (orang-orang) kita tidak terbunuh di tempat ini?" Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalau kamu berada di rumah kamu sekalipun, nescaya keluarlah juga orang-orang yang telah ditakdirkan (oleh Allah) akan terbunuh itu ke tempat mati masing-masing.

(Ali 'Imran, 3:154)

يٰأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لاَتَكُوْنُوْا كَالَّذِيْنَ كَفَرُوْا وَقَالُوْا لِإِخْوٰنِهِمْ إِذَاضَرَبُوْا فِي الأَرْضِ أَوْكَانُوْا غُزًّى لَّوْكَانُوْا عِنْدَنَا مَامَاتُوْا وَمَا قُتِلُوْا لِيَجْعَلَ اللهُ ذٰلِكَ حَسْرَةً فِي قُلُوْبِهِمْ وَاللهُ يُحْيِ وَيُمِيْتُ وَاللهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ بَصِيْرٌ.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (munafik) yang telah kufur dan berkata kepada saudara-saudaranya,

apabila mereka pergi mengembara di muka bumi (untuk berniaga), atau keluar berperang (lalu mati atau terbunuh): "Kalau mereka tinggal bersama-sama kita, tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh." (Apa yang mereka katakan itu tidak ada faedahnya) bahkan akibatnya Allah menjadikan (kesan perkataan dan kepercayaan mereka) yang demikian itu: penyesalan dalam hati mereka, dan (ingatlah) Allah yang menghidupkan dan yang mematikan, dan Allah sentiasa melihat akan segala yang kamu lakukan.

(Ali 'Imran, 3:156)

Dengan keyakinan kepada hakikat ini seorang muslim tidak akan bimbang dan ragu, resah dan gelisah, takut dan susah, dalam menghadapi perjuangan hidup, bahkan akan melahirkan sikap berani dan tidak gentar dalam menghadapi musuh di medan perang. Bukan pedang dan senapang, pun bukan letupan bom yang mematikan, tetapi ajal telah sampai. Jika ajal telah sampai maka maut akan tetap memanggilnya walau di mana ia berada sekalipun di dalam kota yang paling kukuh dan teguh. Sebaliknya jika ajal belum sampai maka maut akan tetap memanggilnya walau di mana ia berada sekalipun di dalam kota yang paling kukuh dan teguh. Sebaliknya jika ajal belum sampai maka maut tidak akan menjemputnya sekalipun ia berada di tengah-tengah medan, atau di tengah-tengah curahan peluru atau di tengah-tengah kilatan dan sabungan pedang. Inilah hakikatnya, hakikat yang dijelas dan ditegaskan oleh *Maha Pencipta Hidup dan Mati.* Inilah hakikat tenaga kekuatan Rohani seorang muslim dan mukmin yang sejati; iaitu satu kekuatan Rohani yang berasaskan kepada hakikat yang sebenar. Inilah hakikat yang mahu diresapkan dan disebatikan serta dihayati oleh setiap muslim.

Tetapi malangnya manusia menjadi korban was-was iblis dan syaitan, sentiasa ditakut-takutkan oleh musuh-musuhnya yang abadi, dan sentiasa diragu-ragukan dengan berbagai tipu daya dan helah, dengan berbagai pujukan dan rayuan, dan dengan berbagai godaan dan pesona.

Jika kedua-dua hakikat ini benar-benar meresapi dan sebati dengan jiwa seorang muslim maka tidak ada suatu alasan pun untuk ia mengabaikan jihad.

Islam, Dakwah dan Jihad

Seorang yang telah menerima dan mengaku dengan penuh kerelaan hati dan metahkikkan atau menghakikatkan bahawa Allah sebagai Tuhan-Nya. Muhammad sebagai Nabi dan Rasulnya, al-Qur'an sebagai perlembagaan hidupnya, dan Islam sebagai agamanya maka keislamannya itu bukan terbatas hanya kepada dirinya sendiri.

Sebagai satu hakikat yang menjadi sumber kebaikan dan kemudahan hidup insan maka Islam adalah satu hikmat dan rahmat. Oleh kerana manusia itu bersaudara maka mereka sama-sama mempunyai tanggungjawab untuk menyampaikan apa yang didapatinya kepada saudaranya yang lain. Sementara dia pula berhak untuk mendapat dan menerimanya, masing-masing dengan sikap yang ikhlas dan jujur. Inilah dakwah dalam bentuknya yang tabi'i dan suci.

Jika dakwah atau seruannya itu diterima tanpa ada gangguan, halangan, tentangan dan permusuhan dari pihak lain maka seruannya itu akan mewujudkan satu kumpulan manusia muslim yang mempunyai 'aqidahnya yang tersendiri, sistem akhlaknya yang tersendiri dan sistem perundangannya yang tersendiri dalam semua aspek kehidupannya. Dengan itu akan wujudlah satu kumpulan manusia muslim di tengah-tengah manusia yang bukan muslim dengan berbagai kepercayaan dan tradisi keagamaannya. Yang diharapkan oleh kumpulan manusia muslim tadi seperti yang dibayangkan oleh Allah ialah kebebasan beragama, yang meliputi kebebasan ber'aqidah, kebebasan menjalan upacara agama, mendirikan syiarnya, melaksanakan tuntutan dan amalannya, dan juga kebebasan menyampaikan seruan atau dakwah kepada sesiapa yang rela menerimanya tanpa gangguan halangan, tentangan dan permusuhan.

Tetapi dari kenyataan apa yang telah berlaku bahawa sikap pihak yang bukan Islam tidaklah sedemikian. Sebaliknya mereka merasa bimbang dan curiga lalu bertindak untuk menghalang dan menentang, seterusnya memusuhi dan memerangi. Tindakan itu dimulakan dengan tuduhan-tuduhan, menyebarkan fitnah, berita-berita angin yang mengelirukan, kritik-kritik melulu, perang fikiran dan ideologi, perang mulut. Diikuti pula dengan tindakan yang lebih teruk seperti pemulauan, konfrontasi, menimbulkan keganasan dengan tujuan menakut-nakutkan, tindasan dan kezaliman. Kemun-

caknya ialah beradu kekuatan senjata dan tentera.

Oleh kerana itu setiap muslim dan mukmin yang sadik keislaman dan keimanannya dengan tabi'inya akan menghadapi musuh samada dalam tarafnya yang kecil dan ringan ataupun dalam tarafnya yang hebat dan membahayakan. Di sinilah letaknya kewajipan jihad ke atas setiap muslim demi untuk menghadapi musuhnya. Oleh kerana itu Islam tidak berpisah dari dakwah dan dakwah pula tidak terpisah dari jihad.

Pengertian Jihad

Dari sudut bahasa jihad berasal dari kalimah "al-Juhd" yang bererti keberatan dan kesusahan. Dipandang dari sudut ini maka jihad bererti mencurahkan daya dan tenaga kekuatan dalam usaha mencapai suatu matlamat atau cita-cita sama ada yang mulia dan ideal ataupun tidak. Penggunaan kalimah jihad dengan pengertian yang umum ini terdapat dalam al-Qur'an:

وَإِنْ جَٰهَدَاكَ عَلَىٰٓ أَن تُشْرِكَ بِى مَا لَيْسَ لَكَ بِهِۦ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا.

Terjemahan: Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau — dengan fikiran sihat engkau — tidak mengetahui sungguh adanya, maka janganlah engkau taat kepada mereka.

(Luqman, 31:15)

Kalimah jihad telah diistilahkan secara umum kepada setiap usaha yang memerlukan curahan daya dan tenaga kekuatan demi untuk mencapai matlamat dan cita-cita mulia dan ideal, iaitu matlamat dan cita-cita Islam, keampunan Allah, keredaan-Nya dan rahmat-Nya.

Jihad dengan pengertian istilah ini mengandungi tiga ciri yang tabii:

1. Adanya unsur daya dan tenaga yang terpaksa dicurahkan.
2. Adanya unsur matlamat dan cita-cita yang ideal kudus dan tinggi yang hendak dicapai.
3. Adanya unsur 'musuh' yng menghalangi dan menentang usaha dan perjuangan yang tersebut.

Jihad dipandang dari sudut alat atau jalannya ialah jihad hati, jihad lisan dan kalam, jihad ilmu dan fikiran, jihad harta, dan jihad dengan nyawa juga badan. Jihad dipandang dari sudut matlamatnya ialah *jihad Fi Sabilillah,* iaitu jihad kerana Allah, kerana keredaan Allah, kerana keampunan Allah dan kerana rahmat-Nya ataupun *jihad Fi Sabil al-Taghut.* Jihad dipandang dari sudut musuh-musuhnya yang menghalang dan menentang dari mencapai matlamat tadi sama ada musuhnya yang lahir atau musuhnya yang ghaib ialah jihad kecil dan jihad agung, atau jihad di medan perang dan jihad nafsu. Jadi jihad dengan makna istilah adalah umum dan menyeluruh meliputi segala bidang dan daerahnya, serta segala jenisnya.

Jenis-jenis Jihad dan Bidangnya

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa jihad menurut al-Qur'an adalah umum dan menyeluruh, merangkum semua aspek daya dan tenaga kemampuan dan kekuatan manusia muslim dalam menghadapi musuh-musuhnya demi untuk mencapai matlamat dan cita-cita yang digariskan oleh al-Qur'an. Dipandang dari sudut-sudut yang telah dijelaskan di atas tadi maka jihad terbahagi kepada dua bahagian besar, pertama jihad nafsu yang lebih dikenal dengan jihad besar. Kedua jihad lahir yang lebih dikenal dengan jihad kecil.

Jihad Nafsu

Sebagaimana yang diketahui umum manusia dicipta dari dua unsur, iaitu jasmani yang bersifat lahir, dan rohani yang bersifat ghaib. Maka dengan sendirinya kehidupan manusia mempunyai dua bidang. Begitu juga musuh manusia mempunyai bentuk iaitu bentuk yang lahir (syaitan al-Ins) dan bentuk yang ghaib (syaitan al-Jin).

Jin, iblis dan syaitan adalah musuh asli dan abadi bagi manusia yang tidak dapat dilihat. Firman Allah:

إِنَّهُ يَرَاكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ.

Terjemahan: Sesungguhnya ia dan kaum kabilahnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka.

(Al-A'raf, 7:27)

Begitu penuh kesungguhan al-Qur'an berulang-ulang kali menegaskan dan memperingatkan tentang musuh asli dan abadi ini seperti firman-Nya:

أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَبَنِى ءَادَمَ أَنْ لاَّ تَعْبُدُوْا الشَّيْطَنَ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِيْنٌ. وَأَنِ اعْبُدُوْنِى هٰذَا صِرَاطٌ مُّسْتَقِيْمٌ. وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنْكُمْ جِبِلاًّ كَثِيْرًا أَفَلَمْ تَكُوْنُوْا تَعْقِلُوْنَ.

Terjemahan: "Bukankah Aku telah memerintahkan kamu wahai anak-anak Adam, supaya jangan kamu menyembah syaitan? Sesungguhnya ia terhadap kamu adalah musuh yang nyata!" Dan (Aku perintahkan!): hendaklah kamu menyembahKu; inilah jalan yang lurus. "Dan sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan golongan yang ramai di antara kamu, (setelah kamu mengetahui akibat mereka) maka tidakkah sepatutnya kamu berfikir dan insaf?

(Yasin, 36:60-62)

Seterusnya al-Qur'an menerangkan secara jelas dan terperinci segala taktik dan teknik syaitan, segala tipu helah dan perdayanya, godaan dan pesonaannya untuk menyesatkan manusia dari jalan Allah yang lurus itu. Dijelaskan juga tentang matlamat awal dan akhir untuk merosak dan membinasakan manusia, demikian juga tentang kebulatan azam dan tekad syaitan untuk mencapai matlamat tanpa jemu dan bosan. Oleh kerana begitu jelas dan terperinci maka syaitan sekalipun tidak dapat dilihat dengan mata, adalah nyata sehingga seolah-olah dapat dirasa.

Perang kemusnahan iblis dan syaitan terhadap manusia bukanlah pada unsur jasmaninya tetapi unsur kerohanian yang menjadi asas kepada kewujudan insan yang hakiki, iaitu untuk membinasakan:

1. Ketulenan 'aqidah Tauhid.

2. Keikhlasan ibadah dan 'Ubudiyyah.

3. Kejernihan dan kesucian akhlak serta ketinggian budi.

Dengan kemusnahan unsur kerohanian insan itu maka dengan sendirinya akan secara langsung merosakkan manusia dalam semua aspek kegiatan hidupnya, selain dari kerugian hidup yang hakiki di akhirat nanti.

Selain musuh iblis dan syaitan yang bersifat ghaib itu ada musuh yang juga bersifat ghaib, iaitu yang ada dalam diri manusia sendiri. Jelasnya musuh hawa nafsu:

اِنَّ اَعْدَاءَ عَدُوِّكَ الَّذِى بَيْنَ جَنْبَيْكَ.

Terjemahan: Sesungguhnya musuh yang paling ketat ialah yang ada antara dua lambungmu.

Nafsu ialah kubu untuk iblis dan syaitan melancarkan serangan kepada manusia. Kedua-dua musuh ini begitu diberikan perhatian oleh pejuang-pejuang Islam pada zaman sekarang. Sebaliknya itulah dua jenis musuh yang sangat diberikan perhatian oleh al-Qur'an dan Sunnah dengan cara terperinci, kemudian dijelaskan pula oleh ulama warisan anbiya', ulama rabbani yang ahli dalam bidang ini.

Kehidupan rohani dan kesuburannya menjadi matlamat awal dan akhir serta permusuhan iblis dan syaitan terhadap manusia. Mereka telah mengisytiharkan perang habis-habisan dan perang kemusnahan di hadapan Allah s.w.t. Dan Allah telah memberikan keizinan bahkan mencabarnya untuk menjalankan apa sahaja yang dikehendakinya. Tetapi Allah Yang Maha Kasih lagi Maha Mengasihani hamba-Nya, manusia yang dilantik sebagai khalifah-Nya demi untuk menterjemahkan Iradatullah di muka bumi ini, telah menyedia segala kelengkapan dan persediaan, arahan dan panduan nasihat dan peringatan, rahsia dan hikmat yang dapat mengawal dirinya dari musuhnya, dan seterusnya untuk menjalankan *Jihad Nafsu* yang menjadi asas kepada segala jihad yang lainnya.

Keagungan Jihad Nafsu

Secara umum jihad nafsu merupakan jihad agung (al-Jihad al-Akbar). Keagungan jihad nafsu bukanlah bererti tidak pentingnya jihad-jihad yang lain, sehingga boleh difahamkan bahawa dengan melaksanakan jihad nafsu maka dengan sendirinya sudah terlaksana jihad-jihad yang lain. Tetapi apa yang dimaksudkan dengan agung-

nya jihad nafsu ialah kerana:

1. Luasnya medan perjuangannya yang tidak terbatas;
2. Luasnya masa perjuangan yang tidak terhad;
3. Sulitnya perjuangan ini kerana pada hakikatnya perjuangan antara manusia dengan dirinya sendiri;
4. Kedudukan musuhnya yang tidak dapat dilihat dan tidak boleh dirasa olah pancaindera;
5. Jihad nafsu adalah menjadi pengawas kepada segala jihad yang lain dan seterusnya menjadi bahan penilaiannya;
6. Jihad ini menjadi asas kepada segala jihad yang lain terutama jihad di medan perang dengan kekuatan senjata atau tentera;

Jihad agung atau jihad nafsu ini memerlukan ilmu, pemahaman dan latihan seperti juga jihad-jihad yang lain. Sama Ada dinamakannya ilmu tasawuf atau ilmu ihsan atau ilmu fiqh al-Batin ataupun lain-lain gelaran yang diberikan oleh ulama warisan *anbiya'*, ia sangat perlu dan wajib dipelajari, difahami dan dijalani latihannya dalam sepanjang usia hidupnya.

Dapatlah disimpulkan bahawa jihad agung atau jihad nafsu ialah jihad untuk mentaati Allah, tunduk dan patuh kepada-Nya, menyerah sujud hanya kepada-Nya sahaja, dengan penuh harapan di samping penuh rasa bimbang, semoga ianya dapat diterima dan diredai oleh Allah. Jihad ini amat luas samada dari sudut tempat ataupun dari sudut masa.

Ringkasnya jihad nafsu adalah jihad untuk membersihkan jiwa dan menyucikan hati dari sifat-sifatnya yang rendah dan keji untuk diisi dengan sifat-sifat yang mulia dan terpuji. Demikian juga jihad untuk membersih dan menyucikan jiwa dari kegelapan dan kekotoran syirik untuk diisi dengan kejernihan dan sinar cahaya tauhid. Seterusnya jihad untuk mencapai kemuliaan tauhid, keikhlasan ibadah, dan kebersihan akhlak dan ketinggian budi. Inilah hakikat nilai hidup insan yang hakiki di sisi Allah untuk mendapat keampunan-Nya, keredaan-Nya, dan rahmat-Nya yang tidak ternilai sekalipun dengan dunia ini dan segala isinya.

Dipandang dari sudut ini maka 'Ibadah-ibadah yang Khusus' juga termasuk dalam daerah jihad, iaitu jihad nafsu. Ibadah haji adalah jihad seperti yang dijelaskan oleh Hadith:

اَلْحَجُّ مِنْ اَرْقَى الْجِهَادِ.

Terjemahan: Ibadah haji itu adalah dari jihad yang tertinggi.

(Riwayat Sebahagian Ahli Sunan)

جِهَادُ كُنَّ اَلْحَجُّ.

Terjemahan: Jihad kamu (wanita) ialah ibadah haji.

(Riwayat Sebahagian Ahli Sunan)

اَفْضَلُ الْجِهَادِ حَجٌّ مَبْرُوْرٌ.

Terjemahan: Jihad yang paling mulia ialah haji yang mabrur.

(Riwayat Sebahagian Ahli Sunan)

Begitu juga ibadah sembahyang:

وَإِنَّهَا لَكَبِيْرَةٌ إِلاَّ عَلَى الْخٰشِعِيْنَ.

Terjemahan: Dan sesungguhnya sembahyang itu adalah amat berat melainkan kepada orang-orang yang khusyuk.

(Al-Baqarah, 2:45)

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلٰوةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا.

Terjemahan: Dan perintahlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya.

(Taha, 20:132)

Demikianlah setiap ibadah atau 'ubudiyyah kepada Allah untuk mendapat keredaan dianggap 'Jihad' kerana ia mengandung tiga

unsur iaitu memerlukan daya dan tenaga; menghadapi musuh iblis dan syaitan dan ketiga mempunyai matlamat dan cita-cita yang hendak dicapai iaitu keredaan Allah.

Jihad Lahir atau Jihad Kecil

Maksud jihad kecil di sini bukanlah bererti ia tidak penting dan tidak perlu sehingga boleh menimbulkan tanggapan yang salah atau tidak diberikan perhatian atau diabaikan. Kecilnya jihad ini ialah kerana perbandingannya dengan jihad nafsu dari sudut-sudut yang telah dijelaskan. Manakan boleh jihad ini dianggap tidak penting dan tidak perlu sedangkan al-Qur'an dan sunnah dipenuhi dengan suruhan dan perintahnya, gesaan dan galakannya, hukum-hukumnya, dan juga peringatan dan ancaman Allah kepada setiap mereka yang mengabaikan. Perjalanan hidup Rasulullah s.a.w. dan para sahabat jelas menterjemahkan konsep jihad dalam kedua-dua bidangnya yang terbesar dan asasi itu.

Bahagian-bahagian Jihad

Jihad kecil atau lebib tepat jihad lahir ini terbahagi kepada beberapa bahagian dipandang dari berbagai sudut yang berlainan. Jika dipandang dari sudut musuh maka ia terbahagi kepada: Pertama ialah jihad untuk menghadapi musuh-musuh bukan Islam di luar masyarakat atau negara Islam:

يٰأَيُّهَا النَّبِيُّ جٰهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنٰفِقِيْنَ وَاغْلُظْ عَلَيْهِمْ.

Terjemahan: Wahai Nabi! berjihadlah (menentang) orang-orang kafir dan orang-orang munafik, serta bertindak keras terhadap mereka.

(Al-Taubah, 9:73)

فَلَا تُطِعِ الْكٰفِرِيْنَ وَجٰهِدْهُمْ بِهٖ جِهَادًا كَبِيْرًا.

Terjemahan: Oleh itu, janganlah engkau (wahai Muhammad) menurut kehendak orang-orang kafir, dan berjuanglah dengan hujah-hujah al-Qur'an menghadapi mereka dengan perjuangan yang besar dan bersungguh-sungguh.

(Al-Taubah, 25:52)

Kedua jihad yang diistilahkan dengan Dakwah atau *al-Amr bi al-Makruf wa al-Nahyu 'An al-Munkar'*; iaitu jihad orang-orang Islam terhadap musuh-musuh Islam dari dalam masyarakat atau dalam negara Islam sendiri.

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُوْنَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُوْنَ بِالْمَعْرُوْفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُوْنَ.

Terjemahan: Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka (yang bersifat demikian), ialah orang-orang yang berjaya.

(Ali 'Imran, 3:104)

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُوْنَ بِالْمَعْرُوْفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُوْنَ بِاللهِ.

Terjemahan: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu (pula) beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

(Ali 'Imran, 3:112)

Kedua-dua jenis jihad lahir tadi memerlukan tenaga kekuatan dan alat kelengkapan seperti yang dijelaskan oleh al-Qur'an dan Hadith. Dipandang dari sudut ini maka jihad terbahagi pula kepada beberapa bahagian.

Jihad dengan Hati

Jihad hati, iaitu berjihad dengan hati. Inilah jihad yang paling rendah dan paling lemah yang membuktikan iman yang paling lemah. Tidak ada jihad yang lebih lemah dari itu selain dari kufur. Seorang muslim pada hakikatnya adalah musuh kepada kesesatan,

kebatilan, dan kemungkaran yang wajib ditentang dan diperangi. Jika terdaya dengan tangan kemudian, jika tidak dengan lisan dan kalamnya. Dan jika tidak mampu juga hendaklah dengan hatinya, iaitu tidak mengakui dan merelai apa jua benar dan sesat, antara ma'ruf dan mungkar, tidak sekali-kali boleh dikompromikan benar dan sesat, antara ma'ruf dan mungkar tidak sekali-kali boleh dikompromikan dalam satu badan dan jiwa seorang muslim. Sama ada menerima dan rela dengan yang satu serta menolak yang lain atau sebaliknya.

عَنِ ابْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُوْلُ اللهِ (ص):
مَامِنْ نَبِيٍّ يَبْعَثُ اللهُ تَعَالٰى فِى أُمَّةٍ قَبْلِيْ إِلاَّ كَانَ لَهُ مِنْ أُمَّتِهِ حَوَارِيُّوْنَ
وَأَصْحَابٌ يَأْخُذُوْنَ بِسُنَّتِهِ وَيَقْتَدُوْنَ بِأَمْرِهِ، ثُمَّ إِنَّهَا تَخْلُفُ مِنْ
بَعْدِهِمْ خَلُوْفٌ. يَقُوْلُوْنَ مَالاَ يَفْعَلُوْنَ يَفْعَلُوْنَ مَا لاَ يُؤْمَرُوْنَ، فَمَنْ
جَاهَدَهُمْ بِيَدِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ، وَمَنْ جَاهَدَهُمْ بِلِسَانِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ فَمَنْ
جَاهَدَ بِقَلْبِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ، لَيْسَ وَرَاءَ ذٰلِكَ مِنَ الْإِيْمَانِ حَبَّةُ خَرْدَلٍ.

Terjemahan: Diriwayatkan dari Ibn Mas'ud r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: Tidak ada seorang nabi yang diutuskan sebelumku melainkan ada mempunyai pembantu-pembantu dan sahabat-sahabat, yang menjalankan sunnahnya, dan mengikuti jejak langkahnya. Kemudian telah meninggalkan beberapa generasi selepasnya yang memperkatakan apa yang tidak dilakukan, dan melakukan apa yang tidak diperintahnya. Maka sesiapa yang berjihad dengan lidahnya adalah mukmin, dan sesiapa yang dengan Hatinya adalah mukmin. Selain dari itu tidak ada Iman lagi walau sebesar biji sawi sekalipun.

(Riwayat Kebanyakan Ahli Sunan)

عَنْ أَبِيْ سَعِيْدٍ الْخُدْرِى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ
(ص) يَقُوْلُ: مَنْ رَأٰى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ
فَبِلِسَانِهِ وَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذٰلِكَ أَضْعَفُ الْإِيْمَانِ.

Dari Abu Sa'id al-Khudri r.a. katanya: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesiapa yang melihat perkara mungkar maka hendaklah diubah (ditegah) dengan tangannya, dan sesiapa yang tidak terdaya hendaklah menegah dengan lidahnya, dan sesiapà yang tidak terdaya hendaklah dengan hatinya, dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman.

(Riwayat Kebanyakan Ahli Sunan)

Jihad dengan hati bukanlah bererti mematikan hatinya sehingga tidak marah terhadap sesuatu perbuatan mungkar atau merasa rela dengan perbuatan mungkar samada yang dilihatnya ataupun yang didengarnya. Tetapi yang dimaksudkan dengan jihad hati itu ialah kerana tidak berdaya untuk bertindak menegah kesesatan, kebatilan dan kemungkaran itu dengan tangan dan lidahnya disebabkan kerana merasa yakin akan menerima mudarat kerananya. Maka dalam keadaan ini ia tetap berjihad untuk menegah dan mengubahnya walaupun hanya dengan hati yang tetap marah dan tidak rela dengan perbuatan tersebut.

Jihad dengan Lisan dan Kalam

Jihad lisan dan kalam mempunyai daerah dan bidang yang amat luas. Dan inilah jihad yang sentiasa terbuka pintunya kepada setiap muslim. Bahkan inilah juga jihad yang sentiasa mencabar.

Peringkat pertama dalam jihad ini ialah menyampaikan (*Tabligh*) dan menjelaskan ajaran Islam, mengemukakan bukti dan hujah atas kebenaran Islam yang merangkumi hakikat 'aqidah Islam, hakikat akhlak Islam, dan hakikat sistem perundangannya; memperlihatkan kedudukan hakikat-hakikat tersebut di tengah-tengah gelora pemikiran, ideologi, teori-teori, dan falsafah dengan berbagai corak dan alirannya, yang bertentangan, berlawanan dan bercanggahan; seterusnya menjelaskan segala penyelewengan, pendustaan, dan pengeliruan yang dikemukakan oleh pihak yang bukan Islam samada secara langsung atau tidak, samada atas tiket atau visa ilmiah ataupun tidak.

Peringkat kedua ialah memberikan nasihat yang baik *al-Maw'izah al-Hasanah* memberikan peringatan (*al-Tazkir*), mengadakan perbincangan dengan cara yang baik (*al-Jidal*), dan

seterusnya dengan ingat-mengingati perkara yang hak *"al-Tawasau bi al-Haq"*, dalam perkara kesabaran *"al-Tawasau bi al-sabr"* dan dalam kasih sayang, belas kasihan *al-Tawasau bi al-Marhamah"*.

Peringkat ketiga ialah dengan menakutkan mereka terhadap Allah dengan penuh hikmat dan bijaksana. Seterusnya dengan menyampaikan berita gembira dan memberikan harapan baik.

Dalam ketiga-tiga peringkat jihad lisan dan kalam ini perlu cara dan jalan yang sesuai dengan keadaan dan suasana, dan kedudukan dan makamnya. Sementara jalan dan medannya adalah luas, terpulanglah kepada pakar-pakar dakwah untuk mengatur organisasi yang tersusun dan kemas, yang lebih berkesan dan lebih cepat menuju matlamatnya.

Ayat-ayat dan Hadith-hadith di bawah ini dapat menjelaskan kepada kita tentang wajibnya jihad lisan dan kalam.

ادْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ.

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhan mu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.

(Al-Nahl, 16:152)

ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ.

Terjemahan: Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian, maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.

(Fussilat, 41:34)

وَمَا يُلَقَّاهَا إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَمَا يُلَقَّاهَا إِلَّا ذُو حَظٍّ عَظِيمٍ.

Terjemahan: Mereka berjuang dengan bersungguh-

sungguh pada jalan Allah dan mereka pula tidak takut kepada celaan orang-orang yang mencela.

يُجٰهِدُوْنَ فِى سَبِيْلِ اللهِ وَلاَ يَخَافُوْنَ لَوْمَةَ لآئِمٍ.

Terjemahan: Berjihadlah terhadap orang musyrikin dengan harta kamu dan dengan diri kamu, juga dengan lidah kamu.

(Al-Maidah, 5:54)

أَفْضَلُ الْجِهَادِ كَلِمَةُ حَقٍّ (عَدْلٍ) عِنْدَ سُلْطَانٍ جَائِرٍ.

Terjemahan: Semulia-mulia jihad ialah kata-kata yang hak kepada sultan yang zalim.

مَنْ رَأٰى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ.

Terjemahan: Sesiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah diubah dengan tangan kanan, jika tidak terdaya maka hendaklah diubah dengan lidah kamu ...

(Hadith, riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Jihad dengan Ilmu Pelajaran

Jihad Ilmu dan Pelajaran ialah jihad untuk memberikan pengetahuan dan kebudayaan Islam kepada setiap anggota masyarakat muslim dan setiap generasi muslim, di samping memberikan pendidikan Islam yang benar, sihat dan sempurna.

Ilmu pengetahuan Islam tersimpul dalam dua ilmu. Ilmu al-Qur'an dan Ilmu al-Bayan (اَلرَّحْمٰنُ عَلَّمَ الْقُرْاٰنَ خَلَقَ الْإِنْسَانَ، عَلَّمَهُ الْبَيَانَ) Ilmu al-Qur'an ialah Ilmu Wahyu atau Ilmu Kenabian; iaitu ilmu yang bersumberkan secara langsung dari Allah yang Maha Sempurna lagi mutlak. Ilmu al-Qur'an ilmu yang hak, kudus dan suci, tidak mengandungi kesalahan dan kesilapan. Oleh kerana itu maka ilmu inilah yang berhak dan layak menjadi panduan dan hidayat kepada umat manusia. Terangkum dalam ilmu al-Qur'an ini ialah ilmu tentang hakikat Allah, tentang hakikat Rasul dan tentang Islam sebagai dinullah, dengan kata-kata lain ilmu tentang 'aqidah Islam, ilmu tentang sejarah surah Rasul, dan ilmu tentang

Islam dengan pengertiannya yang menyeluruh yang sentiasa mengisi keperluan dan tuntutan hidup manusia.

Ilmu al-Bayan pula ialah ilmu yang bersumberkan daya dan tenaga akal fikiran manusia, iaitu ilmu-ilmu yang diakui oleh Islam sebagai ilmu yang termampu dan terdaya oleh akal manusia, ataupun ilmu-ilmu yang diberikan mandat oleh Allah kepada akal manusia untuk mencari, mengkaji, menyelidik, dan menemuinya. Secara tepat bidang ilmu ini ialah bidang fizikal atau bidang alam benda, atau ilmu sains dalam semua cabang dan jurusannya. Namun demikian ilmu ini pastilah ditundukkan kepada ilmu al-Qur'an atau dilunaskan kepada asas ilmu wahyu dan kenabian, yang sesuai dengan sifat dan fungsinya sebagai hidayat kepada umat manusia dalam semua lapisan dan keahlian.

Ada satu bidang ilmu yang diistilahkan dengan bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan. Bidang inilah yang telah menimbulkan kekeliruan, bahkan telah menyebabkan penyelewengan tentang konsepnya yang sebenar akibat dari pengaruh kebudayaan barat. Menurut disiplin keilmuan barat bahawa ilmu kemanusiaan dan ilmu kemasyarakatan adalah ilmu yang boleh dikuasai sepenuhnya oleh akal manusia. Tegasnya ilmu kemanusiaan dan ilmu kemasyarakatan adalah ilmu yang berasaskan dan bersumberkan sepenuhnya dari akal manusia. Termasuklah bidang 'aqidah keagamaannya, prinsip dan nilai-nilai akhlaknya, dan dasar-dasar perundangan yang kesemuanya berasaskan dan bersumberkan daya usaha pemerasan akal fikiran manusia. Lebih tegas lagi bahawa agama yang merangkumi 'aqidah, akhlak, dan prinsip perundangan adalah hasil dari ilmu yang berasas dan bersumberkan daya manusia sendiri yang tidak ada kaitannya dengan sumber ilmu al-Qur'an atau wahyu dan kenabian. Fahaman seperti yang diyakini oleh orang-orang barat ini telah menukar kedudukannya yang tabi'i dan semula jadi, kerana agama yang merangkumi 'aqidah, akhlak, dan sistem perundangan (syari'at) yang layak dan berhak menjadi hidayat manusia adalah suatu yang bersumberkan dari "langit" bukannya bersumberkan dari "bumi", atau dengan lebih tegas lagi yang bersumberkan dari "langit" bukannya bersumberkan dari "bumi", atau dengan lebih tegas lagi yang bersumber dari Allah sendiri bukan dari sumber sesama manusia.

Menurut Islam bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan mempunyai dua sudut. Dari sudut fizikalnya ia tertakluk kepada ilmu

"al-Bayan", sementara dari sudut keagamaan dan kerohaniannya ia tertakluk pula kepada ilmu al-Qur'an atau ilmu wahyu.

Umat Islam memerlukan kedua-dua ilmu tersebut; iaitu ilmu al-Qur'an ilmu yang mutlak, yang sememangnya hak umat Islam. Sementara ilmu al-Bayan pula ialah yang umum yang menjadi kepunyaan semua umat manusia. Dengan mempunyai kedua-dua ilmu ini umat Islam akan lebih tinggi tidak ada sesiapa mengatasi ketinggiannya.

Untuk mencapai tujuan tersebut sudah pasti perlu kepada bilangan ahli-ahli yang pakar dan profesional dalam setiap bidang dan jurusan, masyarakat dan negara kewajipan untuk melatih kadar-kadar tersebut, selain dari usaha sukarela dari anggota-anggota masyarakat yang ikhlas dan mencari keredaan Allah.

Banyak cara dan jalan untuk menyampai dan menyebarkan ilmu pengetahuan dan kebudayaan Islam, sama ada melalui pendidikan secara formal atau dengan cara informal. Dalam setengah-setengahnya keadaan cara informal itu lebih berkesan. Walau bagaimanapun yang pentingnya dalam kedua-dua hal ini hendaklah bertepatan dengan konsep pendidikan Islam serta mengikut sistem serta metod yang diperlukan oleh kehendak dan tuntutan masa.

Ayat-ayat dan Hadith-hadith di bawah ini dapat menjelaskan kedudukan *Jihad Ta'limi*, atau jihad dalam bidang ilmu.

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُوْنَ لِيَنْفِرُوْا كَافَّةً فَلَوْلاَ نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ
لِّيَتَفَقَّهُوْا فِي الدِّيْنِ وَلِيُنْذِرُوْا قَوْمَهُمْ إِذَارَجَعُوْآ إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُوْنَ.

Terjemahan: Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu hendaklah keluar sebahagian (sahaja) dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaum mereka (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

(Al-Taubah, 9:122)

إِنَّ الَّذِيْنَ يَكْتُمُوْنَ مَآ أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنٰتِ وَالْهُدَىٰ مِنْ بَعْدِمَا بَيَّنّٰهُ لِلنَّاسِ فِي الْكِتٰبِ أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللّٰعِنُوْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dari petunjuk hidayah, sesudah kami menerangkannya kepada manusia di dalam kitab suci, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk. Sesiapa yang ditanya satu ilmu yang diketahuinya tetapi disembunyikannya maka Allah akan mengingkarinya dengan api.

Al-Baqarah, 2:159)

مَا بَالُ أَقْوَامٍ لاَ يَتَعَلَّمُوْنَ مِنْ جِيْرَانِهِمْ وَلاَ يَتَفَقَّهُوْنَ وَلاَ يَتَّعِظُوْنَ وَاللهِ لَيُعَلِّمَنَّ قَوْمٌ مِنْ جِيْرَانِهِمْ وَيَتَفَقَّهُوْنَ وَيَتَّعِظُوْنَ أَوْلَعَاجَلْنَاهُمُ الْعُقُوْبَةَ.

Terjemahan: Mengapakah gerangan terdapat beberapa kaum yang tidak belajar dari jiran-jirannya, tidak mahu mengambil fahaman, dan tidak mengambil peringatan dan nasihat. Demi Allah hendaklah suatu kaum itu mengajar jiran-jirannya, mendalamkan fahaman tentang agama kepada mereka, memberikan nasihat, menyuruh pada yang baik atau Makruf dan menegah dari yang dilarang. Demikian juga hendaklah kaum itu belajar dari jiran-jirannya mendalami fahaman agamanya, mengambil peringatan, ataukah memilih untuk disegerakan pembalasan?

Jihad Wang dan Harta Kekayaan

Dalam semua jenis jihad yang selalu diulangi oleh al-Qur'an ialah jihad *"Amwal"* atau harta kekayaan dan jihad diri dan nyawa. Pengulangan kedua-dua jenis jihad ini membuktikan betapa pentingnya jihad tersebut. Antara kedua-dua jenis jihad itu pula telah didahulukan jihad harta dari jihad diri dan nyawa. Ini memberikan

fahaman bahawa jihad harta adalah jihad yang terpenting sebelum jihad dengan diri dan nyawa. Sebenarnya jihad harta adalah jihad yang menjadi nadi dan nyawa kepada semua jenis jihad. Sebagaimana jihad nafsu sebagai senjata ghaib untuk perjuangan jihad lahir, maka demikianlah juga jihad dengan harta adalah sebagai senjata lahir kepada semua jenis jihad. Tanpa jihad nafsu yang menghasilkan kebersihan hati dan kesucian jiwa maka jihadnya akan sia-sia di sisi Allah. Demikianlah tanpa wang dan harta maka jihadnya akan gagal dan tidak sempurna kerana ketiadaan syarat dan alat yang sangat diperlukan. Sama ada dalam jihad lisan dan kalam atau jihad ta'limi, ataupun jihad dengan diri dan nyawa di medan perang jihad harta dan wang sangat diperlukan.

Memandangkan kepada hakikat ini maka setiap jihad terutama jihad di medan perang dengan kekuatan tentera dan senjata memerlukan dua kekuatan: Kekuatan rohani yang tersimpul dalam Kalimah Taqwa sebagai hasil dari jihad nafsunya, dan kedua ialah kekuatan jasmani dan kebendaan yang bersumberkan kepada Kewangan atau Harta Kekayaan. Kedua-dua jenis kekuatan ini telah dijelaskan oleh al-Qur'an secara terperinci.

Demi untuk menjamin supaya harta kekayaan itu sebenarnya untuk *"Jihad Fisabilillah"* maka al-Qur'an telah menegaskan:

1. Tentang konsep harta sebagai amanah dari Allah dan sebagai fitnah.

2. Setiap sen yang dibelanjakan ke jalan Allah adalah sebagai tanaman modal atau pembelian saham dalam "syarikat Permodalan Tuhan" yang tidak sekali-kali akan menerima kerugian.

3. Balasan pahala sebagai dividen keuntungan yang berlipat kali ganda, tidak kurang dari 10 kali ganda modal atau 1,000% membawa kepada 700 kali ganda modal atau 70,000%.

4. Ancaman dan peringatan keras dari Allah s.w.t. kepada umat Islam yang tidak melaksanakan jihad harta, kerana itulah punca kepada kehancuran umat Islam yang akan merugikan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

5. Pembaziran wang dan harta kekayaan adalah satu jenayah dan kesalahan besar di sisi Allah dan juga masyarakat, sehingga disamakan tarafnya dengan saudara syaitan.
6. Pengumpulan wang untuk menambahkan timbunan harta kekayaan hanya untuk kepentingan diri akan menerima seksaan yang paling dahsyat. Wang dan hartanya itulah yang akan menjadi alat penggosok yang amat panas ke mukanya, lambongnya, dan seluruh kulit badannya.
7. Sifat bakhil bukanlah sifat seorang mukmin yang beriman kerana hanya Allah jua yang ampunya khazanah kekayaan di langit dan di bumi. Allah yang bersifat Maha Pemurah telah memberikan didikan kepada setiap mukmin supaya mengikis sifat bakhil dari jiwanya, untuk diisi dan dihias pula dengan sifat pemurah, iaitu sifat-sifat rabbaniyah melalui ibadah zakat dan lain-lain.

قُلْ لَّوْ أَنتُمْ تَمْلِكُوْنَ خَزَآئِنَ رَحْمَةِ رَبِّىٓ إِذًا لَّأَمْسَكْتُمْ خَشْيَةَ الإِنْفَاقِ
وَكَانَ الإِنْسَٰنُ قَتُوْرًا.

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika kamu memiliki perbendaharaan rahmat Tuhanmu, pada ketika itu tentulah kamu akan berlaku bakhil dan kedekut kerana takut kehabisan dan sememangnya manusia itu bertabiat bakhil dan kedekut.

(Al-Isra', 17:100)

Seorang mukmin yang beriman kepada hakikat ini dan menghayatinya dalam lubuk hati dan jiwanya sudah pasti tidak bakhil dan kikir, kerana khazanah perbendaharaan itu adalah untuk manusia sebagai hambanya yang membelanjakan wang dan hartanya ke jalan Allah:

وَمَآ أَنْفَقْتُمْ مِّنْ شَىْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّٰزِقِيْنَ.

Terjemahan: Maka apa sahaja yang kamu dermakan, maka Allah akan menggantikannya; dan Dialah jua

sebaik-baik pemberi rezeki.

(Saba', 34:39)

Terjemahan: Demi sesungguhnya! jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu.

(Ibrahim, 14:7)

Sifat bakhil atau menahan dari membelanjakan sebahagian dari harta kekayaannya ke jalan Allah adalah tanda dari pemujaan dan penyembahan kepada wang dan harta. Wang dan harta sudah menjadi patung-patung berhala sebagai tuhan yang dipuja dan disembahnya. Inilah sebahagian dari ciri-ciri syirik yang mengotorkan dan mencemarkan kesucian 'aqidah tauhid. Inilah manusia yang dikatakan kebendaan atau menurut istilah agama manusia yang cintakan dunia yang menjadi punca segala kejahatan, pembunuhan kebaikan, perosak nilai-nilai kemanusian, penutup kebenaran dan keadilan; juga menjadi punca kepada kelemahan dan kehancuran tamadun umat.

Sifat bakhil, kedekut dan kikir dari membelanjakan sebahagian dari rezeki atau harta kekayaannya ke jalan Allah berhubung rapat dengan "Cintakan dunia" dan cintkan dunia pula ada hubungan rapat dengan takutkan mati. Dan perasaan takut mati inilah yang sangat-sangat dibimbangkan dan ditakuti oleh Rasulullah s.a.w., kerana inilah punca kelemahan umatnya. Akibatnya akan menjadi habuan sebagai hidangan makanan yang lazat kepada umat-umat lain, seperti yang dimaksudkan oleh sebuah Hadith (terjemahan):

> *(Suatu masa nanti kamu akan menjadi hidangan makanan yang lazat kepada umat-umat lain. Baginda ditanya: Apakah kerana kami sedikit bilangannya? Rasulullah s.a.w. menjawab: Tidak! tetapi kerana kamu menyintai dunia dan takutkan mati).*

Jihad dengan wang dan harta kekayaan adalah bukti bahawa ia bukanlah orang yang mementingkan diri (musuh besar kepada kerohanian Islam), juga bukti bahawa ia bukanlah manusia kebendaan dan keduniaan yang dikuasai oleh kebendaan dan keduniaan.

Jika begini sifatnya maka tidak akan merasa payah dan sulit untuk menghadapi jihad di medan perang dengan nyawa dan badan pada bila-bila masa yang diperlukan.

Berjihad ke jalan Allah melalui membelanjakan sebahagian dari wang dan harta kekayaannya ke jalan Allah tidak termasuk dalam istilah zakat. Zakat adalah kewajipan yang sudah pasti dan difardukan oleh agama dan negara dan tidak boleh ditolak-ansurkan lagi. Selain dari fardu zakat ialah jihad wang dan harta kekayaan yang diistilahkan oleh al-Qur'an dengan *al-Infak Fi Sabilillah.* Selain istilah *al-Infak al-Qur'an juga menggunakan istilah "al-Qard".*

Bidang-bidang untuk jihad dengan wang dan harta kekayaan luas seperti yang dijelas oleh al-Qur'an sama ada secara umum atau secara terperinci.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَٰهَدُوا
بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِى سَبِيلِ اللَّهِ أُولَٰٓئِكَ هُمُ الصَّٰدِقُونَ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang sebenarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya).

(Al-Hujurat, 49:15)

يَٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَٰرَةٍ تُنجِيكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ .
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَٰلِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ
ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! mahukah kamu Aku tunjukkan suatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri

kamu, yang demikian itulah yang lebih baik kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

(Al-Saf, 61:10-11)

إِنَّ اللهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوٰلَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang berima akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan), bahawa mereka akan beroleh syurga.

(Al-Taubah 3:11)

وَأَنْفِقُوْا فِى سَبِيْلِ اللهِ وَلاَ تُلْقُوْا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ.

Terjemahan: Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil).

(Al-Baqarah, 2:195)

مَثَلُ الَّذِيْنَ يُنْفِقُوْنَ أَمْوٰلَهُمْ فِى سَبِيْلِ اللهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِى كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِّائَةُ حَبَّةٍ وَاللهُ يُضٰعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللهُ وٰسِعٌ عَلِيْمٌ.

Terjemahan: Bandingan (perbelanjaan derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji, dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya dan Allah amat luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.

(Al-Baqarah, 2:195)

Seterusnya al-Qur'an memperincikan lagi bidang-bidang jihad dengan harta: Untuk melengkapkan angkatan tentera dan angkatan bersenjata.

وَأَعِدُّوا لَهُم مَّا اسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللهِ
وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِيْنَ مِنْ دُونِهِمْ لاَ تَعْلَمُوْنَهُمُ اللهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوْا
مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيْلِ اللهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لاَ تُظْلَمُوْنَ.

Terjemahan: Dan sediakanlah untuk (menentang) mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan da dari (pasukan-pasukan) yang berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan (persediaan) itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianayai.

(Al-Anfal, 8:60)

Untuk keutuhan ikatan kekeluargaan dengan bantuan yang diperlukan sama ada bantuan dalam keperluan sara hidup, pakaian dan pelajarannya. Untuk keutuhan ikatan kemasyarakatan dengan membantu anggota masyarakat yang perlukan bantuan untuk sara hidup dan pelajaran anak-anaknya, seperti bantuan kepada fakir miskin, anak-anak yatim dan bantuan kepada yang memerlukannya.

Untuk menyuburkan perikemanusiaan seperti membantu untuk membebaskan "hamba sahaya" dan perhambaan, membantu untuk membebaskan tawanan-tawanan perang, atau memberi bantuan makanan dan pakaian kepada tawanan perang, seterusnya membantu pelarian yang meminta perlindungan.

Untuk memperkuatkan jalinan persahabatan di kalangan sahabat handai, jiran-jiran dan tetamu yang berkunjung.

Seterusnya untuk membangun masyarakat dan negara yang sesuai dengan Islam melalui amalan kebajikan dan amalan salih yang luas bidangnya, seperti bantuan untuk membina masjid, mendirikan institusi-institusi pelajaran tinggi membangun ekonomi umat Islam (bukan ekonomi perseorangan), mendirikan klinik-klinik dan hospital-hospital dan seumpamanya.

وَالسَّآئِلِينَ وَفِى الرِّقَابِ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِى الْقُرْبَى وَالْيَتٰمٰى

وَالْمَسٰكِيْنَ وَابْنَ السَّبِيْلِ.

Terjemahan: Dan seseorang itu mendermakan hartanya sedang ia menyayanginya kepada kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan dan kepada orang-orang yang meminta dan untuk memerdekakan hamba sahaya.

(Al-Baqarah, 2:177)

Jihad dengan Badan atau Diri dan Nyawa

Inilah jihad yang paling berkesan yang diistilahkan oleh al-Qur'an sebagai "*al-Qital*". Inilah jihad yang dimaksudkan oleh ulama *fiqhi*. Oleh kerana itu maka inilah jihad yang menjadi tumpuan kajian dan perbahasan kitab-kitab *fiqhi* atau kitab-kitab perundangan Islam. Dalam kitab-kitab tersebut telah dikhususkan satu bahagian tersendiri yang dinamakan "*Bab al-Jihad*". Ahli perundangan Islam telah menjelaskan secara meluas dan terperinci segala perkara yang berhubung dengan Jihad tersebut dari semua sudutnya.

Jihad di medan perang termasuk dalam maksud peperangan, tetapi bukanlah semestinya setiap peperangan yang dilancarkan oleh umat Islam itu adalah perang jihad. Peperangan yang diistilah dengan perang jihad itu ialah peperangan kerana jalan Allah atau Fi Sabilillah. Perang jihad kerana jalan Allah merangkumi kedua-dua sebab pertama sebab yang berpunca dari dalam masyarakat Islam sendiri, kedua sebab yang berpunca dari luar masyarakat Islam sendiri, kedua sebab yang berpunca dari luar masyarakat Islam.

Perang jihad yang berpunca dari dalam terbahagi kepada dua:

1. Perang jihad kerana memerangi pemberontak atau penderhaka kepada sebuah pemerintahan Islam yang sah, hak dan adil. Inilah yang diistilahkan dengan "*Qital al-Bughah*", iaitu golongan yang menderhaka kepada pemerintahan Islam bukan kerana hak dan kebenaran, seperti yang dijelaskan oleh Hadith.

اِنَّهُ سَيَكُوْنُ بَعْدِى هِنَاتٌ وَهِنَاتٌ فَمَنْ رَأَيْتُمُوْهُ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ، اَوْ يُرِيْدُ اَنْ يُفَرِّقَ أُمَّةَ مُحَمَّدٍ (ص) كَائِنًا مَاكَانَ فَاقْتُلُوْهُ، فَاِنَّ يَدُاللهِ عَلَى

الْجَمَاعَةِ وَأَنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ يَرْكُضُ.

Terjemahan: Sesungguhnya akan ada selepas (zaman) ku di sana-sana dan di sana-sana (kumpulan-kumpulan) maka sesiapa yang kamu lihat berpecah dari Persatuan umat? Atau cuba hendak memecah-belahkan umat Muhammad, dalam apapun jua keadaanya maka hendaklah kamu perangi kerana sesungguhnya tangan Allah itu di atas kesatuan umat (Jama'ah). Dan sesungguhnya syaitan itu akan berlari-lari bersama orang berpecah dari Jama'ah.

(Riwayat Sebahagian Ahli Sunan)

2. Perang jihad kerana memerangi puak-puak pengacau dan yang melakukan huru-hara atau untuk menghapuskan perompak-perompak dan lanun-lanun yang melakukan keganasan, kerosakan, dan kefasadan di muka bumi. Inilah yang diistilahkan sebagai "*Qital Qitta' al-Tariq*", seperti yang ditegaskan oleh al-Qur'an:

إِنَّمَا جَزَاؤُا الَّذِيْنَ يُحَارِبُوْنَ اللهَ وَرَسُوْلَهُ وَيَسْعَوْنَ فِى الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ
يُقَتَّلُوْآ أَوْيُصَلَّبُوْا أَوْتُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِّنْ خِلَفٍ أَوْيُنْفَوْا مِنَ
الْأَرْضِ ذٰلِكَ لَهُمْ خِزْىٌ فِى الدُّنْيَا.

Terjemahan: Hanya sanya belasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi, ialah dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tapak merampas), atau dipotong (kalau mereka membunuh dan merampas) atau dipotong tangan dan kaki mereka berselang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum), (hukuman) yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka.

(Al-Maidah, 5:33)

Perang jihad kerana mengamankan dan mendamaikan dua golongan yang bertentangan dan bermusuhan atau berperang

dalam sebuah negara Islam, seperti yang ditegaskan oleh al-Qur'an:

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا
عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ
فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ.

Terjemahan: Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satu di antaranya berlaku zalim terhadap yang satu lagi, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

(Al-Hujurat, 49:9)

Perang jihad yang berpunca dari musuh-musuh di luar masyarakat atau negara Islam terbahagi pula kepada:

1. Perang jihad kerana mempertahankan pencerobohan dan kezaliman dari pihak musuh, ataupun kerana pembelaan ke atas saudara-saudara Islam yang dihalau dari tanahairnya sendiri.

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَى نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ. الَّذِينَ
أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ.

Terjemahan: Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan pencoroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianayai; dan sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan kami ialah Allah."

(Al-Haj, 22:39)

2. Perang jihad kerana membalas dan mempertahankan pencerobohan musuh sekadar yang sama dengan pencerobohan yang dilakukan oleh pihak musuh, tanpa melampaui batas tersebut.

فَمَنِ اعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ فَاعْتَدُوْا عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَااعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ وَاتَّقُوْا اللهَ وَاعْلَمُوْآ أَنَّ اللهَ مَعَ الْمُتَّقِيْنَ.

وَقَٰتِلُوْا فِى سَبِيْلِ اللهِ الَّذِيْنَ يُقَٰتِلُوْنَكُمْ وَلاَ تَعْتَدُوْآ إِنَّ اللهَ لاَ يُحِبُّ الْمُعْتَدِيْنَ.

Terjemahan: Oleh itu sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu maka balaslah pencerobohannya itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu dan bertakwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang bertakwa: Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan) kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh.

(Al-Baqarah, 2:190)

3. Perang jihad kerana membela kaum muslimin yang lemah dan tidak terdaya dan yang telah dizalimi.

وَمَالَكُمْ لاَ تُقَٰتِلُوْنَ فِى سَبِيْلِ اللهِ وَالْمُسْتَضْعَفِيْنَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَآءِ وَالْوِلْدَٰنِ الَّذِيْنَ يَقُوْلُوْنَ رَبَّنَآ أَخْرِجْنَامِنْ هَٰذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَل لَّنَامِنْ لَّدُنْكَ وَلِيًّا وَاجْعَل لَّنَامِن لَّدُنْكَ نَصِيْرًا.

Terjemahan: Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan): "Wahai Tuhan Kami! keluarkanlah kami dari negeri (Mekah) ini, yang penduduknya (kaum kafir

musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihak-Mu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihak-Mu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh).''

(Al-Nisa, 4:75)

وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ فَإِنِ انْتَهَوْا فَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّٰلِمِينَ.

Terjemahan: Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu semata-mata kerana Allah. Kemudian jika mereka berhenti maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang-orang yang zalim.

(Al-Baqarah, 2:139, Al-Anfal, 8:39)

Perang jihad kerana melemahkan kekuatan musuh atau orang kafir yang mengisytiharkan permusuhan terhadäp Islam dengan apa jua caranya.

وَاقْتُلُوهُمْ حَيْثُ ثَقِفْتُمُوهُمْ.

Terjemahan: Perangilah mereka di mana-mana pun yang kamu dapati mereka itu.

(Al-Baqarah, 2:19)

Kesemua jenis jihad yang tersebut tadi adalah termasuk dalam apa yang diistilahkan dengan *''Jihad Fi Sabilillah''*. Walaupun demikian istilah *Jihad Fi Sabilillah* mempunyai dua wajah; wajah lahir dan wajah batin. Sekalipun pada wajah lahirnya ia bertepatan dengan syarat-syarat *Jihad Fi Sabilillah* namun tidak semestinya ia dipandang dari wajah batinnya bertepatan dengan perang *Jihad Fi Sabilillah* disebabkan niatnya bukan kerana Allah, atau bukan kerana mencari keredaan Allah atau mendapatkan keampunan-Nya; tetapi kerana nama, kerana pangkat, kerana kemasyhuran, kerana kegagahan dan keberanian, atau kerana kekayaan dari harta-harta rampasan perang.

Supaya *Jihad Fi Sabilillah* itu benar-benar menepati konsepnya, iaitu kerana jalan Allah, kerana keredaan Allah, kerana keampunan Allah, maka pastilah jihadnya itu; selain dari ia telah menepati syarat-syaratnya yang lahir, menepati syarat-syaratnya yang batin, iaitu benar niatnya dan ikhlas jihadnya. Inilah jihad nafsu yang menjadi asas dan penilai isi kepada jihad lahirnya.

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِىءٍ مَانَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ
إِلَى اللهِ وَرَسُوْلِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللهِ وَرَسُوْلِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا
يُصِيْبُهَا أَوِامْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَاهَاجَرَ إِلَيْهِ.

***Terjemahan:** Hanya sesungguhnya segala amalan itu mengikut niatnya, dan bagi setiap orang itu apa yang diniatkannya. Maka sesiapa yang hijrahnya itu kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasulnya, tetapi jika hijrahnya itu kepada perempuan yang hendak dikahwini atau kepada dunia yang hendak didapatkannya maka hijrahnya ialah kepada apa yang ia hijrahkan kepadanya.*

(Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

XVI

HUKUM JIHAD, GANJARAN JIHAD DAN SYUHADA'

Hukum Jihad

Hukum jihad berbeza-beza mengikut perbezaan setiap bahagian dan jenisnya. Hukum jihad nafsu adalah fardu *'ain* ke atas setiap individu muslim, kerana itulah penyelamat dan pengawal kepada setiap amal ibadat ini termasuklah segala jenis jihad dari mengalami kerosakan dan kerugian, sebagaimana ia menjadi daya penilai dan pengisi kepada setiap jihad lahir.

Hukum jihad lahir terutama jihad lisan dan kalam, jihad ilmu dan ta'lim, jihad wang dan harta kekayaan terbahagi kepada tiga bahagian.

1. Fardu kifayah; iaitu kewajipan yang tertanggung ke atas masyarakat Islam seluruhnya. Sekiranya kewajipan ini tidak tertunai, maka setiap anggota masyarakat bertanggungjawab dan berdosa. Tanggungjawab ini hanya akan terlepas manakala ada seorang atau sekumpulan ataupun segolongan dari anggota masyarakat itu yang dapat menunaikan keperluan atau tuntutan masyarakat Islam yang tersebut mengikut penilaian mereka yang ahli dalam bidang pentadbiran dan perancangan kemajuan masyarakat.

2. Fardu 'Ain ke atas setiap anggota masyarakat yang dilantik

oleh masyarakat sesuai dengan keahliannya dalam setiap bidang.

3. Sunnat ke atas sesiapa sahaja dari anggota masyarakat yang melimpah rasa pengabdiannya kepada Allah, rasa penyerahan dirinya kepada Allah, dan rasa sujud dirinya kepada Allah untuk berjihad lebih dari batas yang difardukan.

Hukum jihad di medan perang dengan kekuatan senjata dan tentera terbahagi kepada dua bahagian:

1. Fardu 'Ain ke atas setiap individu muslim apabila Imam atau Ketua Negara telah mengisytiharkan perang jihad atau seorang itu telah bernazar untuk perang jihad.

2. Fardu Kifayah ke atas seluruh anggota masyarakat seperti yang dapat difahamkan dari ayat:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُوْنَ لِيَنْفِرُوْا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوْا فِى الدِّيْنِ وَلِيُنْذِرُوْا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوْآ إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُوْنَ.

Terjemahan: Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu hendaklah keluar sebahagian (sahaja) dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaum mereka (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

(Al-Taubah, 9:122)

لَا يَسْتَوِى الْقٰعِدُوْنَ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ غَيْرُ أُولِى الضَّرَرِ وَالْمُجٰهِدُوْنَ فِى سَبِيْلِ اللهِ بِأَمْوٰلِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضَّلَ اللهُ الْمُجٰهِدِيْنَ بِأَمْوٰلِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقٰعِدِيْنَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَ اللهُ الْحُسْنٰى.

Terjemahan: Tidaklah sama (keadaan) orang-orang yang duduk (tidak berperang dari kalangan orang-orang yang

beriman selain daripada orang-orang yang ada keuzuran dengan orang-orang yang berjihad (yang berjuang) pada jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwa mereka. Allah melebihkan orang-orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal duduk (yang tidak turut berperang kerana uzur (dengan satu darjah) kelebihan, dan tiap-tiap satu (dari dua golongan itu) Allah menjanjikan dengan balasan yang baik (syurga).

(Al-Nisa', 4:95)

Konsep Fardu Kifayah

Menyebut tentang *fardu kifayah* perlu rasanya dijelaskan di sini tentang konsepnya yang sebenar. Biasanya bila disebut *fardu kifayah* maka yang terbayang ialah *fardu kifayah* seperti yang tergambar pada sembahyang jenazah. Apa yang berlaku dan difahami oleh kebanyakan masyarakat Islam, bila diadakan sembahyang jenazah maka bilangan yang menunaikannya amatlah sedikit dan bilangan sebanyak itu sudah memadai untuk melepaskan tanggungjawab seluruh masyarakat.

Pengertian dan fahaman seperti inilah yang mencerminkan kelemahan-kelemahan masyarakat Islam itu sendiri. Sebenarnya konsep *fardu kifayah* merupakan konsep penting dalam konsep kemasyarakatan. Ia mempunyai pertalian rapat dengan perkembangan dan kemajuan sebuah masyarakat. Jika *fardu 'ain* itu merupakan kewajipan yang pasti ke atas setiap individu maka *fardu kifayah* pula adalah kewajipan yang pasti ke atas masyarakat dalam bentuk kolektif. Sekiranya kewajipan ini masih tidak tertunai oleh masyarakat (melalui seorang atau sekumpulan dari anggota masyarakat yang mewakili masyarakat tersebut) maka setiap anggota masyarakat bertanggungjawab, dan bersalah kepada Allah.

Untuk menentukan sama ada golongan yang dianggap mewakili masyarakat ataupun yang ditugaskan oleh masyarakat itu benar-benar dapat menunaikan tuntutan dan keperluan masyarakat, setakat yang dapat menjamin dan memelihara maslahat dan kepentingan umum dalam setiap bidang keperluannya maka terpulanglah kepada masyarakat melalui ahli-ahli pentadbiran dan perancang yang diakui dan diberi mandat oleh masyarakat itu sendiri.

Manakala telah ada bilangan yang cukup dari anggota masyarakat yang dapat menunaikan keperluan masyarakat tersebut bererti tuntutan dan keperluan masyarakat dalam hukum *fardu kifayah* telah tertunai. Maka setiap anggota masyarakat itu telah terlepas dari tanggungjawab tersebut. Kecukupan bilangan yang mewakili masyarakat dalam melaksanakan tuntutan dan keperluan masyarakat bererti maslahat dan kepentingan umum masyarakat Islam adalah terkawal dan terjamin. Dengan terkawal dan terjaminnya kepentingan umum masyarakat itu bererti terkawal dan terjaminlah kesejahteraan masyarakat Islam. Ini jelas menunjukkan bahawa kesejahteraan masyarakat itu berhubung rapat sekali dengan konsep *fardu kifayah* dan pelaksanaannya.

Kesedaran kepada konsep *fardhu kifayah* mencerminkan kesedaran konsep hidup masyarakat dengan pengertiannya yang ideal dan praktik dalam Islam. Masyarakat yang mempunyai cita-cita tinggi dan berjiwa besar, masyarakat yang teguh dan kukuh dengan nilai moralnya yang tinggi, juga dengan ideologi dan 'aqidah yang hak, masyarakat yang subur dengan amalan dan usaha yang salih, seterusnya masyarakat yang aman dan makmur, bahagia dan sejahtera tidak akan tercapai selagi konsep *fardu kifayah* yang mencerminkan hidup bermasyarakat dalam Islam tidak ditanam dan disemai dalam jiwa generasi muslim melalui pendidikan.

Apabila kesedaran kepada konsep *fardu kifayah* ini dapat ditanamkan dalam jiwa anggota masyarakat maka tidak akan berlaku dalam setiap bidang dan lapangan yang diperlukan oleh masyarakat itu seperti apa yang berlaku pada "sembahyang mayat" dan juga tidak hanya setakat mencukupkan bilangan yang diperlukan sahaja tetapi juga akan semakin banyak bilangannya, lebih dari hanya setakat melepaskan *fardu kifayah* semata-mata. Semakin banyak bilangan yang diperlukan dalam bidang *fardu kifayah*, iaitu lebih dari batasnya yang minimum bererti mencerminkan semakin maju taraf kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat tersebut. Ia juga menggambarkan semakin maju taraf kemajuan dan tamadunnya. Walaupun dari sudut diri individu ia termasuk dalam daerah hukum "sunat" yang sangat digalakkan, namun dari sudut kemasyarakatan maka itu merupakan ciri-ciri kemakmuran dalam kesejahteraan masyarakat, kerana semakin banyak anggota masyarakat mengamalkan amalan sunnat yang bersifat sukarela dalam ibadah

yang berbentuk sosial, lebih dari batas yang difardukan, bererti semakin mencerminkan gambaran yang tepat dan sebenar taraf kesejahteraan, kemajuan, dan ketamadunan umat. Maka demikianlah juga hendaknya dalam bidang jihad konsep *fardu kifayah* hendaklah difahami dengan pengertian yang sebenar.

Mengapa Perlunya Jihad

Sebagaimana yang telah dijelaskan dahulu bahawa Islam dari titik awal seruan dakwahnya sehinggalah munculnya masyarakat Islam, dan terbentuk seterusnya negara Islam tidak dapat dipisahkan dari jihad dengan pengertiannya yang umum; iaitu perlunya curahan daya dan tenaga kekuatan untuk menghadapi musuh-musuh yang menghalang untuk mencapai matlamat sebagai seorang muslim, masyarakat muslim, dan negara Islam. Jihad adalah kepastian dari Islam, ataupun lebih jelas jihad adalah natijah yang pasti dan tabi'i dari keislaman atau kemusliman seseorang. Islam yang terjelma dalam diri seorang muslim, dalam diri masyarakat muslim, seterusnya dalam negara Islam dengan konsepnya yang sebenar tidak akan wujud tanpa jihad. Oleh kerana itu seorang muslim yang sebenar sudah pasti memikul tanggungjawab yang berat dan agung.

Rahsia mengapa wajib atau diwajibkan jihad hanya dapat dirasakan melalui fahaman yang mendalam tentang hakikat Islam, memahami risalahnya seperti yang digariskan sendiri oleh Islam dalam al-Qur'an sebagai sifatnya agama yang diredai Allah.

Islam bererti penyerahan diri kepada Allah. Menurut Islam setiap makhluk, sama ada di langit atau di bumi, sama ada bulan, bintang, matahari, gunung-ganang, pohon dan tumbuh-tumbuhan serta binatang sujud menyerah diri kepada Allah. Menurut Islam kesemuanya itu adalah ditundukkan oleh Allah Maha Pencipta demi keperluan hidup insan di planet bumi ini. Demikian juga menurut Islam bahawa Allah telah memberikan mandat penuh kepada manusia untuk mempergunakan segala ciptaan bagi membangun tamadunnya. Allah Maha Pencipta telah menetapkan dalam perkembangan sucinya tentang kedudukan manusia dalam semesta ini sebagai tuan yang menguasai dan memerintah di atas muka bumi ini. Tetapi segala makhluk dan ciptaan Allah hanya rela dipergunakan oleh manusia seperti yang diarahkan oleh Allah Maha Penciptanya, dan dikuasai demi untuk membangun tamadunnya, jika sekiranya manusia itu

sanggup tunduk patuh, menyerah dan sujud kepada Allah. Dengan penyerahan dan sujudnya manusia kepada Allah dalam sepanjang tugas dan risalahnya untuk membina tamadun itu, maka akan selaraslah perjalanan roda di alam semesta ini bertepatan dengan *sunatullah,* dan bertepatan dengan *fitratullah,* fitrah manusia, dan fitrah alam semesta. Hanya dengan penyerahan diri dan sujud kepada Allah; iaitu kepada keesaan Allah, kepada Keagungan dan Kebesaran Allah, kepada Ilmu dan Hikmat Allah, kepada kekuasaan dan Iradah Allah, kepada undang-undang dan arahan-Nya, kepada panduan dan hidayat-Nya, kepada kerajaan, pemerintahan, dan kehakiman Allah, maka tamadun umat manusia dan tamadun dunia akan benar-benar menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan (al-Salam) di dunia, yang berikutnya akan menjadi asas kepada kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di akhirat yang kekal abadi. Tanpa Islam dengan erti penyerahan dan kesujudan, sebaliknya menentang Allah, memberontak terhadap Allah, terhadap kerajaan-Nya, pemerintahan-Nya dan kehakiman-Nya, maka tamadun manusia dan tamadun dunia tidak akan menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan. Malahan alam semesta dengan isinya akan bangun menentang dengan berbagai mala petaka.

Islam adalah *Kalimatullah,* Islam juga *Nurullah,* dan Islam itulah *Hidayatullah,* jalan yang lurus untuk dilalui oleh pengajaran dan pengembaraan insan, dan itulah *Manhaj Rabbani.* Natijahnya bahawa Islam adalah rahmat Ilahi yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan insan dan manúsia. Sebagaimana bumi tidak akan hidup subur tanpa ada langit siraman air hujannya atau sinaran cahaya mataharinya, maka demikianlah hakikatnya manusia tidak akan hidup dengan pengertiannya yang hakiki tanpa Islam. Maka Islam adalah satu hakikat ketuhanan yang tidak sekali-kali boleh dipisahkan dari manusia sebagai hamba-Nya yang terpenting di dunia ini, oleh kerana itu hanya Islam yang akan melimpahkan dan mencurahkan kebaikan dan kebajikan kepada umat manusia. Islam yang sedemikian sifatnya sudah pasti sangat perlu disampaikan, disebarkan, diperjuangkan, dan dijihadkan. Setiap manusia muslim yang menerima Islam dengan penuh kerelaan hati, yang menghayati jiwa Islam dengan sendirinya memikul tugas yang sudah pasti; iaitu berjihad kerana Islam demi untuk kesejahteraan manusia.

Ringkasnya jihad adalah natijah yang pasti dan tabii dari

keIslaman dan kemusliman. Itulah tenaga penyambung tugas Rasul untuk meninggikan *Kalimatullah,* menyebarkan cahaya dan *Nurullah,* untuk menegakkan agama Allah, untuk melimpahkan rahmat Allah. Jihad adalah tenaga yang *vital* untuk mengekalkan keutuhan umat Islam yang menjamin terselamat dari pencerobohan dan kezaliman. Oleh kerana itu jihad, menurut Rasulullah sebagai panglima jihad yang sejati, akan tetap berjalan terus menerus hingga ke hari kiamat.

Risiko Mengabaikan Jihad

Sebagaimana yang telah dijelaskan keistimewaan dakwah dan risalah Muhammadiyyah ialah jihadnya sehingga tidak boleh dipisahkan antara Islam, dakwah dan jihad. Maka pengabaian kepada jihad adalah ancaman yang sangat membahayakan umat Islam. Bahkan pengabaian itulah sebenarnya menjadi sumber dan punca yang hakiki kepada kelemahan, kerendahan umat Islam di sisi manusia lebih-lebih lagi di sisi Allah. Inilah hakikat yang sebenar-benarnya disedari oleh Khalifah Abu Bakar r.a. yang ditegaskan dalam ucapan dasarnya sebaik-baik sahaja beliau dilantik menjadi khalifah. Jihad telah dijadikan salah satu dasar terpenting untuk dilaksanakan dalam pemerintahan.

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan ke atas pemerintah dan para pemimpin masyarakat Islam agar sentiasa menghidupkan *"Roh al-Jihad"* di kalangan anggota masyarakat Islam, bahkan menjadi kewajipan dan tanggungjawab ke atas mereka untuk menjadi contoh dan tauladan dalam melaksanakan konsep jihad.

Sebagaimana Islam tidak boleh dipisahkan dari dakwah dan dakwah tidak boleh dipisahkan dari jihad, begitulah jihad tidak boleh dipisahkan dari cirinya yang terpenting; iaitu pengorbanannya, kerana korban dan pengorbanan merupakan salah satu lambang yang asasi yang sentiasa disarankan oleh Islam kepada umatnya dalam sepanjang usia dan sejarah hidupnya. Oleh penjelasan ini jelaslah kedudukan hubungan antara Islam, salam, dan *Tadhiyyah.* Islam sebagai jalan atau wasilah, dan salam ialah matlamat. Dari Islam untuk sampai kepada salam perlulah kepada *Tadhiyyah* atau pengorbanan. Pengorbanan itu sendiri adalah essensi dari kandungan Islam. Tidak ada suatu dari suruhan atau tegahan, seterusnya tidak ada suatu galakan dan gesaan kepada yang disuruh atau menjauhkan

dari yang ditegah dalam Islam yang tidak mengandungi "Pengorbanan", iaitu mengorbankan kepentingan nafsu, atau kepentingan diri, atau kepentingan keseronokan dunia, ataupun kepentingan suatu yang sia-sia yang melalaikan dan menghayalkan hakikat hidupnya, mengorbankan kesemuanya itu untuk Tuhan dan Rasul-Nya, untuk kepentingan kesempurnaan hidup di sisi Allah. Kalimah *"Lillahi Ta'ala"* atau kerana Allah yang menjadi tunggak dan teras dalam setiap ibadah dan ubudiyyah adalah cermin yang menggambarkan "Roh Pengorbanan".

Itulah sebabnya Islam menamakan roh pengorbanan dan menjadikannya syiar yang disarankan dalam kehidupan setiap muslim kerana itulah hakikat yang mahu diisi dalam setiap masyarakat manusia. Masyarakat yang umumnya dikuasai oleh roh pengorbanan; iaitu yang menjadi ciri terpenting dalam jihad adalah suatu masyarakat yang ideal, masyarakat yang kukuh dan teguh ikatan tali perhubungan antara para anggotanya; iaitu masyarakat yang erat jalinan tali persaudaraan. Itulah masyarakat yang layak diistilahkan dengan *Khayru Ummatin"*, masyarakat yang sebaik-baiknya, iaitu masyarakat yang mempunyai tiga ciri:

1. Iman kepada Allah.
2. Menyuruh pada yang ma'ruf.
3. Menegah dari yang mungkar.

Ketiga-tiga ciri tersebut pada hakikatnya adalah natijah dan hasil dari roh pengorbanan, yang juga cermin kepada roh jihad. Hanya dengan jihad lahir dapat mencipta masyarakat yang tinggi dan dihormati, punya maruah dan peribadi *"al-'Izzah wa al-Karamah"*, sementara jihad batin dapat mencipta masyarakat yang sentiasa diberi petunjuk dan kelurusan *"al-Huda wa al-Istiqamah"*.

Masyaraka Islam yang mengabaikan jihad adalah masyarakat yang sudah kehilangan satu dari bukti keimanan yang paling jelas dan nyata (terjemahan):

Hanya sesungguhnya mereka yang beriman itu ialah mereka yang beriman dengan Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka tidak merasa ragu, dan berjihad dengan wang dan hartanya serta dengan diri dan

nyawanya. Mereka itulah orang-orang yang benar (keimanannya)".

Ini juga bererti bahawa masyarakat yang mengabaikan jihad adalah masyarakat yang kehilangan cirinya yang menjadi tunggak dan teras kepada masyarakat yang ideal *"Khayru Ummatin"*, masyarakat yang telah kehilangan sifat keistimewaannya; identiti dan keperibadiannya. Masyarakat Islam yang mengabaikan jihad adalah masyarakat yang lebih mementingkan diri, nafsu dan keduniaan. Masyarakat Islam yang sedemikian adalah masyarakat yang telah berkecaian simpulan tali perhubungannya, masyarakat yang terurai jalinan tali ikatan persaudaraannya, sedangkan agama, khususnya Islam sentiasa mengawal supaya ikatan dari simpulan tali perhubungan kemasyarakatan itu tetap terjamin kukuh dan utuh. Masyarakat Islam yang sedemikian itulah masyarakat yang fasik yang diancam oleh Allah dalam firman-Nya:

قُلْ إِنْ كَانَ ءَابَآؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ وَإِخْوٰنُكُمْ وَأَزْوٰجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ
وَأَمْوٰلٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجٰرَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسٰكِنُ تَرْضَوْنَهَآ أَحَبَّ
إِلَيْكُم مِّنَ اللهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِى سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّىٰ يَأْتِىَ اللهُ بِأَمْرِهِ
وَاللهُ لَا يَهْدِى الْقَوْمَ الْفٰسِقِينَ.

Terjemahan: Jika bapa-bapa kamu dan anak-anak kamu dan saudara-saudara kamu dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu dan harta benda yang kamu usahakan dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, (jika semuanya itu) menjadi perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk agamanya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusannya (azab seksanya), kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik.

(Al-Taubah, 9:24)

Dalam ayat ini jelas sekali hubungan antara jihad dengan cintakan Allah dan Rasul-Nya, kerana cinta itu adalah nadi dan nyawa

keimanan, sementara jihad dan pengorbanan adalah hasil buah iman yang juga bukti atas cintanya, kerana hakikat cinta ialah pengorbanan untuk yang dicintainya.

Amat perlu diulangi di sini bahawa punca kelemahan dan kemunduran, kehilangan maruah dan nilai diri masyarakat Islam ialah kerana ketiadaan roh jihad, yang membuktikan kemalapan api iman, atau ketandusan bumi hatinya dari siraman baja iman. Seterusnya kelemahan gelora cinta kepada Allah, pada pembalasan-Nya, pada keredaan-Nya, keampunan dan rahmat-Nya.

Usaha yang paling besar bahkan yang paling berat dan sulit tetapi paling kudus dan luhur demi untuk mengembalikan kedudukan umat Islam seperti yang dijanjikan ialah menghidupkan bumi hati umat Islam dengan roh iman, mengisi jiwa dan hati umat Islam dengan hakikat cinta kepada Allah dan Rasul-Nya, demi untuk menghasilkan jihad dan pengorbanan yang sememangnya tidak terpisah dari iman dan Islam.

Ganjaran Allah kepada Para Mujahidin

Oleh kerana jihad itu adalah kehendak dan suruhan Allah kepada hamba-Nya demi untuk menegakkan agama Allah, untuk menyebarkan Nurullah di muka bumi, untuk meninggikan Kalimatullah, dan untuk melimpahkan rahmat Allah kepada seluruh umat manusia maka Allah telah mementeraikan janji dalam kitab suci-Nya untuk memberikan balasan dan ganjaran yang lebih dari adil kepada para mujahid mengikut kemampuan jihad yang dicurahkan.

Ganjaran Jihad di Medan Perang: Allah berfirman dalam al-Qur'an (terjemahan):

> *Sesungguhnya Allah telah membeli orang mukmin harta dan dirinya dengan syurga yang disediakan untuk mereka.*

Biasanya kalau seseorang itu mencipta sesuatu ciptaan ia adalah bertujuan untuk mendapatkan keuntungan. Akan tetapi Allah mencipta manusia dengan bentuk yang paling indah ini bukan untuk dijual dan digadai bagi mendapat keuntungan. Maha Suci Allah yang Maha Kaya lagi Maha Sempurna. Sebaliknya Allah mencipta manusia ini ialah untuk dibelinya dengan nilai harga yang sangat mahal, iaitu syurga. Alangkah agungnya kekayaan Allah. Allah bersedia untuk membeli harta dan diri manusia dengan syurga; iaitu harta dan

dirinya yang dijual kepada Allah kerana *Jihad Fi Sabilillah,* iaitu jihad di medan perang untuk menentang musuh dari luar dan juga jihad kepada setiap yang gugur itu menerima syahid iaitu syahid yang tidak wajib dikafan dan disembahyangkan seterusnya jihad yang mengharuskan dan membolehkan tawanan perang dijadikan hamba sahaya.

Dalam ayat ini dijelaskan secara umum bahawa para mujahid sama ada dengan hartanya atau dengan diri dan nyawanya, sama ada yang hidup apatah lagi yang gugur syahid akan menerima balasan syurga. Untuk menjelaskan ganjaran jihad di medan perang dengan lebih jelas lagi maka kita pecahkan kepada dua bahagian: pertama jihad dengan wang dan harta kekayaan, kedua jihad dengan diri dan nyawanya.

Pada masa permulaan Islam, iaitu sebelum penaklukan Makkah yang lebih diutamakan dalam jihad ialah tenaga kekuatan manusia. Pada zaman Rasulullah s.a.w. jihad adalah fardu 'Ain kepada setiap muslim dan mukmin kecuali yang sakit, orang tua, wanita, kanak-kanak, yang uzur dan mempunyai tanggungan, dan yang tidak mempunyai kelengkapan perang, tetapi selepas penaklukan Makkah wang sangat diperlukan untuk melengkapkan angkatan perang, samada kelengkapan senjata atau kelengkapan anggota tenteranya. Oleh itu Allah berfirman:

وَأَعِدُّوا لَهُم مَّا اسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ
وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنفِقُوا
مِن شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ.

Terjemahan: Dan sediakan untuk (menentang) mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari (pasukan-pasukan) berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan (persediaan) itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiayai.

(Al-Anfal 8:60)

Dalam ayat ini ditegaskan:

1. Perintah Allah kepada umat Islam supaya menyediakan kelengkapan angkatan perang sama ada dari segi kekuatan alat senjatanya, mahupun kekuatan anggota tenteranya.

2. Kelengkapan itu pula bukanlah secara diambil mudah atau senang tanpa kesungguhan tetapi dengan penuh rasa tanggungjawab tanpa taksir dan kurang, iaitu yang disebut dalam ayat ini dengan "sehabis daya dan tenaga yang mampu" dan terkuasa. Umpamanya kalau sehabis mampu untuk membeli senjata hanya setakat senapang patah atau peluru berpandu maka hendaklah dibeli atau diusahakan. Jelasnya kalau sehabis daya yang mampu itu ialah memikul 100 kali hendaklah mengangkat 100 kali jangan sekali-kali kurang dari itu.

3. Seboleh-bolehnya membina angkatan tentera dan senjata yang terkuat sekali mengikut perkembangan masa; iaitu yang dapat menggerunkan musuh-musuh Allah yang sudah pasti musuh umat Islam, bahkan musuh yang tersembunyi iaitu dari golongan munafik atau musuh-musuh dalam selimut yang hanya Allah sahaja mengetahuinya.

4. Oleh kerana usaha pembinaan angkatan tentera dan angkatan senjata seperti yang diperintahkan itu tidak akan terlaksana tanpa syarat wang dan harta kekayaan dari seluruh anggota masyarakat Islam sendiri maka Allah menegaskan di akhir ayat tadi perintah dan gesaan untuk membelanjakan sebahagian dari harta kekayaannya demi untuk membiayai pembinaan angkatan tentera dan angkatan bersenjata tersebut. Itulah jihad wang dan harta, sehingga apa jua dari harta atau wang yang dibelanjakan untuk *Jihad Fi Sabilillah* tidak akan disesiakan oleh Allah.

Islam menegaskan bahawa air itu adalah asas kehidupan, harta pula adalah syarat yang menjadi tunggak kehidupan, sementara jihad pula adalah daya pengekal kehidupan. Memandangkan kepada hakikat ini maka jihad di medan perang dengan wang harta kekayaan telah didahulukan sebagai syarat utamanya seperti yang jelas

ditegaskan oleh al-Qur'an:

وَجٰهَدُوْا بِأَمْوٰلِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِى سَبِيْلِ اللهِ.

Terjemahan: Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan harta benda mereka dan jiwa mereka.

(Al-Hujurat, 49:15)

وَتُجٰهِدُوْنَ فِى سَبِيْلِ اللهِ بِأَمْوٰلِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ.

Terjemahan: Serta kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu.

(Al-Saff, 61:11)

وَالْمُجٰهِدُوْنَ فِى سَبِيْلِ اللهِ بِأَمْوٰلِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ.

Terjemahan: Dan orang-orang yang berjihad pada jalan Allah dengan harta benda mereka dan diri mereka.

(Al-Nisa', 4:95)

Nilai Balasan: Selanjutnya Allah menegaskan dengan jelas tentang nilai balasan kepada setiap sen yang dibelanjakan untuk *Jihad Fi Sabilillah.*

مَثَلُ الَّذِيْنَ يُنفِقُوْنَ أَمْوٰلَهُمْ فِى سَبِيْلِ اللهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِى كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِّائَةُ حَبَّةٍ وَاللهُ يُضٰعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللهُ وٰسِعٌ عَلِيْمٌ.

Terjemahan: Bandingan (perbelanjaan derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya, dan Allah amat luas (rahmat) kurnia-Nya lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya.

(Al-Baqarah, 2:261)

Jelaslah setiap sen atau ringgit yang dibelanjakan ke jalan Allah akan dibalas tidak kurang dari 700 kali ganda sen atau ringgit. Bahkan akan dilipat kali gandakan lagi (mungkin 700 x 2 atau 700 x 700).

Selain ayat al-Qur'an terdapat Hadith-hadith yang menjelaskan lagi tentang balasan jihad dengan harta, seperti Hadith di bawah:

مَنْ جَهَّزَ غَازِيًا فِى سَبِيْلِ اللهِ فَقَدْ غَزَا وَمَنْ خَلَفَ غَازِيًا فِى أَهْلِهِ فَقَدْ غَزَا.

Terjemahan: Sesiapa yang menyediakan kelengkapan perang kepada seorang pejuang Jihad Fi Sabilillah sesungguhnya ia telah berjuang (mendapat ganjaran yang sama dengan orang yang berjuang di medan perang jihad), dan sesiapa yang menanggung nafkah atau perbelanjaan atau sara hidup keluarga seorang yang berjuang di medan perang sabil sesungguhnya ia telah berjuang di medan jihad.

(Riyad al-Salihin)

أَفْضَلُ الصَّدَقَاتِ ظِلُّ فُسْطَاطٍ فِى سَبِيْلِ اللهِ وَمُنِيْحَةُ خَادِمٍ فِى سَبِيْلِ اللهِ أَوْطَرُوْقَةُ مُخْلٍ فِى سَبِيْلِ اللهِ

Terjemahan: Sebaik sedekah itu rumah tempat perlindungan kepada para mujahid Fi Sabilillah, dan memberikan seorang khadam untuk berkhidmat kepada para mujahid Fi Sabilillah; dan unta untuk tunggangan di medan jihad Fi Sabilillah.

(Riyad al-Salihin)

أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبْعَثَ إِلَى بَنِى لِحْيَانٍ، فَقَالَ لِيَنْبَعِثْ مِنْ كُلِّ رَجُلَيْنِ أَحَدُهُمَا الأَجْرُ بَيْنَهُمَا

Terjemahan: Sesungguhnya Rasulullah telah bersiap sedia untuk memerangi "Bani Lihyan", kemudian Rasulullah

telah bersabda kepada kaum muslimin. Dari setiap dua orang laki-laki seorang darinya hendaklah pergi berjuang: Dan ganjarannya untuk berdua (iaitu separuh untuk pergi dan separuh untuk yang tinggal kerana menyara hidup keluarga pergi berjihad di medan).

(Riyad al-Salihin)

Jihad di medan perang dengan harta sama ada untuk membiayai alat kelengkapan senjata, atau pengambilan tenaga tentera, latihan yang diperlukan dalam semua peringkat, dan juga untuk gaji serta sara hidup keluarganya, boleh dilakukan oleh setiap orang mukmin dari setiap peringkat dan lapisan masyarakat, dari semua golongan dan bidang yang mampu mengikut kadar kemampuannya. Tetapi jihad dengan diri dan nyawa di medan perang jihad tidak dapat dilaksanakan oleh semua anggota dalam masyarakat Islam, tetapi hanya terbatas kepada:

1. Mereka yang mampu memberi nafkah keluarga dan tanggungannya sepanjang peninggalannya ketika di medan jihad.
2. Membeli kelengkapan dan alat peperangan yang diperlukan untuknya.
3. Seorang laki-laki yang sihat dan cukup sempurna anggotanya. Setiap anggota masyarakat Islam yang mempunyai cukup syarat-syarat tadi adalah diwajibkan (*fardu 'Ain*) untuk pergi ke medan jihad manakala diisytiharkan oleh ketua negaranya. Kedudukan ini hanya berlaku pada zaman Rasulullah dan setengah sahabat sahaja, iaitu ketika perbelanjaan untuk ke medan jihad tertanggung ke atas diri sendiri atau orang yang mampu dari kalangan hartawan seperti Sayidina Uthman Ibn 'Affan yang sanggup membiayai seberapa banyak anggota masyarakat yang sedia berjuang ke medan jihad.

Akan tetapi keadaan telah berubah selepas zaman Rasulullah kerana perubahan urusan pentadbiran negara; iaitu setelah belanja untuk jihad di medan perang ditanggung oleh negara melalui *Bait al-Mal*, atau yang seumpamanya. Berikutan dari itu maka terbentuklah satu kumpulan yang khusus untuk pergi berjihad di medan perang, yang boleh dinamakan "angkatan tentera atau angkatan bersenjata". Mereka

merupakan sekumpulan anggota masyarakat yang mewakili masyarakat atau setiap anggota masyarakat dalam melaksanakan kewajipan jihad di medan perang. Negara telah menanggung sara hidupnya, sama ada dirinya, atau keluarga tanggungannya. Demikian juga tentang alat-alat kelengkapan perangnya, semuanya telah ditanggung oleh negara. Dalam keadaan ini maka jihad di medan perang merupakan fardu *Kifayah.* Ertinya menjadi kewajipan masyarakat Islam seluruhnya. Tetapi oleh kerana setiap anggota masyarakat Islam tidak semuanya bertugas dalam bidang ini maka masyarakat atau negara telah mewakilkan tugas dan kewajipan yang menjadi salah satu dari keperluan dan tuntutan masyarakat dan negara itu kepada segolongan dari anggota masyarakat untuk memikul tugas dan kewajipan tersebut. Terpulanglah kepada masyarakat dan negara untuk memberikan istilah atau nama-nama tertentu kepada golongan tersebut.

Hukum fardu *Kifayah* ini nisbah kepada masyarakat umum seluruhnya, tetapi nisbah kepada para anggota masyarakat yang telah dilantik untuk mengambil tugas dan kewajipan (iaitu jihad di medan perang) masyarakat tadi maka hukumnya adalah fardu *'Ain*; iaitu wajib ia mematuhi dan melaksanakan tugas-tugas yang berhubung dengan "jihad" di medan perang sebagaimana kewajipan dalam melaksanakan fardu-fardu *'Ain* yang lain.

Ini tidak bererti pula bahawa tugas jihad di medan perang bukan hanya terbatas kepada anggota-anggota tersebut atau angkatan tentera sahaja. Walaupun anggota masyarakat Islam yang bukan dari anggota angkatan tentera dan bersenjata tidak wajib dengan erti tidak berdosa jika tidak melaksanakan tugas jihad di medan perang, namun tidaklah pula bererti mereka bersalah atau berdosa jika ingin menjadi sukarelawan atau semi sukarelawan dalam angkatan bersenjata untuk pergi berjihad di medan perang setelah mencukupi syarat-syaratnya.

Ganjaran Mujahid di Medan Perang Sabil

Ganjaran para mujahidin di medan perang *Fi Sabilillah* telah dijelaskan secara terperinci oleh al-Qur'an dan Hadith. Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas tadi bahawa Allah sentiasa bersedia untuk membeli diri, nyawa dan hartanya yang dipergunakan untuk Jihad *Fi Sabilillah* dengan nilai harga yang paling mahal; iaitu syurga. Dalam ayat lain ditegaskan lagi dengan jelas.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوْا هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ تِجَٰرَةٍ تُنجِيكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ
تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُوْلِهِۦ وَتُجَٰهِدُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِكُمْ
وَأَنفُسِكُمْ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنتُمْ تَعْلَمُوْنَ يَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ
وَيُدْخِلْكُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ وَمَسَٰكِنَ طَيِّبَةً فِى جَنَّٰتِ
عَدْنٍ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ وَأُخْرَىٰ تُحِبُّونَهَا نَصْرٌ مِّنَ ٱللَّهِ وَفَتْحٌ
قَرِيبٌ وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah kamu aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang dalam membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu, yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (Dengan itu) Ia akan mengampunkan dosa-dosa kamu, dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, serta ditempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam syurga yang kekal, itulah kemenangan yang besar. Dan ada lagi limpah kurnia yang lain, yang kamu sukai, iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang cepat (masa berlakunya) dan sampaikanlah berita yang menggembirakan itu kepada orang-orang yang beriman.

(Al-Saff 61:10-13)

Balasan para mujahid mempunyai dua kemenangan dan kejayaan. Kemenangan di dunia dan kejayaan di akhirat. Kemenangan di dunia untuk masyarakat bangsa dan negaranya: sementara kejayaan di akhirat khusus untuk dirinya.

Syurga yang dijanjikan oleh Allah kepada para mujahid ialah syurga seperti yang dijelaskan oleh Hadith.

إِنَّ فِى الْجَنَّةِ مِائَةَ دَرَجَةٍ أَعَدَّهَا لِلْمُجَاهِدِيْنَ فِى سَبِيْلِ اللهِ مَابَيْنَ

الدَّرَجَتَيْنِ كَمَابَيْنَ السَّمَاءِ وَالأَرْضِ.

Terjemahan: Sesungguhnya di dalam syurga itu seratus darjat yang disediakan untuk para mujahid Fi Sabilillah. Luas antara dua darjat tadi adalah sejauh jarak langit dan bumi.

Dalam sebuah Hadith yang panjang Rasulullah menyambung sabdanya:

وَأُخْرَى يَرْفَعُ اللهُ بِهَا الْعَبْدَ مِائَةَ دَرَجَةٍ فِى الْجَنَّةِ مَابَيْنَ كُلِّ دَرَجَتَيْنِ كَمَابَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ. قَالَ: وَمَاهِيَ يَارَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ: الْجِهَادُ فِى سَبِيْلِ اللهِ، الْجِهَادُ فِى سَبِيْلِ اللهِ.

Terjemahan: Dan yang lainnya Allah akan mengangkatkan seorang hamba itu (yang meredhai Allah sebagai Tuhannya, Islam sebagai dirinya, dan Muhammad sebagai Rasul-Nya), seratus darjat ketinggian syurga. Luas antara tiap-tiap dua darjah itu ialah seluas jarak langit dan bumi. Dia (Abu Sa'id al-Khudri) bertanya untuk siapakah itu wahai Rasulullah? Jawab Rasulullah s.a.w. untuk Jihad Fi Sabilillah, Jihad Fi Sabilillah.

(Riwayat Imam Muslim)

Menurut ayat dan Hadith di atas balasan syurga kepada para mujahid Fi Sabilillah yang benar kerana Allah dan kerana keredaan-Nya itu adalah umum, sama ada peperangan jihadnya itu berjaya atau tewas, sama ada ia gugur ataupun hidup selama tidak dibatalkan dengan kekufuran, kesyirikan, kefasikan dan kefajiran.

Secara lebih terperinci lagi Rasulullah menjelaskan ganjaran jihad *Fi Sabilillah* bermula dari persediaan dan kelengkapan hinggalah kepada langkah perjalanannya, membawa kepada gugur syahid di medan pertempuran.

Ganjaran Pergi ke Medan Jihad

لَغَدْوَةٌ فِى سَبِيْلِ اللهِ أَوْ رَوْحَةٌ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيْهَا.

Terjemahan: Pemergian ke medan jihad (sama ada pada waktu siang atau pada waktu malam) adalah lebih baik dari dunia dengan segala isinya).

(Hadith dalam Riyad al-Salihin)

Ganjaran Mengawal dan Mengawasi Serangan Musuh

رِبَاطُ يَوْمٍ فِى سَبِيْلِ اللهِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا عَلَيْهَا، وَمَوْضِعُ سَوْطِ أَحَدِكُمْ مِنَ الْجَنَّةِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا عَلَيْهَا وَلَرَوْحَةٌ يَرُوْحُهَا الْعَبْدُ فِى سَبِيْلِ اللهِ أَوْ لَغُدْوَةٌ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا عَلَيْهَا.

Terjemahan: Sehari mengawal dan mengawasi musuh di tempat-tempat pertahanan perang Fi Sabilillah adalah lebih baik dari dunia dengan segala isinya. Dan tempat syurga seluas yang dapat diisi oleh dirinya itu adalah lebih baik dari dunia dengan segala isinya ...

(Hadith dalam Riyad al-Salihin)

رِبَاطُ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ خَيْرٌ مِنْ صِيَامِ شَهْرٍ وَقِيَامِهِ وَإِنْ مَاتَ فِيْهِ أُجْرِيَ عَلَيْهِ عَمَلُهُ الَّذِى كَانَ يَعْمَلُ وَأُجْرِيَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ وَأَمِنَ الْفِتَانَ.

Terjemahan: Mengawal dan mengawasi tempat pertahanan (atau perbatasan) perang Jihad dalam sehari semalam lebih baik dari puasa sebulan dan sembahyangnya. Dan jika mati ia maka amalan yang dilakukan semasa hidupnya (dalam hari tersebut) akan terus menerus diberikan pahala (sehingga hari Qiamat) dan akan diberikan rezeki dari syurga serta teraman dari fitnah (seksaan) kubur.

(Hadith dalam Riyad al-Salihin)

كُلُّ مَيْتٍ يَخْتَمُ فِى عَمَلِهِ إِلاَّ الْمُرَابِطِ فِى سَبِيْلِ اللهِ فَإِنَّهُ يُغْمَى لَهُ عَمَلُهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَيُؤْمَنُ فِتْنَةَ الْقَبْرِ.

Terjemahan: Setiap orang yang mati akan tertutup atau terputus segala amalannya melainkan al-Murabit; iaitu yang berkawal dan berjaga semasa perang Fi Sabilillah, kerana amalannya itu akan tetap hidup subur dan terus bertambah hinggalah ke Hari Qiamat dan diamankan dari fitnah kuburnya.

(Hadith dalam Riyad al-Salihin)

رِبَاطُ يَوْمٍ فِى سَبِيْلِ اللهِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ يَوْمٍ.

Terjemahan: Sehari mengawal tempat pertahanan penting di medan jihad Fi Sabilillah lebih baik dari seribu hari.

(Hadith dalam Riyad al-Salihin)

عَيْنَانِ لاَ تَمَسُّهَا النَّارُ عَيْنٌ بَكَتْ مِنْ خَشْيَةِ اللهِ وَعَيْنٌ بَاتَتْ تَحْرُسُ فِى سَبِيْلِ اللهِ.

Terjemahan: Dua jenis mata yang tidak akan disentuh api neraka; mata yang menangis kerana takutkan Allah, dan mata yang tidak tidur kerana berkawal di medan jihad Fi Sabilillah.

(Hadith dalam Riyad al-Salihin)

Demikian balasan yang dijanjikan dan yang hak diterima oleh mujahid *Fi Sabilillah* yang berkawal dan berjaga di tempat-tempat pertahanan penting yang menjadi sasaran serangan musuh pada setiap ketika dan masa. Peringkat-peringkat balasan itu pula berbeza seperti yang dijelaskan oleh Hadith di atas tadi mengikut perbezaan peringkat kebenaran niatnya (*sidq al-niyyah*) dan keikhlasan amalnya, juga mengikut perbezaan masa dan suasana dengan syaratnya yang asasi bahawa jihadnya itu adalah kerana Allah dan kerana keredaan-Nya bukan kerana sesuatu yang lain.

Ganjaran Bagi Orang yang Luka di Medan Perang

Para mujahid yang luka ketika berjuang di medan perang mempunyai ganjaran yang tersendiri.

وَالَّذِيْ نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ مَامِنْ كَلْمٍ يَكْلُمُ فِي سَبِيْلِ اللهِ إِلاَّ جَاءَ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ كَهَيْئَةِ يَوْمٍ كَلْمٍ ، لَوْنُهُ لَوْنُ دَمٍ وَرِيْحُهُ رِيْحُ مِسْكٍ.

Terjemahan: Demi yang diri Muhammad ini di tangannya bahawa tidak ada seorang pun yang luka dalam Fi Sabilillah melainkan akan didatangkan pada Kiamat kelak seperti bentuk sewaktu ia mendapat luka (sebagai satu tanda kehormatan pada Hari Qiamat). Warnanya adalah warna darahnya dan baunya amat harum seperti kasturi.

(Hadith dalam Riyad al-Salihin)

مَامِنْ مَكْلُوْمٍ يَكْلُمُ فِي سَبِيْلِ اللهِ إِلاَّ جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَكَلْمُهُ يَدْمَى
اَللَّوْنُ لَوْنُ دَمٍ وَالرِّيْحُ رِيْحُ مِسْكٍ.

Terjemahan: Setiap yang luka atau cedera dalam perang jihad Fi Sabilillah melainkan akan didatangkan pada Hari Qiamat kelak dengan lukanya yang berdarah. Warnanya warna darah, dan baunya harum seperti kasturi.

(Hadith dalam Riyad al-Salihin)

Konsep Syuhada'

Syahid atau Syuhada' dan konsepnya: Kedua-dua kalimah tersebut selalu digunakan oleh al-Qur'an. Perkataan pertama sebanyak 35 kali, sementara perkataan kedua sebanyak 19 kali. Ahli bahasa sekata dalam menentukan asal punca pecahan kalimah syahid/syuhada'; iaitu sama ada dari kalimah *"al-Syahadah* atau *al-Musyahadah"*. Kedua-duanya mengandungi erti *penyaksian*. Penyelesaian dalam kalimah *"al-Syahadah"* bererti menjadi saksi atau sebagai *saksi kebenaran. Sementara penyaksian dalam kalimah al-Musyahadah* bererti *menyaksikan,* tetapi terdapat perbezaan pendapat antara ulama tentang maksudnya. Apakah kalimah *syahid* dengan timbangan *fa'il* itu bermaksud atau bermakna *syahid* imbangan *fa'il;* ataukah dengan makna *masyhud* atas timbangan *maf'ul.*

Jika *syahid* atau *syuhada'* itu berasal dari perkataan *al-Syahadah* dengan maksud syahid atas timbangan *fa'il* maka bererti menjadi saksi atau naik saksi, atau sebagai *saksi* atas kebenaran dan hakikat Allah, kebenaran dan hakikat agama-Nya, seterusnya kebenaran dan hakikat al-Qur'an, juga kebenaran dan hakikat kerasulan para Rasul dan Nabi-nabi-Nya. Jika dengan maksud *masyhud* atas timbangan *muf'ul* maka ia bererti disaksikan atau dipersaksikan oleh Rasulullah pada Hari Qiamat sebagai orang yang membuktikan kebenaran syahadahnya, yang telah benar telah melaksanakan dan menunaikan hakikat syahadahnya.

Jika kalimah *syahid* atau *syuhada'* itu berasal dari *al-musyahadah* dengan maksud syahid atas timbangan atau wazan *fa'il,* maka ia bererti menyaksikan *Malakutillah,* melihat malaikat yang tidak dilihat oleh orang lain, atau diperlihatkan dengan syurga. Jika dari asal punca yang sama tetapi dengan maksud *masyhud* atas timbangan atau wazan *muf'ul* maka ia bererti kematiannya disaksikan oleh malaikat serta dimi'rajkan rohnya, atau seumpamanya.

Penggunaan dalam Al-Qur'an

Penggunaan istilah *syahid* atau *syuhada'* dalam al-Qur'an umumnya lebih jelas dan nyata berpusat kepada erti menjadi saksi atau sebagai saksi kepada umat manusia jelas kebenaran dan hakikat Allah, kebenaran dan hakikat agama-Nya, kebenaran dan hakikat Wahyu dan Kalam-Nya, al-Qur'an; menjadi saksi dan sebagai saksi atas kebenaran orang yang benar dan hak bahawa mereka adalah benar dan hak, menjadi saksi dan sebagai saksi atas kebenaran orang adil bahawa mereka adalah orang yang adil, demikian juga menjadi saksi dan sebagai saksi atas kesesatan kebatilan orang-orang yang sesat dan orang-orang yang batil bahawa mereka adalah orang-orang yang sesat dan batil. Begitulah juga menjadi saksi dan sebagai saksi atas kezaliman, kefasikan, dan kefajiran orang-orang yang benar-benar zalim, fasik, dan fajir.

Menjadi saksi atas kebenaran atau hakikat Allah, atas kebenaran agama-Nya, *al-Syahadah* adalah salah satu martabat yang tertinggi dalam agama Islam, seperti yang dijelaskan dalam ayat:

وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَالرَّسُوْلَ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الَّذِيْنَ أَنْعَمَ اللهُ عَلَيْهِمِ مِّنَ

النَّبِيِّنَ وَالصِّدِّيْقِيْنَ وَالشُّهَدَآءِ وَالصّٰلِحِيْنَ وَحَسُنَ أُوْلٰئِكَ رَفِيْقًا.

Terjemahan: Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka mereka akan disamakan dengan orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang siddikin, dan orang-orang yang mati syahid, serta orang-orang yang salih dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat).

(Al-Nisa', 4:69)

Peringkat tertinggi ini dengan sendiri mengandungi ciri-ciri dalam semua peringkat yang lebih rendah dan bukan sebaliknya. Berdasarkan kepada hakikat ini, maka Rasulullah juga disifatkan oleh al-Qur'an sebagai menjadi saksi atas kebenaran Allah dan kebenaran agama-Nya kepada para sahabat dan umatnya:

اِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا.

Terjemahan: Sesungguhnya Kami mengutuskan kamu (wahai Muhammad) sebagai menjadi saksi.

وَيَكُوْنَ الرَّسُوْلُ عَلَيْكُمْ شَهِيْدًا.

Terjemahan: Dan Rasul itu menjadi saksi ke atas kamu.

Para sahabat yang menepati peringkat *siddiqin* pula telah disifatkan oleh al-Qur'an sebagai menjadi saksi atas kebenaran Allah, agama-Nya, kitab-Nya dan risalah Rasul-Nya kepada manusia generasinya. Begitu juga pada setiap generasi umat Islam, al-Qur'an meminta agar ada yang menjadi saksi atas kebenaran Allah dan agama Allah kepada umat segenerasinya.

لِتَكُوْنُوْا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ.

Terjemahan: (supaya kamu menjadi saksi-saksi atas manusia).

Apabila seseorang insan itu telah mengucapkan dua kalimah syahadah dengan penuh kerelaan hatinya bererti ia telah mengaku untuk menjadi saksi atau naik saksi atas kebenaran Allah dan Rasul-Nya, atas kebenaran agama Allah yang telah disampaikan oleh utusan-Nya. Pengucapan dua kalimah syahadah itulah ikrar atau pengakuan bahawa ia akan menjadi saksi dan sebagai saksi atas kebenaran Allah dan Rasul-Nya, juga atas kebenaran agama Allah seperti yang disampaikan oleh Rasul-Nya. Jika ia terus-menerus benar (Saddiqin) dalam syahadahnya atau penyaksiannya dan melaksanakan serta menunaikan konsep dan tuntutan syahadah itu maka akan layaklah ia sebagai seorang saksi menepati dengan peringkat *"al-Salihin"*. Dari kelayakan itu terus meningkat ke peringkat *syahid* atau *syuhada'*, iaitu benar-benar telah menjadi saksi atas kebenaran Allah dan kebenaran Rasul-Nya, juga atas kebenaran agama Allah. Orang yang benar-benar diiktiraf sebagai saksi ialah orang yang benar-benar mengetahui dan mengenali akan apa yang dipersaksikan seterusnya melihat dan menyaksikan sendiri. Berikutnya ialah orang yang benar-benar menegakkan hakikat kebenaran atau keadilan digelar *ahl al-Haq, ahl al-'Adl wa al-Insaf* oleh kerana itu menurut Imam al-Razi bahawa "al-Syahadah atau saksian" atas kebenaran Allah, kebenaran Rasul dan kebenaran Islam merupakan salah satu peringkat yang tertinggi dalam *Din al-Islam.*

شَهِدَ اللهُ أَنَّهُ لَآ إِلٰهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلٰٓئِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ قَآئِمًا بِالْقِسْطِ.

Terjemahan: Allah telah menjadi saksi bahawa sesungguhnya tidak ada Tuhan melainkan Dia, para malaikat ahli ilmu yang menegakkan keadilan.

(Ali 'Imran, 3:18)

Kesimpulannya adalah tepat kalau kita tegaskan bahawa penggunaan kalimah *syahid* atau *syuhada'* dalam al-Qur'an ertinya menyeluruh dan berpusat kepada menjadi saksi atas kebenaran dan hakikat Allah, atas kebenaran dan hakikat agama Allah yang disampaikan oleh Rasul-Nya.

Orang yang menjadi saksi atas kebenaran dan hakikat Allah dan agama-Nya bererti dirinya menjadi bukti atas kebenaran dan

hakikat Allah dan agama-Nya. Mereka bersedia untuk menjadi saksi atas kebenaran dan hakikat tersebut; mereka bersedia untuk membuktikan kepada manusia dan dunia atas kebenaran dan hakikat tersebut sama ada dengan lisan atau dengan perbuatan, atau dengan ketinggian budi dan kemuliaan akhlaknya, dengan hal kejiwaan atau hal keharmoniannya, mereka bersedia membuktikan dengan kekuatan hujah dan Burhan ataupun dengan kekuatan senjata dan mata pedang, mereka bersedia membuktikan di medan ilmu ataupun di medan perang. Jelasnya mereka bersedia membuktikannya walaupun dengan mengorbankan hartanya, keluarga dan anak isterinya, bahkan diri dan nyawanya.

Bertepatan dengan pengertian ini maka istilah *syahid* atau *syuhada'*, dalam al-Qur'an tidak hanya terbatas kepada setiap "mujahid yang gugur di medan perang *Fi Sabilillah*". Bahkan merangkum setiap yang menjadi saksi atas kebenaran Allah dan agama-Nya, yang juga bersedia membuktikan saksiannya itu kepada manusia dan dunia. Di antaranya ialah mujahid yang gugur di medan perang jihad *Fi Sabilillah* kerana mereka layak menerima gelaran *syahid* atau *syuhada'*. Ini disebabkan mereka telah benar-benar menjadi saksi atas kebenaran Allah dan kebenaran agama Allah dan telah rela untuk membuktikan kebenaran apa yang dipersaksikan itu dengan jihad dan pengorbanan seperti yang dituntut oleh Allah dari agama-Nya, sehinggalah ia gugur di medan perang sebagai seorang syahid.

Sebanyak 35 istilah syahid/ شَهِيْد yang disebutkan dalam al-Qur'an tidak ada satu pun yang secara khusus, tepat, dan jelas dimaksudkan dengan hanya orang yang gugur di medan jihad sahaja. Demikian juga sebanyak 19 istilah syuhada' شُهَدَاء selain dari satu sahaja iaitu dalam ayat 140 Surah Ali 'Imran:

إِنْ يَمْسَسْكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِثْلُهُ وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللهُ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا وَيَتَّخِذَ مِنْكُمْ شُهَدَآءَ وَاللهُ لَا يُحِبُّ الظَّٰلِمِيْنَ.

Terjemahan: Jika kamu (dalam peperangan Uhud) mendapat luka (tercedera), maka sesungguhnya kaum (musyrik yang mencerobohi kamu) itu telah pun

(tercedera juga dan) mendapat luka yang sama (dalam peperangan Badr), dan demikian itulah keadaan hari-hari (dunia ini dengan peristiwa-peristiwa kemenangan atau kekalahan), Kami gilirkan dia antara sesama manusia (supaya menjadi pengajaran) dan supaya nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang tetap beriman (dan sebaliknya) dan (juga) supaya (Allah) menjadikan sebahagian di antara kamu orang-orang yang mati syahid, dan (ingatlah) Allah tiada suka kepada orang-orang yang zalim.

(Ali 'Imran, 3:140)

Kalimah *syuhada'* dalam ayat ini agak lebih khusus dan jelas bermaksud, "mujahid Mukmin yang gugur di medan jihad sebagai syahid" kerana ayat ini menceritakan secara langsung tentang peperangan Badr atau Uhud. Namun demikian kalimah *syuhada'* ini masih mengandungi pengertian yang umum dan menyeluruh.

Kesimpulannya penggunaan istilah *syuhada'* dengan erti "mujahid yang gugur" di medan pertempuran dalam al-Qur'an hanyalah sebahagian dari pengertiannya yang umum dan menyeluruh yang biasanya menjadi tabiat al-Qur'an. Penggunaan istilah *syuhada'* dengan erti yang khusus tadi dijelaskan oleh al-Qur'an tanpa menggunakan istilah syuhada tetapi dengan erti *"al-Qatil"* seperti firman-Nya:

وَلَئِنْ قُتِلْتُمْ فِي سَبِيْلِ اللهِ اَوْمُتُّمْ لَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللهِ وَرَحْمَةٌ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُوْنَ.

Terjemahan: Demi sesungguhnya jika kamu terbunuh pada jalan Allah (dalam perang sabil), atau kamu mati (mati biasa — semasa mengerjakan kebajikan umum), sesungguhnya keampunan dari Allah dan rahmat-Nya adalah lebih baik (bagi kamu) daripada apa yang mereka (orang-orang kafir dan munafik) ini himpunkan (meliputi segala jenis kesenangan hidup).

(Ali 'Imran, 3:157)

وَلاَ تَحْسَبَنَّ الَّذِيْنَ قُتِلُوْا فِي سَبِيْلِ اللهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَآءٌ عِنْدَرَبِّهِمْ

يُرْزَقُوْنَ. فَرِحِيْنَ بِمَآءَاتٰهُمُ اللهُ مِنْ فَضْلِهِ.

Terjemahan: Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi tuhan mereka, dengan mendapat rezeki. (Lagi) bersukacita dengan kurniaan Allah (balasan mati syahid) yang telah dilimpahkan kepada mereka.

(Ali 'Imran, 3:169-170)

Istilah *syahid* atau *syuhada'* dengan erti mujahid yang gugur di medan jihad telah dijelaskan dengan lebih tepat oleh banyak Hadith.

مَنْ قُتِلَ فِى سَبِيْلِ اللهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ.

Terjemahan: Sesiapa yang terbunuh pada jalan Allah adalah seorang syahid.

(Hadith dalam Riyad al-Salihin)

مَنْ طَلَبَ الشَّهَادَةَ صَادِقًا اُعْطِهَا وَلَوْلَمْ تُصِبْهُ.

Terjemahan: Sesiapa yang benar-benar menuntut mati syahid akan diberikan (ganjaran pahalanya) walaupun ia tidak terbunuh.

(Hadith dalam Riyad al-Salihin)

مَايَجِدُ الشَّهِيْدُ مِنْ مَسِّ الْقَتْلِ إِلاَّ كَمَا يَجِدُ أَحَدُكُمْ مِنْ مَسِّ الْقَرْصَةِ.

Terjemahan: Seorang syahid tidak merasa dari sentuhan mautnya itu melainkan hanya seperti rasa cubitan sahaja.

(Hadith dalam Riyad al-Salihin)

Kesimpulannya: Istilah *syahid* atau *syuhada'* dengan erti mujahid yang gugur di medan jihad adalah istilah yang diakui dan diiktiraf

oleh Islam dalam kedua-dua sumbernya iaitu al-Qur'an dan Sunnah, tetapi istilah *syahid* atau *syuhada'* dalam al-Qur'an dan Sunnah tidak hanya terbatas kepada erti yang tersebut itu sahaja. Sebaliknya al-Qur'an mengumumkan istilah itu dengan makna yang khusus, dan Hadith memperluaskan daerahnya selain dari ertinya yang khusus tadi.

Peringkat-peringkat Syuhada'

Berdasarkan penjelasan di atas tadi, maka dapatlah disimpulkan bahawa *syahid* atau *syuhada'* mempunyai berapa peringkat.

1. Peringkat yang telah mengatasi taraf *syuhada'* dengan istilah yang khusus tadi. Mereka itulah *Syuhada' al-Haq,* yang senantiasa menjadi saksi dan sebagai saksi atas kebenaran Allah, kebenaran Kitab-Nya, al-Qur'an, kebenaran Rasul-Nya, kebenaran agama-Nya yang disampaikan oleh para Rasul dan Nabi-nabi-Nya dengan lisan, ilmu, amal, akhlak dan hal kerohaniannya. Diri dan perjalanan hidupnya adalah saksi yang membuktikan kebenaran-kebenaran tersebut. Mereka bersedia dan sentiasa membuktikan bahawa di sisi dan hidupnya adalah saksi atas kebenaran-kebenaran tersebut dengan jihad dan pengorbanan zahir dan batin seperti yang dituntut oleh Allah dan al-Qur'an serta Rasul-Nya, walau mereka tiada direzekikan dengan gugur syahid di medan jihad. Peringkat ini diistilah dengan al-Siddiqin. Para sahabat Rasulullah adalah termasuk dalam peringkat ini. Begitulah juga setiap mereka yang mengikuti jejak langkah perjalanan hidup mereka pada setiap peringkat zaman dan generasi muslim. Mereka inilah golongan yang diberi ilmu dan menyaksikan hakikat tauhid.
2. Mereka yang telah gugur di medan perang sabil atau jihad Fi Sabilillah. Inilah istilah syuhada' dengan ertinya yang khusus kerana mempunyai peraturan dan hukum tersendiri dalam perundangan Islam.
3. Tidak semestinya mereka yang telah pergi berjihad di medan perang dan bercita-cita supaya diberikan rezeki syahid, tetapi tidak gugur sebagai seorang syahid mereka ini tidak layak menerima istilah *syuhada'* dengan ertinya yang khusus. Namun demikian mereka adalah termasuk dalam syuhada' dalam pengertian yang umum; iaitu sebagai *Syuhada' al-Haq*. Ayat di bawah ini dapat membantu

fahaman tadi:

وَلَئِنْ قُتِلْتُمْ فِى سَبِيْلِ اللهِ أَوْمُتُّمْ لَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللهِ وَرَحْمَةٌ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُوْنَ.

Terjemahan: Demi sesungguhnya jika kamu terbunuh pada jalan Allah (dalam perang sabil), atau kamu mati (mati biasa — semasa mengerjakan kebajikan umum) sesungguhnya keampunan dari Allah dan rahmat-Nya adalah lebih baik (bagi kamu) daripada apa yang mereka (orang-orang kafir dan munafik) itu himpunkan (meliputi segala jenis kesenangan hidup).

(Ali 'Imran, 3:157)

Sama ada mati atau gugur di medan perang kerana *jihad Fi Sabilillah* dan mati di luar medan perang atau mati biasa semasa menjalankan kebajikan umum (atau yang diistilahkan oleh al-Qur'an *Fi Sabilillah* dalam bidang yang lebih luas mempunyai balasan yang sama: Keampunan dari Allah dan rahmat-Nya.

Jadi termasuk juga dalam peringkat *syuhada'* ialah *Syuhada' al-Haq* yang mati dalam membuktikan bahawa ia adalah menjadi saksi dan sebagai saksi atas hakikat kebenaran Allah, kebenaran al-Qur'an, kebenaran Rasul-rasul dan kebenaran agama-Nya, dengan jihad selain medan perang yang lebih luas, seperti amal kebajikan umum, seperti yang ditegaskan oleh Hadith:

مَنْ قُتِلَ فِى سَبِيْلِ اللهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ وَمَنْ مَاتَ فِى سَبِيْلِ اللهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ.

Terjemahan: Sesiapa yang gugur di medan perang sabil adalah seorang syahid, dan sesiapa yang mati kerana jalan Allah adalah syahid.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

4. Peringkat seterusnya ialah:

(i) Mati kerana mempertahankan hartanya, menurut Hadith adalah dari golongan *syuhada'* yang umum.

(ii) Mati kerana mempertahankan diri dan nyawanya.

(iii) Mati kerana mempertahankan agamanya.

(iv) Mati kerana mempertahankan maruah keluarganya.

Orang yang sanggup dan rela mati kerana mempertahankan hartanya, dirinya, agama atau 'aqidahnya dan keluarganya adalah orang yang benar-benar yakin kepada konsep dan hakikat keadilan dan kebenaran, yang menjadi prinsip asasi dalam Islam. Keyakinan yang memaksa untuk membuktikan kebenarannya sekalipun dengan mengorbankan nyawanya. Sebagaimana juga keyakinannya kepada prinsip kebenaran dan keadilan yang sangat dituntut oleh Allah itu memaksa diri menentang kebatilan, kezaliman dan pencerobohan dalam apa jua bentuk dan coraknya, sekalipun terpaksa menggadaikan nyawanya. Kalau dipandang dari sudut harta atau maruah keluarga memanglah tidak semahal nilai nyawanya sehingga boleh dikatakan mengapa sebodoh itu ia bertindak sehingga menyebabkan kehilangan nyawanya? Tetapi masalahnya bukanlah masalah harta tetapi masalah kebatilan dan kezaliman yang mesti ditentang. Gugurnya diri dan terkorbannya nyawa demi kerana mempertahankan kebenaran dan keadilan demi kerana menentang kebatilan dan kezaliman adalah bukti bahawa ia sebagai saksi atau sampaikan oleh Rasul-Nya. Dari sudut inilah maka mereka itu termasuk dalam golongan yang menjadi cita-cita Islam dan cita al-Qur'an yang hendak ditanam dan disuburkan ke dalam istilah syuhada' dengan ertinya yang umum.

Sebenarnya keyakinan dan cintanya kepada kebenaran dan keadilan, rasa permusuhan dan kebencian kepada kebatilan dan kezaliman sehingga memaksa dia bertindak untuk mempertahankan dan menentang, sekalipun dengan menyabung nyawa itulah yang menjadi cita-cita Islam dan cita al-Qur'an dan hendak ditanam dan disuburkan ke dalam bumi hati umat Islam. Adanya keyakinan dan tindakan sedemikian di kalangan masyarakat merupakan salah satu faktor penting dalam membasmi dan memerangi keganasan dan jenayah, bahkan akan memberikan saranan untuk melemahkan keberanian golongan yang menjalankan keganasan. Sebaliknya kebaculan orang-orang mukmin itulah yang menjadi perangsang dan keberanian pengganas dan perosak ketenteraman hidup masyarakat.

Seterusnya ialah mati bersalin atau (*al-Nufasa'*), mati kerana penyakit Taun (*al-Mat'un*), mati kerana penyakit perut (*al-Mabtun*), mati kerana tenggelam (*al-Ghariq*), mati kerana terhempap (*Sahib al-Hadm*).

Tidak dinafikan bahawa mati dengan sebab-sebab yang tersebut amat pedih kepada diri manusia. Penderitaan dan kesakitan dari sebab-sebab yang tersebut pada bentuk lahirnya adalah seksaan tetapi dari sudut ghaibnya adalah sebab yang membawa kepada kenikmatan dan kejayaan di akhirat, jika dihadapinya dengan penuh kesabaran dan penuh keredaan kepada qada' dan takdir Allah. Orang yang menghadapi mati kerana sebab tersebut itu dengan penuh ketabahan hati penuh kesabaran, penuh keredaan, dan penuh percaya kepada hakikat Allah adalah saksi yang membuktikan atas kebenaran Allah dan kebenaran agama-Nya.

Setiap mukmin disuruh agar berusaha untuk mengelakkan dan menjauhkan jalan yang boleh membawa kepada kesusahan-kesusahan yang tersebut tetapi kiranya berlaku juga yang tidak dapat dielakkan, maka sikap seorang mukmin yang beriman kepada Allah dan kehidupan akhirat yang hakiki tidak akan menimbulkan rasa panik, hilang panduan dan pedoman, tidak keruan dan tidak ketentuan, tidak rasa takut dan putus asa yang hanya akan menambahkan lagi berbagai kesulitan dan kerosakan.

Kesimpulan dari pembahagian peringkat-peringkat syuhada' di atas tadi ialah bahawa syuhada' mempunyai tiga jenis:

1. *Syuhada'* jenis khusus iaitu yang gugur di medan perang jihad *Fi Sabilillah.*
2. *Syuhada'* jenis umum iaitu yang mati pada jalan Allah atau kerana Allah selain dari perang jihad *Fi Sabilillah.*
3. *Syuhada'* yang menyaksikan hakikat Tauhid (*Syahadah al-Tauhid*).

Syuhada' yang gugur di medan jihad *Fi Sabilillah* pula terbahagi kepada jihad *Fi Sabilillah* di medan perang kerana menentang musuh dari luar; iaitu orang-orang kafir harbi yang mengisytiharkan perang.

Jihad *Fi Sabilillah* di medan pertempuran dengan musuh-musuh dari dalam negara Islam sama ada menghapuskan lanun dan perom-

pak; atau menentang pemberontakan bersenjata; atau mendamaikan dua puak yang bermusuhan dan berperang. Dari jenis *syuhada'* tadi hanya *syuhada'* yang gugur di medan perang jihad *Fi Sabilillah* dengan musuh Islam dari luar sahaja yang menepati dengan istilah *syuhada'* seperti yang diakui oleh "Hukum Fiqh Islam" Jihad itu pula ialah jihad yang menepati dengan istilah dan syarat-syarat jihad *Fi Sabilillah* seperti yang diakui oleh Hukum Fiqh Islam; iaitu jihad yang mengakibatkan tawanan-tawanan perangnya itu harus dijadikan hamba mengikut hukum Fiqh Islam. Hanya *syuhada'* yang gugur di medan perang jihad inilah sahaja yang mendapat keistimewaan; iaitu:

1. Tidak wajib dimandikan kerana pada hakikatnya darahnya adalah suci.
2. Tidak wajib dikafankan, demikian juga pakaiannya adalah suci.
3. Tidak wajib disembahyangkan kerana pada hakikatnya ia adalah tidak mati.

Adapun para *syuhada'* yang selainnya tidak berhak menerima ketiga-tiga keistimewaan tersebut, sekalipun ia mungkin menerima ganjaran akhirat yang sama.

Sempena dengan pembicaraan kita tentang istilah dan konsep *syuhada'*, elok juga kita memperkatakan sedikit dengan angkatan tentera atau angkatan bersenjata kita. Apakah setiap anggota tentera muslim dalam angkatan bersenjata yang gugur di medan pertempuran dengan musuh termasuk dalam istilah *syuhada'* yang layak menerima tiga keistimewaan yang tersebut itu ataupun tidak?

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa istilah *syuhada'* yang terkhusus menepati dengan syarat hukum fiqh hendaklah berlaku dalam peperangan yang menepati dengan istilah *"Perang Jihad Fi Sabilillah"* yang diakui atau disahkan oleh Hukum Fiqh Islam. Peperangan yang diistilah oleh fiqh ialah peperangan yang memenuhi syarat-syarat:

1. Pertama peperangan antara Islam dan kafir.
2. Kedua peperangan itu hendaklah mengikut peraturan Syara'.

3. Ketiga, peperangan itu hendaklah diisytiharkan oleh Ketua Negara Islam atau yang mengambil tempatnya.

4. Keempat peperangan itu pula hendaklah peperangan yang disahkan oleh Hukum Fiqh Islam iaitu peperangan kerana mempertahankan diri dari serangan dan pencerobohan musuh atau yang telah mencabul perjanjian damai, ataupun melakukan penghinaan terhadap Islam.

5. Peperangan kerana mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara. Peperangan kerana melenyapkan dari mengamalkan upacara peribadatan dan syiar agama, seterusnya yang menghalang dari pelaksanaan *syari'atullah* dan hukum Allah, dan selanjutnya peperangan untuk membela dan membantu golongan saudara seIslam yang terzalim dan teraniaya di bawah kuasa musuh Islam.

6. Melaksanakan fardu sembahyang.

Oleh kerana peperangan angkatan bersenjata kita tidak memenuhi syarat-syarat yang tersebut maka mereka yang gugur tidaklah layak menerima gelaran istilah *syuhada'* yang menerima tiga keistimewaan yang tersebut.

Tetapi ini tidak pula bererti bahawa ia tidak ada kemungkinan untuk mendapatkan ganjaran pahala dalam jihad *Fi Sabilillah*. Jika seorang perajurit dalam tentera itu seorang muslim dan mukmin, patuh kepada kewajipan agama terutama sembahyang, ikhlas dalam menjalankan tugas ketenteraaan sebagai pengabdian kepada Allah; *iaitu kerana Allah dan kerana keredaan Allah;* tugas perjuangannya ialah menentang komunis, menentang pengganas dan penderhaka atau menentang penceroboh yang mengancam 'aqidah dan agama, mengancam kedaulatan negara yang berasaskan undang-undang Islam, mengancam umat Islam menurut tafsiran Islam, dengan niat kerana Allah dan keredaannya, bukan kerana pangkat dan nama, bukan kerana sanjungan dan pujian, bukan kerana bintang dan kedudukan, maka jika ia gugur maka matinya adalah termasuk dalam istilah syahid umum, atau dari segi maknanya adalah seorang syahid, walaupun bukan dari segi hukum fiqh. Ia termasuk dalam

nas umum al-Qur'an atau dalam nas umum Hadith:

وَلَئِنْ قُتِلْتُمْ فِى سَبِيْلِ اللهِ أَوْمُتُّمْ لَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللهِ وَرَحْمَةٌ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُوْنَ.

Terjemahan: Demi sesungguhnya jika kamu terbunuh pada jalan Allah (dalam perang sabil) atau kamu mati biasa (semasa mengerjakan kebajikan umum) sesungguhnya keampunan dari Allah dan rahmat-Nya adalah lebih baik (bagi kamu) daripada apa yang mereka (orang-orang kafir dan munafik) itu himpunkan.

(Ali 'Imran)

وَمَنْ قُتِلَ فِىْ سَبِيْلِ اللهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ وَمَنْ مَاتَ فِىْ سَبِيْلِ اللهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ.

Terjemahan: Dan sesiapa sahaja yang terbunuh Fi Sabilillah dialah syahid. Dan sesiapa mati (meninggal dunia) Fi Sabilillah dialah syahid.

(Hadith)

Syahid pertama ialah syahid besar, atau syahid terkhusus yang diakui oleh Hukum Fiqh Islam, yang menatijahkan tidak wajib dimandikan, dikafankan dan disembahyangkan, tetapi syahid kedua ialah syahid kecil, atau syahid yang umum yang menatijahkan wajib dimandikan, dikafankan dan disembahyangkan.

Ganjaran dan Kelebihan Para Syuhada'

Al-Syuhada' atau gugur syahid di medan perang *Fi Sabilillah* adalah suatu penghormatan dan kemuliaan yang tinggi dari Allah s.w.t. ke atas hamba-Nya. Hakikat ini dapat dirasakan dari sepotong ayat:

وَيَتَّخِذُ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ.

Terjemahan: Allah mengambil dari setengah para mukmin itu syuhada'.

Penggunaan kalimah *"al-Ittikhaz"* mengandungi erti tapisan dan pilihan, iaitu ditapis dan dipilih untuk dijadikan dari hamba-Nya yang dipilih dan dikasihi. Oleh itu, para sahabat meminta supaya diberikan zakat "Gugur Syahid", di medan perang, tentu anda masih ingat betapa rasa pilu hati seorang mujahid agung Sayyidina Khalid bin al-Walid yang menangis tersedu-sedan kerana walaupun banyak liang luka di medan perang pada tubuhnya hanya ia mati di atas katil kerana demam panas.

Penghormatan dan kemuliaan dari Allah ini telah pun ditunjuk sejak di dunia ini lagi. Mayat tidak wajib dimandikan dan dikafankan, kerana darah yang pada asalnya termasuk dalam hukum yang najis telah bertukar menjadi bersih dan suci dengan sebab jihadnya *Fi Sabilillah*, jihad kerana Allah dan kerana keredaan Allah. Jihad yang diumpamakan sebagai menjualkan harta dan diri kepada Allah telah diterima oleh Allah sehingga darahnya menjadi bersih dan suci. Kerana kesuciannya itu adalah dilarang dan ditegah dari dibasuh atau disucikan. Atas sebab yang sama juga telah ditegah dan dilarang dari mengkafankan. Pakaian yang dipakainya di medan jihad kerana Allah adalah lebih suci dan lebih mulia dari pakaian kain kafan. Selain dari penghormatan dan kemuliaan itu ialah penyaksian dari malaikat, penaungan malaikat, atau pengurusan jenazahnya oleh malaikat, seperti yang berlaku ke atas Abdullah, bapa Jabir r.a. dan Jabir r.a. dan 'Amir bin Furhayrah r.a. dan lain-lain.

Penghormatan dan kemuliaan para syuhada' di alam Barzakh dan alam Akhirat maka al-Qur'an dan Hadith juga telah menceritakan bahawa, "Mereka pada hakikatnya tidak mati tetapi hidup diberi rezeki dari sisi Allah, diberikan nikmat, dan kurniaan....

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِيْنَ قُتِلُوْا فِي سَبِيْلِ اللهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَآءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُوْنَ. فَرِحِيْنَ بِمَآ آتٰهُمُ اللهُ مِنْ فَضْلِهِ وَيَسْتَبْشِرُوْنَ بِالَّذِيْنَ لَمْ يَلْحَقُوْا بِهِمْ مِنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُوْنَ.

Terjemahan: Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur syahid pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di siti Tuhan mereka, dengan mendapat rezeki, (lagi) bersukacita dengan kur-

niaan Allah (balasan mati syahid) yang telah dilimpahkan kepada mereka dan mereka bergembira dengan berita baik mengenai (saudara-saudara mereka) orang-orang (Islam yang sedang berjuang), yang masih tinggal di belakang, yang belum (mati dan belum) sampai kepada mereka, (iaitu) bahawa tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

(Ali 'Imran, 3:169-170)

Ayat ini menjelaskan bahawa para syuhada' yang gugur di medan jihad *Fi Sabilillah* sebenarnya tidak mati. Allah menegah supaya jangan sekali-kali menyangka, apatah lagi mengatakan bahawa orang yang gugur sebagai syahid itu mati seperti yang difahamkan oleh umum tetapi mereka sebenarnya hidup. Kita tidak mengetahui dan menyedari tentang hakikat hidup yang dialami oleh para syuhada' itu, tetapi Allah Maha Pencipta alam semesta telah memberitahu yang tidak mengandungi sedikitpun keraguan atas hakikat kebenarannya. Untuk menguatkan lagi hidupnya atas hakikat kebenarannya para syuhada' Allah menegaskan lagi bahawa mereka diberi rezeki; mereka adalah hidup dan bukannya mati, ditegah dari dilakukan sembahyang jenazah ke atas jenazahnya. Selain hidup dengan erti yang tersebut tadi juga hidup perjuangannya yang akan tetap menghidupkan jiwa dan roh perjuangan dan jihad dalam diri generasi Islam akan datang zaman berzaman. Mereka yang gugur menjadi inspirasi kepada gerakan jihad kepada generasinya dan generasi akan datang. Demikian juga dengan hidup amalannya yang tidak terputus sebagaimana amalan orang yang hidup. Mereka dalam kegembiraan dan kegirangan hati menerima kurniaan Allah itu serta kenikmatannya, yang tepat menunjukkan keredaan Allah kepada-Nya. Mereka tidak terpisah dari teman dan sahabatnya yang sama berjuang di medan jihad. Selain dari merasa gembira dengan jihad sahabat-sahabatnya mereka juga menyampaikan berita gembira tentang kenikmatan kegembiraan, dan kebahagiaan, tanpa kebimbangan, kekecewaan dan kesedihan, seperti yang benar-benar telah dialami dan dirasai oleh mereka di alam Barzakh.

Banyak Hadith Sahih menjelaskan tentang ganjaran yang disediakan oleh Allah kepada para mujahid yang syahid. Roh para

syuhada' berada dalam bentuk burung berwarna hijau duduk di pohon *Sidra al-Muntaha*. Atau mereka sebagai burung hijau yang indah berterbangan di syurga dan hinggap di pohon *Sidra al-Muntaha*. Allah membukakan pintu dari kuburnya untuk melihat tempatnya di syurga. Mereka ditanya oleh Allah apakah kekurangan yang ingin dipinta dari-Nya. Mereka menjawab tidak ada suatupun kekurangan selain dari ingin dikembalikan ke dunia supaya gugur syahid semula, kerana merasakan betapa agungnya ganjaran Allah kepada Para Syuhada'. Tidak ada seorang pun yang telah masuk syurga atau melihat syurga ingin dikembalikan semula atau ingin hidup di dunia melainkan para syuhada' sahaja. Keinginannya itu tidak lain hanya kerana merasakan betapa besar dan tingginya ganjaran para syuhada'. Makam syuhada' ialah makam (*Al-'Indiyyah*) atau di sisi Allah, satu makam yang tidak ada makam lain yang mengatasinya selain dari makam *"al-Ma'yyah"* dan makam *"al-Laduniyyah"* oleh para *Siddiqin* dan *Nabiyyin*.

Mati di medan jihad *Fi Sabilillah* merupakan satu konsep yang telah mengubah konsep mati yang biasa difahami oleh kebanyakan orang atau seperti yang disangkakan. Konsep mati di medan jihad seperti yang disampaikan oleh Allah, Pencipta hidup dan mati jika diyakini oleh orang mukmin bukanlah suatu yang menakut dan menggerunkan, bukan suatu yang membimbangkan atau menggusarkan. Malahan itulah hidup yang menjadi idaman dan cita-cita setiap yang hidup, yang menjadi idaman dan buruan setiap yang hidup di dunia ini ialah kegembiraan dan kenikmatan, walaupun kegembiraan dan kenikmatan yang menjadi idaman dan buruan itu satu kepalsuan yang hanya akan mengakibatkan penderitaan dan penyeksaan yang abadi. Sebenarnya tidak ada kenikmatan dan kegembiraan yang hakiki yang semestinya menjadi idaman dan buruan setiap insan yang hidup selain dari "Mati di Medan Jihad Fi Sabilillah". Inilah kenikmatan dan kegembiraan yang dikurniakan oleh Allah Pencipta hidup dan mati.

Dengan konsep mati Fi Sabilillah itu maka tidak ada sebab mengapa kita harus merasa terkilan untuk mati syahid, atau merasa cemas dan takut kita menyambutnya, atau merasa kesal kerana kita terpaksa berpisah dengan teman-teman, keluarga, isteri dan anak-anak tetapi kita perlu merasa takut, bimbang dan khuatir selalu kalau kematian kita ialah mati yang tidak punya erti di sisi Allah. Itulah

mati yang benar-benar mati. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَايَجِدُ الشَّهِيْدُ مِنْ مَسِّ الْقَتْلِ إِلاَّ كَمَا يَجِدُ أَحَدُكُمْ مِنْ مَسِّ الْقَرْصَةِ.

Terjemahan: Sakit yang dirasakan oleh seorang syahid ketika gugur di medan jihad hanyalah seperti rasa sakit terkena cubit sahaja.

Itulah hakikat sakit bagi seorang mujahid yang terbunuh atau dibunuh di medan perang Fi Sabilillah, tetapi oleh kerana rasa was-was yang ditimbulkan oleh syaitan dalam jiwa, kita hanya semata-mata memandang kepada perkara lahir seperti pancungan pedang, tikaman lembing, lontaran panah, tembakan senapang dan ledakan bom, maka manusia merasa gentar dan takut. Hanya para mukmin yang benar-benar beriman kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian tidak ragu, itulah yang akan menyambut dengan gembira tawaran Allah yang tidak ternilai. Hanya merekalah orang yang akan menyambut maut di medan jihad Fi Sabilillah; iaitu maut yang sebenarnya dan pada hakikatnya adalah hidup yang hakiki, hidup yang penuh dengan kegembiraan dan kenikmatan di sisi Allah. Mereka itulah yang dengan rela dan gembira memohon kepada Allah agar dikurniakan rezeki supaya gugur sebagai *syuhada'*.

XVII

DAKWAH RASULULLAH S.A.W.

Setelah sempurna pendidikan diri sama ada dari sudut kerohanian dan kejiwaan, atau dari sudut kesempurnaan akhlak dan ketinggian budi, ataupun dari sudut kemasyarakatan, Muhammad Rasulullah s.a.w. memulakan tugas dakwah mengikut arahan dan panduan serta asas-asas yang disampaikan oleh Allah melalui wahyu-Nya.

Langkah pertama ialah seruan kepada kaum keluarganya, seperti yang dijelaskan oleh *ayat 214-220* dalam surah al-Syua'ra', kemudian diikut selepasnya dengan seruan atau dakwah secara terbuka kepada kaumnya seperti yang dijelaskan oleh *ayat 94-99* dalam surah al-Hujurat. Inilah peringkat yang boleh disifatkan sebagai Peringkat Pengisytiharan dakwah Islamiyah kepada seluruh kaumnya. Dakwah Muhammadiyyah boleh dibahagi kepada tiga perkara asas iaitu ketulenan tauhid, keikhlasan ibadat dan ubudiyyah, kemuliaan akhlak dan ketinggian budi.

Dakwah ini merupakan sumber rahmat kepada kehidupan mereka, tetapi telah ditentang oleh kaumnya, walaupun mereka mengenali benar-benar *"Sahib al-Da'wah"* mengenali sejarah hidupnya sejak kecil, mengenali kesempurnaan akhlaknya yang tiada cacat-celanya sejak lebih dari 40 tahun yang silam, walaupun dakwahnya itu didasarkan kepada hujah dan bukti. Malahan diperlihatkan mu'jizat-mu'jizat yang boleh memperkuatkan kebenaran risalahnya.

Reaksi dari Dakwah Rasulullah

Semakin lama dakwah Nabi Muhammad s.a.w., maka semakin hebat dan dahsyat penentangan kaumnya. Dari sikap yang negatif kepada sikap yang positif. Kalaulah penentangan kaumnya itu hanya bersikap negatif maka tidaklah menjadi suatu masalah tetapi penentangan telah mengambil sikap yang positif, melakukan berbagai fitnah terhadap Nabi dan sahabat-sahabatnya.

Memang menjadi hak sesiapa jua untuk menolak seruan atau dakwah yang ditujukan kepadanya... Dan adalah menjadi hak sesiapa sahaja untuk mewarisi adat dan tradisi, mewarisi kepercayaan dan agama datuk neneknya samada atas asas keyakinan dan kebenaran mahupun atas asas kebatilan dan kesesatan, keingkaran, seperti yang dilakukan oleh kaum kafir Quraisy terhadap dakwah Nabi Muhammad s.a.w.

Akan tetapi tidak menjadi hak sesiapapun untuk menindas orang lain yang menjalankan seruan dakwah, atau menghalang mereka dari menyampaikan kepada orang lain dengan kekuatan dan kekerasan, atau melakukan azab dan seksaan, menabur fitnah dan ketakutan kepada yang menganuti seruan dan dakwah.

Sejarah mencatatkan kisah penyeksaan kaum kafir Makkah seperti yang dilakukan ke atas Bilal, keluarga 'Ammar bin Yasir, ibunya yang disula, ayahnya yang dibutakan matanya, saudara-saudara dan dirinya sendiri diseksa dengan api. Banyak lagi contoh penindasan dan penyeksaan sedemikian. Betapa banyak hamba sahaya perempuan yang ditebus oleh Abu Bakar untuk menyelamatkan mereka dari azab sengsara, antaranya; Hamamah Ibu Bilal, Ummu Ubaysy, Zunayrah, al-Nahdiyyah dan anak perempuannya, Jariyah Bani 'Addi yang diseksa oleh Umar sebelum beliau memeluk Islam.

Tindakan Pemulauan

Oleh kerana penindasan dan penyeksaan itu tidak memberi kesan dan tidak menghasilkan tujuan kaum kafir Quraisy tetapi semakin memberikan nilai ketinggian dan kemuliaan 'aqidah, semakin memberikan nilai-nilai kesucian dan kekudusan iman kepada orang-orang yang beriman, seterusnya semakin menambahkan kekukuhan hati dan ketabahan jiwa untuk menghadapi apa

juga kemungkinan demi untuk memelihara 'aqidah dan imannya, maka orang kafir Quraisy telah mengambil tindakan yang lebih besar dan lebih hebat. Mereka telah mengikat perjanjian untuk mengenakan pemulauan ekonomi dan sosial terhadap Rasulullah dan sahabat-sahabatnya, serta suku kaum Bani Abdul Manaf yang sentiasa membela Rasulullah s.a.w.

Selama hampir tiga tahun kaum muslimin menghadapi pemulauan ekonomi yang sangat dahsyat, sehingga ada yang terpaksa memakan daun-daun kayu. Dalam keadaan yang demikian itupun Rasulullah tidak melakukan sedikit taksir (kesilapan) dalam menjalankan seruan dan dakwahnya kepada kaum dan bangsa Arab terutama pada setiap musim haji. Dan dalam keadaan yang sedemikian hebat inipun keimanan sahabat-sahabatnya semakin bertambah kukuh dan teguh.

Kedudukan 'aqidah dan keimanan kaum mukmin yang semakin kukuh, semakin tulen dan semakin kudus dalam hati dan jiwa oleh ujian dan pengorbanan yang dihadapinya, bukan semakin menyedarkan dan memberikan keinsafan kepada kaum kafir Quraisy Makkah, tetapi sebaliknya semakin mengambil sikap dan tindakan yang lebih hebat lagi.

Bahaya kepada Iman

Rasulullah s.a.w. yang bijaksana merasakan tentang bahaya yang mungkin menimpa segolongan kecil kaum mukmin jika sekiranya masih terus berada di bumi Makkah yang diibaratkan sebagai bumi yang tandus dan kekeringan, gersang dan berbatu yang tidak lagi menerima semaian benih iman dan tauhid. Benih iman yang sedang tumbuh subur hingga menjadi pohon yang subur dan kukuh di bumi hati ditakuti akan layu jika dibiarkan terus berada di Makkah yang sudah tidak lagi menerima semaian tauhid.

Merasakan bahaya ini maka Rasulullah s.a.w. mengharapkan agar mendapat tempat dan bumi yang subur yang sedia menerima semaian benih iman. Oleh kerana itu Baginda Rasulullah s.a.w. pergi menemui ketua-ketua kabilah Bangsa Arab selain kabilah Quraisy untuk menawarkan 'Islam' kepada mereka, tetapi tawaran Nabi Muhammad s.a.w. semuanya telah ditolak dengan cara yang tidak sopan. Akhirnya Baginda pergi ke Ta'if dengan harapan yang sama tetapi lebih malang dari itu. Kedatangan Rasulullah s.a.w. telah

disambut dengan penghinaan, disorak, diejek dan dilontar dengan batu oleh anak-anak mereka dan menjadi tontonan pembesar-pembesar mereka.

Sewaktu Baginda kembali melalui sebuah lembah, wahyu diturunkan iaitu dalam Surah al-Jin, yang menceritakan bahawa Jin telah beriman dengan Rasulullah. Keimanan bangsa Jin ini sepatutnya menjadi ibarat dan pengajaran kepada manusia di Makkah, supaya sedar bahawa merekalah yang selayaknya dan sepatutnya lebih menerima seruan dan dakwah Muhammad jika dibandingkan dengan sekumpulan Jin itu.

Dalam keadaan yang sedemikian Baginda Rasulullah tidak putus asa dan tetap dengan tugas dari risalahnya menyampaikan dakwah, terutama kepada semua kaum bangsa Arab yang datang ke Makkah pada setiap musim Haji. Baginda Rasulullah biasa menyampaikan dakwah Islam di Bukit Safa' berdekatan dengan Ka'abah. Walaupun kaum kafir Quraisy sentiasa mencari jalan untuk menghalang Rasulullah atau kaum bangsa Arab sama ada secara langsung atau tidak dari mendengar dakwah Rasulullah s.a.w. Namun itu semua tidak menjadi alasan kepada Baginda Rasulullah untuk melakukan taksir dalam menjalankan dakwah.

Perjanjian al-'Aqabah Pertama

Kira-kira lebih setahun sebelum hijrah, pada musim Haji Rasulullah telah ditemui oleh sekumpulan 12 orang dari Yathrib atau Madinah, Rasulullah menganjurkan "Islam" dan membacakan wahyu al-Qur'an kepada mereka. Mereka merasa penuh yakin bahawa inilah orang yang sebenarnya menjadi harapan yang selama ini dinanti-nantikan. Mereka segera mengikat *Bai'at* dengan Rasulullah s.a.w. untuk menganut Islam, mengamalkan dan menyempurnakan kepada kaumnya di Yathrib. Inilah yang dinamakan "*al-'Aqabah al-Ula*".

Perjanjian al-'Aqabah Kedua

Kira-kira setahun sebelum hijrah, dan selepas peristiwa *Bai'at* yang pertama tadi berlaku pula peristiwa *Isra'* dan *Mi'raj* yang jauh pada bulan Rejab. Dipandang dari sudut "Sejarah Dakwah Rasulullah" maka peristiwa Isra' dan Mi'raj mempunyai fungsi

sebagai penapis terakhir yang membersihkan golongan mukmin dari unsur-unsur munafik dan unsur-unsur yang membahayakan dakwah Islamiah pada masa hadapan yang agung dan lebih luas. Demikian juga sebagai ujian terakhir kepada ketulenan, kesucian, dan kekukuhan iman, demi untuk menjadi senjata waja dalam menghadapi segala kemungkinan pada masa hadapan yang lebih agung dan lebih besar. Ringkasnya peristiwa Isra' dan Mi'raj dipandang dari sudut sejarah dakwah adalah sebagai penapis dan penguji keimanan kaum mukmin sehingga benar-benar terbentuk satu kumpulan mukmin yang hidupnya, nyawanya dan hartanya, untuk Allah dan Rasul-Nya. Sekumpulan manusia mukmin yang mengharap cita-cita dan harapannya hanya keampunan Allah, keredaan Allah dan limpahan rahmat Allah, sekumpulan mukmin yang melihat dan merasa bahawa gugur di medan jihad itu adalah satu 'rezeki' yang tidak ternilai untuk kebahagiannya yang tulen dan abadi. Terbentuknya kumpulan manusia mukmin ini adalah hasil dari "didikan" Rasulullah selama hampir 13 tahun sebelum hijrah dan jihad dengan ertinya yang menyeluruh. Kumpulan manusia mukmin, yang sedemikian telah benar-benar wujud selepas peristiwa Isra' dan Mi'raj.

Manakala musim Haji menjelang tiba pada tahun itu, bangsa Arab datang dari seluruh pelosok semenanjung Tanah Arab ke Makkah. Bangsa Arab dari Yathrib merupakan kaum yang paling gembira; kerana dapat menemui Baginda Rasulullah yang dikasihi dan dicintai, manusia tunggal yang sungguh menarik oleh kesempurnaannya, yang menjadi harapan untuk menyelesaikan masalah sosial dan politik di Yathrib. Mereka juga gembira kerana ingin menyampaikan berita sambutan kaumnya kepada ajaran yang disampaikan, seterusnya gembira kerana akan dapat mengulangi *Bai'at* untuk membela Islam dari risalah Nabi-Nya.

Pada satu masa yang telah ditetapkan, iaitu selepas tengah malam pertemuan antara rombongan dari Madinah dengan Rasulullah s.a.w. serta keluarga dari Bani Hashim telah diadakan dengan penuh rahsia. Dalam pertemuan itu rombongan sebanyak 75 orang dari Madinah telah mengikat janji dan sumpah setia dengan Rasulullah atau mengikat *Bai'at* dengan Rasulullah untuk membela, mempertahankan, dan membantu agama Allah dan Nabi-Nya dengan darah dan nyawa, anak dan keluarga, wang dan harta.

Dengan keizinan Allah ternyatalah bahawa bumi Yathrib

merupakan bumi yang amat subur untuk tanaman iman dan semaian tauhid. Maka selepas itu Rasulullah telah memberikan keizinan kepada semua sahabat-sahabatnya berhijrah ke Madinah, yang kemudiannya dengan keizinan Allah, diikuti oleh hijrah Rasulullah yang amat bersejarah seperti yang diabadikan dalam al-Qur'an, setelah bulat sepakat dari pihak musuh untuk membunuh Rasulullah.

Tiada Kekerasan Sepanjang Dakwah di Makkah

Selama hampir 13 tahun Rasulullah berdakwah menyampaikan Islam tidak terbayang gambaran tindakan kekerasan sama ada melalui perkataan, atau sikap, jauh lagi melalui tindakan yang memberikan saranan untuk menggunakan kekerasan atau kekuatan, sama ada dalam menghadapi ancaman dan bahaya; dalam menghadapi penindasan, kezaliman dan kekejaman, dalam menghadapi azam dan penyeksaan dari pihak musuh, apatah lagi dalam menjalankan seruan dakwah itu sendiri.

Apakah sikap kaum mukmin yang sedemikian itu disebabkan kerana sifat takut dan bacul, atau kerana takutkan mati, sehingga sanggup menerima segala rupa dan bentuk penderitaan. Sikap kaum mukmin yang sedemikian itu bukanlah kerana sifat takut dan bacul. Sejarah membuktikan hakikat ini. Betapa tidak, segala-galanya telah menjadi kecil dan kerdil demi kerana keimanan dan tauhidnya. Setengahnya disula, setengah dibutakan matanya, setengahnya diseksa dengan api, setengahnya dijemur di tengah panas dengan tindihan batu pejal di dada dan berbagai-bagai lagi jenis azab seksaan tapi semuanya adalah perkara kecil pada mereka, dan mereka tidak sanggup mengubah iman dan tauhidnya sebaliknya semakin bertambah yakin dan semakin jelas hakikatnya dalam hatinya. Jadi apakah sikap negatif yang diperlihatkan oleh kaum mukmin itu dianggap sebagai sikap penakut dan bacul?

Bukan Kerana Bacul

Rasulullah berdakwah sedemikian bukannya kerana takut dan bukannya kerana bacul. Menurut ukuran iman dan tauhid takut dan bacul kepada musuh adalah syirik yang mencemarkan ketuhanan dan kesucian tauhid, tetapi kerana semata-mata patuh kepada Allah. Pada masa ini belum diizinkan untuk menghadapi musuh-musuh dengan kekuatan atau kekerasan sekalipun bagaimana besar penang-

gungan mereka. Kiranya berpandukan kepada semangat maka tidak diragukan kegagahan dan keberanian kaum mukmin yang memandang gugur kerana ‘aqidahnya adalah menjadi keinginan dan cita-cita. Ketabahan menghadapi seksaan itu sendiri adalah satu keberanian dan kegagahan. Siapakah yang sebenarnya berani, adakah Sumaiyah isteri Yasir dan Ibu Ma‘mar yang disula sehingga menghembuskan nafas yang terakhir tanpa menyerahkan "Keimanan dan ‘aqidah tauhidnya" kepada kaum kafir, ataukah Abu Jahal yang telah menyula dan merodok kemaluan seorang ibu yang mulia dan lemah dengan lembing? Semua kaum mukmin gagah dan berani. Kegagahan dan keberaniannya sentiasa bersedia untuk menerima cabaran, dan sentiasa bersedia untuk menerima arahan dan perintah. Akan tetapi oleh kerana belum ada izin dan belum ada arahan maka kegagahan dan keberanian itu tidak dapat dipergunakan untuk menentang musuh dengan kekuatan dan kekerasan. Satu ketika salah seorang sahabatnya dengan luka parah datang menemui Rasulullah s.a.w. untuk meminta izin supaya dibenarkan ia membalas kekejaman itu dengan kekuatan, tetapi dengan penuh simpati Rasulullah menjawab: "Sebenarnya sabarlah! Aku belum diizinkan."

Ketika seksaan sudah mengatasi penanggungan, para sahabat yang juga sebagai manusia biasa telah menemui Rasulullah yang pada ketika itu sedang duduk bersandarkan selimut di bawah naungan Ka‘abah. Mereka telah mewakilkan Khabab bin al-Irth untuk mengemukakan permintaan: Katanya: "Wahai Rasulullah: Tidakkah boleh engkau mendoakan untuk kebaikan kami."

Demikianlah harapan yang merupakan suatu hak yang halal kerana mereka telah diseksa kerana agamanya. Dengan penuh keyakinan kepada Allah mereka meminta agar Rasulullah, sebagai hambanya yang paling hampir kepada Allah, untuk mendoakan mereka sehingga terlepas dari seksaan yang sedang mereka alami. Akan tetapi Rasulullah merasakan permintaan ini merupakan bunga-bunga kelemahan dan putus asa, lantas Rasulullah duduk tegak sedangkan mukanya kemerah-merahan kerana menahan marah, seraya bersabda (terjemahan):

Sesungguhnya para mukmin sebelum kamu telah disikat daging dan matanya dengan besi, tetapi tidak sedikit pun tindakan itu memalingkan mereka dari agama mereka:

Ada di antara mereka yang dibelah kepalanya dengan gergaji, tetapi tidak mengubah agamanya, Demi Allah, sesungguhnya Allah akan menguji perkara ini (keimanan kamu) seorang gembala berjalan dari San'a' ke Hadramaut tanpa merasa takut selain hanya kepada Allah sekalipun serigala membaham kambing-kambingnya... tetapi kamu tidak sabar...."

Ketika Rasulullah lalu di hadapan keluarga Yasir yang diseksa, baginda hanya mengatakan: "Sabarlah wahai keluarga Yasir, tempat janji kamu semua di syurga."

Kata-kata Rasulullah s.a.w. ini tidaklah sekali-kali bererti bahawa Rasulullah memandang ringan sahaja, tidak dapat diragukan bahawa hati dan perasaan Rasulullah hancur luluh mendengarkan rintihan kesakitan. Bahkan kesakitan yang dirasakan oleh sahabatnya dapat dirasainya. Ketika Rasulullah telah membisikkan kepada mereka dan bisikannya itu bukanlah bisikan yang membayangkan harapan terselamat atau kemenangan sebaliknya bisik yang menyarankan atau mengilhamkan supaya tabah, sabar, cekal, teguh dan kukuh dengan 'aqidah dan keimanan."

Senjata Iman dan Sabar

Hanya kesabaran sahaja yang menjadi senjata kaum mukmin untuk menghadapi segala bentuk penindasan, kezaliman, kekejaman dan penyeksaan dari pihak musuh. Hanya kesabaran itulah sahaja yang menjadi benteng kota mempertahankan 'aqidah dan agamanya. Hanya sabar itulah yang menjadi kekuatan kaum mukmin untuk menghadapi kekerasan dan kekuatan pihak musuh-musuhnya.

Senjata dan benteng kota kesabaran ini bukan hanya terbatas kepada para sahabat sahaja malah lebih dikhususkan kepada Rasulullah s.a.w. seperti yang diarah dan diperintah oleh Allah s.w.t.

فَاصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُوا الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ وَلاَ تَسْتَعْجِل لَّهُمْ كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَ مَايُوْعَدُونَ لَمْ يَلْبَثُوْآ إِلاَّ سَاعَةً مِّنْ نَّهَارِ بَلٰغٌ فَهَلْ يُهْلَكُ إِلاَّ الْقَوْمُ الْفٰسِقُوْنَ.

Terjemahan: (Jika demikian akibat orang-orang kafir yang menentangmu wahai Muhammad) maka bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya Rasul-rasul "Ulu al-Amr" (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan Rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu) dan janganlah kamu meminta disegerakan azab untuk mereka (yang menentangmu itu). Sesungguhnya keadaan mereka semasa melihat azab yang dijanjikan kepada mereka, merasai seolah-olah mereka tidak tinggal (di dunia) melainkan sekadar satu saat sahaja dari siang hari (dengan penerangan yang demikian) cukuplah menjadi pengajaran (bagi orang-orang yang mahu insaf), maka (ingatlah) tidak dibinasakan melainkan kaum yang fasik derhaka.

(Al-Ahqaf, 46:35)

Bukti yang Amat Nyata

Selama 13 tahun Rasulullah s.a.w. menjalankan dakwah Islam bersama-sama sahabat-sahabatnya tanpa menggunakan sedikit pun kekerasan dan kekuatan, kerana tidak dan belum diizinkan untuk bertindak demikian. Tiga belas tahun bukanlah satu masa yang pendek, lebih-lebih lagi dalam sepanjang masa itu dipenuhi dengan berbagai rupa kezaliman dan kekejaman, penderitaan dan azab seksaan. Hanya Allah Yang Maha Mengetahui tentang hikmat di sebalik penanggungan itu. Kita tidak bermaksud untuk mencuba mengetahui hikmat itu mengikut daya kemampuan fikiran manusia tetapi di pandang dari sudut apa yang sebenar telah berlaku, iaitu dakwah selama 13 tahun itu tidak sedikit pun disertai dengan kekerasan dan kekuatan. Tidakkah ini sudah cukup untuk menjadi bukti atas betapa salahnya tuduhan (saya katakan tuduhan dan bukannya pendapat) yang mengatakan Islam tersebar dengan kekerasan dan kekuatan mata pedang.

Hijrah dan Motifnya

Kemuncak dari kekejaman dan penyeksaan musuh-musuh Islam ialah kebulatan azam untuk membunuh Nabi Muhammad s.a.w. Baginda yang sewajibnya mendapat bantuan dan pembelaan dari

kaumnya telah diketawakan bahkan telah bulat azam untuk membinasakan baginda. Hanya Allah sahaja yang lebih mengetahui di sebalik kerasulannya telah memberikan pertolongan dan pembelaan, seperti yang diabadikan kisahnya dalam al-Qur'an. Tanpa pembelaan Allah, hijrah tidak dapat melindunginya dari rancangan dan keazaman musuh untuk membunuhnya.

Motif yang hakiki dari hijrah bukanlah kerana putus asa, atau kerana kelemahan, atau lari dari kekejaman dan penyeksaan, atau kerana takut mati dan bacul untuk menghadapi musuh, tetapi motif yang sebenarnya ialah menyelamatkan 'aqidah dan agama dari fitnah musuh, sehingga hijrah itu menjadi wajib ke atas setiap mukmin yang terkuasa dan terdaya. Tegasnya kedamaian dan ketenangan dalam menganut 'aqidah dan agamanya itulah motif yang sebenar dari hijrah. Oleh sebab yang tersebut maka beberapa hijrah telah dibenarkan dan diizinkan, dan akhirnya keizinan berhijrah secara umum dan menyeluruh ke Madinah.

Selama 13 tahun segala kekejaman dan azab penderitaan hanya dihadapi dengan senjata kesabaran, dan dalam saat kemuncaknya hanya dihadapi dengan hijrah, dan hijrah inipun semakin menambahkan lagi penanggungan dan pengorbanan demi hanya untuk mendapat jaminan tempat yang aman dan selamat untuk ber'aqidah dan beragama. Inilah yang dicita-citakan oleh kaum mukmin dalam masa 13 tahun di Makkah. Tidakkah ini jelas dan tepat membuktikan bahawa Islam bukannya agama kekerasan dan paksaan.

Keizinan Berjihad Fi Sabilillah

Mengapa sikap seperti ini tidak terus dikekalkan oleh Islam selepas hijrah Rasullah? Kedudukan dan keadaan kaum mukmin di Madinah sekarang (selepas Hijrah) berbeza dari kedudukan dan keadaan semasa di Makkah. Jika sekiranya sebelum hijrah kaum mukmin diwajib untuk memelihara dan menyelamatkan 'aqidah dan agamanya tetapi selepas diwajibkan berhijrah maka kaum mukmin di Madinah telah diwajibkan supaya memelihara dan menyelamatkan 'aqidah dan agamanya dengan mempertahankan diri dari kekuatan senjata.

Kaum mukmin semasa di Makkah masih belum merupakan satu masyarakat yang bernegara, tetapi lain halnya dengan kaum mukmin selepas berpindah ke Madinah dan setelah diterima sebagai saudara

sedarah dan sedaging serta seagama di bawah satu perlembagaan dan di bawah satu pimpinan. Serentak dengan itu mempunyai musuh yang bersungguh-sungguh dan bermati-matian untuk membasmi dan menghapuskannya dari muka bumi ini.

Selaras dengan keadaan umat mukmin ini jihad di medan perang telah diizinkan oleh Allah. Firman-Nya:

أُذِنَ لِلَّذِيْنَ يُقَٰتَلُوْنَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوْا وَإِنَّ اللهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيْرٌ. الَّذِيْنَ
أُخْرِجُوْا مِنْ دِيَٰرِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّآ أَن يَقُوْلُوْا رَبُّنَا اللهُ وَلَوْلَا دَفْعُ اللهِ
النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ صَوَٰمِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَٰتٌ وَمَسَٰجِدُ يُذْكَرُ
فِيْهَا اسْمُ اللهِ كَثِيْرًا وَلَيَنصُرَنَّ اللهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَإِنَّ اللهَ لَقَوِيٌّ عَزِيْزٌ.
الَّذِيْنَ إِن مَّكَّنَّٰهُمْ فِى الْأَرْضِ أَقَامُوْا الصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا الزَّكَوٰةَ وَأَمَرُوْا
بِالْمَعْرُوْفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ الْأُمُوْرِ.

Terjemahan: Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai, dan sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar (mereka diusir) semata-mata mereka berkata: "Tuhan kami ialah Allah" dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasara) dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi) dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang senantiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong, agamanya (agama Islam), sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa. Iaitu mereka (umat Islam) yang jika kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari

melakukan kejahatan dan perbuatan mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.

(Al-Hajj, 22:39-40)

Jelas dalam ayat ini ditegaskan bahawa Allah telah mengizinkan umat Islam berperang kerana 'aqidah dan agama-Nya, kerana memelihara dan menyelamatkan 'aqidah keimanannya dan kerana menjalankan tuntutan-tuntutan 'aqidah keimanan itu dalam semua aspek kehidupannya dari gangguan, halangan, dan sekatan serta permusuhan pihak musuh-musuhnya yang terdiri dari orang-orang kafir, sama ada kafir dari golongan yang beragama Kristian dan Yahudi, ataupun dari golongan yang *mulhid.*

Menyediakan Kelengkapan

Selaras dengan keizinan berperang di medan jihad, Allah juga mengarahkan supaya umat Islam di Madinah menyediakan kelengkapan perang untuk menghadapi musuh. Firman Allah:

وَأَعِدُّوا لَهُم مَّا اسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ
وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ.

Terjemahan: Dan sediakanlah untuk (menentang) mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang lengkap sedia, untuk menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya.

(Al-Anfal, 8:60)

Dan untuk menyediakan kelengkapan perang dalam kedua-dua kekuatan, iaitu kekuatan senjata dan kekuatan tentera, maka Allah mewajibkan jihad wang dan kekayaan:

وَمَا تُنفِقُوا مِن شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ.

Terjemahan: Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada sabilillah akan disempurnakan balasannya dan kamu tidak akan dizalimi.

(Al-Anfal, 8:60)

Keizinan berjihad melalui peperangan ini hanya boleh dilaksanakan sebagai hak dan kewajipan ke atas setiap mukmin manakala umat Islam menghadapi pencerobohan atau serangan musuh yang sudah pasti mengakibatkan kezaliman dan penderitaan. Kepada umat Islam yang terzalim ini Allah mengisytiharkan bahawa Allah pasti akan membela dan menolong mereka, kerana Allah tetap berada di pihak yang teraniaya dan terzalim untuk menentang penganiayaan dan kezaliman.

Kemanusiaan dalam Peperangan

Walaupun Islam mensyari'atkan atau memperundangkan peperangan jihad kerana mempertahankan serangan dan pencerobohan musuh, namun al-Qur'an tetap menyeru umat Islam supaya berpegang kepada matlamat dan cita-cita kemanusiaan yang tinggi, iaitu tidak melampaui batas.

وَقَٰتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ.

Terjemahan: Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan), kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh.

(Al-Baqarah, 2:190)

Peperangan menurut Islam mempunyai batas tertentu dan mempunyai matlamat yang tertentu, yang tidak boleh dilangkahi atau dilampaui. Oleh kerana tujuan diizinkan perang itu ialah untuk mempertahankan diri dari pencerobohan dan serangan musuh maka

manakala tidak lagi berlaku pencerobohan wajiblah pihak Islam menghentikan peperangan. Firman Allah:

وَإِنْ جَنَحُوْا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. وَإِنْ يُرِيْدُوْآ أَنْ يَخْدَعُوْكَ فَإِنَّ حَسْبَكَ اللهُ هُوَ الَّذِى أَيَّدَكَ بِنَصْرِهِ وَبِالْمُؤْمِنِيْنَ.

Terjemahan: Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya ia amat mendengar lagi amat mengetahui. Dan jika mereka (pihak musuh) bertujuan hendak menipumu, maka sesungguhnya cukuplah Allah (menjaga dan memberikan perlindungan) kepadamu. Dialah yang menguatkanmu dengan pertolongannya dan dengan (sokongan) orang-orang yang beriman.

(Al-Anfal, 8:61-62)

Ayat ini menyuruh Rasulullah s.a.w. agar Baginda menerima perdamaian yang dikemukakan oleh pihak musuh yang menceroboh, bukanlah atas dasar takutkan musuh atau atas asas kelemahan, tidak menceroboh tetapi kerana pihak musuh yang telah menawarkan perdamaian. Pada ketika yang sama Allah meyakinkan bahawa Allah berada di pihaknya, dan cukuplah hanya Allah menjadi pelindung dan pembelanya sekalipun mungkin di sebalik perdamaian atau gencatan senjata itu ada tujuan tipu helah dan tipu daya dari pihak musuh.

Peperangan berlaku pada pencerobohan musuh dan mempertahankan diri dari diceroboh. Manakala pihak musuh yang menceroboh itu sendiri telah menawarkan perdamaian yang bererti peperangan dapat dihentikan, maka pihak Islam yang diceroboh wajib menerima. Ketika ini umat Islam tidak perlu lagi meneruskan peperangan, kerana matlamat dari peperangan itu telah tercapai; iaitu pencerobohan dan menghalang kezaliman dan kekejaman. Dengan perdamaian bererti peperangan sudah berakhir. Demi kerana peperangan menurut Islam bukan inginkan peperangan, tetapi kerana terpaksa untuk pertahankan dan pembelaan diri dan dengan

perdamaian itu peperangan dapat dielakkan, maka Islam memaksa agar menerima perdamaian dan menegah dari terus berperang.

فَإِنْ قَٰتَلُوكُمْ فَاقْتُلُوهُمْ كَذَٰلِكَ جَزَآءُ الْكَٰفِرِينَ. فَإِنِ انْتَهَوْا فَإِنَّ اللهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ.

Terjemahan: Oleh itu kalau mereka memerangi kamu (di situ), maka bunuhlah mereka. Demikianlah balasan (kepada) orang-orang yang kafir. Kemudian jika mereka berhenti memerangi kamu (maka berhentilah kamu) kerana sesungguhnya Allah amat pengampun lagi amat mengasihani.

(Al-Baqarah, 2:191-192)

Selain peperangan kerana mempertahankan pencerobohan, Islam mensyari'atkan peperangan lain dengan musuh:

قَٰتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْأَخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَٰبَ حَتَّىٰ يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَٰغِرُونَ.

Terjemahan: Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak (beriman) kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu orang-orang yang diberikan kitab (kaum Yahudi akan Nasama/ Nasurd) sehingga mereka membayar jizyah dengan taat dan menyerah diri.

(Al-Taubah 9:29)

Orang kafir mulhid atau *"athiest"* yang tidak percayakan wujudnya Allah dan tidak percayakan wujudnya hari akhirat yang tidak mengenal dan membezakan antara yang ma'ruf dan mungkar, yang tidak mengharamkan sesuatu yang keji dan hina, yang meman-

dang bahawa segala-galanya itu adalah harus, asal sahaja memberikan kepentingan diri mereka. Merekalah yang digelarkan dengan materialisme, egoisme, nehlisme, eksistentialisme.

Golongan mulhid ini akan tetap memusuhi dan memerangi umat Islam sehingga kalau terdaya akan dikembalikan semula kepada agama sesat.

Ciri-ciri Keingkaran dan Kemurtadan

Al-Qur'an secara terperinci menjelaskan ciri-ciri golongan ini.

وَلَايَزَالُوْنَ يُقَٰتِلُوْنَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَنْ دِيْنِكُمْ إِنِ اسْتَطَٰعُوْا وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِيْنِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فِى الدُّنْيَا وَالْأَخِرَةِ وَأُوْلَٰئِكَ أَصْحَٰبُ النَّارِهُمْ فِيْهَا خَٰلِدُوْنَ.

Terjemahan: Dan mereka (orang-orang kafir itu) sentiasa memerangi kamu hingga mereka (dapat) memalingkan kamu dari agama kamu kalau mereka sanggup (melakukan yang demikian), maka sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat dan mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya (selama-lamanya).

(Al-Baqarah, 2:217)

كَيْفَ وَإِنْ يَظْهَرُوْا عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوْا فِيْكُمْ إِلاًّ وَلَاذِمَّةً.

Terjemahan: Bagaimana (boleh dikekalkan perjanjian kaum kafir musyrik itu) padahal kalau mereka dapat mengalahkan kamu, mereka tidak akan menghormati perhubungan kerabat terhadap kamu dan tidak (menghormati) perjanjian setianya.

(Al-Taubah, 9:8)

اشْتَرَوْا بِئَايَٰتِ اللهِ ثَمَنًا قَلِيْلاً فَصَدُّوْا عَنْ سَبِيْلِهِ إِنَّهُمْ سَآءَ مَاكَانُوْا يَعْمَلُوْنَ.

Terjemahan: Mereka menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit (dari faedah-faedah dunia), lalu mereka menghalangi (dirinya dan orang-orang lain) dari agama Allah sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah kerjakan.

(Al-Taubah, 9:9)

يُرْضُوْنَكُمْ بِأَفْوَٰهِهِمْ وَتَأْبَىٰ قُلُوْبُهُمْ وَأَكْثَرُهُمْ فٰسِقُوْنَ.

Terjemahan: Mereka menjadikan kamu bersenang hati hanya dengan mulut mereka, sedang hati mereka menolaknya dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.

(Al-Taubah, 9: 8)

لاَ يَرْقُبُوْنَ فِى مُؤْمِنٍ إِلاًّ وَلاَذِمَّةً وَأُوْلَٰئِكَ هُمُ الْمُعْتَدُوْنَ. فَإِنْ تَابُوْا
وَأَقَامُوْا الصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا الزَّكَوٰةَ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى الدِّيْنِ وَنُفَصِّلُ الْأٰيٰتِ
لِقَوْمٍ يَعْلَمُوْنَ.

Terjemahan: Mereka tidak menghormati pertalian kerabat dan perjanjian terhadap orang-orang yang beriman, dan merekalah orang-orang yang menceroboh. Oleh itu, jika mereka bertaubat (dari kekufuran), dan mendirikan sembahyang serta menunaikan zakat, maka mereka adalah saudara-saudara kamu yang seagama, dan kami menjelaskan ayat-ayat kami satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui.

(Al-Taubah, 9:10–11)

وَإِن نَّكَثُوْآ أَيْمَٰنَهُمْ مِّنْ بَعْدِ عَهْدِهِمْ وَطَعَنُوْا فِى دِيْنِكُمْ فَقَٰتِلُوْآ أَئِمَّةَ
الْكُفْرِ إِنَّهُمْ لآ أَيْمَٰنَ لَهُمْ لَعَلَّهُمْ يَنْتَهُوْنَ. أَلاَ تُقَٰتِلُوْنَ قَوْمًا نَّكَثُوْآ أَيْمَٰنَهُمْ
وَهَمُّوْا بِإِخْرَاجِ الرَّسُوْلِ وَهُمْ بَدَءُوكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ أَتَخْشَوْنَهُمْ فَاللهُ أَحَقُّ
أَنْ تَخْشَوْهُ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِيْنَ.

Terjemahan: Dan jika mereka mencabuli sumpahnya sesudah mereka mengikat perjanjian setia, dan mereka pula mencela agama kamu, maka perangilah ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin kaum yang kafir itu, kerana sesungguhnya mereka tidak (menghormati) sumpah janjinya, supaya mereka berhenti (dari kekufuran dan bertaubat). Mengapa kamu tidak memerangi suatu kaum yang telah mencabuli sumpah janjinya, dan mereka pula telah berazam hendak mengusir Rasul Allah, dan merekalah juga yang pertama kali memulai memerangi kamu? Tidaklah patut kamu takut kepada mereka (sehingga kamu tidak memeranginya) kerana Allah jualah yang berhak kamu takuti (melanggar perintahnya), jika betul kamu orang-orang yang beriman.

(Al-Taubah, 9:12-13)

Demikianlah ciri-ciri golongan kafir mulhid, materialisme dan nehlisme, yang tidak mengakui wujudnya Allah yang *Haq*, dan tidak mengakui adanya hari akhirat. Dijelaskan dengan tegas sikap golongan orang-orang kafir ini terhadap kaum mukmin semasa dalam peperangan mahupun pada zaman damai dan aman. Sikap mereka pada masa berperang:

1. Sentiasa berusaha untuk memerangi kaum mukmin sehingga kalau terdaya mereka akan mengembalikan kepada kekufuran.

2. Jika mereka mendapat kemenangan mereka tidak menghormati apapun jua perhubungan, sama ada hubungan kekerabatan, atau hubungan jiran, atau hubungan ahli *zimmah,* ataupun hubungan kerana ikatan perjanjian.

Sementara sikap mereka pada masa damai pula ialah:

1. Hatinya tetap memusuhi walau mulutnya menyatakan sesuatu yang diterima oleh kaum mukminin, semata-mata kerana pura-pura dan munafik.

2. Menghalang dari jalan Allah, dan menghalangi orang lain walau dengan apa jalan sekalipun dari beriman kepada

Allah, dengan tujuan untuk mendapatkan keseronokan hidup kebendaan.

3. Sentiasa menyimpan niat untuk menceroboh kaum mukmin dan mereka akan segera melakukannya bila peluang terbuka.

Memandangkan sikap kaum kafir ini terhadap kaum mukmin maka Islam telah memberikan peluang kepada mereka untuk memperbetulkan dan memperbaiki sikapnya, untuk membuang sikap menceroboh dan memusuhi, dan hendaklah mereka benar-benar mengemukakan bukti atas perubahan sikap tersebut; seperti sedang mendirikan sembahyang, menunaikan zakat. Al-Qur'an menjadi dua amalan ibadat tadi sebagai tanda bukti pengubahan sikap dan niat pencerobohan. Sembahyang atau menyembah Allah sebagai tanda bukti kepada perubahan dari kekufuran dan syirik dengan Allah, sementara mengeluarkan zakat pula sebagai tanda bukti mereka tidak dikuasai oleh aliran kebendaan.

Akan tetapi jika sekiranya mereka mengambil kesempatan dari peluang yang diberikan itu untuk terus menerus memusuhi agama Allah dan memusuhi umat mukmin maka urusan peperangan dengan mereka merupakan suatu perkara yang pasti dan tidak dapat dielakkan sehingga permusuhan dan pencerobohan atau ancaman mereka dapat dicegah dan dihentikan.

Memerangi mereka merupakan satu kewajipan yang fardu ke atas kaum mukmin seperti yang dinaskan oleh al-Qur'an:

وَاقْتُلُوهُمْ حَيْثُ ثَقِفْتُمُوهُمْ وَأَخْرِجُوهُمْ مِنْ حَيْثُ أَخْرَجُوكُمْ وَالْفِتْنَةُ
أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا تُقَاتِلُوهُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ حَتَّىٰ يُقَاتِلُوكُمْ فِيهِ
فَإِنْ قَاتَلُوكُمْ فَاقْتُلُوهُمْ كَذَٰلِكَ جَزَاءُ الْكَافِرِينَ. فَإِنِ انْتَهَوْا فَإِنَّ اللَّهَ
غَفُورٌ رَحِيمٌ.

Terjemahan: Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapati mereka, dan usirlah mereka dari tempat yang mereka telah mengusir kamu, dan (ingatlah bahawa angkara) fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan, dan janganlah

kamu memerangi mereka di sekitar masjid al-Haram sehingga mereka memerangi kamu di situ. Oleh itu kalau mereka memerangi kamu (di situ), maka bunuhlah mereka, demikianlah balasan (kepada) orang-orang kafir. Kemudian jika mereka berhenti memerangi kamu (maka berhentilah kamu), kerana sesungguhnya Allah Amat Pengampun lagi Amat Mengasihani.

(Al-Baqarah, 25:19-192)

وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ فَإِنِ انْتَهَوْا فَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّٰلِمِينَ.

Terjemahan: Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu semata-mata kerana Allah. Kemudian jika mereka berhenti maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang-orang yang zalim.

(Al-Baqarah, 2:193)

Golongan yang tidak memusuhi Islam, tidak menceroboh Islam, tidak memerangi Islam, dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu maka Islam telah menjelaskan sikapnya dalam ayat di bawah ini:

لَا يَنْهَٰكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَٰرِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ. إِنَّمَا يَنْهَٰكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَٰتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِنْ دِيَٰرِكُمْ وَظَٰهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوْهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّٰلِمُونَ.

Terjemahan: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku

adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu) dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu, dan (ingatlah!) sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

(Al-Mumtahanah, 60:8-9)

Demikian juga sikap Islam terhadap orang kafir yang mengasingkan diri atau berkecuali dari memerangi Islam seperti yang ditegaskan dalam ayat ini:

فَإِنِ اعْتَزَلُوكُمْ فَلَمْ يُقَٰتِلُوكُمْ وَأَلْقَوْا إِلَيْكُمُ السَّلَمَ فَمَا جَعَلَ اللهُ لَكُمْ عَلَيْهِمْ سَبِيلاً.

Terjemahan: Dalam pada itu, jika mereka membiarkan kamu (tidak mengancam atau mengganggu) serta mereka tidak memerangi kamu dan mereka menawarkan perdamaian kepada kamu, maka Allah tidak menjadikan bagi kamu sesuatu jalan (yang membolehkan kamu memerangi atau menawan) mereka.

(Al-Nisa', 4:90)

Oleh kerana itu, menurut pandangan al-Qur'an, golongan kafir mulhid dan zindik sangat merbahaya kepada 'aqidah dan nilai-nilai akhlak yang menjadi asas dan tunggak kepada kesejahteraan hidup insan dan tamadun dunia. Oleh itu, al-Qur'an telah mengarahkan supaya mereka diperangi sehingga bahaya dan ancamannya dapat dihentikan, sama ada dengan kembali kepada Islam, atau dengan mengisytiharkan tidak memusuhi Islam, ataupun dengan mengemukakan perdamaian dan mengikat perjanjian damai.

Dari penjelasan ringkas di atas tadi dapatlah disimpulkan bahawa peperangan dalam Islam merupakan suatu jalan yang terpaksa diharungi demi untuk mempertahankan diri dan maruah dari pencerobohan, mempertahankan 'aqidah dan agama, mempertahankan kemanusiaan dan kedamaian, mempertahankan kesejahteraan umat manusia dan tamadunnya. Oleh kerana itu, berdasarkan

kepada hakikat ini maka Islam memaksa supaya segera dan serta merta menghentikan jalan peperangan ini sebaik-baik sahaja matlamat tadi tercapai, iaitu sebaik-baik sahaja pencerobohan, serangan, dan kezaliman dapat dihentikan dan dielakkan.

Sehubungan dengan ini, konsep kekuatan atau angkatan bersenjata menurut Islam ialah untuk mempertahankan dan membela "'Aqidah Islam", mempertahan dan membela "Nilai Kerohanian Islam", mempertahan dan membela sistem perundangannya, mempertahan dan membela seruan dan dakwah untuk menyampaikan ketiga-tiga matlamat tadi bukan untuk mempertahan atau membela matlamat selain yang tersebut bukan untuk mempertahan dan membela kedaulatan negara, atau kedaulatan bangsa, lebih-lebih lagi untuk membela suatu kekuasaan, selama ketiga-tiganya itu tidak diasaskan kepada 'aqidah, nilai, dan perundangan Allah. Kekuatan menurut Islam bukanlah untuk menceroboh dan bermusuh, untuk berkuasa dan memaksa supaya manusia menganut Islam.

Islam bukan Agama Paksaan

Berhubung dengan hakikat ini al-Qur'an telah mengisytiharkannya dengan lantang:

لَآ إِكْرَاهَ فِى الدِّيْنِ قَدْتَّبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّغُوْتِ وَيُؤْمِنْ بِاللهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لاَ انْفِصَامَ لَهَا وَاللهُ سَمِيْعٌ عَلِيْمٌ.

Terjemahan: Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut dan ia (pula) beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus dan (ingatlah) Allah Amat Mendengar, lagi Amat Mengetahui.

(Al-Baqarah, 2:256)

Ta'biran al-Qur'an dengan kalimah *"La Ikraha fi al-Din"* memberikan makna bahawa al-Qur'an mengenepikan semua jenis

kekerasan atau paksaan dalam menyampaikan atau menegakkan Islam di bumi Allah. Pengenepian ini bukan hanya membayangkan tegahan dari melakukan demikian; tetapi juga membayangkan jauh dari berlakunya peristiwa ini di alam nyata.

Masalah 'aqidah seperti yang dibawa oleh Islam adalah masalah penerimaan dengan kerelaan dan kepuasan hati yang berasaskan keterangan bukti dan penjelasan dalil serta pemahaman yang benar, tetapi bukan masalah paksaan, kekerasan, dan kekuatan kuasa, Allah menegaskan kepada Nabi-Nya:

فَذَكِّرْ إِنَّمَا أَنْتَ مُذَكِّرٌ. لَسْتَ عَلَيْهِمْ بِمُصَيْطِرٍ.

Terjemahan: Oleh itu, berikanlah sahaja peringatan (wahai Muhammad, kepada umat manusia dan janganlah berdukacita kiranya ada yang menolaknya) kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang Rasul pemberi ingat. Bukanlah engkau seorang yang berkuasa memaksa mereka (menerima ajaran Islam yang engkau sampaikan itu).

(Al-Ghasyiyah, 88:21-22)

Agama Islam didatangkan kepada manusia, dan mereka menghadapinya melalui segala daya kekuatan persepsi atau kemahuannya, menghadapinya dengan akal fikiran yang terbuka, dengan kejelasan asas pemikiran yang siuman dan waras, menghadapi mereka melalui kesedaran perasaan hati kecilnya, sebagaimana menghadapi manusia untuk menjelaskan hakikat Islam sebagai agama Allah melalui naluri semula jadinya yang tetap tersedia dalam dirinya. Inilah sikap dan kaedah Islam dalam usaha menyampaikan ajarannya kepada umat manusia tanpa paksaan dan kekerasan, sekalipun kadangkala menggunakan mu'jizat yang mungkin akan menyebabkan orang yang menyaksikan mu'jizat tersebut tunduk dan menganutnya jika pada keseluruhannya. Islam tidak menggunakan perkara luar biasa dalam usaha seruan atau dakwahnya maka amat jauh sekali bagi Islam untuk menggunakan kekerasan dan paksaan.

Kebebasan ber'aqidah adalah hak yang pertama dari segala hak-hak asasi manusia. Itulah hak yang melayakkan manusia itu sebenar-benarnya diakui oleh Islam sebagai manusia. Manusia yang meram-

pas hak asasinya yang paling tabi'i dan paling asasi itu adalah manusia yang telah merampas. Sehubungan yang tabi'i dengan kebebasan 'aqidah ialah kebebasan dakwah atau seruan kepada 'aqidah tersebut dengan aman dan damai dalam menyampaikan 'aqidah itu tanpa gangguan dan halangan atau "Fitnah".

قَدْتَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ.

Terjemahan: Sesungguhnya telah ternyatalah al-Rusyd (kebenaran yang hakiki) dari kesesatan.

Hakikat iman itulah al-Rusyd atau kebenaran yang hakiki yang amat nyata apabila dibandingkan dengan kekufuran yang sesat (*al-ghayy*); hakikat iman yang sewajib dan semestinya menjadi buruan dan idaman, seterusnya menjadi sesuatu yang paling bernilai dalam kehidupan manusia, berbanding dengan kesesatan yang sewajib dan semestinya dijauhinya, seterusnya yang sewajib dan semestinya ditakuti; hakikat iman dan ni'mat yang dapat diberikan olehnya kepada daya pemahamannya yang jelas dan tepat pada hatinya dengan kedamaian dan kesejahteraan; pada jiwanya dengan perasaan yang bersih; pada masyarakatnya dengan sistem dan peraturan hidup yang sihat; yang menjamin kedamaian dan kesejahteraan; hakikat iman dan ni'matnya yang sedemikian sudah pasti tidak akan ditolak oleh manusia melainkan yang bodoh dan dungu. Hanya mereka yang bodoh sahaja yang sanggup membuang "*al-rusyd*" untuk mengambil "*al-ghayy*", meninggalkan yang lurus dan benar untuk menerima yang sesat dan salah, mengutamakan kekaburan, kekecamukan fikiran dan perasaan, kesimpang-siuran sistem dan peraturan, kegelisahan hidup dari kedamaian, kesejahteraan dan kemajuan.

Hakikat iman dan nikmatnya itu adalah bertentangan dengan konsep kekerasan dan paksaan. Kekerasan dan paksaan yang dipergunakan untuk diterima akan menjejaskan ketulenan dan kequdusan iman dan ni'matnya. Hanya iman yang sebenar yang diterima dengan penuh kerelaan hati dan kesedaran mental akan benar-benar bertepatan dengan nilainya yang hakiki; iaitu sebagai simpulan tali yang kukuh dan amat teguh, sehingga tidak mungkin akan terurai atau terputus walau apapun jua keadaan yang menimpanya. Simpulan tali yang sedemikian inilah yang layak dan berhak

menjadi pegangan dan kompas panduan dalam pengembaraan dan perjuangan hidup insan.

فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّٰغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لاَانْفِصَامَ لَهَا وَاللهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ.

Terjemahan: Dan sesiapa yang tidak percaya kepada Taghut dan ia pula beriman (kepada) Allah, maka sesungguhnya telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan terputus. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui.

(Al-Baqarah, 2:256)

Mungkin masih ada yang meragukan atau merasakan adanya kontradiksi antara ''prinsip tidak ada paksaan dalam agama'', dengan perintah ''Perangilah mereka sehingga tidak ada fitnah, dan agama itu (akan hanya) kepunyaan Allah.''

Untuk menjelaskan kedudukan ini dapat ditegaskan bahawa Islam sebenarnya telah menggunakan kekuatan pedang untuk berjuang, berperang dan berkorban bermati-matian bukan untuk memaksa seseorang memeluk Islam, tetapi untuk menjamin beberapa matlamat yang memastikan jihad di medan perang.

Pertama, Islam melancarkan perang jihad ialah untuk mempertahankan pencerobohan dan menghalang fitnah yang dialaminya juga untuk memberikan pengabdian hanya kepada Allah yang Maha Esa lagi Maha Tunggal melalui 'aqidah tauhid, sistem perundangan atau syari'at-Nya. Tidak ada seorang, atau sekumpulan, ataupun satu bangsa dan satu umat yang berhak mensyari'atkan undang-undang kepada manusia. Hanya Allah juga yang Maha Esa lagi Maha Tunggal, Tuhan kepada seluruh umat manusia, maka Dialah sahaja yang berhak mensyari'atkan undang-undang kepada seluruh umat manusia. Hanya kepada-Nya juga tunduk kepatuhan dan tunduk ketaatan, sebagaimana kepada-Nya jua ditumpukan keimanan dan pengabdian.

Inilah asas dan kaedah sistem *rabbani* yang bersumberkan ketuhanan yang dibawa oleh Islam. Di atas dasar inilah pula terdirinya sistem akhlak yang bersih yang menjamin kebebasan kepada

manusia sehinggalah di kalangan manusia yang tidak menganut 'aqidah Islam. Kehormatan dan hak-hak sebagai warganegara yang dihormati dan dipelihara sekalipun mereka tidak menganut 'aqidah Islam. Mereka tidak dipaksa untuk menganut 'aqidah Islam.

Islam melancarkan jihad untuk menegakkan sistem pemerintahannya yang adil. Di bawah naungan sistem inilah setiap manusia bebas untuk menganut pegangan agama dan kepercayaannya, kerana tidak ada satu sistem pemerintahan yang benar-benar dapat menaungi kebebasan beragama dan ber'aqidah, bahkan menghormati dan memeliharanya. Yang dikehendaki dari mereka yang tidak menganut Islam ialah ketaatan dalam sistem peraturan yang berhubung dengan kemasyarakatan dan kenegaraan, yang berhubung dengan akhlak atau disiplin moral, juga ekonomi. Adapun dalam bidang 'aqidah, ibadat dan sistem kekeluargaan (*Ahwal Syahsiyah*) diberikan kebebasan kepada mereka.

Tidak siapa yang menafikan, bahkan al-Qur'an sendiri mengakui peperangan jihad untuk menjamin keamanan diri, keluarga, harta dan 'aqidahnya. Pencerobohan ke atas 'aqidah, menindas penganut-penganutnya, serta memfitnahkannya adalah lebih besar dari membunuh, kerana nilai 'aqidah itu adalah lebih besar pada hidup itu sendiri. Jika kaum mukmin diizinkan berperang demi untuk mempertahankan nyawa dan hartanya maka lebih utama dari itu untuk mempertahankan 'aqidah dan agamanya.

Kedua, Islam melancarkan perang jihad untuk melaksanakan kebebasan berdakwah, untuk mendakwahkan 'aqidah, kerana tidak bererti kebebasan ber'aqidah tanpa kebebasan dakwah. Islam membawakan konsep yang sempurna tentang wujud dan hidup. Islam membawa sistem yang sempurna dan tertinggi untuk memajukan nilai kehidupan dan tamadunnya. Sumbangan dan hadiah *rabbaniyah* ini dihulurkan kepada manusia untuk hidayat dan panduannya, untuk disampaikan ke telinga dan hati seluruh umat manusia. Selepas penerangan, penjelasan, yang disampaikan itu terpulanglah kepada mereka sama ada untuk beriman atau tidak, tanpa ada paksaan dalam menganut agama.

Akan tetapi sebelum mereka mengambil sikap yang bebas tanpa paksaan itu pastilah keadaan dan suasana itu bersih tidak ada halangan, rintangan, dan sekatan dalam menyampaikan "kebaikan Islam" kepada seluruh umat manusia, tepat seperti yang didatangkan

oleh Allah. Antara halangan-halangan itu ialah adanya sistem pemerintahan atau kumpulan manusia yang menganiaya dan zalim yang menghalang dan menutup pintu kepada umat manusia untuk mendengar seruan Islam, bahkan difitnahkannya dengan berbagai rupa penindasan dan seksaan. Oleh kerana itu Islam terpaksa melancarkan perang jihad untuk menghancurkan halangan dan sekatan-sekatan tersebut, untuk diganti dengan suatu sistem pemerintahan yang adil yang dapat menjamin kebebasan dakwah dan kebebasan pendakwah.

Ketiga, Islam melancarkan jihad untuk menegakkan sistemnya yang tesendiri yang mesti diperteguh dan dipertahankan, kerana itulah sahaja sistem yang dapat menjamin kebebasan manusia. Pelancaran jihad ini merupakan alat dan jalan untuk mempertahankan Islam demi untuk kestabilannya. Sebaik-baik cara untuk bertahan ialah menyerang. Pelancaran jihad dengan menyerang musuh adalah salah satu taktik untuk menjaga Islam dari dimusnahkan oleh musuhnya.

Kesimpulannya, bahawa *fitrah* Islam memerlukan sistem hidup dan juga memerlukan kekuatan dan jihad. Adalah benar bahawa tidak ada paksaan dalam agama tetapi wajib memperlengkapkannya dengan kekuatan dalam semua bidang.

Setiap muslim wajib mengetahui dan menyedari tabiat semula jadi Islam, hakikat agamanya, dan hakikat sejarahnya, supaya mereka tidak hanya bersikap sebagai orang yang dituduh cuba membela dirinya, tetapi wajiblah mereka sentiasa bersikap orang yang penuh yakin dan penuh percaya kepada hakikat-hakikat agamanya mengatasi segala ideologi, segala sistem, segala aliran yang lahir di bumi, kemudian sedia membela dan melaksanakan melalui kefarduan jihad *Fi Sabilillah.*

XVIII

JIHAD DAN RAHMAT
JIHAD PADA MASA KINI

Jihad dan Rahmat

Sebagaimana yang telah dijelaskan, Islam mensyari'atkan perang jihad, kerana itu keperluan yang tabi'i selama adanya Islam di muka bumi ini, tetapi perang jihad yang disyari'atkan ialah perang jihad *Fi Sabilillah*, bukan kerana kepentingan suatu kekuasaan, atau kepentingan satu pertubuhan, atau kepentingan satu bangsa, atau kerana kepentingan hawa nafsu. Ciri-ciri dan syarat perang jihad *Fi Sabilillah* telah dijelaskan secara terperinci oleh Islam berdasar al-Qur'an dan sunnah.

Ketika Islam mensyari'atkan perang jihad *Fi Sabilillah* inipun, ia tidak terlepas dari jenis lingkungan nilai akhlak yang paling asasi dalam Islam yang menjadi sifat keistimewaan Allah, sifat keistimewaan Rasul-Nya, sifat keistimewaan Islam dan dakwahnya; iaitu sifat rahmat Islam agama rahmat. Ini bererti Islam agama kemanusiaan. Oleh kerana itu jihad dalam Islam tidak keluar dari lingkungan kemanusiaan yang adil.

1. Jihad kerana mempertahankan diri, keluarga, harta, negara dan agama dari kezaliman, pencerobohan dan penindasan.
2. Membalas kezaliman, pencerobohan, dan penindasan mengikut kadar yang telah dilakukan, dan tidak dibenarkan tindakan balas itu melebihi batas.

3. Menjamin kebebasan beragama dan kepercayaan kaum mukmin yang ditindas oleh kaum kafir semata-mata kerana kepercayaan dan agamanya.

4. Melindungi kebebasan dakwah sehingga dapat disampaikan seluas-luasnya kepada seluruh umat manusia agar tidak ada manusia yang tidak mengetahui dan menyedari "Rahmat Ilahi". Berikutnya membasmi segala halangan dan sekatan dari sesiapa pun jua, dan dari apa pun jua kekuatan dan kekuasaan.

5. Mengajar golongan yang mencabul perjanjian damai sedangkan mereka yang telah meminta damai.

6. Membantu kaum mukmin yang terzalim walau di mana mereka berada.

7. Wajib memberhentikan peperangan sebaik-baik sahaja pihak musuh mengisytiharkan berhenti perang dan tidak memulakan atau mengharap-harapkan perang melainkan setelah habis jalan untuk mencari damai.

8. Membataskan peperangan itu kepada tentera-tentera musuh sahaja, dan menegah sama sekali membunuh wanita-wanita, kanak-kanak, orang-orang tua, dan sami-sami agama atau paderi-paderi.

9. Mengharamkan "Tamthil" iaitu merosak tentera musuh yang telahpun mati, mengharamkan melakukan pembakaran.

10. Ditegah merosakkan harta benda dan tanaman-tanaman.

11. Ditegah menyebabkan kebuluran kepada pihak musuh.

12. Berlaku ihsan dan kebajikan kepada tawanan perang.

13. Untuk melaksanakan sifat rahmat dalam perang jihad, Islam menganjurkan agar mengurangkan serangan ketika

ternyata benar kekalahan pihak musuh, dan memadailah dengan tawanan perang, seterusnya untuk memberikan peluang kepada mereka untuk membebaskan dirinya sama ada dengan tebusan atau dengan kurniaan dari pihak Islam.

14. Diisyaratkan kepada pihak Islam supaya mengisytiharkan perang kepada pihak musuh, agar peperangan yang dilancarkan oleh Islam itu tidak dipandang sebagai pengkhianat dan tipuan.

15. Menjaga dengan penuh teliti tentang perjanjian damai yang diikat antara pihak Islam dengan pihak musuh. Diharamkan melakukan pengkhianatan dan pencabulan. Ayat al-Qur'an banyak menegaskan hakikat ini malahan menjanjikan peringatan yang keras.

16. Tidak diminta dan dituntut berbangga-bangga dengan kemenangan dan menunjuk-nunjuk kekuatan dan kegagahan.

17. Berpegang dengan segala ciri keadilan dan kebenaran selepas dianugerahi kemenangan: Iaitu menegakkan sembahyang sebagai syiar yang umum dalam masyarakat Islam terutama kepada pemimpin-pemimpinnya, menunaikan zakat sebagai satu peraturan negara yang dikawal oleh undang-undang, menyuruh pada yang ma'ruf dan mencegah perkara mungkar sebagai jalan yang praktik dalam memelihara ketahanan masyarakat dan negara.

18. Peperangan bukan memaksa manusia menganut Islam kerana seruan Islam diasaskan kepada *hikmat, mau'izah hasanah* dan perbincangan secara yang lebih baik.

19. Harta rampasan perang bukanlah matlamat dari peperangan, dan tidak diharus untuk dijadikan demikian.

20. Sistem *jizyah* yang dikenakan kepada bukan Islam adalah sebagai ganti untuk mempertahankan kehormatan dan memelihara keamanannya, dan pengecualian dari berjuang

bersama-sama Islam untuk berperang dengan bukan Islam. Bayaran *jizyah* akan dikecualikan bila mereka bersetuju dengan kerelaan hati untuk berjuang bersama Islam.

Pandangan Islam terhadap Keamanan dan Peperangan

Agama Islam adalah agama sejahtera, agama keamanan dan kedamaian, sesuai dengan namanya "Islam" yang bererti selamat, sejahtera, aman dan damai. Di atas dasar itulah Islam mengatur hubungan manusia sesama manusia, bangsa dengan bangsa, negara dengan negara. Semuanya hubungan itu hendaklah diasaskan di atas keselamatan dan kesejahteraan, bukannya permusuhan dan kebencian.

Muhammad s.a.w. telah mengembangkan agama Islam dengan hati yang lunak dan hubungan yang mesra dengan semua manusia. Allah menerangkan dalam ayat-Nya:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللهِ لِنتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانفَضُّوا مِنْ
حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ.

Terjemahan: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu, oleh itu, maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonkan ampun bagi mereka.

(Ali 'Imran, 3:150)

Ayat ini menyatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah seorang yang berhati mulia, berlemah lembut dan amat menyayangi manusia. Dengan sifat itu Baginda mengadakan perhubungan dengan manusia umum, baik orang Islam mahupun orang-orang kafir. Semuanya diasaskan atas hubungan mesra, yang jauh dari rasa permusuhan dan kebencian.

Agama Islam telah meletakkan suatu undang-undang untuk memupuk hubungan baik sesama manusia, walaupun berlainan agama. Allah berfirman:

لَايَنْهٰكُمُ اللّٰهُ عَنِ الَّذِيْنَ لَمْ يُقٰتِلُوْكُمْ فِى الدِّيْنِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّنْ دِيٰرِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوْٓا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللّٰهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِيْنَ.

Terjemahan: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

(Al-Mumtahanah, 60:8)

Ayat di atas memperlihatkan sikap agama Islam terhadap peperangan secara tidak langsung, dan Allah menganjurkan supaya umat Islam sentiasa menyebarkan muhibbah dan menjaga hubungan baik sesama manusia yang mengingini hubungan baik itu terus terjalin dipelihara bersama. Akan tetapi Islam amat tegas dalam menghadapi percerobohan dan keganasan; sama ada dari dalam atau dari luar untuk menghancurkan umat Islam, Allah berfirman:

إِنَّمَا يَنْهٰكُمُ اللّٰهُ عَنِ الَّذِيْنَ قٰتَلُوْكُمْ فِى الدِّيْنِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِّنْ دِيٰرِكُمْ وَظٰهَرُوْا عَلٰى إِخْرٰجِكُمْ أَنْ تَوَلَّوْهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُوْلٰٓئِكَ هُمُ الظّٰلِمُوْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu) dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu dan (ingatlah) sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

(Al-Mumtahanah, 60:9)

Allah menegaskan lagi akan pentingnya perdamaian dan menjaga keharmonian dengan firman-Nya:

فَإِنِ اعْتَزَلُوكُمْ فَلَمْ يُقَاتِلُوكُمْ وَأَلْقَوْا إِلَيْكُمُ السَّلَمَ فَمَا جَعَلَ اللهُ لَكُمْ عَلَيْهِمْ سَبِيلاً.

Terjemahan: Jika mereka membiarkan kamu (tidak mengancam atau mengganggu) serta mereka tidak memerangi kamu dan mereka menawarkan perdamaian kepada kamu, maka Allah tidak menjadikan bagi kamu sesuatu jalan (yang membolehkan kamu memerangi atau menawan) mereka.

(Al-Nisa', 4:90)

وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللهِ.

Terjemahan: Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakallah kepada Allah.

(Al-Anfal, 8:61)

Jelaslah bahawa Islam adalah agama perdamaian. Agama yang menghendaki semua manusia hidup berbaik-baik dan hormat-menghormati. Akan tetapi bukanlah bererti bahawa di dalam menjaga perdamaian dan kerukunan hidup, Islam terpaksa menggadai maruahnya, dengan sentiasa bersikap negatif, walaupun dimusuhi dan dicerobohi oleh musuh, diperangi dan diusir dari tanahair. Islam amat tegas dalam menghadapi pencerobohan. Umat Islam diwajibkan mempertahankan maruah dirinya, keluarganya, masyarakatnya, negaranya dari sebarang tindakan biadab. Undang-undang Islam menegaskan:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا وَإِنَّ اللهَ عَلَى نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ.

Terjemahan: Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh),

kerana sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan).

(Al-Haj, 22:39)

Mengapa Peperangan Diharuskan

Telah pun dijelaskan sebelum ini, bahawa Islam adalah agama yang mementingkan kedamaian dari peperangan. Islam menganjurkan semua manusia terutama pemeluk-pemeluknya supaya sentiasa menjaga keamanan dan berbaik-baik dengan semua bangsa. Islam tidak memusuhi mana-mana bangsa dan kaum. Allah berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ
لِتَعَارَفُوٓا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ اللهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ.

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya), sesungguhnya Allah Amat Mengetahui lagi Amat Mendalam Pengetahuannya, (akan keredaan dan amalan kamu).

(Al-Hujurat, 49:13)

Oleh kerana itu agama Islam dikembangkan pada mulanya dengan cara aman dan damai. Walaupun Rasulullah s.a.w. dan para sahabat serta orang Islam sekalian menerima berbagai-bagai macam penyeksaan dan permusuhan, namun sikap Rasulullah dan orang-orang Islam tidak berubah. Mereka tetap menjaga keamanan dan tidak akan membalaskan permusuhan orang-orang musyrikin dengan permusuhan yang serupa dengannya.

Sejak Nabi Muhammad s.a.w. dibangunkan sebagai Rasulullah yang mengajak manusia menyembah Allah yang sebenar, berbagai-bagai ancaman dan tindakan-tindakan liar dari musuh-musuhnya diterima dari semasa ke semasa. Orang yang memeluk agama Islam ketika itu sentiasa menerima penyeksaan dari musuh. Berbagai-bagai cara penyeksaan dan penganiayaan telah diterima, tanpa sebarang pembalasan. Mereka bersikap demikian bukan kerana tidak mampu menyerang balas musuh-musuh mereka. Akan tetapi kerana tidak diizinkan oleh Allah untuk berbuat demikian, atau dengan kata-kata yang lain, tidak ada peruntukan undang-undang ketika itu yang membolehkan orang-orang Islam mengambil tindakan balas untuk memerangi orang-orang yang memerangi mereka.

Tiga belas tahun lamanya Rasulullah s.a.w. dan orang Islam bersikap dingin terhadap orang-orang yang memusuhi mereka di Makkah al-Mukaramah. Dalam jarak masa tersebut bermacam-macam kekejaman mereka terima dengan penuh sabar dan penuh patuh kepada undang-undang Islam. Selama mereka diperintah bersabar itu banyak orang Islam yang telah terkorban kerana perbuatan musuh. Antara mereka sahabat Rasulullah yang bernama Yasir dan anaknya Ammar juga isterinya yang bernama Sumaiyah telah terkorban kerana penyeksaan yang dilakukan oleh keluarga al-Mughirah, untuk memaksa mereka meninggalkan agama Islam. Bilal bin Rabah hampir-hampir terkorban kerana penyeksaan musuh Islam. Hubab bin al-'Irti dan lain-lainnya telah lebih dari cukup menerima penyeksaan dari orang musyrikin.

Apabila semua bentuk penyeksaan dan permusuhan yang dilancarkan ke atas orang Islam, tidak memberi sebarang kesan kepada mereka, malah semakin pesat dan cepat Islam itu berkembang, maka datanglah kemuncak dari permusuhan itu, iaitu rancangan musuh-musuh Islam untuk membunuh Nabi Muhammad s.a.w. Walaupun rancangan itu diketahui oleh Baginda dengan pastinya kerana ada wahyu Allah yang memberitahunya namun sikap Baginda tidak berubah dari damai kepada perang walaupun Baginda mampu untuk menghadapi musuh-musuhnya dengan peperangan.

Untuk mengelak pertumpahan darah dan peperangan, Nabi Muhammad s.a.w. telah diperintah oleh Allah berpindah (berhijrah) ke Madinah. Orang Islam juga diperintah berbuat demikian.

Walaupun Nabi Muhammad s.a.w. dan orang Islam telah berpindah ke Madinah dengan meninggalkan harta benda dan sanak-saudara untuk mencari kedamaian dari keharmonian, namun permusuhan juga yang mereka terima. Orang Quraisy Makkah terus merancang untuk menghapuskannya dan agama yang dibawanya. Umat Islam yang belum berpindah dan masih berada di Makkah terus menerima seksaan dari musuh-musuhnya. Oleh yang demikian tidak ada jalan lain untuk menghadapi musuh, melainkan permusuhan hendaklah disambut dengan permusuhan juga. Peperangan hendaklah dihadapi dengan peperangan juga.

Demi menjaga maruah dan nama baik umat Islam, demi menjaga dan memellihara agama yang benar dari Allah, demi menjaminkan dakwah Islamiah supaya terus berkembang dengan sempurna dan damai, demi menjaga dan memelihara kebebasan umat manusia supaya boleh memeluk apa sahaja agama yang mereka suka dengan pilihan sendiri tanpa dipaksa-paksa untuk mengikut atau meninggal suatu agama, maka Allah s.w.t. mengizinkan umat Islam berperang, untuk tujuan di atas. Allah memberi izin dengan firman-Nya:

أُذِنَ لِلَّذِيْنَ يُقٰتَلُوْنَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوْا وَإِنَّ اللهَ عَلٰى نَصْرِهِمْ لَقَدِيْرٌ. الَّذِيْنَ أُخْرِجُوْا مِنْ دِيٰرِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّآ أَنْ يَقُوْلُوْا رَبُّنَا اللهُ.

Terjemahan: Diizinkan berperang bagi orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh) kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai, dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan kami ialah Allah."

(Al-Haj, 22:39-40)

وَقٰتِلُوْا فِى سَبِيْلِ اللهِ الَّذِيْنَ يُقٰتِلُوْنَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوْآ إِنَّ اللهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِيْنَ.

Terjemahan: Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang

memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan), kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh.

(Al-Baqarah, 2:190)

وَقٰتِلُوا الْمُشْرِكِيْنَ كَآفَّةً كَمَا يُقٰتِلُوْنَكُمْ كَآفَّةً.

Terjemahan: Perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya.

(Al-Taubah, 9:36)

فَإِنْ قٰتَلُوْكُمْ فَاقْتُلُوْهُمْ كَذٰلِكَ جَزَآءُ الْكٰفِرِيْنَ.

Terjemahan: Oleh itu kalau mereka memerangi kaum (di situ maka bunuhlah mereka, demikianlah balasan (kepada) orang-orang kafir.

(Al-Baqarah, 2:191)

Dengan kutipan ayat-ayat di atas jelas bahawa peperangan yang dilancarkan dalam Islam terhadap musuh-musuhnya bukanlah sengaja dirancangkan dan diada-adakan, malah peperangan itu adalah sebagai suatu tindak balas untuk mempertahankan umat dan agama Islam yang diturunkan Allah. Peperangan itu adalah untuk menjamin keadilan sosial dalam Islam bagi mempertahankan yang hak dan bertindak balas ke atas orang-orang yang zalim. Umat Islam sudah lama menanggung penderitaan dan kesengsaraan dari perbuatan-perbuatan jahat kaum musyrikin, tetapi tidak mendapat keizinan untuk mereka bertindak ke atas orang yang menzalimi mereka, sehinggalah keizinan untuk berperang diberikan Allah kepada mereka. Sungguhpun Allah s.w.t. mengizinkan orang Islam yang berperang, bukanlah bererti siapa sahaja boleh diperangi dan bila-bila masa boleh berperang. Islam telah menetapkan disiplin-disiplin peperangan yang mesti dipatuhi oleh umatnya, supaya peperangan itu menjdi berat, iaitu hendak mempertahankan agama Allah dan

maruah umat. Bukan untuk memuaskan nafsu buas atau membalas dendam semata-mata. Peperangan adalah suatu ibadat yang tinggi nilainya suatu amalan kebajikan yang amat dituntut. Apabila peperangan merupakan ibadat dan amalan baik, maka orang yang berperang tidak akan diberi ganjaran oleh Allah kecuali jika peperangan itu dilakukan dengan penuh jujur dan ikhlas kerana Allah dan dilakukan dengan cara yang betul dengan mengikut segala syarat-syaratnya.

Larangan-larangan dalam Peperangan

Sesuatu peperangan yang hendak dilancarkan tidak boleh sama sekali dilakukan tanpa memberitahu terlebih dahulu pihak yang akan diserang. Sebelum perisytiharaan perang dibuat, pihak Islam mestilah mengemukakan kepada musuh tiga perkara utama untuk dibuat pilihan.

1. Hendaklah mereka menerima Islam sebagai agama mereka.
2. Membayar cukai untuk dikendalikan kemaslahatan (kepentingan) mereka.
3. Peperangan.

Dalam sepanjang sejarah Islam, Rasulullah s.a.w. tidak pernah memerangi musuh-musuhnya tanpa mengemukakan terlebih dahulu ketiga-tiga perkara itu untuk mereka membuat pilihan. Sekiranya pelawaan kepada agama Allah itu ditolak, maka mereka masih boleh menerima yang kedua iaitu membayar cukai. Cukai yang dibayar adalah untuk kepentingan negara dan kemaslahatan umat manusia di tempat tersebut. Sekiranya mereka memilih membayar cukai, maka masalah pertahanan dan kebajikan rakyat seluruhnya adalah tanggungjawab umat Islam. Jika sekiranya kedua-dua itu ditolak juga, maka pilihan ketiga itu terpaksa diterima, iaitu berperang. Demikian menurut Hadith Rasulullah s.a.w seperti yang diriwayatkan oleh Muslim, sabda Rasulullah s.a.w.:

إِذَا لَقِيْتَ عَدُوَّكَ مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ فَادْعُهُمْ إِلَى إِحْدٰى ثَلاَثٍ، فَأَيَّتُهُنَّ
أَجَابُوْكَ فَاقْبَلْ مِنْهُمْ وَكُفَّ عَنْهُمْ: اْلإِسْلاَمُ أَوِالْجِزْيَةُ أَوِالْقِتَالُ.

Terjemahan: Apabila kamu berhadapan dengan musuh-mu dari orang-orang musyrikin, maka serulah mereka kepada salah satu dari tiga perkara, jika sekiranya salah satu dari perkara-perkara itu mereka terima maka selesai-lah dan layani mereka dengan baik; Islam atau cukai atau peperangan.

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Ini menunjukkan bahawa Islam melarang umatnya melancarkan peperangan tanpa mengisytiharkannya terlebih dahulu. Proses perisytiharan itu hendaklah melalui cara yang sesuai dan boleh diterima oleh musuh. Oleh kerana tujuan peperangan dalam Islam adalah untuk menyebarkan dakwah Islamiah dan menjaga umat Islam dari dicerobohi oleh musuh, maka wajarlah Islam itu disampaikan kepada mereka terlebih dahulu. Sekiranya Islam itu diterima, maka cukai dan peperangan tidak timbul sama sekali. Apabila Islam telah ditolak dan cukai juga mereka tolak, maka peperanganlah yang mesti ditempuhi setelah diisytiharkan secara terbuka.

Di dalam peperangan, Rasulullah s.a.w. melarang keras pengikut-pengikutnya bertindak ke atas kanak-kanak, orang yang mengambil upah dan orang-orang perempuan. Sabda Rasulullah s.a.w. seperti yang diriwayatkan oleh Muslim:

فَلاَ يَقْتُلَنْ ذُرِّيَّةً وَلاَعَسِيفًا وَلاَ امْرَأَةً.

Terjemahan: Maka jangan sekali-kali dibunuh kanak-kanak, orang-orang yang bekerja secara upahan dan orang-orang perempuan.

Di dalam peperangan Mu'tah, Rasulullah s.a.w. telah bersabda kepada tentera-tenteranya di saat mereka hampir bergerak ke perbatasan:

لاَتَقْتُلَنَّ امْرَأَةً وَلاَ صَغِيرًا ضِرْعًا، وَلاَكَبِيرًا فَانِيًا وَلاَتَحْرِقُنَّ نَخْلاً وَلاَ تَقْلَعُنَّ شَجَرًا وَلاَ تَهْدِمُوا بَيْتًا.

Terjemahan: Jangan sekali-kali dibunuh orang-orang perempuan, kanak-kanak yang lemah, orang tua-tua yang tidak berdaya. Jangan sekali-kali membakar pokok makanan (tamar). Jangan mencabut (memusnahkan) pokok dan jangan meroboh tempat-tempat kediaman.

Ibn Abbas meriwayatkan Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

لاَ تَقْتُلُوْا اَصْحَابَ الصَّوَامِعِ.

Terjemahan: Jangan sekali-kali kamu membunuh orang yang sedang berada di rumah-rumah penyembahan (gereja, kuil dan sebagainya), (maksudnya ahli agama mereka).

Dalam Hadith lain Rasulullah s.a.w. bersabda lagi seperti yang diriwayatkan oleh Muslim:

اُغْزُوْا بِاسْمِ اللهِ فِيْ سَبِيْلِ اللهِ، قَاتِلُوْا مَنْ كَفَرَ بِاللهِ، اُغْزُوْا وَلاَ تَغُلُّوْا
وَلاَ تَغْدِرُوْا وَلاَ تَمْثُلُوْا وَلاَ تَقْتُلُوْا وَلِيْدًا.

Terjemahan: Berperanglah dengan nama Allah. Pada jalan Allah. Perangilah orang-orang yang kufur dengan Allah dan jangan sekali-kali melampaui batas. Jangan mengkhianati mereka dan jangan mencincang mayat mereka dan jangan membunuh kanak-kanak.

Setelah Rasulullah s.a.w. wafat, Abu Bakar al-Siddiq dipilih menjadi khalifah yang kebetulan ketika itu tentera Islam di bawah pimpinan panglima Usamah bin Zaid sedang bersiap sedia untuk menentang musuh. Khalifah Abu Bakar telah berwasiat (berpesan) kepada Usamah dan tenteranya yang bermaksud:

Jangan kamu mengkhianati musuh. Jangan melampaui batas, Jangan menipu secara keji, Jangan mencincang mayat, Jangan membunuh kanak-kanak, orang-orang

perempuan dan orang tua-tua, Jangan menebang pokok buah-buahan, dan jangan pula memusnahkannya; sama ada membakar atau merosakkannya. Jangan membunuh binatang ternakan, kambing lembu, unta dan sebagainya, kecuali untuk dijadikan makanan.

Al-Qur'an al-Karim telah menyatakan undang-undang peperangan seperti yang berikut:

وَلاَ تُقٰتِلُوْهُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ حَتّٰى يُقٰتِلُوْكُمْ فِيْهِ.

Terjemahan: Dan janganlah kamu memerangi mereka di sekitar Masjid al-Haram sehinggalah mereka memerangi kamu di situ.

(Al-Baqarah, 2:191)

فَإِنِ اعْتَزَلُوْكُمْ فَلَمْ يُقٰتِلُوْكُمْ وَأَلْقَوْا إِلَيْكُمُ السَّلَمَ فَمَا جَعَلَ اللهُ لَكُمْ عَلَيْهِمْ سَبِيْلاً.

Terjemahan: Jika mereka membiarkan kamu (tidak mengancam atau mengganggu) serta mereka tidak memerangi kamu dan mereka menawarkan perdamaian kepada kamu, maka Allah tidak menjadikan bagi kamu sesuatu jalan (yang membolehkan kamu memerangi atau menawan) mereka.

(Al-Nisa', 4:90)

وَقٰتِلُوْا فِى سَبِيْلِ اللهِ الَّذِيْنَ يُقٰتِلُوْنَكُمْ وَلاَ تَعْتَدُوْآ إِنَّ اللهَ لاَ يُحِبُّ الْمُعْتَدِيْنَ.

Terjemahan: Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan), kerana sesungguhnya Allah tidak suka orang-orang yang menceroboh.

(Al-Baqarah, 2:190)

فَقَاتِلُوْا الَّتِيْ تَبْغِي حَتَّىٰ تَفِيْءَ إِلَىٰ أَمْرِ اللهِ فَإِنْ فَآءَتْ فَأَصْلِحُوْا بَيْنَهُمَا
بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوْا إِنَّ اللهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِيْنَ.

Terjemahan: Maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah, jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara), sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

(Al-Hujurat, 49:9)

يَٰٓأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْآ إِذَا لَقِيْتُمُ الَّذِيْنَ كَفَرُوْا زَحْفًا فَلَا تُوَلُّوهُمُ الْأَدْبَارَ.
وَمَنْ يُوَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبُرَهُ إِلَّا مُتَحَرِّفًا لِّقِتَالٍ أَوْمُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٍ فَقَدْبَآءَ
بِغَضَبٍ مِّنَ اللهِ وَمَأْوَٰهُ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيْرُ.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan orang-orang kafir yang sedang mara menyerang, maka janganlah kamu berpaling undur (dari menentang) mereka. Dan sesiapa yang berpaling undur (dari menentang) mereka pada ketika itu — selain bergerak ke arah lain (untuk menjalankan tipu muslihat peperangan, atau hendak menyatukan diri dengan pasukan yang lain — maka sesungguhnya ia tetaplah mendapat kemurkaan dari Allah, dan tempatnya ialah neraka jahanam iaitu seburuk-buruk tempat kembali. Kecualilah orang-orang yang mundur ke belakang itu kerana mencari perlindungan untuk berperang atau berpindah tempat untuk bersama-sama berperang dengan pasukan orang Islam.

(Al-Anfal, 8:15-16)

Demikianlah sebahagian daripada undang-undang peperangan yang dipaparkan secara langsung dari Hadith-hadith Rasulullah

s.a.w., juga dari ayat-ayat al-Qur'an. Semuanya mencerminkan dengan jelas sikap Islam terhadap peperangan.

Bimbingan untuk Kemenangan

Semua peperangan yang dilancarkan oleh Islam, sama ada menyerang atau bertahan, adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip moral yang mulia. Rasulullah s.a.w. telah menanamkan nilai-nilai moral yang luhur kepada umat Islam dengan menggariskan panduan-panduan yang merupakan undang-undang peperangan yang mesti dipatuhi dari dahulu hingga sekarang dan seterusnya untuk menjaminkan keluhuran budi dan kemuliaan hati umat Islam walaupun di saat-saat peperangan sedang memanggil korban dan pengorbanan.

Peperangan adalah sesuatu yang sukar dielakkan. Namun demikian masih banyak hal-hal di dalam peperangan itu yang boleh dielakkan demi menjunjung prinsip-prinsip kemuliaan, bagi mengurangkan kedahsyatan peperangan itu. Dari larangan-larangan Islam di dalam peperangan seperti yang disebutkan tadi adalah ternyata untuk mengurangkan risiko peperangan yang sememangnya dahsyat. Di dalam mana-mana peperangan, jika kita tidak membunuh maka kita akan dibunuh. Untuk mengurangkan kedahsyatan pembunuhan itu, prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh Islam sebagai undang-undangnya adalah perlu dicontohi dengan sebaik-baiknya untuk mengurangkan kekejaman peperangan.

Dalam mentaati peraturan-peraturan dan undang-undang perang seperti yang diutamakan oleh Islam merupakan anak kunci yang akan membuka jalan untuk mencapai kemenangan ini kerana kemenangan tidak akan dicapai tanpa dirancangkan dengan sebaik-baiknya.

Bagi menjaminkan kemenangan umat Islam, Allah dan Rasul-Nya telah memberi bimbingan-bimbingan yang paling berharga, antaranya, firman Allah:

يٰٓأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْٓا إِذَا لَقِيْتُمْ فِئَةً فَاثْبُتُوْا وَاذْكُرُوا اللهَ كَثِيْرًا لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُوْنَ وَأَطِيْعُوْا اللهَ وَرَسُوْلَهُ وَلَا تَنٰزَعُوْا فَتَفْشَلُوْا وَتَذْهَبَ رِيْحُكُمْ
وَاصْبِرُوْا إِنَّ اللهَ مَعَ الصّٰبِرِيْنَ.

Terjemahan: Wahai orang-orang beriman! Apabila kamu bertemu dengan suatu pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh (menghadapinya), dan sebutlah serta ingatlah Allah (dengan doa) banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan). Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan, kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati), sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar.

(Al-Anfal, 8:45-46)

Dalam ayat di atas Allah s.w.t. telah mengkaitkan kemenangan di dalam peperangan dengan ketetapan hati dan mengingati Allah. Dengan keyakinan yang tidak goyang terhadap peperangan yang ditempuhinya itu adalah untuk jalan Allah, dan demi menegak dan memuliakan agama Allah; maka sudah tentu ingatan kepada Allah sentiasa melekat di hati. Dengan ingatan tersebut, maka segala ketakutan sudah tidak mempunyai tempat lagi di hati. Hati dan jiwa telah dipenuhi dengan "Allahu Akbar" Allah Maha Besar. Ajal di tangan Allah. Kemenangan sentiasa di pihak yang menolong Allah. Allah bersama orang-orang sabar. Dengan keadaan sedemikian, umat Islam menghadapi perang dengan penuh yakin bahawa mereka akan berjaya, sama ada di dunia ataupun di akhirat.

Juga, diperkenankan Allah dengan menganugerahkan kemenangan tanpa memakan sebarang korban, maka pahala peperangan di jalan Allah itu amat besar. Jika korban jiwa berlaku juga, maka orang-orang yang terkorban itu, sebenarnya bukan mati di dalam erti kata mati yang difahami oleh manusia hari ini. Mereka sebenarnya hidup mulia dan berbahagia di sisi Allah. Allah berfirman:

وَلاَ تَحْسَبَنَّ الَّذِيْنَ قُتِلُوْا فِى سَبِيْلِ اللهِ أَمْوٰتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ
يُرْزَقُوْنَ. فَرِحِيْنَ بِمَآ ءَاتٰهُمُ اللهُ مِنْ فَضْلِهِ وَيَسْتَبْشِرُوْنَ بِالَّذِيْنَ لَمْ
يَلْحَقُوْا بِهِمْ مِّنْ خَلْفِهِمْ أَلاَّ خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلاَ هُمْ يَحْزَنُوْنَ.

Terjemahan: Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada

jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka, dengan mendapat rezeki. (Lagi) bersukacita dengan kurniaan Allah (balasan mati syahid) yang telah dilimpahkan kepada mereka, dan mereka bergembira dengan berita baik mengenai (saudara-saudara mereka) orang-orang (Islam yang sedang berjuang), yang masih tinggal di belakang, yang belum (mati dan belum) sampai kepada mereka, (iaitu) bahawa tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

(Ali 'Imran, 3:169-170)

Ketaatan kepada hukum-hukum Allah keseluruhannya tidak kurang pentingnya untuk mencapai kemenangan di dalam peperangan. Dalam ayat di atas Allah memerintahkan supaya mentaati Allah dan Rasul-Nya. Dengan mentaati Allah dan Rasul-Nya terutamanya di saat-saat yang cemas seperti ini adalah menunjukkan bahawa umat Islam telah bergantung kepada Allah sepenuhnya, dan mengharapkan pertolongan Allah di samping usaha mereka untuk memenangi peperangan. Allah telah mengingatkan kaum muslimin sekalian, khususnya orang-orang yang sedang di dalam peperangan supaya sentiasa mematuhi perintah-perintah Allah dengan firman-Nya:

إِنْ تَنْصُرُوا اللهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ.

Terjemahan: Jika sekiranya kamu menolong Allah (dengan mentaati perintah-Nya), maka Allah akan menolongmu dan mempertegakkan kedudukan kamu.

(Muhammad, 47:7)

Mematuhi disiplin ketenteraan dan memahami selok-belok peperangan adalah di antara ciri-ciri untuk mencapai kemenangan. Al-Qur'an menerangkan bahawa mematuhi ketua adalah salah satu kewajipan utama, yang ditentukan oleh Allah. Undang-undang ini diturunkan di dalam satu ayat bersama perintah mentaati Allah dan Rasul-Nya. Allah berfirman:

أَطِيْعُوْا اللهَ وَأَطِيْعُوْا الرَّسُوْلَ وَأُولِى الأَمْرِمِنْكُمْ.

Terjemahan: Taatilah Allah, dan taatilah Rasul dan ketua-ketua dari kalangan kamu.

Dalam membahaskan maksud *"Uli al-Amri"* di dalam ayat ini, ulama-ulama tafsir mengatakan bahawa di dalam peperangan, ketua-ketua tentera Islam adalah *"Uli al-Amri"* yang diwajibkan orang yang di bawah mematuhi perintahnya. Mematuhi perintah ketua di samping ianya telah menjadi disiplin tentera, ia juga sebenarnya adalah suruhan Allah. Apabila ianya telah menjadi suruhan Allah, maka mentaati suruhan itu bererti mentaati suruhan Allah, yang dengan sendirinya akan diberi ganjaran pahala orang-orang yang mematuhinya dengan penuh ikhlas dan jujur kerana Allah.

Sabar menanggung segala kesusahan dan pahit maung ketika dalam peperangan adalah salah satu dari perintah Allah. Orang yang bersabar adalah orang yang mematuhi perintah Allah. Oleh itulah maka Allah menyebut di akhir ayat yang menyuruh orang-orang Islam menetapkan hati dan ingati Allah selalu apabila berhadapan dengan musuh, seperti yang tersebut di dalam surat Al-Anfal ayat 45 dan 46 tadi, dengan mengakhiri ayat itu dengan perkataan:

وَاصْبِرْ اِنَّ اللهَ مَعَ الصَّابِرِيْنَ.

Terjemahan: Dan bersabarlah, bahawa sesungguhnya Allah bersama-sama dengan orang-orang yang sabar.

يَٰٓأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا اصْبِرُوْا وَصَابِرُوْا وَرَابِطُوْا وَاتَّقُوْا اللهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan), serta

bertaqwalah kamu kepada Allah, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).

(Ali 'Imran, 3:200)

Dalam ayat ini, di samping Allah memerintahkan supaya setiap orang Islam bersifat sabar, hendaklah juga sabar itu dijadikan peringatan dengan ingat mengingatkan antara satu sama lain. Dengan sifat sabar di samping barisan pertahanan yang kukuh, ditambah dengan bertaqwa kepada Allah maka kemenangan Insya-Allah akan diperolehi.

Jika kita teliti dengan lebih mendalam dan lebih halus ayat-ayat Allah yang menyentuh soal-soal peperangan seperti yang pada awal tadi, juga ayat-ayat lainnya yang banyak terdapat di dalam al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w., maka kita akan dapati bahawa dalam keseluruhan ayat itu, Allah sentiasa menyentuh sama ada perkataan yang bererti: "Taatilah Allah dan Rasul-Nya" atau "bertaqwalah kepada Allah" atau takutilah akan Allah dan sebagainya. Ini semua memberi suatu pengertian bahawa kemenangan dan kejayaan di dalam peperangan mempunyai kaitan yang rapat dengan kepatuhan kepada hukum-hukum Allah. Sebab itu Allah sentiasa mengingatkan manusia dalam keseluruhan ayat-ayatnya yang berhubung dengan soal-soal peperangan, supaya bertaqwa kepadanya.

Orang-orang yang berada di dalam peperangan adalah orang-orang yang pada adatnya sedang berhadapan dengan maut, walaupun maut itu sebenarnya pada bila-bila masa sahaja dan di mana-mana sahaja akan menemui manusia. Untuk itu maka amat wajarlah orang-orang yang sedang berperang itu meningkatkan ketaatannya kepada Allah, dengan mematuhi perintah-perintahnya pada setiap saat dan ketika, sekiranya jika ditakdirkan berlaku apa sahaja ketika itu, maka ianya berada di dalam keadaan siap sedia. Oleh yang demikian Rasulullah s.a.w. sentiasa mengingatkan para sahabatnya dan kaum muslimin sekalian supaya mematuhi perintah-perintah Allah. Salah satu daripada perintah-perintah tersebut adalah menunaikan sembahyang.

Solat Khauf

Sembahyang adalah salah satu kewajipan agama yang tidak sekali-kali boleh diringan-ringankan, walau dalam keadaan apa

sekalipun. Di dalam peperangan sembahyang mesti ditunaikan. Untuk itu Rasulullah s.a.w. telah mengajar kaum muslimin sekalian bersembahyang di dalam peperangan dengan cara-cara yang khusus, yang sesuai dengan suasana peperangan itu, seperti yang akan diterangkan.

Sembahyang di dalam peperangan diistilahkan dengan *"solat al-khauf"*. Perkataan *"al-khauf"* itu jika diterjemahkan akan bererti "takut". *"Solat al-Khauf"* dengan sendirinya seolah-olah bererti sembahyang takut, tetapi yang sebenarnya bukan itu maksudnya. Maksud *Solat al-Khauf* yang sebenarnya ialah sembahyang ketika ketiadaan aman; iaitu sembahyang di dalam peperangan yang telah diistilahkan sebagai *Solat al-Khauf.* Perintah untuk menunaikan sembahyang Khauf ini terkandung dalam firman Allah:

وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلٰوةَ فَلْتَقُمْ طَآئِفَةٌ مِّنْهُمْ مَّعَكَ
وَلْيَأْخُذُوٓا أَسْلِحَتَهُمْ فَإِذَا سَجَدُوْا فَلْيَكُوْنُوْا مِنْ وَرَآئِكُمْ وَلْتَأْتِ طَآئِفَةٌ
أُخْرٰى لَمْ يُصَلُّوْا فَلْيُصَلُّوْا مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوْا حِذْرَهُمْ وَأَسْلِحَتَهُمْ وَدَّ
الَّذِيْنَ كَفَرُوْا لَوْ تَغْفُلُوْنَ عَنْ أَسْلِحَتِكُمْ وَأَمْتِعَتِكُمْ فَيَمِيْلُوْنَ عَلَيْكُمْ مَّيْلَةً
وٰحِدَةً وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ كَانَ بِكُمْ أَذًى مِّنْ مَّطَرٍ أَوْ كُنْتُمْ مَّرْضٰى
أَنْ تَضَعُوْٓا أَسْلِحَتَكُمْ وَخُذُوْا حِذْرَكُمْ إِنَّ اللهَ أَعَدَّ لِلْكٰفِرِيْنَ عَذَابًا
مُّهِيْنًا. فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلٰوةَ فَاذْكُرُوا اللهَ قِيٰمًا وَقُعُوْدًا وَعَلٰى جُنُوْبِكُمْ
فَإِذَا اطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيْمُوا الصَّلٰوةَ إِنَّ الصَّلٰوةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِيْنَ كِتٰبًا
مَّوْقُوْتًا.

Terjemahan: Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka berdiri (mengerjakan sembahyang) bersama-sama mu, dan hendaklah mereka menyandang senjata masing-masing, kemudian apabila mereka telah sujud, maka hendaklah mereka berundur ke belakang (untuk menjaga musuh),

dan hendaklah datang pula puak yang lain (yang kedua) yang belum sembahyang (kerana menjaga musuh), maka hendaklah mereka bersembahyang (berjamaah) bersama-sama mu, dan hendaklah mereka mengambil langkah berjaga-jaga serta menyandang senjata masing-masing. Orang-orang kafir (memang) suka kalau kamu cuai lalai akan senjata dan harta benda kamu, supaya dengan jalan itu mereka (dapat) menyerbu kamu (beramai-ramai) dengan serentak, dan tidaklah kamu berdosa meletakkan senjata masing-masing, jika kamu dihalangi sesuatu yang menyusahkan disebabkan hujan atau kamu menderita sakit dan hendaklah kamu mengambil langkah berjaga-jaga, sesungguhnya Allah telah menyediakan bagi orang-orang kafir itu azab seksa yang amat menghinakan. Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring, kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa), sesungguhnya sembahyang itu adalah suatu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.

(Al-Nisa', 4:102-103)

Demikian dua potongan ayat al-Qur'an yang agak panjang dari ayat-ayat biasa bagi menerangkan sembahyang khauf itu disyaratkan Allah kepada umat Islam sekalian.

Ayat tersebut tidak menjelaskan cara-sara Solat al-Khauf, hanya sekadar asas penting, bagaimana Solat al-Khauf hendak ditunaikan. Untuk menjelaskan ayat itu Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang bersama-sama sahabat dengan cara-caranya yang khusus.

Di dalam kitab " مغنى المحتاج " dalam bab *Solat al-Khauf* ada disebut bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersembahyang khauf itu tidak kurang dari enam belas cara, mengikut kedudukan tentera-tenteranya di dalam peperangan itu. Imam Syafi'i telah memilih tiga cara sahaja dari cara-cara sembahyang tersebut untuk

menjadi cara sembahyang khauf menurut mazhabnya. Salah satu caranya ialah seperti berikut:

Sekiranya sembahyang yang hendak ditunaikan itu dua rakaat; iaitu sembahyang *qasar* bagi yang empat rakaat dan musuh berada di sebelah kiblat; maka imam sembahyang hendaklah mengaturkan tenteranya yang akan bersembahyang itu dua baris. Apabila imam sujud untuk rakaat yang pertama maka barisan yang pertama akan mengikut imam hingga selesai rakaat yang pertama. Apabila imam dan makmum di barisan pertama bangun memulakan rakaat yang kedua, maka makmum berisan yang kedua tadi meneruskan sujud dan menyelesaikan rakaat yang pertama hingga dapat bersama-sama imam pada rakaat yang kedua.

Apabila imam sujud untuk rakaat yang kedua, maka barisan yang kedua (barisan di belakang) akan mengikuti imam hingga imam duduk membaca tasyahud. Sebaik-baik sahaja imam dan makmum itu duduk membaca tahiyat, makmum di barisan pertama menyambung sujud hingga dapat bersama-sama imam dalam duduk membaca tahiyat, dan mereka semuanya memberi salam seperti di dalam sembahyang biasa. Selesailah sembahyang tersebut.

Perlu dijelaskan bahawa sembahyang khauf seperti yang tersebut di atas adalah salah satu cara dari berbagai-bagai cara seperti yang disebutkan tadi. Semua cara-cara itu pada keseluruhannya adalah sesuai bagi sembahyang di dalam peperangan-peperangan zaman dahulu yang menggunakan pedang, lembing, tombak, panah dan sebagainya. Adapun buat zaman ini; cara seperti yang disebutkan tadi sebagai contohnya, tidaklah semestinya diikuti sepenuhnya begitu.

Perkara yang penting dan utama dalam persoalan ini ialah sembahyang itu sendiri hendaklah dikerjakan walaupun di dalam peperangan. Contoh-contoh yang berbagai-bagai di dalam sembahyang khauf adalah untuk menunjukkan bahawa pentingnya sembahyang itu ditunaikan, walaupun dalam keadaan-keadaan yang amat terdesak dan serba sulit. Buat kita hari ini sembahyang di dalam peperangan-peperangan yang menggunakan alat-alat moden yang boleh menembak musuh dalam jarak yang berbatu-batu jauhnya, tidaklah menyulitkan kita bersembahyang secara bergilir-gilir, dengan sebahagian mengawal musuh dengan berwaspada dan sebahagian lagi bersembahyang seperti biasa. Jika sembahyang itu

boleh diqasar dan dijama' (dipendekkan yang empat jadi dua dan dihimpunkan dua waktu sembahyang untuk ditunaikan di dalam satu waktu sahaja) maka tunaikanlah mengikut cara seperti itu. Jika dalam sesuatu keadaan peperangan yang sama dengan keadaan peperangan pada zaman Rasulullah s.a.w. maka bolehlah disembahyangkan mengikut cara yang ditunjukkan di atas tadi.

Kisah Heraclius dengan Tenteranya

Sejarah telah mencatatkan bahawa bangsa Arab, sebelum memeluk agama Islam (seperti yang dinyatakan oleh Profesor Ahmad Shalabi dalam kitabnya yang bermaksud *sejarah Islam dan tamadunnya adalah bermula dari bangsa yang berpecah-belah, bermusuh-musuhan sesama sendiri*).

Kerajaan Rom dan Parsi yang terkenal dengan kegagahannya ketika itu tidak begitu berminat untuk menjadikan tanah Arab seluruhnya di bawah jajahan mereka, kerana seolah-olahnya tidak ada apa yang dapat diharapkan dari bangsa tersebut, tidak kekayaan dan tidak pula tenaga manusia. Ini adalah untuk membayangkan betapa mundurnya bangsa Arab itu pada pandangan kerajaan Rom khasnya terhadap mereka.

Apabila Muhammad s.a.w. diutuskan kepada mereka, maka dalam jangka masa yang singkat sahaja bangsa Arab tadi telah bersatu padu dan mendapat kekuatan yang tidak pernah diduga oleh bangsa-bangsa yang gagah pada zaman itu.

Islam berkembang dengan pesatnya. Umat Arab telah menerima nafas baru yang segar untuk membina hidup yang sebenarnya, iaitu hidup yang bererti di dunia dan di akhirat. Islam terus berkembang ke seluruh tanah Arab dan mula menggugat kerajaan Rom dan Parsi. Beberapa peperangan berlaku di antara tentera Islam dengan tentera-tentera Rom, khasnya peperangan di Yarmuk pada zaman pemerintahan Umar bin al-Khattab.

Peperangan di Yarmuk berlaku di antara tentera Rom yang seramai dua ratus ribu orang (200,000) dengan tentera Islam yang seramai dua puluh empat ribu orang (24,000), yang berakhir dengan kemenangan cemerlang bagi tentera Islam.

Tentera Rom yang sempat melarikan diri dari medan peperangan, telah kembali ke Rom untuk membuat laporan kepada

Maharajanya Heraclius. Di sinilah berlakunya kisah yang merupakan dailog di antara Heraclius dengan tenteranya yang lari dari medan pertempuran tersebut.

Heraclius amat murka kepada tenteranya, beliau menyumpah mereka dengan kata-kata liar. Semua tenteranya berdiam diri dan tidak ada jawapan yang dapat disampaikan kepada Heraclius. Tiba-tiba salah seorang dari tentera itu yang agak berumur, jika dibandingkan dengan yang ada, tampil memberi alasan, katanya:

> *"Tuanku!, sebab sebenarnya kita kalah, kerana tentera yang kita hadapi itu ialah tentera yang tidak takut kepada sesiapa selain Tuhan mereka. Mereka amat patuh kepada ajaran agama mereka hingga di dalam peperangan pun mereka bersembahyang beramai-ramai, dan tidak mereka pernah meninggalkannya. Mereka berkasih sayang sesama mereka, tolong-menolong dan amat patuh kepada ketua mereka dan ajaran agama mereka. Sedangkan tentera kita, tidak ada kejahatan yang tidak dilakukan. Dengki-mendengki sesama sendiri. Hasut-menghasut tidak berhenti. Yang kuat menindas yang lemah. Arak, judi dan sebagainya terus diamalkan... sebab itulah tentera kita menerima kekalahan."*

Mendengar kata-kata tersebut Heraclius dengan tiba-tiba berdiam diri dan berkata, *"Kamu telah menyatakan benar yang aku sangka."*

Perlu dijelaskan bahawa Heraclius juga menyertai peperangan tersebut. Ketika berlaku peperangan di Yarmuk itu Heraclius berada di Antioche; iaitu sebuah bandar yang terkenal di Turki ketika itu. Beliau pernah berhadapan dengan tentera Islam dan telah banyak mengetahui selok-belok tentera itu. Sebab itu ia mengakui kebenaran kata-kata tenteranya tadi dengan mudah yang memberikan sebab-sebab mengapa tentera Islam boleh memenangi peperangan itu.

Heraclius juga telah bertanya kepada salah seorang tenteranya yang pernah ditawan oleh tentera-tentera Islam, tetapi dibebaskan. Kata Heraclius kepada tentera tersebut, *"Beritahu aku akan keadaan tentera Islam yang telah kamu saksikan semasa di dalam tawanan dahulu."* Tentera itu menjawab, *"Tuanku, hamba akan memberi-*

tahu tuanku tentang tentera itu seolah-olah tuanku sedang melihat mereka. Mereka adalah pahlawan-pahlawan perkasa di siang hari dan penyembah Tuhan yang taat pada malamnya. Mereka tidak memakan yang dilarang. Setiap mereka bertemu, mereka memberi salam. Kejahatan dihapuskan. Kebaikan ditegakkan."

Kata Heraclius, *"Jika semuanya itu benar, maka mereka akan berjaya menguasai tempat aku berpijak sekarang ini."*

Perkara yang telah dibimbangkan dan dijangkakan oleh Heraclius, bahawa Nabi Muhammad s.a.w. dan pengikut-pengikutnya boleh menguasai negara Rom, telah terbukti benar, Rom dengan serba kegagahannya telah dikalahkan oleh umat Islam.

Rahsia kekuatan umat Islam amatlah jelas, iaitu tersembunyi di sebalik kekuatan pegangan mereka kepada ajaran-ajaran Islam. Selagi ajaran Islam dihormati dan dipatuhi semuanya, maka selama itu umat Islam akan tetap utuh, dan teguh.

Jihad Pada Masa Kini

Pernah dida'ayahkan secara besar-besaran bahawa kefarduan jihad telah berakhir dengan penaklukan kota Makkah dengan alasan yang didasarkan kepada penafsiran setengah ayat-ayat al-Qur'an secara salah. Da'ayah seperti itu sangat merbahaya kepada perkembangan Islam. Pembuangan jihad dari kandungan Islam tidak kira walau di mana tempat dan masanya adalah pembuangan satu dari tiga ciri Islam yang semestinya menjadi syiar dan lambang Islam juga lambang setiap muslim. Ini juga bererti membuang hasil natijahnya yang tabi'i dan pasti: Iaitu natijah yang ditabi'i dan pasti dari iman.

Islam menunjukkan dengan jelas bahawa perang jihad dilancarkan kerana mempertahankan agama dan 'aqidah, melindungi kebebasan beragama. Kebebasan ber'aqidah, dan kebebasan berdakwah, melindungi orang yang ber'aqidah atau yang ingin menganuti 'aqidah yang hak itu dari kezaliman, pencerobohan, dan penindasan yang dilakukan oleh orang kafir mulhid dan materialis yang tidak percayakan hakikat teragung, hakikat Allah dan hakikat wujudnya hari akhirat, ataupun pendokong dan penyokong-penyokongnya sama ada dari golongan ahli kitab, Yahudi dan Kristian yang tidak beragama yang hak dan tidak mengharamkan apa-apa yang diharamkan oleh Allah.

Apakah fitnah ke atas 'aqidah dan agama yang lebih bahaya dari membunuh itu tidak berlaku ke atas kaum dan umat Islam selepas penaklukan kota Makkah? Apakah kewujudan kafir mulhid dan materialis dan kuncu-kuncunya itu sudah pupus yang tidak akan muncul-muncul kembali selepas penaklukan Kota Makkah. Apakah yang dimaksudkan dengan ayat:

وَلاَ يَزَالُوْنَ يُقَٰتِلُوْنَكُمْ حَتَّى يَرُدُّوْكُمْ عَنْ دِيْنِكُمْ إِنِ اسْتَطَٰعُوْا.

Terjemahan: Dan mereka (orang-orang kafir itu) senantiasa memerangi kamu hingga mereka (dapat) memaling kamu dari agama kamu kalau mereka sanggup (melakukan demikian).

(Al-Baqarah, 2:21)

Kafir mulhid dan golongan materialis dan mereka yang terperangkap dan terjerat oleh kesan dan pengaruh aliran dan falsafah kebendaan dalam hidupnya, mereka yang mengutamakan hidup dunia dari kehidupan akhirat, mereka yang mengingkari wujudnya Allah sebagaimana mengingkari wujudnya hari akhirat untuk mereka mendapatkan kepentingan dunia dengan seluas-luas tanpa mengira rasa hati kecilnya, rasa takutkan Allah nilai akhlak, dan undang-undang kemanusiaan yang umum. Sejarah mencatatkan bahawa cabaran kaum kafir mulhid itu terus berjalan terhadap keimanan, terhadap 'aqidah dan agama kaum muslimin di muka bumi ini. Sikap kafir mulhid di Makkah merupakan rantai-antai sambung menyambung dari cabaran-cabaran kaum kafir mulhid pada zaman sebelumnya. Cabaran-cabaran ini akan terus dilakukan selepas penaklukan Makkah dan selepas zaman Rasulullah. Selagi ada keimanan dan kaum mukmin maka selama itulah adanya cabaran dari kaum kafir. Penaklukan Kota Makkah bukanlah merupakan cabaran yang terakhir dari golongan kafir. Sejarah juga mencatatkan bahawa umat Islam tetap mengalami dan menghadapi fitnah dalam 'aqidah dan agamanya dari kaum kafir dan kuncu-kuncunya.

Dari ukuran-ukuran di atas dapat meyakinkan bahawa fardu jihad tetap berjalan hingga hari kiamat, adanya kaum mukmin, dan

adanya cabaran dan fitnah dari kaum kafir.

Orang kafir yang tabiatnya suka menfitnahkan kaum dan umat mukmin dalam agama dan 'aqidah mereka seperti yang ditegaskan oleh Allah dalam ayat di bawah ini masih tetap wujud.

قَاتِلُوا الَّذِيْنَ لاَيُؤْمِنُوْنَ بِاللهِ وَلاَ بِالْيَوْمِ الْأَخِرِ وَلاَ يُحَرِّمُوْنَ مَاحَرَّمَ اللهُ
وَرَسُوْلُهُ وَلاَ يَدِيْنُوْنَ دِيْنَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِيْنَ أُوْتُوا الْكِتٰبَ حَتّٰى يُعْطُوْا
الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صٰغِرُوْنَ.

Terjemahan: Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak (beriman) kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan kitab (kaum Yahudi dan Nasara), sehingga mereka membayar jizyah dengan keadaan taat dan merendah diri.

(Al-Taubah. 9:29)

Orang yang tidak beriman dengan Allah dan hari akhirat adalah mulhid dan materialis. Orang yang tidak mengharamkan perkara yang diharamkan oleh Allah dan Rasul ialah materialis egois; sementara golongan ahli kitab yang tidak berperang dengan agama yang hak adalah golongan yang memisahkan kehidupan dari nilai-nilai agama, yang menjauhkan agama sebagai panduan hidupnya. Jelasnya yang memisahkan antara agama dan kehidupan dunia, yang mewujudkan agama dalam daerahnya tersendiri dan kehidupan dunia dalam daerahnya yang tersendiri.

Walaupun begitu jauh jarak masa antara zaman awal Islam dan zaman sekarang namun golongan kafir mulhid, atau kafir musyrik, dan kafir ahli kitab yang sesat dari agama yang hak semakin banyak dan semakin kuat organisasinya dengan berbagai-bagai gelaran dan nama baru dalam aliran-aliran falsafah moden, atau aliran *Historical Materialist*.

Aliran *historical materialist* adalah menepati dengan golongan kafir mulhid seratus peratus, yang mengingkari kewujudan Allah,

kewujudan hari akhirat, bahkan mencabar wujud-Nya dan kekuasa-an-Nya, mencabar wujud-Nya hari akhirat dengan mengatakan sebagai satu tipu helah, wujudnya madat penghayal, seterusnya mengadakan gantiannya dengan menjanjikan kenikmatan hidup kebendaan di dunia ini. Natijah keingkaran ini ialah keingkaran terhadap (*Sirat al-Din*) kelurusan jalan agama sebagai jalan yang mesti dilalui dalam gerak laku kehidupan sehari-hari; berikutnya mengingkari nilai akhlak yang mutlak sebagai ukuran dalam menentukan hubungan antara sesama manusia. Aliran ini tetap memusuhi Islam dan memeranginya sehingga jika dapat memaksa umat Islam kembali kepada kekufuran yang tidak beragama. Segala ciri-ciri kafir musyrikin Makkah, dan sikap mereka terhadap kaum mukmin, menepati ciri-ciri kemulhidan aliran kebendaan ini demikian juga sikapnya terhadap umat Islam.

Golongan kafir musyrikin pada zaman ini yang tidak mengharamkan apa-apa yang diharamkan oleh Allah begitu juga golongan materialis. Golongan ini merupakan penyokong dan pembela kepada golongan kafir yang pertama. Golongan ini juga adalah golongan yang bersedia untuk memberikan kerjasama untuk memusuhi umat Islam.

Sementara golongan orang kafir dari ahli kitab, secara khusus golongan Nasrani atau Kristian yang mempercayai agama yang hak menepati dengan aliran *Ilmaniyyah (Sekulerisme)* dan golongan kafir dari ahli kitab yang dikenal dengan golongan Yahudi menepati dengan gerakan, pemikiran Yahudi antarabangsa, seperti *Freemanson (al-Masuniyyah), Zionisme* dan lain-lain.

Al-Qur'an menegaskan bahawa golongan kafir, meskipun bertentangan namun mereka saling bekerjasama, sokong-menyokong, bantu-membantu untuk menentang umat Islam.

Historical Materialist dan *Radical Marxisme* merupakan golongan yang menentang Islam dan menggunakan berbagai-bagai cara untuk membasmi agama secara terang-terangan dan secara terbuka terutama di kalangan buruh dan petani dalam masyarakat beragama.

Freemason pula menumpukan gerakannya dalam bidang politik dengan cara yang halus. Sementara sekularisme pula menumpukan usaha penentangan, melalui bidang pelajaran dan pendidikan sehingga dapat membentuk angkatan terpelajar dan intelek yang

membuang nilai-nilai agamanya. Demikian juga melalui bidang media massa yang amat banyak.

Ketiga-tiga aliran ini menuju ke satu arah dan matlamat yang sama; iaitu melemah dan membasmi 'aqidah keimanan kepada Allah dan kepada hari akhirat, serta berusaha untuk mengembalikan umat Islam kepada kekafiran dan kekufuran.

Jika umat Islam dan umat yang beriman kepada Allah dan hari akhirat tidak menyedari kerjasama mereka dalam pakatan jahatnya, sudah pasti akan menerima akibat-akibat yang sungguh membahayakan. Allah telah pun memberikan peringatan:

وَالَّذِيْنَ كَفَرُوْا بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ إِلاَّ تَفْعَلُوْهُ تَكُنْ فِتْنَةٌ فِى الأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيْرٌ.

Terjemahan: Dan orang-orang yang kafir, setengahnya menjadi penyokong dan pembela bagi setengahnya yang lain, jika kamu (wahai umat Islam) tidak menjalankan (dasar bantu membantu sesama kamu yang diperintahkan oleh Allah itu, nescaya akan berlakulah fitnah (kekacauan) di muka bumi dan kerosakan yang besar.

(Al-Anfal, 8:73)

Jihad umat Islam dan umat yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, serta mengharamkan apa-apa yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya pada masa ini ialah menentang gerakan tersebut. Dalam keadaan umat Islam yang masih lemah sekarang, langkah pertama dalam jihadnya ialah berusaha menyedarkan akal dan hati, dengan lisan dan kalam, sehingga umat Islam dari semua lapisan tidak terperangkap dalam ikatan persahabatan, atau persetiaan dengan *Radical Marxisme,* atau *feudalisme* dalam politik, dan tidak juga terperangkap dalam gerakan *Freemason* dan sebagainya.

Langkah seterusnya ialah jihad wang atau harta untuk membina ekonomi umat Islam (bukan kekayaan individu) dengan penuh kawalan dan jaminan undang-undang, bagi membiayai angkatan bersenjata dan angkatan tentera yang selaras dengan konsep Islam.

XIX

PERTOLONGAN ALLAH

Allah Pembela Mukmin

Ditegaskan oleh Allah dalam al-Qur'an al-Karim bahawa Allah adalah pembela orang yang beriman:

اللّٰهُ وَلِيُّ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا يُخْرِجُهُمْ مِّنَ الظُّلُمٰتِ إِلَى النُّوْرِ وَالَّذِيْنَ كَفَرُوْآ
أَوْلِيَآؤُهُمُ الطَّٰغُوْتُ يُخْرِجُوْنَهُمْ مِّنَ النُّوْرِ إِلَى الظُّلُمٰتِ أُوْلَٰٓئِكَ أَصْحٰبُ
النَّارِ هُمْ فِيْهَا خٰلِدُوْنَ.

Terjemahan: Allah pelindung (yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman), dan orang-orang kafir, penolong-penolong mereka adalah Taghut, yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur), mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

(Al-Baqarah, 2:257)

Allah Mempertahankan Mukmin

Allah juga mengisytiharkan dalam al-Qur'an bahawa Allah akan mempertahan orang mukmin.

إِنَّ اللهَ يُدَافِعُ عَنِ الَّذِينَ ءَامَنُوٓا إِنَّ اللهَ لاَ يُحِبُّ كُلَّ خَوَّانٍ كَفُورٍ.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah membela akan orang-orang yang beriman sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang khianat, lagi tidak bersyukur.

(Al-Haj, 22:38)

Allah Memberi Pertolongan dan Kemenangan

Allah pasti akan menolong orang yang beriman.

وَكَانَ حَقًّا عَلَيْنَا نَصْرُ الْمُؤْمِنِينَ.

Terjemahan: Dan adalah menjadi kewajipan ke atas Kami menolong orang mukmin.

(Al-Rum, 30:48)

Sesiapa yang menerima pertolongan Allah, maka tidak ada sesiapapun dan tidak ada suatupun kekuasaan atau kekuatan yang dapat mengalahkannya.

إِنْ يَنْصُرْكُمُ اللهُ فَلاَ غَالِبَ لَكُمْ وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ فَمَنْ ذَاالَّذِى يَنْصُرُكُمْ مِّنْ بَعْدِهِ وَعَلَى اللهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ.

Terjemahan: Jika Allah menolong kamu (mencapai kemenangan) maka tidak ada (sesiapapun) yang akan dapat mengalahkan kamu, dan jika ia mengecewakan kamu, maka siapakah yang akan dapat menolong kamu sesudah Allah (menetapkan yang demikian)? dan (ingatlah) kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman itu bertawakkal (berserah diri).

(Ali 'Imran, 3:160)

Oleh sebab setiap bantuan dan pertolongan dari Allah itu memastikan kemenangan yang tidak ada sesiapa pun dapat mengalah-

kan maka pertolongan (*al-Nasr)* itu juga bererti kemenangan.

وَمَا النَّصْرُ إِلاَّ مِنْ عِنْدِ اللهِ إِنَّ اللهَ عَزِيْزٌ حَكِيْمٌ.

Terjemahan: Dan (ingatlah bahawa) pertolongan yang membawa kemenangan itu hanya dari Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Ali 'Imran, 3:126)

وَمَا النَّصْرُ إِلاَّ مِنْ عِنْدِ اللهِ الْعَزِيْزِ الْحَكِيْمِ.

Terjemahan: Dan (ingatlah bahawa) pertolongan yang membawa kemenangan itu hanya dari Allah, dan sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(Al-Anfal, 8:10)

Pertolongan Allah adalah syarat mutlak kepada kemenangan yang hakiki menurut Allah dalam al-Qur'an.

نَصْرٌ مِّنَ اللهِ وَفَتْحٌ قَرِيْبٌ.

Terjemahan: Pertolongan dari Allah dan kemenangan yang hampir (waktunya).

(Al-Saff, 61:13)

إِذَا جَآءَ نَصْرُ اللهِ وَالْفَتْحُ.

Terjemahan: Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan... semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Makkah.

(Al-Nasr, 110:1)

Kaum mukmin dan umat mukmin tidak seharusnya, bahkan tidak sepatutnya gentar dan takut, bimbang dan khuatir setelah Allah

menegaskan dan mengisytiharkan secara terbuka dan terus-terang jaminan dan janji Allah kepada kaum mukmin dan umat Islam dengan pembelaan, pertahanan, pertolongan, bantuan dan akhirnya kemenangan dari Allah. Inilah yang sewajibnya menjadi idaman dan cita-citanya, dan inilah yang sewajibnya menjadi sumber tenaga dalam perjuangan jihad mereka.

Jaminan dan Syarat-syaratnya

Jaminan dan janji Allah tersebut (Maha Suci Allah dari mengingkari janji dan Maha Suci Allah dari mengabaikan jaminannya) janganlah sampai mengkhayalkan dan mempersona kaum mukmin kerana jaminan itu ada syarat dan jalannya yang pasti. Jaminan dan janji Allah itu hanya dapat dicapai melalui syarat dan jalan yang ditentukan oleh Allah. Syarat dan jalan-jalan itu adalah usaha umat mukmin sendiri, kerana sudah menjadi sunnah Allah atau Kalimah Allah yang telah termaktub dan tidak boleh diubah bahawa tuntutan dan pertolongan, kemenangan dan kejayaan dari Allah itu melalui sebab-musabab dari umat mukmin sendiri, sehingga dalam suatu pertolongan yang begitu luar biasa pun tidak terlepas dari sunnah ini. Memang Allah berkuasa memberikan makan kepada Sayyidatina Mariam ketika beliau keseorangan untuk melahirkan Nabi Isa, namun Allah mewahyukan agar beliau menggoncangkan pokok kurma yang kemudian telah menggugurkan buah kurma untuk mendapatkan makanan.

Syarat dan jalan yang ditentukan oleh Allah itu — kerana Allah telah menjanjikan pertolongan dan bantuan dari Allah itu maka Dialah yang berhak menentukan syarat dan jalannya. Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْٓا إِنْ تَنْصُرُوا اللهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ.

Terjemahan: Wahai orang yang beriman! Jika kamu membela (agama) Allah nescaya Allah akan membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.

(Muhammad, 47:7)

Bahkankah Allah menegaskan lagi dengan sumpahnya:

وَلَيَنْصُرَنَّ اللهُ مَنْ يَنْصُرُهُ إِنَّ اللهَ لَقَوِىٌّ عَزِيْزٌ.

Terjemahan: Dan demi akan Allah menolong sesiapa yang menolong-Nya (menegak dan mempertahankan agamanya). Demi sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.

(Al-Haj, 22:40)

Menolong Allah bererti menolong agama-Nya, kerana Allah sudah sempurna dan Maha Kuat lagi Gagah Perkasa, tidak perlu ditolong atau meminta pertolongan. Memang sudah menjadi *Masyi'atullah* dan menjadi Iradah-Nya bahawa tugas untuk menyampaikan agama Allah, menegakkan agama Allah, menyebarkan agama Allah yang menjadi hidayat dan rahmat Allah di alam semestaraya ini, telah diserahkan kepada manusia sendiri yang menjadi khalifah Allah di muka bumi ini.

Jadi untuk mendapat bantuan dan pertolongan Allah seperti yang dijanjikan dan diisytiharkan oleh Allah kepada seluruh alam semesta pastilah melalui jalan dan syarat yang telah ditentukan oleh Allah sendiri, iaitu menjadi pembela dan pendokong agama Allah. Hakikat ini lebih jelas dan lebih tegas dapat difahami dari firman Allah:

يَآأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْآ كُوْنُوْآ أَنْصَارَ اللهِ كَمَا قَالَ عِيْسَى ابْنُ مَرْيَمَ
لِلْحَوَارِيِّيْنَ مَنْ أَنْصَارِىٓ إِلَى اللهِ قَالَ الْحَوَارِيُّوْنَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللهِ.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jadikanlah diri kamu pembela-pembela (agama) Allah sebagaimana (keadaan penyokong-penyokong) Nabi Isa Ibn Maryam (ketika ia) berkata kepada penyokong-penyokongnya itu: "Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agamanya)?" Penyokong-penyokong Nabi Isa menjawab, "Kamilah pembela-pembela (agama) Allah."

(Al-Saff, 61:14)

Nasr al-Haq atau Ansar al-Haq

Al-Haq ialah salah satu dari nama Allah yang Maha Indah. *Nasr al-Haq* bererti *Nasrullah* atau pertolongan Allah ataupun bantuan Allah. Hak atau hakikat itu hanya hak Allah dan hanya dari Allah.

Terjemahan: Kebenaran (yang datangnya kepadamu dan disembunyikan oleh kaum Yahudi dan Nasara) itu (wahai Muhammad), adalah datangnya dari Tuhanmu, oleh itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu-ragu.

(Al-Baqarah, 2:147)

Sebenarnya *Nasr al-Haq* atau pertolongan Allah itu adalah urusan Allah, kerana itu adalah hak Allah. Maka bukanlah hak kita untuk menunjuk-nunjuk, atau mengeksposisikan, ataupun mendemonstrasikan sesuatu yang dikatakannya bantuan atau pertolongan Allah yang diredai oleh Allah. Kita tidak boleh melakukan demikian kerana ia urusan dan hak Allah. Apatah lagi kalau sesuatu yang dikatakan bantuan atau pertolongan Allah itu boleh dipindah-pindahkan seolah-olah menjadi hak seseorang dengan dikenakan syarat-syarat tertentu.

Sekiranya umat Islam dengan berbagai-bagai bidang di negara kita ini benar-benar telah melaksanakan tuntutan ayat (*kunu ansarullah*) maka tidak perlulah mereka merasa takut dan bimbang, tidak perlu merasa gentar dan gerun sehingga hilang panduan dalam menghadapi musuhnya dari luar atau dari dalam, kerana sudah dijamin dan dijanjikan oleh Allah sendiri bahawa umat Islam yang telah menolong agama-Nya pasti akan dibela, dipertahankan, dan diberi pertolongan, seterusnya diberikan kemenangan. Setiap yang meragukan hakikat ini sudah jelas membuktikan bahawa 'aqidah dan imannya telah tercemar dan ternoda.

Konsep Ansar Al-Haq

Untuk menjadikan diri umat Islam itu seperti yang dituntut oleh al-Qur'an: Iaitu — sebagai *Ansar al-Haq* bukanlah semudah yang

diduga. Kalimah ini adalah kalimah yang agung mengandungi pengertian yang agung, dan memerlukan tuntutan-tuntutan yang agung, perjuangan dan pengorbanan (*al-Jihad dan al-Tadhiyyah*). Semuanya ini bukan sahaja pada individu tetapi juga mestilah mencapai taraf kemasyarakatan, kebangsaan, dan negara.

Untuk mencapai taraf ini umat Islam mestilah melaksanakan ciri-ciri terpenting dan berusaha untuk meningkatkan pencapaian atau penghasilannya.

Pertama: Keimanan. Iman yang dimaksudkan bukanlah iman yang ditunjukkan dengan pengakuan lidah, tetapi iman terukir dalam hati, iman yang mengisi segala ruang dirinya. Tegasnya iman yang teruji:

أَحَسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوْٓا أَنْ يَقُوْلُوْٓا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُوْنَ. وَلَقَدْ فَتَنَّا
الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللّٰهُ الَّذِيْنَ صَدَقُوْا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِيْنَ.

Terjemahan: Patutkah manusia menyangka bahawa mereka dan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman" sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuinya tentang orang-orang yang berdusta.

(Al-'Ankabut, 29:2-3)

Iman yang teruji adalah iman yang kukuh dan teguh, iman yang bersih dan jernih, iman yang Siddiq (benar) dan jujur, iman yang tinggi dan terbukti. Hubungan antara iman dan ujian merupakan hubungan yang pasti dan tabi'i. Tiada ujian pada hakikatnya teruji dengan harta dan kekayaan, teruji dengan kelazatan dan keseronokan kebendaan, teruji dengan kesenangan dan kemewahan dunia, teruji dengan nafsu dan keindahan yang palsu.

Jelas dan ringkasnya, umat Islam hendaklah mempunyai ketahanan iman menerusi ujian dalam hidupnya, menepati dengan konsep *"ujian"* atau *Ibtila'* sebagai falsafah hidup menurut al-Qur'an.

Menepati dengan hakikat ini maka Islam memandang ciri-ciri kesabaran begitu penting sekali sebagai senjata yang waja untuk menghadapi segala bentuk ujian tersebut. Begitu jelas kepentingan senjata sabar ini sehingga dalam kedudukan iman, sabar ialah perlembagaan hidup insan seperti yang dikehendaki oleh Islam, maka sabar adalah salah satu cirinya yang terakhir iaitu saling wasiat-mewasiati tentang sabar. Bahkan secara jelas dan tegas Allah menyuruh agar menggunakan sabar itu sebagai satu-satunya tenaga kekuatan rohani yang dapat memberi pertolongan.

وَاسْتَعِيْنُوْا بِالصَّبْرِ وَالصَّلاَةِ.

Terjemahan: (Dan pintalah pertolongan dengan sabar... dan sembahyang.

Akan tetapi sabar bukanlah suatu yang hanya diucapkan dengan kata-kata oleh bibir, atau angan-angan, tetapi sabar yang dipraktik dalam ujian hidup. Sabar dalam meninggalkan tegahan dan larangan, sabar dalam menunaikan ketaatan perintah dan suruhan; sabar dalam menghadapi ujian hidup dalam berbagai-bagai bentuk dan jenisnya yang boleh disimpulkan dalam tiga keadaan sabar dalam kesenangan dan kenikmatan, sabar dalam kesusahan dan penderitaan, dan sabar dalam masa darurat atau peperangan.

Iman yang teruji dengan segala ujian yang dipertahan dengan senjata sabar akan sentiasa menghasilkan keyakinan, dan berikutnya menghasilkan *al-Thikah* penuh percaya kepada Allah, seterusnya penuh tawakkal kepada Allah Yang Maha Mengetahui, Maha Kuat dan Perkasa, Maha Hikmat, lagi Maha Rahmat.

Lambang atau bukti atau penuh keyakinan, penuh kepercayaan, dan penuh tawakkal ialah sembahyang. Oleh sebab itu dalam ayat di atas kalimah sabar diikuti dengan kalimah *al-salah* (sembahyang). (وَاسْتَعِيْنُوْا بِالصَّبْرِ وَالصَّلاَةِ) kerana kesabaran, walaupun sebagai senjata waja untuk menghadapi ujian ia akan segera menjadi lebur kalau tidak mempunyai asas sandarannya yang kukuh; iaitu keyakinannya pada Allah, penuh kepercayaan dan tawakkalnya kepada Allah. Sembahyang adalah terjemahan yang tepat dan secara langsung kepada hakikat tersebut. Oleh sebab itu sembahyang adalah

suatu yang tidak sekali-kali boleh diabaikan, walau dalam keadaan apa sekalipun, walaupun dalam keadaan sedang bertempur hebat dengan musuh.

Melalui keimanan yang teruji, dan terbukti dengan ujian yang dipertahankan atau dikotakan dengan kesabaran, dan diasaskan kepada keyakinan, kepercayaan, dan tawakkal kepada Allah akan menghasilkan ketulenan tauhid, keikhlasan ibadat, dan kebersihan jiwa. Ketiga-tiga ciri ini adalah asas untuk menghasilkan sifat taqwa.

Kedua: Hijrah kerana Allah. Hijrah merupakan syiar keimanan, sama ada hijrah dari suatu tempat kekufuran, kemusyrikan, dan kejahilan kepada tempat yang dinaungi 'aqidah keimanan, hakikat kebenaran; atau hijrah dari kemaksiatan, kemungkaran, dan kefasikan kepada ketaatan, kema'rufan dan kesalihan; seterusnya hijrah dari ketaatan kepada ketaatan dan ketaqwaan; selanjutnya hijrah dari ketaatan dan ketaqwaan kepada "mendekatkan diri" kepada Allah (*al-Qurubat*). Demikian juga hijrah dari dunia kepada akhirat, hijrah dari cintakan dunia kepada cintakan Allah.

Ketiga: Jihad Fi Sabilillah. *Jihad Fi Sabilillah* mempunyai pengertian yang luas meliputi segala bidang usaha dan amal, perjuangan dan pengorbanan, sama ada dengan lisan atau kalam, sama ada dengan ilmu atau pengetahuan sama ada dengan wang atau harta kekayaan, sama ada dengan mata pedang atau nyawa dan badan. *Jihad Fi Sabilillah* ialah jihad untuk membela Allah dan membantu Allah; iaitu membela dan membantu agama Allah; agama Allah dengan erti dan konsepnya yang didatangkan oleh Allah kepada Muhammad melalui wahyu-Nya, al-Qur'an bukannya Islam seperti yang difahami oleh manusia-manusia yang jahil kepada hakikat Islam.

Jiwa jihad ini tidak mungkin akan hidup pada setiap muslim dan juga pada umat Islam tanpa mempunyai rasa cintakan Allah dan cintakan Rasul, lebih dari segala-galanya; dari ibu bapanya, dari anak dan isterinya, dari saudara-maranya yang indah. Jelasnya tanpa rasa cintakan Islam, seseorang tidak mungkin sama sekali akan sanggup berjihad pada jalan Allah. Cinta yang hakiki pada Islam tidak mungkin dirasakan tanpa mengenal hakikat Islam.

Bermula dari mengenal Islam yang sebenar dan hakiki akan melahirkan cinta kepada Islam, berikutnya akan melahirkan jiwa

jihad untuk Islam, untuk membela, membantu dan menolongnya. Tenaga kekuatan berjihad untuk Islam hanya didapati dari rasa cintanya kepada Allah dan Rasul-Nya.

Ketiga-tiga ciri iaitu iman, hijrah dan jihad, adalah ukuran untuk mencapai ke taraf Islam. Ansarullah dan itulah juga lambang setiap muslim dan umat Islam.

Konsep Kemenangan

Terdapat tiga istilah yang digunakan oleh al-Qur'an tentang kemenangan iaitu *al-Falah, al-Fawz* dan *al-Nasr*.

Antara ketiga-tiga kalimah itu, kalimah *al-Falah* telah dijadikan lambang dan saranan yang sentiasa dikumandangkan di udara melalui menara rumah suci pada setiap waktu tidak kurang dari 15 kali dalam sehari semalam demi untuk memberikan peringatan dan kesedaran.

Saranan tersebut memberikan pengertian yang amat besar dan cepat dengan hakikat hidup insan, secara khusus manusia muslim dan mukmin. Seluruh hidup dan seisi hidupnya adalah diarahkan untuk mencapai kemenangan. Kemenangan itulah yang semestinya menjadi matlamat hidup setiap muslim.

Oleh itu, kemenangan (*al-Falah*) melambangkan kemenangan yang umum dan menyeluruh. Al-Qur'an menjelaskan secara terperinci tentang ciri-ciri yang membawa kemenangan:

1. Orang-orang yang membersihkan jiwanya.

   (Lihat al-A'ala, 87:14 — al-Syam, 91:9)

2. Orang-orang yang mendapatkan petunjuk Allah.

   (Lihat al-Baqarah, 2:5)

3. Orang-orang yang menyeru kepada yang baik dan menegah dari perkara yang jahat.

   (Lihat Ali 'Imran, 3:104)

4. Orang yang beriman dengan Rasulullah, yang memuliakannya, yang menolong dan membelanya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan-Nya.

   (Lihat Al-A'raf, 7:157)

5. Orang-orang yang berjihad dengan harta benda dan dirinya.
(Lihat al-Taubah, 9:88)

6. Orang beriman yang taat dan patuh.
(Lihat al-Nur, 24:51)

7. Membelanjakan sebahagian dari rezekinya kepada kaum keluarga (yang mempunyai hak), orang yang miskin dan orang-orang musafir yang perlukan bantuan.
(Lihat al-Rum, 30:38)

8. Orang yang dipelihara dari kebakhilan.
Orang yang mukmin yang khusyuk sembahyangnya.
Yang menjauhkan diri dari perkara-perkara yang sia-sia.
Yang menunaikan zakat.
Yang memelihara kemaluannya, melainkan pada isteri dan hamba miliknya.
Yang memelihara amanat dan janjinya.
Yang menjaga ibadah sembahyangnya.
(Lihat al-Mukminun, 23:1-11)

9. Orang yang taqwa.
(Lihat al-Maidah, 5:100)

10. Orang yang taubat.
(Lihat al-Nur, 24:31)

11. Orang yang mengingati Allah.
(Lihat al-A'raf, 7:69)

12. Orang yang sujud dan rukuk yang mengabdi kepada Tuhan, dan membuat kebaikan.
(Lihat al-Haj, 22:77)

13. Orang yang berat timbangan amalnya.
(Lihat al-Mukminun, 23:102)

Manakala ciri-ciri yang tidak akan mencapai kemenangan ialah:

1. Orang yang kafir.
(Lihat al-Mukminun, 23:112)

2. Orang yang zalim.
   Orang yang mujrim.

   (Lihat al-An'am, 6:21-35)

3. Orang tukang sihir atau orang yang melakukan sihir.

   (Lihat Yunus, 10:17)

4. Orang yang dusta terhadap Tuhan.

   (Lihat Taha, 20:69)

Kemenangan dengan istilah *al-Fawz* pula digunakan secara lebih khusus oleh al-Qur'an untuk kemenangan atau kejayaan di akhirat.

1. Orang yang terhindar dari api neraka.

   (Lihat al-An'am, 6:16, Ali 'Imran, 3:16)

2. Orang yang dimasukkan ke syurga yang kekal abadi.

   (Lihat Ali 'Imran, 3:185, al-Taubah, 9:89, 100, al-Nisa', 4:13)

3. Para awliya' Allah yang tidak merasa bimbang dan kecewa yang beriman dan bertaqwa.

   (Lihat Yunus, 10:62)

4. Mendapat keredaan Allah.

   (Lihat al-Maidah, 5:111, al-Taubah, 9:72)

5. Mendapat rahmat Allah.

   (Lihat Ghafir, 40:9, Al-Jasiyah, 45:30)

6. Orang yang mentaati Allah dan Rasul-Nya.

   (Lihat al-Ahzab, 33:71)

7. Orang yang beriman, berhijrah, dan berjihad pada jalan Allah dengan harta dan dirinya.

   (Lihat al-Taubah, 9:20)

8. Orang yang mentaati Allah dan Rasul, takutkan Allah (*Khasyyah*) dan bertaqwa.

   (Lihat al-Nur, 24:52)

Manakala kemenangan dengan istilah *al-Nasr* pula al-Qur'an telah mempergunakan untuk kemenangan yang lebih khusus, iaitu kemenangan dalam peperangan jihad kerana membela agama Allah

ke atas musuh Rasul dari bantuan dan pertolongan Allah,seperti yang telah dijelaskan dalam konsep pertolongan Allah. Untuk mendapat kemenangan (*al-Nasr*) ini umat Islam mestilah menjadi *Ansarullah* iaitu menjadi penolong, pendokong dan pembela Allah; iaitu pembela kekuatan; kekuatan jasmani dan kekuatan rohani. Kesalahan umat Islam dalam mencapai kedua-dua kekuatan itu mereka tidak akan mendapat pertolongan dari Allah yang memastikan kemenangan umat Islam ke atas musuhnya. Tentang kekuatan jasmani atau kebendaan, Allah menegaskan:

وَأَعِدُّوا لَهُم مَّا اسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللهِ
وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا
مِن شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ.

Terjemahan: Dan sediakanlah untuk (menentang) mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari (pasukan-pasukan) berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan (persediaan) itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya, dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya.

(Al-Anfal, 8:60)

Jelas sekali ayat ini menegaskan:

1. Umat Islam berkewajipan untuk membuat persediaan dan kelengkapan bagi menghadapi musuh.
2. Persediaan dan kelengkapan yang dimaksudkan ialah angkatan tentera dan angkatan bersenjata yang dapat menggerunkan pihak musuh, sama ada musuh yang jelas dan terang ataupun musuh yang tersembunyi.
3. Persediaan dan kelengkapan itu pula hendaklah dilaksanakan dengan segala kemampuan atau dengan sehabis tenaga

yang terdaya, jangan sekali-kali melakukan taksir, jika sehabis kemampuan umat.

4. Persediaan dan kelengkapan dalam ayat ini ialah pertama terdiri dari kekuatan senjata dan kedua ialah terdiri dari alat kenderaan yang sangat diperlukan untuk menyerang musuh.

5. Dalam Hadith dijelaskan tentang kekuatan senjata yang sangat diperlukan iaitu senjata anak panah atau kemahiran memanah, ataupun yang setanding dengannya pada setiap peringkat perkembangan masa, seperti menembak dengan senapang, atau meriam, atau roket, atau peluru berpandu dan seumpamanya.

6. Dijelaskan juga tentang alat kelengkapan yang berupa kenderaan yang sangat diperlukan; iaitu kuda. Rasulullah sangat mengambil berat dan memberikan galakan, atau yang seumpamanya mengikut peringkat perkembangan masa seperti kereta perisai, kereta kebal di daratan, kapal laut di lautan dan kapal terbang di udara.

7. Semua benda yang berupa harta untuk memperlengkapkan kekuatan bersenjata dan angkatan bersenjata akan disempurnakan oleh Allah balasannya sehingga 700 kali ganda. Dan mereka sekali-kali tidak akan dianiaya.

Kelengkapan angkatan bersenjata sama ada yang berupa kekuatan senjatanya ataupun alat kenderaannya masih belum sempurna dan masih belum menjamin bantuan dan kemenangan yang dijanjikan oleh Allah. Selain itu yang lebih penting ialah kelengkapan angkatan tentera yang dipertanggungjawabkan untuk mempergunakan alat senjata dan alat kenderaan dalam angkatan bersenjata tersebut.

Kelengkapan dan persiapan tentera atau askar mengambil tempat yang utama dalam menyediakan angkatan perang. Merekalah yang lebih dahulu diperlengkapkan dengan kekuatan-kekuatan semangat, kekuatan jiwa dan kekuatan rohani. Untuk melaksanakan dan mencapai matlamat ini:

1. Mereka hendaklah diyakinkan sebagai sifat tentera muslim dan mukmin bahawa mereka telah mengikat sumpah setia

dengan Allah untuk menjualkan diri dan nyawa mereka kepada Allah. Dan jualan mereka itu sedia diterima dan dibeli oleh Allah dengan nilai yang tidak ada bandingan sedikitpun di dunia ini.

إِنَّ اللهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ يُقَٰتِلُونَ
فِي سَبِيلِ اللهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَٰةِ وَالْإِنْجِيلِ
وَالْقُرْءَانِ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللهِ فَاسْتَبْشِرُوا بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ
بِهِ وَذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan), bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka (ada yang membunuh dan terbunuh (balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (kitab-kitab) Taurat, dan Injil serta al-Qur'an dan siapakah (lagi) yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual beli (yang sepertimu) ialah kemenangan yang besar.

(Al-Taubah, 9-111)

2. Mereka hendaklah memberikan *'Bai'ah'* atau janji dan sumpah setia kepada pemimpin yang ikhlas dan jujur berjuang kerana Allah untuk mempertahankan agama Allah, mempertahankan negara tempat agama Allah telah hidup dan bertapak seterusnya, dan mempertahankan bangsa yang menjadi pegangan agama Allah dan falsafah hidupnya.

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللهَ يَدُ اللهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ.

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad,

untuk berjuang menentang musuh), mereka hanya sanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah: Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk dibalasnya).

(Al-Fath, 48:10)

3. Mereka hendaklah dilatih, dipandu dan dipercontohkan supaya mereka tetap setia dengan janji dan sumpah setia mereka kepada Allah melalui bidang jihad pada jalan Allah dan kerana Allah.

مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ رِجَالٌ صَدَقُوْا مَاعَاهَدُوْا اللهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَّنْ قَضَى نَحْبَهُ
وَمِنْهُمْ مَّنْ يَنْتَظِرُ وَمَابَدَّلُوْا تَبْدِيْلاً.

Terjemahan: Di antara orang-orang yang beriman itu ada orang-orang yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam), maka di antara mereka ada yang telah sesuai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikit pun.

(Al-Ahzab, 33:23)

4. Mereka hendaklah diperkenalkan dan disedarkan dengan konsep "Jihad" yang sebenar dalam jiwa mereka, disemai dan ditanam dengan roh jihad. Diyakinkan bahawa balasan para mujahid amatlah besar tidak ada tolok bandingnya di dunia ini. Mereka yang gugur di medan jihad akan mendapat kurniaan yang tidak dapat digambarkan oleh bahasa dan tidak terkhayal oleh kelogikan akal.

وَلاَ تَحْسَبَنَّ الَّذِيْنَ قُتِلُوْا فِى سَبِيْلِ اللهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَآءٌ عِنْدَرَبِّهِمْ
يُرْزَقُوْنَ. فَرِحِيْنَ بِمَآ ءَاتَهُمُ اللهُ مِنْ فَضْلِهِ وَيَسْتَبْشِرُوْنَ بِالَّذِيْنَ لَمْ
يَلْحَقُوْا بِهِمْ مِّنْ خَلْفِهِمْ أَلاَّ خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلاَ هُمْ يَحْزَنُوْنَ.

Terjemahan: Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka, dengan mendapat rezeki. (Lagi) bersukacita dengan kurniaan Allah (balasan mati syahid) yang telah dilimpahkan kepada mereka, dan mereka bergembira dengan berita baik mengenai (saudara-saudara mereka) orang-orang (Islam yang sedang berjuang), yang masih tinggal di belakang yang belum (mati dan belum) sampai kepada mereka, (iaitu) bahawa tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

(Ali 'Imran, 3:169)

5. Diyakinkan bahawa perjuangan jihad mereka yang benar dan ikhlas akan disaksikan oleh Malaikat dan akan disertainya.

6. Diyakinkan bahawa perjuangan jihad kerana Allah adalah mendapat sokongan semoga kekuatan dari Allah mendapat pertahanan, pembelaan dan pertolongan Allah.

وَكَانَ حَقًّا عَلَيْنَا نَصْرُ الْمُؤْمِنِيْنَ.

Terjemahan: Dan sememangnya adalah menjadi tanggungjawab Kami menolong orang-orang yang beriman.

(Al-Rum, 30:47)

7. Kemantapan atau ketetapan hati di samping menghubungkan diri kepada Allah dengan banyak mengingati-Nya ketika berhadapan dan bertarung dengan pihak musuh.

يٰٓأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْٓا إِذَا لَقِيْتُمْ فِئَةً فَاثْبُتُوْا وَاذْكُرُوا اللهَ كَثِيْرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan suatu pasukan (musuh) maka hen-

daklah kamu tetap teguh (menghadapinya), dan sebutlah serta ingatilah Allah (dengan doa) banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).

(Al-Anfal, 8:45)

8. Kesabaran yang bulat dalam menghadapi kesusahan, kesulitan, dan penderitaan sewaktu berjuang. Ini tidak tercapai tanpa ada pegangan 'aqidah dan latihan.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِيُّ حَرِّضِ ٱلْمُؤْمِنِينَ عَلَى ٱلْقِتَالِ إِن يَكُن مِّنكُمْ عِشْرُونَ صَٰبِرُونَ يَغْلِبُوا۟ مِا۟ئَتَيْنِ وَإِن يَكُن مِّنكُم مِّا۟ئَةٌ يَغْلِبُوٓا۟ أَلْفًا مِّنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ.

Terjemahan: Wahai Nabi! Perangsangkanlah orang-orang yang beriman itu untuk berperang. Jika ada di antara kamu dua puluh orang yang sabar, nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang (dari pihak musuh yang kafir itu), dan jika ada di antara kamu seratus orang, nescaya mereka dapat menewaskan seribu orang dari golongan yang kafir, disebabkan mereka (yang kafir itu) orang-orang yang tidak mengerti.

(Al-Anfal, 8:65)

9. Bersifat berani dan tidak gentar menghadapi musuh dan tidak gentar memasuki medan pertempuran. Gegaran bom tidak menggegarkan kemantapan hatinya.

فَإِذَا لَقِيتُمُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فَضَرْبَ ٱلرِّقَابِ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَثْخَنتُمُوهُمْ فَشُدُّوا۟ ٱلْوَثَاقَ فَإِمَّا مَنًّۢا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَآءً.

Terjemahan: Dengan yang demikian, apabila kamu bertemu serta berjuang dengan orang-orang kafir (dalam peperangan jihad) maka pancunglah lehernya, sehingga apabila kamu dapat membunuh mereka dengan banyak-

nya (serta mengalahkannya) maka tawanlah (mana-mana yang hidup) dan ikatkanlah mereka dengan kukuhnya. Setelah selesai pertempuran itu maka (terserahlah kepada kamu) sama ada hendak mengurniakan kebebasan (kepada orang-orang tawanan itu dengan tiada sebarang penebusnya) atau membebaskan mereka dengan mengambil penebusannya.

(Muhammad, 47:4)

10. Jangan angkuh dengan mengharap-harap untuk bertemu musuh: Pohonkan keselamatan tetapi bila bertemu hendaklah bersabar, dan perteguhkan hati demi untuk menunaikan janji setia kepada Allah.

وَلَمَّا رَءَاالْمُؤْمِنُوْنَ الْأَحْزَابَ قَالُوْا هٰذَا مَاوَعَدَنَا اللّٰهُ وَرَسُوْلُهُ وَصَدَقَ اللّٰهُ وَرَسُوْلُهُ وَمَازَادَهُمْ إِلاَّ إِيْمٰنًا وَتَسْلِيْمًا.

Terjemahan: Dan pada masa orang-orang yang beriman melihat tentera al-Ahzab, berkatalah mereka: "Inilah yang lebih dijanjikan kepada kamu oleh Allah dan Rasul-Nya, dan benarlah (apa yang telah dijanjikan oleh) Allah dan Rasul-Nya" dan (angkatan tentera musuh yang mereka lihat itu) tidak memberi sebarang kesan kepada mereka selain daripada menambahkan iman dan penyerahan diri mereka bulat-bulat kepada Allah.

(Al-Ahzab, 33:22)

اَلَّذِيْنَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْجَمَعُوْالَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيْمٰانًا وَقَالُوْا حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ.

Terjemahan: Mereka (juga) ialah yang diberitahu oleh orang-orang kepada mereka: "Bahawa kaum (kafir musyrik) telah mengumpulkan (tentera) untuk (memerangi) kamu, oleh itu hendaklah kamu gerun kepadanya." Maka berita itu makin menambahkan iman mereka, lalu mereka berkata: "Cukuplah Allah untuk

(menolong) kami, dan ia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepadanya segala urusan kami."

(Ali 'Imran, 3:173)

11. Tidak akan menyerah kalah walau dalam apa pun keadaan; atau mengemukakan damai murah yang menjatuhkan maruah sekalipun musuh telah mencapai kemenangan dalam satu-satu pertempuran:

فَلَا تَهِنُوا وَتَدْعُوا إِلَى السَّلْمِ وَأَنتُمُ الْأَعْلَوْنَ وَاللَّهُ مَعَكُمْ وَلَن يَتِرَكُمْ أَعْمَالَكُمْ.

Terjemahan: Apabila kamu telah mengetahui bahawa orang-orang kafir itu dihampakan amalnya dan diseksakan oleh Tuhan) maka janganlah kamu (wahai orang-orang yang beriman!) merasa lemah dan mengajak (musuh yang menceroboh) untuk berdamai, padahal kamulah orang-orang yang tertinggi keadaannya, lagi pula Allah bersama-sama kamu (kami membela kamu mencapai kemenangan), dan ia tidak sekali-kali akan mengurangkan (pahala) amal-amal kamu.

(Muhammad, 47:35)

Selain kelengkapan angkatan tentera seperti yang dijelaskan di atas tadi perlu adanya kelengkapan pimpinan dalam tentera. Di antara sifat yang semestinya ada pada panglima tentera Islam:

1. Mengetahui kandungan kitab al-Qur'an dan Hadith Rasul serta perundangan Islam.
2. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam semua bidang ketenteraan dan peperangan.
3. Berani dan punya cita-cita waja, serta mendapat kepercayaan semua anak-anak buahnya.
4. Mempunyai sifat keperwiraan dan kepahlawanan yang dibuktikan dalam peperangan dan pertempuran.

5. Mempunyai sifat tabah, cekal, dan semangat waja di samping dapat menguasai perasaan dan sentimennya.
6. Bersikap adil kepada dirinya juga kepada semua anak-anak buahnya.
7. Amanah dan setia pada janji atau perjanjian.
8. Sabar dan tegas tidak terburu-buru dan tergesa-gesa dalam mengambil suatu sikap atau keputusan.
9. Penuh percaya kepada kemampuan dan kebolehan profesionalnya yang disedari dengan penuh kejujuran.
10. Sentiasa berdamping dan berhubung dengan anak-anak buahnya, belas kasihan dan simpati, serta sedia mendengar aduan-aduannya.
11. Suka membincangkan segala masalah dengan pembantu-pembantu serta sahabat yang setia dan ikhlas.
12. Dan yang paling penting awal dan akhirnya ialah ketahanan Rohaninya yang berasaskan taqwa, yang sewajarnya menjadi contoh dan ikutan kepada anak-anak yang dipimpinnya.

Selain syarat-syarat tersebut mereka mestilah mempunyai kesedaran Islam yang menyeluruh di kalangan umat Islam terutama kepada para pemimpin yang dipilih dan diberikan mandat.

Umat Islam pastilah mematuhi panduan Allah dalam memilih teman dan sahabat yang menjadi pembela dan pendokong.

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللهُ وَرَسُوْلُهُ وَالَّذِيْنَ ءَامَنُوا الَّذِيْنَ يُقِيْمُوْنَ الصَّلٰوةَ وَيُؤْتُوْنَ
الزَّكٰوةَ وَهُمْ رٰكِعُوْنَ. وَمَنْ يَتَوَلَّ اللهَ وَرَسُوْلَهُ وَالَّذِيْنَ ءَامَنُوْا فَإِنَّ
حِزْبَ اللهِ هُمُ الْغٰلِبُوْنَ.

Terjemahan: Sesungguhnya penolong kamu hanya Allah, dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah). Dan

sesiapa yang menjadikan Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman itu penolongnya (dapatlah ia kemenangan), kerana sesungguhnya golongan (yang berpegang kepada agama) Allah, itulah yang tetap menang.

(Al-Maidah, 5:55-56)

يَٰٓأَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَاتَتَّخِذُوْا الَّذِيْنَ اتَّخَذُوْا دِيْنَكُمْ هُزُوًا وَلَعِبًا مِّنَ
الَّذِيْنَ أُوْتُوا الْكِتَٰبَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَالْكُفَّارَ أَوْلِيَآءَ وَاتَّقُوْااللهَ إِنْ كُنْتُمْ
مُؤْمِنِيْنَ.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang menjadikan agama kamu sebagai ejekan-ejekan dan permainan, dari orang-orang yang telah diberi kitab sebelum kamu, dan orang-orang kafir musyrik itu menjadi penolong-penolong, dan bertaqwalah kepada Allah, jika kamu benar-benar orang-orang yang beriman.

(Al-Maidah, 5:57)

Manakala umat Islam menyediakan dan melengkapkan diri dengan kekuatan; kekuatan jasmani dan material, dan kekuatan rohani yang berasaskan taqwa dalam tiga ciri pokok dan asasi iaitu ketulenan tauhid, keikhlasan ibadah dan kebersihan jiwa dan hati maka tidak perlu bimbang dan khuatir tentang musuh, dan tidak perlu rasa bersedih dan berduka terhadap dirinya. Pihak musuh sudah pasti akan takut dan gerun. Jika pihak musuh masih merasakan perlu memerangi umat Islam, maka yang pasti seperti yang dijanjikan oleh Allah ialah kemenangan.

Dalam keadaan sekarang kelengkapan dan persediaan untuk menghadapi serangan pihak musuh, kekuatan umat Islam adalah jauh sekali untuk mencapai taraf yang sama dengan kekuatan pihak musuh. Pada lahirnya umat Islam tidak akan mencapai taraf yang sedemikian sehinggalah ke Hari Kiamat. Oleh kerana itu tugas dan kewajipan umat Islam sekarang ialah memperlengkapkan dengan sehabis daya kemampuan yang terkuasa walaupun mungkin usaha

itu tidak akan setanding dan setaraf dengan kuasa-kuasa besar dunia.

Dalam keadaan serba kurang yang tidak disengajakan ini maka kekuatan rohani akan menampung segala kelemahan dan kekurangan yang bukan dari kesalan dan kesilapan tersebut. Dengan kekuatan rohani yang tidak lain dari taqwa yang berasaskan kepada tiga cirinya tadi di samping kekuatan jasmani yang disediakan dengan sehabis tenaga dan daya, maka sudah pasti umat Islam seperti yang dijanjikan, dan seperti yang telah dijamin oleh Allah akan menerima pertolongan Allah atau *Nasr al-Haq,* menerima bantuan dan pertolongan dari Allah pasti akan memberikan kemenangan.

إِنْ يَنْصُرْكُمُ اللهُ فَلاَ غَالِبَ لَكُمْ.

Terjemahan: Jika Allah menolong kamu maka tidak siapa yang dapat mengalahkan kamu.

Kesimpulannya, bahawa kemenangan dalam medan perang *Jihad Fi Sabilillah* seperti yang dijanjikan oleh Allah kepada umat mukmin adalah berasaskan prinsip yang umum, iaitu menjadi *Ansarullah* atau *Ansar al-Haq.* Ini dapat dilaksanakan melalui dua kelengkapan iaitu pertama kekuatan yang bersifat fizikal dan kebendaan; kedua melalui kekuatan rohani yang berasaskan konsep kerohanian Islam yang sebenar. Kekuatan rohani ialah kekuatan yang berasaskan taqwa.

وَاتَّقُوْا اللهَ مَااسْتَطَعْتُمْ.

Terjemahan: Bertaqwalah kepada Allah dengan sehabis yang terdaya oleh kamu.

Taqwa menurut al-Qur'an ialah berasaskan kepada tiga ciri iaitu ketahanan iman yang berasaskan kepada ketahanan tauhid, keikhlasan ibadah, dan ketahanan akhlak yang berasaskan kepada pembersihan jiwa dan penyucian hati.

Jadi kemenangan yang dijanjikan oleh Allah dalam setiap peperangan ialah:

1. Peperangan kerana jalan Allah (atau *Jihad Fi Sabilillah*).
2. Kelengkapan angkatan tentera dan angkatan bersenjata

yang berasaskan kepada falsafah Islam yang disediakan dengan sehabis daya kemampuan.

3. Kekuatan rohani yang berasaskan ciri-ciri ketaqwaan.
   i. Kekuatan iman yang berasaskan kepada cintakan Allah, Rasul-Nya, dan jihad pada jalan-Nya.
   ii. Kekuatan iman yang dibaja dan disiram dengan keikhlasan ibadah.
   iii. Kekuatan iman yang dapat mengawal dan mengatasi hawa nafsu, nama dan pangkat, serta mengatasi kenikmatan material yang berupa rampasan perang dan *Ghanimah.*

Setelah terlaksana syarat-syarat itu, maka serahkanlah dengan penuh keyakinan kepada Allah, penuh kepercayaan kepada Allah, penuh penyerahan kepada Allah yang telah menjanjikan dan menjamin untuk mempertahankan umat mukmin, membela umat mukmin, menolong dan membantu umat mukmin yang telah diberikan kemenangan dalam perjuangan jihadnya akan tetap merasakan dengan penuh rasa kerendahan hati bahawa itu adalah kemenangan dari Allah.

Sedangkan dalam keadaan umat Islam mempunyai kekuatan lahir, kekuatan fizikal atau kebendaan yang setanding dengan kekuatan musuh akan tetap lemah dan dipandang lebih lemah dari pihak musuh kerana ketiadaan unsur kekuatan rohani yang berasaskan kepada kekuatan iman dan taqwa, inikan pula umat Islam dalam keadaan lemah, jauh lebih lemah dalam kekuatan fizikalnya. Kelemahan iman dan ketiadaan taqwa pada umat Islam bererti kelemahan umat Islam sekalipun setanding dalam kekuatan fizikalnya. Sebaliknya kekuatan iman dan kemantapan taqwa pada umat Islam akan menampung dan memperlengkapkan kelemahan dan kekurangan kekuatan umat Islam yang bukan disengajakan, tetapi kerana itulah tahap tenaga kemampuan yang dapat dicurahkan dengan sehabis daya dan tenaganya.

Berdasarkan kepada prinsip atau *Sunnatullah* yang tidak akan berubah maka kekalahan umat Islam dalam peperangan jihad atau peperangan *Fi Sabilillah* adalah berpunca dari ketaksiran atau kesalahan umat Islam dalam sebahagian dari syarat-syarat tersebut.

Dalam keadaan umat Islam menerima kekalahan yang disebabkan oleh sebab tadi maka umat Islam yang sebenar hendaklah memahami atau menyedari bahawa kekalahan itu tidak sekali-kali melemahkan dan menyedihkan mereka kiranya benar mereka itu orang-orang mukmin yang sebenar.

وَلاَ تَهِنُوْا وَلاَ تَحْزَنُوْا وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِيْنَ.

Terjemahan: Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan memperbahan dan menegakkan Islam), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi) mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang yang (bersungguh-sungguh) beriman.

(Ali-Imran, 3:139)

1. Kekalahan dan kemenangan adalah natijah dari setiap peperangan mengikut syarat-syarat yang diperlukan, tetapi kekalahan itu bukanlah natijah yang terakhir, bahkan kemenangan akan berakhir di pihak mukmin yang benar keimanannya.

إِنْ يَمْسَسْكُمْ قَرْحٌ فَقَدْمَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِثْلُهُ وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَابَيْنَ النَّاسِ.

Terjemahan: Jika kamu (dalam peperangan Uhud) mendapat luka (tercedera) maka sesungguhnya kaum (musyrik yang mencerobohi kamu) itu telahpun (cedera juga dan) mendapat luka yang sama (dalam peperangan Badr) dan demikian itulah keadaan hari-hari (dunia ini dengan peristiwa-peristiwa) kemenangan dan kekalahan kami gilirkan dia antara sesama manusia.

(Ali 'Imran, 3:140)

2. Melalui kekalahan Allah akan membezakan antara orang-orang mukmin yang sebenar dari mereka yang berselindung di sebalik pengakuan iman.

وَلِيُمَحِّصَ اللهُ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا وَيَمْحَقَ الْكٰفِرِيْنَ.

Terjemahan: Dan (jaga) supaya Allah membersihkan orang-orang yang beriman (dari dosa-dosa mereka) dan membinasakan orang-orang kafir.

(Ali 'Imran, 3:141)

3. Dengan kekalahan itu orang-orang mungkin akan dapat melihat dengan mata kepalanya golongan orang-orang munafik.

4. Kekalahan merupakan sudut pengalaman dalam peperangan-peperangan yang mana dapat mengasah dan menapis golongan mukmin yang benar keimanannya. Pengasahan dan penapisan iman itu merupakan satu dari faktor untuk mengalahkan pihak musuh.

5. Tanpa pengalaman dan kekalahan nescaya tidak ternyata benarnya orang yang benar-benar mujahid dan orang yang benar-benar sabar.

أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تَدْخُلُوْا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ اللهُ الَّذِيْنَ جٰهَدُوْا مِنْكُمْ وَيَعْلَمَ الصّٰبِرِيْنَ.

Terjemahan: Apakah kamu menyangka untuk masuk ke syurga dan belum pun Allah mengetahui mereka yang berjihad di antara kamu dan orang-orang yang sabar.

(Al-Taubah, 9:16)

6. Kekalahan kepada kaum mukmin tidak perlu dijadikan punca penyesalan atau kekesalan sama ada kesal kerana terbunuhnya para mujahid yang gugur atau terlepasnya peluang untuk mendapat *Ghanimah*, (harta peperangan), kerana ajal tertakluk kepada kehendak Allah.

7. Kekalahan dalam perang bukan hanya pernah berlaku ke atas Rasulullah dan para mukmin, tetapi telahpun berlaku

kepada para Rasul-rasul sebelumnya. Sebaliknya kekalahan itu menjadi sumber mengikhlaskan diri dan munajat kepada Allah, juga menjadi sumber tenaga kekuatan untuk memperteguh jiwa dan hati yang akan menjadi faktor kepada kekalahan pihak musuh.

8. Kekalahan itu adalah jalan untuk mencapai kemenangan terakhir kepada umat Islam.

فَئَاتٰهُمُ اللهُ ثَوَابَ الدُّنْيَا وَحُسْنَ ثَوَابِ الْأٰخِرَةِ وَاللهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِيْنَ.

Terjemahan: Maka Allah telah mendatangkan kepada mereka balasan (di) dunia (iaitu kemenangan ke atas musuh) dan kebaikan balasan di akhirat. Dan sesungguhnya Allah menyukai orang yang berbuat ihsan).

(Ali 'Imran, 3:148)

Kekalahan pada kaum mukmin bukanlah suatu natijah yang terakhir, sebaliknya kemenangan terakhir pasti bagi orang yang beriman kepada Allah, bagi orang yang berjihad dengan ikhlas dan benar pada jalan Allah, kerana Allah adalah Haq dan Allah itu Maha Tinggi lagi Maha Besar:

ذٰلِكَ بِأَنَّ اللهَ هُوَالْحَقُّ وَأَنَّ مَايَدْعُوْنَ مِنْ دُوْنِهِ الْبٰطِلُ وَأَنَّ اللهَ هُوَالْعَلِيُّ الْكَبِيْرُ.

Terjemahan: Allah bersifat dengan penuh kekuasaan dan luas ilmu pengetahuan itu kerana bahawasanya Allah sahaja Tuhan yang sebenar-benarnya, dan bahawa segala yang mereka sembah selain dari Allah adalah palsu belaka dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Dialah yang Maha Tinggi keadaan-Nya, lagi Maha Besar Kekuasaan-Nya.

(Luqman, 31:30)

Jika terdapat kekalahan pada orang mukmin ialah kerana orang yang dikatakan mukmin itu belum menghakikatkan iman sehingga menjadi mukmin, tetapi hanya bernasabkan atau menghubungkan diri dengan nama mukmin yang belum terbentuk iman secara hak dan benar dalam jiwa mereka. Kemenangna terakhir bagi kaum mukmin dan kekalahan terakhir bagi orang yang bukan mukmin merupakan "Satu *Sunnatullah* atau undang yang tabi'i pada masyarakat manusia."

Untuk mengakhiri tulisan ini penulis membuat kesimpulan bahawa kemenangan yang maksudkan dalam al-Qur'an amat luas dan menyeluruh. Kemenangan yang diistilahkan dengan *al-Falah* merupakan konsep yang lebih umum dan menyeluruh meliputi semua sudut:

1. *Al-Falah* sebagai lambang dan syi'ar dari matlamat kehidupan insan seluruhnya kerana itu ia dijadikan "Saranan Abadi" dalam kehidupan setiap muslim.
2. *Al-Falah* meliputi semua syarat-syarat dan jalan-jalan untuk mendapat kemenangan itu serta segala ciri-cirinya.
3. *Al-Falah* meliputi kemenangan dalam taraf individu ataupun dalam taraf kenegaraan dan kemasyarakatan.
4. *Al-Falah* meliputi kemenangan di dunia dan kemenangan jasmani dan kemenangan rohani.

Kemenangan yang diistilahkan dengan *al-Fawz* ialah kemenangan sebagai hasil natijah dan kemenangan *al-Falah* sentiasa disarankan pada setiap waktu. Oleh kerana itu istilah *al-Fawz* secara lebih khusus digunakan kepada kemenangan di akhirat atau kemenangan yang benar-benar diterima di akhirat seperti:

1. Berat timbangan di Padang Mahsyar.
2. Terselamat dari azab neraka.
3. Diterima masuk ke syurga dengan segala nikmat di dalamnya yang kekal abadi.
4. Mendapat keampunan dari Allah.
5. Mendapat keredaan dari Allah.

6. Dan mendapat limpahan rahmat-Nya.

Sementara kemenangan dengan istilah *al-Nasr* digunakan pada yang lebih khusus lagi dari kemenangan yang diistilahkan dengan *al-Fawz;* iaitu kemenangan dalam medan peperangan dan *al-Fawz.* Bahkan kemenangan *al-Falah* menjadi syarat asasi kepada kemenangan *al-Nasr*, sementara kemenangan *al-Fawz* menjadi natijahnya yang tabi'i.

XX

KONSEP PERHAMBAAN

Konsep perhambaan mempunyai hubungan dengan beberapa konsep yang lalu terutamanya konsep peperangan dalam Islam. Inilah salah satu kesan yang nyata dari peperangan jihad. Maka untuk memberikan gambaran yang agak menyeluruh tentang jihad terpaksalah juga kita mengetahui konsep perhambaan dalam Islam. Lebih-lebih lagi perkara ini telah dijadikan bahan tuduhan musuh-musuh Islam bahawa Islam tidak mengikuti ''Kebebasan Civil'' di kalangan umat manusia, sebaliknya menggalakkan perhambaan sesama manusia.

Sejarah Perhambaan di Mesir

Sejarah membuktikn bahawa sistem perhambaan, merupakan satu sistem yang telah lama diamalkan oleh manusia sebelum Islam. Di Mesir, pada zaman purbanya, hamba abdi dianggap sebagai alat dan benda, dijadikan alat-alat jentera untuk mengeluarkan hasil-hasil kekayaan tuannya ataupun dijadikan sebagai hiasan di rumah-rumah mereka. Di Parsi hamba abdi berbeza dari Mesir, mereka dijadikan permainan dan tontonan, atau hiburan. Pada waktu siang tenaganya diperah sementara pada waktu malam dijadikan tontonan ramai dalam temasya-temasya besar dengan melagakan mereka dengan binatang buas di gelanggang sukan. Di kalangan masyarakat India dan agamanya, hamba abdi adalah golongan manusia yang tidak layak untuk hidup, tidak berhak untuk makan. Mereka telah ditentukan oleh agamanya bahawa hidupnya semata-mata untuk

berkhidmat kepada Brahma. Hamba adalah peringkat kasta yang telah ditentukan dari awal semulajadinya oleh agama dan undang-undangnya.

Perhambaan di Kalangan Bani Israel

Sementara dalam masyarakat Israel, sistem hamba diharuskan menurut agama Yahudi. Sistem hamba di kalangan mereka adalah perkara biasa yang dipraktikkan sejak zaman purbanya. Dalam kitab agamanya yang dikenal dalam bahasa Arab sebagai *"Sapar al-Taqwim"* ada menceritakan tentang hamba-hamba abdi dan hamba perempuan dalam keluarga untuk datuk nenek mereka, bahkan juga di dalam keluarga Nabi Ya'akub, Ishaq dan Ibrahim. Akan tetapi amalan ini tidak tersebar, di kalangan orang ramai. Hak milik hamba belum menjadi suatu yang penting dalam kehidupan sosial dan ekonomi. Peraturan-peraturan yang berkenaan dengan sistem ini hanya diadakan pada zaman bangsa Yahudi setelah menetap di Kan'an, iaitu daerah di sekitar Semenanjung Sinai. Sementara sumber yang membuka ke pintu perhambaan amat banyak dan luas.

Perhambaan di Greek

Di Greek pula hamba merupakan suatu sistem yang diharuskan dan halal, malah satu kepastian dalam peperangan seperti yang diceritakan oleh ahli sejarah Yunani Purba, *Hameros.* Pandangan orang Yunani terhadap sistem hamba jelas digambarkan oleh salah seorang dari ahli falsafahnya, Aristotle. Menurut beliau manusia dicipta dari dua golongan, golongan pertama dicipta dengan kelengkapan daya tenaga akal dan kemahuan. Inilah golongan bangsa Yunani yang tulin dan sejati. Dengan sifat dan bentuk kejadian ini mereka merupakan bangsa yang berhak untuk menguasai dunia dan menjadi tuan kepada semua makhluk yang lainnya, kedua golongan yang dicipta hanya dengan kelengkapan jasmani dan yang hanya berhubung secara langsung dengan kekuatan jasad semata-mata. Inilah golongan orang liar atau barbar, iaitu golongan yang bukan dari bangsa Greek. Dengan sifat dan bentuk semula jadinya itu menunjukkan bahawa mereka ini dicipta dengan tujuan untuk menjadi hamba abdi kepada golongan atau bangsa Yunani yang bebas dan merdeka.

Berdasarkan kepada teori ini maka peperangan yang dilancarkan oleh bangsa Greek kerana tujuan (menghambakan manusia) tersebut adalah suatu peperangan yang halal. Ini disebabkan ia lahir dari tabiat yang ada pada kejadian itu sendiri. Kehidupan sosial dan urusan-urusan pekerjaan tidak dapat berjalan dengan baik dan sempurna melainkan dengan menghambakan golongan liar atau barbar. Dengan cara ini maka pembahagian kerja di kalangan rakyat dapat dijalankan dengan cara yang menepati atau sesuai dengan tabiat manusia itu sendiri. Hamba abdi akan menjalankan tugas-tugas yang berhubung dengan pergerakan dan tenaga jasmani. Sementara bangsa Yunan sebagai golongan yang bebas dan merdeka akan menjalankan tugas yang lebih tinggi dan mulia sesuai dengan persediaan dan kemampuan yang diperlukan untuk pembangunan manusia di dunia.

Berdasarkan kepada teori pembahagian kerja ini maka pekerjaan yang memerlukan tenaga kekuatan anggota badan pastilah diserahkan pada hamba abdi. Pekerjaan-pekerjaan seumpama ini tidak dapat dijalankan melainkan dengan dua jenis alat iaitu alat yang mesti atau alat tak bernyawa seperti cangkul, kapak dan lain-lain. Kedua alat yang hidup dan bergerak (*Instrumeutamine*) untuk menggerakkan alat-alat yang kaku dan mati tadi. Alat dari jenis kedua ini tidak lain dari "Hamba abdi".

Plato, guru kepada Aristotle, yang telah menegaskan dalam *"Republic"*nya bahawa hamba tidak berhak untuk mendapat kewarganegaraan atau kerakyatan, Plato hanya memastikan ke atas mereka ini taat dan patuh kepada tuan-tuan mereka yang bebas dan merdeka sama ada dalam menjalankan tugas tuannya sendiri ataupun setiap mereka yang bebas dan merdeka. Hamba-hamba yang bertindak tidak menurut perintah setiap mereka yang bebas dan merdeka akan diserahkan kepada pemerintah untuk menerima hukuman mengikut apa juga yang dikehendaki oleh pemerintah.

Ringkasnya, tamadun Yunani telah mengamalkan sistem hamba abdi dan undang-undangnya telah menghalalkan sistem tersebut. Sama ada sistem hamba dalam bentuk yang khas atau dalam bentuk yang umum, malahan telah menghalalkan penggunaan hamba abdi dalam perkhidmatan individu ataupun keluarga di rumah, bahkan lebih dari itu bahawa kuil-kuil atau rumah ibadat di Asia kecil ini mempunyai hamba abdi yang diwakafkan dengan mempunyai kewa-

jipan yang ditentukan, tetapi tidak pula berhak mengambil tugas-tugas para sami ataupun menjalankan upacara ibadat yang umum.

Perhambaan Pada Zaman Rumawi

Secara umum tidak jauh perbezaan sistem perhambaan yang diamalkan dan dihalalkan oleh Bangsa Rumawi dari sistem yang diamalkan oleh Bangsa Yunani. Bahkan telah menjadi dasar dalam undang-undang bahawa hamba hanyalah sebagai satu 'barang' bukan 'orang'. Oleh itu hamba tidak berhak untuk mempunyai 'keluarga'. Perhubungan hamba lelaki dengan perempuan tidak dianggap satu akad perkahwinan yang sah menurut undang-undang, tetapi hanya suatu perhubungan biasa, berikutnya tidak ada waris mewarisi, seterusnya tidak punyai hak pembelaan diri di mahkamah pengadilan. Oleh kerana hamba itu juga pada hakikatnya adalah manusia yang cuba dibuangkan hak kemanusiaan, maka dasar ini telah menerima perubahan dari satu masa ke satu masa terutama pada zaman akhir empayar Rom yang telah banyak dipengaruhi oleh ajaran-ajaran Agama Kristian.

Perdagangan hamba abdi di Rom sangat pesat, seperti juga di Yunan, lebih lagi pada waktu kerajaan Rom sedang meluaskan jajahan takluknya; iaitu antara tahun 144 S.M. hingga 255 M. sehingga pernah diceritakan bahawa Kaisar dalam satu peperangan telah menawan lebih dari satu juta yang telah dijadikan hamba abdi. Sistem perhambaan selanjutnya telah berkembang dari sistem hamba secara mutlak kepada sistem hamba dalam sektor pertanian (*sherevage*).

Hamba dalam Agama Kristian

Kedatangan agama Kristian tidak mengharamkan sistem hamba; malahan tidak adapun peraturan dan undang-undang yang dapat membasmi sistem ini pada masa-masa selepas kedatangannya. Paulus dalam ucapannya (Epitre) kepada rakyat Athina dan Upus meminta semua hamba abdi supaya patuh dan taat kepada tuannya seperti mereka mentaati al-Masih sendiri. Demikian juga perintah Brutus salah seorang dari utusan lain. Sementara para Pope dan paderi di

gereja-gereja telah membuat peruntukan tentang perhambaan kerana hamba adalah tebusan *Kaffarah* dari dosa manusia yang mesti dipukul oleh para hamba akibat daripada kemarahan tuan yang teragung.

Thomas Aquinas, ahli sains dan ahli fikir Kristian semakin mengukuhkan pendapat ahli-ahli agama itu dengan pendapat Aristotle yang dianggap sebagai gurunya. Menurutnya bahawa hamba adalah suatu keadaan yang tabi'i dalam masyarakat manusia. Oleh kerana itu, tidaklah bertentangan dengan iman seseorang untuk menerima keadaan ini.

Oleh kerana "hamba dan orang yang merdeka" juga merupakan anak-anak Tuhan, maka sistem hamba semakin menerima perubahan yang lebih baik daripada keadaan pada zaman sebelumnya. Walaupun pada hakikat agama Kristian tidak mengubah sistem perhambaan namun ia dapat mengurangkan keganasan dan kezaliman yang dilakukan ke atas hamba abdi. Secara khusus, dalam kurun pertengahan, sistem perhambaan telah ditukar namanya kepada sistem abdi dalam sektor pertanian. Gereja-gereja Kristian terpaksa menerima sistem ini. Antara kata-kata yang diucapkan oleh salah seorang ketua agama Kristian dalam perkara ini ialah:

> *Tuhan sendiri menghendaki supaya setengah-setengah orang itu sebagai tuan, dan setengah-setengahnya sebagai hamba atau abdi kepada bumi "Serfs".*

Dari keterangan ringkas tadi dapat disimpulkan bahawa sistem hamba telah menjadi amalan dalam kehidupan sosial di kalangan manusia di dunia sama ada masyarakat yang bertamadun ataupun masyarakat yang belum bertamadun. Pengamalan sistem ini akan lebih meluas di kalangan masyarakat manusia yang banyak berlaku peperangan, dan akan semakin berkurangan di kalangan masyarakat manusia yang tidak banyak berlaku peperangan, dan juga di kalangan manusia yang bergantung pada sistem pertanian. Kedua-dua gejala ini adalah serupa sahaja, sama ada di kalangan masyarakat yang bertamadun atau belum bertamadun. Agama (Kristian) pula telah mengharuskan dan menghalalkannya bahkan diwajibkan oleh setengah-setengah pengembang agama dengan alasan sebagai satu

kepastian Tuhan yang mesti diterima oleh mereka.

Dari kajian yang dijalankan oleh pakar sosiologi dapat dirumuskan bahawa sistem perhambaan sebelum Islam telah menjadi asas dan tulang belakang ekonomi yang penting di kebanyakan negara yang telah bertamadun yang boleh diumpamakan seperti pentingnya sistem bank pada masa sekarang ini. Usaha-usaha untuk menghapuskannya secara tergesa-gesa dan serta-merta adalah berlawanan dengan "Hikmat dan kebijaksanaan" dan tidak praktik, tetapi akan membawa kepada kegagalan, bahkan semakin menambahkan gejala-gejala penentangan yang akhirnya akan menyebabkan pengekalan sistem itu sendiri.

Dari segi perbandingan pula, amat jelas bahawa bilangan hamba di kalangan masyarakat Arab sebelum Islam, dan semasa kelahiran Islam amat sedikit sekali kalau dibandingkan dengan bilangan hamba di kalangan bangsa yang bertamadun seperti bangsa Rom dan Parsi, malahan akan lebih kecil sekali kalau dibandingkan dengan bilangan yang ada di kalangan bangsa Yunani. Tidak keterlaluan kalau diumpamakan bahawa bilangan hamba di kalangan bangsa Arab tidak lebih daripada bilangan jari tangan sahaja.

Bilangan hamba di kalangan bangsa Rom antara tahun 144 S.M. 235 M. amat banyak seperti yang dapat dibayangkan dari catatan bahawa setiap orang merdeka mempunyai 3 orang hamba abdi. Demikian menurut catatan oleh Plato. Sudah menjadi kebiasaan di kalangan orang Yunani yang merdeka mempunyai 50 orang hamba abdi, malahan lebih daripada itu. Xenophon menceritakan pula bahawa seorang Yunani yang bebas merdeka pernah menggunakan tenaga antara 300-600 orang hamba abdi. Berdasarkan cerita ini tidaklah mustahil kalau masyarakat Yunani telah dipenuhi oleh hamba abdi. Bilangan hamba dianggarkan lebih daripada 100 ribu orang sementara yang merdeka tidak lebih dari 20 ribu. Suatu pemberontakan hamba abdi yang terbesar dalam sejarah dan hampir menguasai pemerintahan Rom pada tahun 132 S.M. Tenaga kekuatannya lebih daripada 70 ribu. Demikian juga pemberontakan yang berlaku di Sicily dan di Italy antara 105-102 S.M. dan antara 73-71 S.M. dapat memberikan gambaran betapa banyak bilangan hamba abdi di kalangan bangsa Yunan dan Rom yang telah mencapai tamadun tinggi pada zaman sebelum Islam.

Perhambaan pada Zaman Islam

Secara umum, pada masa kedatangan Islam masalah hamba sebenarnya tidaklah merupakan suatu masalah dalam masyarakat Arab hingga perlu dibasmi dan dihapuskan dengan serta-merta, sama ada di kalangan masyarakat yang sedikit mengamalkan sistem perhambaan, ataupun di kalangan masyarakat manusia yang luas mengamalkan sistem tersebut sebagai satu sumber atau tulang belakang ekonomi mereka.

Sistem Perhambaan Bukan Ciptaan Islam

Dalam suasana dan keadaan sosial yang sedemikian, Islam telah dilahirkan. Kelahiran Islam terpaksa menghadapi hakikat dan kenyataan ini. Tegasnya, bukanlah Islam yang mencipta sistem perhambaan, tetapi Islam terpaksa menerima gejala kemasyarakatan yang telah dan sedang berlaku. Dalam menghadapi gejala-gejala sosial ini pula Islam tidak sekali-kali menganggap bahawa sistem ini sebagai suatu gejala yang "benar dan haq" yang terpaksa diterima secara mutlak; sebaliknya Islam menganggapnya sebagai suatu gejala yang bersifat sementara sebagai perkara yang perlu diambil perhatian berat, diawasi, dirawat dan diperbaiki. Sikap seperti ini lebih sesuai dengan hakikat prinsip Islam terhadap manusia; iaitu manusia walau dari manapun jenis dan rupa bangsanya, pada asalnya adalah "bebas dan merdeka", kerana ia tidak boleh dimiliki oleh manusia lainnya dengan menjadikannya hamba, melainkan kerana sebab-sebab tertentu. Dalam keadaan manusia itu telah menjadi hamba dengan sebab-sebab tertentu tadi, maka kehambaannya itu hanyalah bersifat sementara yang mendatang sahaja, bukannya suatu yang asal dan mutlak atau yang telah ditetapkan secara tabi'i. Prinsip Islam ini berbeza daripada falsafah atau kepercayaan sebelum Islam terhadap setengah-setengah manusia yang menjadi hamba. Menurut falsafah dan kepercayaan itu bahawa setengah-setengah golongan manusia memang telah ditentukan kejadiannya untuk menjadi hamba, seperti falsafah Yunani, agama Ibrani dan juga agama Brahma.

Prinsip dan Polisi Islam

Dalam menghadapi berbagai-bagai masalah sosial dan kepincangannya. Islam bertindak sesuai dengan prinsip dan polisinya yang penuh hikmat iaitu:

> *Memperbaiki mana-mana yang dapat menerima usaha-usaha pembaikan secara yang lebih baik, dan menyediakan jalan dan cara-cara pembaikan yang lebih sempurna sepanjang masa yang akan datang mengikut suasana dan keadaan yang sesuai dengan keperluan masanya.*

Berdasarkan prinsip atau polisi ini Islam tidak mengharamkan sistem perhambaan, kerana dengan pengharamannya dengan serta-merta bererti Islam telah bertindak untuk membasmi suatu sistem yang sudah berakar umbi, menjadi amalan serta menjadi asas dan tulang belakang semua bidang ekonomi secara mendadak. Tindakan seperti ini tidak sesuai dengan hakikat dan prinsip islah, yang menjamin kejayaan dan kebaikan untuk masyarakat itu sendiri, kerana beberapa sebab, pertama Islam akan menghadapi tentangan yang menyebabkan kegagalan; keduanya walaupun dalam keadaan bahawa tokoh-tokoh *islah* itu cukup mempunyai syarat dan tenaga kekuatan untuk menguatkuasakan undang-undang larangan secara paksa namun masyarakat akan menghadapi krisis-krisis ekonomi, samalah dengan krisis yang mungkin timbul dari tindakan membasmi sistem bank, atau membasmi sistem perniagaan secara syarikat: atau sistem menggunakan tenaga buruh dan yang seumpamanya, sebagai sistem-sistem yang berpegang pada prinsip dan cara yang bertentangan dengan Islam.

Islam tidak Menggalakkan Perhambaan

Walaupun Islam tidak mengharamkan, namun tidaklah pula bererti bahawa Islam telah menggalakkan; lebih tepat dikatakan bahawa Islam hanya "mengharuskan" dalam bentuk yang bersifat sementara waktu sahaja sesuai dengan keadaan masa pada ketika itu; tegasnya Islam telah datang bukan untuk menggubal undang-undang bagi mengekalkan sistem perhambaan; tetapi Islam datang untuk menggubal undang-undang yang akan membebaskan hamba dengan cara yang paling licin dan halus sehingga pembasmian

hamba-hamba itu tidak akan dirasakan oleh kedua-dua belah pihak; pihak tuan yang memiliki, juga pihak hamba itu sendiri, di samping tidak melihatkan atau menimbulkan krisis kepada negara.

Penyelesaian Islam Melalui Dua Cara

Khusus dalam masalah perhambaan Islam telah menyusun dan menggubal undang-undang melalui dua cara:

1. Menyempitkan punca-punca yang memberi peluang kepada bilangan hamba, dan seterusnya menghapuskan punca-punca itu secara beransur-ansur.
2. Membuka pintu dan peluang untuk pembebasan seluas-luasnya.

Dengan cara ini, sistem perhambaan akan berubah menjadi seperti telaga yang akan kekeringan sumbernya, tetapi banyak pula punca yang menimbanya. Sudah pasti suatu undang-undang yang demikian bentuknya akan dapat mengeringkan punca-punca hamba abdi di dunia dan di kalangan umat manusia, kerana itu Islam dapat membasmi sistem hamba dengan cara yang tenang dan selamat, dan memberikan kepada dunia dan sejarah manusia atau "Zaman Peralihan" untuk membersihkan sedikit demi sedikit akan sistem perhambaan di kalangan manusia di dunia.

Menyempitkan Punca Perhambaan

Pada ketika kelahiran Islam, lebih-lebih lagi pada masa sebelumnya, punca-punca perhambaan di dunia amat terbuka luas; dapatlah dirangkumkan kepada beberapa punca yang penting:

1. Bergabung atau memihak kepada satu bangsa atau satu kasta dalam masyarakat yang tertentu. Tindakan pemihakan ini boleh menjadikan seorang itu hamba, menurut undang-undang beberapa bangsa yang terbesar seperti bangsa Ibrani, Yunani, Rom dan India.

2. Peperangan dalam apapun jua bentuknya, sama ada peperangan saudara atau peperangan dengan musuh dari

luar. Tawanan perang ini, jika terlepas daripada hukuman bunuh dengan sendirinya akan menjadi hamba abdi.

3. Rompakan dan penculikan: Mangsa-mangsa daripada rompakan atau penculikan akan dilayan seperti tawanan perang dan mereka berhak untuk dijadikan hamba abdi. Cara ini dianggap sah menurut undang-undang malahan pemerintah sendiri mengamalkan undang-undang ini, seperti yang dilakukan oleh tentera laut kerajaan Yunani pada zaman Salon.

4. Melakukan jenayah atau kesalahan yang besar, seperti membunuh, mencuri dan berzina. Mereka yang melakukan kesalahan tersebut akan dijatuhi hukuman menjadi hamba abdi sama ada untuk kepentingan negara atau selainnya.

5. Berhutang: Mereka yang tidak mampu untuk menjelaskan hutang pada masa yang telah ditentukan, boleh dijatuhkan hukuman untuk menjadi hamba.

6. Kekuasaan penuh seorang ayah kepada anak-anaknya: Menurut undang-undang adalah diharuskan dan dihalalkan kepada seseorang ayah yang susah untuk menjual anaknya sebagai seorang hamba.

7. Keturunan dari hamba-hamba perempuan: Walau dari manapun benihnya namun turunan hamba tetap menjadi hamba abdi kepada tuannya, sekalipun ayahnya itu seorang yang merdeka ataupun dari tuannya sendiri.

8. Kekuasaan manusia atas dirinya sendiri: Seorang yang menderita dan susah hidupnya boleh menjual kemerdekaan dirinya untuk menjadi hamba dengan bayaran yang dipersetujui antara kedua pihak.

Akibat daripada punca-punca tersebut; terdapatlah ribuan manusia hamba abdi pada setiap hari sehingga bilangan manusia yang menjadi hamba dalam setengah-setengah negara melebihi bilangan manusia bebas dan merdeka dengan berlipat kali ganda banyaknya.

Semasa kelahiran Islam punca perhambaan sangat luas. Islam

telah menutup beberapa punca tersebut. Hanya dua punca sahaja yang diakui dan dibenarkan oleh Islam iaitu: (i) Punca dari keturunan, dan (ii) Punca dari peperangan. Sekalipun Islam membenarkan kedua-dua punca perhambaan ini, namun Islam tidak pula membukakan pintu dengan seluas-luasnya tanpa syarat-syarat yang ketat; jelasnya Islam telah mengenakan beberapa syarat yang boleh menjamin kepada kekeringan atau tertutup kedua-dua punca tersebut dalam masa yang singkat.

Di antara syarat yang dikenakan kepada punca pertama: Ialah keturunan; bahawa hamba akan menjadikan anaknya juga hamba, tetapi dikecualikan anak yang dilahirkan oleh hamba perempuan hasil daripada perhubungan dengan tuannya sendiri yang merdeka, maka anak itu adalah bebas merdeka dan berhak untuk menghubungkan nasab keturunannya kepada tuannya yang sebenarnya adalah juga ayahnya.

Kalau dipandang dari segi ini, maka kebanyakan anak-anak yang dilahirkan oleh hamba perempuan adalah hasil dari sekedudukan dengan tuan-tuannya, kerana sudah menjadi kebiasaan bahawa kebanyakan orang yang mempunyai hamba perempuan adalah terdiri daripada orang kaya dan berada bukan sahaja dengan tujuan untuk bekerja, tetapi juga untuk perhiasan dan hiburan. Dipandang dari segi ini ternyata bahawa syarat yang dikenakan oleh Islam merupakan satu keistimewaan dalam undang-undang Islam yang tidak pernah ada dalam undang-undang perhambaan di dunia. Keistimewaan undang-undang ini ialah bahawa undang-undang ini akan dapat menghapuskan sumber ini dalam masa yang singkat.

Tentang punca kedua iaitu punca tawanan peperangan, Islam juga telah menerimanya, tetap dengan syarat-syarat yang ketat bahawa peperangan yang membolehkan tawanan perang itu dijadikan hamba menurut istilah dan batasan undang-undang al-Qur'an. Antara syarat-syarat itu ialah:

1. Peperangan antara Islam dengan bukan Islam. Jika peperangan itu antara Islam dengan Islam sendiri (perang saudara) maka tawanan dari kedua-dua belah pihak yang terlibat dalam peperangan tersebut tidak dibenarkan oleh Islam untuk dijadikan hamba.

2. Peperangan (antara Islam dan bukan Islam) ini pula telah

dikenakan syarat yang banyak, antaranya ialah:

i. Peperangan itu hendaklah mengikut syara'.

ii. Perang itu mestilah diisytiharkan oleh Khalifah atau Ketua Negara.

iii. Peperangan hendaklah peperangan yang disahkan mengikut Islam iaitu pada tiga keadaan:

(a) Mempertahankan diri.

(b) Ketika pihak musuh telah mencabul perjanjian, dan melakukan penghinaan terhadap Islam.

(c) Peperangan kerana ada tekanan yang berhubung dengan keselamatan dan kedaulatan negara; dan melenyapkan fitnah. Termasuklah juga membela saudara-saudara Islam yang teraniaya dan terzalim.

Semua peperangan Rasulullah tidak terkeluar daripada lingkungan tiga keadaan ini sama ada peperangan dengan orang Arab atau orang Yahudi ataupun dengan orang Rom.

Sekiranya berlaku atau dilakukan peperangan tanpa diisytiharkan oleh Khalifah atau Ketua Negara, atau diisytiharkan perang tetapi bukan dalam tiga keadaan tersebut, atau tidak dijalankan mengikut undang-undang Islam, maka peperangan itu tidak menjadikan tawanan peperangannya sebagai hamba yang sah. Bahkan dalam keadaan perang yang mencukupi syaratnya di atas, tidak semestinya tawanan perang itu akan tetap menjadi hamba. Imam atau Ketua Negara berhak untuk membebaskan mereka daripada dijadikan hamba tanpa pembayaran atau tebusan, ataupun dibebaskan dengan tebusan sama ada berupa wang atau pekerjaan, ataupun melalui pertukaran tawaran perang. Malahan lebih daripada itu lagi, demi untuk membuktikan betapa kesungguhan Islam untuk membebaskan hamba, bahawa al-Qur'an tidak menggunakan atau menyebutkan perkataan "hamba 'abdi" atau *Al-Rigg* dalam sebaris pun daripada ayat-ayatnya. Sebaliknya al-Qur'an lebih menggunakan istilah *al-Mann* (pembebasan hamba dengan tebusan) dan *al-Fida* (pembebasan dengan tebusan), tetapi sama ada dengan hanya menyebutkan tentang pembalasannya sahaja serta cara-caranya, segala tin-

dakan Rasulullah terhadap hamba kepada tawanan perang dalam semua peperangannya lebih mementingkan *al-Mann wa al-Fida'*.

Dari keterangan di atas nyata bahawa Islam, walaupun menghalalkan punca hamba dari peperangan, namun Islam telah mengekangnya dengan syarat-syarat yang ketat, yang akan menjamin kepada kekeringan punca hamba di kalangan umat manusia. Selain itu diarahkan pula kepada yang dihalalkan untuk menghambakan tawanan perang itu ke arah pembebasan melalui berbagai-bagai pujukan dan ganjaran dari Allah dan kepada yang masih ingin juga hendak menghambakan tawanan perang Islam menentukan syarat-syarat layanan yang baik kerana usaha-usaha dan sifat ini termasuk dalam golongan *al-Bir* kebaikan yang banyak.

Dari keterangan tadi dapatlah dibayangkan bahawa dengan cara-cara ini pada akhirnya Islam tidak akan mengakui dan menerima sebarang punca hamba selain sumber: *"Tawanan Perang"* sahaja, itupun ketika negara dalam keadaan suasana peperangan. Adapun dalam keadaan dan suasana aman memang tidak ada punca untuk perhambaan sahaja. Tegasnya "hamba" yang diharuskan oleh Islam hanyalah hamba yang diharuskan oleh seluruh dunia sekarang ini yang dinamakan oleh tamadun moden, iaitu hamba-hamba dari punca tawanan perang sahaja. Islam dalam hal ini telah pun mengatur dan menyusun undang-undang yang dikemukakan oleh undang-undang peperangan antarabangsa sekarang. Bahkan dapat dibuktikan bahawa Islam dalam masalah tawanan perang umat manusia hingga sekarang undang-undang moden tidak dapat mengemukakan kepada manusia di dunia suatu yang pada bentuk dan isinya lebih baik daripada undang-undang yang telah dikemukakan oleh Islam sejak hampir empat belas kurun yang silam. Dengan kata-kata lain usaha dan jasa Islam kepada tawanan perang yang diwajibkan sejak empat belas kurun yang silam, merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh negara-negara yang sehabis tinggi tamadunnya dan yang telah melakukan berbagai-bagai usaha terhadap tawanan perang mereka. Selama ini usaha-usaha Islam itu tidak diketahui oleh negara yang maju dan bertamadun. Kalaupun ditakdirkan ada usaha-usaha telah tidak diperlihatkan bagaimana bentuknya.

Akan tetapi, malangnya negara di dunia khususnya dunia barat dan tamadunnya tidak mengenal sistem dan undang-undang Islam;

tidak mengenali usaha dan jasa Islam dalam bidang ini. Negara baru yang bertamadun mula mengharamkan sistem perhambaan pada kurun 18 M. Mereka telah mencipta dan menandatangi *"Perjanjian"* untuk membolehkan tawanan perang, dan mengekalkan tawanan-tawanan perang itu di tangan musuh sehingga tercapai perdamaian antara kedua belah pihak dan dicapai persatuan untuk bertukar-tukar tawanan perang atau bayaran *"ganti"* rugi sama ada dengan tebusan atau hutang. Cara ini telah pun diamalkan dan termaktub dalam undang-undang Islam sejati dua belah kurun lebih awal daripada tamadun bangsa-bangsa dunia sekarang. Kesalahan ini adalah bertanggung ke atas mereka sendiri bukan kesalahan Islam.

Membuka Pintu dan Peluang untuk Pembebasan Seluas-luasnya

Dalam cara kedua ini Islam menggubalkan undang-undang yang menyuruh, praktik dan psikologi, untuk membasmi sistem perhambaan di kalangan manusia.

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, bahawa melalui cara pertama, Islam telah menyempitkan sesempit-sempitnya akan sumber pembiakan hamba. Menurut Islam hanya dua punca sahaja yang mengharuskan perhambaan; iaitu punca keturunan, dan punca peperangan. Kedua-dua punca ini telah diperkatakan dengan syarat-syaratnya seperti yang telah dijelaskan. Pembebasan hamba dalam kedua-dua punca yang dihalalkan tidak lain daripada hanya terserah kepada kehendak dan kemahuan tuannya sahaja. Tanpa kemahuan dan kerelaan tuannya untuk membebaskan hambanya maka hamba-hamba itu akan kekal dengan kehambaannya turun-temurun buat selama-lamanya.

Dalam hubungan ini, menurut kebanyakan undang-undang yang dicipta oleh manusia sebelum Islam, pembebasan hamba adalah menjadi tegahan dan larangan tuannya melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu dan setelah melalui peraturan yang sangat rumit sama ada dari segi peraturan keagamaan atau undang-undang, sebagai denda yang tinggi, kerana tindakan tuan itu telah atau akan melibatkan hak-hak negara dan merugikan sumber penghasilan ekonominya.

Manakala Islam muncul, syarat-syarat yang menghalang dan tidak menggalakkan pembebasan hamba dari pihak tuannya telah

dibanteras, sebaliknya Islam telah memberikan jalan dan peluang yang seluas-luasnya untuk pembebasan hamba dari tuannya, bahkan Islam telah memberikan alasan dan sebab-sebab yang munasabah untuk membebaskan hamba.

Pintu dan jalan pembebasan hamba tersebut ialah melalui saluran penting:

1. Dari saluran tuannya sendiri.
2. Dari saluran diri hamba itu sendiri.
3. Dari saluran pemerintah yang menjalankan hukuman dan menggubal undang-undang yang ditetapkan oleh Islam kerana kesalahan-kesalahan dan jenayah yang kerap dilakukan oleh anggota masyarakat.
4. Dari pihak masyarakat umum.

Jelasnya terbayang dari saluran-saluran tadi bahawa usaha-usaha pembebasan hamba dalam Islam melalui cara kedua ini merupakan satu usaha yang positif, realistik, efektif, dan sistematik, satu usaha yang menyentuh semua pihak yang terkandung dalam masyarakat Islam, sebagai satu bukti yang jelas bahawa dalam pembebasan hamba di kalangan umat, Islam telah menyambung usaha dan tenaga yang paling besar kepada tamadun manusia dalam sepanjang sejarahnya tepat dan menepati prinsip *"Rahmat", Tidak Kami utuskan engkau (Muhammad) melainkan untuk Rahmat pada sarwa sekalian alam"*.

Melalui Tuan Hamba

Tuan hamba mempunyai kuasa penuh sama ada untuk membebaskan hamba ataupun tidak. Tegasnya, terserah bulat-bulat pada kemahuan dan kehendaknya. Tanpa kemahuan tuannya untuk merdekakan hambanya, hamba itu akan tetap menjadi hamba buat selama-lamanya. Tidak ada kuasa dalam Islam untuk menjalankan *"Kuasa Kuku Besi"* dan merampas hak-hak seseorang yang sah. Melalui saluran ini telah disediakan beberapa langkah-langkah:

1. *Melalui galakan:* Tidak ada jalan selain mengambil langkah

diplomasi yang halus, tetapi amat berkesan iaitu dengan menggalakkan tuan hamba yang juga seorang hamba kepada Allah dan seorang mukmin, supaya suka membebaskan hambanya, khususnya hamba laki-laki (*al-Raqiq*). Ditegaskan oleh Islam bahawa usaha pembebasan hamba ini adalah satu usaha mulia, suatu pengorbanan atau suatu amal pendekatan kita pada Allah (*al-Qurbah*) seperti yang difirmankan oleh Allah:

فَلَا اقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ. وَمَآ أَدْرٰلكَ مَا الْعَقَبَةُ. فَكُّ رَقَبَةٍ.

Terjemahan: Dalam pada itu tidak (memilih jalan kebaikan) merempuh masuk mengerjakan amal-amal yang tinggi pangkatnya di sisi Tuhan! Dan apakah jalan yang engkau ketahui; apa dia amal-amal yang tinggi pangkatnya di sisi Tuhan itu? (di antaranya bagi orang-orang yang mampu) ialah memerdekakan hamba sahaya.

(Al-Balad, 90:13)

Maksudnya ialah untuk mendapat kebahagiaan di akhirat iaitu di syurga nanti seseorang itu terpaksa menempuh dan mendaki suatu jalan iaitu dengan mendekatkan diri (*Taqarrub*) kepada Allah. Pendekatan diri kepada Allah hanyalah dengan amalan yang besar sebagai satu korban atau pengorbanan, salah satu daripada pengorbanan dan amalan yang besar itu ialah membebaskan hamba.

2. *Melalui Peraturan dan Kuasa Undang-undang:* Andainya gesaan dan galakan ini disambut dengan baik dan telahpun disambut oleh umat Islam seperti yang dibuktikan oleh Rasulullah dan para sahabat, maka telah tercapai salah satu daripada jalan pembebasan hamba dengan kerelaan dan kemahuan tuannya sendiri; tetapi andainya tuan itu masih memerlukan hamba, maka Islam telah mengemukakan jalan kedua pula; iaitu melalui kuasa undang-undang dan peraturan yang membolehkan pembebasan hambanya akibat daripada pengucapan atau tindakan yang "tertentu dari tuannya".

Akibat daripada pengucapan: Apa juga ucapan yang terkeluar dari lidah tuannya yang menunjukkan dengan jelas tentang pembebasan hambanya, sama ada ucapan itu sengaja *dimaksudkan* atau *tidak dimaksudkan* seperti terlanjur atau tersasul, juga sama

ada ucapan itu kerana kesungguhan ataupun kerana main-mainan, sama ada dengan kerelaan hatinya ataupun kerana dipaksa, sama ada dalam keadaan sedar dan siuman yang disebabkan oleh kesan-kesan yang memabukan yang diharamkan. Kesemuanya boleh menyebabkan kebebasan hamba menurut undang-undang.

ثَلاَثٌ جِدُّهُنَّ جِدٌّ وَهَذْلُهُنَّ جِدٌّ ... وَعَدَّمِنْهَا الْعِتْقُ

Terjemahan: Tiga perkara adalah semata-mata kesungguhan dan main-mainannya pun adalah kesungguhan dan main-mainannya, antaranya ialah "al-'Itq" kemerdekaan hamba.

(Riwayat kebanyakan Ahli Sunan)

Apa-apa ucapan dari lidah tuannya yang memberikan makna *"al-Tadbir"* iaitu wasiat untuk membebaskan hamba selepas tuannya meninggal. Berhubung dengan hamba ini yang diistilah dengan *"Hamba Mudabbar"*, tidak hanya terhenti setakat itu sahaja malahan telah membuat jaminan supaya "*Hamba Mudabbar*" itu akan kekal dalam milik tuannya yang mewasiatkan supaya dibebaskan, umpamanya undang-undang yang menegah tuan menjualkan hambanya yang *mudabbar,* ataupun mencagarkannya, ataupun apa-apa cara yang boleh memindahkan milik kepada orang lain, kerana pemindahan milik akan menghalang dari kebebasannya.

Khusus pada "*Jariah*" (hamba perempuan) maka menurut undang-undng Islam, bahawa setiap yang dilahirkan selepas ikatan atau kontrak "Tadbir", mesti dibebaskan bersama-sama ibunya "*Jariah* yang *Mudabbarah*", sama ada disetujui oleh warisannya ataupun tidak disetujui.

Akibat dari tindakan tuan mcniduri Jariahnya: Tuan meniduri jariahnya sehingga menghasilkan anak. Maka anak itu adalah bebas dan merdeka dan berhak untuk dinasabkan kepada tuannya sebagai bapanya. Ini adalah kecualian dari prinsip 'hukum anak-anak yang dilahirkan oleh jariah atau hamba perempuan yang biasa, kerana setiap anak yang dilahirkan dengannya adalah dalam hukum hamba walaupun ayahnya seorang merdeka". Dalam undang-undang Islam Jariah yang menjadi (ibunya) ini diistilahkan sebagai *"Umm al-Walad"* dan jariah ini berhak dan mesti dimerdekakan sebaik-baik

sahaja tuannya meninggal. Demikian juga undang-undang Islam telah menggunakan kawalan yang ketat dari berlakunya pemindahan milik *"Umm al•Walid"*. Prinsipnya: Apakah setelah darahmu bercampur dengan darah mereka dan daging kamu bercampur dengan daging mereka, kemudian kamu mahu menjualkannya?

Dari sini jelaslah bahawa *"Mu'asarah"* dari tuan dengan jariahnya hingga mendapatkan anak, merupakan salah satu jalan yang praktikal dan berkesan untuk membasmi perhambaan pada diri jariah dan keturunannya sehingga ke hari qiamat. Mungkin berasaskan tujuan inilah, Islam membolehkan setiap tuan yang memiliki jariah-jariah tidak dibataskan bilangannya dan tanpa melalui 'aqad nikah. Ini adalah semata untuk membuka jalan seluas-luasnya kepada pembebasan hamba-hamba di kalangan manusia.

Dari Diri Hamba Sendiri dengan Membuat Persetujuan Mukatabah

Antara cara untuk pembebasan hamba ialah dengan membuat persetujuan antara tuan dan hambanya untuk membebaskan dirinya dengan syarat pihak hambanya menjelaskan bayaran yang tertentu dalam masa yang ditentukan. Kepada *"hamba mukatab"* itu tadi Islam telah memberikan segala kemudahan untuk mendapat wang, seperti dibenarkan dari segi undang-undang untuk membuat perjanjian jual beli dan perniagaan lain yang sama taraf haknya sebagai seorang yang merdeka sehingga ia dapat mengumpulkan wang yang diperlukan. Di samping itu Islam menggalakkan umat Islam seluruhnya supaya memberikan bantuan dan derma, berdasarkan firman Allah:

وَالَّذِيْنَ يَبْتَغُوْنَ الْكِتٰبَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمٰنُكُمْ فَكَاتِبُوْهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيْهِمْ
خَيْرًا وَءَاتُوْهُمْ مِّنْ مَّالِ اللهِ الَّذِىْ ءَاتٰكُمْ.

Terjemahan: Dan hamba-hamba sahaya kaum (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekakan dirinya (dengan jumlah bayaran yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka, jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik (yang melayakkannya berbuat demikian),

dan berilah kepada mereka harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu.

(Al-Nur, 24:33)

Melalui Kekuasaan Negara

Selain tuan hamba dan hamba sendiri yang sama-sama mengambil tugas masing-masing untuk membasmi perhambaan di kalangan manusia, pemerintah dan negara Islam itu sendiri; pertama melalui saluran undang-undang dan hukuman-hukuman yang menentukan bahawa setengah-setengah denda dan ganti rugi dari kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh anggota masyarakat hendaklah dijelaskan dengan pembebasan hamba (*Fakk al-Raqabah*) seperti:

(a) Kesalahan kerana membunuh tanpa sengaja berdasarkan firman Allah:

وَمَاكَانَ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلاَّ خَطَئًا وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَئًا فَتَحْرِيرُ
رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُّسَلَّمَةٌ إِلَىٰٓ أَهْلِهِ إِلآَّ أَنْ يَصَّدَّقُوْا.

Terjemahan: Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin (yang lain), kecuali dengan tidak sengaja, dan sesiapa yang membunuh seseorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kifarah) dengan memerdekakan seorang hamba sahaya yang beriman serta membayar "Diyat" (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya).

(Al-Nisa, 4:92)

(b) Kesalahan orang yang tidak menunaikan sumpahnya berdasarkan firman Allah:

لاَيُؤَاخِذُكُمُ اللهُ بِاللَّغْوِ فِىٓ أَيْمَٰنِكُمْ وَلَٰكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَّدْتُّمُ
الأَيْمَٰنَ فَكَفَّٰرَتُهُ إِطْعَامُ عَشَرَةِ مَسَٰكِيْنَ مِنْ أَوْسَطِ مَاتُطْعِمُوْنَ أَهْلِيكُمْ

أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلٰثَةِ أَيَّامٍ ذٰلِكَ كَفَّارَةُ أَيْمٰنِكُمْ.

Terjemahan: Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehnya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan sungguh-sungguh, maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin, dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba, kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari, yang demikian itu ialah denda penebus sumpah-sumpah kamu apabila kamu bersumpah.

(Al-Maidah, 5:89)

(c) Kesalahan membatalkan puasa kerana ''persetubuhan'' menurut hukum Islam bahawa orang yang melakukan kesalahan ini terpaksa membayar puasanya dua bulan berturut-turut. Jika tidak terdaya hendaklah ia memberi makanan kepada 60 orang fakir dan miskin jika tidak terdaya hendaklah ia membebaskan seorang hamba mukmin.

(d) Kesalahan menyamakan isteri dengan ibu atau muhrimnya yang haram nikah atau *''al-Zihar''* berdasarkan firman Allah:

وَالَّذِيْنَ يُظٰهِرُوْنَ مِنْ نِّسَآئِهِمْ ثُمَّ يَعُوْدُوْنَ لِمَا قَالُوْا فَتَحْرِيْرُ رَقَبَةٍ مِّنْ قَبْلِ أَنْ يَّتَمَآسَّا.

Terjemahan: Dan orang-orang yang menziharkan isterinya, kemudian mereka berbalik daripada apa-apa yang mereka ucapkan (bahawa isterinya itu haram kepadanya), maka hendaklah (suami itu) memerdekakan

seorang hamba abdi sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur.

(Al-Mujadalah, 58:3)

(e) Zakat dalam Islam merupakan salah satu sumber ekonomi negara dan satu sumber perbelanjaan negara. Antara golongan yang menerima peruntukan ini dari belanjawan negara ialah para hamba bagi tujuan membebaskan diri mereka dari perhambaan, berdasarkan firman Allah:

إِنَّمَا الصَّدَقَٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَالْمَسَٰكِينِ وَالْعَٰمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِى الرِّقَابِ وَالْغَٰرِمِينَ وَفِى سَبِيلِ اللهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللهِ وَاللهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ.

Terjemahan: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan 'amil-'amil yang mengurusnya dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan) pada jalan Allah, dan orang-orang yang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan (ketetapan yang datangnya) dari Allah dan (ingatlah) Allah Amat Mengetahui lagi Amat Bijaksana.

(Al-Taubah, 9:60)

Keterangan di atas dengan jelas menunjukkan bahawa pihak negara atau pemerintah mengambil tugas yang penting dalam pembebasan hamba.

Melalui Usaha Masyarakat Islam Umumnya

Tugas membebaskan hamba bukan terbatas kepada tuan hambanya, diri hamba itu sendiri, dari pihak pemerintah dan negara sahaja, tetapi juga adalah tanggungjawab bersama dari setiap yang bebas dan merdeka dalam masyarakat Islam. Islam menggalakkan

setiap orang yang menjadi anggota masyarakat Islam untuk bersama-sama memikul tugas suci ini:

(a) Menurut Islam pembasmian hamba adalah satu *"Qurbah"* satu usaha besar yang boleh mendekatkan diri kepada Allah.

(b) Pembebasan hamba sama ada dengan pembelian atau penebusan adalah salah satu dari amal *"al-Birr"* yang membuktikan sifat taqwa.

(c) Rasulullah s.a.w. sebagai contoh dalam usaha pembebasan hamba kepada setiap umatnya, bukan hanya dalam tindakan dan layanan, tetapi juga perangsang dan galakannya. Rasulullah s.a.w. sentiasa menyebut-nyebut dan menyamakan suatu tugas yang besar itu dengan pembebasan hamba, umpamanya Hadith-hadith yang membayangkan maksud:

Terjemahan: Siapa yang membuat ini seolah-olah ialah membebaskan hamba...

(Riwayat sebahagian Ahli Sunan)

Berpandukan huraian tersebut dapatlah disimpulkan cara-cara yang dilaksanakan oleh Islam dalam usaha membasmikan perhambaan di kalangan umat manusia. Cara-cara itu dapat ditegaskan dengan bukti yang jelas bahawa Islam mengakui sistem hamba bukan dalam bentuk suatu kebenaran yang mesti dipertahankan dan mesti diperkenalkan selama-lamanya, tetapi dalam bentuk dan sifatnya yang hanya sementara waktu sahaja sebagai suatu gejala kemasyarakatan yang mungkin diperlukan pada waktu dan keadaan tertentu. Islam hanya mengakui dalam bentuk-bentuk yang akan menyempitkan punca perhambaan, dan akan membuka pintu gerbang pembebasan yang seluas-luasnya melalui segala peraturan dan undang-undang; melalui kesedaran dan kerelaan yang melibatkan seluruh umat Islam, meliputi pihak diri hamba sendiri, dan pihak pemerintah yang berkuasa atau negara. Dengan cara-cara yang dilaksanakan itu sudah pasti perhambaan akan dapat dibasmi tanpa menimbulkan masalah sama ada masalah psikologi atau sosial.

Dalam keadaan yang sedemikian pun Islam masih belum ber-

puas hati kerana Islam tetap mengawal hamba-hamba yang masih menunggu masa dan peluang untuk memerdekakan dirinya dengan peraturan yang penuh rasa kemanusiaan dan kemesraan, dengan undang-undang yang dapat melindungi mereka dari kezaliman tuannya, dan juga dengan jaminan-jaminan untuk menikmati hak-hak kebebasan dan maruah kemuliaannya sebagai manusia.

Hak Kemanusiaan Kepada Hamba

Islam mengiktiraf "kemanusiaan hamba" bukan sebagai benda-benda. Diberikan kepadanya sebahagian daripada hak sosial yang sama dinikmati oleh orang yang bebas dan merdeka, seperti hak kekeluargaan menurut erti dan istilah undang-undang yang sebenar. Seorang hamba laki-laki *(al-Raqiq)* dibenarkan berkahwin dengan seorang perempuan sama ada dari hamba perempuan "*al-Amah*" ataupun yang merdeka. Demikian juga seorang hamba perempuan dibenarkan berkahwin dengan laki-laki hamba, juga laki-laki merdeka dengan syarat dan 'aqad yang sama ada syarat dan 'aqad orang yang merdeka. Hak ini termaktub dalam al-Qur'an:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ إِنْ يَكُونُوا
فُقَرَاءَ يُغْنِهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ.

Terjemahan: Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) di antara kamu, dan orang-orang yang salih dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan, jika mereka miskin, Allah akan memberikan kekayaan kepada mereka dari limpah kurnianya, kerana Allah Amat Luas (rahmatnya dan limpah kurnianya) lagi Amat Mengetahui.

(Al-Nur 24:32)

Inilah hak-hak kemanusiaan yang tidak dipunyai dan diberikan oleh sebarang undang-undang sebelum Islam. Kalaupun ada perhubungan antara mereka (hamba lelaki dan perempuan) maka perhubungan itu hanya semata-mata dengan kehendak dan kemahuan tuannya yang bertujuan hanya untuk pembiakan hamba,

sama seperti pembiakan binatang ternakan layaknya. Sementara itu hamba lelaki tidak dibenarkan mengahwini perempuan merdeka demikian sebaliknya. Bahkan mereka yang melakukan perkahwinan tersebut layak menerima hukuman sehingga hukuman bunuh dalam undang-undang Rumawi. Samalah halnya dengan hukuman bunuh yang dijalankan oleh negeri Afrika Selatan ke atas orang-orang kulit hitam yang berkahwin dengan orang kulit putih.

Islam memberikan hak menceraikan talaq kepada suami yang bertaraf hamba, tidak kepada tuannya. Islam memberikan hak sivil dalam bidang ekonomi terutama kepada *"Hamba Mukatab"*, dalam semua sektor perekonomian untuk mendapat wang bagi membayar dirinya seperti yang telah dipersetujui di antara dirinya dengan tuannya.

Pesanan Agama dalam Melayani Hamba Kepunyaan Tuannya

Islam telah mengatur sikap dan tindakan tingkah laku yang baik dan penuh rahmat kepada hamba-hamba. Islam membuat pesanan kepada umatnya (tuan hamba) agar memberikan layanan yang baik kepada hambanya, dan meminta agar mereka itu dianggap sebagai sebahagian daripada anggota keluarganya sendiri. Terdapat ayat al-Qur'an berhubung dengan perkara ini:

وَاعْبُدُوْا اللهَ وَلاَ تُشْرِكُوْا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوٰلِدَيْنِ إِحْسٰنًا وَبِذِى الْقُرْبٰى
وَالْيَتٰمٰى وَالْمَسٰكِيْنِ وَالْجَارِذِى الْقُرْبٰى وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ
بِالْجَنْبِ وَابْنِ السَّبِيْلِ وَمَامَلَكَتْ أَيْمٰنُكُمْ إِنَّ اللهَ لاَ يُحِبُّ مَنْ كَانَ
مُخْتَالاً فَخُوْرًا.

Terjemahan: Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah, dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa jua dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat; dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang-orang musafir yang terlantar

dan (juga) hamba sahaya yang kamu miliki, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong, takbur dan membangga-banggakan diri.

(Al-Nisa', 4:36)

Banyak Hadith Rasulullah yang menjelaskan maksud ayat tersebut dengan lebih lanjut, seperti:

إِخْوَانُكُمْ خَوْلُكُمْ (اىْ عَبِيْدِكُمْ) جَعَلَهُمُ اللهُ تَحْتَ اَيْدِيْكُمْ وَلَوْ شَاءَ لَجَعَلَكُمْ تَحْتَ اَيْدِيْهِمْ فَمَاكَانَ اِخْوَةٌ تَحْتَ يَدِهِ فَلْيُطْعِمْهُ مِمَّا يَطْعَمْ، وَيُلْبِسْهُ مِمَّا يَلْبَسْ وَلاَ تُكَلِّفُوْهُمْ مَا يَغْلِبُهُمْ. فَاِنْ كَلَّفْتُمُوْهُمْ فَاَعِيْنُوْهُمْ.

Terjemahan: Saudara kamu ialah hamba kamu, Allah telah menjadikan (meletakkan) mereka di bawah tangan kamu (kekuasaan kamu) kiranya Allah berkehendak, nescaya kamu diletakkan di bawah tangan mereka, maka sesiapa saudaranya (hubungan) yang berada di bawah tangannya hendaklah memberi makan dan pakaian dari makanan dan pakaian yang dimakan dan dipakainya, dan janganlah ditugaskan dengan kerja yang tidak upaya dipikulnya. Jika kamu berikan tugas hendaklah kamu bantu.

Hadith lain yang bermaksud:

Janganlah ada di antara kamu orang yang menyatakan: Ini hamba-hambaku lelaki dan hamba-hambaku yang perempuan, tetapi katakanlah: Ini anak lelaki aku ini anak perampuanku dan ini anak hasilku.

(Hadith: Aqqad, Hawa'iq al-Islam, hlm 205)

Hadith yang lain bermaksud:

Selalu Jibril berpesan kepadaku tentang hamba-hambaku

sehingga aku sangka bahawa manusia itu tidak boleh dijadikan khadam dan hamba.

(Sumber yang sama)

Daripada Hadith-hadith tadi dapat disimpulkan bahawa al-Qur'an menganjurkan agar manusia berlaku ihsan kepada hamba-hamba-hamba sebagaimana berlaku ihsan terhadap ibu bapa dan lain-lain:

1. Islam menganggap mereka adalah anggota keluarga sebagai saudara yang berhak menerima layanan seperti saudara dalam keluarga kita, sama ada makanan, pakaian atau lain-lain.
2. Anggapan seperti ini hendaklah dibuktikan bukan sahaja dalam layanan, tetapi juga dalam ucapan dan panggilan sebagai satu saranan yang akan berkesan untuk mengubah dan mewujudkan sikap dan anggapan yang dianjurkan oleh Islam.
3. Dapat difahamkan dari Hadith tadi bahawa makna milik pada hamba tidak menepati istilah milik yang sebenarnya, tetapi hanya satu *''kuasa''* yang diberikan oleh Allah ke atas anak-anaknya, yang lebih merupakan sebagai satu tugas kemasyarakatan yang wajib ditunaikan dengan sebaik-baiknya. Setiap kekurangan dan pengabaian dalam menjalankan tugas tersebut akan dihisab oleh Allah yang Maha Mengetahui.

Perlindungan yang Diberikan oleh Islam

Agama Islam menegah dengan sekeras-kerasnya ke atas para tuan dari menyeksa dan menzalimi para hambanya. Setiap hamba yang terzalim berhak mengemukakan ke mahkamah pengadilan untuk mendapatkan perlindungan daripada penyeksaan tuannya. Para ahli undang-undang Islam seperti Imam Ahmad bin Hambal r.a. telah menentukan hukum-hukum bahawa penyeksaan yang dilakukan kepada hamba-hamba adalah menjadi alasan kepada

pembebasan hamba tersebut dengan serta merta sehingga dengan tidak memerlukan.

Perlindungan-perlindungan lain yang diberikan oleh Islam ialah persamaan dalam hukuman dari kesalahan dan jenayah antara hamba dan orang yang merdeka, sehinggakan hukuman dalam jenayah membunuh, menurut Imam Abu Hanifah adalah sama antara hamba dan orang yang merdeka. Seorang yang merdeka yang melakukan kesalahan jenayah membunuh hamba, hamba itu akan menerima peruntukan undang-undang sebgai orang yang merdeka juga, seperti yang tersebut dalam ayat al-Qur'an (terjemahan):

> *Dan kami telah maktubkan (tetapkan) ke atas mereka di dalamnya, bahawasanya jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dibalas dengan mata, hidung dibalas dengan hidung, gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka pun ada qisasnya. Barang sesiapa yang melepaskan qisasnya maka itu menjadi kafarah baginya (penebus dosanya). Sesiapa yang tidak menjalankan hukuman dengan mengikut hukum yang diturunkan oleh Allah maka mereka adalah orang-orang yang zalim.*

Jaminan Islam kepada Hamba yang telah Merdeka

Islam bukan hanya setakat berusaha untuk membasmi perhambaan di kalangan manusia di dunia, melalui cara-cara yang telah dijelaskan dengan lanjut tadi, juga melalui semua pihak dalam masyarakat Islam, tetapi lebih daripada itu iaitu Islam telah mengatur peraturan-peraturan dan undang-undang agar para hamba yang menghadapi hidup baru dalam kebebasan akan terjamin kebebasannya dan terjamin kehormatannya sebagai seorang manusia yang bebas merdeka.

Jaminan tersebut ialah dengan menguatkan keyakinannya bahawa hamba yang telah dimerdekakan oleh tuannya adalah menjadi sebahagian daripada anggota dalam keluarga tuannya, yang mempunyai persamaan hak dan tanggungjawab, juga mempunyai persamaan kedudukan dalam masyarakat. Dengan ini bererti bahawa hamba yang telah dimerdekakan tidaklah bermakna bahawa perhubungan antara hamba dan tuannya itu terputus, sebaliknya

perhubungan itu tetap kekal malahan lebih erat lagi sebagai anggota dalam keluarganya menurut kuatkuasa undang-undang. Keluarga inilah tempat perlindungan kepada kebebasannya, tempat untuk mempertahankan diri dari ancaman dan pencerobohan ke atas dirinya. Tegasnya tuannya semasa hamba adalah ayah semasa merdeka.

Peraturan ini mencerminkan dengan tepat tentang prinsip kemanusiaan. Oleh kerana pada kebiasaannya hamba tidak berkeluarga, maka Islam telah mengkanunkan bahawa keluarga tuannya itu adalah keluarganya, menjadi tempat mengadu dan menggantungkan harapan hidup masa depannya, seperti yang ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. (terjemahan):

> *"Setiap hamba pada setiap kaum adalah dari golongan mereka juga."*

Khalifah Sayyidina Umar al-Khattab r.a. ketika diminta agar mencalonkan bakal pengganti jawatan khalifah beliau berkata: *"Kalaulah Salim bekas hamba Hudhaifah masih hidup, nescaya akan kulantik dia."* Salim disebut oleh Sayyidina Umar itu ialah salah seorang daripada sahabat yang dihormati pada mulanya menjadi hamba kepada Abu Salim Hudhaifah al-Qurasyi. Manakala dimerdekakan beliau telah menjadi salah seorang daripada anggota keluarga bekas tuannya dahulu, dan mempunyai persamaan hak sehingga layak menerima jawatan yang paling tinggi dalam negara Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa banyak tokoh agung dalam Islam adalah bekas hamba atau *"Maula"*, seperti gabenor dan panglima Islam yang membuka Afrika Utara. Musa bin Nusair, dan juga panglima perang tentera Islam ke tanah Eropah, Tariq bin Ziyad dan lain-lain lagi.

Keunikan Sistem Perundangan Islam

Dari penjelasan yang agak lanjut itu dapat disimpulkan bahawa Islam tidak menggubal undang-undang perhambaan, tetapi undang-undang itu lahir untuk menghadapi masalah perhamban di kalangan masyarakat manusia yang telah sebati dalam sistem kehidupan mereka. Islam tidak mengakui sistem perhambaan ini sebagai suatu

hakikat yang mutlak, tetapi sebagai satu kepincangan dalam masyarakat manusia yang perlu diubati dan dibasmi. Dalam melaksanakan tugas itu Islam terpaksa mengambil cara diplomasi dan berperingkat-peringkat, kerana hanya dengan jalan ini tindakan pembasmian akan lebih berjaya dan berkesan; lebih diterima oleh semua golongan dan lebih terselamat dari gejala-gejala buruknya dan kepincangan yang akan menimpa masyarakat dan negara itu sendiri. Cara-cara pembasmiannya telah diatur dan disusun dalam satu sistem perundangan yang sungguh unik sekali, yang tidak pernah pun dibuat dan dicapai sebarang undang-undang manusia di dunia ini sama ada pada zaman sebelum Islam ataupun selepasnya, walau bagaimana tinggi tamadun dan kebudayaan yang telah dicapainya.

Dengan keterangan di atas tadi, maka diharapkan tidak akan ada lagi yang mungkin terpengaruh dengan diayah terhadap Islam, yang sengaja dibuat-buat oleh golongan materialis dan eties dengan berselindung di sebalik slogan: *"Hak-hak kebebasan sivil manusia"*.

BIBLIOGRAFI

1. Al-Quran dan Tafsir

Al-Quran al-Karim

Abu Al-Fida', 1976. Ismail bin Kathir. Tafsir *al-Quran al-'Azim,* Cairo : Mustafa al-Halabi.

Jalaluddin bin Muhammad dan Jalaluddin Abd. Rahman. 1966. *Tafsir al-Jalalain,* Beirut : Dar al-Ma'rifah.

Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. t.t. *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran,* Cairo : Matb'ah al-Maimuniyyah.

Al-Qurtubi, Abu Abdullah al-Ansari. 1975. *al-Jami' Li ahkam al-Quran,* Cairo : Mustafa al-Halabi.

Al-Khazin, Ala al-Din al-Baghdadi. t.t. *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ni al-Tanzil,* Cairo : al-Maktabah al-Tijariyyah.

Al-Nisaburi, Nizam al-Din al-Hasan bin Muhammad. t.t. *Tafsir al-Nisaburi,* Beirut : al-Maktabah al-Thafafiyyah.

Al-Zamakhsyari, Abi al-Qasim Jad al-Allah Muhammad bin Umar. t.t. *Al-Kasysyaf 'an Haqaiq al-Tanzil,* Cairo : al-Dar al-Alineiyyah.

Al-Alusi, Abu al-Fadz Syihabuddin Mahmud. t.t. *Ruh al-Maa'ni,* Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.

Sayyid Qutb, 1391H. *Fi Zilal al-Quran,* Beirut : *Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.*

Al-Arabi, Abu Bakar. t.t. *Ahkam al-Quran,* Cairo : Mustafa al-Halabi.

Al-Sais, Muhammad Ali. 1373H. *Tafsir ayat al-Ahkam,* Cairo, Maktabah al-Azhariyyah.

Al-Sabuni, Muhammad Ali. t.t. *Tafsir Ayat al-Ahkam.* Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi.

2. **Hadith**

Al-Bukhari, (256H). *Sahih al-Bukhari* Cairo : al-Matba'ah al-Khairiyah, 1320H.

Muslim (261H). 134H/1955M. Ed. Muhammad Fuad Abdul Baqi. *Sahih, Muslim* Cairo : Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Abu Daud (275H). 1369H/1950M. *Al-Sunan, Abu Daud* Cairo : Matba'ah al-Sa'adah.

Ibn Majah (275H). Ed Muhammad Fuad Abdul Baqi. 1972. *Al-Sunan, Ibn Majah* Cairo : Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Al-Tirmidhi, (279H). t.t. *Al-Jami'* Cairo : Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Al-Tabarani, (360H). *Al-Mu'jam al-Ausat.* (Bahan belum bercetak).

Ibn Hanbal, Ahmad (241H). *Al-Musnad.* Cairo : al-Matba'ah al-Maimaniyah, 1313H.

Al-Nassa'i, (303H). 1383H/1964M. *Al-Sunan, al-Nasa'i* Cairo : Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Al-Baji, (493H). 1332H. *Al-Muntaqa.* Cairo : Matba'ah al-Sa'adah.

Al-Baihaqi, (458H). 1354H. Al-Sunan al-Kubra. Haidar Abad: Darirah al-Ma'arif al-Nidhamaih.

Al-Syaukani, (1250H). 1391H/1971 *Nail al-Autar.* Cairo : Matba'ah Mustafa al-Halabi.

Ibn Hibban. 1388H/1968 *Sahih Ibn Hibban* Cairo : al-Maktabah al-Salafiyah.

3. **Fiqh Mazhab Syafi'i**

Al-Ansari, Abu Yahya Zakariyya. t.t. *Fath al-Wahhab.* 2 Juzu'. Mesir : Dar Ihya' al-Khutub al-'Arabiyyah.

Al-Muti'iy, Muhammad Najib, t.t. *al-Majmu'.* 20 Juzu'. Mesir: Matba'ah al-Imam.

Al-Muzaniy, Abu Ibrahim bin Yahya. t.t. *Mukhtasar.* Beirut : Dar al-Ma'rifah.

Al-Nawawi, Abu Yahya bin Syaraf. 1958. *Minhaj al-Talibin.* Mesir : Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Ramli, Ibnu Syihabu'd-Din. 1967. *Nihayah al-Muhtaj.* Cetakan Akhir 8 Jilid. Mesir : Maktabah Wa Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Sayyid 'Abd ar-Rahman bin Muhammad bin Husain bin 'Umar. 1952. *Bughyah al-Mustarshidin.* Mesir : Maktabah wa Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Sayyid al-Bakry. t.t. *I'anah at-Talibin.* 4 juzu'. Mesir : Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

Al-Sayyuti, Jalalu'd-Din 'Abd ar-Rahman. 1959. *al-Ashbah wa an-Naza'ir.* Mesir : Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. 1973. *al-Umm.* Cetakan Kedua. 8 juzu'. Beirut : Dar al-Ma'rifah.

Al-Sya'rani, Abu al-Muwahib 'Abd al-Wahab bin Ahmad. 1981. *Mizan al-Kubra.* 2 Juzu'. Beirut : Dar al-Fikr.

Al-Syarbini, Muhammad al-Khatib. 1958. *Mughni al-Muhtaj.* 4 juzu'. Mesir : Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin 'Aluj bin Yusuf. t.t. *al-Muhadhdhab.* Mesir : Matba'ah 'Isa al-Babiy al-Halabi.

Ibnu Hajar al-Haytamiy, Abu al-'Abbas Ahmad Shihabu'd-Din. 1347H. *Fath al-Jawwad bi Sharhi al-Irshad.* Mesir : Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Qalyubiy wa 'Umayrah, Shihabu'd Din Ahmad bin Ahmad bin

Salamah dan Shihabu'd Din Ahmad al-Barlasiy. 1956. *Hashiyatani Qalyubiy wa 'Umayrah*. Cetakan Ketiga. 4 Jilid. Mesir : Maktabah wa Matba'ah Mustaffa al-Babiy al-Halabi.

Sheikh, Zainu'd Din bin 'Abd al-'Aziz. t.t. *Fath al-Mu'in bi Sharhi Qurratu al-'Ain*. Mesir : Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.

4. **Umum**

'Abd al-Qadir 'Audah. 1383H/1963. *Al-Tashri' al-Jina'i al-Islami*. Cairo : Maktabah Dar al-'Urubah.

'Abd al-Karim Zaidan. 1396H/1976M. *Ahkam al-Dhimmiyin wa al Mustaminin fi Dar al-Islam*. Ed. II. Baghdad : Maktabah al-Quds.

Husni al-Kharbutli. 1389H/1969M. *Al-Islam wa Ahl al-Dhimmah*. Cairo : al-Majlis al-A'la li al-Shu'un al-Islamiyah.

Al-Maududi. (1400H). t.t. *Huquq Ahl al-Dhimmah fi al Daulah al-Islamiyah*. Beirut : Dar al-Fikr.

Yusuf al-Qardawi, 1378H/1969M. *Fiqh al-Zakah*. Beirut : Dar al-Irshad.

Al-Tabari, (310H). t.t. *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Cairo : al-Matba'ah al-Husainiyyah.

Ibn al-Athir (606H). 1303H. *Al-Kamil fi al-Tarikh*. Cairo : Matba'ah al-Maimaniyyah.

Al-Baladhuri, (279H.). 1319H/1910M. *Futuh al-Buldan*. Cairo .

Al-Sayuti, (911H). 1387H/1967. *Husn al-Muhadarah*. Cairo : Matba'ah 'Isa al-Halabi.

Ibn Kathir (774H). 1966. *Al-Bidayah wa al-Nihayah* Beirut : Matba'ah al-Ma'arif.

Ibn 'Asakir (571H). 1951. *Tarikh Madinah Dimasyq*. Damsyik : Cetakan Damsyik.

Ibn Khalikan (681H). 1972. *Wafayat al-A'yan* Beirut : Dar al-Thaqafah.

Al-Ya'qubi, (192H). 1893. *Mu'jam al-Buldan.* Leiden.

Ibn 'Abd al-Hakam (257H). 1922. *Futuh Misr.* Leiden.

Al-Asfahani. t.t. *Al-Aghani.* Beirut : Dar al-Thaqafah.

Ibn Abi Usaiba'ah. 1955. *Tabaqat al-Atibba'.* Cairo.

Gustav Lobon. t.t. Terj. 'Adil. Ed. II. *Hadarah al-Arab.* Cairo : Matba'ah al-Halabi.

Adam Mitz. Terj. Muhammad Abd al-Hadi Abd al-Ridah. 1947. Ed. II. *Al-Hadarah al-'Arabiyyah fi al-Qarn al-Rabi' al-Hijri.* Cairo.

Will Durant, 1965–1972M. *Qissat al-Hadarah, Jami'at al-Duwal al-'Arabiyyah,* Cairo.

Thomas W. Arnold, Sir. Terj. Hasan Ibrahim Hasan dan dua rakannya. 1957. *Al-Da'wah ila al-Islam.* Cairo : al-Maktabah al-Nahdah al-Misriyah.

Muhammad al-Ghazali. t.t. *Kifah al-Din.* Cairo.

Muhammad al-Ghazali. t.t. *Al-Islam fi Wajh al-Zahf al-Ahmar.* Cairo.

Mahmud Syakir. t.t. *Ariteria wa al-Habasyah.* Aman.

Nadim al-Baitar. t.t. *Al-Aidolojiyyah al-Inqilabiyyah.* Beirut : al-Muassasah al-Ahliyyah li al-Tabi'ah wa al-Nasyr.

Muhammad 'Abduh (1323H). 1323H Ed. VIII. *Al-Islam wa al-Nasraniyyah.* Cairo.

Ahmad al-Syalabi. 1967. *Al-Masehiyyah.* Cairo : Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

INDEKS